



Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

(Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)



**PELAN
PEMBANGUNAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA
2013 - 2025**

(PENDIDIKAN PRASEKOLAH HINGGA LEPAS MENENGAH)

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2013

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
(Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)

ISBN 978-983-3444-53-3



Diterbitkan oleh:
Kementerian Pendidikan Malaysia
Blok E8, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604, Putrajaya Malaysia.
www.moe.gov.my

PRAKATA



Pendidikan ialah penyumbang utama pembangunan modal sosial dan ekonomi negara. Pendidikan juga merupakan pencetus kreativiti dan penjana inovasi yang melengkapkan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja, dan menjadi pengupaya perkembangan ekonomi keseluruhannya. Sehubungan dengan itu, Kerajaan perlu memastikan sistem pendidikan negara berfungsi secara berkesan untuk menjayakan Model Baru Ekonomi, Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan yang menjadi asas perkembangan ekonomi negara dalam persaingan ekonomi global.

Sistem pendidikan kita merupakan tunjang pembangunan negara. Sistem ini telah menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada generasi kini dan generasi sebelumnya bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan memakmurkan negara.

Sesungguhnya, kejayaan sistem pendidikan adalah hasil kegigihan dan dedikasi para guru, pengetua, pentadbir, pegawai, dan kakitangan sokongan yang menjadi teras kekuatan Kementerian Pendidikan sejak dahulu hingga kini. Bakti yang telah dicurahkan oleh mereka tidak dapat disangkal oleh mana-mana pihak. Dalam tempoh lebih 55 tahun negara mencapai kemerdekaan misalnya, kita menyaksikan peningkatan yang ketara dalam pelbagai peringkat pendidikan. Negara boleh berbangga dengan kejayaan kita menyediakan pendidikan rendah dan menengah rendah yang telah mencapai tahap hampir sejagat. Kejayaan negara menyediakan peluang pendidikan dalam tempoh yang singkat selepas merdeka telah diakui dan diiktiraf oleh pertubuhan antarabangsa, seperti UNESCO dan Bank Dunia.

Dalam usaha mencapai aspirasi yang tinggi dalam persekitaran persaingan global yang semakin sengit, kita tidak boleh lalai. Oleh itu, Malaysia perlu melaksanakan perubahan besar terhadap keseluruhan sistem pendidikan semasa untuk melonjakkan pencapaian semua murid. Tidak dinafikan bahawa proses pelaksanaan transformasi pendidikan memerlukan pendekatan dan strategi baharu agar setiap murid mampu memiliki dan menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21. Oleh yang demikian, transformasi pendidikan bukan sekadar menambah bilangan kakitangan dan kemudahan, malah perlu menjurus kepada usaha untuk memahami dan menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran.

Dalam usaha mencapai hasrat tersebut, Kerajaan mengambil langkah menggubal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Pelan ini menyediakan kerangka pembangunan yang menyeluruh untuk menzahirkan transformasi sistem pendidikan secara pantas dan mapan sehingga tahun 2025. Bersandarkan inisiatif yang telah diperkenalkan bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara, Pelan ini menggariskan perubahan besar yang kita hasratkan. Antara lain, perubahan yang dimaksudkan merangkum aspek pendekatan pembelajaran murid, kaedah pemilihan guru, latihan guru, penyediaan ganjaran kepada guru dan pemimpin sekolah, dan pendekatan pengoperasian Kementerian. Pelan ini dengan jelas

menggambarkan faktor penambahbaikan penting bagi setiap langkah dalam perjalanan transformasi yang bakal dilalui.

Kesemua matlamat ini melambangkan cita-cita kita yang tinggi. Namun, saya yakin kita berupaya mencapainya. Hal ini termasuklah memastikan enrolmen sejagat pada pelbagai peringkat pendidikan, iaitu daripada prasekolah hingga menengah atas dalam tempoh 10 tahun akan datang, mengurangkan separuh jurang pencapaian antara kelompok kaya dengan miskin, bandar dengan luar bandar, dan antara negeri dalam tempoh yang sama, meningkatkan kedudukan pencapaian negara daripada kelompok sepertiga terbawah kepada kelompok sepertiga teratas dalam kalangan negara yang menyertai pentaksiran peringkat antarabangsa, seperti PISA dan TIMSS, dalam tempoh 15 tahun akan datang, dan membina sistem pendidikan yang mengasuh kanak-kanak untuk menghargai keunikan identiti sebagai warganegara Malaysia. Secara keseluruhannya, hasrat ini mesti dicapai melalui pengagihan sumber yang terancang dan teliti, dan seterusnya memastikan setiap ringgit dibelanjakan untuk meningkatkan keberhasilan dan kemenjadian murid.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan dan semua pihak yang menyumbang kepada pembinaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini. Saya akui bahawa bukanlah mudah untuk melaksanakan transformasi sistem pendidikan, dan kita bakal berdepan dengan pelbagai cabaran sepanjang tempoh pelaksanaannya.

Tetapi percayalah, bukan sahaja Kerajaan dan Kementerian Pendidikan yang komited untuk mencapai kesemua matlamat ini, malah saya secara peribadi juga komited. Dengan berganding bahu bersama-sama rakyat, saya amat yakin bahawa kita akan terus tabah dan dapat memastikan setiap matlamat berjaya dicapai. Daripada ibu bapa, anggota masyarakat sehinggalah sektor swasta, kita semua mempunyai peranan dalam meningkatkan kualiti sistem pendidikan negara yang akan membantu menyemai benih kejayaan anak kita, yang dapat kita laksanakan dengan bangganya.

Insya Allah, marilah kita harungi perjalanan yang menguja, mencabar dan amat penting ini secara bersama, sebagai satu bangsa.



Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia



Kerajaan komited melaksanakan transformasi sistem pendidikan negara untuk tempoh 15 tahun akan datang. Transformasi pendidikan ini bermatlamat melengkapkan setiap murid di negara kita dengan segala kemahiran baharu yang diperlukan oleh mereka untuk merebut peluang dan menangani cabaran abad ke-21. Dalam usaha kita untuk bersaing dengan negara termaju di dunia, sistem pendidikan kita perlu berupaya melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan pada peringkat global. Tidak kurang pentingnya, setiap murid di negara kita perlu diterapkan dengan nilai, etika, dan rasa tanggungjawab sebagai warganegara, agar mereka dapat membuat pilihan yang tepat untuk diri mereka, keluarga, dan negara, serta berupaya mengharungi dan mengatasi cabaran masa depan.

Untuk menghasilkan anjakan pencapaian seperti yang dihasratkan, kita perlu bersandarkan kemajuan yang telah dizahirkan dalam keseluruhan sistem, menyebarkan manfaat kemajuan tersebut secara lebih menyeluruh, terutamanya kepada kumpulan murid yang terpinggir, dan membantu semua murid mencapai kejayaan. Kementerian Pendidikan akan menggembeleng segala sumber untuk melakukan perubahan dengan cara yang berbeza terhadap perkara yang paling penting, iaitu kemenjadian murid. Strategi Kementerian adalah memberikan keutamaan kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran, akses kepada maklumat yang boleh dipercayai dan bermakna, kebertanggungjawaban dan ketelusan, serta persekitaran dan infrastruktur pembelajaran yang sesuai.

Kementerian akan memastikan semua kanak-kanak yang memasuki alam persekolahan berpeluang mengikuti pendidikan awal, tanpa mengira status sosioekonomi mereka. Kita komited untuk meningkatkan jumlah dan kepelbagaian institusi pendidikan prasekolah demi menjamin penyertaan meluas semua kanak-kanak, sekali gus meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak di seluruh negara.

Kualiti pengajaran merupakan wahana paling berkesan untuk mentransformasikan pendidikan rendah dan menengah, dan selanjutnya meningkatkan keberhasilan murid. Kementerian beriltizam untuk meningkatkan kualiti pengajaran di sekolah dengan memperkukuh amalan terbaik sedia ada, dan memberikan ganjaran kepada guru berkualiti dalam bentuk laluan kerjaya yang lebih baik untuk mereka. Laluan ini mestilah menyokong pembangunan kerjaya guru yang melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Oleh itu, Kementerian juga akan menyemak semula kurikulum pendidikan untuk menerap dan membangunkan kemahiran abad ke-21, seperti berfikiran kritis dan kreatif, serta menggalakkan perkembangan sahsiah murid yang holistik dan seimbang.

Kecemerlangan kepimpinan profesional merupakan faktor kedua yang mampu meningkatkan keberhasilan pembelajaran murid. Sehubungan dengan itu, usaha akan dilakukan untuk memperkasa kepimpinan sekolah menerusi pemantapan kaedah pemilihan, latihan persediaan, dan program pementoran sokongan.

Kementerian turut menetapkan matlamat menyediakan pelbagai bantuan dan sokongan kepada setiap sekolah, khusus mengikut konteks dan keperluan yang berbeza, misalnya membaiki infrastruktur sekolah, terutama di Sabah dan Sarawak untuk menyokong pembelajaran murid. Langkah ini akan memastikan setiap sekolah menerima pelbagai bentuk

sokongan yang diperlukan. Sementara itu, sekolah berprestasi tinggi berpeluang mendapat autonomi dalam membuat keputusan mengurus sekolah agar dapat meningkatkan pencapaian secara berterusan mengikut kemampuan masing-masing.

Langkah mewujudkan jalinan kerjasama perlu pada setiap keadaan. Sehubungan dengan itu, Kementerian memberikan tumpuan kepada usaha menyediakan peluang yang luas untuk generasi muda Malaysia menguasai pelbagai keupayaan, bakat, dan minat masing-masing. Sebagai contoh, memperkasa laluan untuk pendidikan vokasional dengan menyediakan kemahiran praktikal yang diperlukan dalam bidang keusahawanan dan bidang lain yang menuntut kepakaran khusus. Kementerian juga akan terus menyediakan peluang dan laluan terbaik untuk murid sekolah agama, sukan, seni, dan laluan pendidikan lain. Keterangkuman sistem akan ditambah baik melalui peluang dan sumber yang disediakan untuk murid berkeperluan khusus iaitu murid pintar cerdas, berkeperluan khas, serta kumpulan peribumi dan minoriti lain.

Dalam usaha melaksanakan transformasi sebesar ini, Kementerian memainkan peranan utama memimpin, menerajui, dan menjalin kerjasama dengan semua sektor yang menyediakan perkhidmatan pendidikan dan pihak berkepentingan untuk melonjakkan pencapaian murid. Saya menghargai dan menyanjung tinggi semua warga kerja Kementerian yang berkhidmat dengan dedikasi dan gigih serta berusaha secara berterusan untuk meningkatkan pencapaian pendidikan dan menjaga kebajikan murid kita.

Sepanjang proses pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Kementerian akan sentiasa memaklumkan kemajuan pelaksanaan dan perjalanan pelan transformasi ini kepada semua rakyat. Untuk memantapkan dan memastikan segala inisiatif dalam Pelan ini dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, Kementerian akan mewujudkan Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) untuk menyokong pelaksanaan program transformasi ini. Kementerian juga akan berkongsi kemajuan transformasi menerusi laporan tahunan yang memberikan tumpuan kepada pencapaian dan jurang yang masih wujud, dengan tindakan pemulihan untuk memastikan peningkatan secara berterusan setiap inisiatif transformasi.

Bagi pihak Kementerian Pendidikan, kami komited untuk merealisasikan wawasan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan akan melakukan yang terbaik untuk menyokong pelaksanaannya. Demi kesejahteraan anak Malaysia, kami boleh melakukan sesuatu yang lebih baik, dan kami pasti akan melakukannya.



Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri
Merangkap Menteri Pendidikan Malaysia

KEBERHA



Kementerian Pendidikan Malaysia terus bertekad untuk meningkatkan pencapaian murid dengan menyediakan sistem pendidikan yang efisien. Peningkatan kualiti, ekuiti dan akses dalam pendidikan akan terus diperkukuh untuk memastikan kelangsungan kejayaan yang telah dicapai sejak negara mencapai kemerdekaan.

HASILAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah menetapkan dengan jelas sasaran yang perlu dicapai dari segi kualiti, ekuiti dan akses dalam tempoh 13 tahun. Perancangan yang teliti dalam jangka masa ini perlu dilakukan melibatkan transformasi pengurusan sumber manusia dan kewangan serta penetapan inisiatif utama yang menjurus kepada keberhasilan murid.

Keutamaan Kementerian adalah bagi memastikan wujudnya keselarian dasar pendidikan dan pelaksanaan. Kefahaman jelas dalam kalangan warga Kementerian dan para pendidik tentang Pelan ini adalah amat perlu agar pelaksanaan program berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan.

Produktiviti sumber menjadi keutamaan kedua Kementerian. Hal ini boleh dicapai dengan meningkatkan kecekapan agihan sumber dan pelaksanaan terhadap program yang memberi impak yang besar kepada peningkatan sistem pendidikan.

Peningkatan kecekapan dan pengurusan sumber akan dapat dilaksanakan secara berkesan dengan

mentransformasi struktur di Kementerian Pendidikan secara keseluruhan. Perubahan ini membolehkan sistem penyampaian di Kementerian lebih telus, responsif dan berfokuskan kepada keberhasilan.

Penstrukturan Kementerian melibatkan usaha mengupaya kebolehan kepimpinan di peringkat Kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah. Pemberian autonomi yang lebih luas kepada JPN dan PPD dilaksanakan dengan diimbangi oleh kebertanggungjawaban yang tinggi di pihak JPN dan PPD. Langkah ini diharapkan memberi impak kepada JPN dan PPD dalam menggerakkan jaringan konstruktif bersama pihak berkepentingan merentas agensi kerajaan, ibu bapa, kumpulan komuniti dan pihak swasta.

Sekalung penghargaan kepada semua warga Kementerian Pendidikan di atas sumbangan gigih dan dedikasi dalam melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Saya percaya Pelan ini dapat dijayakan dengan usaha bersepadu kita sebagai satu pasukan.



Datuk Dr. Madinah binti Mohamad
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia



Pendidikan merupakan perkara utama yang berupaya mempengaruhi pembangunan diri individu dan menyediakan pelbagai peluang dalam mencorakkan kehidupan masa depan. Pendidikan juga mendasari proses pembangunan modal insan yang berinovatif dan berkemahiran tinggi yang merupakan faktor kritikal bagi menyokong pertumbuhan sosial, budaya, dan ekonomi sesebuah negara. Komitmen dan usaha mempertingkatkan kualiti pendidikan merupakan sebahagian daripada pelaburan utama Kementerian ke arah menjamin kesejahteraan rakyat Malaysia pada masa depan. Sehubungan itu, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi mengenal pasti cabaran dan jurang dalam sistem pendidikan kebangsaan, dan seterusnya merangka kaedah penyelesaian terbaik bagi menanganinya. Bersandarkan input ini, Kementerian telah berjaya menghasilkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang menggariskan strategi dan inisiatif bagi mengupayakan peningkatan kualiti sistem pendidikan kebangsaan.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dibangunkan dengan mengambil kira analisis, temu bual, tinjauan, dan kajian yang melibatkan panel pakar pendidikan negara dan antarabangsa, selain turut melibatkan pegawai di Kementerian, guru, pemimpin sekolah, dan ibu bapa. Selain itu, pelaksanaan beberapa siri Dialog Nasional Pendidikan Negara yang dijalankan sejak awal tahun lalu telah berjaya mengumpul input berupa pandangan, idea, dan maklum balas daripada hampir 12 ribu orang yang mewakili kumpulan orang awam dan pelbagai pihak berkepentingan.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 bakal mengupayakan pelaksanaan berkesan inisiatif yang mendokong usaha transformasi sistem pendidikan kebangsaan secara menyeluruh. Perancangan dan inisiatif strategik disusun ke arah mewujudkan satu sistem pendidikan yang menekankan kekuatan, kecekapan, kualiti, kelestarian, serta kejayaan yang dapat dilihat dalam

tempoh terdekat. Sistem pendidikan di Malaysia menjelang tahun 2025 seharusnya berupaya mencapai penyertaan menyeluruh pendidikan peringkat menengah, menempatkan diri pada kedudukan kelompok sepertiga terbaik dalam pentaksiran peringkat antarabangsa, memastikan semua murid menikmati peluang yang sama kepada pendidikan berkualiti, dan seterusnya menyemai identiti nasional dalam kalangan murid.

Strategi pelaksanaan dan sistem sokongan yang mantap, merangkum sistem penyampaian yang berkualiti dan kepimpinan yang cekap dan berkesan adalah kritikal bagi merealisasikan usaha peningkatan kemenjadian murid. Sebagai Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, saya amat yakin melalui sokongan semua pihak berkepentingan dalam dan luar KPM, pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 akan merangsang dan melestarikan usaha transformasi sistem pendidikan Malaysia.



Tan Sri Abd. Ghafar bin Mahmud
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

RINGKASAN EKSEKUTIF

BAB 1

KONTEKS DAN PENDEKATAN

BAB 2

VISI DAN ASPIRASI

BAB 3

PRESTASI SEMASA

BAB 4

PEMBELAJARAN MURID

BAB 5

GURU DAN PEMIMPIN SEKOLAH

BAB 6

TRANSFORMASI KEMENTERIAN

BAB 7

STRUKTUR SISTEM

BAB 8

PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN

LAMPIRAN

ISI KANDUNGAN

RINGKASAN EKSEKUTIF	E-1		
BAB 1 KONTEKS DAN PENDEKATAN			
LATAR BELAKANG PENYEDIAAN PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025	1-2		
OBJEKTIF PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025	1-4		
PENDEKATAN MEMBANGUNKAN PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025	1-4		
GAMBARAN KESELURUHAN PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025	1-7		
BAB 2 VISI DAN ASPIRASI			
ASPIRASI SISTEM PENDIDIKAN	2-1		
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Akses kepada kejayaan ▪ Kualiti standard antarabangsa yang tinggi ▪ Ekuiti untuk semua murid ▪ Memupuk perpaduan dalam kalangan murid ▪ Pelaksanaan berkecekapan tinggi 			
ASPIRASI MURID	2-5		
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengetahuan ▪ Kemahiran berfikir ▪ Kemahiran memimpin ▪ Kemahiran dwibahasa ▪ Etika dan kerohanian ▪ Identiti nasional 			
BAB 3 PRESTASI SEMASA			
AKSES KEPADA PENDIDIKAN		3-1	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Akses hampir sejagat telah dicapai di peringkat rendah dan menengah rendah 			
KUALITI PENDIDIKAN		3-5	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Prestasi murid dalam peperiksaan awam meningkat ▪ Prestasi Malaysia dalam TIMSS ▪ Prestasi Malaysia dalam PISA 2009+ ▪ TIMSS dan PISA menunjukkan bahawa terdapat sekolah berprestasi “Baik” dan “Sangat Baik” di Malaysia yang wajar dikaji dan dicontohi ▪ Peperiksaan awam dan pentaksiran antarabangsa menunjukkan varians dalam standard ▪ Kadar tamat persekolahan untuk satu kohort ▪ Perbezaan persepsi awam tentang kualiti keberhasilan pendidikan ▪ Data sedia ada menunjukkan perkembangan holistik murid sedang berlaku 			
EKUITI DALAM PENDIDIKAN		3-17	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Jurang pencapaian wujud antara negeri dan dalam negeri di seluruh Malaysia ▪ Jurang pencapaian antara sekolah bandar dan luar bandar semakin mengecil ▪ Jurang pencapaian antara sekolah kebangsaan dengan jenis kebangsaan semakin mengecil ▪ Isu prestasi murid lelaki: jurang gender semakin lebar ▪ Status sosioekonomi terus memberi impak besar terhadap prestasi murid ▪ Jurang prestasi murid antara sekolah awam dengan sekolah swasta terus wujud 			
MEMBINA PERPADUAN MELALUI PENDIDIKAN		3-21	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kepelbagaian murid ▪ Kepelbagaian guru di sekolah ▪ Peluang untuk mengukuhkan perpaduan 			
MEMAKSIMUMKAN KECEKAPAN		3-24	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perbelanjaan pendidikan asas Malaysia agak tinggi berbanding negara yang setara dengannya berdasarkan tiga ukuran berbeza 			

BAB 4 PEMBELAJARAN MURID

KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN

4-1

- Kurikulum bertulis
- Kurikulum yang diajar
- Kurikulum yang ditaksir
- Pelan Tindakan: Membentuk dan mengaplikasi kurikulum dan pentaksiran abad ke-21
- Gelombang 1 (2013-2015): Menambah baik kurikulum sedia ada dan membuat persediaan untuk perubahan struktur
- Gelombang 2 (2016-2020) dan Gelombang 3 (2021 - 2025): Melaksanakan kurikulum baharu dan kurikulum semakan semula

SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM)

4-7

- Penilaian enrolmen dan kemahiran dalam STEM
- Pelan Tindakan: Mengukuhkan penyampaian STEM merentas sistem pendidikan
- Gelombang 1 (2013-2015): Mengukuhkan asas pembelajaran
- Gelombang 2 (2016-2020): Membina atas asas yang disediakan
- Gelombang 3 (2021-2025): Melakukan inovasi pada peringkat seterusnya

BAHASA

4-10

- Mentaksir penguasaan kemahiran bahasa di Malaysia
- Pelan Tindakan: Mewujudkan penguasaan kemahiran berbahasa secara meluas
- Gelombang 1 (2013-2015): Memperkukuh sistem sedia ada
- Gelombang 2 (2016-2020): Memperkenal perubahan struktur
- Gelombang 3 (2021-2025): Memperluas perubahan struktur

KUMPULAN BERKEPERLUAN KHUSUS

4-16

- Pendidikan khas
- Pelan Tindakan: Meningkatkan kualiti pendidikan khas dan program inklusif
- Gelombang 1 (2013-2025): Mengukuhkan asas sedia ada
- Gelombang 2 (2016-2020): Meningkatkan pelaksanaan inisiatif
- Gelombang 3 (2021-2025): Menilai dan menyatukan inisiatif
- Sekolah Kurang Murid
- Kumpulan peribumi dan minoriti lain
- Pendidikan untuk murid berprestasi tinggi dan pintar cerdas

PECUTAN PENINGKATAN SEKOLAH

4-24

- Pelan Tindakan: Mempercepatkan peningkatan sekolah melalui negeri dan daerah
- Gelombang 1 (2013-2015): Mentransformasi kepimpinan negeri dan daerah
- Gelombang 2 (2016-2020): Meningkatkan keluwesan operasi untuk JPN, PPD dan sekolah
- Gelombang 3 (2021-2025): Meluaskan hak membuat keputusan

BAB 5 GURU DAN PEMIMPIN SEKOLAH

GURU

5-2

- Demografi tenaga kerja keguruan
- Kualiti pengajaran
- Pemilihan guru
- Latihan praperkhidmatan dan pembangunan profesional berterusan
- Penempatan
- Persekitaran kerja
- Saraan dan pengurusan prestasi
- Pelan Tindakan: Mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan
- Gelombang 1 (2013-2015): Meningkatkan standard dan sistem sokongan
- Gelombang 2 (2016-2020): Mengukuhkan laluan dan kemajuan kerjaya
- Gelombang 3 (2021-2025): Mewujudkan budaya kecemerlangan profesional melalui teladan rakan setugas

PEMIMPIN SEKOLAH

5-13

- Pemilihan pengetua/guru besar
- Demografi kepimpinan sekolah
- Latihan dan pembangunan profesional
- Autonomi kepimpinan sekolah
- Persekitaran kerja sedia ada
- Kemajuan kerjaya dan pengurusan prestasi
- Pelan Tindakan: Memastikan pemimpin sekolah berprestasi tinggi di setiap sekolah
- Gelombang 1 (2013-2015): Meningkatkan standard pemilihan dan sistem sokongan
- Gelombang 2 (2016-2020): Memartabatkan profesion keguruan dan menganjak ke arah kepimpinan teragih
- Gelombang 3 (2021-2025): Mewujudkan budaya kecemerlangan profesional melalui keteladanan rakan setugas

BAB 6 TRANSFORMASI KEMENTERIAN

SISTEM PENYAMPAIAN 6-1

- Penilaian kedudukan semasa
- Pelan Tindakan: Merapatkan jurang pelaksanaan
- Gelombang 1 (2013-2015): Menetapkan semula peranan dan mengukuhkan JPN dan PPD
- Gelombang 2 (2016-2020): Melaksanakan penstrukturan semula Kementerian secara menyeluruh
- Gelombang 3 (2021-2025): Memperkukuhkan kekuatan organisasi

PRODUKTIVITI SUMBER 6-10

- Pelan Tindakan: Memaksimumkan keberhasilan murid untuk setiap ringgit yang dibelanjakan
- Gelombang 1 (2013-2015): Mewajarkan kejayaan segera
- Gelombang 2 (2016-2020): Melaksanakan kecekapan seluruh sistem
- Gelombang 3 (2021-2025): Mengekalkan amalan terbaik

INFRASTRUKTUR SEKOLAH 6-14

- Pelan Tindakan: Mengguna pakai standard seragam untuk infrastruktur sekolah, disesuaikan dengan keperluan setempat
- Gelombang 1 (2013-2015): Memastikan infrastruktur asas berada pada standard “Baik” untuk semua sekolah
- Gelombang 2 (2016-2020): Melengkapkan sekolah untuk menyokong peningkatan penyampaian kurikulum dan pedagogi
- Gelombang 3 (2021-2025): Mentakrif keperluan infrastruktur masa depan

ICT DALAM PENDIDIKAN 6-21

- Pelan Tindakan: Memanfaatkan ICT untuk pembelajaran
- Gelombang 1 (2013-2015): Memperkenalkan asas ICT
- Gelombang 2 (2016-2020) : Memperkenal inovasi ICT
- Gelombang 3 (2021-2025): Mengekalkan penggunaan inovatif seluruh sistem

BAB 7 STRUKTUR SISTEM

PERINGKAT DAN TEMPOH PENDIDIKAN 7-1

- Peringkat pendidikan
- Pendidikan prasekolah
- Pelan Tindakan: Penyelarasan dengan sistem pendidikan berprestasi tinggi
- Gelombang 1 (2013-2015): Memperluas segera prasekolah dan meningkatkan enrolmen pada peringkat pendidikan yang lain
- Gelombang 2 (2016-2020): Menyatukan manfaat
- Gelombang 3 (2021-2025): Memastikan akses sejagat

LALUAN PENDIDIKAN 7-7

- Laluan pendidikan dan pilihan kerjaya
- Pelan Tindakan: Mewujudkan laluan pendidikan yang pelbagai
- Gelombang 1 (2013-2015): Mengukuhkan laluan pendidikan
- Gelombang 2 (2016-2020): Meningkatkan inisiatif
- Gelombang 3 (2021-2025): Memastikan laluan pendidikan untuk semua

SOKONGAN UNTUK SEKOLAH YANG BERKAITAN DENGAN ASPIRASI KESELURUHAN 7-16

- Pelan Tindakan: Menyediakan sokongan yang saksama dan telus kepada semua sekolah
- Gelombang 1 (2013-2015): Membangunkan sistem sokongan yang dipacu aspirasi
- Gelombang 2 dan 3 (2016-2025): Menerapkan pendekatan yang memacu aspirasi sistem untuk menyokong sekolah

MEMPERTEGUH PERPADUAN DI SEKOLAH 7-18

- Struktur sistem semasa dikekalkan
- Keseragaman etnik dalam sistem pendidikan
- Elemen sivik dalam pendidikan
- Sekolah Wawasan
- RIMUP: Integrasi melalui aktiviti kokurikulum
- Pelan Tindakan: Meningkatkan interaksi dan mengukuhkan integrasi di semua jenis sekolah
- Gelombang 1 (2013-2015): Menyediakan asas perpaduan
- Gelombang 2 (2016-2020): Meningkatkan intervensi bagi memupuk perpaduan
- Gelombang 3 (2021-2025): Mengkaji semula pilihan sekolah dan struktur sistem

SISTEM PEMBELAJARAN: IBU BAPA, KOMUNITI DAN SEKTOR SWASTA 7-22

- Tahap semasa pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan
- Pelan Tindakan: Anjakan kepada sistem pembelajaran
- Gelombang 1 (2013-2015): Menyokong pelibatan ibu bapa dan sektor swasta
- Gelombang 2 (2016-2020): Memantapkan pelibatan
- Gelombang 3 (2021-2025): Menggalakkan lebih banyak inovasi daripada sektor swasta

BAB 8 PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN

MENYUSUN LANGKAH PELAKSANAAN TRANSFORMASI 8-3

- Gelombang 1 (2013-2015): Meningkatkan sistem dengan menyokong guru dan memberikan tumpuan kepada kemahiran teras
- Gelombang 2 (2016-2020): Melonjakkan peningkatan sistem
- Gelombang 3 (2021-2025): Menganjak ke arah kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan operasi

PENYAMPAIAN DENGAN KAEDAH BERBEZA 8-10

- Mengukuhkan iltizam dan keupayaan kepimpinan dalam Kementerian
- Mewujudkan satu unit kecil yang berdaya tinggi untuk memacu pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
- Memperhebat pengurusan prestasi dalaman dan luaran
- Mendapatkan sokongan pegawai Kementerian dan pihak berkepentingan lain

PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN 8-13

GLOSARI G-1

LAMPIRAN I: SEJARAH RINGKAS PENDIDIKAN DI MALAYSIA A-1

LAMPIRAN II: METODOLOGI A-5

LAMPIRAN III: MAKLUM BALAS DIALOG NASIONAL PENDIDIKAN NEGARA A-15

LAMPIRAN IV: MAKLUM BALAS MENGENAI LAPORAN AWAL PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA A-27

LAMPIRAN V: SKALA SEJAGAT A-30

LAMPIRAN VI: PELAN TINDAKAN PENDIDIKAN A-32

LAMPIRAN VII: INISIATIF PENDIDIKAN GTP 2.0 A-35

LAMPIRAN VIII: PROJEK PERMULAAN NKEA PENDIDIKAN A-37


INDEKS I-1

RUJUKAN R-1

RINGKASAN EKSEKUTIF

Ringkasan Eksekutif

Pada Oktober 2011, Kementerian Pendidikan telah melancarkan kajian semula sistem pendidikan negara secara menyeluruh dalam usaha membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang baharu. Keputusan melaksanakan kajian semula sistem pendidikan dibuat dalam konteks standard pendidikan antarabangsa yang kian meningkat, peningkatan aspirasi negara dalam mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan abad ke-21, dan peningkatan harapan ibu bapa serta masyarakat terhadap dasar pendidikan negara. Dalam tempoh 15 bulan (Oktober 2011 hingga Disember 2012), Kementerian telah memperoleh input daripada pelbagai sumber seperti laporan penyelidikan yang dijalankan oleh pakar pendidikan dari UNESCO, Bank Dunia, OECD, dan enam Institusi Pengajian Tinggi Awam. Kajian ini juga melibatkan pemimpin sekolah, guru, ibu bapa, murid, dan orang ramai di seluruh negara. Hasilnya ialah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang telah menilai prestasi semasa sistem pendidikan negara dengan mengambil kira pencapaian lampau dan membandingkannya dengan tanda aras antarabangsa. Pelan ini melakarkan visi sistem pendidikan dan aspirasi murid yang dapat memenuhi keperluan negara pada masa depan. Pelan ini juga mencadangkan 11 anjakan strategik dan operasi yang perlu dilaksanakan oleh Kementerian bagi mencapai visi yang dihasratkan.



Pendidikan memainkan peranan utama bagi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah merupakan petunjuk terbaik bagi kemajuan masa depan sesebuah negara. Dalam ekonomi global masa ini, kejayaan sesebuah negara amat bergantung pada ilmu pengetahuan, kemahiran, dan kompetensi yang dimiliki rakyat. Oleh itu, tidak menghairankan sekiranya negara yang mempunyai rakyat berpendidikan tinggi akan berpeluang menikmati kemajuan ekonomi yang lebih tinggi. Selain itu, pendidikan juga menjadi asas pembinaan negara bangsa dan pengukuhan perpaduan. Pendidikan menyediakan peluang kepada individu untuk meningkatkan taraf hidup, menjadi ahli masyarakat yang berjaya, dan menyumbang secara aktif kepada pembangunan negara. Melalui interaksi dalam masyarakat membolehkan individu daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama, dan etnik belajar memahami, menerima, dan menghargai perbezaan, seterusnya berkongsi pengalaman dan aspirasi untuk membina masa depan Malaysia. Melalui perkongsian pengalaman dan aspirasi inilah identiti nasional dan perpaduan negara dapat dipupuk.

Sejak kebelakangan ini, sistem pendidikan negara telah menjadi perkara yang semakin menarik perhatian dan menjadi perbualan orang ramai. Ibu bapa meletakkan harapan tinggi dan majikan menyuarakan kebimbangan akan keupayaan sistem pendidikan melengkapkan generasi muda dengan persediaan secukupnya bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Menyedari hakikat bahawa sistem pendidikan adalah kompleks dan rencam, tempoh yang panjang diperlukan untuk melihat impak transformasi yang dilaksanakan. Oleh itu, Kementerian perlu mengambil tindakan yang berani dan pantas kerana perubahan yang dihasratkan adalah penting dan mesti dilaksanakan dengan segera.

OBJEKTIF DAN PENDEKATAN KAJIAN SEMULA

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia merupakan hasil pelibatan masyarakat dan penyelidikan meluas yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan (“Kementerian”). Pelan ini dibangunkan dengan tiga objektif khusus, iaitu:

1. **Memahami prestasi dan cabaran semasa** sistem pendidikan Malaysia dengan memberi tumpuan terhadap akses kepada pendidikan, meningkatkan standard (kualiti), merapatkan jurang pencapaian (ekuiti), mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid, serta mengoptimalkan kecekapan sistem;
2. **Mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas** untuk setiap murid dan sistem pendidikan secara keseluruhan bagi tempoh 13 tahun akan datang; dan
3. **Menggariskan transformasi sistem pendidikan yang komprehensif merangkumi perubahan penting dalam Kementerian** bagi memenuhi permintaan baharu dan harapan tinggi masyarakat, serta mencetus dan menyokong transformasi perkhidmatan awam.

Pendekatan yang digunakan dalam penyediaan Pelan ini adalah berani dan julung-julung kali dilaksanakan. Pelbagai perspektif daripada kalangan pakar dan agensi antarabangsa telah digarap untuk menilai dan mentaksir prestasi sistem pendidikan Malaysia. Agensi yang terlibat termasuk Bank Dunia, Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), serta enam universiti tempatan. Kementerian juga bekerjasama dengan agensi kerajaan yang lain untuk memastikannya sejajar dengan dasar awam berkaitan pendidikan. Sebagai contoh, Kementerian bekerjasama dengan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) untuk membangunkan inisiatif pendidikan menerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP)2.0 bagi mencerminkan pembaharuan utama yang terkandung dalam Pelan ini bagi tempoh 2013-2015.

Tambahan lagi, inilah kali pertama Kementerian melibatkan penyertaan rakyat secara besar-besaran. Sepanjang tempoh setahun, lebih 55,000 pegawai Kementerian, guru, pemimpin sekolah, ibu bapa, murid, dan orang awam di seluruh negara telah menyertai sesi temu bual, kumpulan fokus, kaji selidik, Dialog Nasional Pendidikan Negara, hari terbuka, dan perbincangan meja bulat. Lebih 200 memorandum telah diterima oleh Kementerian dan lebih 3000 artikel termasuk daripada blog telah ditulis tentang isu berkaitan dengan Pelan ini. Kementerian telah melantik panel pakar yang terdiri daripada 12 ahli tempatan dan empat ahli antarabangsa bagi memberikan input bebas tentang dapatan kajian semula sistem pendidikan negara.

PELABURAN YANG SIGNIFIKAN DAN MAPAN DALAM PENDIDIKAN


Penyediaan sokongan dan sumber oleh sesuatu sistem adalah penting bagi membolehkan guru dan pengetua/guru besar memberi tumpuan kepada tugas utama mereka dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk meningkatkan prestasi sekolah. Oleh itu, pelaburan dalam sistem pendidikan menjadi ukuran penting yang menggambarkan kesungguhan dan komitmen Kerajaan.

Kerajaan Malaysia telah mengekalkan tahap pelaburan yang tinggi dalam pendidikan sejak negara mencapai kemerdekaan lebih 55 tahun yang lalu. Seawal 1980, perbelanjaan Persekutuan untuk pendidikan rendah dan menengah sebagai peratusan Keluaran Dalam Negara

Kasar (KDNK) adalah yang tertinggi di Asia Timur. Pada 2011, jumlah perbelanjaan pendidikan sebanyak 3.8% daripada KDNK, atau 16% daripada jumlah perbelanjaan Kerajaan bukan sahaja lebih tinggi daripada purata OECD (sebanyak 3.4% daripada KDNK dan 8.7% daripada jumlah perbelanjaan awam), malah adalah setara atau lebih tinggi daripada sistem berprestasi tinggi seperti Singapura, Jepun dan Korea Selatan (Ekshibit 1). Pada 2012, Kerajaan terus menyediakan peruntukan yang terbesar, iaitu RM36 bilion atau 16% daripada jumlah bajet, kepada Kementerian Pendidikan. Peruntukan ini menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap pendidikan sebagai satu daripada keutamaan negara.

EKSHIBIT 1

Perbelanjaan pendidikan asas¹ sebagai peratus jumlah perbelanjaan Kerajaan bagi Malaysia dan negara setara²
Peratus (2008)



1 Termasuk perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan/kapital bagi pendidikan asas (rendah dan menengah)
2 Negara setara berasaskan kategori berikut: Harimau Asia (Hong Kong, Singapura, Korea Selatan, Jepun); jiran Asia Tenggara (Indonesia, Thailand, Singapura), dan negara yang setanding KDNK per kapita (Mexico dan Chile)
3 Data bagi 2010
Nota: Data daripada tahun 2008 atau 2010 bergantung kepada data sedia ada terkini.
SUMBER: Kementerian Pendidikan Malaysia; OECD – Education at a Glance 2011; Singstat; Kementerian Kewangan Thailand; Kementerian Kewangan Indonesia; Biro Pendidikan Hong Kong.

KEMAJUAN BESAR DALAM MENINGKATKAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN

Sistem pendidikan negara menyaksikan kemajuan besar sejak 1957. Ketika negara mencapai kemerdekaan, lebih separuh daripada populasi tidak mendapat pendidikan formal, hanya 6% kanak-kanak menerima pendidikan peringkat menengah dan 1% sahaja mendapat pendidikan lepas menengah. Namun, lima setengah dekad kemudian, akses kepada pendidikan telah mengalami perubahan yang melangkaui jangkaan.


Pada 2011, enrolmen di peringkat pendidikan rendah telah hampir sejagat, iaitu 94% dan peratusan murid yang tercicir daripada pendidikan rendah menurun secara signifikan (daripada 3% pada 1989 kepada 0.2% pada 2011). Kadar enrolmen di peringkat menengah rendah (Tingkatan 1 hingga 3) meningkat kepada 87%. Peningkatan terbesar berlaku di peringkat menengah atas (Tingkatan 4 hingga 5), dengan kadar enrolmen meningkat hampir dua kali ganda daripada 45% pada 1980-an kepada 78% pada 2011. Kadar enrolmen ini lebih tinggi sekiranya enrolmen di sekolah swasta juga diambil kira, iaitu 96% peringkat rendah, 91% menengah rendah, dan 82% menengah atas. Kadar ini lebih tinggi berbanding kebanyakan negara

membangun yang lain, namun masih rendah berbanding sistem pendidikan berprestasi tinggi seperti Singapura dan Korea Selatan. Pada masa yang sama, peluasan yang cepat berlaku dalam pendidikan prasekolah. Kira-kira 77% murid memasuki pendidikan prasekolah (sama ada kerajaan atau swasta), dan sasaran negara adalah untuk memperoleh penyertaan sejagat menerusi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pendidikan, yang terkandung dalam GTP.

Peningkatan yang signifikan dalam akses kepada pendidikan disusuli dengan peningkatan dalam pencapaian murid. Kadar literasi remaja telah meningkat daripada 88% pada 1990 kepada kadar hampir menyeluruh iaitu sebanyak 99% masa kini, manakala kadar literasi dewasa telah meningkat secara mendadak, iaitu daripada kurang 70% kepada lebih 92% dalam jangka masa yang sama. Seterusnya, kadar populasi dewasa (berusia 15 tahun ke atas) yang tidak mengikuti persekolahan telah menurun, daripada 60% pada tahun 1950 kepada kurang 10% pada tahun 2010. Manakala kadar populasi (berusia 15+) yang menamatkan pendidikan menengah telah meningkat daripada kira-kira 7% pada 1950 kepada hampir 75% dalam tempoh yang sama (Ekshibit 2). Pencapaian ini adalah sesuatu yang membanggakan negara.

EKSHIBIT 2

Tahap pendidikan populasi berumur 15 tahun dan ke atas (1950-2010)
Peratus populasi



SUMBER: Barro and Lee, 2010 (Eurostat, UN)

SISTEM PENDIDIKAN KEKAL KOMITED UNTUK MEMBANGUNKAN MURID SECARA MENYELURUH

Kurikulum sekolah Malaysia bermatlamat membangunkan anak-anak secara menyeluruh, merangkumi dimensi intelek, rohani, emosi, dan jasmani seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Program dan inisiatif yang membangunkan komponen bukan akademik dilaksanakan di dalam bilik darjah dan menerusi pelbagai aktiviti sukan dan kokurikulum selepas waktu sekolah. Sebagai contoh, Pendidikan Agama Islam atau Pendidikan Moral

adalah wajib untuk semua murid Tahun 1 hingga Tingkatan 5. Kementerian juga menetapkan setiap murid mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya 1 sukan, 1 kelab dan 1 badan beruniform bagi memupuk bakat dan minat, serta membentuk kemahiran memimpin. Data yang diperoleh menunjukkan kadar penyertaan dalam aktiviti kokurikulum adalah tinggi.

PRESTASI KOGNITIF MURID BERBANDING STANDARD ANTARABANGSA

Objektif asas dalam mana-mana sistem pendidikan adalah untuk memastikan setiap murid dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk berjaya dalam kehidupan. Dari segi sejarahnya, sistem pendidikan Malaysia, seperti negara lain di dunia, memberi penekanan terhadap pembangunan kandungan pengetahuan yang kukuh menerusi mata pelajaran seperti Sains, Matematik dan bahasa. Walau bagaimanapun, terdapat kesedaran yang semakin meningkat



Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk Malaysia yang digubal pada 1988 dan disemak semula pada 1996, termaktub dalam visi Kementerian dan Kerajaan yang berhasrat melahirkan generasi holistik dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani.

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

di peringkat global bahawa penguasaan 3M (membaca, menulis dan mengira) sahaja tidak mencukupi bagi murid yang akan meninggalkan alam persekolahan. Tumpuan bukan hanya kepada kepentingan memperoleh ilmu pengetahuan, tetapi juga membangun kemahiran berfikir aras tinggi.

Prestasi murid Malaysia telah meningkat sejak beberapa dekad yang lalu, namun pencapaian yang membanggakan itu menghadapi risiko secara relatif dan mutlak. Hal ini disebabkan pertamanya, sistem pendidikan negara lain dapat meningkatkan prestasi murid dengan lebih cepat dan mampu mengekalkan momentum tersebut secara berterusan. Oleh itu, jurang pencapaian antara sistem pendidikan Malaysia dan negara lain semakin lebar. Keduanya, pentaksiran antarabangsa menunjukkan prestasi murid Malaysia semakin merosot.

Sepanjang dua dekad yang lalu, pentaksiran antarabangsa seperti *Programme for International Student Assessment (PISA)* dan *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)*, telah muncul sebagai kaedah perbandingan langsung tentang kualiti keberhasilan pendidikan merentas pelbagai sistem. Kaedah ini mentaksir pelbagai kemahiran kognitif seperti aplikasi dan penaakulan.

Ketika Malaysia mengambil bahagian dalam TIMSS buat julung kalinya pada 1999, skor purata murid mengatasi purata antarabangsa dalam Matematik dan Sains. Penyertaan dalam pusingan yang terkini pada 2011 menunjukkan prestasi murid Malaysia menurun ke tahap di bawah purata antarabangsa bagi Matematik dan Sains, disusuli penurunan dari segi kedudukan negara. Lebih kritikal lagi, 35% dan 38% murid Malaysia gagal mencapai tahap kemahiran minimum dalam Matematik dan Sains pada 2011, penurunan dua hingga empat kali ganda iaitu daripada 7% dan 13% masing-masing pada 1999. Murid ini dikenal pasti memiliki penguasaan konsep asas matematik dan sains yang terhad.

Keputusan PISA 2009+ (penyertaan kali pertama Malaysia) juga tidak memberangsangkan kerana kedudukan Malaysia terletak dalam kelompok sepertiga terbawah dalam kalangan 74 negara peserta. Pencapaian ini juga meletakkan Malaysia di bawah pencapaian purata antarabangsa dan OECD (Ekshibit 3). Hampir 60% murid berumur 15 tahun yang menyertai PISA 2009+ gagal mencapai tahap kemahiran minimum dalam Matematik, manakala 44% dalam Bacaan dan 43% dalam Sains tidak mencapai tahap kemahiran minimum. Perbezaan skor sebanyak 38 mata dalam skala PISA adalah bersamaan dengan satu tahun persekolahan. Perbandingan skor ini menunjukkan murid berumur 15 tahun di Singapura, Korea Selatan, Hong Kong dan Shanghai mempunyai prestasi tiga atau lebih tahun persekolahan berbanding murid berumur 15 tahun di Malaysia.

CONTOH KECEMERLANGAN WUJUD DALAM SISTEM PENDIDIKAN NEGARA

Walaupun keputusan terkini TIMSS dan PISA telah mencetus kebimbangan, namun terdapat banyak bukti kecemerlangan murid dan sekolah di seluruh negara yang mencapai standard antarabangsa berdasarkan ukuran akademik dan bukan akademik. Ekshibit 4 menunjukkan sepintas lalu sebahagian daripada pencapaian murid



Pentaksiran Antarabangsa TIMSS dan PISA

TIMSS merupakan pentaksiran antarabangsa berasaskan kurikulum sekolah bagi mata pelajaran Matematik dan Sains di seluruh dunia. Pentaksiran dibuat bagi mengukur prestasi murid pada Gred 4 (bersamaan dengan Tahun 4) dan Gred 8 (bersamaan dengan Tingkatan 2) yang merangkumi dua aspek iaitu pengetahuan kandungan seperti Algebra dan Geometri, dan kemahiran kognitif seperti proses pemikiran berbentuk pengetahuan, aplikasi, dan penaakulan. Ujian pertama kali ditadbir pada 1995. Pada masa ini, lebih 59 negara menyertai pentaksiran ini yang dikendalikan setiap empat tahun. Malaysia menyertai TIMSS sejak 1999 dan melibatkan murid Tingkatan 2 sahaja.

PISA yang diselaraskan oleh OECD juga merupakan pentaksiran yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Dikendalikan setiap tiga tahun, PISA bertujuan menilai kecekapan murid berumur 15 tahun dalam Bacaan, Matematik dan Sains. Tumpuan pentaksiran bukan kepada kandungan kurikulum tetapi keupayaan murid mengaplikasi pengetahuan dalam kehidupan sebenar. Penyertaan pada 2009 meliputi 74 buah negara termasuk negara bukan anggota OECD. Kali pertama Malaysia menyertai PISA ialah pada 2010 sebagai kitaran pentaksiran untuk 2009.

EKSHIBIT 3

Perbandingan kedudukan PISA 2009+ bagi Malaysia dengan negara lain

Negara serantau yang setara

1 Bacaan			2 Matematik			3 Sains		
Kedudukan	Negara	Skor min	Kedudukan	Negara	Skor min	Kedudukan	Negara	Skor min
1	Shanghai-China	556	1	Shanghai-China	600	1	Shanghai-China	575
2	Korea Selatan	539	2	Singapura	562	2	Finland	554
3	Finland	536	3	Hong Kong	555	3	Hong Kong	549
4	Hong Kong	533	4	Korea Selatan	546	4	Singapura	542
5	Singapura	526	5	Chinese Taipei	543	5	Jepun	539
...				
26	Hungary	494	24	Austria	496	20	Amerika Syarikat	502
	Purata OECD			Purata OECD			Purata OECD	
27	Portugal	497	25	Poland	495	21	Republik Czech	500
...				
42	Kesatuan Rusia	459	41	Croatia	460	40	Greece	470
	Purata Antarabangsa			Purata Antarabangsa			Purata Antarabangsa	
43	Chile	449	42	Israel	447	41	Malta	461
...				
52	Thailand	421	52	Thailand	419	51	Thailand	425
	54 MALAYSIA	414		57 MALAYSIA	404		52 MALAYSIA	422
...				
61	Indonesia	402	67	Indonesia	371	65	Indonesia	383

SUMBER: PISA 2009+

dan sekolah Malaysia di peringkat antarabangsa. Di samping itu, Kementerian telah mengiktiraf 91 sekolah sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Sekolah berkenaan merupakan yang terbaik di Malaysia kerana memiliki ciri-ciri yang unik, menghasilkan kecemerlangan akademik dan bukan akademik murid secara tekal, dan berkeupayaan bersaing di peringkat antarabangsa.

Sistem pendidikan negara juga berjaya mewujudkan sekolah, daerah dan negeri yang menunjukkan peningkatan luar jangkaan yang membanggakan. Misalnya, lima tahun yang lalu, Johor merupakan salah sebuah negeri yang berada pada kedudukan lima terbawah berdasarkan prestasi murid dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Johor telah melaksanakan program peningkatan kemajuan sekolah yang menyeluruh dan berjaya meningkatkan pencapaiannya hanya dalam tempoh lima tahun. Johor kini berada dalam kelompok tiga teratas (diukur berdasarkan pencapaian murid). Begitu juga,

terdapat sekolah di kawasan pedalaman seperti SK Ulu Lubai dan SK Bakalalan, di Sarawak, kedua-dua sekolah ini berada dalam komuniti yang berpendapatan rendah, namun berjaya merangkul Anugerah Amalan Terbaik peringkat Komanwel pada 2009 kerana berjaya melaksanakan perubahan yang mengagumkan. Kejayaan ini adalah satu contoh peluang yang boleh dipelajari dalam meningkatkan lagi amalan terbaik kepada seluruh sistem pendidikan.

PENCAPAIAN KEBERHASILAN MURID SECARA SAKSAMA MASIH SATU CABARAN

Objektif yang sama penting dalam sistem pendidikan adalah memastikan kesaksamaan dalam keberhasilan murid.

EKSHIBIT 4

Contoh terkini pencapaian murid Malaysia di peringkat antarabangsa

Nov 2012	World Robot Olympiad (WRO) 2012, Malaysia	Pasukan Malaysia memperoleh 9 pingat. Malaysia mendapat tempat pertama keseluruhan bagi kali ketiga.
Jul 2012	8th International Exhibition for Young Inventors, Thailand	Pasukan Malaysia memperoleh pingat emas bagi rekapipta.
	Genius Olympiad 2012 International High School Project Fair on Environment, New York	Dua murid berumur 14 tahun berjaya mendapat tempat ketiga dalam pertandingan ini.
	2nd International Folk Song and Dance Festival, Georgia	Pasukan Malaysia seramai 15 peserta memenangi Diploma Emas dan Perak.
	5th Asian Schools Badminton Championship, Hong Kong	Pasukan Malaysia seramai 16 pemain memenangi 3 pingat emas, 4 perak dan 9 gangsa.
Jun 2012	The Invention and New Product Exposition, USA	Pasukan Malaysia memenangi pingat emas dalam kategori reka cipta pendidikan.
	4th ASEAN School Games, Indonesia	Pasukan Malaysia seramai 200 atlit memenangi sejumlah 100 pingat; menduduki tempat ketiga keseluruhan.
Mei 2012	English Speaking Union International Public Speaking Competition, London	Seorang murid berumur 17 tahun muncul sebagai pemenang dari Malaysia yang pertama.
Okt 2011	ASEAN Primary School Sports Olympiad, Indonesia	Pasukan Malaysia seramai 36 murid memperoleh tempat kedua keseluruhannya; memenangi 6 pingat emas, 2 perak dan 3 gangsa.
Jul 2011	52nd International Mathematical Olympiad, Netherlands	Seorang murid Tingkatan 4 mendapat pingat emas pertama Malaysia. 4 murid lain memperoleh keputusan yang turut membanggakan.
	42nd International Physics Olympiad, Thailand	Seorang murid Malaysia memperoleh pingat emas dan anugerah khas daripada <i>European Physics Society</i> .
Dis 2010	International Competitions and Assessments for Schools (ICAS)¹	Pasukan Malaysia telah berjaya muncul sebagai juara dunia dua tahun berturut-turut iaitu di Pohang, Korea Selatan pada 2009 dan di Manila, Filipina pada 2010.

¹ Pentaksiran diagnostik bebas yang berpusat di Australia yang dilaksanakan setiap tahun

SUMBER: Bahagian Sukan, Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan



Walau bagaimanapun, sehingga kini keberhasilan murid masih kurang saksama. Negeri yang mempunyai populasi sekolah luar bandar yang banyak, seperti di Sabah dan di Sarawak, secara purata, menunjukkan prestasi yang rendah berbanding negeri yang mempunyai bilangan sekolah luar bandar yang sedikit. Dalam UPSR, peratus jurang pencapaian antara sekolah bandar dan luar bandar ialah 4 mata peratus dengan kelebihan pada sekolah bandar, dan bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), jurang pencapaian meningkat kepada 8 mata peratus. Walau bagaimanapun, kedua-dua jurang pencapaian ini telah menurun, masing-masing sebanyak 5 mata peratus dan 2 mata peratus sejak enam tahun kebelakangan ini.

Jurang pencapaian antara sekolah kebangsaan dengan sekolah jenis kebangsaan juga semakin mengecil. Tidak wujud perbezaan yang ketara antara Sekolah Kebangsaan (SK) dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) dari segi pencapaian dalam UPSR. Sejak lima tahun yang lalu, jurang pencapaian dalam kalangan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) berjaya dikurangkan sebanyak 50%, dan jurang pencapaian antara sekolah SJKT dengan SK dan SJJC adalah kurang daripada 4 mata peratus.

Sebaliknya, jurang pencapaian antara gender adalah signifikan dan terus melebar dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini. Pencapaian murid perempuan sentiasa mengatasi murid lelaki pada semua peringkat. Jurang pencapaian antara gender mula ketara di peringkat UPSR dan berterusan sehingga ke universiti, iaitu 70% daripada kohort universiti terdiri daripada pelajar perempuan. Walaupun fenomena ini bukan unik bagi Malaysia, namun ia memerlukan perhatian bagi memastikan negara tidak mempunyai kohort murid lelaki yang 'tercicir', sama ada meninggalkan sistem persekolahan lebih awal atau merupakan kumpulan berprestasi rendah.


Akhirnya, latar belakang sosioekonomi masih menjadi penyebab jurang ekuiti yang paling besar. Jurang ini dilihat berdasarkan tiga aspek: pencapaian pendidikan tertinggi ibu bapa, purata pendapatan isi rumah bagi negeri, dan peratusan murid menerima bantuan asas kewangan

melalui Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Ketiga-tiga aspek ini merupakan bukti yang tekal bahawa murid daripada keluarga miskin kurang cemerlang berbanding murid daripada keluarga berpendapatan sederhana dan tinggi. Seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 5, hanya 7% sekolah Band 1 dan 2 mempunyai populasi lebih dua pertiga daripada jumlah muridnya mendapat KWAPM berbanding 52% sekolah Band 6 dan 7 yang menerima bantuan KWAPM.

EKSHIBIT 5

Taburan populasi murid yang menerima KWAPM¹ mengikut band sekolah pada 2011

Peratus sekolah (2011)



¹ Hanya meliputi sekolah rendah, kecuali 1,060 sekolah di Sabah dan 418 sekolah di negeri lain kerana data tidak lengkap

SUMBER: Bahagian Kewangan; Bidang Keberhasilan Utama Negara; Pangkalan data EMIS

BEBERAPA PILIHAN PERSEKOLAHAN MEMPUNYAI PERSEKITARAN ETNIK LEBIH HOMOGEN

Secara keseluruhannya, enrolmen dalam sistem pendidikan menggambarkan demografi nasional. Terdapat pilihan sekolah yang mempunyai persekitaran etnik yang lebih homogen kerana Kementerian memberi peluang kepada ibu bapa untuk memilih sekolah sama ada yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar, sekolah agama atau sekolah aliran perdana yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Walaupun persekitaran sekolah homogen dan perpaduan tidak semestinya saling berkait, persekitaran yang homogen menimbulkan cabaran kepada murid apabila terdedah kepada kepelbagaian budaya dan kumpulan etnik serta menerapkan penghargaan terhadap kepelbagaian, iaitu nilai yang kritikal bagi mewujudkan perpaduan.

Sejak kebelakangan ini, stratifikasi etnik di sekolah semakin meningkat. Peratusan murid Cina yang belajar di SJJC telah meningkat daripada 92% pada 2000 kepada 96% pada 2011. Manakala murid India yang belajar di SJKT meningkat daripada 47% kepada 56% dalam tempoh yang sama. Di SK, 97% terdiri daripada murid Bumiputera. Apabila persekitaran murid menjadi lebih homogen, wujud keperluan bagi Kementerian untuk menyediakan program bagi menggalakkan murid pelbagai etnik berinteraksi.




Dalam usaha mengukuhkan perpaduan, penting bagi setiap murid berinteraksi dan belajar bersama-sama rakan sebaya dan guru daripada pelbagai etnik, agama, budaya dan latar belakang sosioekonomi. Oleh itu, Kementerian telah menyediakan program seperti Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) menerusi aktiviti kokurikulum bagi mengukuhkan interaksi dalam kalangan murid di pelbagai jenis sekolah. Kajian semula yang dijalankan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) mendapati program RIMUP berjaya mewujudkan pergaulan antara etnik di dalam dan di luar bilik darjah di kawasan di mana RIMUP dilaksanakan. Namun begitu telah berlaku penurunan yang ketara dari sudut pengisian dan bilangan aktiviti program RIMUP disebabkan kekangan peruntukan.

PULANGAN PELABURAN TIDAK SETINGGI YANG DIHARAPKAN

Malaysia terus memperuntukkan bajet yang tinggi untuk pendidikan. Usaha ini telah meningkatkan akses yang hampir sejagat di peringkat pendidikan rendah. Pada masa yang sama, akses di peringkat menengah meningkat dengan ketara. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk menambah baik dari aspek kualiti, ekuiti dan perpaduan. Ekshibit 6 membandingkan perbezaan prestasi pelbagai negara yang menyertai pentaksiran antarabangsa berdasarkan perbelanjaan pendidikan setiap murid. Perbezaan setiap band prestasi (Lemah, Sederhana, Baik, Sangat Baik dan Cemerlang) adalah bersamaan dengan satu

EKSHIBIT 6

Prestasi negara dalam pentaksiran antarabangsa berbanding perbelanjaan awam untuk murid



1 Skala sejagat berdasarkan metodologi Hanushek & Woessmann, bagi membolehkan perbandingan merentas sistem.

2 Perbelanjaan awam setiap murid bagi pendidikan asas (tahap pendidikan prasekolah, rendah, dan menengah) bagi harga semasa 2008

Nota: Perbelanjaan awam Malaysia 2008 adalah USD3000 setiap murid

SUMBER: World Bank EdStats; IMF; UNESCO; PISA 2009+, TIMSS 2007, PIRLS 2006, *Global Insight*; McKinsey & Company 2010



Imej oleh esharki, Flickr CC 2.0

tahun persekolahan. Data yang diperoleh pada 2010 menunjukkan prestasi Malaysia berada pada kedudukan di belakang negara yang menyediakan jumlah peruntukan yang hampir sama atau lebih rendah seperti Thailand, Chile dan Armenia. Keadaan ini mungkin disebabkan peruntukan untuk pendidikan di Malaysia tidak disalurkan kepada faktor yang memberi impak tinggi terhadap keberhasilan murid, seperti latihan untuk meningkatkan kemahiran guru secara berterusan. Sistem pendidikan berprestasi tinggi seperti yang terdapat di Singapura, Korea Selatan dan Shanghai sememangnya memperuntukkan jumlah bajet yang lebih tinggi berbanding Malaysia. Sistem pendidikan negara juga akan melaksanakan usaha transformasi yang utama. Oleh itu, tahap perbelanjaan untuk pendidikan di Malaysia patut dikekalkan, namun kecekapan dan keberkesanan dalam pengagihan dan perbelanjaan bajet perlu dikaji semula.

ASPIRASI BAGI SISTEM PENDIDIKAN DAN MURID DI MALAYSIA

Bagi memenuhi keperluan semua rakyat dan menyediakan negara untuk bersaing di peringkat antarabangsa, adalah penting untuk negara melakarkan wawasan kejayaan sistem pendidikan yang ingin dibangunkan, khusus berdasarkan konteks Malaysia. Generasi murid terbaik yang bagaimanakah ingin dihasilkan untuk berdepan dengan cabaran ekonomi abad ke-21? Jenis pendidikan yang bagaimanakah perlu disediakan untuk mereka hadapi dunia globalisasi yang pantas berubah? Aspirasi ini merangkumi dua aspek: pertama, sistem pendidikan secara keseluruhan, dan kedua, murid secara individu. Visi dan aspirasi ini akan menjadi landasan transformasi sistem pendidikan Malaysia.

Aspirasi sistem

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia berhasrat untuk

mencapai lima keberhasilan bagi sistem pendidikan Malaysia secara keseluruhan, iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan (Ekshibit 7). Keberhasilan yang ditetapkan ini adalah selari dengan aspirasi yang turut disuarakan oleh peserta semasa Dialog Nasional dan setanding juga dengan keberhasilan yang ditetapkan oleh sistem pendidikan berprestasi tinggi yang lain. Tindakan bagi merealisasikan lima aspirasi berkenaan adalah penting, dan tidak ada inisiatif dalam mana-mana aspek berkenaan yang boleh menjejaskan atau menghalang kemajuan yang lainnya.

- **Akses:** Setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak mendapat kesamarataan peluang pendidikan bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing. Kementerian berhasrat memastikan kadar akses sejagat dalam kalangan kanak-kanak dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat menengah atas (Tingkatan 5) menjelang 2020.
- **Kualiti:** Semua kanak-kanak akan berpeluang mendapat pendidikan cemerlang berdasarkan keunikan sistem pendidikan di Malaysia, dan setanding dengan sistem pendidikan antarabangsa. Aspirasi sistem pendidikan negara adalah untuk meletakkan Malaysia dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa mengikut pengukuran TIMSS dan PISA dalam tempoh 15 tahun yang akan datang (TIMSS dan PISA menguji Bacaan, Matematik dan Sains sahaja). Pentaksiran tambahan yang menangani dimensi kualiti lain yang relevan dengan konteks Malaysia boleh dimasukkan apabila dimensi itu dibangunkan dan diterima di peringkat antarabangsa.
- **Ekuiti:** Sistem pendidikan berprestasi tinggi menyediakan pendidikan yang terbaik kepada setiap kanak-kanak tanpa mengira kedudukan geografi, gender atau latar belakang sosioekonomi. Kementerian berhasrat untuk merapatkan lagi jurang pencapaian antara murid bandar dengan luar bandar, tahap sosioekonomi dan pencapaian antara gender sehingga 50% menjelang 2020.

- **Perpaduan:** Murid yang berusia antara 7 hingga 17 tahun menghabiskan lebih satu perempat daripada masa mereka di sekolah. Melalui interaksi bersama murid lain daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama dan etnik, murid belajar memahami, menerima dan menghayati perbezaan. Keadaan ini mewujudkan suatu perkongsian pengalaman dan aspirasi bagi membina masa hadapan Malaysia. Kementerian berhasrat menjana suatu sistem pendidikan yang memberi peluang kepada murid berkongsi pengalaman dan aspirasi demi membentuk dan memperkukuhkan lagi asas perpaduan rakyat Malaysia.
- **Kecekapan:** Sistem pendidikan Malaysia telah menerima peruntukan yang tinggi, namun peningkatan keberhasilan murid masih tidak sepadan dengan sumber yang telah disalurkan ke dalam sistem. Walaupun Kerajaan akan terus mengekalkan tahap pelaburan semasa, Kementerian berhasrat untuk memaksimumkan keberhasilan murid mengikut tahap peruntukan semasa.

Aspirasi murid

Selain keberhasilan sistem, pihak berkepentingan juga jelas tentang tahap kualiti yang perlu ada pada setiap individu murid. Secara keseluruhan, pendidik, ibu bapa, murid, dan ahli masyarakat lain bersatu pendapat dalam visi pendidikan sebagai wadah pembangunan murid yang holistik dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Visi ini juga menjadi asas kepada semua usaha penambahbaikan sistem pendidikan sejak Falsafah Pendidikan Kebangsaan digubal pada 1988.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia akan terus mendukung hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk pendidikan seimbang sebagai asas aspirasi setiap murid. Pelan ini juga merujuk sistem pendidikan berprestasi tinggi lain untuk membina perincian bagi kemahiran khusus dan atribut yang boleh diterapkan kepada murid bagi membolehkan mereka menerajui pembangunan ekonomi dan dunia global masa hadapan (Ekshibit 8).

- **Pengetahuan:** Di peringkat paling asas, setiap kanak-kanak perlu menguasai sepenuhnya kemahiran literasi dan numerasi. Selain itu, penting bagi setiap murid menguasai mata pelajaran teras seperti Matematik dan Sains. Murid juga perlu didedahkan kepada pengetahuan am yang menyeluruh tentang Malaysia, Asia, dan dunia dari aspek sejarah, manusia, dan geografi. Murid juga digalakkan mengembangkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang lain seperti seni, muzik, dan sukan.
- **Kemahiran Berfikir:** Setiap murid akan belajar cara memperoleh ilmu pengetahuan sepanjang kehidupan mereka (menerapkan perasaan ingin tahu dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat) untuk membolehkan mereka menghubungkan pelbagai disiplin ilmu dan mencipta ilmu yang baharu. Setiap murid perlu menguasai pelbagai kemahiran kognitif termasuk penaakulan dan pemikiran kritis, kreatif, serta inovatif. Bidang ini kurang diberi perhatian, menyebabkan murid kurang berupaya untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan berfikir secara kritis di luar konteks akademik.
- **Kemahiran Memimpin:** Dalam dunia yang semakin saling berhubung kait, kebolehan untuk memimpin dan bekerja dengan orang lain secara berkesan adalah amat penting. Sistem pendidikan

negara akan membantu setiap murid mencapai potensi sepenuhnya dengan mewujudkan peluang yang formal dan tidak formal untuk bekerja dalam pasukan dan mengamalkan ciri kepimpinan. Dalam konteks sistem pendidikan, kepimpinan merangkumi empat dimensi, iaitu keusahawanan, berdaya tahan, kecerdasan emosi,

EKSHIBIT 7

Lima aspirasi sistem pendidikan Malaysia



dan kemahiran berkomunikasi dengan berkesan.

- **Kemahiran Dwibahasa:** Setiap kanak-kanak akan menguasai bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan serta bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa sekurang-kurangnya pada tahap minima. Dengan tahap penguasaan bahasa ini selepas menamatkan persekolahan, murid sepatutnya berupaya menggunakan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dalam persekitaran kerja. Di samping itu, Kementerian akan menggalakkan semua murid mempelajari bahasa lain sebagai bahasa tambahan.
- **Etika dan Kerohanian:** Sistem pendidikan akan memupuk etika dan kerohanian dalam diri setiap murid bagi mendepani cabaran yang akan ditempuhi dalam kehidupan dewasa, agar mereka boleh menyelesaikan konflik secara harmoni, bijak membuat pertimbangan, berpegang kepada prinsip ketika berada dalam situasi yang kritikal, serta berani melakukan sesuatu yang betul. Sistem pendidikan juga berhasrat untuk membentuk individu penyayang yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan komuniti dan negara.
- **Identiti Nasional:** Identiti nasional yang kukuh melalui penghayatan prinsip Rukun Negara, diperlukan untuk kejayaan dan masa depan Malaysia. Setiap murid akan berbangga dikenali

sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, agama atau status sosioekonomi. Semangat patriotik perlu dipupuk dalam diri setiap murid dengan cara memahami sejarah negara, dan berkongsi aspirasi yang sama untuk masa depan negara. Demi mewujudkan identiti nasional yang sebenar, semangat keterangkuman yang

EKSHIBIT 8

Enam ciri utama yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global



teguh amat diperlukan. Identiti nasional akan dapat dicapai bukan hanya belajar memahami dan menerima kepelbagaian, tetapi juga menghayati kepelbagaian.

SEBELAS ANJAKAN UTAMA UNTUK MENTRANSFORMASI SISTEM PENDIDIKAN NEGARA

Dalam tempoh 15 bulan, Kementerian telah mendapatkan input daripada pelbagai pihak berkepentingan, iaitu pendidik, ahli akademik, ibu bapa, dan murid tentang keperluan untuk menjayakan aspirasi sistem pendidikan negara. Berdasarkan input yang diperoleh, wujud kesepakatan yang tinggi tentang beberapa topik, antaranya kepentingan meningkatkan kualiti guru. Manakala terdapat juga topik seperti masa depan pendidikan bahasa yang mendapat maklum balas yang berbeza-beza.

Kementerian telah meneliti semua cadangan dan menggabungkannya dalam Pelan ini berdasarkan empat kriteria utama. Pertama, setiap tindakan yang diambil perlu menyumbang kepada aspirasi sistem dan murid seperti yang telah dinyatakan. Sekiranya inisiatif yang dikemukakan menghasilkan kesan yang negatif terhadap inisiatif yang lain atau menghasilkan aspirasi yang lain, maka inisiatif tersebut tidak akan diberi keutamaan. Kedua, Kementerian menggunakan bukti antarabangsa bagi mengenal pasti dan memberi keutamaan kepada faktor yang dapat membawa perbezaan ketara dalam

penambahbaikan sistem dan murid. Ketiga, cadangan perlu relevan dengan tahap permulaan sistem dan kemampuan Kementerian untuk melaksanakannya. Oleh itu, inisiatif disusun secara berurutan untuk mempengaruhi perkembangan dalam kompleksiti selaras dengan perkembangan kapasiti dan keupayaan pegawai Kementerian, guru, dan pemimpin sekolah. Keempat, faedah pelaksanaan cadangan perlu memberi pulangan yang lebih besar berbanding dengan kekangan perbelanjaan dan operasi.

Kementerian telah mengenal pasti 11 anjakan yang perlu dilakukan bagi menghasilkan perubahan yang dihasratkan oleh semua rakyat Malaysia. Setiap anjakan perlu memberi impak kepada sekurang-kurangnya satu daripada lima keberhasilan sistem, iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan. Kualiti menjadi fokus utama merentasi semua anjakan kerana kualiti merupakan dimensi penting yang perlu diberikan perhatian segera. Sebahagian daripada anjakan ini merupakan perubahan strategi dan hala tuju pendidikan. Anjakan yang lain merupakan perubahan pelaksanaan dalam cara Kementerian dan sekolah melaksanakan dasar sedia ada. Sama ada perubahan bersifat strategi atau pelaksanaan, semuanya menggambarkan anjakan daripada amalan semasa.

Secara keseluruhan, anjakan yang dirancang mengambil kira setiap pihak berkepentingan dan permasalahan utama yang ditimbulkan masyarakat awam. Kementerian berharap keterangkuman ini akan menyediakan satu asas tumpuan yang boleh diterima oleh semua warganegara Malaysia. Seksyen seterusnya merumuskan setiap anjakan dan menyediakan contoh perubahan besar menerusi inisiatif yang dilancarkan.

Anjakan 1: Menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa

Mengapakah perlu?: Asas kejayaan sistem persekolahan bergantung kepada apa yang murid mesti tahu, faham, dan mampu lakukan. Sejak dahulu lagi, murid Malaysia berkebolehan mengemukakan semula kandungan mata pelajaran yang diikuti. Walau bagaimanapun, kemahiran ini kurang penting dalam ekonomi yang sentiasa berubah pada masa ini. Sebaliknya, murid perlu ada keupayaan menaakul, membuat unjuran, dan mengaplikasi pengetahuan secara kreatif dalam suasana baharu yang berlainan. Murid juga memerlukan ciri kepimpinan untuk bersaing di peringkat global. Pentaksiran antarabangsa TIMSS dan PISA menunjukkan murid di Malaysia sukar mengaplikasi kemahiran berfikir aras tinggi. Kaji selidik yang dijalankan ke atas syarikat Malaysia dan syarikat antarabangsa juga mendapati bahawa murid Malaysia gagal menguasai kemahiran insaniah yang diperlukan oleh bakal majikan.

Pada masa yang sama, pendidikan sering dilihat sebagai pengupaya mobiliti sosial. Kanak-kanak yang dilahirkan dalam keluarga miskin berpeluang memperoleh pendapatan yang tinggi apabila dewasa, sekiranya mereka berpeluang mendapat pendidikan tinggi. Walau bagaimanapun, selagi status sosioekonomi kekal sebagai penentu kejayaan akademik dan

merupakan faktor utama yang mewujudkan jurang pencapaian murid, hasrat Kementerian untuk merealisasikan mobiliti sosial dalam kalangan murid miskin sukar dicapai.

Apakah bentuk kejayaan?: Pertama, tahap keberhasilan murid dan amalan pembelajaran akan ditanda aras dan diselaraskan mengikut standard yang diguna pakai oleh sistem pendidikan berprestasi tinggi, supaya murid Malaysia mampu bersaing di peringkat global. Kedua, murid yang memerlukan bimbingan tambahan akan mendapat akses kepada bantuan yang bersesuaian dengan keperluan, bagi menjamin kejayaan mereka di sekolah.

Menanda aras pembelajaran bahasa, Matematik dan Sains dengan standard antarabangsa. Setiap murid akan menerima asas literasi dan numerasi, iaitu kemahiran asas untuk pembelajaran pada masa hadapan, serta dalam mata pelajaran Sains, iaitu bidang pertumbuhan utama bagi ekonomi Malaysia. Murid akan diajar mengikut kurikulum yang digubal berdasarkan standard sistem pendidikan berprestasi tinggi dan tanda aras ini perlu disahkan oleh badan bebas untuk meyakinkan ibu bapa. Kementerian juga akan menetapkan dan memantau sasaran pencapaian murid dalam pentaksiran antarabangsa PISA dan TIMSS. Pentaksiran tambahan yang mengambil kira dimensi kualiti lain yang relevan dengan konteks Malaysia, boleh dimasukkan apabila dibina dan diterima di peringkat antarabangsa.

Melancarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang disemak semula pada 2017. Kurikulum sekolah rendah dan menengah perlu disemak bagi mengimbangi set ilmu pengetahuan dan kemahiran seperti pemikiran kreatif, inovasi, penyelesaian masalah, dan kepimpinan. Kurikulum ini memberi penekanan kepada pengajaran berpusatkan murid dan pengajaran yang dibezakan, di samping turut memberi lebih penekanan kepada penyelesaian masalah, tugas berasaskan projek, memperkemas mata pelajaran atau tema, dan melaksanakan pentaksiran formatif. Kurikulum ini akan menyokong dan mempercepat laluan pembelajaran untuk murid yang berprestasi tinggi menamatkan SPM dalam tempoh empat tahun, bukannya lima tahun, dan UPSR dalam tempoh lima tahun, bukannya enam tahun. Tambahan lagi, standard pembelajaran yang jelas akan dirangka agar murid dan ibu bapa memahami kemajuan yang dijangkakan bagi setiap tahun persekolahan.

Merombak peperiksaan kebangsaan dan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) untuk meningkatkan secara berperingkat peratusan soalan yang mentaksir kemahiran berfikir aras tinggi. Menjelang 2016, soalan berbentuk pemikiran aras tinggi akan merangkumi sekurang-kurangnya 40% daripada soalan dalam UPSR dan sekurang-kurangnya 50% daripada soalan dalam SPM. Perubahan dalam reka bentuk peperiksaan bermaksud guru tidak lagi perlu meramal soalan dan topik yang akan diuji, dan melaksanakan latihan bagi mengingatkan kandungan pelajaran. Sebaliknya, murid akan dilatih untuk berfikir secara kritis dan mengaplikasikan pengetahuan dalam situasi berbeza. Pada masa yang sama, pentaksiran berasaskan sekolah juga akan menganjak tumpuan untuk menguji kemahiran berfikir aras tinggi.

Meningkatkan kualiti pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM). Kurikulum, peperiksaan dan pentaksiran untuk semua mata pelajaran STEM akan dikaji semula sebagai sebahagian daripada reformasi KSSR, KSSM, dan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi. Khususnya dalam mata pelajaran Sains dan Matematik, murid akan mendapat manfaat dengan tambahan masa pengajaran dan penekanan terhadap aplikasi pengetahuan yang praktikal melalui amali makmal dan pembelajaran berasaskan projek. Dalam tempoh interim, Kementerian akan memperkenalkan modul kurikulum tambahan untuk menangani jurang terbesar dari segi kandungan dan kemahiran dalam kalangan murid yang telah dikenal pasti melalui pentaksiran TIMSS dan PISA. Modul ini akan dilaksanakan mulai 2014. Kementerian juga akan menjalankan ujian diagnostik terhadap guru untuk mengenal pasti tahap kemahiran pedagogi dan pengetahuan kandungan mata pelajaran bagi menyediakan program peningkatan kemahiran khusus. Selain itu, Kementerian juga akan meneroka penggunaan model pembelajaran pelbagai mod yang memanfaatkan teknologi untuk mengukuhkan pembelajaran murid.

Memperluas akses dan meningkatkan kualiti laluan pendidikan, bermula dengan pendidikan vokasional.

Menjelang akhir 2013, perkhidmatan kaunseling kerjaya dan akademik akan dimasukkan ke dalam jadual waktu sekolah menengah untuk membantu murid membuat pilihan bermaklumat mengenai pelbagai laluan pendidikan yang ditawarkan seperti sekolah agama, sekolah vokasional dan teknik, sekolah seni dan sekolah sukan, program pembelajaran pintas untuk murid berprestasi tinggi dan pintar cerdas serta Tingkatan 6, dan Program Matrikulasi. Bagi laluan pendidikan seperti Pendidikan Vokasional yang mana permintaan melebihi bekalan, Kementerian mengadakan perjanjian pembelian tempat dengan sektor swasta. Kementerian akan meningkatkan kualiti pendidikan vokasional melalui kerjasama dengan sektor swasta bagi mendapat kelayakan yang diiktiraf oleh industri, penawaran lebih peluang kursus praktikum secara 'hands-on' dan meningkatkan latihan guru.

Meningkatkan kualiti prasekolah dan menggalakkan enrolmen sejagat menjelang 2020. Setiap murid berusia 5 tahun dan ke atas akan mendaftar di institusi pendidikan prasekolah yang dikendalikan oleh pihak awam atau swasta. Keluarga berpendapatan rendah dan tidak mampu mendaftar anak mereka ke prasekolah akan diberi bantuan kewangan berdasarkan keperluan oleh Kementerian. Semua prasekolah akan mengikut standard kualiti kebangsaan, termasuk memastikan guru yang berkelayakan sekurang-kurangnya diploma ditempatkan di setiap prasekolah. Institusi prasekolah ini akan diperiksa secara tetap oleh Kementerian atau Majlis Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Malaysia bagi memastikan standard minimum dicapai.

Meningkatkan pelaburan dalam sumber fizikal dan sumber pengajaran untuk murid berkeperluan khusus. Murid Orang Asli dan kumpulan minoriti lain, dan murid kurang upaya fizikal atau pembelajaran akan menerima bantuan tambahan supaya mereka juga menikmati peluang pendidikan yang sama rata. Menjelang 2025, murid ini akan memasuki sekolah yang mempunyai kemudahan dan peralatan lengkap bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan membantu murid. Mereka akan diajar oleh guru yang telah menerima latihan tambahan untuk memahami keperluan dan



cabaran khusus murid, dan strategi pengajaran yang diperlukan untuk mengajar murid berkeperluan khusus. Murid ini juga akan diberikan sokongan melalui peluasan jaringan kaunselor, terapis, dan pembantu guru mengikut keperluan.

Melanjutkan pendidikan wajib daripada 6 tahun kepada 11 tahun bermula pada umur 6 tahun dan ke atas, disokong dengan program pengekalan yang disasarkan. Menjelang 2020, setiap murid akan meninggalkan alam persekolahan dengan kelayakan minimum SPM atau kelayakan vokasional yang setara. Perubahan ini bermaksud pendidikan wajib akan ditingkatkan daripada 6 tahun kepada 11 tahun. Enrolmen murid dianggarkan akan meningkat masing-masing sebanyak 5%, 10% dan 20% di peringkat pendidikan rendah, menengah rendah dan menengah atas (berdasarkan kadar enrolmen pada 2011 untuk sekolah awam dan swasta). Murid yang mempunyai risiko tercacir akan dibantu menerusi pelbagai inisiatif, merangkumi bimbingan pemulihan untuk ibu bapa dan kaunseling murid, bagi mengekalkan mereka dalam sistem pendidikan.

Anjakan 2: Memastikan setiap murid menguasai kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan digalakkan mempelajari bahasa tambahan

Mengapakah perlu?: Kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia mewujudkan persekitaran semula jadi yang kondusif untuk melahirkan murid yang menguasai kemahiran dalam lebih daripada satu bahasa. Sistem pendidikan semasa dapat menyediakan keberhasilan pembelajaran yang membanggakan bagi bahasa Malaysia. Penguasaan kemahiran berbahasa Malaysia adalah meluas dalam kalangan murid, dengan 75% murid mencapai tahap minimum kredit dalam peperiksaan SPM 2010. Bahasa Malaysia juga secara tekal menunjukkan kadar lulus paling tinggi daripada mata pelajaran teras dalam UPSR, PMR dan SPM. Tahap penguasaan kemahiran bahasa

Inggeris bagaimanapun adalah jauh lebih rendah. Hanya 28% murid mendapat minimum kredit dalam kertas Bahasa Inggeris SPM 2011 yang ditanda berdasarkan standard kertas Cambridge 1119. Kelemahan penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris dalam kalangan siswazah baharu merupakan satu daripada lima isu yang sering dihadapi oleh majikan di Malaysia sejak 2006.

Penyertaan murid dalam sekolah rendah yang berlainan, mewujudkan perbezaan dalam keberhasilan murid mengikut etnik. Murid Bumiputera menunjukkan pencapaian yang baik dalam Bahasa Malaysia, iaitu 84% mendapat minimum kredit dalam SPM, berbanding 63% murid Cina dan 57% murid India. Bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, hanya 23% murid Bumiputera, 42% murid Cina dan 35% murid India memperoleh skor pada tahap yang sama minimum kredit pada kertas Cambridge 1119 (semua keputusan berdasarkan peperiksaan SPM 2010).

Apakah bentuk kejayaan?: Meningkatkan kemahiran penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris semua murid akan menjadi keutamaan segera. Selepas tiga tahun persekolahan, setiap murid akan mencapai 100% literasi asas dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Pada akhir Tingkatan 5, 90% daripada murid dijangkakan memperoleh minimum skor kredit dalam kertas Bahasa Malaysia SPM, manakala 70% memperoleh skor minimum kredit dalam kertas Bahasa Inggeris SPM (berdasarkan standard Cambridge 1119). Menjelang 2016, Kementerian akan menjadikan mata pelajaran Bahasa Inggeris wajib lulus peringkat SPM. Tambahan lagi, penyediaan mata pelajaran bahasa lain di semua sekolah rendah dan menengah akan diperkukuh supaya setiap murid berpeluang mempelajari bahasa tambahan menjelang 2025.

Melaksanakan kurikulum Bahasa Malaysia untuk Sekolah Jenis Kebangsaan dengan sokongan pemulihan yang intensif bagi murid yang memerlukan.

Pada 2011, Kementerian telah memperkenalkan kurikulum baharu Bahasa Malaysia yang dirangka khusus untuk mengajar murid yang bahasa ibundanya bukan bahasa Malaysia dan murid yang melalui waktu pengajaran Bahasa Malaysia yang kurang berbanding murid di SK. Kurikulum ini mempunyai keperluan standard pembelajaran yang kurang pada Tahap Satu dan akan bertumpu untuk mencapai standard penguasaan kemahiran yang sama dengan SK dan pentaksiran yang bersesuaian menjelang Tahun 6. Pelaksanaan kurikulum ini bermula dengan murid Tahun 1 dan akan lengkap satu pusingan pada 2016. Ibu bapa yang anaknya belum mencapai standard pembelajaran akan diberi pilihan menghantar anaknya mengikuti kelas pemulihan selepas waktu sekolah mulai Tahun 4 hingga Tahun 6 atau mengikuti kelas peralihan.

Memperluas program LINUS supaya meliputi literasi bahasa Inggeris.

Setiap murid Tahun 1 hingga Tahun 3 akan disaring dua kali setahun bagi memastikan kemajuan mereka dalam literasi bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris berada pada kadar yang dijangkakan. Murid yang ketinggalan akan mengikuti kelas pemulihan sehingga mereka dapat mengikuti kurikulum aliran perdana. Guru yang mengajar murid lemah ini akan menerima bimbingan khusus daripada pembimbing guru peringkat daerah.

Meningkatkan kemahiran guru bahasa Inggeris.

Setiap murid akan mengikuti pembelajaran bahasa Inggeris daripada guru yang mempunyai kemahiran mengikut standard antarabangsa. Langkah ini akan dapat dicapai dengan memastikan semua 61,000 guru bahasa Inggeris mengikuti *Cambridge Placement Test (CPT)* dalam tempoh dua tahun. Guru yang tidak mencapai standard yang ditetapkan akan mengikuti latihan intensif bagi meningkatkan kemahiran.

Menjadikan mata pelajaran Bahasa Inggeris kertas wajib lulus peringkat SPM dan memperluaskan peluang bagi pendedahan terhadap bahasa itu.

Kementerian akan menjadikan mata pelajaran Bahasa Inggeris kertas wajib lulus di peringkat SPM mulai 2016 untuk membolehkan murid memperoleh sijil SPM. Untuk membantu murid memenuhi keperluan ini, Kementerian akan melaksanakan pelbagai program sokongan, termasuk Sistem Set untuk membahagikan murid kepada kumpulan atau set tertentu

bagi membolehkan guru merangka pendekatan pedagogi yang sesuai dengan tahap kemahiran dan keperluan pembelajaran murid. Di samping itu, murid akan diberi pendedahan yang lebih meluas dalam bahasa Inggeris, contohnya melalui peluasan modul Sastera dalam bahasa Inggeris yang diwajibkan kepada murid sekolah rendah dan menengah. Kajian antarabangsa menunjukkan bahawa tempoh pendedahan yang lebih lama berbanding kadar semasa (15%-20%) diperlukan untuk murid menguasai bahasa Inggeris. Kementerian juga akan mengkaji kemungkinan memperkenalkan model pembelajaran pelbagai mod dengan memanfaatkan teknologi bagi mengukuhkan pembelajaran murid.

Mengalakkan setiap murid mempelajari bahasa tambahan menjelang 2025.

Pada masa ini, ramai murid telah mempelajari bahasa tambahan selain bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Penguasaan bahasa tambahan akan dapat membantu murid menyertai tenaga kerja global. Oleh itu, aspirasi Kementerian adalah untuk memastikan setiap murid dari peringkat rendah hingga menengah, berpeluang mempelajari bahasa tambahan. Pada tahun-tahun permulaan, Kementerian akan memberikan tumpuan untuk menambahkan bilangan guru bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa Arab bagi memastikan bilangan guru bahasa-bahasa itu sepadan dengan keperluan murid. Apabila sistem pendidikan negara dapat meningkatkan kebolehan dan keupayaan, Kementerian akan memperkenalkan bahasa penting lain seperti bahasa Sepanyol, bahasa Perancis dan bahasa Jepun. Pengajaran bahasa tambahan juga akan dimasukkan dalam waktu pengajaran di sekolah menengah, seperti dalam KSSR.

Anjakan 3: Melahirkan rakyat yang menghayati nilai

Mengapakah perlu?: Murid hari ini akan mewarisi dunia yang penuh dengan cabaran hebat, daripada kemusnahan alam sekitar hinggalah kepada konflik bersenjata. Untuk berjaya mengharungi segala cabaran ini murid bukan sahaja perlu memiliki kemahiran memimpin, tetapi juga nilai murni sejagat seperti integriti, belas kasihan, adil, dan altruisme yang dapat membimbing mereka dalam membuat keputusan beretika. Pada masa yang sama, pembangunan warganegara yang global perlu diimbangi dengan pembangunan identiti nasional yang kukuh.

Apakah bentuk kejayaan?: Setiap murid meninggalkan alam persekolahan sebagai seorang warga global yang telah dipupuk dengan nilai teras sejagat dan memiliki identiti nasional yang utuh. Nilai yang telah dipelajari akan diamalkan dalam kehidupan harian, yang seterusnya menghasilkan tingkah laku sivik, seperti peningkatan dalam aktiviti sukarela; penerimaan individu berlainan bangsa, agama dan etnik; menghindari perbuatan rasuah dan jenayah serta menunjukkan tingkah laku amanah dan berintegriti. Selain itu, setiap murid yang tamat persekolahan bersedia menjadi pemimpin bagi diri dan keluarga mereka, atau sebagai sebahagian daripada komuniti yang lebih besar, serta negara.



Mengukuhkan Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Moral dengan lebih tumpuan kepada perpaduan dan memupuk persefahaman yang erat antara murid. Pelaksanaan KSSR yang disemak semula dan KSSM memerlukan setiap murid sekolah rendah dan menengah melibatkan diri dalam khidmat komuniti. Bagi murid sekolah menengah, elemen khidmat komuniti akan dijadikan prasyarat untuk kelulusan sekolah menengah. Kurikulum Pendidikan Agama Islam bagi murid Islam dan kurikulum Pendidikan Moral bagi murid bukan Islam akan diperkukuhkan supaya akan merangkumi tumpuan yang lebih kepada pemahaman tentang nilai-nilai perpaduan dan hubungan baik sesama insan.

Membangunkan murid secara holistik dengan mengukuhkan keperluan penyertaan murid dalam 1Sukan, 1Kelab, dan 1Badan Beruniform. Pelibatan dalam aktiviti kokurikulum memberikan murid peluang untuk membangunkan bakat dan minat mereka di luar persekitaran bilik darjah yang formal. Aktiviti seperti ini juga menyediakan peluang yang baik untuk membangunkan kemahiran kepimpinan murid. Oleh itu, setiap murid dijangkakan akan mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya 1Sukan, 1Kelab, dan 1Badan Beruniform. Kementerian juga akan mengkaji kemungkinan mewajibkan pelibatan ini sebagai syarat tamat pengajian dan pemberian biasiswa di peringkat pengajian tinggi. Bagi meningkatkan kualiti aktiviti yang ditawarkan di setiap sekolah, Kementerian akan memberi latihan ber sasaran kepada guru penasihat aktiviti. Kerjasama dengan lebih banyak organisasi komuniti dan sektor swasta akan dijalin bagi melaksanakan program ini.

Mengukuhkan dan memperluaskan RIMUP mulai 2016 untuk memudah cara interaksi antara jenis sekolah. Pada masa ini, Kementerian menjalankan program aktiviti antara sekolah, iaitu RIMUP bagi memupuk interaksi yang lebih kukuh antara murid daripada jenis sekolah berlainan. Pada masa hadapan, kekerapan dan intensiti program akan ditingkatkan dan disasarkan kepada sekolah yang mempunyai populasi murid yang homogen. Kementerian juga akan memperluas program ini dengan melibatkan sekolah swasta.

Anjakan 4: Mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan

Mengapakah perlu?: Kajian antarabangsa menunjukkan bahawa kualiti guru merupakan faktor berasaskan sekolah yang paling signifikan dalam menentukan keberhasilan murid. Kualiti sistem tidak boleh melangkaui kualiti guru. Walaupun terdapat guru yang cemerlang dalam sistem pendidikan Malaysia, kajian AKEPT 2011 mendapati bahawa hanya 50% pengajaran disampaikan dengan berkesan. Hal ini bermakna penyampaian mata pelajaran tidak melibatkan murid secukupnya, dan cara mengajarnya lebih pasif serta berbentuk syarahan. Mata pelajaran yang disampaikan lebih berfokus kepada pemahaman kandungan yang tidak mendalam dan tidak memberi tumpuan kepada kemahiran berfikir aras tinggi. Statistik ini juga menunjukkan cabaran besar yang akan dihadapi kerana lebih kurang 60% guru pada hari ini akan terus mengajar bagi tempoh 20 tahun lagi.

Apakah bentuk kejayaan?: Profesion keguruan akan menjadi lebih berprestij dan elit apabila pengambilan dibuat hanya dalam kalangan graduan 30% terbaik dalam negara. Guru pelatih akan menerima latihan yang sebaik mungkin dari mula mereka mengikuti program latihan hingga mereka bersara. Mereka akan memperoleh peluang pembangunan kerjaya yang menarik dalam beberapa laluan kerjaya yang jelas, dengan kemajuan yang berasaskan prestasi dan kompetensi, dan bukan tempoh perkhidmatan. Sistem pendidikan akan memperkukuhkan budaya teladan rakan setugas untuk meningkatkan kecemerlangan profesional menerusi pementoran, pembangunan dan perkongsian amalan terbaik, serta meningkatkan kebertanggungjawaban rakan setugas dalam memenuhi standard profesion.

Mengetatkan syarat kelayakan kemasukan guru mulai 2013 supaya terdiri daripada kalangan graduan 30% teratas.


Pada masa hadapan, hanya calon terbaik sahaja akan dipilih untuk mengikuti latihan perguruan. Hal ini bermakna Kementerian akan meninggikan syarat kelayakan kemasukan ke profesion keguruan bagi memastikan semua guru yang mengikuti setiap latihan perguruan memenuhi syarat minimum kelayakan akademik. Kementerian akan memastikan standard yang sama digunakan dalam program latihan perguruan di institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Bagi memenuhi hasrat melahirkan guru berkualiti, Kementerian akan memastikan kualiti kurikulum dan pensyarah ditingkatkan. Kementerian akan memperkenalkan keperluan kelulusan yang lebih ketat supaya hanya pelatih yang terbaik akan lulus dan dijamin penempatan di sekolah awam.

Merombak IPG. Kementerian berhasrat untuk mengubah IPG kepada universiti latihan guru bertaraf dunia menjelang 2020. Untuk tujuan tersebut, Kementerian akan menilai semula kurikulum latihan praperkhidmatan semasa bagi memastikan guru cukup bersedia untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi yang diperlukan oleh murid di Malaysia. Hal ini dilakukan dengan menambah peratusan masa praktikum kepada 40% untuk semua program. IPG juga akan menawarkan pelbagai program (diploma, ijazah pertama dan ijazah lanjutan) untuk memenuhi keperluan calon dengan pelbagai tahap pengalaman (lulusan baharu dan mereka yang bertukar kerjaya). Kriteria pengambilan pensyarah baharu akan diketatkan dan kemahiran pensyarah sedia ada ditingkatkan.

Meningkatkan kualiti program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) mulai 2013. Guru akan menerima lebih sokongan untuk membantu mereka mencapai potensi penuh. Guru akan mendapat latihan CPD individu daripada penyelia mereka apabila memulakan profesion. Program CPD termasuk latihan komponen teras dan komponen elektif mengikut keperluan pembangunan diri masing-masing. Kebanyakan program ini akan dijalankan di peringkat sekolah kerana latihan berasaskan sekolah terbukti sangat berkesan sebagai salah satu kaedah CPD. Program ini akan menggunakan jaringan rakan sejawat termasuk pembimbing guru, guru kanan, dan pengetua/guru besar untuk menyebarkan amalan terbaik. Latihan ini membolehkan guru terus meningkatkan tahap kemahiran mereka selaras dengan kecekapan yang dijangkakan daripada seseorang guru. Bahagian Pendidikan Guru (BPG) bertanggungjawab menyediakan CPD ini.

SEBELAS ANJAKAN UNTUK TRANSFORMASI SISTEM


ANJAKAN



MENYEDIAKAN
KESAMARA-
TAAN AKSES
KEPADA
PENDIDIKAN
BERKUALITI
BERTARAF
ANTARA-
BANGSA

- Menanda aras pembelajaran bahasa, Matematik dan Sains dengan standard antarabangsa
- Melancarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang disemak semula pada 2017
- Merombak peperiksaan kebangsaan dan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) untuk meningkatkan secara berperingkat peratusan soalan yang mentaksir kemahiran berfikir aras tinggi pada 2016
- Meningkatkan kualiti pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM)
- Memperluas akses dan meningkatkan kualiti laluan pendidikan, bermula dengan pendidikan vokasional
- Meningkatkan kualiti prasekolah dan menggalakkan enrolmen sejagat menjelang 2020
- Meningkatkan pelaburan dalam sumber fizikal dan sumber pengajaran untuk murid berkeperluan khusus
- Melanjutkan pendidikan wajib daripada 6 tahun kepada 11 tahun bermula pada umur 6 tahun


1



MEMASTIKAN
SETIAP MURID
MENGUASAI
KEMAHIRAN
DALAM
BAHASA
MALAYSIA DAN
BAHASA
INGGERIS DAN
DIGALAKKAN
MEMPELAJARI
BAHASA
TAMBAHAN

- Melaksanakan KSSR Bahasa Malaysia untuk Sekolah Jenis Kebangsaan dengan sokongan pemulihan yang intensif bagi murid yang memerlukan
- Memperluas program LINUS supaya meliputi literasi bahasa Inggeris
- Meningkatkan kemahiran guru bahasa Inggeris
- Menjadikan mata pelajaran Bahasa Inggeris kertas wajib lulus peringkat SPM dan memperluaskan peluang bagi pendedahan terhadap bahasa Inggeris
- Menggalakkan setiap murid mempelajari bahasa tambahan menjelang 2025


2



MELAHIRKAN
RAKYAT YANG
MENGHAYATI
NILAI

- Mengukuhkan Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Moral dengan lebih tumpuan kepada perpaduan dan memupuk persefahaman yang erat antara murid
- Membangunkan murid secara holistik dengan mengukuhkan keperluan penyertaan murid dalam 1Sukan, 1Kelab, dan 1Badan Beruniform
- Mengukuhkan dan memperluaskan RIMUP mulai 2016 untuk memudah cara interaksi antara jenis sekolah


3



MENTRANSFOR-
MASI
PROFESION
KEGURUAN
MENJADI
PROFESION
PILIHAN

- Mengetatkan syarat kemasukan guru mulai 2013 supaya terdiri daripada kalangan graduan 30% teratas
- Merombak IPG setanding dengan standard bertaraf dunia menjelang 2020
- Meningkatkan kualiti program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) mulai 2013
- Memastikan guru memberi tumpuan kepada fungsi teras pengajaran mulai 2013
- Melaksanakan laluan kerjaya guru berasaskan kompetensi dan prestasi menjelang 2016
- Memperluas laluan guru untuk peranan kepimpinan, pakar pengajaran, dan pakar bidang khusus menjelang 2016
- Membudayakan kecemerlangan berasaskan teladan rakan setugas dan proses pensijilan mulai 2025

4



MEMASTIKAN
KEPIMPINAN
BERPRESTASI
TINGGI
DITEMPATKAN
DI SETIAP
SEKOLAH

- Memperkukuh kriteria pemilihan dan proses perancangan penggantian bagi pengetua/guru besar mulai 2013
- Melaksanakan Pakej Kerjaya Pengetua/ Guru Besar yang baharu secara berperingkat, dengan lebih sokongan dan kebertanggungjawaban yang tinggi bagi meningkatkan keberhasilan murid


5



MENGUPAYA JPN, PPD DAN SEKOLAH UNTUK MENYEDIAKAN PENYELESAIAN KHUSUS BERASASKAN KEPERLUAN

- Mempercepat penambahbaikan prestasi sekolah melalui program yang sistematik dan dipimpin oleh PPD di semua negeri menjelang 2014
- Memberi lebih kuasa melalui pengurusan berasaskan sekolah dan autonomi kepada sekolah yang memenuhi kriteria prestasi minimum
- Memastikan 100% sekolah memenuhi keperluan infrastruktur asas menjelang 2015, bermula dengan Sabah dan Sarawak
- Memastikan semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan menerima sokongan kewangan yang saksama

6



MEMANFAATKAN ICT BAGI MENINGKATKAN KUALITI PEMBELAJARAN DI MALAYSIA

- Menyediakan akses Internet dan persekitaran pembelajaran maya melalui 1BestariNet bagi kesemua 10,000 sekolah
- Menambahkan kandungan dalam talian untuk perkongsian amalan terbaik bermula dengan perpustakaan video guru terbaik menyampaikan pengajaran dalam Sains, Matematik, Bahasa Malaysia, dan Bahasa Inggeris
- Memaksimumkan penggunaan ICT bagi pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran kadar sendiri untuk memperluas akses kepada pengajaran berkualiti tinggi tanpa mengira lokasi atau tahap kemahiran murid

7



MENTRANSFORMASI KEMENTERIAN KEBOLEHAN DAN KEUPAYAAN PENYAMPAIAN

- Mengupaya JPN dan PPD dengan memberi lebih hak membuat keputusan tentang bajet dan personel mulai 2013, serta meningkatkan kebertanggungjawaban bagi menambah baik keberhasilan murid
- Sekurang-kurangnya 2,500 personel daripada Kementerian dan JPN ditempatkan di PPD untuk memberi lebih sokongan kepada sekolah menjelang 2014
- Memperkukuh kebolehpayaan kepimpinan bagi 150-200 jawatan kepimpinan utama mulai 2013
- Merangka fungsi dan struktur baharu Kementerian menjelang 2013, dan pelaksanaan mulai 2016

8



BEKERJASAMA DENGAN IBU BAPA, KOMUNITI, DAN SEKTOR SWASTA SECARA MELUAS

- Melengkapkan setiap ibu bapa bagi membantu pembelajaran anak mereka melalui sarana pelibatan ibu bapa dan akses dalam talian kepada kemajuan anak di sekolah
- Mendapatkan maklum balas daripada setiap PIBG mengenai pelaksanaan kurikulum setempat dan kualiti guru mulai 2016
- Menambah bilangan model Sekolah Amanah kepada 500 menjelang 2025 dengan melibatkan kumpulan alumni dan NGO yang berpotensi sebagai penaja

9



MEMAKSIMUMKAN KEBERHASILAN MURID BAGI SETIAP RINGGIT

- Mengaitkan setiap program kepada keberhasilan murid yang jelas dan merasional program berimpak rendah pada setiap tahun
- Memanfaatkan peluang kecekapan, dengan mengagihkan peruntukan kepada bidang paling penting seperti peningkatan kemahiran dan latihan guru

10



MENINGKATKAN KETELUSAN UNTUK KEBERTANGGUNGJAWABAN AWAM SECARA LANGSUNG

- Menerbitkan laporan tahunan awam tentang kemajuan sasaran dan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia mulai 2013
- Melaksanakan semakan komprehensif pada 2015, 2020 dan 2025

11

Memastikan guru memberi tumpuan kepada fungsi teras pengajaran mulai 2013. Guru akan menikmati pengurangan beban tugas pentadbiran supaya mereka boleh menumpukan sebahagian besar masa mereka kepada fungsi teras pengajaran. Perkara ini akan dapat dicapai dengan memperkemas dan mempermudah proses pengumpulan dan pengurusan data sedia ada. Sesetengah tugas pentadbiran akan diserahkan kepada pusat perkhidmatan terpusat atau kepada guru pentadbiran yang khusus di peringkat sekolah.

Melaksanakan laluan kerjaya guru berasaskan kompetensi dan prestasi menjelang 2016. Guru akan dinilai secara tahunan oleh pengetua/guru besar mereka dengan menggunakan input yang mungkin diberikan oleh rakan sejawat. Penilaian ini akan dilaksanakan dengan menggunakan instrumen penilaian baharu, yang memberi tumpuan kepada keupayaan guru menyampaikan pengajaran secara berkesan di dalam dan di luar bilik darjah. Instrumen baharu ini memberikan gambaran yang lebih jelas bahawa tugas utama guru adalah membantu pembelajaran murid. Guru berprestasi tinggi akan menikmati kemajuan kerjaya yang lebih pantas. Guru yang cemerlang mungkin akan dinaikkan pangkat pada gred DG41 ke DG54 dalam tempoh lebih singkat, iaitu kurang 25 tahun, yang merupakan purata tempoh kenaikan pangkat semasa. Guru yang menghadapi kesukaran dalam mencapai tahap kualiti minimum akan diberi bimbingan tambahan bagi membantu mereka berada pada landasan yang betul. Guru yang masih gagal mencapai tahap kualiti minimum, walaupun telah diberi bimbingan tambahan, akan ditugaskan semula untuk menjalankan fungsi berasaskan sekolah yang lain seperti membantu pentadbiran, pengurusan disiplin atau pengurusan kokurikulum. Dari semasa ke semasa, Kementerian akan mengurangkan saiz kohort guru secara berperingkat dengan penambahbaikan produktiviti dan penggunaan masa guru.

Memperluas laluan guru untuk peranan kepimpinan, pakar pengajaran, dan pakar bidang khusus menjelang 2016. Guru juga boleh memilih laluan kerjaya yang menarik berdasarkan prestasi, potensi, dan minat mereka. Sebagai contoh, mereka boleh memilih untuk menjalankan tugas kepimpinan di peringkat sekolah, PPD, JPN atau Kementerian. Mereka juga boleh memilih untuk menjadi pakar dalam bidang tertentu seperti pembangunan kurikulum, pentaksiran, dan program latihan untuk sistem yang lebih luas. Mereka juga boleh berperanan sebagai guru pakar di sekolah. Tanpa mengira laluan

kerjaya yang dipilih, komitmen melabur dalam pembangunan guru dan persekitaran kebertanggungjawaban profesional, akan diteruskan dalam semua laluan kerjaya ini. Peluang untuk kenaikan pangkat adalah setara tanpa mengira laluan kerjaya yang dipilih.

Membudayakan kecemerlangan berasaskan teladan rakan setugas dan proses pensijilan mulai 2025. Kementerian akan memberikan tumpuan kepada usaha memastikan semua guru menggunakan sepenuhnya keluasan yang diberikan dalam isu profesional berkaitan penjadualan kurikulum, penyusunan pengajaran, pendekatan pedagogi, dan pentaksiran berasaskan sekolah. Kementerian juga memudahcara aktiviti CPD yang dipacu oleh guru bagi membolehkan guru membimbing satu sama lain, membangunkan dan menyebarkan amalan terbaik, dan sama-sama bertanggungjawab bagi mencapai standard profesional. Sebagai tambahan kepada sistem kemajuan berasaskan kompetensi, Kementerian juga akan mempertimbang untuk mewujudkan skim pensijilan yang dikaitkan dengan penguasaan kecekapan guru seperti yang diterangkan di atas. Kementerian akan bekerjasama dengan wakil guru bagi mencapai matlamat tersebut.

Anjakan 5: Memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah

Mengapakah perlu?: Kualiti kepimpinan sekolah merupakan faktor berasaskan sekolah yang kedua terpenting, selepas kualiti guru, dalam menentukan keberhasilan murid. Beberapa kajian antarabangsa tentang kepimpinan sekolah menunjukkan bahawa pengetua/guru besar yang cemerlang, iaitu yang memberi tumpuan kepada kepimpinan instruksional dan bukannya kepimpinan pentadbiran, dapat meningkatkan keberhasilan murid sebanyak 20%. Walau bagaimanapun, kriteria pemilihan yang diamalkan pada masa ini sebahagian besarnya ditentukan berdasarkan tempoh perkhidmatan dan bukannya kecekapan kepimpinan. Tambahan lagi, 55% daripada semua pengetua/guru besar yang ada pada masa ini tidak pernah mengikuti latihan persediaan atau induksi sebelum atau semasa mereka berada dalam tempoh tiga tahun pertama sebagai pengetua/guru besar. Hal ini bermakna



mereka mungkin menjalankan tugas sebagai pengetua/guru besar dalam keadaan kurang bersedia. Dengan bilangan 40% pengetua/guru besar yang akan bersara dalam tempoh lima tahun akan datang, maka wujud peluang untuk meningkatkan kualiti kohort ini.

Apakah bentuk kejayaan?: Setiap sekolah akan mempunyai pengetua/guru besar berprestasi tinggi yang sentiasa gigih dalam matlamatnya untuk meningkatkan keberhasilan murid, dari segi akademik dan bukan akademik. Pengetua/guru besar cemerlang akan diberikan insentif untuk berkhidmat di sekolah berprestasi rendah, dan akan berperanan sebagai mentor dalam komuniti yang lebih luas. Seterusnya, asas kepimpinan di setiap sekolah akan diperkukuh, iaitu dengan membangunkan dan menjadikan guru penolong kanan, ketua bidang dan ketua panitia sebagai pemimpin instruksional.

Memperkukuh kriteria pemilihan dan proses perancangan penggantian bagi pengetua/guru besar mulai 2013.

Kementerian akan menukar kriteria pemilihan pengetua/guru besar daripada pemilihan berasaskan tempoh perkhidmatan kepada pemilihan yang berfokuskan kecekapan kepimpinan. Setiap pengetua/guru besar juga dikehendaki mendapatkan sijil Kelayakan Profesional Kebangsaan bagi Kepimpinan Pendidikan (NPQEL) daripada Institut Aminuddin Baki (IAB) sebelum boleh dilantik sebagai pengetua/guru besar. Penetapan syarat ini dijangka menyebabkan purata umur pengetua/guru besar menurun, dan membolehkan mereka berkhidmat bagi tempoh yang lebih lama di setiap sekolah dan dalam sistem pendidikan secara keseluruhannya. Kementerian juga akan memperkenalkan proses perancangan penggantian yang mengenal pasti dan melatih individu berpotensi tinggi bagi memastikan terdapat kelompok calon yang bersedia untuk berkhidmat, apabila dipanggil sebaik sahaja terdapat kekosongan jawatan. Setelah mekanisme ini dilaksanakan, Kementerian akan memperluas fokus perancangan mencakupi guru penolong kanan, ketua bidang dan juga ketua panitia.

Melaksanakan Pakej Kerjaya Pengetua/Guru Besar yang baharu secara berperingkat, dengan lebih sokongan dan kebertanggungjawaban yang tinggi bagi meningkatkan keberhasilan murid. Seperti halnya guru, pengetua/guru besar juga akan menerima lebih sokongan bagi membantu mereka mencapai potensi penuh, seterusnya memikul tanggungjawab yang lebih besar dalam memastikan keberhasilan murid yang lebih tinggi. Pengetua/Guru Besar yang bakal dilantik akan mendapat manfaat daripada satu program induksi baharu, yang memerlukan mereka mengikuti program pementoran selama satu bulan di bawah bimbingan pengetua/guru besar yang akan berpindah atau bersara. Mereka juga akan mengikuti suatu tempoh bimbingan dan pementoran daripada pengetua/guru besar berpengalaman atau Rakan Peningkatan Sekolah (SIPartner+) daerah sebaik sahaja mereka memulakan tugas baharu sebagai pengetua/guru besar secara rasmi. Peluang mengikuti CPD tidak terhenti pada tahun pertama perkhidmatan sebagai pengetua/guru besar. Malah, CPD ini akan terus menjadi sumber bagi membolehkan setiap pengetua/guru besar memperbaharui tahap profesionalisme masing-masing. Pihak IAB juga akan memastikan peluang CPD yang sama disediakan untuk penolong kanan, ketua bidang dan ketua panitia.

Pengetua/guru besar mempunyai keluwesan untuk berkhidmat di sekolah rendah atau menengah melalui suatu laluan perkhidmatan awam guna sama yang baharu. Mereka akan dinilai setiap tahun menggunakan satu instrumen penilaian baharu yang memberi penekanan kepada keupayaan kepimpinan dan peningkatan keberhasilan murid. Sebagaimana guru, pengetua/guru besar berprestasi tinggi akan menikmati peluang kemajuan kerjaya yang lebih pantas. Pemberian insentif akan disemak semula bagi menggalakkan pengetua/guru besar berprestasi tinggi bertugas di kawasan luar bandar dan/atau di sekolah berprestasi rendah. Pengetua/guru besar yang mengalami kesukaran dalam mencapai standard minimum akan diberikan bimbingan tambahan, manakala pengetua/guru besar yang masih gagal mencapai tahap kualiti minimum walaupun telah diberikan bimbingan tambahan akan ditugaskan semula ke jawatan guru di sekolah lain.

Semua pemimpin sekolah (pengetua/guru besar, penolong kanan, ketua jabatan, ketua panitia) akan dipersiapkan supaya mereka dapat menggunakan sepenuhnya keluwesan membuat keputusan yang diperuntukkan kepada mereka. Keluwesan ini termasuklah perkara yang melibatkan kepimpinan instruksional seperti perancangan peningkatan sekolah, perancangan kurikulum dan kokurikulum, dan juga hal berkaitan kepimpinan pentadbiran seperti agihan peruntukan sekolah. Seperti mana guru, aspirasi bagi pemimpin sekolah adalah untuk membina budaya kecemerlangan profesional pimpinan teladan rakan setugas. Pemimpin sekolah membimbing satu sama lain, membangunkan dan menyebarkan amalan terbaik, dan sama-sama bertanggungjawab bagi mencapai standard profesional.

Anjakan 6: Mengupaya JPN, PPD dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan

Mengapakah perlu?: Data kebangsaan dan antarabangsa menunjukkan bahawa sekolah di Malaysia tersebar merentas spektrum prestasi yang luas. Sebagai contoh, dalam PISA 2009+, 7% daripada sekolah yang terlibat digredkan sebagai “Baik”, 13% “Sederhana” dan 80% “Lemah”.

Sejak dahulu lagi, banyak program dibentuk berdasarkan model “satu untuk semua” (one-size-fits-all). Data antarabangsa menunjukkan bahawa sekolah memerlukan set intervensi yang berlainan supaya bersesuaian dengan tahap prestasi sekolah yang berbeza-beza.

Apakah bentuk kejayaan?: Setiap sekolah, tanpa mengira lokasi, saiz atau jenis, akan menyediakan pendidikan yang baik dan holistik kepada murid. Hal ini bermakna bahawa menjelang tahun 2020, tidak akan ada lagi sekolah berprestasi rendah (Band 6 atau 7) di negara ini, malah lebih banyak sekolah akan diiktiraf sebagai SBT atau Sekolah Kluster Kecemerlangan berdasarkan prestasi yang ditunjukkan. Jumlah bantuan kewangan dan operasi yang diberikan kepada setiap sekolah akan bergantung pada keperluan khusus masing-masing. Pemimpin negeri, daerah dan sekolah akan mempunyai lebih kuasa untuk membuat keputusan berkenaan

operasi harian dan intervensi khusus mengikut konteks sekolah dan membolehkan pengurusan berasaskan sekolah yang lebih luas.

Mempercepat penambahbaikan prestasi sekolah melalui program yang sistematik dan dipimpin oleh PPD di semua negeri menjelang 2014. Lanjutan kejayaan Program Peningkatan Sekolah GTP1.0, setiap PPD akan diupayakan untuk menyesuaikan sokongan yang diberikan kepada sekolah, dan daripada aspek kehadiran murid hingga kepada penempatan pengetua/guru besar dan guru. Sumber itu akan dapat diagihkan kepada sekolah yang amat memerlukan termasuk penempatan pembimbing guru dan pembimbing pengetua/guru besar secara sepenuh masa untuk membantu guru dan pengetua/guru besar di sekolah berprestasi rendah (Band 5, 6 dan 7). Pada masa yang sama, Kementerian akan memastikan semua sekolah dan daerah kekal sejajar dengan keutamaan strategik Kementerian melalui pelaksanaan satu set Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang seragam. Program ini telah dirintis di Kedah dan di Sabah mulai Januari 2013, dan dilaksanakan di semua daerah pada 2014.

Memberi lebih kuasa melalui pengurusan berasaskan sekolah dan autonomi kepada sekolah yang memenuhi kriteria prestasi minimum. Pada masa hadapan, semua sekolah akan bertanggungjawab membuat keputusan operasi tentang peruntukan bajet dan pelaksanaan kurikulum. Sebagai contoh, pengetua/guru besar berkuasa penuh dalam pengurusan perbelanjaan geran per kapita, dan reka bentuk jadual waktu persekolahan. Walau bagaimanapun, proses ini akan dilaksanakan secara berperingkat, bermula dengan SBT dan Sekolah Kluster Kecemerlangan (sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian akademik dan bukan akademik), serta Sekolah Amanah (sebagai pengiktirafan terhadap model penyampaian inovatif kerjasama awam dan swasta). Dari semasa ke semasa, lebih banyak sekolah akan diberikan hak membuat keputusan berdasarkan prestasi yang ditunjukkan. Peningkatan penekanan terhadap pengurusan berasaskan sekolah ini menuntut akauntabiliti yang lebih tinggi daripada pengetua/guru besar.

Memastikan 100% sekolah memenuhi keperluan infrastruktur asas menjelang 2015, bermula dengan Sabah dan Sarawak. Setiap sekolah di Malaysia, tanpa mengira lokasi, saiz atau jenis, perlu mencapai tahap keperluan infrastruktur yang minimum bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat, bersih, dan kondusif. Keperluan ini termasuklah akses kepada air bersih yang terawat, bekalan elektrik sekurang-kurangnya 12 jam sehari, serta kemudahan tandas, bilik darjah, meja dan kerusi yang mencukupi untuk murid dan guru. Proses ini akan dimulakan dengan menaik taraf semua sekolah bagi memenuhi standard infrastruktur asas menjelang 2015, bermula dengan Sabah dan Sarawak, yang kini menghadapi cabaran infrastruktur yang terbesar. Setelah semua sekolah memenuhi standard infrastruktur asas ini, Kementerian akan terus melakukan proses naik taraf infrastruktur bagi memenuhi keperluan asas penyampaian kurikulum yang berkesan, seperti makmal Sains dan bengkel Kemahiran Hidup.

Memastikan semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan menerima sokongan kewangan yang saksama. Kementerian

akan membangunkan dan melaksanakan prinsip asas yang telus dan saksama dalam pengagihan kewangan dan sokongan lain kepada semua jenis sekolah. Prinsip ini akan diselaraskan dengan aspirasi sistem iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan. Sebagai contoh, Kementerian akan mengenal pasti beberapa sekolah yang berdepan dengan cabaran murid berpendapatan rendah dan berkeperluan khusus berbanding dengan sekolah yang lain. Seajar dengan prinsip ekuiti, sekolah ini memerlukan peruntukan tambahan bagi membolehkan sokongan perkhidmatan tambahan diberikan kepada murid.

Anjakan 7: Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia

Mengapakah perlu?: Sepanjang dekad yang lalu, Kementerian telah membelanjakan lebih RM6 bilion untuk teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam inisiatif pendidikan, seperti Sekolah Bestari. Jumlah ini merupakan antara pelaburan modal paling intensif pernah dilakukan dalam sistem pendidikan. Walau bagaimanapun, penggunaan ICT di sekolah masih tidak mencapai tahap yang memuaskan, baik dari segi kualiti mahupun kuantiti. Sebagai contoh, kajian Kementerian pada 2010 mendapati bahawa lebih kurang 80% guru menggunakan ICT kurang satu jam seminggu. Kajian tersebut turut mendapati bahawa hanya sepertiga murid menyatakan bahawa guru mereka menggunakan ICT secara tetap. Kajian UNESCO pada 2012 mendapati bahawa penggunaan ICT tidak beranjak daripada sekadar penggunaan aplikasi pemprosesan perkataan sebagai alat pengajaran. ICT mempunyai potensi yang besar untuk memacu proses pembelajaran ilmu dan kemahiran berfikir yang luas. Namun demikian, potensi ini belum dizahirkan.

Apakah bentuk kejayaan?: ICT akan membantu memperkukuh proses pengajaran dan pembelajaran di semua 10,000 sekolah. Murid akan memperoleh akses kandungan yang lebih luas, menarik, dan interaktif. Mereka akan dapat belajar mengikut kadar sendiri dan mempunyai pilihan pengajian yang lebih luas melalui program jarak jauh. Pengetua/Guru Besar dan guru juga akan mempunyai akses kepada sumber pembelajaran dan komuniti di dalam dan di luar negara bagi membantu meningkatkan kualiti amalan mereka. Kemudahan ICT akan menjadi sebahagian daripada kehidupan murid di sekolah, tanpa jurang pemisah antara bandar dengan luar bandar. Semua guru dan murid akan dilengkapi kemahiran yang perlu bagi menggunakan teknologi ini secara berkesan dan bermakna.

Menyediakan akses Internet dan persekitaran pembelajaran maya melalui 1BestariNet bagi kesemua 10,000 sekolah menjelang 2013. Dalam masa yang terdekat, semua murid akan mempunyai akses kepada rangkaian 4G di sekolah melalui 1BestariNet. Rangkaian ini berfungsi sebagai asas kepada pembinaan platform pembelajaran maya yang dapat digunakan oleh guru, murid, dan ibu bapa untuk berkongsi sumber pembelajaran, melaksanakan pembelajaran secara interaktif, dan berkomunikasi secara maya.

Bagi memaksimumkan impak pelaburan, Kementerian juga akan melabur dalam latihan kecekapan ICT untuk semua guru dan secara beransur-ansur, meningkatkan nisbah peranti-murid daripada hampir 1:30 pada 2011 kepada 1:10 menjelang 2020. Bagi memastikan kecekapan kos, Kementerian akan melabur dalam peranti yang sesuai dengan tujuan penggunaan, seperti komputer asas atau komputer riba kos rendah. Sebagai alternatif kepada kemudahan ICT sedia ada (makmal komputer), Kementerian juga akan menguji penggunaan kaedah baharu yang kurang menggunakan sumber, seperti kaedah perpustakaan atau pusat pinjaman bergerak bagi komputer bimbit dan komputer.

Menambahkan kandungan dalam talian untuk perkongsian amalan terbaik bermula dengan perpustakaan video guru terbaik menyampaikan pengajaran dalam Sains, Matematik, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris pada 2013. Guru boleh mengakses lebih banyak contoh sumber pengajaran terbaik secara dalam talian. Akses kepada sumber ini akan dimulakan dengan pewujudan satu perpustakaan video pengajaran oleh Guru Cemerlang dalam mata pelajaran penting seperti Sains, Matematik, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris pada 2013. Mata pelajaran lain akan ditambah dalam perpustakaan video dari semasa ke semasa. Guru boleh menggunakan sumber ini bagi mendapatkan idea, dan murid pula dapat menjadikannya sebagai alat ulang kaji.

Memaksimumkan penggunaan ICT bagi pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran kadar sendiri untuk memperluas akses kepada pengajaran berkualiti tinggi tanpa mengira lokasi atau tahap kemahiran murid. Pada masa depan, murid akan menikmati pengalaman pembelajaran yang lebih bersifat peribadi. Mereka dapat mempelajari mata pelajaran yang tidak ditawarkan di sekolah, dan belajar secara langsung dengan guru terbaik negara melalui program pembelajaran jarak jauh. Mereka juga dapat belajar mengikut kadar sendiri, dengan guru bertindak sebagai pemudah cara dan bukannya sebagai pembekal kandungan mata pelajaran secara langsung. Program perintis inovasi ini akan dimulakan pada 2016. Program yang berjaya akan dilaksanakan di seluruh negara.

Anjakan 8: Mentransformasi kebolehan dan keupayaan penyampaian Kementerian

Mengapakah perlu?: Sistem penyampaian pendidikan Malaysia mempunyai jaringan yang sangat luas. Sistem ini dikendalikan oleh hampir 6,800 pegawai dan kakitangan sokongan di peringkat Kementerian, 6,400 di JPN dan lebih 6,000 di PPD. Jumlah ini adalah tambahan kepada kira-kira 420,000 pengetua/guru besar dan guru di sekolah, dan lebih 13,100 pegawai dan kakitangan sokongan di IPG, IAB dan kolej matrikulasi. Usaha melaksanakan dasar yang merangkumi seluruh rangkaian sebesar ini adalah kompleks. Isu yang dikenal pasti termasuklah pertindihan tanggungjawab di peringkat Kementerian, JPN dan PPD; kekurangan penyelarasan di peringkat bahagian dan pentadbiran; dasar yang kadangkala dilaksanakan berasaskan maklumat yang tidak tekal atau kurang sokongan; serta pemantauan dan tindakan susulan berasaskan keberhasilan yang lemah.

Pihak PPD terutamanya, telah dikenal pasti oleh Kementerian sebagai agensi utama dalam rantai penyampaian pendidikan. Sejak sekian lama, PPD dianggap sebagai cabang pentadbiran peringkat Kementerian dan JPN. Disebabkan keperluan sekolah semakin meningkat, maka skop aktiviti yang dilaksanakan oleh PPD juga semakin meningkat. Sebagai entiti Kementerian yang paling hampir dengan sekolah, PPD diharapkan dapat melaksanakan peranan dengan lebih praktikal. Pihak PPD seharusnya menyediakan sokongan secara terus kepada pemimpin sekolah dan bertindak secara proaktif dalam mengurus prestasi sekolah bagi memastikan keberhasilan murid dapat ditingkatkan. Walau bagaimanapun, penstrukturan sumber Kementerian masih belum diubah bagi memenuhi tuntutan ini, dan akibatnya, sekolah mendapat tahap sokongan yang berbeza-beza daripada PPD.

Apakah bentuk kejayaan?: Kementerian yang telah mengalami transformasi akan mempunyai pemimpin yang berwibawa di setiap peringkat, proses dan struktur baharu, serta budaya berprestasi tinggi. Peranan Kementerian, JPN dan PPD diperkemas, dengan Kementerian memberikan tumpuan kepada pembangunan dasar dan perancangan makro. Pihak JPN dan PPD akan diperkukuh untuk memacu pelaksanaan harian. Struktur organisasi disusun semula dengan lebih ramai tenaga kerja ditempatkan di barisan hadapan. Semua langkah ini seharusnya menghasilkan pelaksanaan dasar yang lebih tekal dan berkesan di semua negeri dan daerah.

Mengupaya JPN dan PPD dengan memberi lebih hak membuat keputusan tentang bajet dan personel mulai 2013, serta meningkatkan kebertanggungjawaban bagi menambah baik keberhasilan murid. Kementerian akan memperkemas peranan dan tanggungjawab di peringkat Bahagian, negeri dan daerah



serta bergerak ke arah pemencaran sistem operasi. Pihak JPN dan PPD akan mempunyai lebih keupayaan membuat keputusan operasi yang utama dalam hal ehwal bajet, seperti peruntukan penyelenggaraan di sekolah dan urusan personel, seperti pelantikan pengetua/guru besar. Oleh yang demikian, JPN dan PPD akan bertanggungjawab terhadap KPI yang seragam, sejajar dengan sasaran sistem, iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Sebagai sokongan kepada pegawai JPN dan PPD dalam menjalankan tanggungjawab baharu ini, Kementerian akan melakukan lebih banyak pelaburan untuk pembangunan profesional secara berterusan.

Sekurang-kurangnya 2,500 lagi personel daripada Kementerian dan JPN ditempatkan di PPD untuk memberi lebih sokongan kepada sekolah menjelang 2014. Sekolah akan menerima lebih banyak sokongan langsung melalui penempatan hampir 2,500 pembimbing guru dan pembimbing pengetua/guru besar di semua PPD. Tanpa mengambil kira tugas, semua pegawai PPD akan mengalihkan tumpuan daripada kerja di PPD kepada pelibatan langsung di sekolah. Hal ini akan memastikan mereka memahami sepenuhnya konteks pengoperasian sekolah. Matlamat PPD adalah untuk bertindak sebagai barisan hadapan memberi lebih sokongan kepada sekolah dan menjadi penghubung utama antara sekolah dengan Kementerian.

Memperkuh kebolehpayaan kepimpinan bagi 150-200 jawatan kepimpinan utama mulai 2013. Kementerian mengenal pasti 150-200 jawatan kepimpinan utama di peringkat Kementerian, negeri dan daerah yang memberikan impak terhadap aktiviti 10,000 sekolah dalam sistem pendidikan. Jawatan ini termasuklah ketua di 138 PPD dan di 16 JPN serta beberapa fungsi penting, seperti pendidikan guru. Kementerian telah memulakan kajian profil kompetensi dan membina pelan penggantian bagi memastikan peranan ini diisi oleh individu berkemahiran tinggi yang mampu mentransformasi jabatan dan sekolah di bawah kendalian mereka. Sebagaimana pengetua/guru besar dan guru, pegawai juga akan dinaikkan pangkat ke jawatan penting ini berdasarkan prestasi dan kompetensi, bukannya tempoh perkhidmatan.

Merangka fungsi dan struktur baharu Kementerian menjelang 2013, dan pelaksanaan mulai 2016. Kementerian akan bekerjasama dengan agensi pusat, khususnya JPA bagi menentukan dengan jelas organisasi, peranan, bilangan personel, dan saluran pelaporan Kementerian yang distruktur semula serta cara melaksanakan transisi.

Kementerian akan memperkuh fungsi utama yang penting dalam pelaksanaan Pelan ini. Fungsi ini termasuk penyelidikan dasar dan perancangan, pendidikan guru, pembangunan kurikulum, penaziran, serta peperiksaan dan pentaksiran. Langkah yang boleh diambil termasuk penubuhan Bahagian sebagai pusat kecemerlangan bagi meningkatkan kebebasan pengurusan dan/atau pengambilan bersasaran pakar luaran. Pelaksanaan sebahagian perubahan dalam fungsi akan bermula pada 2014, manakala pelaksanaan sepenuhnya perubahan struktur akan bermula 2016 apabila transformasi Kementerian berjalan lancar.

Anjakan 9: Bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti, dan sektor swasta secara meluas

Mengapakah perlu?: Kajian antarabangsa menunjukkan dengan jelas bahawa proses pembelajaran turut berlaku di luar sekolah, termasuk di rumah dan dalam komuniti. Di Malaysia, kira-kira satu perempat daripada masa murid yang berumur antara tujuh hingga 17 tahun dihabiskan di sekolah. Oleh itu, keutamaan kini adalah melakukan anjakan daripada “pembelajaran berasaskan sekolah” kepada “pembelajaran berasaskan sistem” dengan melibatkan ibu bapa, komuniti, sektor swasta, dan masyarakat sebagai rakan dalam membantu pembelajaran murid. Kajian antarabangsa menunjukkan bahawa sesetengah pelibatan yang demikian meninggalkan kesan yang signifikan. Sebagai contoh, dapatan kajian OECD tentang PISA menunjukkan bahawa sesetengah aktiviti antara ibu bapa dengan anak, seperti membaca pada setiap hari atau membincangkan kegiatan harian, dapat meningkatkan keberhasilan murid secara signifikan tanpa mengambil kira latar belakang sosioekonomi. Kajian antarabangsa juga membuktikan bahawa sekolah yang melibatkan sektor perniagaan, organisasi awam dan institusi pengajian tinggi mendapat manfaat termasuklah gred yang lebih tinggi dan ketakhadiran murid yang rendah.



Apakah bentuk kejayaan?: Setiap ibu bapa akan menjadi rakan yang aktif dalam proses pembelajaran anak mereka, bukan sahaja melalui aktiviti yang lazim, seperti hari sukan dan hari penyerahan kad laporan, tetapi juga menerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang diperkukuhkan bagi menyediakan maklum balas tentang hal ehwal pengurusan berasaskan sekolah. Di samping itu, penggunaan sarana ibu bapa juga menyokong pembelajaran murid. Sekolah juga akan mempunyai rangkaian komuniti dan sektor swasta sebagai rakan yang mampu memberi sumbangan kepakaran untuk kemajuan sekolah. Pelibatan semua pihak berkepentingan ini akan mewujudkan ekosistem pembelajaran yang memperkukuhkan pengajaran ilmu, kemahiran, dan nilai yang diajar kepada murid di sekolah.

Melengkapkan setiap ibu bapa bagi membantu pembelajaran anak mereka melalui sarana pelibatan ibu bapa dan akses dalam talian kepada kemajuan anak di sekolah. Pada masa hadapan, ibu bapa dijangka akan terlibat dengan guru secara lebih dekat bagi meningkatkan prestasi anak mereka. Ibu bapa akan menandatangani aku janji dengan sekolah yang menetapkan langkah mudah yang boleh diambil untuk membantu anak mereka, bermula dengan memastikan anak-anak berada di sekolah tepat pada waktunya hinggalah kepada menolong mereka membina kemahiran literasi dan numerasi di rumah. Dalam hal ini, ibu bapa akan disokong menerusi penyediaan akses dalam talian kepada kemajuan anak mereka dalam pentaksiran berasaskan sekolah dan pentaksiran kebangsaan (melalui Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah, SAPS) dan inisiatif yang menggalakkan literasi dewasa, kemahiran ICT, dan kemahiran keibubapaan. Inisiatif ini mungkin dapat dilaksanakan oleh Kementerian atau kumpulan sokongan ibu bapa baharu yang akan diwujudkan dalam setiap PIBG.

Mendapatkan maklum balas daripada setiap PIBG mengenai pelaksanaan kurikulum setempat dan kualiti guru mulai 2016. Pada masa hadapan, peranan PIBG akan berkembang daripada tumpuan biasa terhadap usaha pengumpulan dana hinggalah kepada bekerjasama dengan kepimpinan sekolah untuk meningkatkan keberhasilan murid. PIBG khususnya, dipelawa untuk mengemukakan input tentang cara yang membolehkan sekolah menjadikan kurikulum kebangsaan lebih relevan dengan keperluan komuniti setempat dan memberikan maklum balas tentang kualiti pengajaran dan pengalaman pembelajaran anak mereka. Kerjasama PIBG dan kepimpinan sekolah akan diadakan untuk menyediakan penyelesaian terhadap isu yang dikenal pasti. Dalam sesetengah keadaan, hal ini mungkin bermaksud ibu bapa berperanan sebagai guru dan jurulatih tambahan untuk aktiviti sekolah.

Menambah bilangan model Sekolah Amanah kepada 500 menjelang 2025 dengan melibatkan kumpulan alumni dan NGO yang berpotensi sebagai penaja. Entiti sektor swasta dan sosial yang lebih pelbagai berpeluang untuk terlibat dalam proses penambahbaikan sekolah. Hal ini dapat dilakukan melalui peluasan program Sekolah Amanah yang membolehkan penaja swasta bekerjasama dengan kepimpinan sekolah untuk mengurus sesebuah sekolah. Dapatan awal daripada projek rintis pada 2010 amat memberangsangkan. Dalam hal ini, Kementerian bukan

sahaja bercadang untuk menambah bilangan sekolah, tetapi juga jenis sekolah yang terlibat. Kementerian melihat masa depan yang cerah jika program ini dikembangkan dengan melibatkan sekolah yang mempunyai komuniti berkeperluan khusus, seperti kumpulan peribumi dan minoriti, murid berkeperluan khas, dan sekolah luar bandar.

Anjakan 10: Memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit

Mengapakah perlu?: Pada 2011, sebanyak 16% daripada bajet tahunan Persekutuan dibelanjakan untuk pendidikan, dan jumlah ini merupakan bahagian yang paling besar antara semua Kementerian. Bajet pendidikan Malaysia, sebagai sebahagian daripada KDNK juga merupakan satu daripada bajet tertinggi di dunia. Pelaburan yang signifikan ini menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap pendidikan. Namun, perpindahan sejumlah besar dana daripada bahagian keutamaan lain kepada sistem pendidikan tidak mungkin akan berlaku. Sebaliknya, Kementerian adalah kritikal bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam perbelanjaan dan peruntukan dananya.

Apakah bentuk kejayaan?: Kerajaan akan terus melakukan pelaburan yang bersesuaian, iaitu anggaran 16% daripada bajet persekutuan, bagi melaksanakan transformasi hebat dalam sistem pendidikan. Kementerian akan memperuntukkan dana ini bagi keutamaan yang direncanakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, dan tidak melibatkan program dan inisiatif lain yang berimpak rendah. Kerajaan juga akan memantau dan melaporkan pulangan atas pelaburan daripada setiap inisiatif, dengan pelaburan seterusnya bergantung pada hasil yang ditunjukkan.

Mengaitkan setiap program kepada keberhasilan murid yang jelas dan merasional program berimpak rendah pada setiap tahun. Seterusnya, setiap program yang dilancar oleh Kementerian akan dihubungkan dengan sasaran khusus yang berkaitan dengan keberhasilan murid. Pihak Kementerian, JPN dan PPD akan menjalankan kajian semula tahunan untuk menilai kejayaan program bagi memenuhi sasaran ini. Pemberian dana untuk tahun berikutnya akan bergantung pada peningkatan hasil yang ditunjukkan. Melalui pendekatan bajet berasaskan hasil ini, ibu bapa, guru, dan pengetua/guru besar akan berkeyakinan bahawa setiap program diselaraskan dengan keutamaan dan nilai tambah Pelan ini. Pendekatan ini juga akan mengurangkan risiko bebanan inisiatif berlebihan yang dihadapi oleh guru dan pengetua/guru besar.

Memanfaatkan peluang kecekapan, dengan mengagihkan peruntukan kepada bidang paling penting seperti peningkatan kemahiran dan latihan guru. Kementerian akan mengkaji semula pola perbelanjaan di peringkat Kementerian, JPN dan PPD secara teliti bagi mewujudkan tanda aras perbelanjaan dan memurnikan proses pemerolehan. Jabatan dan pejabat yang berbelanja melebihi tanda aras yang ditetapkan perlu memastikan perbelanjaan mereka kembali mengikut pola tanda aras ini. Selaras

Apakah Impak Pelaksanaan Transformasi Ini?

Bagi memastikan keberkesanan dan kelestarian transformasi sistem pendidikan Malaysia, setiap pihak yang terlibat mesti memahami peranan penting yang mereka mainkan dan manfaat yang akan mereka nikmati. Program yang direncanakan dalam pelan ini dihasratkan membawa ke arah satu set manfaat, hak dan tanggungjawab secara kolektif bagi setiap kumpulan.

Murid

Murid akan mendapat manfaat yang signifikan dalam perkembangan pendidikan mereka tanpa mengira latar belakang. Murid akan belajar dalam persekitaran pembelajaran yang kondusif, dan akan berasa terangkum dan terdidik dengan pengalaman pembelajaran di sekolah. Apabila menamatkan persekolahan, murid akan mempunyai pengetahuan dan kemahiran bertaraf dunia, nilai moral yang tinggi, dan berupaya bersaing dengan rakan sebaya dari negara lain.

Murid akan belajar dalam persekitaran yang mempunyai kepercayaan asas bahawa semua murid boleh belajar, dan semua murid boleh berjaya. Guru akan mempunyai harapan yang tinggi terhadap murid tanpa mengira latar belakang dan pencapaian terdahulu, dan akan membekalkan murid dengan sokongan yang perlu bagi memenuhi harapan ini.

Murid akan mempunyai pembelajaran yang kaya, dari segi akademik dan bukan akademik supaya mereka boleh berjaya dalam kehidupan. Lebih banyak projek dan tugas berasaskan kumpulan akan dilakukan bagi meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi murid dan keupayaan untuk bekerja secara individu dan berkumpulan. Lebih banyak projek berasaskan komuniti dan aktiviti rentas sekolah akan dilakukan bagi memupuk interaksi dengan individu dari semua latar belakang. Murid akan mempunyai lebih banyak peluang untuk belajar pada kadar sendiri dan mengejar minat mereka dalam aliran akademik, vokasional dan teknikal.

Murid akan mempunyai lebih hak bersuara dalam membentuk pengalaman belajar mereka. Guru akan bekerjasama dengan murid dan ibu bapa bagi menetapkan sasaran pembelajaran. Guru juga akan menggalakkan murid menyuarakan pendapat mereka supaya guru tahu gaya pembelajaran yang terbaik untuk setiap murid.

Sebagai balasan, murid akan diminta supaya sentiasa melakukan yang terbaik dan bekerjasama dengan guru untuk mengurangkan kelakuan yang mengganggu dalam bilik darjah. Semua murid akan mempunyai tanggungjawab bersama bagi membantu menjadikan sekolah tempat yang selamat dan kondusif untuk pembelajaran.

Guru

Guru akan meningkatkan keupayaan bertaraf dunia yang diperlukan bagi membantu mencapai keberhasilan murid yang dihasratkan, dan akan memperoleh lebih keseronokan dan kepuasan dalam menjalankan tugas mereka. Dengan pakej kerjaya guru yang baharu, mereka akan menikmati perkembangan profesional yang lebih memuaskan, laluan kerjaya yang lebih baik, dan proses penilaian yang telus dan adil serta berkait terus dengan keupayaan dan prestasi yang relevan.

Guru akan mendapat sokongan yang diperlukan untuk berjaya. Guru akan mempunyai lebih akses kepada peluang pembangunan profesional berasaskan sekolah. Mereka akan mengambil bahagian dalam perbincangan dan dialog yang memberikan maklum balas konstruktif, tertumpu kepada pembelajaran dan pembangunan diri bukannya bersifat menyalahkan dan hukuman supaya aspek penambahbaikan boleh dijadikan bidang kekuatan.

Guru akan menikmati persekitaran kerja yang lebih sesuai, ganjaran berasaskan prestasi dan laluan kerjaya yang lebih baik. Mereka akan melaksanakan tugas di sekolah yang mempunyai kelengkapan yang cukup, dan persekitaran kerja yang sesuai. Beban pentadbiran guru akan dikurangkan supaya mereka boleh menumpukan tenaga pada aktiviti teras, iaitu pengajaran dan pembelajaran. Guru akan menikmati ganjaran berasaskan prestasi yang menarik termasuk perkembangan kerjaya yang lebih pantas dan boleh mengembangkan minat mereka mengikut laluan kerjaya yang berbeza: pengajaran, kepimpinan, dan kepakaran mata pelajaran.

Guru akan didedahkan dengan budaya kerjasama dan kecemerlangan profesional. Guru akan saling bekerjasama dalam menangani isu dan berkongsi amalan terbaik. Mereka mempunyai keluwesannya yang lebih besar dalam bilik darjah dalam usaha memastikan setiap murid belajar.

Sebagai balasan, guru akan diminta supaya bersikap terbuka kepada pembelajaran dan cara bekerja yang baharu, melibatkan ibu bapa dan murid dalam proses pembelajaran, dan mempamerkan cara berfikir, nilai, dan kelakuan yang dijangkakan daripada murid.

Pemimpin sekolah

Pemimpin sekolah akan menjadi pemimpin instruksional yang cemerlang, dan bertindak sebagai ejen perubahan. Mereka akan menikmati sokongan yang lebih padu dan perkhidmatan yang lebih baik daripada pegawai pendidikan persekutuan, negeri dan daerah. Mereka akan mendapat akses yang lebih besar terhadap latihan kepimpinan bertaraf antarabangsa, serta amalan terbaik daripada rakan sejawatan mereka di Malaysia.

Pemimpin sekolah akan mendapat sokongan dan sumber yang mereka perlukan bagi memacu sekolah dengan berkesan. Mereka akan menjalani kursus persediaan, induksi dan latihan berterusan yang lebih baik bagi membantu meningkatkan kemahiran kepimpinan. Mereka akan menerima maklum balas yang lebih cepat daripada PPD berkaitan isu yang dihadapi, daripada penempatan pembimbing pengetua hinggalah kepada peruntukan sumber tambahan, jika sekolah amat memerlukannya.

Pemimpin sekolah akan menikmati persekitaran bekerja yang lebih baik dan ganjaran berasaskan prestasi. Pengetua/guru besar, penolong kanan, ketua bidang dan juga semua ketua panitia akan bekerja di sekolah yang mempunyai kemudahan yang mencukupi. Beban pentadbiran pula dikurangkan supaya mereka boleh menumpukan tenaga kepada kepimpinan instruksional. Mereka akan menikmati ganjaran berasaskan prestasi yang menarik termasuk perkembangan kerjaya yang lebih pantas dan “kredit tambahan” bagi kecemerlangan dalam program penempatan di sekolah luar bandar dan pedalaman yang berprestasi rendah.

Pemimpin sekolah akan diberi kuasa melalui pengurusan berasaskan sekolah yang lebih tinggi. Mereka akan mempunyai keluwesan pengendalian yang setara dengan prestasi sekolah mereka dalam perkara seperti penjadualan kurikulum dan peruntukan bajet. Mereka akan menjalinkan kerjasama profesional bersama PPD bagi mendapatkan input untuk sasaran prestasi tahunan, dan akan menikmati ketelusan yang lebih tinggi berkaitan keputusan yang memberikan kesan kepada sekolah mereka.

Sebagai balasan, pemimpin sekolah akan diminta mencapai set jangkaan yang lebih tinggi yang telah ditetapkan bagi sekolah mereka. Mereka perlu sentiasa terbuka kepada cara bekerja yang baharu, melibatkan masyarakat dalam penambahbaikan sekolah, dan menjalankan tugas sebagai pembimbing dan juru latihan untuk membina keupayaan kakitangan sekolah masing-masing dan sekolah lain.

Pegawai Kementerian

Pegawai Kementerian akan bertindak sebagai pemimpin perubahan, dengan kemahiran dan atribut yang diperlukan untuk menyokong sekolah. Mereka akan menjadi pengurus, pembimbing dan penyokong kecemerlangan sekolah yang lebih baik. Mereka akan mendapat manfaat daripada meritokrasi yang lebih besar, lebih kuasa dengan kebertanggungjawaban yang lebih tinggi, dan tidak akan terbatasi dengan hierarki dan kawalan.

Pegawai Kementerian akan menerima sokongan, latihan dan sumber yang bersasaran yang diperlukan untuk memenuhi peranan dan tanggungjawab baharu mereka. Mereka akan mempunyai peranan baharu yang memfokuskan pada menyokong sekolah, dan akan mempunyai akses kepada lebih banyak peluang perkembangan profesional. Mereka akan terlibat dalam perbincangan maklum balas konstruktif yang memfokuskan pembelajaran dan pembangunan, bukannya menyalahkan dan memberi hukuman.

Pegawai Kementerian akan bekerja dalam persekitaran yang telus dan saling bekerjasama. Cara bekerja secara tersendiri dalam bahagian-bahagian Kementerian akan dihapuskan, manakala peranan dan tanggungjawab akan diperkemas untuk menghapuskan duplikasi fungsi dan aktiviti. Maklumat akan dikongsi secara cekap untuk membuat keputusan berasaskan bukti. Cara keputusan dibuat akan lebih jelas.

Pegawai Kementerian akan mempunyai keluwesan pengoperasian dan kebertanggungjawaban yang lebih besar. Sistem pendidikan akan beralih ke arah pemencaran kuasa dengan lebih banyak hak membuat keputusan akan diberikan kepada pegawai peringkat negeri dan daerah. Pegawai akan mempunyai hak yang lebih besar dalam mengenal pasti bidang penambahbaikan di negeri, daerah dan sekolah bawah kendalian mereka. Mereka juga mempunyai hak yang lebih besar dalam menyediakan penyelesaian yang spesifik kepada konteks.

Sebagai balasan, pegawai Kementerian akan diminta untuk sentiasa terbuka kepada maklum balas daripada sekolah dan masyarakat. Mereka akan memperjuangkan perubahan yang akan berlaku dalam sistem pendidikan. Mereka perlu lebih responsif dalam memberikan sokongan dan sumber yang diperlukan oleh sekolah, serta bagi memastikan semua pihak berkepentingan dalaman dan luaran tahu tentang apa-apa yang berlaku.

Ibu bapa

Ibu bapa akan menyaksikan penambahbaikan yang ketara dan lestari dalam pengalaman pendidikan anak-anak mereka. Prestasi dan keutamaan sekolah akan lebih telus, dan ibu bapa akan sentiasa dimaklumkan tentang keadaan anak mereka di sekolah dari segi pencapaian dan juga perkembangan. Ibu bapa akan berperanan seperti rakan kongsi sebenar dengan sekolah dalam membantu pembelajaran anak mereka.

Ibu bapa akan lebih memahami tentang kemajuan anak mereka, dan bagaimana mereka boleh membantu meningkatkannya. Mereka akan berhubung secara tetap dengan guru, dan bukannya ketika timbul masalah sahaja. Mereka akan mempunyai akses penuh terhadap prestasi anak mereka dalam peperiksaan kebangsaan dan pentaksiran berasaskan sekolah. Mereka akan diberikan bimbingan, iaitu daripada petua keibubapaan hinggalah kepada kelas pendidikan dewasa tentang bagaimana memberikan sokongan terbaik kepada pembelajaran dan kemajuan anak mereka.

Ibu bapa akan mempunyai lebih banyak peluang untuk memberikan input kepada strategi penambahbaikan sekolah anak mereka. Mereka mempunyai hak untuk tahu sepenuhnya tentang misi sekolah, prestasi terkini dan program penambahbaikan tahunan. Melalui PIBG, mereka boleh memberikan input dalam perkara seperti kualiti guru dan kurikulum. Komitmen mereka terhadap anak dan sekolah akan disambut baik dan dihargai.

Sebagai balasan, ibu bapa akan diminta supaya menyokong anak-anak mereka bagi memastikan anak mereka mencapai potensi pembelajaran (contohnya, memastikan anak mereka menyiapkan tugas dan hadir ke sekolah tepat pada masanya). Ibu bapa juga perlu menunjukkan komitmen, pelibatan dan keterbukaan untuk anak mereka. Ibu bapa perlu berkongsi input, dan tumpuan terhadap sekolah melalui cara yang membina, dan melibatkan diri dalam aktiviti sekolah dengan aktif.

Transformasi pendidikan akan dilaksanakan dalam tempoh 13 tahun

Gelombang 1 (2013-2015)

Mengubah sistem dengan menyokong guru dan memberikan tumpuan kepada kemahiran utama

- Meningkatkan standard pengajaran melalui bimbingan guru secara khusus terutamanya dalam mata pelajaran teras (Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains)
- Mereka bentuk semula soalan peperiksaan supaya lebih menjurus kepada soalan kemahiran berfikir aras tinggi
- Mengukuhkan kualiti pendidikan STEM melalui pengukuhan kurikulum, pengujian dan latihan guru, dan penggunaan model pembelajaran pelbagai mod (*blended learning*)
- Melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Bahasa Malaysia SJK yang direka bentuk untuk murid yang bahasa ibundanya bukan bahasa Malaysia
- Mengukuhkan penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris melalui pengujian dan latihan semula guru, memperluas LINUS, dan menyediakan sokongan pemulihan serta model pembelajaran pelbagai mod (*blended learning*)
- Melaksanakan 1BestariNet ke semua sekolah untuk mengintegrasikan ICT dalam pembelajaran harian
- Melaksana Program Transformasi Daerah dengan tumpuan kepada sekolah berprestasi rendah termasuk murid berkeperluan khusus untuk memacu prestasi sekolah
- Merombak IPG dan latihan praperkhidmatan dan meningkatkan standard kemasukan bagi guru baharu
- Mewujudkan pembimbing pengetua/guru besar yang berdedikasi untuk sekolah Band 5,6 & 7 dan mengukuhkan kriteria pemilihan untuk pemimpin sekolah bagi meningkatkan kualiti kepimpinan sekolah
- Mentransformasi Kementerian dengan meletakkan pemimpin terbaik untuk menerajui jawatan penting di JPN dan PPD bagi meningkatkan prestasi sistem penyampaian
- Meningkatkan enrolmen prasekolah dan sekolah menengah melalui kempen galakan enrolmen, lebih melibatkan ibu bapa, dan program vokasional yang lebih baik
- Mengukuhkan praktikum dalam program vokasional melalui peningkatan kerjasama dengan sektor swasta

Gelombang 2 (2016-2020)

Memacu peningkatan sistem

- Melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) semakan semula bagi meningkatkan standard kandungan dan pembelajaran setanding dengan standard antarabangsa
- Menarik minat dan kesedaran masyarakat dalam STEM melalui kempen dan kerjasama
- Merintis pilihan program untuk meningkatkan pendedahan kepada bahasa Inggeris, dan mengukuhkan penyediaan bahasa tambahan dalam usaha menambah baik penguasaan kemahiran bahasa secara menyeluruh
- Mengukuhkan program untuk kumpulan berkeperluan khusus seperti kumpulan peribumi dan kumpulan minoriti lain, pintar cerdas, dan berkeperluan khas
- Memacu inovasi ICT khususnya untuk pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran terarah sendiri
- Meningkatkan bimbingan dan sokongan kepada guru bagi penambahbaikan penyampaian pengetahuan, kemahiran, dan nilai merentasi semua aspek kurikulum dan kokurikulum
- Meningkatkan kompetensi dan kemajuan berdasarkan prestasi serta memantapkan laluan kerjaya guru untuk mencergaskan semula profesion keguruan
- Mengukuhkan bahagian utama Kementerian, menyusun semula peranan Kementerian, JPN dan PPD untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan pelaksanaan
- Memperoleh akreditasi antarabangsa dan memantapkan kurikulum program matrikulasi sebagai persediaan murid ke universiti
- Memperluas pilihan pendidikan vokasional melalui perjanjian pelaksanaan dengan pembekal pendidikan vokasional swasta

Gelombang 3 (2021-2025)

Menganjak ke arah kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan operasi

- Meningkatkan inovasi dan pilihan bagi meningkatkan penguasaan kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris secara berterusan dan menyediakan lebih banyak pilihan untuk mempelajari bahasa tambahan
- Melaksanakan program dan inovasi ICT bagi kumpulan berkeperluan khusus di seluruh negara untuk meningkatkan standard pembelajaran secara berterusan
- Memupuk budaya kecemerlangan profesional keteladanan rakan setugas, iaitu guru dan pemimpin sekolah saling membimbing, berkongsi amalan terbaik, dan memastikan rakan setugas mempunyai kebertanggungjawaban memenuhi standard profesional
- Mempertingkatkan pengurusan berasaskan sekolah dan autonomi dari segi pelaksanaan kurikulum dan pengurusan kewangan bagi kebanyakan sekolah yang layak, sekiranya tidak kepada semua sekolah
- Memperkasa Kementerian dan menginstitusikan transformasi melalui pengukuhan kemajuan kerjaya pegawai Kementerian
- Mengkaji semula penstrukturan sekolah untuk menentukan sekiranya wujud keperluan untuk mengoptimalkan laluan dan pilihan persekolahan

Keberhasilan utama

- 100% murid celik BM dan menguasai kemahiran numerasi selepas 3 tahun persekolahan; sasaran untuk celik BI akan ditentukan selepas garis asas diperolehi
- Enrolmen untuk prasekolah pada 92%, rendah pada 98% dan menengah pada 95%
- Pengurangan 25% jurang bandar dan luar bandar
- Prestasi Malaysia berada pada purata antarabangsa dalam kitaran TIMSS dan PISA seterusnya
- Enrolmen prasekolah hingga menengah pada 100%
- Pengurangan 50% jurang bandar / luar bandar; pengurangan 25% dalam jurang sosioekonomi, dan gender
- Pencapaian Malaysia pada kedudukan sepertiga teratas dalam TIMSS dan PISA
- Mengekalkan atau meningkatkan enrolmen
- Mengekalkan atau mengurangkan jurang bandar dan luar bandar; pengurangan 50% jurang sosioekonomi, dan gender

dengan amalan ini, Kementerian komited untuk mengambil tindakan terhadap apa-apa isu yang dibangkitkan dalam laporan tahunan Ketua Audit Negara. Kementerian juga akan membuat anjakan ke arah program bantuan kewangan berasaskan keperluan. Keluarga berpendapatan rendah akan terus menerima bantuan yang diperlukan bagi memastikan anak-anak mereka terus bersekolah, manakala keluarga berpendapatan lebih tinggi, yang lebih berkemampuan pula akan menerima bantuan yang lebih rendah. Dana yang pada asalnya diperuntukkan bagi program ini akan disalurkan kepada bahagian lain yang mempunyai keberhasilan berimpak tinggi, contohnya peningkatan kemahiran dan latihan guru. Perbelanjaan permulaan operasi sebanyak RM1 bilion bagi tempoh 2013-2015 telah dikenal pasti untuk tujuan penjimatan dan penjajaran semula, dan pada masa yang sama kajian semula perbelanjaan pembangunan akan terus dijalankan.

Anjakan 11: Meningkatkan ketelusan untuk kebertanggungjawaban awam secara langsung

Mengapakah perlu?: Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi menunjukkan perubahan asas kebertanggungjawaban Kerajaan terhadap rakyat. Tahap kebertanggungjawaban yang lebih rendah daripada standard yang ditetapkan itu, kini tidak boleh diterima lagi. Perkara ini diperkukuhkan semasa berlangsungnya Dialog Nasional. Dalam Dialog ini, pihak berkepentingan kerap kali menekankan bahawa Kementerian perlu tingkatkan pelibatan dengan orang awam dan menjelaskan kepada mereka tentang jenis dan kemajuan inisiatif yang dilaksanakan serta hasil yang akan diperolehi.

Apakah bentuk kejayaan?: Semua pihak berkepentingan akan mempunyai akses yang tetap dan telus berkenaan kemajuan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Maklumat ini akan membolehkan mereka terlibat dalam dialog positif bersama Kerajaan bagi membincangkan inisiatif sedia ada dan akan datang. Mereka juga boleh menggunakan maklumat ini untuk melibatkan diri dengan komuniti sekolah setempat atau sistem pendidikan yang lebih luas seperti yang dinyatakan dalam Anjakan 9. Cara ini bukan sahaja akan membentuk masyarakat yang bermaklumat dan berupaya, tetapi juga menjurus kepada cara penggubalan dasar yang lebih bertanggungjawab dan lebih responsif dalam Kementerian.

Menerbitkan laporan tahunan awam tentang kemajuan sasaran dan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia mulai 2013. Kementerian akan menerbitkan laporan tahunan tentang perkembangan setiap inisiatif yang direncanakan dalam Pelan ini. Sekiranya berkaitan, laporan ini akan merangkumi pernyataan yang jelas tentang cara KPI, seperti band prestasi sekolah NKRA dikira dan usaha yang sedang dilakukan bagi meningkatkan cara sistem mengukur prestasi. Semua pihak berkepentingan akan menikmati tahap ketelusan yang belum pernah wujud sebelum ini.

Melaksanakan semakan komprehensif pada 2015, 2020 dan 2025. Kementerian akan membuat semakan berkala tentang pencapaian utama sepanjang pelaksanaan Pelan ini. Sebagai sebahagian daripada proses semakan ini, semua pihak berkepentingan boleh memberikan input melalui proses Dialog Nasional tentang kelancaran pelaksanaan sistem pendidikan ini, dan tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian bagi menangani apa-apa masalah. Tiga belas tahun adalah suatu tempoh yang amat panjang, dan perubahan dalam strategi besar dan inisiatif khusus mungkin diperlukan dalam tempoh ini. Jika keputusan tentang dasar utama diperlukan pada tahun semakan semula tidak dijadualkan, maka Kementerian akan menjalankan kajian tinjauan nasional bagi mendapatkan input daripada pihak yang berkaitan.

URUTAN ANJAKAN TRANSFORMASI

Transformasi yang dihasratkan adalah luas dan rencam. Oleh itu, banyak inisiatif yang telah dibangunkan merupakan sebahagian daripada transformasi yang akan dilaksanakan. Setiap inisiatif adalah penting dan sangat bermakna, untuk diselaraskan dengan teliti supaya sistem pendidikan dapat melaksanakannya dengan baik dan berkesan. Sudah menjadi kelaziman, kejayaan sesuatu transformasi yang dijalankan oleh sektor awam dan swasta adalah dengan meletakkan keutamaan dalam beberapa bidang yang perlu ditambah baik. Keutamaan yang ditetapkan adalah ditentukan oleh dua faktor, iaitu pencapaian semasa pada permulaan transformasi dan bukti antarabangsa tentang faktor penting membawa kepada keberhasilan murid. Berdasarkan keperluan membina kebolehan dan keupayaan sistem pendidikan negara, Kementerian telah menyusun transformasi yang akan dilaksanakan dalam tiga gelombang (Ekshibit 9).

- Gelombang 1 (2013-2015): Mengubah sistem dengan memberi sokongan kepada guru dan penekanan kepada kemahiran teras.** Kementerian memberi penekanan kepada menambah baik sistem dengan mempercepatkan perubahan kaedah pelaksanaan program. Dalam tempoh pelaksanaan ini, tumpuan akan diberikan kepada kaedah peningkatan kualiti pengajaran dengan meningkatkan kemahiran guru sedia ada di dalam sistem, meningkatkan kualiti kepimpinan sekolah dengan memperbaiki pendekatan pelantikan dan melatih pengetua/guru besar, dan meningkatkan kadar literasi (bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan numerasi menerusi program pemulihan yang intensif). Kementerian juga akan mengukuhkan dan memberi pengupayaan kepada pegawai di peringkat negeri dan daerah untuk meningkatkan kualiti sokongan yang diberikan kepada kumpulan barisan hadapan ini bagi membantu semua sekolah. Menjelang akhir Gelombang 1, Kementerian akan memastikan semua guru, pengetua/guru besar dan sekolah mencapai tahap minimum standard kualiti yang dihasratkan.

- Gelombang 2 (2016-2020): Mempercepatkan peningkatan kemajuan sistem.** Dalam tempoh Gelombang 2, Kementerian akan melaksanakan perubahan struktur sistem pendidikan negara untuk mempercepatkan perjalanan perubahan (rancangan untuk semua inisiatif akan bermula semasa Gelombang 1). Perancangan ini melibatkan pergerakan kesemua 410,00 guru dan 10,000 pengetua/guru besar kepada pakej kerjaya baharu, penstrukturan semula Kementerian, JPN dan PPD untuk menjajarkan dengan peranan yang direncanakan menerusi Gelombang 1, dan memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Memengah dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah yang disemak semula dalam usaha menangani kebimbangan mengenai pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk maju sesuai dengan perkembangan ekonomi dunia hari ini.
- Gelombang 3 (2021-2025): Beranjak ke arah kecemerlangan dengan peningkatan keluwesan operasi.** Pada permulaan Gelombang 3, semua sekolah, guru dan pengetua/guru besar perlu menunjukkan prestasi melebihi standard minimum. Oleh itu, Kementerian akan memberikan tumpuan kepada meningkatkan keluwesan operasi untuk memupuk budaya kepimpinan rakan setugas bagi pembangunan kecemerlangan profesional. Kementerian juga akan menganjakkan kebanyakan sekolah kepada model pengurusan berasaskan sekolah dan membangunkan model kejayaan sekolah berdasarkan inovasi dalam pengajaran. Matlamat Kementerian adalah untuk membangunkan sistem pengendalian kemajuan sendiri yang mampu untuk mencetuskan inovasi dan meningkatkan pencapaian yang lebih tinggi.

EKSHIBIT 10

Hasil awal dalam tahun pertama pelaksanaan



MELAKSANAKAN PELAN TINDAKAN

Sistem pendidikan Malaysia perlu melalui transformasi yang menyeluruh bagi memenuhi aspirasi tinggi yang direncanakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Transformasi ini merupakan suatu proses yang kompleks, dari segi keluasan dan kedalaman cakupannya, memandangkan kebanyakan transformasi sistem pendidikan di dunia gagal memenuhi aspirasi sistemnya. Daripada 55 sistem persekolahan yang mengambil bahagian dalam PISA 2000, hanya 12 sistem persekolahan yang menunjukkan peningkatan yang berterusan dalam keberhasilan murid; sistem lain menunjukkan pencapaian yang mendatar atau menurun. Rekod pencapaian ini adalah sama seperti pencapaian organisasi yang melaksanakan transformasi secara besar-besaran, iaitu hanya sepertiga mencapai kejayaan.

Kementerian telah meneliti bukti yang diperoleh di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi mengenal pasti tindakan yang Kementerian perlu lakukan dengan cara berbeza untuk memperoleh hasil yang signifikan, berkekalan dan meluas. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan, Kerajaan dan Kementerian beriltizam melaksanakan tindakan yang berikut:

- **Mengekalkan komitmen dan tumpuan kepimpinan peringkat atasan:** Barisan kepimpinan tertinggi Kerajaan dan Kementerian termasuk Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan beriltizam menyemak kemajuan, memberikan bimbingan dan menangani isu berkaitan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Kepimpinan Kementerian juga beriltizam mengenal pasti, memupuk dan membangunkan keupayaan kepimpinan bagi generasi pemimpin sistem masa depan untuk memastikan kesinambungan dan ketekalan usaha transformasi.
- **Mewujudkan satu unit kecil yang mempunyai kuasa eksekutif untuk memacu pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia:** Kementerian menubuhkan Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan atau *Education Performance and Delivery Unit* (PADU) yang berperanan memacu pelaksanaan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia merentas Kementerian dan sekolah. Secara khususnya, PADU akan memantau kemajuan, menyelesaikan isu pelaksanaan dengan pegawai bertanggungjawab, dan mengurus komunikasi bersama pihak berkepentingan tentang transformasi. Pegawai yang ditempatkan di Unit ini merupakan mereka yang mempunyai bakat terbaik daripada sektor awam dan swasta.
- **Memperhebat pengurusan prestasi dalaman dan luaran:** Pembaharuan sekolah yang berjaya dilaksanakan melampaui peringkat reka bentuk program, dan mampu meningkatkan

kecekapan dan keberkesanan Kementerian secara mendadak. Oleh itu, Kementerian akan mewujudkan sistem pengurusan prestasi yang meletakkan harapan yang tinggi terhadap setiap individu melalui KPI yang jelas. Sistem pendidikan ini akan memberi penekanan terhadap pembangunan keupayaan bagi membantu individu mencapai sasaran masing-masing, memberi ganjaran atas prestasi cemerlang dan menangani masalah prestasi rendah dengan lebih berhemah. Kementerian juga akan mengumumkan hasil prestasi setiap tahun supaya orang ramai boleh mengikuti kemajuan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini.

- **Melibatkan pegawai Kementerian dan pihak berkepentingan yang lain:** Penyediaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia adalah proses yang belum pernah dilaksanakan, terutama dalam usaha melibatkan dan mendapatkan input daripada rakyat serta komponen terbesar sistem pendidikan: ibu bapa, murid, guru, pengetua/guru besar dan pegawai Kementerian. Semasa inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dilaksanakan, Kementerian akan terus mendapatkan maklum balas daripada pihak tersebut dan akan memaklumkan secara tetap kemajuan setiap inisiatif bagi memastikan keseluruhan sistem pendidikan terlibat dalam proses transformasi ini.

HASIL YANG AKAN DIPEROLEH DALAM TAHUN PERTAMA PELAKSANAAN

Sistem pendidikan Malaysia berada di ambang perubahan yang pesat. Transformasi sistem pendidikan akan mengambil masa dan beberapa hasil yang paling ketara daripada perubahan ini seperti peningkatan prestasi dalam pentaksiran antarabangsa, hanya akan dapat dilihat selepas beberapa tahun pelaksanaan. Walau bagaimanapun, dalam tempoh dua belas bulan pertama pelaksanaan, orang ramai dijangka dapat melihat perubahan ketara dalam kaedah pelaksanaan sistem pendidikan negara. Perubahan ini akan menjadi asas hasil yang dihasratkan untuk masa depan. Ekshibit 10 menunjukkan contoh pencapaian awal yang dijangkakan dalam tempoh dua belas bulan pertama pelaksanaan.

Sistem pendidikan Malaysia berada di persimpangan. Setelah mendengar suara rakyat, Kementerian memilih laluan yang lebih sukar namun bakal menjanjikan banyak kelebihan. Walau bagaimanapun, sistem pendidikan Malaysia hanya dapat memenuhi aspirasinya yang tinggi menerusi sokongan dan komitmen berterusan semua pihak berkepentingan. Pelan ini merupakan peluang bagi mencorak masa depan yang lebih cerah dan gemilang untuk semua kanak-kanak Malaysia; satu cita-cita besar yang penuh berinspirasi. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia untuk berusaha ke arah merealisasikan aspirasi ini, dan hanya dengan kerjasama semua pihak berkepentingan akan membolehkan semua kanak-kanak Malaysia memperoleh masa depan yang benar-benar diingini.

GAMBARAN KESELURUHAN SETIAP BAB DALAM PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia mengandungi lapan bab dan lapan lampiran.

- **Bab 1** membentangkan objektif dan pendekatan yang digunakan dalam penyediaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia;
- **Bab 2** menggariskan aspirasi baharu untuk keseluruhan sistem pendidikan Malaysia, termasuk aspirasi setiap murid;
- **Bab 3** mengandungi analisis terperinci tentang keberhasilan murid Malaysia dan menyediakan prestasi semasa sistem pendidikan negara;
- **Bab 4** mengkaji pembelajaran murid dalam sistem pendidikan Malaysia, dan mencari penyelesaian untuk melaksanakan perubahan yang perlu bagi mencapai aspirasi yang dihasratkan. Bab ini mengandungi inisiatif dalam Anjakan 1, 2 dan 6 berkaitan kurikulum dan pentaksiran, penguasaan kemahiran bahasa, pengukuhan pendidikan STEM, intervensi ke arah peningkatan prestasi sekolah dan pendidikan untuk murid berkeperluan khusus;
- **Bab 5** meninjau peranan guru dan pemimpin sekolah yang merupakan barisan hadapan dalam sistem pendidikan negara, dengan memberi tumpuan kepada cara meningkatkan kualiti dan sokongan untuk guru dan pemimpin sekolah. Bab ini juga membincangkan inisiatif dalam Anjakan 4 dan 5;
- **Bab 6** meneliti cara Kementerian dibangunkan supaya dasar dan inisiatif Pelan ini dapat dilaksanakan dengan cara terbaik, termasuk transformasi pendekatan asas Kementerian terhadap sumber manusia, dan kewangan bagi menambah baik keupayaan sistem penyampaian dan produktiviti sumber. Perubahan ini merangkumi inisiatif yang terdapat dalam Anjakan 6, 7, 8 dan 10;
- **Bab 7** mengkaji struktur sistem dan memberi tumpuan kepada fasa pendidikan, mewujudkan lebih banyak laluan pendidikan untuk disesuaikan dengan minat dan kebolehan memupuk nilai murid yang pelbagai, memperkembang pendidikan prasekolah, serta meningkatkan pelibatan ibu bapa, komuniti setempat dan sektor swasta. Usaha ini merangkumi inisiatif dalam Anjakan 1, 3 dan 9;
- **Bab 8** menggariskan keseluruhan program transformasi, termasuk menyusun langkah pelaksanaan inisiatif antara 2013 dengan 2025 berdasarkan objektif akhir, iaitu untuk meningkatkan keberhasilan murid, kualiti profesional guru, dan kepimpinan sekolah, serta merombak struktur Kementerian dan sistem pendidikan. Bab ini mengandungi inisiatif dalam Anjakan 11 bagi memastikan Pelan ini berjaya dilaksanakan;
- **Lampiran I** menyediakan gambaran keseluruhan perkembangan utama dalam sistem pendidikan sejak zaman pemerintahan British;
- **Lampiran II** memperincikan metodologi yang digunakan dalam penyediaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia termasuk pelbagai sumber input yang digunakan daripada pakar luar seperti UNESCO, OECD, dan universiti tempatan, sehingga kepada hasil Dialog Nasional Pendidikan Negara dan memorandum Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini;
- **Lampiran III** menjelaskan cara isu penting yang dibangkitkan semasa Dialog Nasional Pendidikan Negara dan memorandum yang telah diambil kira dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia;
- **Lampiran IV** menyenaraikan memorandum tentang Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang diserahkan kepada Kementerian;
- **Lampiran V** menjelaskan metodologi skala sejangat yang digunakan dalam Bab 3;
- **Lampiran VI** memperinci semua inisiatif utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dalam setiap gelombang pembaharuan pendidikan;
- **Lampiran VII** memberi penekanan kepada inisiatif yang telah dimasukkan dalam GTP2.0 NKRA Pendidikan; dan
- **Lampiran VIII** memberi penekanan kepada inisiatif yang dimasukkan dalam ETP NKEA Pendidikan.

Pengintegrasian dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN)

Kementerian juga sedang di dalam proses untuk mengkaji semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2007-2020. PSPTN meliputi pendidikan lepas menengah dan ekosistem pembelajaran sepanjang hayat, termasuk kolej komuniti, politeknik serta universiti bagi sektor awam dan swasta. Kajian semula ini bermula pada awal 2013 dan akan menilai kemajuan PSPTN sehingga kini serta menimbangkan penambahbaikan untuk mengambil kira perubahan lanskap pengajian tinggi global dan tempatan. PSPTN akan mengintegrasikan teras dan projek tindakan kritikal dengan tema serta inisiatif yang relevan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) untuk memastikan kesinambungan transisi bagi remaja daripada sistem pendidikan asas kepada pengajian tinggi.

Nota: Pada 2013, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi digabungkan menjadi Kementerian Pendidikan.



BAB 1

KONTEKS DAN PENDEKATAN

1. Konteks dan Pendekatan

Malaysia sedang berhadapan dengan cabaran yang besar. Kejayaan masa depan negara bergantung pada perkembangan sosiobudaya yang sihat dan pembangunan ekonomi yang mapan. Kedua-dua faktor ini pula bergantung pada keupayaan menambah baik keberhasilan sistem pendidikan negara dengan cepat dan berkesan. Rakyat menuntut supaya pelaksanaan inisiatif yang dirancang oleh Kerajaan adalah tekal, berkesan dan berjaya memenuhi keberhasilan yang disasarkan. Oleh yang demikian, jalinan kerjasama semua pihak berkepentingan iaitu murid, guru, pemimpin sekolah, pegawai Kementerian, sektor awam dan swasta adalah penting bagi menghadapi cabaran ini dengan pendekatan dan strategi baharu yang kreatif dan inovatif. Berdasarkan penyelidikan yang meluas, penilaian sistem pendidikan semasa yang menyeluruh, serta pelibatan awam dan perundingan dengan pelbagai kumpulan berkepentingan, Kementerian telah menghasilkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 bagi membuka jalan ke arah pembentukan rakyat yang lebih berilmu.

Pendidikan memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Oleh itu, proses pembelajaran dan pengajaran yang berlaku di dalam bilik darjah menjadi penentu utama kejayaan masa depan negara. Dalam ekonomi global masa kini, kejayaan sesebuah negara amat bergantung pada pengetahuan, kemahiran, dan kompetensi rakyatnya. Maka tidak menghairankan sekiranya sesebuah negara yang mempunyai rakyat

“Bagi mencapai aspirasi yang tinggi di tengah-tengah persekitaran global yang semakin berdaya saing, kita tidak boleh berdiam diri. Negara memerlukan transformasi sistem pendidikan yang menyeluruh”

YAB Dato’ Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak (2012)

Pendidikan juga menyumbang kepada penghayatan nilai dan perkongsian aspirasi apabila individu dari pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama, dan etnik berinteraksi serta belajar memahami

berpendidikan tinggi mampu menjana ekonomi dengan pesat demi kemakmuran negara. Pendidikan juga merupakan asas pembentukan negara dan perpaduan rakyat. Melalui pendidikan, individu berpeluang meningkatkan kualiti hidup, menjadi ahli masyarakat yang berjaya, serta aktif menyumbang kepada pembangunan negara.

dan menerima perbezaan. Nilai dan pengalaman yang dikongsi akan mengukuhkan lagi perpaduan dan membentuk satu identiti nasional. Oleh yang demikian, sistem pendidikan negara mesti berupaya melahirkan generasi yang mempunyai matlamat dan impian yang dikongsi bersama-sama ke arah pembangunan negara Malaysia yang lebih maju pada masa depan.

Beberapa tahun kebelakangan ini, sistem pendidikan negara sering menjadi perhatian dan bahan perdebatan pelbagai pihak. Hal ini disebabkan harapan ibu bapa yang semakin tinggi, manakala majikan pula menyuarakan kebimbangan tentang keupayaan sistem pendidikan negara menyediakan generasi muda Malaysia yang berilmu, berkemahiran, dan berakhlak mulia untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi abad ke-21.

Sistem pendidikan sesebuah negara adalah kompleks dan pelbagai, justeru, usaha mentransformasi sistem pendidikan negara memerlukan pendekatan yang menyeluruh dan masa yang panjang untuk mendapat hasilnya. Oleh yang demikian, Kerajaan dan Kementerian perlu segera memulakan tindakan berani, bersungguh-sungguh, dan drastik dalam melaksanakan transformasi yang amat penting ini.

Pelan ini dihasilkan oleh Kementerian melalui kajian dan penilaian yang mendalam serta pelibatan meluas pihak awam. Berdasarkan kedudukan pencapaian sistem pendidikan Malaysia pada masa kini dan cabaran yang bakal ditempuhi, Pelan ini bermatlamat mengukuhkan visi dan aspirasi sistem pendidikan Malaysia sehingga 2025. Pelan ini juga menyediakan hala tuju dasar dan inisiatif yang akan dilaksanakan bagi mencapai matlamat sistem pendidikan negara serta memenuhi hasrat dan keperluan semua.

LATAR BELAKANG PENYEDIAAN PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013 – 2025

Sebelum 1957, Malaysia tidak mempunyai satu sistem pendidikan kebangsaan dan Kerajaan pada ketika itu banyak bergantung kepada sumbangan dermawan, institusi keagamaan dan komuniti mengikut kumpulan etnik, melalui sekolah mubaligh (seperti Sekolah Menengah St Xavier, Pulau Pinang, Sekolah Menengah St John, Kuala Lumpur dan Sekolah Menengah Victoria, Kuala Lumpur), sekolah agama Islam (seperti Maahad Al-Ehya Asshariff, Perak dan SMK Al-Mashoor, Pulau Pinang), sekolah Cina (seperti Penang Chinese Girls' High School, SMJK Chong Hwa dan SMJK Chung Cheng), dan sekolah Tamil (seperti SJKT Tun Sambanthan, Perak dan SJKT Simpang Lima, Perak). Namun begitu, lebih separuh populasi tidak pernah mengikuti sebarang pendidikan formal. Situasi ini membawa kepada kadar literasi yang rendah, iaitu hampir 52%, dalam kalangan orang dewasa. Sebagai sebuah negara berdaulat yang baharu, cabaran utama Kerajaan adalah memastikan semua kanak-kanak mendapat akses kepada pendidikan serta menyatupadukan rakyat pelbagai kaum ke arah membina sebuah negara maju.

Bagi memenuhi tujuan tersebut, Penyata Razak 1956 telah disediakan, dan dalam jangka masa yang singkat, disusuli dengan Penyata Rahman Talib 1960. Penyata ini menetapkan satu visi bagi mencorakkan sistem pendidikan yang baharu. Cadangan kukuh yang dikemukakan kemudiannya dijadikan asas penggubalan akta pendidikan yang pertama, iaitu Akta Pelajaran 1961. Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan 1979 merupakan satu lagi langkah besar yang memberi penekanan terhadap usaha membangunkan masyarakat Malaysia yang bersedia menghadapi masa depan. Laporan ini memberi gambaran secara menyeluruh tentang pendidikan yang bermatlamat melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani.

Ekoran Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (kini dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah atau KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah digubal dan dilaksanakan. Seterusnya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, 1988 dibentuk dan Akta Pelajaran 1961 disemak semula dan dinamakan Akta Pendidikan 1996. Walaupun pelbagai perubahan dasar dilakukan, namun pencapaian akses, kualiti, dan ekuiti berdasarkan keberhasilan murid, perpaduan dalam kalangan murid, disokong oleh sistem penyampaian yang cekap dan berkesan masih menjadi tonggak sistem pendidikan. Maklumat lanjut tentang dasar dan laporan utama pendidikan boleh didapati dalam Lampiran I.



Imej oleh esharkj, Flickr CC 2.0

Berdasarkan beberapa pengukuran, Malaysia jelas berjaya mencapai pelbagai kejayaan dalam tempoh 50 tahun yang lepas. Kadar literasi dalam kalangan populasi dewasa yang berumur 15 tahun dan ke atas pada tahun 2010 ialah 92%. Enrolmen pada peringkat rendah dan menengah rendah hampir mencapai tahap 100%, dan bagi menengah atas kadar enrolmen ialah 80%. Lebih kurang dua pertiga daripada jumlah murid meneruskan pengajian pada peringkat lepas menengah atau mengikuti pelbagai latihan yang disediakan pada peringkat matrikulasi, prauniversiti, asasi dan vokasional.

Sistem pendidikan negara juga tekal dalam melahirkan murid dan sekolah setanding dengan yang terbaik di peringkat antarabangsa. Hal ini terbukti bukan sahaja dalam bilangan murid yang berjaya memasuki universiti terkemuka di luar negara, tetapi juga jumlah anugerah yang diterima oleh sekolah dan murid di peringkat antarabangsa. Ekshibit 1-1 menunjukkan beberapa kejayaan terkini yang diperoleh dalam pertandingan antarabangsa berbentuk akademik atau bukan akademik.

Terkini, melalui jalinan kerjasama antara Kementerian dengan pelbagai agensi di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP), peningkatan yang signifikan dapat dilihat dalam enrolmen prasekolah, iaitu daripada 67% pada 2009 kepada 77% dalam tempoh hanya dua tahun. Peratus kadar literasi murid Tahun 1 meningkat daripada 87% pada 2010 kepada 95% setelah tamat Tahun 2 pada 2011. Dalam masa yang sama, peratus pencapaian numerasi murid Tahun 1 juga telah meningkat daripada 87% pada 2010 kepada 97% setelah tamat Tahun 2 pada 2011. Peningkatan dalam pencapaian literasi dan numerasi menunjukkan bahawa kejayaan besar dan pantas dalam pendidikan mampu dicapai.

Bagi mencapai keberhasilan yang dihasratkan dari segi akses, kualiti, dan ekuiti, Kerajaan secara tekal menyalurkan sumber yang besar ke arah membangunkan sistem pendidikan. Seawal 1980, perbelanjaan Malaysia untuk pendidikan rendah dan menengah dalam peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah yang tertinggi di Asia Timur. Pada 2011, peratusan KDNK bagi perbelanjaan pendidikan Malaysia lebih tinggi daripada purata *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD), iaitu 3.8% berbanding 3.4%. Komitmen untuk melabur dalam kecemerlangan pendidikan inilah yang menjadi asas kejayaan sistem pendidikan dan juga negara.

Walaupun negara kita telah mencapai pelbagai kejayaan yang penting dan Kerajaan memberikan komitmen yang tinggi dalam pendidikan, namun landskap negara dan antarabangsa yang pantas berubah dan semakin kompetitif menuntut agar kedudukan sistem pendidikan Malaysia pada masa kini dan hala tuju negara pada masa depan dikaji semula. Tambahan lagi, terdapat petunjuk bahawa sistem pendidikan negara perlu lebih kompetitif dalam dunia yang sentiasa berubah pada hari ini. Contohnya, daripada 74 negara yang mengambil bahagian dalam PISA 2009+, prestasi Malaysia berada di kelompok sepertiga terbawah bagi Bacaan, Matematik dan Sains. Ini merupakan kali

Contoh terkini pencapaian murid Malaysia di peringkat antarabangsa

Nov 2012	World Robot Olympiad (WRO) 2012, Malaysia	Pasukan Malaysia memperoleh 9 pingat. Malaysia mendapat tempat pertama keseluruhan bagi kali ketiga.
Jul 2012	8th International Exhibition for Young Inventors, Thailand	Pasukan Malaysia memperoleh pingat emas bagi rekacipta.
	Genius Olympiad 2012 International High School Project Fair on Environment, New York	Dua murid berumur 14 tahun berjaya mendapat tempat ketiga dalam pertandingan ini.
	2nd International Folk Song and Dance Festival, Georgia	Pasukan Malaysia seramai 15 peserta memenangi Diploma Emas dan Perak.
	5th Asian Schools Badminton Championship, Hong Kong	Pasukan Malaysia seramai 16 pemain memenangi 3 pingat emas, 4 perak dan 9 gangsa.
Jun 2012	The Invention and New Product Exposition, USA	Pasukan Malaysia memenangi pingat emas dalam kategori reka cipta pendidikan.
	4th ASEAN School Games, Indonesia	Pasukan Malaysia seramai 200 atlit memenangi sejumlah 100 pingat; menduduki tempat ketiga keseluruhan.
Mei 2012	English Speaking Union International Public Speaking Competition, London	Seorang murid berumur 17 tahun muncul sebagai pemenang dari Malaysia yang pertama.
Okt 2011	ASEAN Primary School Sports Olympiad, Indonesia	Pasukan Malaysia seramai 36 murid memperoleh tempat kedua keseluruhannya; memenangi 6 pingat emas, 2 perak dan 3 gangsa.
Jul 2011	52nd International Mathematical Olympiad, Netherlands	Seorang murid Tingkatan 4 mendapat pingat emas pertama Malaysia. 4 murid lain memperoleh keputusan yang turut membanggakan.
	42nd International Physics Olympiad, Thailand	Seorang murid Malaysia memperoleh pingat emas dan anugerah khas daripada <i>European Physics Society</i> .
Dis 2010	International Competitions and Assessments for Schools (ICAS)¹	Pasukan Malaysia telah berjaya muncul sebagai juara dunia dua tahun berturut-turut iaitu di Pohang, Korea Selatan pada 2009 dan di Manila, Filipina pada 2010.



1 Pentaksiran diagnostik bebas yang berpusat di Australia yang dilaksanakan setiap tahun

SUMBER: Bahagian Sukan, Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan

pertama Malaysia mengambil bahagian dalam pentaksiran PISA, dan purata prestasi murid Malaysia dalam ketiga-tiga bidang ini sangat rendah berbanding purata peringkat antarabangsa dan OECD. Statistik ini membimbangkan kerana PISA mentaksir kemahiran berfikir aras tinggi dan kebolehan murid menyelesaikan masalah dalam persekitaran sebenar, iaitu kemahiran yang sangat penting pada abad ke-21.

Kerajaan menyedari hakikat bahawa sistem pendidikan Malaysia perlu terus berkembang supaya dapat memenuhi aspirasi negara

yang semakin meningkat dan juga dapat bersaing dengan negara lain yang setanding. Dunia dan ekonomi yang bersifat global hari ini memerlukan pesaing yang mampu berfikir dengan lebih kritis, kreatif, dan inovatif. Bagi memenuhi permintaan yang sentiasa meningkat, negara lain sentiasa menambah baik pendekatan terhadap pendidikan, dan Malaysia juga perlu melakukan perkara yang sama. Dalam Dialog Nasional Pendidikan Negara yang dijalankan, hampir 98% daripada lebih 3,000 responden berpendapat bahawa sekarang adalah masa yang tepat untuk menjalankan kajian semula pendidikan, atau kajian semula ini sepatutnya telah dilakukan lebih awal.

OBJEKTIF PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025

Pelan ini telah dirangka bagi menghadapi cabaran abad ke-21 berasaskan dasar dan laporan terdahulu yang sangat besar pengaruhnya. Pelan ini memberi tumpuan kepada cara membangun dan meneruskan perkembangan, serta menambah baik sistem pendidikan secara berterusan. Bagi tujuan itu, Pelan ini dirangka berasaskan tiga objektif yang khusus seperti berikut:

- 1. Memahami prestasi dan cabaran semasa** sistem pendidikan Malaysia berfokuskan penambahbaikan akses kepada pendidikan, peningkatan standard (kualiti), merapatkan jurang pencapaian (ekuiti), menggalakkan perpaduan dalam kalangan murid, serta memaksimumkan keberkesanan sistem;
- 2. Mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas** untuk sistem pendidikan dan murid bagi 13 tahun yang seterusnya sehingga 2025; dan
- 3. Menggariskan program transformasi yang menyeluruh untuk sistem pendidikan, termasuk perubahan utama dalam Kementerian**, yang membolehkan sistem ini memenuhi permintaan baharu dan jangkaan yang meningkat serta menyokong transformasi perkhidmatan awam.

PENDEKATAN MEMBANGUNKAN PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013 – 2025

Pendekatan yang diambil dalam menghasilkan Pelan ini adalah suatu langkah berani dan julung-julung kali dilakukan. Pandangan pelbagai pakar dan agensi antarabangsa dikumpulkan untuk menilai dan mentaksir prestasi sistem pendidikan Malaysia (Ekshibit 1-2) termasuk agensi luar seperti Bank Dunia, UNESCO, dan OECD. Kementerian juga merujuk dokumen dasar berkaitan yang disediakan oleh agensi lain termasuk dokumen Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara 2007-2020 dan Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat 2011-2020. Selain itu, Kementerian turut melibatkan rakyat dalam skala besar yang tidak pernah dilakukan sebelum ini.

Pelan ini merupakan hasil daripada analisis yang mendalam, temu bual, kumpulan fokus, kaji selidik, dan penyelidikan yang dijalankan dengan bantuan pakar Malaysia dan antarabangsa, pegawai Kementerian, guru, pengetua dan guru besar, serta ibu bapa di seluruh negara. Di samping itu, melalui Dialog Nasional Pendidikan Negara yang dijalankan antara April hingga Julai 2012, hampir 12,000 orang yang daripada pelbagai lapisan dan pihak berkepentingan telah dilibatkan untuk mendapatkan maklum balas dan cadangan (Ekshibit 1-2).

Pada September 2012, Kementerian telah melancarkan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 yang mendapat perhatian meluas daripada orang awam. Maklum balas dalam pelbagai bentuk telah diterima merangkumi artikel, tulisan blog, hari terbuka, memorandum, dan perbincangan yang dianjurkan secara bebas.

Semua maklum balas ini dijadikan input kepada penghasilan laporan akhir Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Pelan ini merangkumi pelan tindakan dan inisiatif utama transformasi keseluruhan sistem pendidikan.

Fasa 1 melibatkan kajian semula dan diagnostik menyeluruh tentang sistem pendidikan. Fasa ini bermula dengan penilaian terperinci prestasi sistem pendidikan Malaysia, memberi tumpuan kepada keberhasilan murid, mentaksir punca sebenar, dan penggerak utama pencapaian tahap prestasi masa kini, di samping mengenal pasti kecemerlangan yang terdapat dalam sistem pendidikan sebagai model untuk diikuti dan dicontohi;


- **Keberhasilan Murid:** Bagi menentukan tahap prestasi sistem pendidikan semasa, Pelan ini memberi tumpuan kepada lima dimensi, iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan. Semua dimensi ini tekak dengan objektif dasar pendidikan kebangsaan terdahulu, bermula dengan Penyata Razak 1956, diikuti dengan Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996, dan yang terkini Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. Analisis ini berdasarkan data kebangsaan dan penanda aras antarabangsa yang diperoleh tentang keberhasilan murid Malaysia.
- **Penggerak Utama:** Pelan ini bermatlamat memahami punca keberhasilan murid, menilai penggerak utama dan punca prestasi murid seperti kualiti guru, kepimpinan sekolah, serta pelibatan ibu bapa dan komuniti. Pelan ini juga merangkumi standard dalam kurikulum dan pentaksiran, dengan memberikan tumpuan kepada perbandingan antara Malaysia dengan penanda aras antarabangsa. Akhir sekali, Pelan ini juga menilai elemen pelaksanaan yang penting seperti kapasiti organisasi dan penyampaian Kementerian merentas peringkat pusat, negeri dan daerah, dan juga cara bagi memastikan sumber yang diperuntukkan ke arah membangunkan infrastruktur asas dalam sistem pendidikan digunakan secara cekap dan berkesan; dan
- **Contoh Kecemerlangan:** Dalam tempoh penyediaan Pelan ini banyak contoh sekolah dan daerah di seluruh negara yang mencapai kejayaan cemerlang dan peningkatan yang dramatik telah dikenal pasti. Contoh sekolah dan daerah ini menunjukkan bahawa kecemerlangan merentas sistem pendidikan memang wujud, dan terdapat banyak peluang untuk mempelajarinya. Oleh itu, Pelan ini bukan sekadar menonjolkan isu dan jurang, tetapi juga cuba mengenal pasti, mengetengahkan, dan memahami amalan terbaik dan kejayaan yang wujud dalam sistem pendidikan pada hari ini untuk diikuti dan dicontohi.

Semua usaha dijalankan dengan pendekatan yang rapi dan menyeluruh bagi menghasilkan Pelan ini, dan menentusahkan keputusan dengan standard antarabangsa. Pelan ini mengandungi analisis utama data kebangsaan dan antarabangsa, serta lebih daripada 150 kajian terperinci yang dijalankan oleh Kementerian dan organisasi pendidikan antarabangsa dalam tempoh 10 tahun yang lepas.

“Di manakah kedudukan sistem pendidikan kita berbanding sistem negara lain? Adakah apa yang kita anggap ‘baik’ sebenarnya sudah cukup baik?”

YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin (2011)

Sumber input bagi penyediaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia



- Kerja lapangan** di sekolah bandar dan luar bandar dijalankan bagi memahami isu sebenar yang dihadapi pada peringkat pelaksana. Kerja lapangan ini turut dijalankan di sekolah pulau di Semporna, sekolah Orang Asli di Selangor, sekolah dengan majoriti peribumi dan minoriti lain di Keningau, sekolah berasrama penuh di Terengganu, sekolah agama pondok di Kedah, sekolah vokasional, sekolah dengan Program Integrasi Pendidikan Khas (SEIP), dan sekolah Persendirian Cina di Johor. Sekolah-sekolah ini dipilih bagi mewakili kombinasi tahap prestasi murid, saiz populasi murid, konteks sosiobudaya, dan zon geografi; dan
- Temu bual bersemuka, perbincangan kumpulan fokus dan bengkel** dilaksanakan di seluruh negara dengan lebih 200 pengetua/guru besar, 200 guru, 300 pegawai Kementerian, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), serta 100 ibu bapa yang hadir. Satu kaji selidik dijalankan di seluruh negara melibatkan hampir 750 pengetua/guru besar, 15,000 guru dan lebih 22,000 murid bagi menyediakan data kuantitatif

tambahan. Jumlah ini tidak termasuk 14,000 yang ditemu bual dan responden kaji selidik dalam kerja lapangan yang dijalankan oleh universiti awam.

Dapatan daripada aliran kerja ini disahkan melalui proses triangulasi dengan beberapa sumber bebas seperti berikut:

- Kajian yang dijalankan pada tahun 2011** oleh enam universiti awam tentang kualiti kurikulum dan pentaksiran, pengajaran dan pembelajaran, guru dan pengetua/guru besar, pengurusan sumber manusia, tadbir urus dan pengurusan, pembangunan infrastruktur, perancangan dan pelaksanaan dasar, serta struktur dan jenis sekolah;
- Kajian semula 2011-2012 oleh UNESCO** (*the Malaysia Education Policy Review*) tentang kualiti pembangunan dan pelaksanaan kurikulum (tumpuan kepada Matematik dan Sains), pentaksiran dan peperiksaan murid, ICT dalam pendidikan,

pendidikan dan latihan vokasional dan teknik, pendidikan guru, serta perancangan dan pengurusan; dan

- **Kajian semula tahun 2011 oleh Bank Dunia** (*the Public Expenditure Review*) tentang perbelanjaan pendidikan awam termasuk kecekapan dan keberkesanan penggunaan sumber.

Hampir semua dapatan daripada pelbagai aliran kerja dinilai secara kritis oleh satu Pasukan Petugas yang terdiri daripada kumpulan pemimpin kanan Kementerian (maklumat lanjut tentang struktur dan keahlian Pasukan Petugas boleh didapati dalam Lampiran II).

Fasa 2 memberikan tumpuan kepada penyediaan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dengan menggunakan dapatan dalam Fasa 1 untuk mengenal pasti bidang keutamaan dan memperincikan program transformasi yang tuntas tentang dasar dan inisiatif yang akan dilaksanakan bagi tempoh 13 tahun iaitu antara 2013 hingga 2025. Fasa ini merangkumi maklum balas yang dijana daripada Dialog Nasional Pendidikan Negara dan Makmal Pendidikan GTP2.0:

- **Dialog Nasional Pendidikan Negara:** Pada April 2012, Kementerian telah melancarkan Dialog Nasional Pendidikan Negara untuk mendapatkan maklum balas rakyat berkaitan pendidikan. Pelaksanaan Dialog Nasional ini menandakan langkah berani Kementerian bagi mendapatkan pelibatan generasi murid, guru, dan ibu bapa masa kini dan masa depan. Sebuah panel yang diketuai oleh Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin telah menerajui 16 sesi dialog (diadakan di Putrajaya, Perak, Kedah, Sabah (2 lokasi), Sarawak (2 lokasi), Labuan, Negeri Sembilan, Melaka, Selangor, Pulau Pinang, Pahang, Kelantan, Terengganu, dan Johor) yang dihadiri oleh hampir 12,000 orang awam dan 20 sesi perbincangan meja bulat dengan 325 orang peserta. Lawatan ke sekolah juga dijalankan bagi mendapatkan maklum balas secara langsung daripada murid sekolah rendah dan menengah. Masyarakat umum juga berpeluang mengemukakan idea dan maklum balas melalui portal *MyEduReview*, portal PMO atau melalui *Facebook* dan *Twitter*. Lebih daripada 150 memorandum diserahkan kepada Kementerian dan lebih 7,000 cadangan diterima melalui pelbagai saluran ini. Tahap interaksi dengan semua pihak berkepentingan yang mesra dan belum pernah berlaku sebelum ini penting dalam mendapatkan perspektif daripada masyarakat pelbagai demografi untuk Kementerian. Banyak idea bernas dan keprihatinan mereka dibangkitkan semasa sesi ini (sila rujuk Lampiran III) telah diambil kira dalam penyediaan Pelan ini.
- **Makmal Pendidikan GTP2.0:** Perancangan untuk fasa GTP seterusnya disesuaikan dengan Pelan ini bagi memastikan wujud keselarasan dalam keutamaan dan tindakan. Bagi tujuan itu, inisiatif GTP2.0 yang dilaksanakan mulai 2013 hingga 2015 akan menjadi sebahagian daripada pembaharuan Gelombang 1 Pelan ini yang meliputi seluruh tempoh 2013 hingga 2025. Inisiatif ini akan dilaksanakan bersama-sama dengan PEMANDU. Bagi mewujudkan inisiatif ini, beberapa siri makmal pendidikan yang menumpukan usaha kepada cadangan penyelesaian dalam bidang keutamaan seperti guru, pengetua/guru besar, penambahbaikan sekolah, kurikulum dan pentaksiran, serta infrastruktur telah diadakan selama dua bulan. Sebanyak 90 pegawai Kementerian

Pendidikan dan Kementerian berkaitan (Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Manusia, dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) terlibat secara sepenuh masa. Di samping itu, idea dikongsi secara meluas dengan guru, pengetua/guru besar, pegawai PPD dan JPN, dan juga ahli Kesatuan Guru, Majlis Pengetua, dan Majlis Guru Besar, serta PIBG.

- Seterusnya, Kementerian mengkaji semua cadangan daripada Dialog Nasional dan Makmal Pendidikan dengan teliti dan menyepadukannya dalam Pelan ini berdasarkan empat kriteria. Pertama, setiap tindakan yang diambil perlu menyumbang kepada aspirasi sistem dan murid seperti yang diterangkan di atas. Hal demikian bermaksud bahawa inisiatif yang menghasilkan satu keberhasilan yang menjejaskan keberhasilan yang lain, atau keberhasilan yang tidak menepati sasaran aspirasi tidak akan diberi keutamaan. Kedua, Kementerian menggunakan data antarabangsa bagi mengenal pasti dan memberikan keutamaan kepada faktor yang menghasilkan impak paling besar dalam penambahbaikan terhadap sistem pendidikan dan murid. Ketiga, cadangan perlu relevan dengan kedudukan tahap permulaan sistem pendidikan dan keupayaan Kementerian untuk melaksanakannya. Oleh itu, inisiatif disusun berdasarkan urutan peningkatan tahap kompleksiti dengan mengambil kira pembangunan kebolehan dan keupayaan pegawai Kementerian, guru dan pengetua/guru besar. Keempat, manfaat pelaksanaan cadangan perlu mengatasi kekangan kewangan dan operasi.

Fasa 3 ditumpukan kepada penyediaan laporan akhir Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini. Fasa ini melibatkan rundingan dan pelibatan guru, ibu bapa, murid, dan pihak berkepentingan yang lain bagi mendapatkan maklum balas tentang Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Maklum balas berkenaan telah dipertimbangkan dalam penyediaan laporan akhir.

- **Rundingan awam secara meluas:** Setelah Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dilancarkan, Kementerian telah memulakan pusingan kedua rundingan awam secara intensif bagi mendapatkan maklum balas daripada pelbagai pihak berkepentingan untuk dimasukkan dalam laporan akhir Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Hampir 5,000 orang awam telah menghadiri sembilan Hari Terbuka dan sesi perbincangan yang diadakan di seluruh negara. Kementerian juga telah menerima banyak maklum balas daripada masyarakat awam di Malaysia dalam bentuk lebih 3,000 artikel dan tulisan blog, lebih 50 memorandum dan hampir 20 perbincangan yang dijalankan secara terbuka; dan
- **Penyerahan laporan akhir Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia:** Pada Disember 2012, Kementerian telah menggabungkan semua maklum balas sebelum menyerahkan Pelan ini kepada Jemaah Menteri pada Januari 2013.

Sepanjang proses ini dilaksanakan, usaha Kementerian didasarkan pada maklum balas dan cadangan oleh Panel Penilai Bebas Malaysia dan Panel Penilai Bebas Antarabangsa. Maklum balas dikumpulkan daripada ahli panel melalui gabungan interaksi bersemuka dan sidang video. Senarai penuh ahli panel adalah seperti dalam Lampiran II.

- **Panel Penilai Bebas Malaysia:** Panel ini terdiri daripada 12 tokoh Malaysia pelbagai latar belakang profesional sektor awam dan swasta yang dipengerusikan oleh Prof Tan Sri Dato' Dzulkifli bin Abdul Razak, Naib Canselor Universiti Antarabangsa Albukhary. Panel ini membincangkan isu penting (termasuk banyak isu yang dibangkitkan dalam Dialog Nasional Pendidikan Negara), mengkaji draf awal dokumen ini, dan memberikan pandangan bebas tentang perubahan dasar yang mungkin berlaku serta idea yang boleh dipertimbangkan oleh Kementerian. Panel ini menilai Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan menyerahkan maklum balas untuk laporan akhir sebelum Pelan ini disiapkan; dan
- **Panel Penilai Bebas Antarabangsa:** Empat ahli pendidikan terkemuka dunia menganggotai Panel Penilai Bebas Antarabangsa. Mereka ini menilai dapatan daripada penilaian diagnostik dan inisiatif transformasi, serta memberikan pandangan berdasarkan status semasa, dan cabaran yang dihadapi Malaysia.

Pelan ini juga mengkaji pengalaman sistem pendidikan negara lain yang telah menunjukkan peningkatan signifikan, meluas, dan berupaya mengekalkan peningkatan dalam keberhasilan murid. Sebagai sebahagian daripada proses, Kementerian telah mengkaji data antarabangsa, menganalisis, dan menanda aras pendekatan daripada sumber antarabangsa yang terkemuka seperti PISA dan TIMSS. Tujuannya adalah untuk menyediakan metodologi yang mantap untuk memahami dan membandingkan standard dan prestasi sistem pendidikan Malaysia dengan negara lain. Lampiran II menyediakan perincian tentang metodologi yang digunakan dalam penyediaan Pelan ini.

GAMBARAN KESELURUHAN PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013 – 2025

Pembaharuan pendidikan merupakan agenda penting setiap negara, dan Malaysia perlu mengutamakan pembangunan berterusan sistem pendidikan supaya dapat bersaing di peringkat global. Pada keseluruhannya, kajian menunjukkan Malaysia telah mencapai kejayaan dalam tempoh 50 tahun melalui peluasan akses kepada pendidikan dan peningkatan standard, terutama dari segi literasi dalam kalangan dewasa dan penyertaan murid di sekolah. Walau bagaimanapun, apabila dilihat dengan lebih mendalam, gambarannya lebih kompleks. Perbezaan prestasi dan keupayaan antara negeri, daerah, dan sekolah masih wujud pada hari ini. Walaupun terdapat kelompok sekolah dan daerah yang cemerlang di seluruh negara, namun masih wujud jurang prestasi yang perlu ditangani.

Tujuh bab berikut yang terkandung dalam Pelan ini akan mengkaji dan menangani isu, serta menggariskan langkah yang boleh diambil untuk masa depan. Bab itu ialah:

- **Bab 2** menggariskan aspirasi baharu untuk keseluruhan sistem pendidikan Malaysia, termasuk aspirasi setiap murid;

- **Bab 3** mengandungi analisis terperinci tentang keberhasilan murid Malaysia dan menetapkan prestasi semasa sistem pendidikan negara;
- **Bab 4** mengkaji pembelajaran murid dalam sistem pendidikan Malaysia, dengan mencari penyelesaian dalam melaksanakan perubahan yang perlu bagi mencapai aspirasi tersebut. Bidang yang diberikan tumpuan ialah kurikulum dan pentaksiran, pengukuhan pembelajaran Matematik dan Sains serta penguasaan kemahiran berbahasa, intervensi ke arah peningkatan prestasi sekolah, pendidikan khas, pendidikan kumpulan peribumi dan minoriti lain, dan pendidikan murid pintar cerdas;
- **Bab 5** mengkaji peranan guru dan pemimpin sekolah yang merupakan barisan hadapan sistem pendidikan negara, dengan memberi tumpuan kepada cara meningkatkan kualiti dan sokongan untuk guru dan pemimpin sekolah;
- **Bab 6** meneliti cara Kementerian dapat dibangunkan supaya dasar dan inisiatif Pelan ini dilaksanakan secara terbaik, termasuk mentransformasi pendekatan asas Kementerian terhadap sumber manusia dan kewangan bagi menambah baik keupayaan penyampaian dan produktiviti sumber;
- **Bab 7** mengkaji struktur sistem pendidikan dan memberikan tumpuan kepada peringkat pendidikan, mewujudkan pelbagai laluan pendidikan untuk disesuaikan dengan spektrum minat dan kebolehan murid yang lebih luas, memperkembang pendidikan prasekolah serta memperkukuh pelibatan ibu bapa, komuniti setempat, dan sektor swasta; dan
- **Bab 8** menggariskan keseluruhan program transformasi, termasuk menyusun inisiatif mengikut tahun pelaksanaan antara 2013 hingga 2025 berdasarkan objektif akhir untuk menambah baik keberhasilan murid, meningkatkan kualiti profesional guru dan pemimpin sekolah, serta menyusun semula struktur Kementerian dan sistem pendidikan negara. Bab ini juga merangkum keperluan penyampaian bagi memastikan kejayaan Pelan ini.

Pengintegrasian dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2007 - 2020

Kementerian juga sedang dalam proses untuk mengkaji semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. PSPTN meliputi pendidikan lepas menengah dan ekosistem pembelajaran sepanjang hayat, termasuk kolej komuniti, politeknik serta universiti bagi sektor awam dan swasta. Kajian semula ini bermula pada awal 2013 dan akan menilai kemajuan PSPTN sehingga kini serta menimbang penambahbaikan untuk mengambil kira perubahan lanskap pengajian tinggi global dan tempatan. PSPTN akan mengintegrasikan teras dan projek tindakan kritikal dengan tema serta inisiatif yang relevan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) untuk memastikan kesinambungan transisi bagi remaja daripada sistem pendidikan asas kepada pengajian tinggi.

Nota: Pada 2013, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi digabungkan menjadi Kementerian Pendidikan.

Kementerian Pendidikan menyedari hakikat betapa pentingnya pendidikan dalam menyediakan asas pembentukan negara bangsa dan pertumbuhan ekonomi mapan selari dengan matlamat transformasi Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi. Kementerian juga menyedari bahawa sistem pendidikan negara perlu melalui transformasi yang menyeluruh dan sistematik sekiranya Malaysia berhasrat melahirkan individu yang mampu berkembang maju dan bersaing pada peringkat global. Oleh itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 bukan sekadar menyediakan penilaian terhadap sistem pendidikan masa kini dan kejayaan serta kegagalan sistem, tetapi juga mengemukakan Pelan yang komprehensif untuk maju ke arah pendidikan bertaraf dunia.



BAB 2

VISI DAN ASPIRASI

2. Visi dan Aspirasi

Sistem pendidikan sesebuah negara mesti didasarkan pada aspirasi yang berkait rapat dengan konteks negara tersebut. Walaupun terdapat perspektif yang berbeza tentang perkara untuk menjadikan sistem pendidikan Malaysia hebat, namun hampir semua pihak berkepentingan setuju bahawa sistem ini perlu ditambah baik bagi memenuhi harapan dan jangkaan rakyat. Bab ini membincangkan dua aspek berkaitan masa depan sistem pendidikan: gambaran sistem pendidikan setelah berjaya ditransformasikan dan harapan serta aspirasi untuk setiap kanak-kanak di Malaysia.

Keadaan sistem pendidikan hari ini menjadi penentu terbaik daya saing Malaysia. Seperti yang digariskan dalam Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ke-10, Malaysia berusaha untuk berubah daripada negara berpendapatan sederhana ke arah negara berpendapatan tinggi. Perubahan ini perlu digerakkan oleh mereka yang berbakat khususnya pemimpin dan pekerja berpengetahuan, berbanding input lain, seperti tenaga kerja dan modal. Tambahan pula, globalisasi menuntut individu berbakat di Malaysia bersaing dengan mereka yang terbaik di peringkat antarabangsa. Demi melahirkan tenaga kerja yang kompetitif secara global, Malaysia perlu mempunyai sistem pendidikan yang berdaya saing pada peringkat global.

Malaysia kini berada di persimpangan yang kritikal. Dalam dunia yang sedang mengalami transformasi hasil pengaplikasian Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik, transformasi ekonomi Malaysia akan bergantung pada industri yang dipacu oleh pengetahuan dan inovasi. Oleh itu, Malaysia perlu melakukan transformasi sistem pendidikan asas untuk membolehkan negara merealisasikan aspirasi dan memenuhi keperluan modal insan pada masa hadapan. Suatu transformasi besar sistem pendidikan diperlukan untuk menzahirkan cita-cita dan aspirasi negara. Transformasi ini akan berasaskan objektif yang bersasaran dan jelas serta mencerminkan keperluan negara bagi melahirkan individu berbakat, di samping mempertimbangkan keunikan konteks dan kekuatan Malaysia.

Lebih penting lagi, aspirasi ini perlu dikongsi oleh semua pihak berkepentingan bukan sahaja Kerajaan, Jemaah Menteri, dan Kementerian Pendidikan, tetapi juga ibu bapa, masyarakat, majikan, dan murid itu sendiri. Bagi menghasilkan Pelan ini, Kementerian telah mengambil langkah berani dan inovatif dengan melibatkan seluruh masyarakat Malaysia melalui Dialog Nasional Pendidikan Negara.

Langkah ini menunjukkan komitmen Kerajaan untuk mendengar suara rakyat. Malah, aspirasi pendidikan adalah satu daripada topik paling popular yang dibincangkan semasa Dialog Nasional yang meliputi 15% daripada semua maklum balas.

Aspirasi untuk menjayakan transformasi sistem pendidikan terdiri daripada dua aspek, iaitu aspirasi keseluruhan sistem pendidikan dan aspirasi setiap murid.

ASPIRASI SISTEM PENDIDIKAN

Terdapat lima hasil yang ingin dicapai dalam Pelan ini terhadap sistem pendidikan di Malaysia: akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan (Ekshibit 2-1). Dalam konteks Malaysia, aspirasi sistem muncul hasil kandungan laporan pendidikan sebelum ini yang masih relevan, seperti ketika mula direncanakan.

Pada 1956, Laporan Razak merencanakan suatu sistem pendidikan kebangsaan yang menjamin tempat di sekolah untuk semua kanak-kanak tanpa mengira etnik atau latar belakang sosioekonomi, dan menyediakan persekitaran pembelajaran yang menghargai perpaduan dalam kepelbagaian. Pada 1979, Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran menegaskan semula matlamat sistem pendidikan Malaysia, untuk mendidik murid secara holistik, dan menyediakan negara untuk masa depan. Laporan terakhir, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan akses, ekuiti, kualiti, kecekapan, dan keberkesanan pengurusan pendidikan. Kelima-lima teras asas ini juga selari dengan aspirasi yang disuarakan peserta semasa Dialog Nasional. Tindakan bagi kelima-lima bidang adalah penting dan tiada apa-apa inisiatif dalam satu bidang tertentu seharusnya mengganggu atau menjejaskan kemajuan dalam bidang yang lain.

EKSHIBIT 2-1

Lima aspirasi bagi sistem pendidikan Malaysia

Akses

100% enrolmen merentas semua peringkat pendidikan daripada prasekolah hingga menengah atas menjelang 2020

Kualiti

Negara dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa seperti TIMSS dan PISA dalam tempoh 15 tahun

Ekuiti

50% pengurangan dalam jurang pencapaian (bandar-luar bandar, sosioekonomi, gender) menjelang 2020

Perpaduan

Sistem pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian

Kecekapan

Sistem yang memaksimumkan keberhasilan murid mengikut peruntukan sedia ada

“DAN BAHAWASANYA tujuan pendidikan adalah untuk membolehkan masyarakat Malaysia menguasai ilmu, kemahiran dan nilai murni yang diperlukan dalam dunia yang berdaya saing tinggi serta bersifat global, kesan daripada perkembangan pesat sains, teknologi dan maklumat”.

Mukadimah Akta Pendidikan 1996



Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang digubal pada 1988 dan disemak semula pada 1996 menzahirkan wawasan pendidikan negara sebagai suatu cara perkembangan holistik semua kanak-kanak dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani.

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.”

Akses kepada kejayaan

Setiap kanak-kanak warganegara Malaysia, tanpa mengira taraf ekonomi, etnik atau latar belakang berhak mendapat akses yang sama kepada pendidikan berkualiti bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing. Berasaskan prinsip Pendidikan untuk Semua, yang merupakan sebahagian daripada Matlamat Pembangunan Milenium, sistem pendidikan Malaysia berhasrat memastikan penyertaan sejagat dan enrolmen penuh dari peringkat prasekolah ke peringkat sekolah menengah atas (Tingkatan 5), sama ada menerusi laluan akademik atau laluan teknik dan vokasional yang setara. Komitmen ini termasuk memastikan semua murid mendapat tempat di sekolah dan kanak-kanak yang kini tidak bersekolah didekati secara proaktif, serta memastikan semua murid memenuhi standard minimum yang diterima, iaitu lulus mata pelajaran teras Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah dan Pendidikan Agama Islam atau Pendidikan Moral pada akhir Tingkatan 5.

Pencapaian matlamat enrolmen sejagat ini akan meletakkan Malaysia setanding dengan negara maju yang lain. Di samping itu, sistem ini juga bertujuan meningkatkan peratusan murid yang menyertai pelbagai laluan pendidikan lepas menengah seperti universiti, kolej, politeknik, institusi vokasional atau program latihan kemahiran berstruktur.

Kualiti standard antarabangsa yang tinggi

Semua murid di Malaysia berpeluang memperoleh pendidikan berkualiti yang unik bagi Malaysia dan setanding dengan sistem pendidikan berprestasi tinggi yang lain. Ke arah pencapaian hasrat ini, sistem pendidikan Malaysia perlu menyediakan penambahbaikan prestasi yang lebih hebat, berdasarkan tanda aras sistem pendidikan negara lain mengikut standard antarabangsa. Penambahbaikan ini termasuk standard untuk bidang seperti matematik, sains dan bahasa inggeris, serta kemahiran berfikir aras tinggi seperti aplikasi, penaakulan, dan penyelesaian masalah.

Aspirasi Malaysia adalah untuk berada dalam kalangan negara sepertiga teratas dari segi prestasi dalam pentaksiran antarabangsa seperti *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan *Programme for International Student Assessment* (PISA) dalam tempoh 15 tahun. Pentaksiran tambahan untuk mengukur dimensi kualiti lain yang relevan dengan konteks Malaysia boleh digunakan apabila dibangunkan dan menjadi standard antarabangsa yang diterima.

Bagi mencapai matlamat ini, komitmen yang tinggi daripada seluruh masyarakat diperlukan. Pada dekad yang lalu, hanya beberapa sistem persekolahan berjaya mencapai perubahan berperingkat dalam pelaksanaan. Walau bagaimanapun, beberapa sistem pendidikan berprestasi terbaik di dunia, seperti di Singapura dan di Korea Selatan, telah menunjukkan bahawa sesuatu sistem pendidikan mampu

berubah daripada prestasi lemah kepada prestasi cemerlang dalam hanya beberapa dekad.

Begitu juga, sistem pendidikan terbaik di dunia, seperti yang terdapat di Boston (Amerika Syarikat), di Ontario (Kanada) dan di Armenia, secara tekal menunjukkan bahawa penambahbaikan yang besar dalam keberhasilan murid dapat dicapai dalam masa sesingkat enam tahun. Kementerian berhasrat agar Malaysia tersenarai dalam kalangan negara berprestasi tinggi, khususnya dalam bidang sains dan matematik. Sesungguhnya, jika Malaysia mampu dalam tempoh 15 tahun beranjak dari kelompok sepertiga terbawah ke kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa, maka Malaysia akan menjadi antara negara yang mempunyai sistem pendidikan yang paling cepat berkembang di dunia.

Ekuiti untuk semua murid

Sistem pendidikan yang terbaik menyediakan pendidikan yang terbaik kepada setiap kanak-kanak, tanpa mengira etnik, tempat, atau latar belakang sosioekonomi. Sistem pendidikan yang direncanakan bagi Malaysia ialah semua kanak-kanak warganegara, tanpa mengira siapa ibu bapa mereka, atau tempat mereka belajar, akan dilengkapi keperluan untuk membuka segala peluang bagi masa depan mereka.

Sistem pendidikan Malaysia berhasrat merapatkan separuh jurang sosioekonomi, antara bandar dengan luar bandar, dan gender dalam pencapaian murid menjelang 2020. Pengurangan jurang sosioekonomi dan antara bandar dengan luar bandar dijangkakan memberi impak terhadap jurang pencapaian antara negeri dan jenis sekolah. Kejayaan merapatkan jurang ini akan menjadikan Malaysia antara negara yang mempunyai sistem pendidikan yang lebih saksama di dunia.

Sistem pendidikan akan giat menyokong mobiliti sosial dengan menyediakan sokongan tambahan kepada mereka yang kurang bernasib baik, dan dengan itu memastikan latar belakang sosioekonomi murid tidak lagi menjadi penghalang kejayaan hidupnya. Sistem pendidikan Malaysia juga berhasrat menyediakan akses kepada laluan alternatif yang menarik, seperti pendidikan vokasional untuk menyediakan peluang kepada murid yang mempunyai pelbagai minat dan kebolehan bagi mengembangkan bakat mereka. Usaha ke arah pilihan yang lebih luas dan keluasan dalam sistem pendidikan ini adalah sejajar dengan maklum balas daripada Dialog Nasional.

Begitu juga, diakui bahawa wujud segmen murid yang mempunyai keperluan khusus yang memerlukan lebih banyak sokongan. Bagi mencapai matlamat ini, Kementerian akan menyediakan lebih sokongan dan program untuk murid berkeperluan khas, kumpulan peribumi dan minoriti lain, serta murid pintar cerdas dan berbakat, bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing sepenuhnya.

Memupuk perpaduan dalam kalangan murid

Sejak Merdeka, aspirasi utama Malaysia sebagai sebuah negara unik yang kaya dengan kepelbagaian adalah untuk memupuk perpaduan negara. Sesebuah negara yang menghargai kepelbagaian dan mengutamakan keterangkuman sosial dan sistemik mempamerkan perpaduan yang lebih kuat. Penyelidikan antarabangsa oleh OECD menunjukkan bahawa perpaduan yang lebih kuat ini mempunyai kaitan dengan populasi yang lebih sihat, masyarakat yang lebih selamat, serta kadar guna tenaga yang lebih tinggi.



Pentaksiran Antarabangsa TIMSS dan PISA

Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) ialah pentaksiran antarabangsa berasaskan kurikulum Sains dan Matematik di sekolah seluruh dunia. TIMSS mentaksir murid Gred 4 (bersamaan Tahun 4 di Malaysia) dan Gred 8 (bersamaan Tingkatan 2 di Malaysia) dalam dua aspek, iaitu kandungan seperti Algebra dan Geometri, dan kemahiran kognitif seperti proses berfikir, iaitu mengetahui, mengaplikasi, dan menaakul. TIMSS mula dijalankan pada 1995. Pada masa ini, lebih 59 buah negara mengambil bahagian dalam TIMSS yang dijalankan setiap empat tahun. Malaysia mengambil bahagian dalam TIMSS sejak 1999 dan hanya melibatkan murid Tingkatan 2.

Programme for International Student Assessment (PISA), yang diselaraskan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) adalah satu lagi pentaksiran antarabangsa yang diiktiraf secara meluas. Dijalankan setiap tiga tahun, PISA bertujuan menilai kemahiran murid berusia 15 tahun dalam Bacaan, Matematik dan Sains. Pentaksiran ini tidak tertumpu pada kandungan kurikulum, sebaliknya memfokus kepada keupayaan murid mengaplikasi pengetahuan mereka dalam persekitaran sebenar. Negara OECD dan bukan OECD menggunakan pentaksiran ini, dan dalam pentaksiran terakhir pada tahun 2009, sebanyak 74 buah negara mengambil bahagian. Malaysia mengambil bahagian buat pertama kalinya pada tahun 2010, sebagai sebahagian daripada kitaran pentaksiran PISA 2009.

Oleh sebab murid menghabiskan lebih satu perempat daripada masa mereka di sekolah semasa mereka berusia 7 hingga 17 tahun (Ekshibit 2-2), maka sekolah merupakan tempat penting untuk memupuk perpaduan. Melalui interaksi dengan individu dari pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama, dan etnik, murid belajar memahami, menerima, dan menghargai kepelbagaian. Maka perkongsian nilai dan pengalaman dapat dibina untuk masa depan Malaysia. Melalui nilai dan pengalaman ini, maka terbentuk identiti nasional yang sama dan terjalannya perpaduan negara.

Pada peringkat antarabangsa, tiada kayu ukur yang jelas tentang perpaduan. Walau bagaimanapun, bagi mengesan kemajuan dengan lebih baik, Kementerian akan melancarkan satu kaji selidik tahunan berasaskan Indeks Hubungan Masyarakat yang kini dilaksanakan oleh

Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional (JPNIN). Kaji selidik ini akan menilai petunjuk perpaduan termasuk tahap kepercayaan umum dalam kalangan kumpulan etnik yang berbeza, tahap toleransi kaum dan agama, dan interaksi sosial antara murid daripada pelbagai kumpulan etnik.


Pelaksanaan berkecekapan tinggi

Perbelanjaan besar yang tekal dalam bajet Persekutuan untuk pendidikan menunjukkan komitmen tinggi Kerajaan Malaysia terhadap pendidikan. Walaupun tahap perbelanjaan yang tinggi ini hampir menghasilkan akses sejagat kepada pendidikan rendah dan menengah rendah, dan enrolmen pendidikan menengah atas yang agak tinggi, namun masih ada ruang untuk penambahbaikan dalam dimensi lain seperti kualiti, ekuiti, dan perpaduan. Oleh itu, pulangan (dalam bentuk keberhasilan murid) perlu dimaksimumkan untuk setiap ringgit yang dibelanjakan. Dalam usaha Kementerian mencapai aspirasi sistem pendidikan, pelaksanaannya akan dijalankan secara lebih bertanggungjawab dan akan menekankan penggunaan sumber awam yang diperuntukkan dengan lebih cekap dan berkesan bagi memaksimumkan keberhasilan murid dengan bajet yang diperuntukkan. Kerajaan juga komited dalam mengekalkan tahap pelaburan dalam sistem pendidikan sedia ada, iaitu lebih kurang 16% daripada bajet tahunan Persekutuan.

EKSHIBIT 2-2

Masa yang digunakan oleh murid

Peratus jam, umur 7-17



¹ Berdasarkan 42 minggu di sekolah dan purata 5.5 jam di sekolah sehari, 2 jam wajib untuk aktiviti kokurikulum seminggu, 8 jam tidur sehari

SUMBER: Kementerian Pelajaran: sampel jadual waktu murid 2011; *Improving Health and Social Cohesion through Education 2010*; Centre for Education Research and Innovation (OECD)

ASPIRASI MURID

Sistem pendidikan Malaysia berhasrat memastikan setiap murid mencapai potensi sepenuhnya. Setiap pemimpin sekolah, guru, ibu bapa, dan masyarakat mempunyai peranan penting dalam memastikan generasi muda ini mencapai aspirasi yang diharapkan.

Pelan ini akan terus menterjemahkan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang merencanakan pendidikan seimbang sebagai asas mencapai aspirasi murid. Perkara ini selari dengan maklum balas daripada Dialog Nasional. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

juga mengambil pengajaran daripada sistem pendidikan berprestasi tinggi untuk membangunkan ciri-ciri atribut dan kecekapan tertentu yang diperlukan oleh murid untuk berjaya dan berkembang maju dalam dunia global yang semakin mencabar.

Sehubungan itu, semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan tentang pendidikan seimbang diperlihatkan dalam enam ciri (Ekshibit 2-3). Ciri ini bukan sahaja menekankan kepentingan pengetahuan, tetapi juga pembangunan kemahiran pemikiran kritis, kreatif, dan inovatif; kemahiran memimpin; kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris; sahsiah dan nilai, serta semangat identiti nasional yang kuat. Ciri ini turut memberi penekanan kepada usaha bagi membolehkan semua murid memberikan sumbangan yang bermakna kepada keluarga, masyarakat, dan negara.

Pengetahuan

Pada peringkat paling asas, setiap murid perlu memiliki keupayaan literasi dan numerasi sepenuhnya. Ciri ini melengkapkan mereka dengan kemahiran hidup asas, serta berfungsi secara berkesan dalam masyarakat bagi membolehkan mereka memupuk nilai untuk diri sendiri, masyarakat dan negara. Di samping itu, penting bagi murid menguasai mata pelajaran teras seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Sejarah. Mereka juga digalakkan untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan dalam bidang lain, seperti seni, muzik dan sukan. Selain pengetahuan dalam bidang ini, murid juga perlu mempunyai keupayaan mengaplikasi pengetahuan ini dalam situasi harian.

Kemahiran berfikir

Setiap murid perlu membina kemahiran inkuiri dan belajar cara untuk terus mendapatkan pengetahuan sepanjang hayat supaya boleh menghubungkan kait pelbagai pengetahuan, dan mewujudkan pengetahuan baharu. Kemahiran berfikir aras tinggi dan kemampuan untuk melakukan inovasi amat kritikal dalam dunia teknologi yang berkembang pesat. Setiap murid perlu menguasai pelbagai kemahiran kognitif yang penting:

- **Pemikiran Kreatif dan Inovatif:** kemampuan menginovasi, menjana kemungkinan baharu, dan mencipta idea atau pengetahuan baharu;
- **Pemikiran Kritis dan Penaakulan:** keupayaan menganalisis maklumat, menjangka masalah dan mendekati isu secara kritis, logik, induktif, dan deduktif bagi mencari penyelesaian, dan akhirnya membuat keputusan; dan
- **Keupayaan Belajar:** keupayaan memacu pembelajaran sendiri, dengan kemampuan menghargai nilai pembelajaran sepanjang hayat.

Sistem pendidikan negara perlu meningkatkan kemahiran murid dalam bidang ini seperti yang digambarkan melalui skor TIMSS dan PISA sejak lima tahun lepas. Skor TIMSS dan PISA 2009+ menunjukkan bahawa murid kurang mampu mengaplikasi pengetahuan serta berfikir secara kritis di luar konteks akademik biasa. Sehubungan itu, adalah amat penting bagi sistem pendidikan negara membantu setiap murid memperoleh kemahiran berfikir.

EKSHIBIT 2-3

Aspirasi untuk setiap murid

Setiap murid akan mempunyai ...



... sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Kemahiran memimpin

Kemampuan bekerja dengan berkesan dan memimpin orang lain adalah penting, terutamanya dalam dunia yang semakin saling berkait. Dalam Dialog Nasional, kepentingan memupuk kepimpinan dan keupayaan bekerja secara berkesan dalam satu pasukan bagi setiap murid sering dibangkitkan. Sistem pendidikan berusaha membantu setiap murid mencapai potensi masing-masing sepenuhnya melalui pelibatan sebagai pemimpin, serta bekerja dalam kumpulan. Dalam konteks sistem pendidikan, kepimpinan mempunyai empat unsur:

- **Keusahawanan:** mengambil inisiatif untuk mewujudkan dan membangunkan penyelesaian sendiri, dan bagi tujuan itu sanggup membuat pelaburan daripada sumber sendiri, serta terdorong untuk memastikan penyelesaian itu dizahirkan;
- **Berdaya tahan:** membina cara berfikir yang konstruktif serta mampu menghadapi rintangan;
- **Kecerdasan emosi:** berupaya memahami dan bekerja secara berkesan dengan orang lain serta mampu mempengaruhi mereka secara positif; dan
- **Ketrampilan komunikasi:** berupaya memberikan pendapat dan hasrat secara lisan dan bertulis dengan jelas.

Sekolah perlu menggunakan peluang yang disediakan di dalam bilik darjah melalui aktiviti berasaskan projek dan kerja kumpulan, dan aktiviti di luar bilik darjah melalui sukan, seni, serta aktiviti kokurikulum dalam membangunkan keperibadian murid.

Kemahiran dwibahasa

Setiap murid akan menguasai bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan, dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa komunikasi antarabangsa. Setiap murid juga akhirnya akan berpeluang mempelajari bahasa tambahan.

Kepelbagaian Malaysia yang unik dan warisan berbilang budaya memberikan kelebihan daya saing kepada semua. Murid akan terus berpeluang untuk mempelajari bahasa Cina dan Tamil di sekolah jenis kebangsaan. Kini, sesetengah sekolah kebangsaan juga menyediakan peluang untuk mempelajari bahasa ketiga seperti bahasa Cina, Tamil, Arab, Iban, dan Kadazan Dusun. Pada peringkat menengah, peluang ini diperluas untuk meliputi bahasa antarabangsa lain. Selepas jangka masa tertentu, semua murid akan digalakkan untuk belajar sekurang-kurangnya tiga bahasa bagi membolehkan mereka bekerjasama dan berkomunikasi secara berkesan dengan rakan dalam kalangan rakyat Malaysia dan juga negara jiran dalam dunia global masa ini.

Etika dan kerohanian

Sistem pendidikan akan mempersiapkan setiap murid supaya berani menghadapi cabaran masa depan, menyelesaikan konflik secara aman, membuat keputusan yang wajar dalam situasi kritikal, dan mempunyai keberanian melakukan apa yang betul. Penekanan diberikan kepada setiap murid dengan mewujudkan satu set prinsip, termasuk nilai bersama yang kukuh yang didukung oleh semua rakyat Malaysia:

- **Kerohanian:** mempunyai pegangan agama yang kuat dan mengamalkannya sebagai asas hidup, serta mendukung standard moral yang tinggi;
- **Integriti:** mempunyai keberanian, disiplin, dan semangat untuk melakukan perkara yang betul; dan
- **Tanggungjawab sivik:** bertindak untuk kebaikan negara, mengambil berat terhadap orang lain dan alam sekitar, dan memiliki keupayaan yang mendalam untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat.

Identiti nasional

Rakyat Malaysia perlu mempunyai perasaan tidak berbelah bahagi tentang identiti nasional dan berpegang teguh dengan prinsip Rukun Negara untuk memupuk perpaduan dan masa depan Malaysia. Setiap murid tanpa mengira etnik, kepercayaan, taraf sosioekonomi atau lokasi harus berbangga menjadi rakyat Malaysia. Pencapaian matlamat patriotisme ini memerlukan semangat keterangkuman tinggi yang diperoleh dengan belajar memahami perbezaan dan bertolak ansur, menerima dan menghormati orang lain, serta hidup bersama dalam kepelbagaian masyarakat Malaysia. Identiti nasional juga memerlukan setiap murid memahami sejarah Malaysia, berkongsi pengalaman dalam dan luar sekolah, dan berkongsi aspirasi untuk masa depan Malaysia.





Terdapat lima hasil yang menjadi hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini secara menyeluruh, iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan. Hasil ini selaras dengan aspirasi yang diutarakan semasa Dialog Nasional, dan setanding dengan hasil yang dicapai oleh sistem pendidikan berprestasi tinggi. Selain hasil keseluruhan sistem ini, Pelan ini juga akan terus menggunakan visi Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu pendidikan seimbang sebagai aspirasi bagi setiap murid. Kombinasi pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, serta identiti nasional yang kukuh adalah penting dalam mempersiapkan murid untuk berjaya dan berkembang maju dalam dunia global yang semakin mencabar.

3. Prestasi Semasa

Penilaian prestasi sistem pendidikan Malaysia dimulakan dengan menganalisis tahap pencapaian murid selama ini dan dibandingkan dengan pencapaian murid di negara lain berdasarkan keberhasilan dalam akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan. Bab ini menghuraikan fakta asas dengan jelas dan objektif untuk mewujudkan satu garis asas prestasi bagi sistem pendidikan di Malaysia. Bab ini juga memberi gambaran tentang kepelbagaian sekolah dengan tahap prestasi yang berbeza. Terdapat kelompok sekolah yang boleh menjadi contoh kecemerlangan dan kajian lanjut wajar dijalankan bagi memahami kejayaan amalannya.

Keberhasilan akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan sistem pendidikan Malaysia adalah penting dan menjadi fokus utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Keberhasilan ini telah menjadi keutamaan sejak Penyata Razak (1956) dan telah diperkukuhkan secara tekal dalam laporan dan pelan strategik seterusnya sehingga yang terkini iaitu Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010). Kajian secara kritis bagi menentukan kedudukan semasa Malaysia dalam kelima-lima keberhasilan ini telah dijalankan. Kajian ini telah membantu Kementerian dan negara bergerak ke hadapan dalam membangunkan sistem pendidikan yang lebih berkesan.

AKSES KEPADA PENDIDIKAN

Sejak Merdeka, peluang bagi semua kanak-kanak Malaysia mendapat akses kepada pendidikan merupakan objektif utama dalam sistem pendidikan negara. Terdapat dua elemen penting dalam “akses”: pertama, memastikan semua murid bersekolah; kedua, memastikan murid kekal bersekolah dalam tempoh yang ditetapkan bagi mencapai tahap minimum persekolahan. Sistem pendidikan telah mencapai kejayaan besar dalam meningkatkan tahap akses pendidikan di Malaysia. Setelah mencapai kemerdekaan, enrolmen di peringkat rendah dan menengah rendah hampir mencapai enrolmen sejagat, manakala enrolmen di peringkat prasekolah dan pendidikan menengah atas mencapai tahap yang agak tinggi. Walaupun negara telah menunjukkan kejayaan dalam memastikan murid bersekolah, namun cabaran

masih wujud. Kadar enrolmen di peringkat rendah dan menengah berada pada tahap mendatar, dan lebih rendah jika dibandingkan dengan sistem pendidikan berprestasi tinggi. Keadaan ini menunjukkan bahawa lebih banyak usaha perlu dilakukan bagi meningkatkan enrolmen populasi murid yang paling sukar didekati.

Sistem pendidikan mencapai banyak kemajuan sejak kemerdekaan negara pada 1957. Ketika itu, tidak banyak kanak-kanak mendapat akses kepada pendidikan. Lebih separuh daripada populasi tidak pernah mendapat persekolahan formal, hanya 6% mendapat pendidikan menengah dan 1% memperoleh pendidikan lepas menengah. Kini, akses pendidikan telah berubah di luar jangkauan. Menurut Bank Dunia (2011) dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) (2005), kejayaan Malaysia mencapai pendidikan rendah sejagat disebabkan banyak faktor, termasuk pelaburan awal Kerajaan dalam pendidikan bagi memastikan semua kanak-kanak mendapat akses kepada pendidikan, keazaman politik untuk meletakkan kerangka dasar dan institusi pendidikan pada tempatnya, serta komitmen semua pihak berkepentingan.

Akses hampir sejagat telah dicapai di peringkat rendah dan menengah rendah


Malaysia telah mencapai enrolmen hampir sejagat di peringkat rendah, iaitu sekitar 96% (semua kadar enrolmen adalah bagi sekolah awam dan sekolah swasta yang berdaftar dengan Kementerian). Kadar ketirisan (peratus murid yang tercicir daripada sekolah rendah) telah berkurangan sejak kebelakangan ini daripada 3% pada 1989

EKSHIBIT 3-1

Profil Sistem Pendidikan Malaysia

Seperti pada 30 Jun 2011

RM 36 b¹
 16% daripada
 jumlah bajet
 persekutuan 2011



Prasekolah

$$3 + 5 = 8$$



Rendah

$$E = MC^2$$



Menengah

Jumlah enrolmen²

Sistem awam

Enrolmen

Bilangan murid

Bilangan sekolah

Bilangan guru

Nisbah murid-guru

Purata saiz kelas

77%

42%

0.43 j

15,627⁴

17,899

24.0

23.6

96%

94%

2.86 j

7,714

227,098

13.4

29.4

86%

83%³

2.22 j³

2,218

177,382

13.1

29.8

1 Termasuk perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan; tidak termasuk tambahan RM12 bilion yang diperuntukkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan agensi lain yang menyediakan perkhidmatan berasaskan pendidikan

2 Termasuk enrolmen sekolah swasta

3 Tidak termasuk enrolmen pendidikan lepas menengah


4 Prasekolah kebangsaan merujuk prasekolah yang disediakan Kementerian Pendidikan, KEMAS, dan Jabatan Perpaduan Negara

Nota: Bahagian seterusnya Pelan Pembangunan ini akan melaporkan anggaran bilangan murid (5.4 juta), sekolah (10,000), guru (410,000), dan pengetua/guru besar (10,000)

Sumber: Perangkaan Pendidikan Malaysia 2011



Kadar enrolmen sekolah rendah dan menengah



kepada sekitar 0.2% pada 2011. Kadar enrolmen peringkat menengah rendah telah mencapai 91%. Peningkatan terbesar dilihat di peringkat menengah atas, iaitu kadar enrolmen telah meningkat hampir dua kali ganda pada dekad kebelakangan ini, daripada 45% pada 1980-an kepada sekitar 81% pada masa ini (Ekshibit 3-2). Ini bermakna 81% daripada setiap kohort menamatkan sekurang-kurangnya 11 tahun persekolahan. Dasar kenaikan kelas secara automatik yang telah dilaksanakan berupaya menangani ketidakcekapan dalam pengulangan kelas dan mengurangkan kadar keciciran murid.

“Sepanjang lebih lima dekad sejak kemerdekaan, terdapat peningkatan dramatik dalam akses kepada pendidikan.”

Bank Dunia (2011)


Pada masa yang sama, terdapat perkembangan pesat dalam pendidikan prasekolah. Program pendidikan awal dan asuhan kanak-kanak, serta aktiviti pembangunan yang berkaitan telah menjadi sebahagian daripada agenda Kerajaan sejak 2000 apabila Kerajaan

menandatangani Deklarasi Pendidikan untuk Semua di bawah UNESCO. Hasilnya, kanak-kanak berumur 4+ hingga 5+ tahun yang menyertai pendidikan prasekolah (sama ada awam atau swasta) telah meningkat secara dramatik, iaitu daripada 67% pada 2009 kepada hampir 77% pada akhir 2011. Namun Kerajaan menyasarkan enrolmen menyeluruh melalui NKRA Pendidikan sebagai sebahagian daripada Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang dilancarkan pada 2009.

Peningkatan yang signifikan dalam akses kepada pendidikan bagi rakyat adalah seiring dengan peningkatan pencapaian sepanjang lebih 30 tahun yang lalu. Malaysia telah melakukan penambahbaikan yang mengagumkan dalam pelbagai ukuran. Pada tahap paling asas, kadar literasi remaja meningkat daripada 88% pada 1980 kepada hampir literasi sejagat, iaitu 99% pada masa ini, sementara kadar literasi dewasa pula meningkat dengan lebih signifikan, iaitu kurang daripada 70% kepada lebih 92%. Kesannya, kadar populasi dewasa (berusia 15 tahun dan ke atas) yang tidak mendapat pendidikan formal (tanpa

EKSHIBIT 3-3

Tahap pendidikan tertinggi populasi berumur 15 tahun dan ke atas (1950-2010)



persekolahan) telah menurun daripada 60% pada 1950 kepada kurang 10% pada 2010. Sementara itu, kadar murid yang berjaya menamatkan sekurang-kurangnya pendidikan menengah meningkat daripada sekitar 7% pada 1950 kepada lebih 75% pada 2010 (Ekshibit 3-3).

Kesemua penambahbaikan ini telah dipacu oleh peningkatan komitmen Kerajaan dalam membiayai pembangunan dan pertumbuhan semua jenis sekolah. Sejak 1981, Kementerian telah membangunkan sekolah-sekolah di seluruh Malaysia, iaitu pada kadar 1% setahun, dan ini telah melonjakkan akses murid kepada pendidikan. Ini bermakna, terdapat tambahan 2,000 sekolah pada 2010 berbanding 1980. Kementerian juga telah memperuntukkan beratus-ratus juta ringgit bagi mengadakan program khusus untuk membantu murid dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah. Program ini meliputi inisiatif bagi menyediakan keperluan nutrisi murid, seperti Rancangan Makanan Tambahan (RMT), dan mengurangkan beban kewangan persekolahan yang ditanggung ibu

bapa, seperti Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Kementerian juga menyediakan program bagi murid berkeperluan khas serta sekolah rendah Orang Asli dan Penan.

Walaupun akses kepada pendidikan asas adalah tinggi, namun kajian oleh UNESCO (2011) tentang dasar pendidikan Malaysia menekankan kebimbangan yang enrolmen pendidikan rendah tidak terus berkembang berbanding negara serantau paling maju, seperti Jepun dan Korea Selatan yang mempunyai kadar enrolmen hampir 100%. Dapatan kajian UNESCO juga menunjukkan bahawa, walaupun kadar enrolmen peringkat menengah atas telah meningkat sejak beberapa dekad yang lalu, namun kadar tersebut masih rendah jika dibandingkan dengan negara serantau yang lebih maju seperti Jepun dan Korea Selatan yang kadarnya melebihi 90%. Oleh kerana sistem pendidikan negara mempunyai kapasiti menampung akses menyeluruh, lebih banyak usaha perlu dilakukan bagi mendapatkan enrolmen 5% hingga 10% populasi murid yang paling sukar didekati.

KUALITI PENDIDIKAN

Keputusan peperiksaan awam menunjukkan prestasi murid meningkat secara berterusan. Namun begitu, adalah penting Malaysia membandingkan sistem pendidikannya dengan tanda aras antarabangsa bagi memastikannya bergerak seiring dengan pembangunan pendidikan antarabangsa. Prestasi Malaysia dalam TIMSS telah menurun antara 1999 dengan 2011. Keputusan PISA 2009+ menunjukkan daripada 74 negara peserta, Malaysia berada dalam kelompok sepertiga terbawah, serta lebih rendah daripada purata antarabangsa dan OECD. Kementerian berpandangan adalah penting penilaian lanjut tentang keberhasilan pentaksiran ini dilakukan bagi memahami sebarang kekurangan dalam standard pendidikan.

Kualiti sistem pendidikan merangkumi pelbagai dimensi. Pentaksiran kualiti pendidikan dalam bab ini memberi tumpuan sebahagian besarnya kepada dimensi intelektual keberhasilan akademik murid dengan menggunakan data yang ada dan boleh diukur. Diakui bahawa keterangan yang ditunjukkan dengan angka hanya memberikan sebahagian gambaran tentang prestasi murid. Terdapat aspek lain yang kritikal tentang kualiti pendidikan seperti perkembangan rohani, emosi, dan jasmani seseorang murid. Namun begitu, murid yang tidak berupaya menguasai kemahiran teras intelektual seperti literasi dan numerasi, serta kemahiran berfikir aras tinggi, akan kurang berpeluang untuk berjaya dalam perubahan ekonomi yang pantas dan masyarakat globalisasi hari ini.

Prestasi murid dalam peperiksaan awam telah menunjukkan peningkatan tekal setiap tahun. Namun, dalam keadaan semasa, perbandingan dalaman tidak lagi mencukupi bagi memastikan daya saing di pentas dunia. Dalam tempoh dua dekad lepas, pentaksiran antarabangsa telah muncul sebagai satu kaedah perbandingan langsung tentang kualiti keberhasilan pendidikan yang merentas negara dan sistem. Pentaksiran ini tertumpu kepada Matematik, Sains dan Bacaan, termasuk pengujian kemahiran kognitif berkaitan aplikasi secara berkesan. Walaupun pentaksiran ini tidak memberikan gambaran menyeluruh tentang keberhasilan persekolahan, ia dapat menggambarkan kekuatan dan kelemahan bidang yang penting dalam pendidikan, ini termasuk penggunaan kemahiran utama seperti penaakulan analitik, aplikasi, dan keupayaan bagi pembelajaran berterusan. Dalam hal ini, pentaksiran tersebut menyediakan perspektif berguna tentang prestasi murid Malaysia berbanding sistem lain. Bagi memahami prestasi murid Malaysia, keputusan penyertaan negara dalam dua pentaksiran antarabangsa yang utama, iaitu TIMSS dan PISA, telah dikaji.

Prestasi murid dalam peperiksaan awam meningkat

Prestasi murid Malaysia dalam ketiga-tiga peperiksaan awam (UPSR, PMR dan SPM) menunjukkan keberhasilan yang hampir malar tetapi tetap meningkat. Dua pengukuran yang biasa digunakan untuk mentaksir keberhasilan ialah Gred Purata Sekolah (GPS) dan peratusan murid yang memperoleh gred lulus serta cemerlang. Dari 2004, kedua-dua pengukuran ini telah menunjukkan trend yang meningkat dari segi nilai mutlak merentas ketiga-tiga peperiksaan awam (Ekshibit 3-5).

Kumpulan negara setara yang digunakan dalam bab ini

Dalam bab ini, tiga kumpulan negara setara yang berbeza diguna sebagai perbandingan dengan sistem pendidikan Malaysia. Maklumat setiap negara bagi tujuan perbandingan ini jarang diperolehi, namun komponen bagi semua kumpulan kategori (dari segi negara) telah ditetapkan pada tahap malar (Ekshibit 3-4). Kumpulan perbandingan ini juga meliputi purata OECD dan antarabangsa.










Sistem pendidikan berprestasi tinggi di Asia seperti Korea Selatan, Jepun, Hong Kong dan Singapura

Sistem pendidikan di negara jiran Asia Tenggara seperti Indonesia, Thailand dan Singapura

Sistem pendidikan di negara dengan KDNK per kapita yang setanding (Pariti Kuasa Beli atau PPP terselaras) seperti Romania, Mexico dan Chile

EKSHIBIT 3-4

Profil negara setanding


	Bilangan sekolah (unit)	Bilangan murid (‘000)	Bilangan guru (‘000)	KDNK per kapita (terselaras PPP)
 Malaysia	10,000	5,400	410	14,591
Negara ASEAN				
 Indonesia	256,460	45,746	2,748	4,325
 Thailand	35,865	10,936	628	8,554
 Singapura	356	511	30	57,936
Harimau Asia				
 Korea Selatan	19,974	7,602	469	29,004
 Hong Kong	1,105	781	52	46,503
 Jepun	37,581	14,887	1,050	33,753
Negara KDNK per kapita yang setanding				
 Mexico	241,184	29,854	1,454	14,498
 Chile	10,052	3,059	170	15,732
 Romania	6,439	2,735	199	14,287

Nota: Data pendidikan bagi peringkat asas hingga prateritiari (2010 atau tahun terkini yang ada)

SUMBER: Kementerian Pendidikan; Jabatan Statistik; Bank Dunia

EKSHIBIT 3-5

Keputusan Peperiksaan Awam Malaysia (2000-2011)




¹ UPSR, gred gagal ialah D dan E. PMR, gred gagal ialah E. SPM, gred gagal ialah G9
 Nota: Data untuk SPM 2003 tidak terdapat, dan diunjurkan

SUMBER: Lembaga Peperiksaan

Walaupun wujud perbezaan ketara dalam prestasi setiap mata pelajaran, keputusan peperiksaan awam menunjukkan peningkatan mutlak dalam gred merentas masa bagi mata pelajaran teras, iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains (Ekshibit 3-6). Murid mencapai prestasi terbaik dalam Bahasa Malaysia dan terendah dalam Bahasa Inggeris pada semua peringkat. Sebagai contoh, 9% murid gagal Bahasa Malaysia dalam SPM 2011 berbanding 23% bagi Bahasa Inggeris. Pada hujung spektrum yang bertentangan, 30% murid mencapai gred cemerlang dalam Bahasa Malaysia berbanding 16% dalam Bahasa Inggeris.

EKSHIBIT 3-6

Perbandingan prestasi bagi mata pelajaran teras (2011)



¹ Purata wajaran bagi keputusan UPSR mengikut mata pelajaran bagi SK, SJK dan SJKT
² Secara am, Kimia diambil oleh murid aliran sains manakala Sains Am diambil oleh murid aliran sastera

SUMBER: Lembaga Peperiksaan



Peperiksaan awam

Pentaksiran merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Lembaga Peperiksaan (LP) kini melaksanakan peperiksaan awam UPSR, PMR, SPM dan STAM. STPM ditadbir oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM).

- **Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR):** Peperiksaan yang direka bentuk untuk mengukur tahap pencapaian akademik murid di sekolah rendah. Mata pelajaran yang diuji dalam UPSR termasuk Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Murid di SJK juga menduduki peperiksaan bagi Bahasa Cina atau Bahasa Tamil;
- **Penilaian Menengah Rendah (PMR):** Seperti UPSR, PMR ialah peperiksaan yang direka bentuk untuk mengukur tahap pencapaian akademik murid pada akhir peringkat menengah rendah. Mata pelajaran yang diuji termasuklah Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Geografi, Sejarah, Kemahiran Hidup dan, Pendidikan Islam (bagi murid Islam). Beberapa mata pelajaran elektif juga ditawarkan seperti Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Arab. PMR akan digantikan dengan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) pada 2014;
- **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM):** Peperiksaan awam yang diduduki semua murid Tingkatan 5 pada akhir sekolah menengah. Peperiksaan ini ditanda aras pada standard antarabangsa dan diiktiraf setaraf dengan O-Level. Peperiksaan ini melibatkan kombinasi mata pelajaran wajib: Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Sains, Pendidikan Islam (bagi murid Islam) dan Pendidikan Moral (bagi murid bukan Islam). Terdapat juga sebilangan besar mata pelajaran elektif merentas bidang Seni, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Bahasa dan Kesusasteraan, Teknikal dan Vokasional, Sains dan Matematik, serta Sains Sosial dan Agama; dan
- **Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM):** Peperiksaan awam lepas menengah yang ditawarkan kepada murid Tingkatan 6 di sekolah agama. Peperiksaan ini ditadbir oleh LP. Sijil kelulusan STAM membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar.

Selain peperiksaan yang ditadbirkan oleh LP, Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) yang juga di bawah Kementerian Pendidikan, mentadbir peperiksaan seperti **Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)** bagi pendidikan lepas menengah dan ditanda aras pada peringkat antarabangsa iaitu A-Level.

Prestasi Malaysia dalam TIMSS

Ketika Malaysia mula menyertai TIMSS pada 1999, skor Matematik mengatasi purata antarabangsa dengan 519 mata dan terletak di tangga ke-16 daripada 38 negara (Ekshibit 3-7). Manakala skor Sains pula ialah 492 mata, juga mengatasi purata antarabangsa walaupun kedudukannya lebih rendah, iaitu di tangga ke-22 (Ekshibit 3-8).

Ekshibit 3-7

Prestasi TIMSS Gred 8 Matematik bagi Malaysia berbanding negara lain merentas empat pusingan

■ Negara serantau setara

1 TIMSS 1999			2 TIMSS 2003			3 TIMSS 2007			4 TIMSS 2011		
Kedudukan	Negara	Skor	Kedudukan	Negara	Skor	Kedudukan	Negara	Skor	Kedudukan	Negara	Skor
1	Singapura	604	1	Singapura	605	1	Chinese Taipei	598	1	Korea Selatan	613
2	Korea Selatan	587	2	Korea Selatan	589	2	Korea Selatan	597	2	Singapura	611
3	Chinese Taipei	585	3	Hong Kong	586	3	Singapura	593	3	Chinese Taipei	609
4	Hong Kong	582	4	Chinese Taipei	585	4	Hong Kong	572	4	Hong Kong	586
5	Jepun	579	5	Jepun	570	5	Jepun	570	5	Jepun	570
16 MALAYSIA 519			10 MALAYSIA 508			20 MALAYSIA 474			26 MALAYSIA 440		
Purata Antarabangsa			Purata Antarabangsa			Purata Antarabangsa			Purata Antarabangsa		
21	New Zealand	491	26	Romania	475	27	Bosnia	456	20	Norway	475
22	Lithuania	482	27	Norway	461	28	Lebanon	449	21	Armenia	467
27	Thailand	467	34	Indonesia	411	29	Thailand	441	28	Thailand	427
34	Indonesia	403	45 ¹	Afrika Selatan	264	36	Indonesia	397	38	Indonesia	386
38	Afrika Selatan	275	48 ²	Qatar	307	42 ³	Ghana	307	42 ³	Ghana	331

1 Tidak termasuk 4 peserta penanda aras bukan-nasional (iaitu peringkat negeri) dan 1 peserta tidak memenuhi garis panduan
2 Tidak termasuk 7 peserta penanda aras bukan-nasional (iaitu peringkat negeri) dan 1 peserta tidak memenuhi garis panduan
3 Tidak termasuk 14 peserta penanda aras bukan-nasional (iaitu peringkat negeri) dan 3 negara yang mempunyai peserta Gred 9
SUMBER: TIMSS 1999, 2003, 2007, dan 2011

Prestasi Malaysia dalam pusingan pada 2003 menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pencapaian pentaksiran tersebut. Skor Matematik menurun sedikit kepada 508 walaupun negara kekal mengatasi purata antarabangsa dan kedudukannya meningkat ke tangga ke-10 daripada 16 negara. Prestasi Sains meningkat 18 mata kepada 510, jauh mengatasi purata antarabangsa dan terletak di tangga ke-20 daripada 45 negara.

Ekshibit 3-8

Prestasi TIMSS Gred 8 Sains bagi Malaysia berbanding negara lain merentas empat pusingan

■ Negara serantau setara

1 TIMSS 1999			2 TIMSS 2003			3 TIMSS 2007			4 TIMSS 2011		
Kedudukan	Negara	Skor	Kedudukan	Negara	Skor	Kedudukan	Negara	Skor	Kedudukan	Negara	Skor
1	Chinese Taipei	569	1	Singapura	578	1	Singapura	567	1	Singapura	590
2	Singapura	568	2	Chinese Taipei	571	2	Chinese Taipei	561	2	Chinese Taipei	564
3	Hungary	552	3	Korea Selatan	558	3	Jepun	554	3	Korea Selatan	560
4	Jepun	550	4	Hong Kong	556	4	Korea Selatan	553	4	Jepun	558
5	Korea Selatan	549	5	Estonia	552	5	England	542	5	Finland	552
22 MALAYSIA 492			20 MALAYSIA 510			21 MALAYSIA 471			32 MALAYSIA 426		
Purata Antarabangsa			Purata Antarabangsa			Purata Antarabangsa			Purata Antarabangsa		
23	Lithuania	488	25	Jordan	475	22	Thailand	471	21	Turkey	483
24	Thailand	482	26	Moldova	472	25	Israel	468	22	Iran	474
32	Indonesia	435	36	Indonesia	420	26	Bahrain	467	27	Thailand	451
38	Afrika Selatan	243	45 ¹	Afrika Selatan	244	35	Indonesia	427	40	Indonesia	406
						48 ²	Ghana	303	42 ³	Ghana	306

1 Tidak termasuk 4 peserta penanda aras bukan-nasional (iaitu peringkat negeri) dan 1 peserta tidak memenuhi garis panduan
2 Tidak termasuk 7 peserta penanda aras bukan-nasional (iaitu peringkat negeri) dan 1 peserta tidak memenuhi garis panduan
3 Tidak termasuk 14 peserta penanda aras bukan-nasional (iaitu peringkat negeri) dan 3 negara yang mempunyai peserta Gred 9
SUMBER: TIMSS 1999, 2003, 2007, dan 2011



Kebolehbandingan Pentaksiran Antarabangsa Prestasi Murid

Kebolehbandingan TIMSS dan PISA: Seperti dinyatakan di atas, ujian TIMSS memberi tumpuan kepada elemen kurikulum yang sama bagi negara peserta, sementara ujian PISA memberi fokus kepada pentaksiran aplikasi untuk permasalahan dunia sebenar, tanpa mengambil kira kurikulum negara peserta. Walaupun demikian, penyelidik di Universiti Stanford, Amerika Syarikat mendapati bahawa kedua-dua pentaksiran tersebut mempunyai korelasi yang tinggi pada peringkat negara iaitu sehingga 0.87 bagi Matematik dan 0.97 bagi Sains. Ini bermakna negara yang memperoleh pencapaian baik dalam TIMSS berkemungkinan besar juga mempunyai pencapaian baik dalam PISA, dan sebaliknya.

Apakah Skala Sejagat?


Dalam Ekshibit 3-15, skor TIMSS dan PISA telah diubah kepada skala sejagat (berasaskan metodologi yang dibangunkan oleh Hanushek et. al). Perubahan ini dilakukan bagi membolehkan perbandingan merentas mata pelajaran, tahap gred dan pentaksiran yang berlainan. Skala sejagat juga membolehkan prestasi negara berlainan diklasifikasikan kepada kumpulan besar "Lemah", "Sederhana", "Baik", "Sangat Baik", dan "Cemerlang". Untuk maklumat lanjut, sila rujuk seksyen Skala Sejagat dalam Lampiran V.

Keputusan pada 2007 dan 2011 pula menunjukkan penurunan ketara bagi skor Matematik dan Sains di bawah purata antarabangsa. Sehingga kitaran 2011, skor Matematik telah menurun kepada 440 mata (kedudukan 26 daripada 42 negara). Skor Sains merosot kepada 426 mata (kedudukan 32 daripada 42 negara).

Dalam hal ini, 38% murid di Malaysia tidak mencapai tanda aras minimum dalam Matematik dan Sains pada 2011, peningkatan dua kali ganda sejak 2007 dan sehingga lima kali ganda sejak 1999 (Ekshibit 3-9). Keputusan menunjukkan murid tersebut memahami asas konsep Matematik dan Sains, tetapi pada amnya mereka menghadapi kesukaran mengaplikasikan pengetahuan ini.

EKSHIBIT 3-9

Perbandingan prestasi dalaman Malaysia bagi TIMSS (1999-2011)




¹ Lanjutan: Murid dapat menyusun atur maklumat, membuat generalisasi, menyelesaikan masalah bukan rutin, membuat kesimpulan, serta memberi justifikasi kesimpulan daripada data
² Bawah minimum: Murid mempunyai sedikit atau tiada pengetahuan subjek
 NOTA: Bahasa Malaysia digunakan pada 1999 dan 2003. Pada 2007 dan 2011, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris digunakan
 SUMBER: TIMSS 1999, 2003, 2007, dan 2011

Perincian prestasi murid dalam TIMSS 2011 berbanding sistem lain menunjukkan bahawa bilangan murid Malaysia yang cemerlang adalah sedikit. Hanya 1-2% murid Malaysia mencapai tanda aras tertinggi, seperti penyelesaian masalah yang kompleks; berbanding dengan lebih 40% murid di Singapura mencapai skor pada tahap lanjutan dalam Matematik dan Sains (Ekshibit 3-10).

EKSHIBIT 3-10

Perbandingan prestasi TIMSS 2011 bagi Malaysia dengan negara lain




¹ Penanda aras lanjutan: Murid dapat menyusun atur maklumat, membuat generalisasi, menyelesaikan masalah bukan rutin, membuat kesimpulan, serta memberi justifikasi kesimpulan daripada data
² Romania dimasukkan bagi perbandingan kerana mempunyai persamaan dalam saiz populasi dan KDNK per kapita.
 Nota: Negara disusun mengikut kadar murid pada tahap lanjutan dengan susunan menurun
 SUMBER: TIMSS 2011 bagi Gred 8

Penganalisan data TIMSS memberi gambaran lanjut tentang prestasi sistem pendidikan dalam Matematik dan Sains. TIMSS mentaksir penguasaan kemahiran murid dalam ketiga-tiga jenis kemahiran kognitif yang berlainan, iaitu mengingat kembali pengetahuan, mengaplikasikan pengetahuan dalam penyelesaian masalah, dan kebolehan menaakul dalam menyelesaikan masalah. Murid Malaysia tidak dapat menunjukkan prestasi yang baik dalam ketiga-tiga dimensi ini (Ekshibit 3-11).

EKSHIBIT 3-11

Perbandingan prestasi murid dalam TIMSS 2011 mengikut dimensi pengetahuan, aplikasi dan penaakulan



SUMBER: TIMSS 2011 bagi Gred 8

Prestasi Malaysia dalam PISA 2009+

Malaysia mula menyertai pentaksiran PISA buat kali pertama dalam pusingan 2009+. Daripada 74 negara, pencapaian Malaysia ialah dalam kelompok sepertiga terbawah bagi Bacaan, Matematik dan Sains, jauh di bawah purata antarabangsa dan OECD bagi ketiga-tiga dimensi.

Dalam pentaksiran terkini, prestasi Malaysia berada sekurang-kurangnya 100 mata di bawah negara serantau seperti Singapura, Jepun, Korea Selatan dan Hong Kong dalam ketiga-tiga dimensi (Ekshibit 3-12). Dalam PISA 2009+, perbezaan 38 mata bersamaan dengan pembelajaran satu tahun persekolahan. Ini bermakna, murid berusia 15 tahun di Malaysia dianggap ketinggalan hampir tiga tahun persekolahan berbanding dengan murid yang seusia di negara tersebut, iaitu negara pesaing Malaysia dalam ekonomi pengetahuan masa kini. Berbanding dengan Shanghai yang mempunyai sistem sekolah dengan prestasi terbaik di dunia dalam PISA 2009+, murid Malaysia ketinggalan empat tahun persekolahan.

Hampir 60% murid Malaysia gagal mencapai tanda aras minimum dalam Matematik, iaitu profisiensi penguasaan kemahiran asas yang diperlukan murid untuk menjalani kehidupan secara efektif dan produktif (Ekshibit 3-13). Begitu juga, 44% dan 43% murid tidak mencapai tanda aras minimum masing-masing dalam Bacaan dan Sains.



Menguji faktor yang mungkin menyebabkan penurunan prestasi Malaysia dalam TIMSS

Tiga faktor yang sering ditimbulkan yang mungkin menjadi penyebab bagi penurunan prestasi Malaysia dalam TIMSS ialah tahap kesepadanan antara kurikulum kebangsaan dengan item yang diuji dalam TIMSS (pertindihan), perubahan dasar bahasa, dan metodologi persampelan. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga faktor ini tidak mungkin menjadi punca utama atas sebab berikut:

Liputan tidak lengkap bagi konsep yang ditaksir dalam TIMSS oleh kurikulum kebangsaan tidak menyebabkan penurunan tersebut. Terdapat sedikit penurunan dalam kandungan yang sepadan antara soalan ujian Matematik dalam TIMSS dan kurikulum kebangsaan antara 2003 dan 2011 (daripada 98% pada 2003 kepada 72% pada 2011, di bawah purata antarabangsa sebanyak 90%). Perkara yang sama tidak dapat diperjelaskan bagi Sains kerana pertindihan kandungan meningkat daripada 90% kepada 94% antara 2003 dan 2011, di atas purata antarabangsa sebanyak 83%. Tambahan pula, terdapat juga negara yang memperoleh prestasi baik walaupun dengan pertindihan kandungan di bawah tahap purata. Misalnya, Singapura, yang terletak di kedudukan pertama bagi Sains dalam TIMSS.


Soalan disediakan dalam **bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris** sebagai opsyen dalam pentaksiran TIMSS bagi Malaysia. Oleh itu, keputusan seharusnya tidak dipengaruhi oleh bahasa ujian yang digunakan dalam TIMSS.

Pendekatan persampelan juga boleh disangkal sebagai penyebab utama. Sampel sekolah yang diuji bagi TIMSS mencerminkan prestasi sekolah Malaysia berdasarkan taburan sekolah mengikut band pencapaian.

EKSHIBIT 3-13

Perbandingan prestasi dalam PISA 2009+ mengikut tahap kemahiran bagi Malaysia dengan purata OECD

Peratus murid pada tahap prestasi berlainan dalam PISA 2009+¹



¹ Lanjutan termasuk profisiensi tahap 5 dan 6; Sederhana termasuk profisiensi tahap 2, 3, dan 4; dan Bawah minimum termasuk profisiensi tahap 1 dan ke bawah

Nota: Skor adalah purata sampel sekolah di Malaysia: 80% Sekolah Menengah Kebangsaan, 3% Sekolah Agama, 4% Sekolah Teknik dan Vokasional, 3% Sekolah Berasrama Penuh, 3% Maktab Rendah Sains MARA, 7% sekolah swasta mengikut murid

SUMBER: PISA 2009+

Penguasaan kemahiran minimum menurut takrif PISA bererti:


- **Dalam Bacaan**, murid tidak dapat melakukan satu atau lebih daripada perkara berikut: mencari satu atau lebih maklumat dalam teks, mengenali idea utama dalam teks, membuat inferens tahap rendah atau perbandingan antara maklumat dalam teks dengan pengetahuan harian;
- **Dalam Matematik**, murid tidak dapat menggunakan algoritma asas, formula, prosedur atau konvensyen. Murid tiada kebolehan melakukan penaakulan terus dan interpretasi literal bagi sesuatu keputusan, walaupun mereka dapat menjawab soalan dengan jelas melibatkan konteks biasa; dan
- **Dalam Sains**, murid mempunyai pengetahuan sains yang sangat terhad dan hanya dapat diaplikasikan kepada beberapa situasi biasa. Murid dapat menyediakan penerangan saintifik berdasarkan bukti eksplisit yang diberikan, tetapi akan menghadapi kesukaran membuat kesimpulan atau interpretasi daripada penyelidikan mudah.

Seperti TIMSS 2011, keputusan PISA 2009+ menunjukkan bahawa hanya sebilangan kecil murid Malaysia mencapai prestasi tahap tinggi (lebih kurang 0.1% bagi Bacaan, Matematik dan Sains) berbanding negara OECD, (hampir 8% mencapai tahap lanjutan). Prestasi pada tahap lanjutan dalam PISA bererti:

- **Dalam Bacaan**, murid dapat melakukan pelbagai inferens, perbandingan, dan pembezaan yang terperinci dan tepat. Mereka juga dapat membuat penilaian kritis atau hipotesis, berdasarkan pengetahuan khusus;

EKSHIBIT 3-12

Perbandingan kedudukan PISA 2009+ Malaysia dengan negara lain



SUMBER: PISA 2009+


- **Dalam Matematik**, murid dapat mentafsir maklumat yang lebih kompleks dan mengolah beberapa langkah penyelesaian. Mereka juga menunjukkan keupayaan berfikir bagi mengenal pasti strategi penyelesaian yang sesuai, dan mempamerkan proses kognitif aras tinggi lain bagi menerangkan atau menyampaikan keputusan; dan
- **Dalam Sains**, murid berupaya mengenal pasti, menerangkan, dan mengaplikasi pengetahuan saintifik dalam pelbagai situasi kehidupan yang kompleks. Mereka mempamerkan pemikiran dan penaaakulan saintifik tinggi secara tekal. Murid dapat menggunakan pengetahuan saintifik dan membentuk hujah untuk menyokong syor dan keputusan yang berkisar pada situasi peribadi, sosial atau global.

Perbezaan dengan negara Asia berprestasi tinggi yang lain adalah ketara: peratusan murid di Singapura, di Korea Selatan dan di Hong Kong yang mencapai tahap tinggi dalam Bacaan ialah 120-150 kali ganda berbanding peratusan di Malaysia (Ekshibit 3-14).

EKSHIBIT 3-14

Perbandingan prestasi PISA 2009+ dalam Bacaan mengikut kemahiran bagi Malaysia berbanding negara lain

Peratus murid pada setiap tahap prestasi¹ dalam PISA 2009+ Bacaan



¹ Lanjutan termasuk profisiensi tahap 5 dan tahap 6; Sederhana termasuk profisiensi tahap 2, 3, dan 4; dan Bawah minimum termasuk profisiensi tahap 1 dan ke bawah

SUMBER: PISA 2009+

Ekshibit 3-15 membandingkan semua negara yang mengambil bahagian dalam pentaksiran antarabangsa dan tahap prestasi murid. Paksi menegak menunjukkan tahap pencapaian pada skala sejagat. Negara dikelaskan berasaskan band prestasi yang luas, iaitu “Lemah”, “Sederhana”, “Baik”, “Sangat Baik” dan “Cemerlang”. Perbezaan antara setiap band prestasi (lebih kurang 40 mata skala sejagat) bersamaan satu tahun persekolahan. Oleh itu, murid berusia 15 tahun dalam sistem yang “Baik” menunjukkan prestasi seolah-olah telah mendapat satu tahun tambahan persekolahan berbanding murid seusia dalam sistem yang “Sederhana”.

Paksi mendarat pada Ekshibit 3-15 menunjukkan perbelanjaan awam untuk pendidikan bagi setiap murid dalam USD (PPP terselaras) setakat 2008. Semua negara telah diletakkan pada garis yang selaras dengan band perbelanjaan masing-masing. Angka di atas setiap garis ialah skor maksimum yang dicapai (oleh sesebuah negara) bagi tahap perbelanjaan tersebut, dan angka di bawah garis ialah skor minimum. Ekshibit ini menunjukkan perbelanjaan awam di Malaysia untuk setiap murid pada 2008. Gabungan dua paksi memperlihatkan kepelbagaian prestasi antara negara dengan tahap perbelanjaan yang sama dalam pendidikan.

TIMSS dan PISA menunjukkan bahawa terdapat sekolah berprestasi “Baik” dan “Sangat Baik” di Malaysia yang wajar dikaji dan dicontohi

Walaupun prestasi Malaysia sebagai satu sistem dalam pentaksiran antarabangsa tidak sebaik yang diharapkan, analisis taburan skor mengikut sekolah menunjukkan terdapatnya sekolah yang wajar dikaji dan dicontohi (Ekshibit 3-16). Sekolah tersebut mencapai band prestasi “Baik” atau “Sangat Baik” pada standard antarabangsa. Contohnya dalam pentaksiran TIMSS 2011, 3% sekolah berada dalam band “Sangat Baik”, sementara 21% lagi dalam band “Baik”. Dalam pentaksiran PISA 2009+, 7% sekolah berada dalam band “Baik”.

EKSHIBIT 3-16

Prestasi sekolah Malaysia mengikut tahap prestasi bagi TIMSS 2011 dan PISA 2009+

TIMSS 2011 Penyertaan sekolah mengikut tahap prestasi			PISA 2009+ Penyertaan sekolah mengikut tahap prestasi		
Tahap prestasi	Bilangan	Peratus	Tahap prestasi	Bilangan	Peratus
Cemerlang	0	0%	Cemerlang	0	0%
Sangat Baik	6	3%	Sangat Baik	0	0%
Baik	37	21%	Baik	11	7%
Sederhana	55	31%	Sederhana	20	13%
Lemah	81	45%	Lemah	121	80%
	150	100%		152	100%

SUMBER: TIMSS 2011; PISA 2009+

Kementerian juga mempunyai dua jenis Anugerah Khas bagi mengiktiraf sekolah berprestasi cemerlang: Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan Sekolah Kluster. Kementerian telah memilih 91 SBT di seluruh negara, yang diberi hak membuat keputusan dan pengetua/guru besar mempunyai kebertanggungjawaban untuk mengekalkan dan terus meningkatkan tahap prestasi sekolah mereka (Ekshibit 3-17). Sehingga kini, terdapat 170 Sekolah Kluster Kecemerlangan di seluruh negara.

Peperiksaan awam dan pentaksiran antarabangsa menunjukkan varians dalam standard

Terdapat beberapa bukti yang menunjukkan tiada kesejajaran antara peperiksaan awam dengan pentaksiran antarabangsa dari segi cara penentuan standard. Percanggahan ini menjelaskan sedikit sebanyak perbezaan antara trend yang dilihat dalam peperiksaan awam dengan yang ditunjukkan dalam pentaksiran antarabangsa.


Perbandingan keputusan antara pentaksiran TIMSS 2011 (murid Tingkatan 2 yang terlibat dalam TIMSS ini diuji pada tahun 2010) dan PMR 2011 (Tingkatan 3) bagi set sekolah sama yang diuji menunjukkan ketidaksepadanan antara keduanya dari segi takrif kecemerlangan. Kesannya, dalam PMR 2011, 32% murid mencapai gred cemerlang (gred A) dalam Matematik berbanding hanya 2% dalam TIMSS 2011 yang mencapai tahap “Tinggi” (Ekshibit 3-18).

Antara faktor yang mungkin menyebabkan ketakjajaran standard ini ialah perbezaan fokus pengujian bagi peperiksaan awam dan pentaksiran antarabangsa. Contohnya, TIMSS dan PISA memberikan tumpuan kepada soalan yang menguji kemahiran berfikir aras tinggi seperti aplikasi dan penaakulan. Sebaliknya, peperiksaan awam Malaysia memberi lebih tumpuan pada soalan yang menguji kandungan pengetahuan.

EKSHIBIT 3-15

Prestasi negara dalam pentaksiran antarabangsa berbanding perbelanjaan awam untuk setiap murid

Skor Skala Sejagat¹ 2009 (maksimum, median, minimum)




1 Skala sejagat berdasarkan metodologi Hanushek & Woessmann, bagi membolehkan perbandingan merentas sistem.

2 Perbelanjaan awam setiap murid bagi pendidikan asas (tahap pendidikan prasekolah, rendah dan menengah) bagi harga semasa 2008

Nota: Perbelanjaan awam Malaysia 2008 adalah USD3000 setiap murid

SUMBER: World Bank EdStats; IMF; UNESCO; PISA 2009+, TIMSS 2007, PIRLS 2006, *Global Insight*; McKinsey & Company 2010

Profil terpilih Sekolah Berprestasi Tinggi di Malaysia



91 sekolah

dianugerahi status
SBT atas pengiktirafan
kecemerlangan dalam
aspek akademik dan
bukan akademik

SK Ulu Lubai, Sarawak

- 100% kadar lulus dalam UPSR sejak 2006
- Sekolah luar bandar pertama di Malaysia mencapai status SBT

SK Zainab (2), Kelantan

- Tekal antara sekolah terbaik dalam UPSR
- Prestasi cemerlang dalam aktiviti kokurikulum seperti taekwondo dan pengucapan awam

SJKC Foon Yew (2), Johor

- Tekal antara sekolah terbaik dalam UPSR
- Rekod pencapaian cemerlang dalam pertandingan akademik peringkat antarabangsa dalam Matematik dan Bahasa Cina

SM Sultan Abdul Halim, Kedah

- 100% kadar lulus dalam SPM
- Prestasi cemerlang dalam aktiviti kokurikulum seperti orkestra dan ragbi

SMK Tuanku Abdul Rahman, Perak

- 100% lulus dalam SPM bagi 5 tahun berterusan
- Rekod cemerlang dalam aktiviti kesukanan antarabangsa, khususnya renang


Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) adalah inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang bermatlamat untuk meningkatkan kualiti sekolah ke taraf dunia. Sekolah yang dianugerahkan status SBT diberikan lebih keluwesan operasi untuk melaksanakan inovasi dan terus meningkatkan kualiti sekolah. Sekolah ini juga akan menyokong peningkatan standard merentasi keseluruhan sistem pendidikan dengan membimbing sekolah lain untuk meningkatkan prestasi.

SUMBER: Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan



Ekshibit 3-18

Perbandingan keputusan TIMSS 2011 dan PMR 2011




¹ Ilustrasi taburan gred adalah bagi sekolah yang menyertai TIMSS 2011
 SUMBER: TIMSS 2011; Lembaga Peperiksaan

Perbandingan standard kertas 1119 English pada peringkat SPM dan GCE O-Level menunjukkan perbezaan dalam penentuan standard. Kertas 1119 English membolehkan murid mendapat dua gred dan standard yang berbeza (SPM dan GCE O-Level). LP dan *Cambridge International Examination* menentukan titik penggalan (*cut off point*) gred yang berbeza bagi kertas Bahasa Inggeris SPM. Perbezaan ini paling ketara antara sempadan gred lulus dan gagal. Berdasarkan skala penggredan Cambridge, 50% daripada murid Tingkatan 5 gagal mencapai standard minimum. Manakala, berdasarkan skala penggredan Malaysia, kira-kira 20% murid dianggap gagal (Ekshibit 3-19).

EKSHIBIT 3-19

Perbandingan gred Bahasa Inggeris SPM 2011 dan gred GCE O-Level




NOTA: Pentaksiran Bahasa Inggeris SPM ditaksir sekali, tetapi menerima dua gred per kertas berasaskan sistem penggredan untuk kebangsaan dan antarabangsa masing-masing
 SUMBER: Lembaga Peperiksaan

Kadar tamat persekolahan untuk satu kohort

Pemantauan kohort murid yang memasuki Tahun 1 pada 2000 hingga tamat Tingkatan 5 pada 2010 di sekolah awam menunjukkan kira-kira 36% daripada kohort ini tidak lagi mendaftar di sekolah atau telah gagal mencapai standard minimum dalam peperiksaan SPM bagi mata pelajaran teras (Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah dan Pendidikan Moral atau Pendidikan Islam) (Ekshibit 3-20). Sebanyak 11% lagi telah bertukar daripada sistem sekolah awam kepada sistem sekolah swasta. Trend yang serupa juga dilihat bagi kohort Tahun 1 pada 1999. Keadaan ini menunjukkan sepertiga daripada setiap kohort tidak mencapai tahap penguasaan minimum yang diharapkan bagi semua murid.

EKSHIBIT 3-20

Kadar tamat persekolahan bagi kohort murid Tahun 1, 2000



- 1 Merujuk kepada murid yang menduduki pentaksiran kebangsaan sebagai calon sekolah bukan kerajaan.
2 Gagal merujuk kepada gagal sekurang-kurangnya 1 mata pelajaran, termasuk Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan Moral atau Pendidikan Islam. Matematik dan Sains (Sains Am untuk murid aliran Sastera, sama ada Fizik, Kimia atau Biologi untuk murid aliran Sains)
3 Termasuk murid yang cicir dan telah bertukar ke sekolah swasta yang tidak menggunakan kurikulum kebangsaan (misalnya, sekolah antarabangsa)

SUMBER: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan; Lembaga Peperiksaan


Perbezaan persepsi awam tentang kualiti keberhasilan pendidikan

Pelbagai kumpulan berkepentingan mempunyai harapan yang berbeza terhadap sistem pendidikan Malaysia. Oleh itu, persepsi awam tentang kualiti sistem pendidikan juga adalah pelbagai:

- Perspektif industri:** Temu bual yang dilakukan dengan majikan dan pemimpin industri menunjukkan bahawa terdapat kebimbangan meluas tentang sejauh mana murid dilengkapi kemahiran yang betul untuk berjaya dalam masyarakat moden (Ekshibit 3-21). Khususnya, majikan bimbang tentang: i) kekurangan kemahiran berfikir aras tinggi seperti penyelesaian masalah dan pemikiran kreatif, dan ii) tahap kemahiran bahasa Inggeris siswazah (kebimbangan khusus sektor swasta);

EKSHIBIT 3-21

Dapatan Tinjauan Jobstreet 2011 mengenai graduan yang diambil bekerja



SUMBER: Kaji selidik Jobstreet (Oktober 2011)

- Perspektif murid:** Murid sendiri kelihatan optimistik. Kaji selidik terhadap kira-kira 23,000 murid (Tahun 6, Tingkatan 2 dan Tingkatan 4) yang dilaksanakan pada 2011 menunjukkan bahawa murid bersikap optimis tentang pendidikan yang diterima. Sebagai contoh, 95% murid bersetuju atau sangat bersetuju bahawa pendidikan membantu mereka mengembangkan set kemahiran hidup yang betul untuk persediaan bagi alam lepas sekolah; dan
- Tinjauan pendapat awam:** Pendapat awam adalah pelbagai. Tinjauan pendapat awam yang dilaksanakan oleh *Merdeka Center* pada Disember 2004 terhadap 850 sampel rakyat Malaysia (usia 16 hingga 30 tahun) mendapati bahawa majoriti (68% India, 58% Cina dan 50% Melayu) berpendapat, pendidikan yang diterima tidak cukup mempersiapkan mereka bagi menghadapi cabaran hidup dan bekerja dalam masyarakat masa kini. Sebaliknya, kaji selidik awam pada 2011 terhadap 1,800 rakyat mendapati secara keseluruhan, 55% berpandangan bahawa standard sistem pendidikan di Malaysia setara dengan standard negara maju, dan 35% berpandangan ia adalah lebih baik.

Walaupun keterbatasan kaji selidik seumpama ini perlu diakui, Kementerian berpandangan bahawa kebimbangan yang disuarakan itu perlu diberi perhatian. Potensi dan aspirasi kanak-kanak di Malaysia perlu dipenuhi dengan kualiti pendidikan yang akan memastikan mereka dapat merealisasikan harapan dan cita-cita apabila meninggalkan alam persekolahan.

Data sedia ada menunjukkan perkembangan holistik murid sedang berlaku

Sebagai sebahagian daripada objektif untuk menyediakan pendidikan yang seimbang, Kementerian menyedari kepentingan untuk memahami kemampuan dan peranan dalam membantu perkembangan rohani, emosi, dan jasmani murid. Bagi tujuan tersebut, tiga sumber data terbaik yang ada tentang isu ini telah dikaji: i) skor sekolah bagi keberhasilan murid, sebagai sebahagian daripada amalan pentaksiran sendiri tahunan bagi kualiti sekolah; ii) dapatan kajian JNJK pada 2011 mengenai disiplin murid di sekolah tertentu; dan iii) peratusan murid yang terlibat dalam salah laku disiplin pada 2011.

Sekolah umumnya menunjukkan skor pentaksiran sendiri yang positif bagi keberhasilan murid.

Setiap tahun sekolah dikehendaki melaksanakan pentaksiran sendiri menggunakan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM), terhadap lima dimensi berkaitan kualiti sekolah: kepimpinan dan hala tuju, pengurusan organisasi, pengurusan kurikulum, kokurikulum dan sukan serta hal ehwal murid, pengajaran dan pembelajaran, serta kemenjadian murid. Bagi dimensi terakhir, sekolah mempertimbangkan keberhasilan akademik dan bukan akademik termasuk penyertaan kokurikulum serta sikap, tingkah laku, dan nilai moral yang ditunjukkan oleh murid di sekolah. Dimensi ini digred mengikut skala 15 mata, dengan 15 sebagai penarafan terbaik. Secara keseluruhan, keputusan pentaksiran sendiri ini adalah positif: 76% sekolah rendah memberi taksiran 10 mata atau lebih tinggi bagi

dimensi ini berbanding dengan 44% bagi sekolah menengah. Hanya 1% sekolah rendah dan menengah melaporkan penarafan kurang daripada 5 mata.

Penaziran sekolah bersasaran mendapati disiplin bukan isu utama

JNJK melaksanakan penaziran di sekolah yang disasarkan pada setiap tahun tentang isu tertentu yang menjadi keprihatinan Kementerian. Pada 2011, satu daripada penaziran ini meneliti isu disiplin murid di 51 sekolah di seluruh negara (75% daripadanya sekolah rendah).

Dua unsur telah diteliti, iaitu disiplin murid semasa pelajaran (contohnya, sejauh mana murid mematuhi arahan guru) dan tingkah laku mereka di luar bilik darjah. Pada skala 1 hingga 6, dengan 1 sebagai “Sangat Lemah” dan 6 sebagai “Cemerlang”, JNJK mentaksir keseluruhan disiplin murid pada tahap 4 atau “berpotensi untuk penambahbaikan”. Tidak terdapat perbezaan ketara antara sekolah rendah bandar dengan luar bandar. Walau bagaimanapun, sekolah menengah bandar didapati mempunyai lebih banyak isu disiplin dan dilaporkan, secara puratanya, pada tahap 3 (“Memuaskan”) berbanding tahap 4 untuk sekolah menengah luar bandar. Secara khusus, murid di sekolah menengah bandar didapati kurang kecenderungan menjaga harta benda sekolah, mempunyai keyakinan diri yang lebih rendah, kurang kecenderungan membantu rakan sebaya, serta kurang berkelakuan sopan, dan saling menghormati. Tiada sebab yang jelas dikenal pasti bagi perbezaan ini.

Peratusan murid yang terlibat dalam salah laku disiplin amnya rendah

Pada masa ini, setiap sekolah dikehendaki melaporkan bilangan murid yang terlibat dalam salah laku disiplin pada setiap tahun. Salah laku ini merangkumi kes ringan seperti kelewatan hadir ke sekolah hinggalah kes serius seperti aktiviti jenayah. Berdasarkan data ini, hanya sebilangan kecil peratusan murid, iaitu 2% terlibat dalam salah laku disiplin di sekolah.

Keseluruhannya, ketiga-tiga sumber data ini menunjukkan sekolah menyediakan perkembangan holistik murid pada tahap yang sekurang-kurangnya memuaskan. Walau bagaimanapun, seperti perkara lain, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan. Oleh itu, JNJK menegaskan keperluan untuk sekolah mengimbangi pengalaman akademik dan bukan akademik murid. Sekolah disyorkan memantau dengan rapi perkembangan holistik murid dan menyediakan sokongan yang sesuai dengan keperluan mereka (contohnya, perkhidmatan kaunseling dan pelbagai aktiviti sukan dan kokurikulum bagi memenuhi minat murid yang berbeza).



Maklum balas daripada Dialog Nasional

Semasa Dialog Nasional, Kementerian telah mendapat maklum balas daripada hampir 12,000 orang awam, di samping pihak berkepentingan khusus. Rakyat dari semua lapisan masyarakat menekankan betapa pentingnya keperluan meningkatkan kualiti sistem pendidikan. Tiga faktor penting telah dikenal pasti oleh peserta (disenaraikan mengikut urutan kekerapan input):

- **Kualiti Guru:** Guru, ibu bapa, dan murid berbincang dengan panjang lebar tentang keperluan untuk meningkatkan kualiti guru. Aspek khusus yang disentuh termasuk beban pentadbiran, latihan, pengurusan prestasi, dan saraan;
- **Kualiti sekolah:** Aspek khusus yang ditekankan bagi penambahbaikan termasuk persekitaran pembelajaran yang lebih baik dari segi infrastruktur dan disiplin murid. Peserta juga mencadangkan agar pengupayaan dilakukan bagi mencapai penambahbaikan tersebut. Langkah ini termasuklah meningkatkan pengurusan prestasi dan pengurusan berasaskan sekolah; dan
- **Pembelajaran murid:** Peserta menyatakan hasrat untuk kurikulum yang lebih relevan, dan kecekapan bahasa serta kebolehan berkomunikasi yang lebih baik bagi murid.

Perincian tentang input yang ditimbulkan semasa Dialog Nasional boleh didapati dalam Lampiran III.

EKUITI DALAM PENDIDIKAN

Seperti kebanyakan negara, terdapat perbezaan yang signifikan dalam keberhasilan di Malaysia merentas negeri, daerah, sekolah, status sosioekonomi, dan gender. Beberapa jurang pencapaian ini telah dirapatkan mengikut perubahan masa, suatu langkah besar bagi memastikan setiap sekolah menjadi sekolah yang baik. Walau bagaimanapun, status sosioekonomi kekal sebagai pemacu terbesar keberhasilan murid di Malaysia. Walaupun hal ini merupakan masalah biasa di kebanyakan negara seluruh dunia, sesuatu yang amat penting bagi sistem pendidikan adalah untuk berusaha menolak kenyataan bahawa prestasi akademik sebahagian besar kanak-kanak bergantung pada pendapatan keluarga.


Sejak Merdeka, ekuiti menjadi matlamat sistem pendidikan Malaysia. Laporan Bank Dunia (2011) mengakui bahawa Malaysia berjaya secara relatif mencapai aspirasinya: “Bagi sekolah rendah, kami mendapati hubungan statistik yang signifikan antara perbelanjaan awam dengan status sosioekonomi (SES) peringkat daerah; analisis ini menunjukkan bahawa perbelanjaan awam adalah progresif.”

Namun, jurang keberhasilan masih wujud, dan apabila dikaitkan dengan faktor bukan akademik, ia sering menjadi punca kebimbangan, sama ada jurang tersebut kecil mahupun besar. Bahagian ini meneliti setiap punca ketaksamarataan antara negeri dan dalam negeri, antara sekolah bandar dengan sekolah luar bandar, mengikut latar belakang sosioekonomi murid, jenis sekolah, dan gender, serta antara sekolah awam dengan sekolah swasta. Secara keseluruhannya, data terkumpul menunjukkan bahawa jurang masih wujud dalam setiap kategori ini, dengan jurang paling besar disebabkan perbezaan status sosioekonomi murid.



EKSHIBIT 3-22

Perbandingan prestasi merentas negeri bagi UPSR dan SPM 2011



SUMBER: Lembaga Peperiksaan

Jurang pencapaian wujud antara negeri dan dalam negeri di seluruh Malaysia

Pencapaian antara negeri tidak sama. Sebilangan negeri telah menunjukkan peningkatan ketara beberapa tahun kebelakangan ini berbanding negeri lain. Pada 2011, terdapat perbezaan hampir 20 mata peratus dalam gred purata UPSR antara negeri besar yang berprestasi lebih tinggi seperti Johor, dengan negeri berprestasi paling rendah, iaitu Sabah (Ekshibit 3-22). Sebanyak 16 daripada 20 daerah yang menunjukkan prestasi terendah dalam peperiksaan UPSR, dan 10 daripada 20 dalam SPM, terletak di Sabah dan di Sarawak.


Varians yang besar juga wujud dalam negeri, walaupun beberapa negeri telah menunjukkan bahawa jurang pencapaian antara daerah boleh dirapatkan. Negeri-negeri tersebut menunjukkan prestasi yang lebih baik dan dapat mengurangkan ketaksamarataan dengan berkesan, walaupun menghadapi banyak kekangan yang sama seperti negeri lain.

Johor, misalnya (Ekshibit 3-23), dapat mengurangkan variasi dalam pencapaian antara sekolah rendah bagi UPSR dengan lebih baik berbanding banyak negeri lain (rujuk Bab 4 untuk kajian kes tentang Johor). Walau bagaimanapun, negeri lain seperti Kelantan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak menghadapi kesukaran dan menunjukkan spektrum pencapaian yang luas antara daerahnya.

Analisis prestasi seterusnya, iaitu pada peringkat sekolah, jelas menunjukkan bahawa sekolah di Malaysia tersebar merentasi spektrum prestasi. Julat besar dalam keberhasilan sekolah dilihat dalam band sekolah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), yang berasaskan gred purata peperiksaan awam dan pentaksiran sendiri sekolah. Pada 2011, sebanyak 21% sekolah rendah berada dalam Band 1 dan 2 berbanding 3% dalam Band 6 dan 7, sementara 11% sekolah menengah berada dalam Band 1 dan 2 berbanding 8% dalam Band 6 dan 7.

EKSHIBIT 3-23

Perbandingan prestasi dalam negeri bagi UPSR dan SPM 2011




1 Setiap daerah di Sabah dan Sarawak dikumpulkan kepada kluster daerah bagi tujuan analisis ini

SUMBER: Lembaga Peperiksaan

EKSHIBIT 3-24

Perbandingan jurang sekolah bandar dan luar bandar merentas masa



NOTA: Sekolah bandar meliputi sekolah yang diklasifikasikan sebagai berada di bandaraya, bandar dan bandar kecil. Sekolah di luar bandar diklasifikasi sebagai luar bandar.

SUMBER: Lembaga Peperiksaan


Jurang pencapaian antara sekolah bandar dan luar bandar semakin mengecil

Pada amnya, Kementerian dan orang awam telah sekian lama menumpukan perhatian kepada ketaksamarataan dalam keberhasilan pendidikan antara murid yang menghadiri sekolah dalam komuniti bandar berbanding mereka dalam komuniti luar bandar. Secara purata, negeri yang mempunyai lebih banyak sekolah luar bandar, seperti Sabah dan Sarawak, menunjukkan prestasi yang lebih rendah berbanding negeri yang kurang sekolah luar bandar. Walau bagaimanapun, Malaysia telah mencapai kemajuan yang jelas dalam perkara ini iaitu jurang antara sekolah bandar dengan sekolah luar bandar semakin kecil (Ekshibit 3-24).

Dalam peperiksaan UPSR, jurang antara murid bandar dengan luar bandar pada masa ini hampir 4 mata peratus dengan kelebihan kepada sekolah bandar. Pada peringkat SPM, jurang telah melebar kepada 8% mata peratus. Pelebaran jurang ini berkemungkinan disebabkan dua faktor. Pertama, kegagalan bersifat kumulatif. Murid yang gagal dalam UPSR berkemungkinan tidak akan berjaya dalam SPM. Oleh itu, intervensi awal adalah penting. Kedua, tiada pelebaran sebenar berlaku. Sebaliknya, kohort UPSR 2006 mengekalkan jurang antara bandar dengan luar bandar sebanyak 8 mata peratus hingga ke SPM pada 2011.

EKSHIBIT 3-25

Perbandingan skor UPSR sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan daripada 2005 hingga 2011



1 Jurang diukur sebagai perbezaan peratus mata antara skor SK tolak skor SJKC atau SJKT


SUMBER: Lembaga Peperiksaan

Jurang pencapaian antara sekolah kebangsaan dengan jenis kebangsaan semakin mengecil

Keberhasilan murid mengikut jenis sekolah juga perlu dipertimbangkan. Secara keseluruhan, trendnya positif kerana jurang antara jenis sekolah semakin kecil. Pada peringkat rendah, sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) masih ketinggalan berbanding sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan sekolah kebangsaan (SK), kira-kira 4 mata peratus pada 2011 (Ekshibit 3-25). Walau bagaimanapun, jurang ini berkurangan kepada separuh dalam tempoh lima tahun yang lepas. Perbezaan prestasi antara SK dengan SJKC adalah kecil, iaitu 0.3 mata peratus pada 2011.

EKSHIBIT 3-26

Keputusan peperiksaan, kadar keciciran, dan kadar enrolmen tertiar mengikut gender



1 Termasuk sekolah vokasional dan teknik
 2 Termasuk IPTA dan IPTS

SUMBER: Lembaga Peperiksaan; Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan; Statistik Pengajian Tinggi 2011

Isu prestasi murid lelaki: jurang gender semakin lebar


Jurang gender adalah signifikan dan meningkat (Ekshibit 3-26). Murid perempuan tekal mengatasi murid lelaki. Perbezaan prestasi telah mula ketara dalam UPSR dan meningkat sepanjang laluan akademik murid. Selain itu, murid lelaki lebih berkemungkinan tercicir, menyebabkan nisbah lelaki kepada perempuan bagi sesuatu kohort berkurangan dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5. Pada peringkat pengajian tinggi, pelajar perempuan terdiri daripada 70% kohort kemasukan terkini di beberapa universiti. Jurang gender ini telah melebar pada peringkat PMR dan SPM sepanjang lima tahun lepas dan jika trend ini dibiarkan berterusan akan berisiko mewujudkan komuniti pemuda Malaysia yang ketinggalan dalam pelajaran. Walau bagaimanapun, terdapat perubahan trend pada 2011 bagi keputusan UPSR, dengan jurang prestasi menurun daripada 11 kepada 10 mata peratus.

Temu bual dengan ibu bapa, guru dan pengetua/guru besar mendapati bahawa sesetengah murid lelaki menghadapi kesukaran menguasai kurikulum akademik arus perdana, dan mungkin akan mendapat manfaat daripada akses yang lebih kepada latihan vokasional atau kerja kursus berbentuk aplikasi. Walau bagaimanapun, kekurangan tempat di sekolah teknik dan vokasional menghalang berlakunya perkara ini. Masalah ini bertambah rumit apabila murid lelaki daripada keluarga miskin juga lebih berkemungkinan tercicir daripada sekolah untuk mula bekerja awal bagi menyara keluarga.

Kadar keciciran yang lebih tinggi dan prestasi akademik yang lebih rendah dalam kalangan murid membimbangkan Kementerian. Remaja terpinggir merupakan punca ketidakstabilan sosial dan politik, seperti yang dilihat di serata dunia sejak kebelakangan ini. Penting bagi Malaysia mencari penyelesaian untuk meningkatkan pelibatan remaja lelaki dalam pendidikan bagi memastikan mereka menjadi sumber modal insan yang bernilai.

EKSHIBIT 3-27

Taburan populasi murid yang menerima KWAPM mengikut band sekolah pada 2011



1 Hanya meliputi sekolah rendah, kecuali 1,060 sekolah di Sabah dan 418 sekolah di negeri lain kerana data tidak lengkap

SUMBER: Bahagian Kewangan; Bidang Keberhasilan Utama Negara; Pangkalan data EMIS

Status sosioekonomi terus memberi impak besar terhadap prestasi murid

Kementerian menyedari bahawa perbezaan status sosioekonomi menimbulkan cabaran besar bagi mencapai kesamarataan dalam keberhasilan pendidikan. Ketaksamarataan pendidikan yang disebabkan pendapatan ibu bapa murid dan lokasi sekolah menunjukkan wujudnya korelasi dengan pencapaian murid. Fenomena ini dialami oleh banyak sistem pendidikan di serata dunia. Bagi menanganinya, Kerajaan komited mengurangkan ketaksamarataan ini melalui pelbagai inisiatif, termasuk penyediaan bantuan kewangan kepada murid yang kurang bernasib baik.

Terdapat beberapa dimensi yang digunakan untuk mengukur korelasi antara latar belakang sosioekonomi dengan keberhasilan murid. Sebahagiannya ialah tahap pencapaian pendidikan tertinggi ibu bapa, purata pendapatan isi rumah, dan peratusan murid yang menerima bantuan kewangan asas. Peratusan murid yang menerima bantuan kewangan KWAPM telah digunakan sebagai proksi bagi status sosioekonomi, disebabkan kriteria kelayakan berdasarkan pendapatan isi rumah yang rendah. Bukti secara tekal menunjukkan bahawa murid daripada keluarga miskin kurang berkemungkinan mencapai prestasi sebaik murid daripada keluarga berpendapatan sederhana atau tinggi. Sekolah yang mempunyai lebih ramai murid daripada keluarga berpendapatan rendah lebih berkemungkinan berada dalam Band 6 atau 7 pada skala NKRA (Ekshibit 3-27). Sebaliknya, lebih daripada tiga perempat sekolah berprestasi tinggi mempunyai kurang sepertiga muridnya menerima bantuan kewangan. Hal ini menunjukkan jurang pencapaian terbesar di Malaysia masih dipacu oleh status sosioekonomi walaupun pelaburan besar dibuat oleh Kerajaan sehingga kini.

Faktor sosioekonomi, dari segi komposisi populasi murid, berkemungkinan turut menyumbang kepada pelbagai jurang pencapaian lain yang dibincangkan sebelum ini terutamanya dari segi lokasi dan jenis sekolah (bukannya gender). Namun, impak status sosioekonomi terhadap keberhasilan murid kurang penting di Malaysia berbanding sistem pendidikan lain di dunia. Misalnya, hanya 10% daripada varians antara sekolah Malaysia dalam pentaksiran PISA 2009+ boleh dijelaskan melalui faktor sosioekonomi, berbanding purata OECD sebanyak 55% yang menunjukkan jurang lebih besar di kebanyakan negara lain. Perkara ini merupakan petanda baik bagi Malaysia kerana sistem pendidikan negara menuju ke arah kesamarataan.

Jurang prestasi murid antara sekolah awam dengan sekolah swasta terus wujud

Sekolah swasta yang menggunakan kurikulum kebangsaan mewujudkan satu lagi jurang ekuiti kerana mempunyai skor kira-kira 6% lebih tinggi daripada sekolah awam dalam SPM. Sebahagian daripada jurang pencapaian ini mungkin disebabkan persekitaran pembelajaran yang lebih baik, sementara sebahagian besarnya disebabkan kecenderungan sekolah menerima murid yang berkemampuan dari segi ekonomi. Walaupun enrolmen di sekolah swasta yang menggunakan kurikulum kebangsaan hanya menyumbang 1% daripada jumlah murid pada masa ini, peratusan enrolmen semakin meningkat kerana peningkatan purata tahap pendapatan isi rumah.

MEMBINA PERPADUAN MELALUI PENDIDIKAN

Keunikan kepelbagaian etnik, agama, dan budaya sejak dahulu lagi menjadi kekuatan dan cabaran terbesar Malaysia. Dalam keadaan dunia yang semakin kompleks kerana kepelbagaian, maka semakin penting bagi rakyat untuk membentuk identiti Malaysia dan menghargai kepelbagaian warisannya. Sebagai ruang yang dikongsi oleh semua rakyat, sekolah mempunyai potensi yang unik untuk memupuk perpaduan. Namun begitu, sehingga kini, sistem tersebut menghadapi kesukaran mengukur perpaduan secara sistematik. Walaupun data sahih sedia ada menunjukkan bahawa kepelbagaian murid dan guru di sekolah kebangsaan telah berkurangan, namun masih terdapat interaksi yang agak memuaskan antara kumpulan etnik di dalam dan di luar bilik darjah.

Perpaduan merupakan komponen penting dalam konteks sosial Malaysia yang unik dan menjadi faktor utama merealisasikan masyarakat yang terdiri daripada individu seimbang dan harmoni seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Bagi tujuan itu, Kementerian telah mengambil pelbagai tindakan, daripada memastikan semua kumpulan etnik diwakili dengan baik dalam bahan pengajaran yang digunakan di sekolah, hinggalah kepada mengurus program sekolah yang jelas memberikan tumpuan kepada usaha membina perpaduan. Ciri etnik dan budaya semua kaum dimasukkan dalam kurikulum dan bahan pengajaran yang digunakan di sekolah.

Modul khusus untuk mengajar sifat menghargai dan memahami kepelbagaian kaum di Malaysia terkandung dalam kurikulum Sivik dan Sejarah. Program berasaskan sekolah yang secara jelas berfokus kepada usaha perpaduan seperti Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) telah diperkenalkan. Kementerian juga menubuhkan sekolah wawasan dengan menggabungkan jenis sekolah yang berbeza dan berkongsi kemudahan dalam satu kawasan. Murid daripada jenis sekolah yang berbeza dan pelbagai latar belakang sosioekonomi digalakkan berinteraksi melalui kegiatan atau aktiviti kokurikulum seperti sukan dan pertandingan debat. Walau bagaimanapun, cara mengukur perpaduan menjadi persoalan penting. Bahagian ini mempertimbangkan beberapa langkah yang mungkin diambil bagi menggambarkan kedudukan sistem ini.

Enrolmen murid secara keseluruhan dalam sistem pendidikan awam terus mencerminkan demografi nasional secara umum. Namun demikian, terdapat pilihan persekolahan khusus yang mempunyai persekitaran lebih homogen (Ekshibit 3-28). Keadaan ini wujud hasil keterbukaan Kementerian menyediakan pilihan persekolahan kepada ibu bapa; iaitu pilihan untuk murid diajar dalam bahasa ibunda, pilihan untuk mengikuti kurikulum yang memberi lebih penekanan pada pendidikan agama, serta pilihan pendidikan arus perdana. Di sekolah rendah, Kementerian beriltizam menyediakan persekolahan dalam bahasa ibunda murid. Keadaan ini menyebabkan murid sekolah rendah dalam semua opsyen persekolahan berada dalam persekitaran yang amat homogen. Walaupun persekitaran homogen tidak semestinya berkaitan dengan perpaduan, namun begitu keadaan ini menjadikan murid kurang berpeluang berinteraksi dengan rakan daripada pelbagai budaya dan kumpulan etnik. Oleh itu, berkemungkinan murid kurang menghargai kepelbagaian, yang menjadi unsur kritikal untuk memupuk perpaduan.

Pada peringkat pendidikan menengah, terdapat persekitaran yang lebih heterogen dengan 88% murid daripada pelbagai jenis sekolah rendah meneruskan pengajian di sekolah menengah yang sama formatnya, sekolah menengah kebangsaan (SMK). Namun demikian, sesetengah murid masih kurang terdedah kepada kepelbagaian, misalnya, bagi yang meneruskan persekolahan dari SJKC ke sekolah menengah persendirian Cina, atau dari SK ke sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA). Selain itu, terdapat sebilangan kecil murid meninggalkan sistem pendidikan awam dan memasuki sekolah swasta, dan bilangan ini semakin meningkat. Kesannya, murid tersebut akan terkeluar daripada bidang kuasa Kementerian.


Kepelbagaian murid

Demi menyediakan peluang untuk kanak-kanak Malaysia hidup dan belajar sesama rakan daripada setiap kumpulan etnik, agama, dan budaya, adalah penting bagi sekolah mencerminkan kepelbagaian yang wujud di negara ini. Sejak tahun kebelakangan ini, stratifikasi etnik di sekolah telah meningkat. Jumlah murid Cina yang mendaftar di SJKC meningkat daripada 92% pada 2000 kepada 96% pada 2011 (Ekshibit 3-30). Enrolmen murid India di sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) meningkat daripada 47% kepada 56% bagi tempoh yang sama. Sebanyak 97% murid di SK kini ialah Bumiputera. Persekitaran murid yang semakin homogen ini memerlukan lebih banyak peluang diwujudkan untuk membolehkan mereka daripada pelbagai jenis sekolah berinteraksi.

EKSHIBIT 3-28

Struktur semasa sistem pendidikan kebangsaan dan swasta

Seperti pada 30 Jun 2011



1 Fasa pendidikan lepas menengah tidak termasuk dalam analisis ini

2 Termasuk program sekolah spesifik seperti Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), dan Sekolah Teknik/Vokasional.

SUMBER: Perangkaan Pendidikan Malaysia 2011

Kepelbagaian sekolah dalam pendidikan di Malaysia

Sistem pendidikan Malaysia terdiri daripada lebih 20 pilihan persekolahan pada peringkat rendah dan menengah (Ekshibit 3-29).

Sekolah rendah awam. Sekolah rendah awam terdiri daripada tiga jenis sekolah utama: SK, SJKC dan SJKT. Setiap jenis sekolah ditentukan melalui bahasa pengantar yang berbeza dan secara keseluruhan mencakupi hampir 99% daripada jumlah enrolmen sekolah rendah. Selain itu, terdapat pelbagai jenis sekolah yang menyediakan perkhidmatan kepada kumpulan khusus, seperti sekolah agama (Islam) dan sekolah pendidikan khas.

Sekolah menengah awam. Sistem sekolah menengah awam menunjukkan penumpuan kebanyakan murid daripada pelbagai jenis sekolah rendah kepada satu format sekolah. Sekolah menengah kebangsaan (SMK) ini menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. SMK mencakupi 88% daripada jumlah enrolmen sekolah menengah. Peratusan kecil murid memilih sekolah alternatif seperti sekolah agama dan peratusan ini semakin meningkat. Setelah tamat

pendidikan menengah rendah (Tingkatan 3), murid mempunyai pilihan untuk meneruskan pengajian di sekolah teknik, vokasional, sukan, seni dan lain-lain.


Sekolah swasta. Sebilangan kecil murid mendaftar di sekolah swasta dan bilangannya semakin bertambah. Sekolah ini beroperasi pada peringkat rendah dan menengah, termasuk sekolah swasta yang menggunakan kurikulum kebangsaan, sekolah antarabangsa dan sekolah agama. Pada masa ini, sekolah swasta membentuk 1% daripada jumlah enrolmen sekolah rendah dan 4% daripada jumlah enrolmen sekolah menengah.

Pilihan pendidikan lain. Sekolah persendirian Cina membentuk komponen terbesar pilihan pendidikan lain di Malaysia. Sekolah-sekolah ini menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama dan melaksanakan kurikulum yang digubal oleh Dong Jiao Zong.

EKSHIBIT 3-29

Kadar enrolmen di pelbagai jenis sekolah


Populasi dan enrolmen mengikut kumpulan etnik
%, 2010 - 2011



SUMBER: Perangkaan Pendidikan Malaysia 2011; Taburan Populasi dan Ciri-ciri Demografi 2010 (Jabatan Perangkaan)

EKSHIBIT 3-30

Trend enrolmen sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan (2000-2011)



SUMBER: Pangkalan data EMIS

Kepelbagaian guru di sekolah

Sebagai pemimpin di dalam bilik darjah, guru menyediakan contoh yang baik untuk murid mereka, dan sering menjadi suri teladan bagi yang muda. Suri teladan daripada kumpulan etnik yang berbeza amat penting bagi murid, supaya benar-benar mencerminkan kepelbagaian populasi dan merapatkan jurang perbezaan antara etnik. Walau bagaimanapun, populasi guru di SK semakin kurang pelbagai dan kurang mewakili populasi nasional.

Pada 2001, 78% guru di semua SK ialah Bumiputera, dan bilangan ini meningkat kepada 81% pada 2011. Walaupun populasi guru India agak tekal pada 5%, bilangan guru Cina di SK menurun daripada 17% kepada 14%. Bilangan guru dalam kategori “Lain-lain” kekal menghampiri kosong peratus.

Peluang untuk mengukuhkan perpaduan

Pada 2011, JNJK melaksanakan penaziran mengenai perpaduan terhadap 20 sekolah, 11 daripadanya sekolah rendah. JNJK meneliti dua unsur: sejauh mana sekolah memupuk perpaduan dalam kalangan murid, contohnya, melalui dasar “duduk bercampur” di dalam bilik darjah, dan sejauh mana murid sendiri menunjukkan perpaduan, contohnya, sama ada murid berinteraksi dengan kumpulan etnik lain di dalam dan di luar bilik darjah; dan sama ada penyertaan murid dalam kelab kokurikulum adalah berasaskan etnik. JNJK mendapati, secara purata, interaksi murid menunjukkan tahap perpaduan yang baik: terdapat tahap interaksi yang tinggi dalam kalangan kumpulan etnik di dalam dan di luar bilik darjah, dan kebanyakan aktiviti kokurikulum disertai pelbagai kumpulan murid.

Walaupun bagaimanapun, JNJK melaporkan terdapat keperluan untuk sekolah yang populasi muridnya bukan daripada pelbagai etnik supaya mengambil langkah aktif mewujudkan peluang bagi murid berinteraksi dengan murid lain daripada kumpulan etnik, agama, dan budaya yang berbeza. Hal ini disokong oleh kajian longitudinal yang dilaksanakan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bagi mengukur hubungan sosial masyarakat. Kajian tersebut

mendapati remaja memperoleh skor yang lebih rendah secara signifikan berbanding skor keseluruhan masyarakat Malaysia.

MEMAKSIMUMKAN KECEKAPAN

Kementerian secara tekal menyalurkan sumber yang banyak bagi membangunkan sistem pendidikan. Komitmen untuk menyediakan pendidikan terbaik bagi semua murid telah menjadi asas kejayaan yang telah dicapai oleh sistem pendidikan negara. Seawal 1980, perbelanjaan negara untuk pendidikan rendah dan menengah sebagai peratusan KDNK, adalah yang tertinggi di Asia Timur. Pada 2011, perbelanjaan Malaysia, sebanyak 3.8% daripada KDNK, adalah lebih tinggi daripada purata OECD sebanyak 3.4% daripada KDNK. Walau bagaimanapun, terdapat bukti yang menunjukkan Malaysia mungkin tidak mendapat kadar pulangan tertinggi daripada pelaburannya. Bagi memastikan Malaysia dan sistem pendidikannya setanding dengan negara rakan lain, terutama dalam era globalisasi abad ke-21, Kementerian komited memaksimumkan sumbernya bagi menyediakan pendidikan terbaik kepada golongan remaja.

Sumber dan sokongan yang disediakan memainkan peranan penting dalam menentukan tahap prestasi sekolah bagi membolehkan guru dan pengetua/guru besar memberikan tumpuan kepada aktiviti teras iaitu penyampaian pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Oleh itu, kebolehan sistem untuk mengagih, mengguna, dan menguruskan peruntukannya amat penting untuk menyokong sekolah mencapai tahap prestasi yang diharapkan. Bahagian ini meneliti dua isu: (i) perbelanjaan Malaysia untuk pendidikan berbanding negara lain; dan (ii) impak perbelanjaan tersebut.

Perbelanjaan pendidikan asas Malaysia agak tinggi berbanding negara yang setara dengannya berdasarkan tiga ukuran berbeza

Pada 2011, perbelanjaan pendidikan asas Malaysia ialah RM36 bilion (berdasarkan perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan). Jumlah ini mewakili 16% daripada jumlah bajet persekutuan 2011— bahagian terbesar antara Kementerian. Selain bajet ini, sebanyak RM12 bilion lagi diperuntukkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan kementerian lain yang menyediakan perkhidmatan berkaitan pendidikan. Secara kolektif, perbelanjaan ini menunjukkan komitmen Malaysia yang serius dari segi kewangan untuk meningkatkan pendidikan kanak-kanak, dan langkah ini harus disambut baik. (Perbincangan selanjutnya tentang perbelanjaan pendidikan Malaysia merujuk perbelanjaan pengurusan dan pembangunan Kementerian sahaja).

Beberapa ukuran boleh digunakan bagi membandingkan perbelanjaan Kementerian untuk pendidikan dengan perbelanjaan yang sama oleh sistem lain. Dua ukuran yang pertama, iaitu perbelanjaan sebagai peratusan KDNK dan sebagai peratus jumlah perbelanjaan Kerajaan yang lazimnya digunakan untuk perbelanjaan relatif kepada bidang keutamaan lain dalam negara, dan bagi perbezaan

tahap pembangunan ekonomi antara negara. Ukuran ketiga, iaitu perbelanjaan setiap murid (diselaraskan mengikut pariti kuasa beli) digunakan untuk membandingkan tahap perbelanjaan mutlak.


Perbelanjaan Malaysia sebagai peratusan KDNK adalah dua kali ganda purata ASEAN

Kajian semula Bank Dunia 2011 tentang perbelanjaan Kerajaan mendapati perbelanjaan awam Malaysia untuk pendidikan asas, seperti prasekolah hingga menengah, sebagai peratusan KDNK, melebihi dua kali ganda perbelanjaan negara ASEAN lain (3.8% berbanding 1.8%), dan 1.6% lebih tinggi daripada *Asian Tiger economies*, iaitu Korea Selatan, Hong Kong, Jepun dan Singapura (Ekshibit 3-31). Perbelanjaan ini juga lebih tinggi daripada purata OECD sebanyak 3.4%.

EKSHIBIT 3-31

Perbelanjaan pendidikan asas Malaysia sebagai peratus KDNK

Peratus (2011)



1 Termasuk perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan


SUMBER: World Bank EdStats 2011

Perbelanjaan pendidikan asas Malaysia sebagai peratusan jumlah perbelanjaan Kerajaan (16%) hampir dua kali ganda purata OECD

Perbelanjaan pendidikan sebagai peratusan jumlah perbelanjaan Kerajaan juga agak tinggi, iaitu 16% pada 2011. Berbanding negara serantau yang setara, iaitu Thailand, Indonesia, Singapura, Hong Kong, Korea Selatan dan Jepun, serta negara yang setanding KDNK per kapita iaitu Mexico dan Chile, Malaysia di tempat kedua selepas Thailand. Perbelanjaan Malaysia juga hampir dua kali ganda purata OECD, iaitu 8.7% daripada perbelanjaan Kerajaan (Ekshibit 3-32).

EKSHIBIT 3-32

Perbelanjaan pendidikan asas Malaysia sebagai peratus bajet Kerajaan




1 Termasuk perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan/kapital bagi pendidikan asas (rendah dan menengah)
 2 Negara setara berasaskan kategori berikut: Harimau Asia (Hong Kong, Singapura, Korea Selatan, Jepun); jiran Asia Tenggara (Indonesia, Thailand Singapura), dan negara yang setanding KDNK per kapita (Mexico dan Chile)
 3 Data bagi 2010
 Nota: Data daripada 2008 atau 2010 bergantung kepada data sedia ada terkini.
 SUMBER: Kementerian Pelajaran Malaysia; OECD – Education at a Glance 2011; Singstat; Kementerian Kewangan Thailand; Kementerian Kewangan Indonesia; Biro Pendidikan Hong Kong.

Perbelanjaan untuk setiap murid Malaysia setanding negara setara dengan KDNK per kapita yang serupa

Akhir sekali, penelitian terhadap perbelanjaan untuk setiap murid menunjukkan perbelanjaan Malaysia juga lebih tinggi berbanding negara setara dengan KDNK per kapita yang sama. Apabila ditukar kepada USD per kapita, Malaysia membelanjakan lebih kurang USD1,800 untuk setiap murid setahun, dan ini selari dengan negara seperti Chile dan Romania (Ekshibit 3-33).

EKSHIBIT 3-33

Perbelanjaan Malaysia per murid



1 Termasuk perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan

SUMBER: Kementerian Pelajaran Malaysia; OECD; Bank Dunia; Kementerian Kewangan Turki; EIU


Negara manakah paling banyak berbelanja untuk pendidikan?

Bahagian ini memberikan tumpuan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan Kementerian Pendidikan, yang menjangkau pendidikan prasekolah hingga lepas menengah. Oleh itu, ia meliputi bukan sahaja kos berkaitan peringkat sekolah seperti gaji guru dan pembangunan infrastruktur, tetapi juga kos operasi peringkat Kementerian, JPN dan PPD. Walaupun kos tidak termasuk

kos penyediaan pendidikan tinggi oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), perlu diberi perhatian bahawa apabila perbelanjaan ini digabungkan, Malaysia mempunyai perbelanjaan pendidikan antara yang tertinggi sebagai peratusan jumlah perbelanjaan awam. Pada 2008, daripada 102 negara seluruh dunia, Malaysia berada pada kedudukan ke-16 dari segi perbelanjaan Kerajaan untuk pendidikan (Ekshibit 3-34).

EKSHIBIT 3-34

Perbandingan bajet pendidikan asas dan tertiar Malaysia dengan negara lain (2008)



Perbelanjaan tinggi dapat meningkatkan keberhasilan murid dari segi akses tetapi tidak semestinya dari segi kualiti

Bagi menentukan cara terbaik menggunakan sumber Kementerian, maka amat penting untuk meneliti pulangan pelaburan (ROI) bagi sistem pendidikan semasa, khususnya berbanding negara lain. Sebagai negara membangun, Malaysia telah melabur sumber yang banyak untuk pembangunan infrastruktur, khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak, serta meningkatkan saiz tenaga pengajar bagi membolehkan peningkatan akses kepada pendidikan. Perbelanjaan ini telah berjaya menghasilkan akses hampir menyeluruh untuk pendidikan rendah, dan peningkatan yang signifikan bagi akses untuk pendidikan menengah. Walau bagaimanapun, terdapat banyak perkara lagi yang perlu ditambah baik, khususnya dari segi kualiti dalam melangkah ke hadapan. Tahap perbelanjaan yang tinggi tidak semestinya berkait dengan keberhasilan yang lebih baik (Ekshibit 3-15). Amerika Syarikat, misalnya, membelanjakan lebih USD10,000 untuk setiap murid, tetapi mencapai prestasi hampir dua band lebih rendah daripada


sistem seperti Shanghai yang hanya membelanjakan antara USD4,000-5,000 untuk setiap murid.

Prestasi Malaysia ketinggalan berbanding negara lain yang tahap perbelanjaannya serupa atau lebih rendah. Malah sistem pendidikan yang melabur lebih rendah untuk setiap murid, seperti Thailand dan Chile, mencapai keberhasilan murid yang setanding atau lebih baik daripada Malaysia. Hal ini menunjukkan walaupun suatu paras perbelanjaan tertentu diperlukan, perbelanjaan yang berhemah adalah penting bagi memastikan kejayaan.

Selain itu, dengan kekayaan negara yang ada, prestasi Malaysia lebih rendah daripada jangkaan. Bukti antarabangsa menunjukkan terdapat korelasi positif yang kuat antara KDNK per kapita sesebuah negara dengan skor PISA (Ekshibit 3-35). Walau bagaimanapun, Malaysia ternyata berprestasi rendah dibandingkan dengan negara lain yang mempunyai KDNK per kapita yang sama.

EKSHIBIT 3-35

Korelasi antara kekayaan dan prestasi murid dalam PISA 2009+



1 KDNK per kapita PPP-terselarasi (harga tetap 2007) berasaskan data luaran 2010

SUMBER: PISA 2009+; *Global Insight*

Seperti yang ditunjukkan dalam bab ini, Malaysia telah mencapai prestasi yang baik dari segi akses dengan enrolmen hampir sejagat pada peringkat rendah, dan tahap enrolmen yang agak tinggi pada peringkat menengah. Dari segi kualiti, terdapat ketidaksepadanan antara keputusan peperiksaan awam dengan pentaksiran antarabangsa yang mungkin disebabkan perbezaan dalam standard, atau ketidaksejajaran dalam apa-apa yang ditaksir—kandungan pengetahuan berbanding dengan kebolehan mengaplikasi pengetahuan tersebut. Dari segi ekuiti dalam pendidikan, status sosioekonomi masih menjadi pemacu varians yang paling signifikan dalam keberhasilan murid, walaupun dengan pelaburan bersepadu Kerajaan dalam memberi bantuan kewangan kepada murid daripada keluarga berpendapatan rendah. Data sedia ada tentang perpaduan menunjukkan kepelbagaian murid dan guru menurun di SK, walaupun tahap interaksi antara kumpulan etnik masih teguh. Akhir sekali, tahap perbelanjaan

yang tinggi belum boleh menghasilkan impak sebesar yang dihasratkan, yang memerlukan pembinaan komitmen bagi memastikan dana negara digunakan dengan cekap.

Melihat ke hadapan, amat penting bagi kita memahami faktor yang memacu keberhasilan ini supaya sistem pendidikan Malaysia dapat meningkatkan kejayaan, dan mengurangkan masalah yang dihadapi. Sepanjang penghasilan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini, adalah jelas bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan banyak dasar sedia ada masih kekal relevan pada masa ini seperti ketika mula-mula dirangka dahulu. Cabarannya adalah dalam pelaksanaan dasar ini. Sehubungan itu, empat bab berikut membincangkan dengan mendalam faktor lebih penting yang memacu atau menghalang pembelajaran murid dan, paling penting, mencari penyelesaian bagi menangani kebimbangan ini.



BAB 4

PEMBELAJARAN MURID

4. Pembelajaran Murid

Kejayaan sesuatu sistem pendidikan dinilai melalui tahap pembelajaran dan perkembangan murid semasa mereka melalui sistem tersebut. Kementerian bertekad meningkatkan kualiti kemenjadian murid selaras dengan aspirasi meletakkan Malaysia dalam kelompok sistem pendidikan sepertiga teratas di dunia. Sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pendekatan Kementerian terhadap pendidikan tertumpu kepada pembangunan murid secara holistik yang menekankan pembangunan intelek, rohani, emosi, dan fizikal, seiring dengan penghayatan identiti nasional yang kukuh. Bab ini meneliti perancangan Kementerian untuk mencapai matlamat pembelajaran murid dengan menilai semula kurikulum dan pentaksiran, dasar bahasa, peruntukan bagi penyampaian Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), peruntukan untuk murid berkeperluan khusus, dan keupayaan Kementerian untuk menterjemahkan dasar kepada tindakan penambahbaikan sekolah.

Kurikulum dan pentaksiran mesti selaras dengan tanda aras antarabangsa bagi memastikan murid di negara ini memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya pada abad ke-21 dan seterusnya, seiring dengan semangat pembelajaran sepanjang hayat. Kementerian akan meningkatkan kualiti pendidikan STEM. Dasar bahasa akan dikemas kini bagi meningkatkan kemahiran berbahasa, sekurang-kurangnya bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Kementerian juga akan terus memberi sokongan kepada pengajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil di sekolah jenis kebangsaan

(SJK). Dalam melakukan penambahbaikan ini, perhatian khusus diberikan kepada kumpulan murid yang keperluannya berbeza daripada murid arus perdana, supaya mereka berpeluang mengembangkan potensi diri. Menyedari hakikat bahawa sekolah merupakan pusat pembelajaran, maka keupayaan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) akan diperkasakan bagi memastikan hasrat murni dasar dapat diterjemahkan secara tekal dan realistik, dalam konteks pengalaman bertaraf dunia di sekolah dan di dalam bilik darjah.

KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN

Kementerian akan memastikan penyediaan kurikulum yang bersepadu berdasarkan tanda aras antarabangsa bagi melahirkan murid dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing pada peringkat global. Kurikulum ini akan memberi tumpuan kepada dimensi intelek, rohani, emosi, dan fizikal setiap murid, serta menekankan aplikasi pengetahuan, dan perkembangan kemahiran berfikir secara kritis, kreatif, dan inovatif. Kurikulum ini memberikan murid peluang mempelajari seni, melibatkan diri dalam sekurang-kurangnya satu aktiviti sukan dan aktiviti kokurikulum yang lain. Kementerian juga akan memastikan pentaksiran secara holistik dilaksanakan melalui peperiksaan awam dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Antara langkah yang akan dijalankan adalah seperti berikut:


- Penjajaran semula kurikulum sekolah rendah dan menengah selaras dengan standard antarabangsa;
- Meningkatkan kerangka pentaksiran bagi menambahkan item yang menguji kemahiran berfikir aras tinggi dan bergerak ke arah menggunakan rujukan standard dalam PBS;
- Memperhebat sokongan guru bagi memastikan kurikulum bertulis diterjemahkan dengan betul dalam pengajaran di dalam bilik darjah melalui bahan pengajaran yang lebih baik dan peluasan peranan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) ; dan
- Memperkenalkan Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) 2.0 dengan skop yang lebih luas bagi menangani literasi bahasa Inggeris.

Kementerian telah mendapatkan bantuan UNESCO dan Universiti Kebangsaan Malaysia untuk menilai beberapa aspek pembangunan dan pelaksanaan kurikulum yang berbeza. Kurikulum pendidikan Malaysia telah dianalisis berdasarkan tiga dimensi (Ekshibit 4-1):

- Apa-apa yang ditulis dalam kurikulum, atau “Kurikulum Bertulis”: pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang membentuk kandungan kurikulum, menggariskan apa yang perlu diajar oleh guru;
- Apa-apa yang diajar di dalam bilik darjah, atau “Kurikulum yang Diajar”: merangkumi pengetahuan yang diperoleh, kemahiran yang dikembangkan, dan nilai yang dipupuk dalam diri murid; dan
- Apa-apa yang diuji atau “Kurikulum yang Ditaksir”: pengetahuan, kemahiran, dan nilai murid yang ditaksir, sama ada dalam peperiksaan awam sumatif seperti UPSR, PMR dan SPM, atau melalui PBS secara formatif dan/atau sumatif yang menjadi asas panduan bagi proses pengajaran.

EKSHIBIT 4-1

Tiga dimensi kurikulum



SUMBER: UNESCO 2010

Kurikulum Bertulis perlu menyatakan dengan jelas pendidikan holistik menurut standard antarabangsa, sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kurikulum yang Diajar dan Kurikulum yang Ditaksir mesti selaras dengan Kurikulum Bertulis. Maksudnya, kurikulum yang diajar di dalam bilik darjah dan yang ditaksir seperti dalam peperiksaan awam sepatutnya sejajar dengan hasrat kurikulum bertulis.

Kurikulum yang sedang dilaksanakan ialah Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Pada 2011, Kementerian melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) secara berperingkat mulai Tahun 1. Menjelang 2016, KSSR akan dilaksanakan di semua peringkat sekolah rendah, manakala Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang berasaskan standard yang setanding akan mula dilaksanakan untuk murid Tingkatan 1 pada 2017. KSSR yang disemak semula juga akan dilaksanakan pada 2017.



Kemahiran Abad ke-21

Pakar pendidikan kebanyakan negara menyedari hakikat bahawa kanak-kanak memerlukan kemahiran selain 3M (Menulis, Membaca, Mengira) setelah mereka tamat alam persekolahan. Dalam dunia globalisasi abad ke-21, keperluan bagi melahirkan modal insan berkualiti tinggi menjadi semakin penting.

Kebanyakan negara menerima hakikat bahawa kurikulum perlu merangkumi kemahiran dan kompetensi baharu yang terarah kepada keperluan abad ke-21 dan seterusnya, namun masih belum ada kesepakatan tentang apakah sebenarnya kemahiran dan kompetensi ini. Kementerian Pendidikan Singapura menyatakan bahawa seseorang yang dilengkapi dengan kemahiran abad ke-21 adalah individu yang mempunyai keyakinan diri, mengamalkan pembelajaran sendiri, menyumbang dengan aktif, dan merupakan warganegara yang perihatin. Di Finland, matlamat teras abad ke-21 adalah ke arah perkembangan diri, identiti dan internasionalisme budaya, kemahiran media dan komunikasi, warganegara partisipatori, tanggungjawab terhadap persekitaran, dan memastikan kesejahteraan diri dan masa hadapan yang lestari.

Di Malaysia, Kementerian telah mengenal pasti kemahiran dan kompetensi yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang membolehkan murid Malaysia bersaing pada peringkat antarabangsa. Bagi mencapai hasrat tersebut, kurikulum kebangsaan digubal untuk melahirkan murid Malaysia yang seimbang, berdaya tahan, bersemangat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, penyayang, patriotik, serta mempunyai kemahiran berfikir, berkomunikasi, dan bekerja dalam pasukan dengan berkesan. (Kemenjadian murid ini digabungkan dalam enam aspirasi murid yang diperihalkan dalam Bab 2.) Kurikulum KSSR dan KSSM yang akan diwujudkan mencerminkan kemahiran dan kompetensi ini.

Kurikulum bertulis

Kementerian membangunkan kurikulum bertulis menggunakan pelbagai tanda aras daripada sistem pendidikan berprestasi tinggi supaya selaras dengan standard antarabangsa dengan penekanan pada aspek pengetahuan dan kemahiran sesuai dengan peringkat umur murid. Tanda aras antarabangsa ini juga telah diselaraskan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi menghasilkan kurikulum yang sesuai dalam konteks Malaysia.

Kurikulum sekolah rendah dan menengah menawarkan pilihan mata pelajaran yang komprehensif, merangkumi mata pelajaran dalam bidang sains, sains sosial, dan kemanusiaan. Mata pelajaran penting seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains diwajibkan pada sepanjang tempoh persekolahan murid sebagai mata pelajaran teras (rujuk Ekshibit 4-2 untuk perincian mata pelajaran teras dan elektif bagi setiap fasa pendidikan).

EKSHIBIT 4-2

Mata pelajaran teras dan elektif

■ Mata pelajaran yang mesti ditaksir dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM

	Rendah (KSSR) ¹	Menengah Rendah (KBSM)	Menengah Atas (KBSM)
Teras	<ul style="list-style-type: none"> Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris Bahasa Cina (SJK) Bahasa Tamil (SJK) Matematik Sains Pendidikan Islam Pendidikan Moral Pendidikan Jasmani Pendidikan Kesihatan Dunia muzik Dunia seni visual 	<ul style="list-style-type: none"> Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris Matematik Sains Pendidikan Islam Pendidikan Moral Sejarah Geografi Kemahiran Hidup Sivik dan kewarganegaraan Pendidikan Muzik Pendidikan Seni Pendidikan Jasmani dan Kesihatan 	<ul style="list-style-type: none"> Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris Matematik Pendidikan Islam Pendidikan Moral Sejarah Sains Am (aliran Sastera) atau Biologi, Kimia dan Fizik (aliran Sains) Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
Elektif	<ul style="list-style-type: none"> Bahasa Arab Bahasa Cina (SK) Bahasa Tamil (SK) Bahasa Iban Bahasa Kadazandusun Bahasa Semai 	<ul style="list-style-type: none"> Bahasa Arab Bahasa Cina Bahasa Tamil Bahasa Iban Bahasa Kadazandusun 	92 mata pelajaran ditawarkan dalam aliran akademik, teknik dan vokasional termasuk: <ul style="list-style-type: none"> Sastera Teknologi Maklumat Bahasa dan kesusasteraan Sains dan Matematik Sains Sosial Teknik dan Vokasional

¹ Tahap 2 – BM, B1, BC, BT, Mat, Sains, TMK, RBT, Sejarah, Pend. Islam, Pend. Moral, Pend. Jasmani, Pend. Kesihatan, Pend. Muzik, Pend. Seni Visual
SUMBER: Bahagian Pembangunan Kurikulum

Selain pembelajaran akademik, kurikulum ini memberikan tumpuan kepada aspek kerohanian serta kebolehan dalam seni dan sukan untuk pembangunan murid secara holistik. Komponen ini dibangunkan melalui program dan inisiatif yang dilaksanakan pada waktu persekolahan formal dan melalui pelbagai aktiviti sukan dan kokurikulum di luar waktu persekolahan.

Selaras dengan dasar mewajibkan setiap murid beragama Islam menerima Pendidikan Agama Islam di sekolah, KSSR (dan KBSR sebelumnya) memperuntukkan 160 minit seminggu untuk mata pelajaran berkenaan bagi murid beragama Islam dan 120 minit seminggu bagi mata pelajaran Pendidikan Moral untuk murid bukan Islam. Selain itu, semua sekolah melaksanakan kelas Pendidikan Seni Visual, Muzik dan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan yang juga menjadi sebahagian kurikulum serta melaksanakan Dasar 1Murid 1Sukan dengan memastikan setiap murid mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya satu aktiviti sukan.

Di luar waktu persekolahan formal, Kementerian menggalakkan penyertaan aktif murid dalam aktiviti sukan dan kokurikulum. Semua murid digalakkan menyertai satu sukan, satu kelab, dan satu badan beruniform bagi memastikan mereka memperoleh pelbagai jenis pengalaman. Dalam usaha memperkaya pengalaman murid dalam aktiviti sukan dan kokurikulum dan memastikan murid didedahkan kepada kepelbagaian masyarakat di Malaysia, Kementerian sedang memperluas program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) bagi membolehkan murid dari pelbagai jenis sekolah, termasuk sekolah awam dan swasta, bersama-sama menjayakan aktiviti sukan dan kokurikulum.

Dokumen standard KSSR berasaskan dua komponen, iaitu standard kandungan dan standard pembelajaran. Standard kandungan menyatakan secara jelas pengetahuan, kemahiran, dan nilai khusus yang perlu dikuasai oleh murid. Berbeza dengan KBSR, KSSR lebih memberi penekanan kepada kemahiran seperti penaakulan, kreativiti, inovasi, dan keusahawanan. Standard pembelajaran pula menerangkan tahap kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid bagi setiap standard kandungan tahun demi tahun. Standard pembelajaran seperti ini berbeza daripada KBSR dan KBSM yang menyatakan objektif pembelajaran di akhir setiap fasa sahaja (rujuk Ekshibit 4-3 bagi ringkasan perbezaan utama antara KBSR dengan KSSR). Perancangan juga telah dibuat untuk memasukkan satu lagi komponen ke dalam dokumen standard KSSR, iaitu standard prestasi yang memberikan tahap-tahap penguasaan bagi standard kandungan dan standard pembelajaran yang boleh dicapai oleh murid. Pelaksanaan KSSM yang dijangkakan bermula pada 2017 akan mempunyai pendekatan yang sama mengikut standard.

EKSHIBIT 4-3

Perbezaan utama antara kurikulum KBSR dan KSSR

KBSR

- Pendidikan bersepadu untuk mengukuhkan penguasaan **3M (Membaca, Menulis dan Mengira)** dengan tumpuan kepada **pengetahuan, kemahiran, nilai, pemikiran kritis dan kreatif**
- Tiga tunjang:** Komunikasi, Interaksi dengan masyarakat, Pembangunan diri
- Kurikulum bertulis berasaskan hasil pembelajaran**
- Peperiksaan Awam (UPSR) sahaja**

KSSR

- Pendidikan bersepadu untuk mengukuhkan penguasaan **4M (Membaca, Menulis, Mengira dan Menaakul)** dengan tambahan elemen kreativiti, inovasi dan keusahawanan
- Enam tunjang:** Komunikasi, Kerohanian, Sikap dan Nilai, Kemanusiaan, Sains dan Teknologi, Perkembangan Fizikal dan Estetika, dan Ketrampilan Diri
- Kurikulum bertulis berdasarkan standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi**
- Peperiksaan Awam (UPSR) + Pentaksiran Berasaskan Sekolah**

SUMBER: Bahagian Pembangunan Kurikulum

Kurikulum yang diajar

Selama ini, potensi sepenuhnya KBSR dan KBSM tidak terlaksana di dalam bilik darjah. Terdapat dua punca berlakunya perkara ini. Pertama, kemahiran dan kandungan yang dianggap oleh guru tidak akan diuji dalam peperiksaan awam, kerap kali tidak dimasukkan dalam rancangan pengajaran kerana memberi ruang kepada kandungan kurikulum yang selalu diuji dalam peperiksaan. Kedua, sesetengah guru kurang berkesan

memupuk kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran seperti yang dihasratkan dalam kurikulum bertulis.

KSSR menitikberatkan kemahiran berfikir aras tinggi dan merupakan satu langkah jelas ke arah transformasi kurikulum. Sekiranya kurikulum baharu ini hendak dilaksanakan seperti yang dihasratkan, aspek yang perlu ditekankan ialah kemahiran penyampaian pembelajaran yang lebih kompleks, seperti merangka rancangan pengajaran dan bahan khusus yang disesuaikan dengan keperluan murid pelbagai tahap prestasi, walaupun di dalam bilik darjah yang sama. Kajian UNESCO (2012) melaporkan kurang terdapat bukti yang menunjukkan bahawa guru mengetahui atau memahami implikasi konsep amalan bilik darjah yang merupakan asas falsafah dan objektif kurikulum seperti pembelajaran bersepadu, pendidikan holistik, kreativiti, dan inovasi.

Kurikulum yang ditaksir

Isu guru mengajar untuk tujuan peperiksaan sering kali menjadi polemik sehingga timbul persoalan sama ada peperiksaan UPSR, PMR dan SPM patut dimansuhkan.

“Persoalannya, bukan tentang guru mengajar untuk tujuan peperiksaan, tetapi tentang membangunkan ujian yang berbaloi untuk diajar”

(Terjemahan: Emeritus Professor Dylan Wiliam, University of London’s Institute of Education)

Peperiksaan awam sumatif tidak sepatutnya memberi apa-apa impak negatif terhadap murid. Walau bagaimanapun, cabarannya ialah peperiksaan awam yang dilaksanakan sekarang tidak menguji kesemua kemahiran yang dihasratkan dalam sistem pendidikan negara.

Semakan semula yang dijalankan oleh *Pearson Education Group* ke atas kertas peperiksaan Bahasa Inggeris UPSR dan SPM mendapati bahawa pentaksiran ini lebih bermanfaat jika lebih banyak soalan yang menguji kemahiran berfikir aras tinggi dimasukkan ke dalamnya, seperti aplikasi, analisis, sintesis, dan penilaian. Sebagai contoh, analisis kertas peperiksaan Bahasa Inggeris UPSR 2010 dan 2011 menunjukkan bahawa hampir 70% daripada soalan menguji kemahiran asas pengetahuan dan pemahaman.

Lembaga Peperiksaan (LP) telah memulakan beberapa langkah penambahbaikan bagi memastikan pentaksiran dijalankan secara holistik, seperti yang ditetapkan dalam dasar Kementerian. Pada 2011, selaras dengan KSSR, LP melaksanakan format PBS baharu yang lebih holistik, kukuh, dan selari dengan kurikulum rujukan standard. Terdapat empat komponen dalam PBS baharu:

- **Pentaksiran sekolah** merujuk pelbagai bentuk pentaksiran autentik dan kontekstual yang mengukur tahap penguasaan pembelajaran murid bagi sesuatu mata pelajaran. Pentaksiran sekolah dilaksanakan secara formatif dan sumatif bagi melihat perkembangan pembelajaran murid serta menambah baik pengajaran dan pembelajaran;
- **Pentaksiran berpusat** merujuk ujian bertulis, tugas projek, atau ujian lisan (bagi mata pelajaran bahasa) yang mentaksir pembelajaran sesuatu mata pelajaran. LP membangunkan soalan ujian, skema pemarkahan, instrumen pentaksiran, peraturan penskoran, penggredan, dan menyediakan pelaporan. Pentaksiran ditadbir dan diskor oleh guru sekolah berdasarkan panduan yang disediakan oleh LP;
- **Pentaksiran psikometrik** merujuk ujian aptitud dan inventori personaliti yang mentaksir kemahiran, minat, aptitud, sikap, dan personaliti murid. Ujian aptitud digunakan bagi menilai bakat semula jadi dan kebolehan diperoleh, seperti kebolehan berfikir dan menyelesaikan masalah. Inventori personaliti digunakan bagi mengenal pasti trait dan ciri utama yang membentuk personaliti murid. LP menghasilkan instrumen ini dan menyediakan garis panduan cara menggunakannya; dan
- **Pentaksiran aktiviti jasmani, sukan, dan kokurikulum** merujuk pentaksiran ketahanan fizikal dan indeks jisim badan murid dan penyertaan, pelibatan serta prestasi murid dalam sukan, badan beruniform, kelab dan persatuan, dan aktiviti lain bukan tajaan sekolah. Sekolah melaksanakan pentaksiran ini berdasarkan garis panduan yang disediakan oleh LP.

Format pentaksiran baharu membolehkan murid dinilai berdasarkan keberhasilan yang lebih luas dalam jangka masa lebih panjang. Format ini juga dapat memberi guru maklumat secara tetap bagi mengambil langkah pemulihan untuk murid mereka. Perubahan ini diharapkan dapat mengurangkan penekanan kepada pengajaran untuk peperiksaan supaya guru dapat menumpukan lebih masa bagi melaksanakan proses pengajaran yang lebih bermakna seperti dihasratkan dalam kurikulum.

Pada 2014, peperiksaan PMR akan digantikan dengan PBS dan pada 2016, gred UPSR murid tidak lagi ditentukan oleh peperiksaan awam sahaja, tetapi digabungkan dengan PBS. Format SPM dikekalkan, dengan kebanyakan mata pelajaran dinilai melalui peperiksaan awam dan sesetengahnya melalui gabungan peperiksaan dan pentaksiran berpusat.

Maklum balas awal mengenai pelaksanaan PBS menunjukkan bahawa guru masih belum memahami dan menguasai sepenuhnya perubahan yang berlaku. Sesetengah guru dan sekolah menghadapi kesukaran menyediakan tugas dan instrumen pentaksiran untuk komponen pentaksiran sekolah. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian berusaha mengukuhkan latihan guru untuk memastikan guru berupaya menghasilkan item dan instrumen pentaksiran yang dapat menilai dengan tepat standard yang telah ditetapkan dalam kurikulum. Prestasi murid ditanda aras mengikut tahap yang ditetapkan dalam dokumen standard prestasi dan bukan mengikut standard relatif.

Pelan tindakan: Membentuk dan mengaplikasi kurikulum dan pentaksiran abad ke-21

Sejak kebelakangan ini Kementerian telah melakukan dua perubahan besar yang nyata berpotensi mengubah cara murid belajar sekiranya dilaksanakan dengan berkesan: KSSR dan PBS. Walau bagaimanapun, Kementerian sedar bahawa masih banyak perlu dilakukan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan kedua-dua aspek ini. Gelombang 1 (2013-2015) transformasi pendidikan ini akan memberikan tumpuan kepada inisiatif jangka pendek bagi menambah baik kurikulum bertulis, kurikulum yang diajar, dan kurikulum yang ditaksir, di samping meletakkan asas bagi perubahan nyata. Gelombang 2 dan 3 (2016-2025) berkisar pada pengenalan KSSM dan KSSR semakan semula, serta pembentukan model alternatif yang membolehkan murid belajar mengikut tahap kebolehan masing-masing.

Gelombang 1 (2013 - 2015): Menambah baik kurikulum sedia ada dan membuat persediaan untuk perubahan struktur

Hasrat Kementerian bukan sahaja untuk meningkatkan kualiti kurikulum dan pentaksiran, tetapi juga mencapai kesepaduan lebih kukuh antara kedua-dua aspek ini. Dalam jangka masa pendek, Kementerian akan melaksanakan inisiatif bagi menambah baik kurikulum bertulis, kurikulum yang diajar, dan kurikulum yang ditaksir serta mewujudkan keselarasan lebih mantap merentasi ketiga-tiga dimensi kurikulum.

Memurnikan dan menilai semula kandungan kurikulum supaya sejajar dengan standard antarabangsa

KSSR dan KBSM akan dimurnikan selaras dengan dasar yang menekankan bahawa kurikulum kebangsaan perlu menggabungkan amalan terbaik antarabangsa dan mencapai standard bagi membentuk warga Malaysia yang mampu bersaing di peringkat global. Pada fasa pembangunan kurikulum, Kementerian akan meneruskan amalan menanda aras standard pembelajaran dan kandungan berdasarkan tanda aras sistem pendidikan berprestasi tinggi. Amalan ini penting bagi memastikan standard ini terselaras dan sukatan pelajaran tidak terlalu “padat” – kandungan kurikulum terlalu luas dan mendalam sehingga tidak dapat diajar secara berkesan dalam sesuatu tahun persekolahan. Kementerian juga akan mendapatkan khidmat pakar bebas antarabangsa bagi menentusahkan hasil pelaksanaan penandaarasan untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.

Mempergiat sistem sokongan untuk guru bagi meningkatkan penyampaian kurikulum

Peranan SISC+ akan ditingkatkan daripada bersifat separuh masa kepada sepenuh masa. Mereka akan ditempatkan di PPD dan menjadi pegawai penghubung utama antara Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), LP, dan guru. Peranan ini merangkumi tanggungjawab melaksanakan kurikulum dan pentaksiran baharu di dalam bilik darjah, membimbing guru dalam kemahiran pedagogi, dan memantau keberkesanan pelaksanaannya. Pengenalan SISC+ ini memberi manfaat serampang dua mata, iaitu: (i) mengurangkan bilangan peringkat dalam penyampaian kurikulum dan pentaksiran; dan (ii) memberikan latihan secara langsung kepada guru.


Pada masa ini, pelaksanaan perubahan kurikulum dan pentaksiran melibatkan lima peringkat (Ekshibit 4-4). Kurikulum kebangsaan perlu disampaikan kepada jurulatih kebangsaan, dan seterusnya akan melatih jurulatih negeri. Jurulatih negeri pula akan melatih wakil guru mata pelajaran dari setiap daerah, seterusnya melatih guru yang akan melaksanakan kurikulum di sekolah. Kewujudan pelbagai lapisan penyampaian pelaksanaan ini menyebabkan kecairan dalam pelaksanaan kurikulum. Pengenalan SISC+ bagi menggantikan jurulatih sedia ada akan mengurangkan lapisan ini kepada tiga, sekali gus mengurangkan kemungkinan berlakunya kecairan. SISC+ ini akan berhubung terus dengan guru, BPK, dan LP. Proses ini membolehkan kurikulum bertulis diterjemahkan secara langsung dan lebih tepat dalam kurikulum yang diajar.

Bilangan SISC+ yang akan ditambah (hampir 2,500 orang menjelang 2015) dan tumpuan mereka dalam membimbing guru (60% masa



akan ditumpukan untuk aktiviti tersebut) akan menyediakan guru dengan liputan 'in situ' yang lebih tepat dan luas berbanding sebelumnya. Hasilnya, guru akan dapat memberikan tumpuan kepada aktiviti pengajaran kerana tidak perlu meninggalkan sekolah untuk berkursus. Latihan akan dirangka mengikut keperluan guru memandangkan SISC+ berpeluang mencerap guru di dalam bilik darjah dan memberikan maklum balas serta-merta. Sesi bimbingan ini berfokuskan penguasaan kemahiran pedagogi utama seperti mengembangkan kemahiran berfikir aras tinggi, mengajar murid berbeza tahap kebolehan, dan mentaksir murid secara berkesan.

EKSHIBIT 4-4



Selain SISC+, Kementerian juga akan memperuntukkan bahan pengajaran tambahan bagi memastikan guru dapat melaksanakan KSSR di dalam bilik darjah dengan lebih baik. Sumber ini termasuk bahan sokongan pengajaran seperti perpustakaan video tentang contoh pengajaran yang baik (rujuk Bab 5 untuk maklumat lanjut). Kementerian juga akan meneliti bahan yang diperlukan pada peringkat sekolah menengah bagi membantu guru menyampaikan KBSM sedia ada yang menekankan kemahiran dan kompetensi yang kritikal untuk abad ke-21. Usaha ini merupakan langkah interim sehingga KSSM dilaksanakan berserta sumber pengajaran yang lengkap.

Menambah baik kerangka pentaksiran bagi menambah jumlah soalan yang menguji kemahiran berfikir aras tinggi

Rutin pemantauan tekal akan memastikan sekolah yang mengalami kesukaran melaksanakan PBS baharu dikenal pasti dengan cepat. Guru dan pengetua/guru besar daripada sekolah tersebut akan diberi latihan oleh SISC+ di sekolah mereka tentang cara penyediaan dan pelaksanaan PBS terutamanya mengenai pentaksiran rujukan-standard.

Kementerian juga akan menambah nisbah soalan yang menguji kemahiran berfikir aras tinggi dalam PBS dan peperiksaan awam secara sistematik dalam tempoh tiga tahun akan datang. Soalan ini akan berasaskan taksonomi Bloom yang menguji kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai, dan menjana. Pentaksiran akan diperkukuh

dengan memasukkan kemahiran kreatif dan penyelesaian masalah. Menjelang 2016, soalan yang menguji kemahiran ini akan membentuk sekurang-kurangnya 40% daripada soalan UPSR dan sekurang-kurangnya 50% daripada soalan mata pelajaran SPM.

Merintis *International Baccalaureate (IB) Middle Years Programme (MYP)* sebagai pendekatan alternatif kepada pembelajaran

Kementerian sentiasa meneroka pendekatan pedagogi terkini bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Bagi tujuan itu, Kementerian akan menjalankan projek rintis IB MYP untuk murid sekolah menengah di 10 buah sekolah bermula pada 2013 (Program ini berbeza daripada Diploma IB, kelayakan setaraf A Levels, dan pada masa ini dilaksanakan di dua sekolah berasrama penuh (SBP) di Malaysia). Sekolah yang menjadi sampel dipilih daripada sekolah Band 1 hingga 4 termasuk SMK bandar, luar bandar, dan sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA). Sekolah dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan dengan memberi tumpuan kepada kepimpinan dan infrastruktur sekolah. Dapatan daripada kajian rintis ini akan digunakan dalam proses pembentukan dan pelaksanaan KSSM.

Program IB MYP ini akan menggunakan kurikulum Malaysia. Pendekatan pedagogi menekankan penggunaan aktiviti berasaskan projek dan teknik menyoal bagi membina keupayaan berfikir aras tinggi dalam kalangan murid, serta membolehkan mereka menggabungkan jalin pengetahuan daripada pelbagai disiplin. IB dilaksanakan di lebih 141 negara dan rekod pencapaian murid lepasannya sentiasa mengatasi purata OECD dan lepasan A-Levels di universiti. Rekod pencapaian IB ini memberi jaminan bahawa program ini dapat menawarkan banyak amalan terbaik yang bernilai dalam usaha menambah baik keseluruhan sistem pendidikan negara kita.



Memperkenalkan LINUS 2.0 dengan skop yang lebih luas bagi menangani literasi bahasa Inggeris

Dasar semasa Kementerian tentang sokongan pemulihan menyatakan bahawa murid yang mengalami masalah menguasai kemahiran membaca, menulis, dan mengira mesti menerima bantuan yang diperlukan bagi membolehkan mereka bersaing dengan kohort mereka. LINUS 1.0 dilaksanakan pada 2010 bagi menangani isu literasi (bahasa Malaysia) dan numerasi dalam kalangan murid Tahap 1 sekolah rendah. Program ini menunjukkan kejayaan yang menggalakkan kerana terdapat peningkatan literasi bahasa Malaysia daripada 87% kepada 98%, dan numerasi daripada 76% kepada 99% dalam kohort rintis.

LINUS 2.0 dibangunkan berdasarkan kejayaan LINUS 1.0 bagi menangani isu literasi bahasa Inggeris serta literasi (bahasa Malaysia) dan numerasi. Murid yang ketinggalan akan dikumpulkan di dalam kelas yang tertentu dan diajar berdasarkan keperluan mereka. Guru yang mengajar murid ini akan menerima latihan bersasaran bagi memastikan mereka dilengkapi strategi terbaik dalam membantu murid bersaing dengan rakan apabila diserapkan semula ke dalam kurikulum arus perdana.

Gelombang 2 (2016-2020) dan Gelombang 3 (2021-2025): Melaksanakan kurikulum baharu dan kurikulum semakan semula

KSSM dan KSSR semakan semula akan dilaksanakan pada 2017. Pelaksanaannya melibatkan penggabungan elemen maklum balas, penandaan, dan dapatan ujian ketekalan daripada Gelombang 1. Kementerian akan menggubal kurikulum yang baharu menggunakan jumlah jam dalam tahun persekolahan sebagai titik permulaan dan mengeluarkan kandungan dan kemahiran yang bukan menjadi keutamaan bagi mengelakkan kepadatan kurikulum. Selain itu, kemahiran dan kompetensi yang dikenal pasti penting untuk berjaya dalam persekitaran globalisasi masa kini akan diserapkan sepenuhnya dalam kurikulum, sebagai contoh, penekanan berterusan ke atas pengajaran amali sains dan penggunaan ICT. Kementerian juga akan meminda peraturan sedia ada bagi memberikan kelonggaran kepada sekolah dalam menyusun jadual waktu persekolahan selagi sekolah dapat menyampaikan hasil pembelajaran dan kandungan yang digariskan dalam kurikulum.

Kementerian juga akan mengkaji kemungkinan melaksanakan laluan pembelajaran pantas. Laluan ini membenarkan murid berprestasi tinggi menamatkan pengajian menengah dalam masa empat tahun berbanding lima tahun, dan/atau menamatkan sekolah rendah, dalam lima tahun berbanding enam tahun. Kementerian juga akan mewujudkan program murid pintar cerdas dan berbakat bagi kelompok 1% teratas daripada populasi murid. Kementerian akan mengkaji dan menilai pilihan ini dengan teliti bagi memastikan laluan pendidikan yang disediakan bermanfaat dari segi psikologi dan perkembangan murid, serta dapat dilaksanakan dalam keadaan yang tidak mengganggu sistem. Sila rujuk huraian lanjut tentang program ini di bahagian “Kumpulan Berkeperluan Khusus” dalam bab ini.

SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM)

Kementerian akan memastikan murid dilengkapi kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran dunia yang sedang berubah dengan pengaplikasian Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Kementerian juga akan berusaha meletakkan asas di peringkat sekolah untuk memastikan negara mempunyai bilangan siswazah STEM yang berkelayakan dan mencukupi bagi memenuhi keperluan tenaga kerja industri untuk memacu ekonomi Malaysia. Antara langkah yang akan diambil termasuk:

- **Meningkatkan minat murid melalui pendekatan pembelajaran yang baharu dan pemantapan kurikulum:** Menggabungkan kemahiran berfikir aras tinggi, meningkatkan penggunaan kemudahan pengajaran yang praktikal, dan menjadikan kandungan relevan dengan kehidupan harian untuk meningkatkan minat;
- **Meningkatkan kemahiran dan kebolehan guru:** Melatih guru di sekolah rendah dan menengah untuk mengajar kurikulum yang disemak semula; dan
- **Meningkatkan kesedaran murid dan orang awam:** Meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan murid tentang STEM, melalui kempen kebangsaan.

Malaysia meletakkan kepentingan yang sangat tinggi terhadap pendidikan sebagai pemacu untuk mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju yang mampu mendepani cabaran dan permintaan ekonomi yang dipacu oleh STEM menjelang 2020. Kerajaan Malaysia memperkenalkan dasar 60:40 Sains/Teknikal:Sastera dalam pendidikan sejak 1967, dan mula melaksanakan dasar tersebut pada 1970. Dasar ini merujuk sasaran Kementerian untuk menambah nisbah murid yang mempunyai pendidikan STEM yang signifikan berbanding murid yang memberi lebih tumpuan terhadap Sastera. Dasar ini belum mencapai sasarannya disebabkan oleh pelbagai faktor yang dibincangkan di bawah.

Pada 2011, hanya 45% daripada murid yang lulus daripada sistem persekolahan merupakan murid aliran sains, termasuk aliran teknikal dan vokasional. Peratusan murid sekolah menengah yang memenuhi syarat untuk mengikuti aliran sains selepas PMR, tetapi memilih untuk tidak mengikutinya telah meningkat hampir 15%. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan mengenai kebolehan sistem pendidikan menyediakan lulusan STEM yang mencukupi untuk keperluan ekonomi negara. Mengikut Majlis Kebangsaan bagi Penyelidikan dan Pembangunan Saintifik, Malaysia memerlukan 493,830 saintis dan jurutera menjelang 2020. Mengikut kadar dan perkembangan haluan semasa, MOSTI menganggarkan akan wujud kekurangan tenaga kerja sebanyak 236,000. Seperti yang dinyatakan dalam Bab 3, prestasi Malaysia dalam TIMSS menunjukkan bahawa pencapaian

murid telah menurun dari 1999 hingga 2011. Keputusan PISA 2009+ juga menunjukkan bahawa Malaysia berada pada kedudukan sepertiga terbawah daripada 74 buah negara peserta, dan di bawah purata antarabangsa dan OECD. Angka ini menunjukkan keperluan mengadakan intervensi untuk mencapai sasaran bilangan siswazah STEM dan meningkatkan keberhasilan murid masa hadapan.

Penilaian enrolmen dan kemahiran dalam STEM

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan penurunan enrolmen dan kualiti keberhasilan murid dalam STEM. Tumpuan akan diberi kepada aspek di bawah tanggungjawab Kementerian termasuk:

- **Kurang kesedaran mengenai STEM:** Umumnya terdapat kurang kesedaran dalam kalangan murid dan ibu bapa terhadap tujuan pembelajaran STEM dan perkaitannya dengan kehidupan harian. Berdasarkan kaji selidik (2008) yang dijalankan oleh Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC), kesedaran awam mengenai fakta sains dan teknologi (contoh: pusat bumi adalah paling panas; semua radioaktif adalah buatan manusia) adalah lebih rendah di Malaysia berbanding di Amerika Syarikat, di Eropah, di Korea Selatan dan di India. Perbincangan meja bulat bersama-sama masyarakat Malaysia juga mendapati kurang kesedaran mengenai peluang kerjaya berkaitan STEM;
- **Mata pelajaran STEM dianggap sebagai sukar:** Terdapat persepsi dalam kalangan murid dan ibu bapa bahawa lebih sukar untuk lulus dengan cemerlang dalam mata pelajaran STEM berbanding mata pelajaran Sastera. Keadaan ini menyebabkan murid memilih aliran Sastera berbanding aliran Sains. Guru dan pentadbir sekolah kerap kali berkongsi persepsi yang sama dan tidak secara proaktif menggalak atau membantu murid memilih aliran Sains;
- **Kurikulum yang padat kandungan:** Kurikulum STEM pada masa ini memberi lebih tumpuan kepada maklumat hingga menjejaskan aspek amali, dan kurang memberi penekanan pada hubungan dengan kehidupan harian, justeru membuatkan murid sukar memahami nilai atau kebergunaan STEM. Faktor ini menyumbang kepada penurunan tahap minat murid dalam mata pelajaran ini.
- **Kualiti pengajaran dan pembelajaran kurang konsisten:** Pendekatan pengajaran dan pembelajaran adalah berpusatkan guru dan murid kurang berpeluang untuk berfikir secara kritis, kreatif, dan inovatif. Sebilangan guru masih memerlukan pengetahuan yang mendalam dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Tambahan lagi, sesetengah guru terlalu memberi tumpuan kepada persiapan murid untuk menduduki peperiksaan, dan tidak menekankan elemen amali dalam kurikulum; dan
- **Infrastruktur yang tidak mencukupi dan lama:** Kini, 20% sekolah mempunyai makmal sains yang rosak atau tidak boleh digunakan, manakala sesetengah makmal tidak dilengkapi peralatan dan kemudahan moden secukupnya. Keadaan ini menyebabkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran STEM, khususnya amali, menjadi lebih mencabar, dan menjejaskan minat murid.

Pelan Tindakan: Mengukuhkan penyampaian STEM merentas sistem pendidikan

Gelombang 1 akan memberi tumpuan kepada pengukuhan asas program sedia ada dan menggalakkan murid peringkat menengah atas dan lepas menengah untuk mengikuti aliran sains. Gelombang 2 menekankan pembinaan asas tersebut dengan meningkatkan sokongan daripada pelbagai pihak berkepentingan mencakupi sektor pembelajaran informal. Gelombang 3 akan menilai inisiatif tersebut dan menyediakan pelan tindakan bagi inovasi selanjutnya.

“Seperti negara maju yang lain, Malaysia memerlukan pakar dalam bidang Kejuruteraan, Sains, Perubatan dan sektor Teknologi yang lain. Kekurangan minat dalam mata pelajaran Sains akan membantut usaha untuk meningkatkan inovasi teknologi bagi menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi”

*Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin
 (Oktober 2012)*

Gelombang 1 (2013-2015): Mengukuhkan asas pembelajaran

Meningkatkan keberhasilan dan minat murid melalui pendekatan pembelajaran baharu dan pemantapan kurikulum

Sebagai sebahagian daripada perubahan besar pada kurikulum yang dihuraikan dalam bahagian “Kurikulum dan Pentaksiran” dalam bab ini, Kementerian akan menyemak semula kurikulum Matematik dan Sains sekolah rendah dan sekolah menengah. Semakan semula kurikulum akan mengambil kira standard antarabangsa dan juga hasil penilaian diagnostik yang menunjukkan prestasi rendah murid Malaysia dalam pentaksiran TIMSS dan PISA. Kurikulum baharu ini akan memberi tumpuan kepada kemahiran berfikir aras tinggi seperti menganalisis, menilai secara kritis, membuat hipotesis dan membuat keputusan. Kurikulum ini juga akan menggalakkan pembelajaran berasaskan projek dan berasaskan inkuiri, sebagai contoh, melalui peningkatan latihan makmal, inkuiri terarah murid dan permainan ICT. Kementerian akan mengkaji usaha memperkenalkan program pembelajaran mudah suai dan model pembelajaran pelbagai mod di sekolah.

Di samping itu, Kementerian akan mengkaji pertambahan peruntukan masa untuk pengajaran Matematik dan Sains, dan penyelarasan semula kurikulum bagi mengurangkan pertindihan kandungan dengan mata pelajaran lain dan kurikulum STEM di peringkat lepas menengah. Oleh sebab KSSM dan kurikulum semakan KSSR akan dilaksanakan pada 2017, Kementerian akan membangunkan dan melancarkan beberapa siri modul tambahan untuk kurikulum sekolah rendah dan sekolah menengah. Modul tambahan ini akan mula dilaksanakan pada 2014.

Pembelajaran Pelbagai Mod (*Blended Learning*)

Pembelajaran pelbagai mod (*blended learning*) merujuk penyepaduan pendekatan pengajaran bersemuka dan pendekatan pengajaran dibantu teknologi. Pendekatan kedua biasanya menyediakan murid dengan beberapa elemen kawalan ke atas masa, tempat, kadar, dan / atau gaya pembelajaran. Model ini bukan sekadar menggunakan teknologi sebagai alat bantuan mengajar (contohnya tayangan video untuk menjelaskan sesuatu konsep), malah sebagai strategi pengajaran dan pendekatan pedagogi baharu.

Tiada satu model tunggal untuk menunjukkan contoh bagaimana pembelajaran pelbagai mod beroperasi. Antara amalan yang lazim ialah membahagikan masa kelas pengajaran antara aktiviti pengajaran berasaskan komputer dan yang berasaskan guru. Semasa sesi berasaskan komputer, murid menggunakan perisian pembelajaran adaptif untuk belajar mengikut kemampuan, dan melalui gaya pembelajaran pilihan mereka. Guru kemudian menganalisis data yang terhasil daripada perisian untuk mengenal pasti bidang yang murid memerlukan bimbingan tambahan.

Satu lagi model yang semakin popular ialah kelas berbalik (*flipped classroom*). Guru memberi tugas 'prabacaan' melalui kuliah dalam talian atau pelajaran melalui e-pembelajaran, dan murid menyiapkan tugas di rumah. Waktu pengajaran di bilik darjah kemudiannya digunakan untuk aktiviti kumpulan, tugas dan perbincangan. Justeru, guru berperanan bukan sahaja sebagai seorang pensyarah, tetapi juga sebagai seorang fasilitator dan pembimbing.

Kementerian juga akan mengkaji semula pentaksiran kebangsaan dan berasaskan sekolah bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah dan menengah untuk meningkatkan nisbah soalan yang memerlukan kemahiran berfikir secara kritis dan penyelesaian masalah, seperti menginterpretasi dan menilai data. Pada 2015, Kementerian akan memperkenalkan semula elemen ujian amali dalam peperiksaan kebangsaan dan pentaksiran berasaskan sekolah. Bagi mencapai hasrat ini, Kementerian akan menjalankan semakan secara menyeluruh terhadap infrastruktur sedia ada untuk mengenal pasti dan menangani kekurangan peralatan dan kemudahan. Kementerian juga perlu memastikan bilangan pembantu makmal yang mencukupi dilantik dan dilatih untuk membantu guru, dan penyediaan Geran Per Kapita (PCG) untuk Matematik dan Sains dengan mengambil kira peningkatan kos tambahan, disebabkan oleh perubahan yang akan dilaksanakan.

Kementerian telah menyediakan hos perpustakaan video e-pembelajaran bagi murid melalui EduWebTV. Video pendek tersebut memberi tumpuan ke atas penerangan topik khusus bagi pelbagai mata pelajaran, termasuk Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Kementerian berhasrat untuk meningkatkan kualiti perpustakaan ini dengan meminta JNJK menyaring semua serahan video bagi memastikan kualiti yang tinggi, dan merujuk laman web lain yang menawarkan kandungan e-pembelajaran yang sebanding (contohnya, video Khan Academy atau Learnzillion bagi matematik

dan sains). Kementerian akan memetakan video kepada kurikulum bagi memudahkan murid dalam pencarian kandungan.

Mengukuhkan kemahiran dan kebolehan guru

Pada 2013, Kementerian akan menjalankan penilaian diagnostik untuk mengenal pasti jurang antara kandungan pengetahuan dengan kemahiran pedagogi dalam kalangan guru yang mengajar mata pelajaran STEM melalui kombinasi ujian dan pencerapan pengajaran. Langkah ini akan membolehkan Kementerian membangunkan pendekatan yang lebih sesuai untuk pembangunan profesional keguruan. Penilaian diagnostik adalah sama dengan *Cambridge Placement Test (CPT)* yang diambil oleh guru Bahasa Inggeris, dan akan dibangunkan sama ada secara dalaman atau dengan menggunakan penilaian kebangsaan sedia ada atau pentaksiran antarabangsa.

Bagi tujuan pembangunan profesional, Kementerian akan menjalankan beberapa usaha. Pada 2013, Kementerian akan melantik Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) untuk Matematik dan mengenalpasti langkah yang boleh diambil untuk melantik SISC+ untuk Sains pada penghujung 2014. Kementerian juga akan membangunkan perpustakaan video pengajaran harian terbaik guru Sains dan Matematik dalam menyampaikan pengajaran kepada murid dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5. Video ini boleh digunakan oleh guru yang memerlukan idea dan bantuan dalam menyediakan rancangan mengajar atau mendapatkan contoh strategi pengajaran yang baik, oleh pembimbing dalam menyampaikan program pembangunan profesional, atau oleh murid sebagai alat bantu ulang kaji. Apabila KSSR semakan semula dan KSSM dilaksanakan, Kementerian akan menyediakan latihan untuk guru bagi memastikan mereka dapat menyampaikan kurikulum baharu dengan berkesan. Latihan ini akan berfokus kepada pengetahuan kandungan dan kaedah pedagogi yang diperlukan untuk mengajar kurikulum dengan penekanan kepada pengujikajian dan pengaplikasian. Guru akan dilatih untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam menyampaikan konsep hubung kait kehidupan harian dengan dunia sains, dan menggunakan idea saintifik untuk menjelaskan fenomena harian.

Mulai 2014, bagi memudahkan rancangan pengajaran dan perkongsian amalan terbaik dalam kalangan guru, Kementerian menghendaki semua sekolah menjadualkan sekurang-kurangnya satu waktu seminggu untuk semua guru Sains dan Matematik sama-sama belajar dan membuat rancangan pengajaran. Kementerian juga akan menganjurkan pertandingan inovasi pengajaran dan pembelajaran pada peringkat negeri dan kebangsaan untuk guru, khususnya bagi topik yang sukar difahami oleh murid. Amalan terbaik yang dikenal pasti akan disebar luas kepada semua guru. Dalam melaksanakan inisiatif ini, Kementerian juga akan menjalinkan kerjasama dengan organisasi antarabangsa seperti Pusat Serantau Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara bagi Pendidikan Sains dan Matematik (SEAMEO-RECSAM).

Kementerian bercadang menggunakan peralatan ICT secara lebih berkesan bagi menyediakan guru dan murid dengan maklumat serta sumber tambahan. Sebagai contoh, guru boleh menggunakan alat ICT seperti permainan komputer pendidikan supaya pembelajaran STEM lebih melibatkan murid. Alat ini juga dapat membantu murid yang berminat untuk mengkaji STEM dengan lebih mendalam melangkaui kandungan yang terdapat dalam buku teks. Alat ini juga boleh

digunakan semasa dan selepas waktu persekolahan, serta merentasi pelbagai platform.

Meningkatkan kesedaran pihak awam dan murid

Kementerian juga berhasrat untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan lain (contoh: MASTIC dan MOSTI), sektor swasta, dan NGO bagi melaksanakan kempen kesedaran awam kebangsaan melalui televisyen, surat khabar, dan media sosial. Mulai 2013, Kementerian akan melibatkan stesen televisyen satelit dan bumi tempatan bagi menyediakan peluang untuk rancangan televisyen seperti pesta sains dan pertandingan robotiks yang sering kali diadakan di Korea Selatan. Mulai 2014, Kementerian bercadang untuk menjalin kerjasama dengan stesen televisyen bagi menambah baik rancangan sains dan matematik, sebagai contoh, memasukkan elemen pemikiran kritis dalam rancangan pendidikan sedia ada, dan membangunkan rancangan pendidikan baharu yang menarik. Di samping itu, Kementerian akan mengkaji peluasan program pusat sains bergerak bagi meliputi lebih banyak sekolah di luar bandar dan pedalaman.

Kementerian akan terus bekerjasama dengan institusi seperti muzium dan pusat sains untuk membangun atau memperluaskan program pembelajaran untuk murid. Program ini boleh dimasukkan ke dalam kurikulum, atau dilaksanakan selepas waktu sekolah sebagai aktiviti pengayaan. Akhirnya, Kementerian akan melaksanakan kempen bagi memaklumkan pihak awam mengenai kepelbagaian peluang kerjaya dalam bidang berkaitan STEM untuk menggalakkan lebih ramai murid memilih matapelajaran STEM.

Sokongan melalui pemberian insentif

Kementerian akan mengkaji kemampuan menyediakan lebih banyak insentif bagi menggalakkan murid menengah atas mengikuti aliran sains. Rancangan ini termasuk meningkatkan pelepasan cukai bagi ibu bapa yang mempunyai anak-anak di Tingkatan 4, Tingkatan 5, Tingkatan 6 atau Matrikulasi dalam aliran sains. Kementerian juga akan meningkatkan jumlah biasiswa bulanan untuk murid STPM dalam aliran sains. Kementerian juga akan mengkaji untuk memperuntukkan beberapa anugerah kepada guru STEM yang cemerlang. Kementerian akan mempertimbangkan pelaksanaan KPI berkaitan STEM, seperti bilangan murid aliran sains dan kualiti kemudahan makmal, sebagai insentif kepada pihak sekolah yang berjaya menggalakkan lebih ramai murid mengikuti aliran sains.

Gelombang 2 (2016-2020): Membina atas asas yang disediakan

Dalam Gelombang 2, kurikulum KSSM dan KSSR semakan semula akan dilaksanakan. Mulai 2019, Kementerian akan mengambil bahagian dalam pentaksiran TIMSS bagi Gred 4 (bersamaan Tahun 4 dalam sistem persekolahan Malaysia) selain pentaksiran Gred 8 yang telah disertai oleh Malaysia. Langkah ini akan membantu Kementerian menanda aras prestasi Sains dan Matematik bagi murid Malaysia pada usia lebih awal dengan standard antarabangsa. Dalam Gelombang ini, Kementerian akan menggalakkan perkembangan komuniti pembelajaran antara sekolah bagi membolehkan guru berkongsi pengalaman mengajar kurikulum baharu, belajar sesama mereka, dan menyediakan maklum balas kepada Kementerian.

Selain itu, Kementerian akan menaik taraf peralatan dan kemudahan sains sedia ada di sekolah supaya berada dalam keadaan optimum

untuk pengajaran dan pembelajaran STEM yang berkesan. Kementerian juga bercadang menaik taraf bilik sains sedia ada di sekolah rendah pada penghujung Gelombang 2.

Kementerian akan memperluaskan program kesedaran STEM kepada murid sekolah rendah dan ibu bapa mereka. Kementerian bercadang menggunakan pendekatan yang tak formal untuk mengukuhkan minat dalam pendidikan dan kerjaya STEM dengan menganjurkan pameran bergerak sains dan perkhemahan sains berpusat. Kaedah ini akan menyediakan peluang pembelajaran secara *'hands-on'* supaya murid dan ibu bapa memahami faedah pendidikan STEM dan menyedari bahawa mempelajari Sains dan Matematik boleh memberikan keseronokan, relevan, dan dapat memperkayakan pengetahuan murid. Kementerian juga akan menggalakkan guru dan murid untuk merebut lebih banyak peluang yang disediakan oleh pusat pembelajaran tidak formal seperti Petrosains dan Pusat Sains Negara.

Gelombang 3 (2021-2025): Melakukan inovasi pada peringkat seterusnya

Kementerian akan menilai kejayaan semua inisiatif dari kedua-dua gelombang terdahulu dan membangunkan pelan tindakan masa hadapan. Kementerian juga akan memperkenalkan inisiatif dan program baharu secara berperingkat.

BAHASA

Kementerian berhasrat untuk menghasilkan murid yang menguasai kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan digalakkan untuk mempelajari bahasa tambahan. Langkah yang akan diambil termasuk:

- Melaksana kurikulum KSSR Bahasa Malaysia baharu untuk murid yang bahasa ibundanya bukan bahasa Malaysia di sekolah jenis kebangsaan (SJK);
- Memperkenalkan LINUS 2.0 dengan skop yang lebih luas bagi menangani masalah literasi bahasa Inggeris;
- Mengukuhkan penyampaian pelajaran Bahasa Inggeris, contohnya melalui Program Kecekapan Lisan Bahasa Inggeris untuk Sekolah Menengah (OPS English) atau melalui satu sistem set pengajaran dan pembelajaran yang mengelompokkan murid berdasarkan tahap profisiensi mereka;
- Menggiatkan pengujian dan meningkatkan kemahiran semua guru bahasa Inggeris berdasarkan *Cambridge Placement Test (CPT)* dan *Aptis Test*;
- Menguji dan meningkatkan kemahiran guru bahasa Malaysia dengan tumpuan kepada SJK;
- Memperkenalkan program intervensi pemulihan dan program sokongan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris untuk murid yang tidak mencapai tahap profisiensi yang ditetapkan;
- Menjadikan Bahasa Inggeris mata pelajaran wajib lulus pada peringkat SPM menjelang 2016; dan
- Menyediakan akses kepada pembelajaran bahasa tambahan di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Umumnya, Kementerian telah menetapkan tiga matlamat bagi pembelajaran bahasa, iaitu:

- Memupuk perkongsian identiti yang unik dalam kalangan rakyat Malaysia melalui penggunaan bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Malaysia;
- Membentuk individu yang bersedia menceburi dunia pekerjaan dalam pasaran ekonomi global dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa; dan
- Menyediakan peluang kepada murid mempelajari satu bahasa tambahan.

Malaysia kaya dengan warisan pelbagai budaya. Walaupun bahasa Malaysia digunakan secara meluas oleh semua rakyat, komuniti Cina, India dan komuniti minoriti lain mengekalkan bahasa ibunda masing-masing dan menggunakannya secara aktif. Di samping itu, bahasa Inggeris, sebagai bahasa kedua, digunakan secara meluas dalam banyak hubungan profesional dan sosial rakyat. Keadaan ini memberi kelebihan kepada negara untuk membangunkan rakyat yang “mahir dan fasih” dalam lebih daripada satu bahasa. Kemahiran dan kefasihan ditakrif oleh *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)* sebagai kefasihan berbahasa yang perlu untuk pelibatan sepenuhnya dalam kehidupan dunia profesional dan akademik (Ekshibit 4-5).

Dalam dunia yang semakin terhubung dan kompetitif, maka penting bagi Malaysia menggunakan sepenuhnya kelebihan yang ada bagi mengukuhkan kedudukan negara dalam ekonomi global. Sistem pendidikan negara Asia yang berjiran seperti China, Korea Selatan dan Singapura semakin memberi tumpuan kepada pembentukan murid yang mahir dan fasih berbahasa kebangsaan dan berbahasa Inggeris bagi memaksimumkan peluang kebolehpasaran di peringkat global. Malaysia perlu turut membina nilai kebolehpasaran pekerjaannya.

Profisiensi berbahasa Malaysia kekal menjadi asas dasar bahasa kebangsaan dan tumpuan akan diberikan kepada usaha memastikan murid daripada setiap kumpulan etnik bertutur dengan berkesan dalam bahasa kebangsaan. Selain itu, pendedahan kepada bahasa Inggeris akan ditambah dan kualiti pengajaran bahasa ini akan dipertingkatkan. Selaras dengan pengiktirafan terhadap nilai sosial dan ekonomi kepelbagaian budaya di negara ini, langkah akan diambil bagi mengukuhkan akses dan peluang mempelajari bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Arab dan bahasa lain yang terkemuka di dunia. Sistem persekolahan telah pun mencerminkan dasar bahasa ini, iaitu semua murid mempelajari bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, serta ramai murid mempelajari bahasa tambahan.

Aspirasi sistem pendidikan adalah untuk melahirkan murid yang sekurang-kurangnya fasih bertutur dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Setiap murid digalakkan mempelajari satu bahasa tambahan sehingga mampu berinteraksi dengan bebas (*independent proficiency*). Menurut CEFR, “*independent proficiency*” bermaksud kebolehan seseorang berinteraksi dalam wacana sosial.

Kementerian menetapkan sasaran berikut dicapai menjelang 2025:

- 90% murid mencapai minimum gred kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia pada peringkat SPM;

- 70% murid mencapai minimum gred kepujian yang setara dengan Cambridge 1119 dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat SPM; dan
- 30% murid mencapai tahap “*independent proficiency*” bagi bahasa tambahan.

Mentaksir penguasaan kemahiran bahasa di Malaysia


Terdapat kecekapan operasi berbahasa Malaysia yang meluas dalam kalangan murid sekolah di negara ini dengan 75% murid mencapai sekurang-kurangnya gred kepujian dalam SPM 2010. Bahasa Malaysia secara konsisten mencapai kadar lulus yang lebih tinggi berbanding mata pelajaran teras lain dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM.

Di Sekolah Kebangsaan (SK) dan sekolah swasta yang berdaftar di bawah Kementerian, bahasa Malaysia merupakan bahasa pengantar dan lebih 80% masa untuk penyampaian kurikulum dijalankan dalam bahasa tersebut. Langkah ini bagi memastikan murid mendapat pendedahan sepenuhnya kepada bahasa kebangsaan serta melengkapkan murid dengan kebolehan membentuk dan menyampaikan pemikiran yang kompleks dalam bahasa Malaysia.

Bagi mencapai aspirasi 90% murid mendapat sekurang-kurangnya gred kepujian dalam Bahasa Malaysia di peringkat SPM, jurang prestasi antara kumpulan etnik perlu ditangani. Prestasi murid Bumiputera lebih tinggi dengan 84% mencapai sekurang-kurangnya gred kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia di peringkat SPM. Walau bagaimanapun, hanya 63% murid Cina dan 57% murid India mencapai tahap yang sama (Ekshibit 4-6). Jurang ini mungkin berpunca daripada kurangnya pendedahan kepada bahasa Malaysia di SJK. Sebanyak 96% murid Cina dan 56% murid India bersekolah di SJK yang kebanyakan mata pelajaran diajar dalam bahasa Cina atau bahasa Tamil. Murid SJK mendapat kurang masa pengajaran dalam bahasa Malaysia berbanding murid di SK kerana masa pengajaran mata pelajaran bahasa dibahagikan antara Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina atau Bahasa Tamil. Bagi mengimbangi perbezaan ini, standard kurikulum dan pentaksiran Bahasa Malaysia digubal sesuai dengan tahap murid di SJK.

EKSHIBIT 4-6

Prestasi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (2010 dan aspirasi bagi 2025)



EKSHIBIT 4-5

Common European Framework of Reference (CEFR)

	CEFR Description
BASIC USER Able to carry out "real life" tasks of a touristic nature	A1 Able to use familiar everyday expressions and very basic phrases aimed at the satisfaction of needs of a concrete type. Able to introduce himself/herself and others, and can ask and answer questions about personal details such as where he/she lives, people he/she knows, and things he/she has. Able to interact in a simple way provided the other person talks slowly and clearly and is prepared to help
	A2 Able to understand sentences and frequently used expressions related to areas of most immediate relevance (e.g., very basic personal and family information, shopping, local geography, employment). Able to communicate in simple and routine tasks requiring a simple and direct exchange of information on familiar and routine matters. Able to describe in simple terms aspects of his/her background, immediate environment and matters in areas of immediate need
INDEPENDENT USER Able to effectively express views and hold one's own in social discourse	B1 Able to understand the main points of clear standard input on familiar matters regularly encountered in work, school, leisure, etc. Able to deal with most situations likely to arise whilst travelling in an area where the language is spoken. Able to produce simple connected text on topics which are familiar or of personal interest. Able to describe experiences and events, dreams, hopes and ambitions and briefly give reasons and explanations for opinions and plans
	B2 Able to understand the main ideas of complex text on both concrete and abstract topics, including technical discussions in his/her field of specialisation. Able to interact with a degree of fluency and spontaneity that makes regular interaction with native speakers quite possible without strain for either party. Able to produce clear, detailed text on a wide range of subjects and explain a viewpoint on a topical issue giving the advantages and disadvantages of various options
PROFICIENT USER Able to fully participate in professional and academic life	C1 Able to understand a wide range of demanding, longer texts, and recognise implicit meaning. Able to express himself/herself fluently and spontaneously without much obvious searching for expressions. Able to use language flexibly and effectively for social, academic, and professional purposes. Able to produce clear, well-structured, detailed text on complex subjects, showing controlled use of organisational patterns, connectors, and cohesive devices
	C2 Able to understand with ease virtually everything heard or read. Able to summarise information from different spoken and written sources, reconstructing arguments and accounts in a coherent presentation. Able to express himself/herself spontaneously, very fluently and precisely, differentiating finer shades of meaning even in the most complex situations

SUMBER: *Common European Framework of Reference*

Prestasi murid Malaysia dalam Bahasa Inggeris lebih lemah berbanding Bahasa Malaysia. Hanya 28% murid mencapai sekurang-kurangnya gred kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris SPM yang ditanda aras kepada Cambridge 1119. Prestasi murid dalam Bahasa Inggeris juga berbeza mengikut kumpulan etnik, dengan ketiga-tiga kumpulan etnik terbesar tidak mencapai sasaran 70% tahap kecekapan berbahasa. Hanya 23% murid Bumiputera, 42% murid Cina, dan 35% murid India mencapai sekurang-kurangnya gred kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris yang ditanda aras kepada Cambridge 1119 (Ekshibit 4-6). Keputusan mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah yang paling rendah dalam kalangan mata pelajaran teras bagi peperiksaan UPSR, PMR dan SPM.

Pencapaian murid yang lebih rendah dalam Bahasa Inggeris mungkin berpunca daripada penguasaan bahasa yang rendah dalam kalangan guru yang mengajar Bahasa Inggeris di sekolah. Daripada lebih 7,500 sampel guru Bahasa Inggeris yang mengambil CPT, terdapat bilangan

yang signifikan gagal mencapai kecekapan minimum yang diperlukan untuk mengajar mata pelajaran tersebut. Terdapat juga ketakpadanan antara mata pelajaran yang menjadi opsyen guru dengan mata pelajaran yang diajar. Disebabkan keadaan yang tidak dapat dielakkan hampir 30% guru kini mengajar Bahasa Inggeris tidak dilatih untuk mengajar bahasa tersebut, manakala hampir 3,600 guru terlatih untuk mengajar Bahasa Inggeris mengajar mata pelajaran lain. Selain itu, kajian antarabangsa juga menunjukkan bahawa 15-20% masa pengajaran untuk Bahasa Inggeris di negara ini tidak mencukupi bagi murid membangunkan kecekapan berbahasa Inggeris.

Penyediaan asas untuk mengajar bahasa lain selain Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris adalah baik. Hampir 20% murid sekolah rendah di SJK menggunakan bahasa pengantar bahasa Cina atau bahasa Tamil, dan 2% lagi belajar di sekolah agama dan pengajaran menggunakan bahasa Arab.

Dasar Bahasa Ibunda (*Pupil's Own Language* atau POL) menetapkan bahawa semua sekolah kerajaan perlu menawarkan bahasa ibunda sebagai satu mata pelajaran yang diajar apabila terdapat permintaan daripada sekurang-kurangnya 15 murid. Di bawah KSSR, setiap murid juga boleh membuat pilihan untuk belajar bahasa tambahan bergantung pada ketersediaan guru yang mengajar mata pelajaran tersebut. Pada masa ini, 15% murid lulus kertas pilihan Bahasa Cina, Bahasa Tamil atau Bahasa Arab dalam peperiksaan SPM, dan terdapat ramai juga murid yang memilih untuk mempelajari bahasa lain seperti bahasa Jepun, bahasa Perancis, bahasa Jerman dan bahasa Sepanyol.

Pelan Tindakan: Mewujudkan penguasaan kemahiran berbahasa secara meluas

Kementerian menetapkan keutamaan bahawa setiap murid yang melalui sistem pendidikan di Malaysia perlu mahir dan fasih berbahasa Malaysia dan mahir berbahasa Inggeris pada tahap “*independent proficiency*” seperti yang ditakrifkan oleh CEFR. Murid dari SJK akan dapat menguasai satu bahasa tambahan. Walau bagaimanapun, standard bahasa Malaysia di SJK perlu ditingkatkan, murid yang ketinggalan dalam bahasa Malaysia diberi sokongan, dan keupayaan pengajaran Bahasa Inggeris ditambah baik dalam masa tiga tahun akan datang.

Setelah penambahbaikan ini dilaksanakan, Kementerian akan memberikan perhatian kepada pembentukan satu sistem yang akan menghasilkan kemahiran berbahasa Malaysia dan berbahasa Inggeris secara meluas, serta menggalakkan setiap murid mempelajari satu bahasa tambahan. Usaha memartabatkan bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu akan digiatkan lagi dengan menambah baik inisiatif sedia ada. Walau bagaimanapun, usaha ini memerlukan perubahan struktur yang melangkaui usaha meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris kepada keperluan menyediakan persekitaran pembelajaran Bahasa Inggeris yang lebih mesra. Pelan tindakan akan dilaksanakan dalam tiga gelombang mulai tahun 2013 hingga 2025.

Gelombang 1 (2013 – 2015): Memperkukuh sistem sedia ada

Gelombang 1 akan memberikan tumpuan kepada penambahbaikan sistem sedia ada. Dalam masa tiga tahun akan datang, Kementerian akan menumpukan usaha menyeragamkan standard kurikulum Bahasa Malaysia di semua sekolah, meningkatkan sistem penyampaian dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris, dan menambah ketersediaan pilihan bahasa tambahan untuk murid yang bukan dari SJK. Murid yang menghadapi masalah dalam literasi akan diberi bantuan dan sokongan tambahan melalui program LINUS 2.0 serta sokongan pemulihan tambahan Bahasa Malaysia selepas waktu persekolahan formal untuk murid Tahun 4 hingga 6 supaya mereka tidak ketinggalan jika dibandingkan dengan rakan sebaya dalam arus perdana.


Meningkatkan standard Bahasa Malaysia

Bagi mengatasi masalah tahap penguasaan bahasa Malaysia yang rendah di SJK, Kementerian telah melaksanakan KSSR Bahasa Malaysia pada 2011 untuk Tahun 1, dan pelaksanaan seluruhnya untuk semua tahun pengajaran pada 2016. KSSR untuk Bahasa Malaysia dirangka khusus untuk mengajar murid yang bahasa ibundanya bukan bahasa Malaysia dan tidak mendapat pendedahan bahasa Malaysia yang lebih meluas

seperti di SK. Kurikulum ini mengenal pasti hanya beberapa keperluan pembelajaran pada tahun awal pendidikan rendah; kemudiannya akan bertumpu kepada standard pembelajaran yang sama seperti di SK menjelang Tahun 6 (Ekshibit 4-7), dengan pentaksiran mengikut keperluan.

EKSHIBIT 4-7

Perbezaan antara kurikulum Bahasa Malaysia di sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah jenis kebangsaan (SJK) di bawah KSSR



1 Standard Pembelajaran adalah standard diskrete yang diajarkan dan dijangka dikuasai oleh murid apabila mereka maju dari tahun ke tahun. Contoh: Kemahiran untuk mengira dari satu ke sepuluh dalam Bahasa Malaysia. Standard Pembelajaran adalah kumulatif, contoh, murid Tahun 2 dijangka telah menguasai standard pembelajaran Tahun 1

SUMBER: Bahagian Pembangunan Kurikulum

Guru Bahasa Malaysia di SJK akan dilatih untuk menyampaikan kurikulum semakan semula dan mengajar bahasa secara berkesan kepada murid yang bahasa ibundanya bukan bahasa Malaysia, sebagai contoh, dengan menggabungkan teknik pengajaran yang digunakan dalam program Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL) dan program Pengajaran Bahasa Inggeris kepada Penutur Bahasa Lain (TESOL). Kementerian juga akan mengambil langkah yang sama untuk menambah baik kurikulum dan pengajaran kelas Peralihan. Tujuannya adalah untuk memastikan semua murid menguasai kecekapan asas berbahasa Malaysia apabila mereka memasuki sekolah menengah. Bahasa Cina dan bahasa Tamil akan kekal sebagai bahasa pengantar untuk semua mata pelajaran lain di SJK.

Selain LINUS 2.0 pada Tahun 1 hingga 3, Kementerian akan memperkenalkan kelas pemulihan Bahasa Malaysia secara pilihan kepada murid Tahun 4 hingga Tahun 6. Ibu bapa amat digalakkan untuk menghantar anak-anak mereka yang sukar menguasai bahasa Malaysia ke kelas pemulihan ini. Sekolah, dengan kerjasama ibu bapa, akan diberi keluwesan untuk menawarkan kelas pemulihan di luar waktu persekolahan (contoh: selepas sekolah, hujung minggu, semasa cuti sekolah) sehingga lima jam seminggu. Guru Bahasa Malaysia terbaik di setiap sekolah akan mengajar kelas pemulihan dan kelas Peralihan. Kementerian secara beransur-ansur akan memperluas kelas pemulihan ke semua sekolah yang mempunyai kumpulan murid yang ketinggalan dalam mata pelajaran ini.

Kementerian juga akan menguji penguasaan kemahiran berbahasa semua guru Bahasa Malaysia di SJK pada akhir 2015, termasuk guru bukan opsyen. Guru akan dikelaskan kepada dua kategori, guru yang mahir dan fasih, dan guru yang memerlukan latihan untuk menguasai kemahiran berbahasa. Terdapat kemungkinan kumpulan ketiga yang amat lemah penguasaan bahasa Malaysia untuk mengajar dan akan

diberi penempatan semula. Guru bukan opsyen dalam dua kategori awal akan digalakkan untuk menambah opsyen menjadi guru Bahasa Malaysia yang berdedikasi di bawah Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO). Guru dibenarkan melalui program PITO sekali sahaja dan akan terus ditempatkan di sekolah mengikut keperluan Kementerian. Sekiranya perlu, guru tambahan akan disediakan untuk SJK yang menghadapi kekurangan guru Bahasa Malaysia yang mahir dan fasih. Kementerian akan terus menyediakan guru Bahasa Malaysia yang mahir dan fasih dalam bahasa ibunda bagi kelas Tahun 1 dan 2 di SJK.

Di samping itu, Kementerian akan mula mereka bentuk serta menajar semula kurikulum dan pentaksiran bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia berdasarkan empat komponen penguasaan kemahiran berbahasa seperti yang digariskan dalam CEFR, iaitu membaca, menulis, bertutur, dan mendengar. Kementerian juga akan menyediakan pemetaan gred Bahasa Malaysia dalam SPM kepada gred CEFR bagi membolehkan Kementerian menilai usaha meningkatkan kecekapan berbahasa Malaysia dalam kalangan murid dengan lebih baik.

Memartabat bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu

Selaras dengan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), bahasa Malaysia akan kekal sebagai bahasa pengantar bagi semua mata pelajaran termasuk mata pelajaran Sains dan Matematik. Untuk SJKC dan SJKT, bahasa Cina dan bahasa Tamil kekal sebagai bahasa pengantar di sekolah masing-masing.

Usaha menjadikan bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu akan dipergiatkan termasuk menggalakkan ahli akademik menghasilkan lebih banyak karya dalam bahasa Malaysia, memperkasakan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) untuk menterjemah lebih banyak hasil kajian antarabangsa dan istilah penting ke dalam bahasa Malaysia. Di samping itu lebih banyak latihan serta kursus dalam bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka serta universiti tempatan disediakan. Dalam usaha memperkembang dan memperkasa bahasa kebangsaan, Kerajaan juga berhasrat menghantar guru Bahasa Malaysia ke luar negara bagi melatih rakyat Malaysia di sana menjadi tenaga pengajar.

Memperkukuh pengajaran Bahasa Inggeris

Kementerian telah menggunakan CPT untuk menguji tahap penguasaan kemahiran berbahasa semua 61,000 guru Bahasa Inggeris pada 2012. Guru dikelaskan ke dalam tiga kategori berdasarkan keputusan ujian mereka: mempunyai penguasaan kemahiran berbahasa; memerlukan latihan separuh masa yang mendalam selama setahun bagi mencapai tahap mahir; dan memerlukan latihan separuh masa yang mendalam selama dua tahun bagi mencapai tahap mahir. Kementerian akan memberi ganjaran di bawah skim Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) kepada guru yang menunjukkan prestasi yang cemerlang. Terdapat kemungkinan kumpulan keempat iaitu sekumpulan kecil guru Bahasa Inggeris yang terlalu lemah untuk mengajar mata pelajaran tersebut dan mereka ini akan ditempatkan semula. Kajian rintis melibatkan 7,500 guru di empat negeri menunjukkan bahawa terdapat jumlah guru yang signifikan tidak mencapai tahap minimum kecekapan berbahasa Inggeris dan sejumlah kecil mereka yang perlu ditempatkan semula.

Guru Bahasa Inggeris di kawasan bandar serta pinggir bandar yang tidak menguasai standard kemahiran berbahasa, perlu mengikuti latihan bahasa Inggeris selama empat jam seminggu sepanjang tempoh 44

minggu. Sesi latihan ini akan diadakan di luar waktu sekolah agar tidak akan mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran.

Guru Bahasa Inggeris di luar bandar yang tidak mencapai standard penguasaan kemahiran akan diberi kursus intensif bahasa Inggeris pada 2015. Kursus intensif ini merangkumi lapan minggu program pendedahan dan lapan minggu kursus pembelajaran sendiri. Program pendedahan ini merupakan latihan secara bersemuka selama 30 jam setiap minggu. Kursus pembelajaran sendiri merupakan program bermodul berasaskan komputer dengan 30 jam pembelajaran terarah sendiri setiap minggu. Pada setiap kali kursus, guru akan menjalani sejumlah 480 jam waktu pembelajaran.

Guru yang tidak mencapai standard minimum kemahiran berbahasa selepas menghadiri latihan akan diberi sehingga dua tahun untuk meningkatkan kemahiran yang diperlukan. Memandangkan guru yang kurang mahir rata-rata memerlukan latihan selama dua tahun bagi mencapai tahap kemahiran yang dihasratkan, dijangkakan kebanyakan mereka yang mengikuti program latihan akan lulus penilaian menjelang 2015. Mereka yang masih tidak mencapai tahap minimum kemahiran berbahasa Inggeris akan ditugaskan mengajar mata pelajaran lain atau diberi penempatan semula.

Penempatan semula guru yang tidak mencapai tahap kemahiran minimum menjelang 2015 mungkin akan menyebabkan kekurangan guru Bahasa Inggeris. Bagi mengisi kelompangan ini dengan segera, Kementerian akan mengambil guru Bahasa Inggeris daripada laluan alternatif. Sumber utama pengambilan ini adalah daripada guru Bahasa Inggeris sedia ada yang tidak mengajar mata pelajaran itu, dan guru baharu lepasan Institut Pendidikan Guru (IPG) dan universiti awam (IPTA).

Satu kelebihan kumpulan ini ialah mereka sudahpun menjalani latihan perguruan dan boleh ditempatkan untuk mengajar dengan kadar segera. Sekiranya kekosongan belum dapat dipenuhi oleh kumpulan ini, sumber lain seperti guru Bahasa Inggeris yang bersara akan diambil berkhidmat. Dari semasa ke semasa, usaha memadamkan penempatan guru mengikut opsyen dengan mata pelajaran yang sepatutnya diajar mereka, akan ditingkatkan. Sekiranya usaha ini berjaya, guru Bahasa Inggeris dianggarkan bertambah sebanyak 2,000 orang.

Peranan Pusat Latihan Bahasa Inggeris (ELTC) akan diperkukuh untuk memberi latihan secara berkesan kepada guru bahasa Inggeris serta membangunkan program dan bahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris secara berterusan. Kementerian juga akan melancarkan beberapa siri inisiatif MBMMBI bagi memperkukuh sistem penyampaian Bahasa Inggeris. Program OPS English memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur selepas menunjukkan kejayaan dalam program rintis. Bahan pengajaran dan pembelajaran OPS English telah dimurnikan berdasarkan maklum balas projek rintis. Selain itu, guru diberi latihan agar mereka dapat menggunakan bahan OPS English bagi memberi tumpuan semula kepada kemahiran mendengar dan bertutur dalam bahasa Inggeris.


Sokongan pemulihan bahasa Inggeris yang komprehensif telah diperkenalkan. Untuk Tahun 1 hingga 3, program LINUS sedia ada

yang meliputi numerasi dan literasi bahasa Malaysia, dikembangkan kepada literasi bahasa Inggeris. Selain itu, Kementerian menyasarkan usaha untuk meningkatkan pendekatan pengajaran Bahasa Inggeris dengan menggunakan sistem set bagi membantu murid sekolah menengah yang mempunyai tahap profisiensi bahasa Inggeris yang rendah. Mereka perlu menduduki ujian diagnostik pada tingkatan satu. Berdasarkan keputusan ujian, murid dibahagikan kepada set tertentu berdasarkan tahap bahasa Inggeris mereka. Set ini lebih kecil daripada bilangan murid dalam kelas biasa, dan setiap set dijangkakan terdiri daripada 20 hingga 30 murid. Sistem set ini membolehkan guru merangka pendekatan pedagogi yang sesuai dengan tahap profisiensi murid dan keperluan pembelajaran mereka.

Dengan mengambil kira pelan pelaksanaan 1BestariNet, Kementerian mula meneroka penggunaan model ICT bagi menyediakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris yang lebih berkesan untuk murid. Penyelesaian ICT mempunyai fungsi serampang dua mata, iaitu menawarkan pembelajaran yang lebih menjurus kepada keperluan individu dan boleh dirangka dengan pantas dan meluas. Seperti yang telah dibincangkan pada awal Bab ini, satu model yang dicadangkan ialah model pembelajaran pelbagai mod yang mengintegrasikan pembelajaran bersemuka dan pendekatan pengajaran berasaskan teknologi di dalam bilik darjah. Selain itu, Kementerian juga sedang meneroka pembelajaran dalam talian terarah sendiri dan tutorial interaktif dalam talian (Ekshibit 4-8).

EKSHIBIT 4-8

Model ICT yang dipertimbangkan untuk pengajaran Bahasa Inggeris

Model	Ciri-ciri Utama	Faedah
 Pembelajaran dalam talian terarah sendiri	<ul style="list-style-type: none"> Perisian pembelajaran adaptif membolehkan pembelajaran pada kadar sendiri Tiada pemudah cara Pelbagai saluran penyampaian – permainan, video, klip audio, eBuku 	<ul style="list-style-type: none"> Keluwesan masa Pelbagai program, khususnya bagi tahap murid peringkat rendah telah sedia ada, (namun begitu perlu diselaraskan dengan kurikulum Malaysia)
Tutorial interaktif dalam talian	<ul style="list-style-type: none"> Kumpulan kecil atau tutorial bersama guru Pelbagai saluran penyampaian – sidang video, pesanan ringkas, panggilan telefon Boleh disekalikan dengan platform pembelajaran dalam talian 	<ul style="list-style-type: none"> Akses kepada guru pakar tanpa batasan geografi Murid akan menerima bimbingan dalam bidang yang mereka lemah

Persediaan untuk perubahan struktur

Memperkukuh pengajaran Bahasa Inggeris dalam sistem yang sedia ada merupakan langkah perubahan struktur. Bagi melaksanakan transformasi tahap kemahiran berbahasa Inggeris dan mencapai sasaran 70%, struktur sistem sedia ada perlu dimurnikan bagi mewujudkan pengupayaan dalam penambahan masa pengajaran Bahasa Inggeris.

Menambah waktu pengajaran Bahasa Inggeris mempunyai implikasi operasi yang meluas dalam pengambilan dan latihan guru, pembangunan kurikulum, dan juga waktu persekolahan. Program ini hanya dapat dijalankan sekiranya tiga kriteria berikut dipenuhi:

- Standard bahasa Malaysia di SJK sama dengan standard di SK;

- Penyampaian kelas Bahasa Inggeris sedia ada diperkasakan; dan
- Pendedahan yang lebih kepada bahasa Inggeris untuk anak-anak seperti yang dikehendaki oleh ibu bapa.

Sekiranya ketiga-tiga kriteria ini dipenuhi, Kementerian akan menawarkan pilihan bagi menambah waktu pengajaran Bahasa Inggeris dalam Gelombang 2.

Gelombang 2 (2016-2020): Memperkenalkan perubahan struktur

Kejayaan pelaksanaan inisiatif dalam Gelombang 1 merupakan prasyarat penting bagi melaksanakan perubahan struktur yang lebih meluas dalam Gelombang 2. Hanya setelah sistem pendidikan kita mencapai tahap kemahiran bahasa Malaysia secara sejagat dan menyediakan pengajaran Bahasa Inggeris berkualiti tinggi sebagai bahasa kedua, maka sistem pendidikan kita akan berada pada kedudukan yang optimum untuk mewujudkan suasana yang kondusif bagi penguasaan kemahiran dwibahasa.

Dalam Gelombang 2, program LINUS yang ditambah baik dan kelas pemulihan Bahasa Malaysia yang baharu untuk Tahun 1 hingga 6, seharusnya dapat meningkatkan secara signifikan standard semua murid yang tamat pendidikan rendah. Penggabungan aspek ini dengan standard kurikulum dan pentaksiran Bahasa Malaysia yang sama antara SK dengan SJK, membolehkan Kementerian menawarkan pilihan kepada ibu bapa, yang anaknya berada di SJK, menghantar anak-anak mereka ke kelas pemulihan semasa sekolah rendah, atau ke kelas Peralihan mulai 2017.

Setelah memberikan tumpuan kepada usaha meningkatkan standard pengajaran Bahasa Inggeris dan mewujudkan tahap literasi sejagat Bahasa Inggeris dalam Gelombang 1, Kementerian akan terus berusaha meningkatkan tahap penguasaan kemahiran berbahasa dalam Gelombang 2. Kelas pemulihan di luar waktu sekolah akan diperkenalkan kepada murid Tahun 4 hingga 6 yang berisiko ketinggalan dalam bahasa Inggeris. Sekiranya kriteria untuk perubahan struktur ini dapat dipenuhi, Kementerian akan mempertimbangkan langkah untuk menambah masa pendedahan kepada bahasa Inggeris yang ada sekarang, iaitu 15-20%; sebagai contoh, mewajibkan modul Sastera dalam Bahasa Inggeris yang diperluas pada peringkat rendah dan menengah dalam waktu sekolah. Kementerian juga akan mempertimbangkan kemungkinan menggalakkan sekolah memberikan lebih pendedahan bahasa Inggeris kepada murid di luar waktu sekolah sekiranya dipohon oleh ibu bapa; sebagai contoh, kelas tata bahasa, penulisan kreatif atau kelas drama dalam bahasa Inggeris. Selaras dengan pelaksanaan berterusan inisiatif untuk meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris dalam kalangan murid, Bahasa Inggeris akan dijadikan mata pelajaran wajib lulus pada peringkat SPM menjelang 2016. Majlis Penarafan Standard dan Kualiti Bahasa Inggeris diwujudkan bertanggungjawab untuk memantau penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris dalam kalangan murid dan mengesan impak inisiatif-inisiatif tersebut.

Menjelang 2020, pilihan bahasa tambahan yang lebih popular seperti bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa Arab akan ditawarkan di lebih banyak sekolah. Usaha ini memerlukan latihan dan penempatan lebih banyak guru bahasa. Selain itu, pengajaran bahasa tambahan akan

diintegrasikan dalam waktu pengajaran di sekolah menengah sama seperti KSSR semakan semula. Tertakluk pada ketersediaan sumber, sekolah yang lebih besar boleh menawarkan lebih banyak pilihan bahasa sementara sekolah yang lebih kecil perlu meningkatkan penggunaan teknologi untuk menambah pilihan bahasa yang ditawarkan.

Gelombang 3 (2021 – 2025): Memperluas perubahan struktur

Kementerian akan menganalisis dengan teliti kejayaan pelaksanaan perubahan struktur yang diperkenalkan dalam Gelombang 2 dan mengadakan Dialog Nasional bagi mendapatkan maklum balas orang ramai. Sekiranya hasil perubahan ini serta maklum balas yang diterima adalah positif, maka model yang berjaya meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, serta menambah akses kepada satu bahasa tambahan akan dilaksanakan di seluruh negara.

Dalam usaha mencapai sasaran 90% dan 70% kemahiran dan kefasihan berbahasa Malaysia dan berbahasa Inggeris, perhatian akan diberikan bagi memastikan murid menerima pengajaran berkualiti tinggi dalam kedua-dua bahasa; bekalan guru terlatih mencukupi; serta murid yang mengalami kesukaran berbahasa diberi sokongan sewajarnya. Sokongan yang bersesuaian akan disediakan untuk pengajaran bahasa tambahan.

KUMPULAN BERKEPERLUAN KHUSUS

Kementerian akan terus memastikan murid berkeperluan khusus, seperti murid pendidikan khas, murid peribumi dan kumpulan minoriti yang lain seperti Orang Asli dan Penan, murid pintar cerdas dan murid di sekolah kurang murid, mempunyai peluang untuk mendapatkan pendidikan berkualiti tinggi yang relevan dengan keperluan mereka.

Terdapat beberapa kumpulan murid yang berbeza keadaan dan keperluan mereka dengan murid arus perdana. Sekiranya tidak diurus dengan sempurna dan keperluan mereka tidak dipenuhi secara khusus, besar kemungkinan mereka akan tercicir daripada sistem pendidikan negara dan tidak dapat mengembangkan potensi diri sepenuhnya. Kumpulan ini merangkumi murid di sekolah kurang murid, murid peribumi dan kumpulan minoriti lain termasuk Orang Asli dan Penan, murid pintar cerdas dan murid pendidikan khas. Program, sekolah dan inisiatif yang memenuhi keperluan tambahan murid ini akan membolehkan mereka mendapat manfaat yang sama dengan murid lain dalam sistem pendidikan Malaysia.

Pendidikan Khas

Di Malaysia, kategori murid berkeperluan khas merangkumi murid kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, kurang upaya pertuturan, kurang upaya fizikal, kurang upaya pelbagai dan masalah pembelajaran seperti Autisme, Sindrom Down, Hiperaktif (ADHD), dan Disleksia. Lanskap pendidikan khas melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk ibu bapa, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia, dan media massa. Kesemua pihak berkepentingan ini memainkan peranan

penting sebagai penyokong, pengupaya, pendukung, dan rakan pelaksana dalam pendidikan murid berkeperluan khas.

Selaras dengan dasar sedia ada, murid berkeperluan khas boleh memilih satu daripada tiga opsyen persekolahan yang berikut:

- **Sekolah pendidikan khas:** Sekolah yang menempatkan murid kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, dan masalah pembelajaran. Kini terdapat 28 sekolah rendah dan 5 sekolah menengah pendidikan khas dalam sistem;
- **Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI):** Sekolah arus perdana yang mempunyai kelas khas untuk murid berkeperluan khas. Kini terdapat 1,315 sekolah rendah dan 738 sekolah menengah melaksanakan PPKI; dan
- **Program Pendidikan Inklusif:** Program pendidikan untuk murid berkeperluan khas yang boleh belajar bersama-sama murid arus perdana dengan menempatkan satu hingga lima murid berkeperluan khas dalam satu kelas.

Sistem Pendidikan Khas di Malaysia boleh dibahagikan kepada lima dimensi:

- **Pengesanan awal, intervensi, dan sokongan penjagaan kesihatan:** Sistem, proses dan kemudahan sedia ada untuk pengesanan awal murid berkeperluan khas, menjalankan intervensi, serta menyediakan sokongan penjagaan kesihatan yang berterusan untuk murid berkeperluan khas;
- **Keluwesannya, kerelevanan, dan kualiti kurikulum:** Keluwesan dalam kurikulum membolehkan keperluan khusus murid berkeperluan khas disesuaikan, dan sejauh mana kurikulum melengkapkan mereka dengan kemahiran hidup sebagai persediaan untuk kehidupan alam dewasa dan pekerjaan;
- **Guru dan tenaga pakar:** Ketersediaan bilangan guru terlatih, tenaga pakar dan kakitangan sokongan yang mencukupi untuk membantu dan mendidik murid berkeperluan khas;
- **Infrastruktur dan kewangan:** Ketersediaan struktur sokongan yang mantap dari segi bantuan teknikal, sokongan infrastruktur fizikal, dan pembiayaan yang mencukupi; dan
- **Kesedaran dan pelibatan awam:** Kesedaran awam mengenai isu-isu berkaitan keperluan murid berkeperluan khas dan pelibatan masyarakat dalam pendidikan mereka.

Mengesan murid berkeperluan khas lebih awal dan menyediakan sokongan penjagaan kesihatan

UNESCO menganggarkan secara purata 10% daripada populasi negara membangun mempunyai individu yang diklasifikasi sebagai kurang upaya. Di Malaysia, dianggarkan hanya 1% daripada populasi dikenal pasti berkeperluan khas berbanding 10% anggaran purata global. Peratusan ini adalah di bawah jumlah murid yang sepatutnya berkeperluan khas.

Pada masa kini, tempoh waktu menunggu untuk penilaian dan intervensi murid berkeperluan khas di Malaysia melebihi enam

bulan. Sebahagian besar punca keadaan ini disebabkan oleh tenaga pakar yang terhad (contoh: kekurangan psikologis klinikal, terapis pertuturan, dan audiologis), kurang penggunaan alat saringan (contoh: Buku Laporan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia), dan kekurangan instrumen pengesanan yang standard. Kementerian berhasrat menjalin kerjasama erat dengan Kementerian Kesihatan untuk mempercepatkan proses pengesanan dan diagnosis, dan merancang untuk menambah baik program pendidikan inklusif di peringkat Pendidikan Awal dan Asuhan Kanak-Kanak (ECCE).

Menyediakan kurikulum yang luwes, relevan, dan berkualiti tinggi

Hanya 6% murid berkeperluan khas di Malaysia menyertai program pendidikan inklusif. Pada masa ini, sekolah tidak mempunyai keupayaan untuk menilai atau menyediakan garis asas program inklusif pendidikan khas. Oleh yang demikian, sekolah tidak mengetahui keadaan sebenar atau cara untuk menambah baik program. Walaupun Kementerian telah membangunkan kurikulum khusus untuk murid berkeperluan khas daripada kumpulan murid berkeperluan khas tertentu (contoh: Kemahiran Asas Individu Masalah Penglihatan untuk murid buta, Bahasa Isyarat Komunikasi untuk murid pekak), namun sokongan bagi murid dengan masalah pembelajaran seperti autisme masih kurang.

Murid berkeperluan khas tidak tersedia untuk diambil bekerja disebabkan laluan kerjaya yang kurang jelas untuk mereka. Pada 2012, sebanyak 1,934 murid berkeperluan khas daripada sekolah pendidikan khas, vokasional, dan arus perdana menamatkan pendidikan pada Tingkatan 5. Namun begitu, pada masa ini, tiada program penempatan kerja yang standard disediakan untuk murid berkeperluan khas, dan bilangan yang akan diambil bekerja adalah tidak jelas. Kementerian berhasrat untuk melaksanakan kurikulum gunaan dan vokasional untuk murid berkeperluan khas melalui pengenalan program transisi yang mempersiapkan murid untuk alam pekerjaan. Kementerian juga bercadang untuk meningkatkan akses dan kualiti program vokasional pendidikan khas.

Menyediakan guru terlatih dan tenaga pakar

Malaysia menghadapi kekurangan yang meruncing dari segi guru berkelayakan dan tenaga pakar dalam pendidikan khas, sebagai contoh, terdapat hanya 50 psikologis klinikal, 157 jurupuluh terapi pertuturan bahasa dan 157 audiologis yang bekerja dengan kerajaan. Kementerian akan memperuntukkan sumber bagi menyokong latihan untuk pakar dan guru pendidikan khas serta perkongsian dan penataran pengetahuan terkini, pengalaman, dan amalan terbaik dalam kalangan mereka. Kementerian berhasrat untuk melatih semua guru mengenai asas pengendalian murid berkeperluan khas dan memastikan guru pendidikan khas dalam perkhidmatan dilengkapi pengetahuan yang paling relevan dalam bidang ini.

Menawarkan infrastruktur sokongan dan kewangan yang kukuh

Pada masa ini, sekolah aliran perdana mempunyai kekurangan kemudahan mesra orang kurang upaya seperti susur landai, susur tangan, tandas dan lif. Kementerian akan meneliti status sedia ada dan menaik taraf kemudahan mengikut keperluan bagi memastikan penyediaan persekitaran kondusif untuk murid berkeperluan khas. Kementerian juga akan memastikan penyediaan bantuan teknikal yang bersesuaian bagi menjayakan sistem pendidikan bersepadu seperti

mesin Braille untuk murid kurang upaya penglihatan dan alat bantu pendengaran bagi murid kurang upaya pendengaran.

Agihan peruntukan sumber kewangan bagi pembangunan pendidikan murid berkeperluan khas akan didasarkan kepada penelitian analisis kos faedah mengikut keperluan. Kementerian akan menyalurkan sumber kepada pelaksanaan program rintis pendidikan inklusif yang holistik di sekolah terpilih sebelum memperluas program yang berjaya ke lebih banyak sekolah.

Membina kesedaran dan pelibatan awam

Kesedaran awam mengenai murid berkeperluan khas dan penerimaan masyarakat terhadap mereka perlu dipertingkatkan. Guru dan murid di sekolah arus perdana diberikan lebih kesedaran, pemahaman, dan empati terhadap murid berkeperluan khas.

Matlamat Kementerian adalah untuk meningkatkan kesedaran umum terhadap hak golongan kurang upaya. Kementerian juga bercadang untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan penyedia perkhidmatan bagi mempertingkatkan sinergi dan penggunaan sumber yang lebih cekap. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan termasuk sistem rakan sebaya (*buddy system*) antara murid berkeperluan khas dengan murid arus perdana, dari peringkat prasekolah hingga menengah menjalankan aktiviti luar sekolah dengan melibatkan komuniti dan latihan personel komuniti.

Pelan Tindakan: Menganjak kepada pendidikan inklusif

Berdasarkan *Salamanca Statement and Framework for Action on Special Needs Education* (1994), kebanyakan sistem pendidikan berprestasi tinggi sudah pun mengamalkan pendekatan inklusif untuk murid berkeperluan khas. Deklarasi ini menyatakan bahawa murid berkeperluan khas perlu mendapat akses kepada pendidikan arus perdana. Sekolah arus perdana yang mengamalkan persekitaran pendidikan inklusif yang berkesan, mampu mewujudkan komuniti yang lebih terbuka terhadap pendidikan khas dan membina masyarakat yang inklusif.

Selari dengan ini, Artikel 28, Akta Orang Kurang Upaya 2008, memperaku bahawa murid berkeperluan khas perlu diberi sokongan untuk membantu mereka mencapai “pelibatan penuh dan kesamarataan dalam pendidikan”. Berdasarkan amalan terbaik antarabangsa dan dasar negara semasa, Kementerian beriltizam menggalakkan lebih ramai murid berkeperluan khas ke dalam program pendidikan inklusif, dan meningkatkan kualiti penyediaannya secara keseluruhan.

Kementerian akan melaksanakan beberapa siri inisiatif bagi mencapai objektif ini dengan Gelombang 1 memberi tumpuan kepada pengukuhan program sedia ada. Gelombang 2 akan memberi tumpuan kepada peningkatan inisiatif, dan menambah jumlah pakar sedia ada bagi menangani pertambahan murid berkeperluan khas dan kepelbagaian keperluan khas yang timbul. Gelombang 3 menilai inisiatif yang dijalankan dan menggabungkan inisiatif yang berjaya. Dalam melaksanakan inisiatif ini, Kementerian akan menjalin kerjasama dengan organisasi pakar seperti Pusat Serantau Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara bagi Pendidikan Khas (SEAMEO-SEN).

Gelombang 1 (2013 - 2015): Mengukuhkan asas sedia ada

Mengenal pasti, menjalankan intervensi murid berkeperluan khas lebih awal dan menyediakan sokongan penjagaan kesihatan

Kementerian akan menggubal dasar pilihan persekolahan murid berkeperluan khas yang akan dikaitkan dengan tahap kompetensi yang telah dikenal pasti dengan teliti. Murid berkeperluan khas berkefungsian tinggi yang dapat menyesuaikan diri dengan kurikulum dan pentaksiran arus perdana digalakkan memasuki program pendidikan inklusif. Murid berkeperluan khas berkefungsian sederhana akan menghadiri PPKI, manakala murid berkeperluan khas yang berkefungsian rendah digalakkan untuk belajar di sekolah pendidikan khas menggunakan kurikulum yang dibina khusus dengan memberi fokus kepada kemahiran asas, kemahiran hidup dan kemahiran sosial.

Menjelang 2013, Kementerian akan mengukuh dan memastikan kelulusan penubuhan bagi 15 Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) yang menyediakan sokongan kepada murid berkeperluan khas. Kementerian juga akan meningkatkan perkhidmatan kepakaran dari sumber luar.

Menyediakan kurikulum yang luwes, relevan, dan berkualiti tinggi

Kementerian akan terus berusaha untuk meningkatkan kualiti dan kerelevanan pendidikan dengan memasukkan pelbagai kemahiran vokasional seperti refleksologi dan grafik komputer ke dalam semua kurikulum pendidikan khas, menaik taraf infrastruktur dan peralatan dalam sekolah arus perdana dan sekolah pendidikan khas, dan serta menambah baik kemudahan Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas. Kementerian juga akan menyediakan modul asas latihan pendidikan khas di IPG dan IPTA, menyediakan modul latihan dalam perkhidmatan dengan tahap kepakaran terbeza (dari peringkat asas hingga peringkat pakar), serta menyesuaikan kurikulum dan pentaksiran yang khusus mengikut keupayaan murid. Kementerian akan melibatkan majikan bagi menyokong usaha ini dan membangunkan satu program transisi tempat kerja untuk membantu lulusan pendidikan khas memasuki alam pekerjaan. Hasil daripada usaha ini, Kementerian mengunjurkan peningkatan tahunan sebanyak 15% dalam enrolmen iaitu daripada kira-kira 50,000 murid pada 2011 kepada 88,000 menjelang 2015. Daripada jumlah 88,000 murid, 30% disasarkan untuk enrolmen dalam program pendidikan inklusif.

Di samping itu, Kementerian bercadang membentuk kerjasama dengan institusi latihan vokasional, bagi menyediakan ruang pendidikan alternatif. Kementerian juga bercadang untuk bekerjasama dengan sektor swasta dan NGO bagi membeli tempat di pusat latihan vokasional sedia ada dan menentukan garis panduan yang jelas untuk penyediaan khusus bagi membantu menginstitusikan kurikulum pendidikan khas yang berkualiti.

Menyediakan guru terlatih dan tenaga pakar

Kementerian berhasrat untuk menjadikan pendidikan khas sebagai mata pelajaran teras dalam sukatan pelajaran IPG dan IAB bagi memastikan sumber guru dilengkapi dengan kemahiran asas dan kesedaran tentang keperluan murid berkeperluan khas. Di samping

itu, latihan dalam perkhidmatan yang dikendalikan oleh BPG dan IPT akan ditawarkan kepada guru dan pemimpin sekolah yang berminat untuk membuat pengkhususan dalam pengajaran dan pembangunan kurikulum pendidikan khas. Seramai 1,600 guru tambahan dalam pendidikan khas akan dilatih dalam Gelombang 1. Kurikulum bagi guru pendidikan khas merangkumi topik seperti pendekatan pedagogi, psikologi dan teknik mengendalikan murid berkeperluan khas.

Kementerian bersedia menerima khidmat sukarelawan daripada komuniti untuk saling melengkapi peranan guru yang menguruskan perkembangan murid berkeperluan khas. Sukarelawan komuniti akan membantu guru dalam melaksanakan tugas harian akademik bersama murid, menghasilkan bahan untuk bilik darjah, dan juga memenuhi keperluan intervensi murid.

Menyediakan infrastruktur sokongan dan kewangan yang kukuh

Kementerian merancang untuk menggandakan usaha menaik taraf sekolah sedia ada mengikut keperluan asas pendidikan khas. Keperluan murid berkeperluan khas juga akan diambil kira dalam pembinaan sekolah dan penyediaan kemudahan baharu.

Membina kesedaran dan pelibatan awam

Kementerian akan melaksanakan program komunikasi bersepadu untuk meningkatkan kesedaran mengenai murid berkeperluan khas termasuk pembangunan laman portal bersepadu, dan melaksanakan kempen media kebangsaan merangkumi iklan melalui media elektronik, dan media cetak.

Gelombang 2 (2016 - 2020): Meningkatkan pelaksanaan inisiatif

Mengenal pasti, menjalankan intervensi murid berkeperluan khas, dan menyediakan sokongan penjagaan kesihatan

Dalam Gelombang 2, Kementerian akan meningkatkan penyediaan perkhidmatan intervensi awal, menambah program inklusif dalam persekitaran prasekolah arus perdana dan meningkatkan perkhidmatan sokongan kepada kanak-kanak berkeperluan khas. Kementerian juga akan menjalin kerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi mempercepatkan dan menginstitusikan proses diagnosis awal kanak-kanak berkeperluan khas.

Menyediakan guru terlatih dan tenaga pakar

Kementerian akan mengukuhkan program latihan dengan memberi fokus kepada penambahbaikan pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI). Kementerian juga akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi pengoperasian kumpulan pelbagai disiplin yang terdiri daripada doktor, terapis dan pakar untuk melatih guru. Kementerian juga akan memberi sokongan dan latihan kepada pihak pengurusan sekolah yang ingin melaksanakan pendidikan inklusif.

Menyediakan infrastruktur sokongan dan kewangan yang kukuh

Kementerian akan memanfaatkan kerjasama yang dibina dalam Gelombang 1 untuk memperkukuhkan lagi jalinan kerjasama dengan organisasi lain seperti NGO, organisasi antarabangsa, organisasi swasta, dan agensi kerajaan. Sebagai contoh, Kementerian akan meningkatkan kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia bagi

menyediakan peluang pekerjaan untuk murid berkeperluan khas yang telah lulus. Jalinan kerjasama tersebut boleh dibuat dalam bentuk pembiayaan, penganjuran program dan bengkel untuk murid secara kerjasama, dan mendapatkan perkhidmatan profesional seperti audiologis dan terapis cara kerja. Kementerian juga akan berusaha ke arah memberi ruang kepada ahli komuniti untuk membantu secara sukarela dalam program pendidikan khas. Dari segi infrastruktur, sasarannya adalah semua sekolah dinaik taraf dengan dilengkapi kemudahan mesra OKU pada 2020 dan meningkatkan penggunaan teknologi dalam pembelajaran murid berkeperluan khas.

Membina kesedaran dan pelibatan awam

Susunan program rintis rakan sebaya dalam Gelombang 1, Kementerian merancang untuk menubuhkan kelab rakan sebaya di setiap sekolah yang mempunyai program pendidikan inklusif, iaitu setiap murid berkeperluan khas digandingkan dengan seorang murid daripada sekolah yang sama. Kementerian juga akan terus memperluas usaha melaksanakan kempen komunikasi bersepadu untuk meningkatkan kesedaran mengenai murid berkeperluan khas. Kementerian juga akan melancarkan satu inisiatif iaitu menyediakan modul latihan pengurusan pendidikan untuk pusat komuniti dan mewujudkan jurulatih bagi memberi khidmat latihan kepada petugas pusat komuniti.

Gelombang 3 (2021 - 2025): Menilai dan menyatukan inisiatif

Dalam Gelombang 3, Kementerian akan menilai kejayaan semua inisiatif yang dilaksanakan dalam dua gelombang sebelum ini dan membangunkan pelan tindakan masa depan. Matlamatnya adalah untuk memberikan setiap murid berkeperluan khas akses kepada pendidikan berkualiti tinggi dan relevan yang disesuaikan dengan keperluan khusus mereka, melengkapi setiap guru dengan pengetahuan asas pendidikan khas, dan mendapatkan 75% murid berkeperluan khas mendaftar dalam program pendidikan inklusif menjelang 2025.

Sekolah Kurang Murid

Pada masa ini, 34% sekolah rendah di Malaysia mempunyai enrolmen kurang 150 murid dan secara rasminya telah dikelaskan sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM). Sekolah-sekolah ini menyumbang 7% daripada enrolmen sekolah rendah.

Secara purata, SKM menunjukkan pencapaian akademik yang agak lemah berbanding sekolah awam yang lain. Skor purata komposit bagi sekolah ini ialah 68%, iaitu 4 mata peratus di belakang sekolah awam lain. Kelemahan prestasi ini boleh dikaitkan dengan tiga cabaran struktur demografi. Pertama, 73% SKM berada di kawasan luar bandar dan pedalaman. Faktor ini menyebabkan murid terpaksa melalui perjalanan yang jauh untuk hadir di ke sekolah, dan mengurangkan kemungkinan mendapatkan guru dan guru besar berprestasi tinggi untuk berkhidmat di sekolah berkenaan. Kedua, disebabkan saiz yang kecil, sekolah ini kurang mendapat manfaat dari segi kokurikulum, kemudahan yang lebih baik, dan interaksi dengan rakan sebaya daripada pelbagai latar belakang. Ketiga, kebanyakan sekolah ini berada di kawasan berpendapatan rendah dan menghadapi masalah kerana mempunyai status sosioekonomi yang rendah. Keluarga berpendapatan rendah biasanya akan berdepan dengan lebih

banyak cabaran untuk mengekalkan kehadiran anak mereka di sekolah kerana terpaksa menanggung kos berkaitan bekalan, pakaian seragam, dan pengangkutan. Keadaan ini menyebabkan kadar ponteng sekolah yang lebih tinggi.

Perbelanjaan untuk menguruskan setiap murid di SKM adalah tujuh kali lebih tinggi berbanding dengan murid di sekolah harian biasa (Ekshibit 4-9). Kos yang tinggi ini ditambah pula dengan nisbah guru-murid yang rendah pada kadar 1:6 berbanding purata kebangsaan 1:13 menyebabkan kos operasi SKM lebih tinggi. Walaupun menghadapi banyak cabaran, terdapat SKM berprestasi tinggi yang mampu melahirkan murid yang menjadi contoh dan kebanggaan komuniti setempat. Contoh yang ketara ialah SK Ulu Lubai, sebuah SKM di Sarawak yang muncul sebagai satu daripada sekolah rendah terbaik di negara ini pada 2011. Sekolah seperti ini merupakan kajian kes yang memberangsangkan dan memberikan satu gambaran unik bagaimana SKM boleh berjaya dalam situasi berbeza yang dihadapi.



Kajian kes: SK Ulu Lubai

Walaupun berada di tengah-tengah komuniti pertanian di pedalaman, SK Ulu Lubai secara aktif mendekati dan mendapatkan pelibatan komuniti untuk meningkatkan kemenjadian murid. Hasil usaha dan kerjasama penduduk setempat, SK Ulu Lubai berjaya mencapai 100% kelulusan dalam UPSR sejak 2006.

SK Ulu Lubai telah menerima pelbagai pengiktirafan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pada 2011, sekolah ini terpilih sebagai sebuah daripada Sekolah Berprestasi Tinggi di bawah inisiatif NKRA - sekolah luar bandar pertama di negara ini yang menerima status tersebut. Pada 2009, SK Ulu Lubai menewaskan 49 pencalonan lain, untuk menerima Anugerah Komanwel atas keupayaan penyampaian pendidikan berkesan walaupun berdepan dengan keadaan yang sukar. SK Ulu Lubai juga merupakan penerima lima anugerah Kementerian, 14 anugerah negeri dan 26 anugerah peringkat daerah.


Pelan Tindakan: Bekerjasama dengan komuniti bagi mengutamakan keperluan murid

Kementerian beriltizam bekerjasama dengan ibu bapa dan pihak berkepentingan setempat bagi menentukan masa depan sekolah dan memastikan kualiti pendidikan anak mereka diberi keutamaan dengan melipatgandakan usaha bagi meningkatkan kualiti pendidikan semua SKM. Bagi mewujudkan dan menyesuaikan persekitaran pembelajaran kondusif untuk semua murid, Kementerian akan memudahkan penempatan semula sekolah mengikut keadaan sekolah itu berdasarkan hasil perbincangan dengan komuniti setempat. Kementerian menyasarkan peningkatan hasil pembelajaran dan

mengurangkan kos operasi semua SKM bagi memastikan prestasi sekolah ini setanding dengan sekolah awam yang lain.

EKSHIBIT 4-9

Perbelanjaan penyelenggaraan infrastruktur mengikut jenis sekolah



SUMBER: Pangkalan data EMIS; Bahagian Pembangunan

Gelombang 1 (2013-2015): Melaksanakan penambahbaikan segera

SKM dijangka mendapat manfaat khusus daripada beberapa langkah penambahbaikan yang akan dilaksanakan dalam sistem pendidikan di seluruh negara. Inisiatif ini termasuklah LINUS 2.0, sarana pelibatan sekolah, serta penambahbaikan infrastruktur. Kementerian akan melaksanakan Sarana Pelibatan Sekolah bagi memastikan SKM dapat memanfaatkan inisiatif ini secara maksimum dan menangani cabaran unik yang dihadapinya. Berdasarkan pengalaman sekolah seperti SK Ulu Lubai, sarana ini akan menyediakan kajian kes sebenar sekolah yang berjaya mengamalkan model kepimpinan, pentadbiran, penyampaian pengajaran, serta kerjasama ibu bapa. Bagi memudahkan aplikasi sarana ini, pemimpin sekolah dan guru akan mengambil bahagian dalam sesi bimbingan dan lawatan sambil belajar ke SKM berprestasi tinggi.

Latihan yang disesuaikan dengan keadaan sekolah akan diberikan kepada guru bagi meningkatkan kemahiran yang perlu dalam mengajar kelas bercantum. Kementerian juga akan mengkaji semula nisbah guru-murid serta inovasi ICT dalam pembelajaran jarak jauh bagi memastikan cara terbaik untuk murid mendapat akses kepada kurikulum yang serba lengkap.

Gelombang 2 (2016-2020): Memperkenalkan perubahan struktur

Dalam jangka masa lebih panjang, komuniti setempat akan diberikan dua pilihan berkaitan masa depan SKM: penempatan semula, atau kekal dengan keadaan sedia ada. Murid yang ditempatkan semula akan mendapat akses kepada persekitaran pembelajaran yang lebih baik, interaksi dengan rakan sebaya dari pelbagai latar belakang, dan menyertai pelbagai aktiviti sukan dan kokurikulum. Walau bagaimanapun, penempatan semula ini akan melibatkan kos pengangkutan yang lebih tinggi, kesukaran murid menyesuaikan diri, dan kehilangan identiti komuniti. Oleh itu, komuniti setempat bebas memilih untuk kekal dengan keadaan sedia ada dan melepaskan peluang

mendapat faedah daripada kemudahan yang diberikan kepada sekolah yang enrolmennya lebih besar.

PPD akan mengadakan perbincangan dengan pihak berkepentingan tempatan, ibu bapa dan pemimpin sekolah bagi memahami pelbagai perspektif, dan mencapai keberhasilan yang terbaik untuk komuniti. Sekiranya komuniti setempat memilih penempatan semula, PPD akan bekerjasama menetapkan garis masa dan kaedah terbaik untuk penempatan semula sesuai dengan keadaan mereka. Bergantung pada keadaan komuniti setempat, Kementerian akan mengambil pelbagai langkah seperti memberikan subsidi pengangkutan dan menyediakan kaunselor sekolah bagi membantu murid yang ditempatkan semula.

Bagi komuniti yang memilih untuk kekal seperti keadaan sekolah sedia ada, Kementerian akan terus membantu meningkatkan prestasi SKM ini secara berterusan sesuai dengan keperluan setempat. Selain meneruskan langkah penambahbaikan dalam Gelombang 1, Kementerian akan memperkenalkan perisian pendidikan, alat bantu mengajar, dan persekitaran maya yang dirangka khas bagi meningkatkan hasil pembelajaran di sekolah pedalaman.



Imej oleh ming1967, Flickr CC 2.0

Apakah yang akan berlaku apabila sekolah dipindahkan?

Kementerian beriltizam memastikan pendidikan yang lestari dan berkualiti diberikan kepada semua murid termasuk di kawasan luar bandar. Dalam jangka masa panjang, usaha ini memerlukan perubahan dalam pengurusan SKM yang sedia ada. Menyedari kesan yang signifikan kepada murid, keluarga, dan komuniti setempat. Kementerian akan mengadakan perbincangan secara komprehensif dengan pihak berkepentingan setempat sebelum mengambil sebarang tindakan. Sekiranya komuniti setempat memutuskan bahawa penempatan semula adalah pilihan terbaik, mereka boleh memilih untuk:

Bergabung: Memindahkan murid ke sekolah terdekat yang sama aliran;

Berpindah: Penempatan semula SKM di kawasan yang mempunyai ramai penduduk dan mengekalkan nama serta identiti sekolah yang asal; atau

Pengurangan operasi: Bagi komuniti yang mempunyai populasi murid yang semakin berkurangan, sekolah akan mengurangkan operasi dan menempatkan semula guru setelah kohort murid terakhir meninggalkan sekolah. Kementerian akan membantu murid baharu yang layak dalam urusan kemasukan di sekolah yang terdekat.



Imej oleh Yie, Flickr CC 2.0

Gelombang 3 (2021-2025): Melengkapkan perubahan struktur

Kementerian akan meneruskan dialog bersama komuniti yang mempunyai SKM. Kementerian juga akan menilai secara berterusan hasil pendidikan sekolah dan keberhasilan murid yang terlibat dengan penempatan semula semasa Gelombang 2 bagi memastikan isu yang berbangkit ditangani segera sesuai dengan keadaan. Bagi SKM yang masih ada, Kementerian akan menilai kesan pelbagai langkah penambahbaikan yang dijalankan dalam Gelombang 1 dan 2, mengenal pasti aspek yang perlu ditambah baik dan mengaplikasikan amalan yang telah berjaya dilaksanakan.


Kumpulan peribumi dan minoriti lain

Kumpulan peribumi dan minoriti lain termasuk kumpulan seperti Orang Asli, Penan, peribumi Sabah, dan peribumi Sarawak, merangkumi 4% daripada semua murid sekolah rendah dan menengah di Malaysia. Sebanyak 68% daripada murid ini tinggal di kawasan luar bandar dan 80% di Sabah dan Sarawak. Statistik mengenai keberhasilan murid kumpulan peribumi dan minoriti lain, selain murid Orang Asli, di SK agak terhad. Oleh itu, bahagian ini memberi tumpuan kepada prestasi sekolah rendah yang majoriti muridnya Orang Asli atau SK Asli. (Bagi memudahkan pemahaman, bahagian ini menggunakan istilah Sekolah Kebangsaan Orang Asli, atau SK Asli). Temu bual bersama guru menunjukkan bahawa murid kumpulan peribumi dan minoriti lain juga mengalami cabaran yang sama seperti rakan Orang Asli mereka. Oleh itu, walaupun laporan ini mengiktiraf terdapat perbezaan antara kedua-dua kumpulan ini, pengalaman mengurus murid Orang Asli akan digunakan bagi membuat jangkaan terhadap prestasi murid kumpulan peribumi dan minoriti lain sehingga data yang lebih tepat diperolehi.

Kadar keciciran yang tinggi dalam kalangan murid Orang Asli menyebabkan pencapaian pendidikan dalam kalangan mereka agak rendah berbanding purata kebangsaan. Hanya 30% murid Orang Asli tamat sekolah menengah, iaitu kurang separuh daripada purata kebangsaan iaitu 72%. Berbanding purata kebangsaan, iaitu 87%, hanya 61% murid SK Asli lulus mata pelajaran teras dalam peperiksaan UPSR. Sebanyak 35% SK Asli berada dalam band sekolah berprestasi rendah (Band 6 dan 7) berbanding hanya 1% sekolah awam (Ekshibit 4-10).

EKSHIBIT 4-10

Keberhasilan murid Orang Asli



SUMBER: "Dropout Prevention Initiatives for Malaysian Indigenous Orang Asli Children", Md Nor et al 2011; Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Beberapa faktor ekonomi, geografi, dan budaya mengekang akses murid Orang Asli untuk mencapai pendidikan berkualiti. Pertama, kadar kemiskinan yang tinggi dan kecenderungan tinggal di kawasan pedalaman menyebabkan ramai murid Orang Asli tidak mendapat pendidikan prasekolah, dan memulakan Tahun 1 dengan asas literasi dan numerasi yang rendah. Selain itu, bahasa Malaysia bukanlah bahasa ibunda kebanyakan mereka, yang turut menjadi penghalang kepada pembelajaran. Kedua, pemimpin sekolah dan guru melaporkan program latihan sedia ada tidak menyediakan mereka secukupnya untuk berdepan dengan keadaan komuniti yang kompleks. Pemimpin sekolah dan guru menghadapi kesukaran membantu murid Orang Asli dalam pelbagai aspek: daripada membantu mereka berinteraksi dengan rakan sebaya yang bukan Orang Asli hinggalah kepada meyakinkan mereka dan keluarga tentang pentingnya menerima pendidikan asas dan lanjutan.

Kementerian telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi menangani isu yang dibangkitkan di atas. Antara inisiatif penting ialah:



Imej oleh Yie, Flickr CC 2.0

- **Pembentukan dan pembangunan kurikulum kontekstual, iaitu Kurikulum Asli dan Penan (KAP) yang disesuaikan untuk murid Orang Asli dan Penan.** Pada 2007, kajian rintis KAP telah dilaksanakan di 14 SK Asli dan enam sekolah Penan. Kurikulum ini mengandungi dua elemen, iaitu sukatan pelajaran minimum yang mencukupi dan kurikulum yang digubal mengikut konteks komuniti Orang Asli dan Penan. Dapatan awal menunjukkan tanda positif. Sebagai contoh, murid yang menggunakan KAP dilaporkan lebih berkeyakinan, mencapai tahap literasi dan numerasi yang lebih tinggi, dan mempunyai penghargaan diri yang lebih baik;
- **Pembentukan Program Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) yang menyediakan kemudahan asrama dari Tahun 1 hingga Tingkatan 3.** Objektif utama adalah untuk mengurangkan kadar keciciran murid Tahun 6 ke Tingkatan 1. Program ini dirintis pada 2007, dan setakat ini, kadar kehadiran murid bertambah setiap tahun daripada 85.7% pada 2007 kepada 97.6% pada 2010;
- **Penerapan bahasa peribumi dan bahasa minoriti lain dalam kurikulum.** Di bawah KSSR yang diperkenalkan pada 2011, Kementerian telah memperluas pilihan bahasa elektif seperti bahasa Iban, bahasa Kadazan Dusun dan bahasa Semai; dan
- **Penyediaan Kelas Dewasa Orang Asli dan Peribumi (KEDAP).** Kelas ini dijalankan bagi mendidik golongan dewasa Orang Asli mencapai kadar literasi dan numerasi yang sesuai untuk mereka membantu pembelajaran anak-anak.

Pelan Tindakan: Meningkatkan akses dan keberhasilan

Dasar Kementerian bertujuan memberi peluang pendidikan yang relevan dengan keperluan murid Orang Asli dan Penan. Oleh itu, pada Julai 2012, Kementerian telah melancarkan Pelan 5 Tahun Transformasi Pendidikan Orang Asli yang khusus, bermula pada 2013 hingga 2018, iaitu dalam Gelombang 1 dan 2 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Pelan yang hampir serupa untuk kaum minoriti di Sabah dan Sarawak telah dilancarkan pada April 2013.

Gelombang 1 (2013-2015): Meningkatkan akses dan meletakkan asas untuk pembaharuan seterusnya

Fokus Gelombang 1 bertujuan meningkatkan enrolmen dan kadar kehadiran murid Orang Asli dari sekolah rendah hingga sekolah menengah. Inisiatif utama yang pertama adalah untuk menambah bilangan sekolah K9 daripada dua buah kepada enam buah; diikuti dengan usaha menaik taraf infrastruktur sekolah dan asrama sedia ada serta pembinaan sekolah berasrama yang baharu.

Kedua, Kementerian akan memberi tumpuan kepada pemantapan kurikulum. Usaha ini termasuklah mengemas kini KAP bagi memastikan kandungannya selari dengan kerangka dan prinsip KSSR, serta memperluas kurikulum Pendidikan Asas Vokasional (PAV) di sekolah menengah bagi menawarkan pelbagai pilihan. Kementerian juga akan melaksanakan program KEDAP untuk memberi manfaat kepada komuniti di kawasan pedalaman, terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Ketiga, Kementerian akan menambah baik pengambilan, program sokongan, dan latihan guru. Bagi mencapai hasrat ini, Kementerian akan menambah calon daripada kalangan Orang Asli dalam program latihan perguruan serta memperkukuh sumber untuk penyelidikan pendidikan peribumi di kelima-lima Pusat Kecemerlangan Pedagogi Peribumi Kebangsaan. Bagi memberikan lebih sokongan kepada guru dari segi aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah, Kementerian akan menambah bilangan pembantu guru daripada kalangan komuniti Orang Asli. Sarana Pelibatan Ibu Bapa yang dilancarkan di semua sekolah di Malaysia (untuk maklumat lanjut lihat Bab 7 – Struktur Sistem) juga akan mengandungi maklumat khusus untuk guru dan pemimpin sekolah tentang cara bekerja dalam komuniti peribumi dan minoriti.

Akhir sekali, bagi menetapkan garis dasar prestasi dan matlamat yang tepat untuk semua murid kumpulan peribumi dan minoriti lain, Kementerian akan memurnikan proses pengumpulan data murid. Maklumat ini akan digunakan untuk membangunkan strategi murid Kumpulan peribumi dan minoriti lain selain murid Orang Asli atau Penan.

Gelombang 2 (2016-2020): Meningkatkan standard

Gelombang kedua pembaharuan ini akan tertumpu kepada usaha meningkatkan hasil pembelajaran dan standard kurikulum untuk semua kumpulan peribumi dan minoriti lain menggunakan intervensi yang direka khas. Dengan menggunakan data yang diperoleh daripada proses pengurusan data yang ditambah baik, Kementerian akan memberikan sokongan kepada JPN dan PPD untuk merangka program intervensi khusus dan memberikan bantuan mengikut keperluan pelbagai komuniti kumpulan peribumi dan minoriti lain. Dalam Gelombang 2, ini, Kementerian akan mengurangkan bilangan SK Asli yang berada dalam Band 6 dan 7 sehingga sifar, dan memberikan tumpuan semula kepada usaha meningkatkan lagi standard semua SK Asli. Kementerian juga akan menjalankan kajian rintis dan melancarkan program pendidikan ICT bagi mewujudkan kandungan kurikulum yang interaktif dan relevan dari segi budaya murid peribumi, serta meningkatkan akses kepada bahan pembelajaran berkualiti tinggi untuk murid pedalaman.

Kementerian juga akan mengkaji semula kurikulum KAP bagi memastikan sama ada kurikulum ini perlu diperluas pelaksanaannya dari peringkat rendah hingga ke peringkat menengah rendah, atau dimansuhkan setelah asas literasi dan numerasi dikuasai murid. Sekiranya kurikulum KAP dikekalkan, Kementerian akan mengkaji keperluan untuk pembentukan kertas peperiksaan UPSR khusus yang selaras dengan standard kurikulum KAP.

Gelombang 3 (2021-2025): Meneruskan amalan yang berjaya

Kementerian akan menilai kesan daripada inisiatif yang dijalankan dalam Gelombang 1 dan 2, serta mengenal pasti aspek yang perlu ditambah baik. Amalan yang paling berjaya akan diperluas dan dilaksanakan di seluruh negara.

Pendidikan untuk murid berprestasi tinggi dan pintar cerdas

Usaha membangunkan individu yang paling berbakat menjadi bertambah penting ke arah mencapai matlamat Malaysia menjadi negara maju. Negara di rantau Asia yang setanding dari segi ekonomi seperti Hong Kong, Singapura dan Korea Selatan menggunakan pendidikan murid pintar cerdas sebagai satu daripada pamacu pembangunan modal insan dan inovasi negara. Negara-negara ini menyediakan pendidikan untuk murid pintar cerdas melalui dua langkah. Pertama, kerajaan mengenal pasti murid pintar cerdas melalui ujian aptitud, serta skor prestasi pencapaian Matematik dan lisan. Seterusnya, murid ditempatkan dalam program pintar cerdas yang khusus di peringkat prasekolah, rendah dan menengah.

Pada masa ini terdapat program yang dijalankan oleh pihak Kerajaan dan swasta di Malaysia bagi memenuhi keperluan murid berprestasi tinggi dan pintar cerdas. Program pendidikan pintar cerdas yang dijalankan oleh pihak Kerajaan seperti PERMATApintar mengadakan Kem Cuti Sekolah, dan siri program pengayaan Sains, Teknologi dan Matematik untuk murid Tahun 3 hingga Tingkatan 3. Terdapat juga sekolah berasrama penuh yang diperuntukkan kepada murid berprestasi cemerlang dari Tingkatan 1 hingga 5. Walau bagaimanapun, dasar berpusat tentang program pintar cerdas ini agak terhad terutama bagi perancangan jangka panjang, pentadbiran, dan penilaian segmen murid pintar cerdas.

Pelan Tindakan: Membangunkan strategi kebangsaan untuk murid pintar cerdas

Gelombang 1 transformasi pendidikan ini akan memberikan tumpuan kepada usaha memahami dengan lebih keperluan murid pintar cerdas dan merangka program yang dapat memenuhi keperluan mereka. Gelombang 2 akan merintis program baharu ini manakala dalam Gelombang 3 program ini akan diperluas ke seluruh negara.

Gelombang 1 (2013-2015): Mengenal pasti aspek yang perlu ditambah baik

Dalam masa tiga tahun yang berikut, Kementerian akan menanda aras program dalam negara dengan program pendidikan pintar cerdas terbaik daripada sistem pendidikan negara lain bagi mengenal pasti aspek yang perlu ditambah baik dan menerima pakai amalan terbaik tersebut. Selain itu, Kementerian akan mengadakan perkongsian pintar bersama-sama sektor swasta dan institusi penyelidikan terkemuka bagi membentuk set program khusus untuk murid pintar cerdas dan murid berbakat.

Gelombang 2 (2016-2020): Merintis program pintar cerdas dan berbakat

Dengan menggunakan hasil kajian dan usahasama dalam Gelombang 1, Kementerian akan meneroka dan melaksanakan program untuk murid berprestasi tinggi (berdasarkan kajian dianggarkan hampir 15% daripada populasi murid) dan program untuk murid pintar cerdas (1% daripada populasi murid):

- Program kurikulum pintas di peringkat menengah akan membolehkan murid berprestasi tinggi melengkapkan pelajaran menengah dan menduduki peperiksaan SPM dalam masa empat tahun berbanding lima tahun, serta melibatkan diri dalam aktiviti pengayaan, misalnya projek kajian. Murid akan dipilih selepas UPSR dan diuji pada setiap tahun bagi memastikan program ini bermanfaat untuk murid dan tidak menjejaskan perkembangan diri;
- Program kurikulum pintas di peringkat rendah akan membolehkan murid berprestasi tinggi melengkapkan pelajaran rendah dan menduduki peperiksaan UPSR dalam masa lima tahun berbanding enam tahun, serta melibatkan diri dalam aktiviti pengayaan seperti kerja projek sendiri. Murid akan kerap diuji setiap tahun bagi memastikan program ini bermanfaat untuk murid dan tidak menjejaskan perkembangan diri; dan
- Program murid pintar cerdas dan murid berbakat menyasarkan 1% daripada populasi murid yang pintar cerdas dalam aspek tertentu seperti Matematik, Bahasa, Muzik dan Seni Visual. Murid akan mendapat akses kepada pendidikan khusus dan luwes bagi membolehkan mereka mendapatkan pengajaran daripada pakar, dan pada masa yang sama menjalani persekolahan arus perdana.

Gelombang 3 (2021-2025): Meningkatkan kejayaan

Semasa fasa terakhir Pelan Tindakan ini, Kementerian akan memurnikan rangka kerja program rintis pintar cerdas dan berbakat dan memperluaskannya secara berperingkat ke seluruh negara.



Sekolah anugerah khas

Kementerian mempunyai dua jenis sekolah anugerah khas yang telah diiktiraf atas pencapaian cemerlang.

Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) diperkenalkan pada 2010 di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi mengiktiraf sekolah terbaik di Malaysia. SBT secara tekal menghasilkan murid yang cemerlang dalam bidang akademik dan bukan akademik, mempunyai perwatakan yang dikagumi dan berupaya bersaing pada peringkat antarabangsa. Sekolah ini dipilih melalui proses pemilihan yang ketat, berdasarkan dua kategori: (i) pencapaian akademik; dan (ii) prestasi kokurikulum. Sehingga kini, terdapat 91 SBT. Sebagai menghargai pencapaian mereka, setiap SBT menerima peruntukan sebanyak RM700,000 pada tahun pertama, RM500,000 pada tahun kedua dan RM300,000 setiap tahun berikutnya bagi melaksanakan program peningkatan mengikut pilihan masing-masing. Sekolah ini mempunyai lebih kelonggaran operasi tentang hal-hal khusus berkaitan pengambilan murid, pengurusan kewangan, dan pengurusan sumber manusia.

Sekolah Kluster merupakan sekolah yang mempamerkan inovasi dan kecemerlangan dalam bidang kebitaraan. Sekolah ini diperkenalkan pada 2007 sebagai model untuk sekolah lain dalam sistem dan merangkumi bidang pengkhususan yang luas seperti seni dan muzik, atau sains dan teknologi. Seperti SBT, sekolah perlu memohon untuk dipertimbangkan sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan. Sekolah ini mempunyai kelonggaran dalam perbelanjaan kewangan bagi membangunkan bidang kebitaraan dan boleh memilih sehingga 10% enrolmen murid setiap tahun. Sehingga kini terdapat sebanyak 170 Sekolah Kluster dalam sistem.

PECUTAN PENINGKATAN SEKOLAH

Kementerian akan memastikan JPN dan PPD diperkukuh dan ditumpukan semula dalam usaha menyokong pembelajaran murid dan meningkatkan pencapaian keseluruhan sekolah. Langkah yang akan diambil termasuk:

- Meningkatkan amalan menyediakan sokongan yang terbeza kepada sekolah berdasarkan pencapaian band;
- Memperkasa dan mengupaya JPN dan PPD dalam usaha menyesuaikan intervensi dengan mengambil kira konteks khusus setiap sekolah; dan
- Menjadikan JPN dan PPD lebih bertanggungjawab dan berkewajipan tentang prestasi keseluruhan sekolah.

Penyediaan pengalaman pembelajaran secara tekal untuk semua murid Malaysia bermaksud memastikan bahawa di semua 10,000 sekolah, kurikulum yang diajar adalah cerminan sebenar hasrat kurikulum bertulis, murid menerima pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris daripada guru yang mahir, semua guru mengajar pada standard pengajaran yang tinggi, dan program ditawarkan bagi memenuhi kumpulan berkeperluan khusus. Usaha mencapai maksud ini memerlukan bukan sahaja dasar yang dirancang dengan rapi, tetapi juga sokongan yang dirangka khusus mengikut keperluan setiap sekolah dan tumpuan bersepadu dalam peningkatan sekolah pada setiap peringkat pentadbiran, dari Kementerian di Putrajaya kepada semua 138 PPD di seluruh negara

Antara usaha terkini yang dilancarkan oleh Kementerian bagi meningkatkan prestasi sekolah ialah Program Peningkatan Sekolah (SIP) di bawah inisiatif NKRA yang dilancarkan pada 2010. SIP menyediakan sokongan bersasaran kepada sekolah dalam Band 6 dan 7, melalui pembimbing pengetua/guru besar, dan guru serta peningkatan pemantauan oleh PPD. Sokongan terancang lain yang diusahakan termasuklah penyediaan Anugerah Khas; Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Kluster untuk sekolah yang telah diiktiraf atas pencapaian cemerlang.

Kejayaan langkah ini dalam meningkatkan hasil pembelajaran murid berbeza secara signifikan antara negeri. Seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 3-22, negeri yang mendapat keputusan terbaik, iaitu Wilayah Persekutuan Putrajaya mempunyai purata skor GPS 33% lebih tinggi daripada negeri yang mendapat keputusan terendah, iaitu Sabah. Begitu juga pada peringkat SPM, varians adalah besar. Varians ini wujud di peringkat daerah dalam negeri. Sebagai contoh, di Kelantan dan Sarawak skor purata komposit berbeza dari 49% hingga 75% berbanding negeri Johor dan Terengganu yang variansnya adalah lebih kecil (Ekshibit 4-11).


Perbezaan taraf ekonomi atau status bandar/luar bandar sahaja tidak mencukupi bagi menjelaskan perbezaan dalam pencapaian. Sebagai contoh, Selangor dan Pulau Pinang yang mempunyai pendapatan isi rumah tertinggi di Malaysia hanya menunjukkan pencapaian

sederhana dengan varian yang signifikan antara daerah. Sebagai perbandingan, Johor yang mempunyai pendapatan isi rumah yang sederhana, berada pada kedudukan tiga teratas dan menunjukkan antara varians yang terkecil dalam pencapaian murid UPSR.

EKSHIBIT 4-11

Purata skor komposit mengikut daerah

Skor komposit¹ (2011)



¹ Berdasarkan purata skor komposit semua sekolah rendah dalam setiap PPD
 NOTA: Purata skor komposit dibundarkan kepada nombor bulat terdekat
 SUMBER: Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)

Varians dalam pencapaian menunjukkan bahawa melalui disiplin dan kemahiran pentadbiran semata-mata, beberapa negeri dan daerah telah berjaya mendorong peningkatan ketara meningkatkan pencapaian di semua sekolah dan mengekalkan jurang pencapaian yang kecil antara sekolah berprestasi tinggi dengan sekolah berprestasi rendah. Pengalaman pembelajaran murid yang berjaya dihasilkan oleh pentadbiran ini perlu ditingkatkan daripada beberapa kelompok sekolah kepada semua sekolah dalam sistem. Sistem sekolah berprestasi tinggi telah memperakui bahawa satu-satunya cara untuk mencapai kejayaan ini adalah dengan mewujudkan lapisan pertengahan yang mantap, iaitu lapisan pengurusan antara Kementerian dengan sekolah. Bagi Malaysia, hal ini bermakna JPN dan PPD perlu diupaya.

Pelan Tindakan : Mempercepatkan peningkatan sekolah melalui negeri dan daerah

Analisis terhadap 20 sistem sekolah terbaik termasuk Singapura, Korea Selatan dan United Kingdom menunjukkan bahawa kejayaan transformasi pendidikan dipacu oleh perubahan melalui lapisan pertengahan yang berkesan, iaitu lapisan pengurusan antara Kementerian dengan sekolah. Kisah kejayaan negeri seperti Johor dan Terengganu turut menunjukkan bahawa amalan pengurusan negeri dan daerah yang baik menjadi kunci dalam mewujudkan impak yang meluas (rujuk muka surat 4-28, kajian kes Johor untuk contoh amalan yang berkesan).

Gelombang 1 (2013 - 2015): Mentransformasi kepimpinan negeri dan daerah

Pentadbiran pendidikan peringkat negeri dan daerah yang memandu kejayaan sekolah memberikan gambaran kepada Kementerian tentang apa yang diperlukan oleh daerah untuk berjaya. Berbekalkan maklumat baharu ini, Kementerian telah membangunkan program transformasi negeri dan daerah (Program Transformasi Daerah) bagi membolehkan semua negeri dan daerah meningkatkan prestasi sekolah dengan ketara. Menjelang 2015, program ini bermatlamat mengurangkan bilangan sekolah Band 7 kepada sifar, merapatkan jurang antara bandar dengan luar bandar sebanyak 25% dan meningkatkan kehadiran murid sehingga 95%.

Memperkasa kepimpinan tempatan

Kementerian akan memindahkan tanggungjawabnya yang melibatkan sekolah kepada PPD untuk membolehkan Kementerian dan JPN memainkan peranan yang lebih strategik. Pegawai di peringkat Kementerian akan mengurangkan pelibatan secara langsung dengan sekolah dan memberikan tumpuan kepada penyediaan dasar dan strategi di samping menyediakan perkhidmatan berpusat seperti pengumpulan data serta pembangunan kurikulum dan penilaian.

Begitu juga dengan peranan JPN yang akan memberikan tumpuan kepada usaha menyokong PPD dalam melaksanakan tanggungjawab baharu dan mengurangkan pelibatan secara terus dengan sekolah. JPN akan bertanggungjawab menentukan sasaran daerah, mengurus prestasi PPD, memudahkan kerjasama antara daerah, dan memperuntukkan sumber kepada daerah yang sangat memerlukan.

PPD akan menjadi barisan hadapan dan menyokong peningkatan prestasi sekolah. Malah, PPD akan terlibat secara langsung dengan sekolah secara tetap bagi melatih, membimbing, dan memantau prestasi. Peluasan peranan ini melibatkan:

- Menetapkan sasaran untuk setiap sekolah;
- Menyediakan bimbingan untuk guru dan pengetua/guru besar melalui program bimbingan guru iaitu Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) dan program bimbingan pengetua/guru besar iaitu Rakan Peningkatan Sekolah (SIPartner+);
- Memantau dan menggunakan data untuk memaklumkan aktiviti penambahbaikan sekolah;
- Memastikan pengetua/guru besar dan guru bertanggungjawab terhadap prestasi masing-masing dan mengadakan dialog prestasi;
- Mewujudkan kerjasama antara sekolah, contohnya, melalui perkongsian amalan terbaik; dan
- Menyasarkan pemberian sumber kepada sekolah yang paling memerlukannya.

Sekolah Luar Bandar

Seperti yang dibincangkan dalam bab terdahulu, Kementerian telah lama beriltizam untuk mengurangkan ketaksaksamaan dalam keberhasilan pendidikan antara sekolah bandar dengan sekolah luar bandar. Walaupun kemajuan telah jelas dicapai dalam beberapa dekad yang lepas, Kementerian berhasrat mengecilkan jurang pencapaian antara sekolah bandar dengan sekolah luar bandar sehingga 50% menjelang 2020.

Untuk tujuan itu, Kementerian akan menimbang dengan teliti perbezaan konteks antara sekolah bandar dengan sekolah luar bandar dan kesannya terhadap pelaksanaan semua inisiatif yang dirancang dalam Pelan ini. Selain itu, empat inisiatif yang direncanakan dijangka dapat memberi manfaat khusus kepada sekolah luar bandar:

Menaik taraf infrastruktur sekolah: Kementerian telah mewujudkan garis asas dan keperluan infrastruktur asas dalam usaha mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif di sekolah. Kementerian akan melaksanakan usaha naik taraf infrastruktur secara berperingkat, bermula dengan sekolah luar bandar di Sabah dan Sarawak.

Mentransformasi sekolah berenrolmen rendah atau SKM: Sebahagian besar SKM terletak di kawasan luar bandar dan pedalaman. Sekolah ini akan mendapat manfaat daripada Sarana Peningkatan Sekolah baharu yang dirangka berdasarkan cabaran unik yang dihadapi oleh SKM; dan pengenalan inovasi ICT seperti pembelajaran jarak jauh dan pelbagai mod. Guru di sekolah ini juga akan dilatih untuk mengajar kelas pelbagai gred.

Meningkatkan kualiti guru dan pemimpin sekolah: Kementerian akan menempatkan pembimbing guru dan pengetua/guru besar (SISC+ dan SIPartners+) di sekolah dalam Band 5, 6 dan 7, yang kebanyakannya adalah sekolah luar bandar. Kementerian juga sedang mengkaji kaedah bagi menggalakkan lebih ramai guru dan pengetua/guru besar berprestasi tinggi berkhidmat di sekolah luar bandar.

Menyediakan peruntukan kewangan yang saksama: Kementerian akan menggunakan pendekatan berasaskan keperluan dalam pemberian peruntukan kewangan. Melalui pendekatan ini, sekolah yang menghadapi lebih cabaran dalam memenuhi aspirasi sistem yang digariskan dalam Pelan ini akan diberi lebih bantuan. Dalam kes sekolah luar bandar, lebih peruntukan diperlukan untuk membina asrama, menyediakan perkhidmatan pengangkutan, atau mengadakan aktiviti pengayaan di luar waktu sekolah.



Menetapkan sistem bagi mencapai matlamat yang sama

Kementerian telah menetapkan satu set Petunjuk Prestasi Utama (KPI) berdasarkan matlamat sistem yang berteraskan akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. KPI ini disebarkan ke peringkat bawah dari Kementerian hingga ke sekolah bagi memastikan matlamat keseluruhan sistem adalah tekal dan terselaraskan. Pengesanan pencapaian berdasarkan KPI ini akan dijalankan secara tahunan bermula dari peringkat kebangsaan, di setiap JPN, PPD dan sekolah.

Di setiap negeri, PPD akan disenaraikan mengikut pencapaian berdasarkan KPI ini bagi membantu JPN mengenal pasti daerah yang memerlukan lebih sokongan, dan faktor yang menyebabkan prestasi mereka lemah. Amalan yang sama juga akan dijalankan di setiap daerah. Dalam hal ini, PPD dapat menggunakan band pencapaian NKRA dan pencapaian sekolah berbanding KPI ini untuk agihan sumber kepada sekolah yang paling memerlukannya. Pada akhir setiap tahun, lima PPD yang mempunyai peningkatan prestasi tertinggi di seluruh negara akan diberi pengiktirafan atas kesungguhan masing-masing.

Set KPI yang baharu ini dirintis di Sabah dan Kedah bermula Januari 2013, dan akan dilaksanakan di seluruh negara menjelang akhir 2013. Kementerian akan terus memantau keberkesanan KPI ini dalam

membantu proses peningkatan sekolah dan membuat pengubahsuaian yang diperlukan. Kementerian juga akan mengkaji semula kaedah pengiraan band pencapaian NKRA yang digunakan sekarang bagi memastikan keperluan seterusnya untuk penambahbaikan.

Memberi sokongan kepada organisasi yang paling memerlukan

Pihak PPD akan mewujudkan dasar pengurusan berpusat bagi membangunkan satu sistem intervensi yang menjurus kepada konteks tertentu di sekolah. Pihak JPN akan menyediakan sumber dan sokongan yang diperlukan bagi melaksanakan inisiatif ini. Antara isu yang akan dapat diselesaikan melalui kaedah yang lebih luwes ini ialah kehadiran murid. Masalah kehadiran murid biasanya berpunca daripada pelbagai faktor, seperti kurang akses ke sekolah, sikap negatif ibu bapa, atau persekitaran sekolah yang tidak menarik boleh mengurangkan kehadiran murid. Untuk lebih berkesan, strategi yang dilaksanakan perlu sesuai dengan punca masalah yang berbeza. Contohnya, menyediakan pengangkutan di tempat yang kurang akses ke sekolah; lawatan guru ke rumah bagi menjelaskan kepada ibu bapa yang mungkin tidak memahami kepentingan pendidikan; dan menyediakan kawasan persekitaran yang ceria bagi menjadikan sekolah lebih menarik. Dalam keadaan ini, PPD adalah organisasi yang paling sesuai bagi menentukan tindakan yang terbaik dan patut diberikan kebebasan dan sumber untuk berbuat demikian.

Apakah amalan yang benar-benar membawa perubahan kepada keberhasilan murid?

Kementerian mendapati bahawa terdapat banyak persamaan amalan bagi sekolah yang meningkat dengan cepat dan sekolah berprestasi baik. Sebaliknya, terdapat perbezaan ketara antara amalan sekolah tersebut dengan sekolah berprestasi rendah.

Sekolah berprestasi rendah umumnya bergelut dengan bilangan program yang boleh dilaksanakan dan melaporkan bahawa mereka tertekan dan terbeban. Sebaliknya, sekolah yang mencatatkan peningkatan pantas atau sekolah berprestasi baik, pemimpin sekolahnya mempunyai pemahaman yang kukuh tentang perkara penting untuk sekolah dan bertindak tegas dengan menumpukan guru dan komuniti sekolah kepada amalan utama yang perlu dilaksanakan. Hal ini menggambarkan peranan penting yang dimainkan oleh pemimpin sekolah dalam mencapai prestasi sekolah.

Apakah amalan yang dilakukan oleh sekolah yang meningkat dengan cepat atau sekolah berprestasi baik yang membawa perubahan?

1. Melindungi dan memanjangkan masa pengajaran dan pembelajaran: Sekolah berprestasi baik menghadkan aktiviti yang mengganggu jadual waktu biasa. Sebagai contoh, guru tidak diarahkan meninggalkan kelas untuk bermesyuarat, menghendaki semua guru mencari guru ganti sekiranya perlu menghadiri mesyuarat atau latihan, dan dalam hal tertentu memanjangkan masa pengajaran dan pembelajaran melalui kelas pemulihan selepas waktu sekolah untuk murid yang lemah. Malah, sebuah sekolah di Sabah, iaitu SK Babagon Toki telah mengadakan pondok pembelajaran yang dikendalikan oleh guru pada waktu rehat setiap hari. Murid yang mengunjungi pondok ini dan melengkapkan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan akan menerima “bintang”, dan pada akhir setiap bulan, murid yang menerima “bintang” terbanyak akan diberikan hadiah.

2. Memperhebat sokongan kepada guru: Antara amalan terbaik ialah menyediakan sokongan tambahan kepada guru baharu, contohnya melalui pengajaran bersama guru yang lebih berpengalaman, menyediakan slot dalam jadual waktu mingguan bagi guru menghabiskan masa dalam bengkel membina rancangan pengajaran, dan melantik mentor dalam kalangan guru berpengalaman bagi membimbing dan mendapatkan maklum balas berterusan. Sekolah berprestasi baik juga cenderung meningkatkan

pencerapan di dalam bilik darjah lebih daripada bilangan minimum dua kali setahun yang ditetapkan.

3. Menyesuaikan sokongan dengan keperluan murid: Sekolah berprestasi baik turut menyesuaikan bantuan yang disediakan kepada murid, terutama kepada murid yang lemah. Sebagai contoh, semua sekolah di Johor dikehendaki mengelompokkan murid kepada tiga kategori: lemah, sederhana dan baik. Bagi setiap kategori, guru akan membezakan kedalaman sukatan pelajaran yang diajar (JPN telah mengenal pasti sukatan pelajaran minimum yang mencukupi untuk murid lemah), tahap kesukaran latihan, dan juga saiz kelas (murid lemah diletakkan dalam kelas yang lebih kecil supaya guru boleh memberikan lebih banyak tumpuan). Malah terdapat sebuah sekolah di Sabah yang menempatkan murid mengikut mata pelajaran supaya dapat diajar pada tahap yang paling sesuai dengan keperluan masing-masing.

4. Menggunakan data secara giat: Di Johor dan Terengganu, sistem pengesanan data peperiksaan digunakan secara meluas di peringkat sekolah bagi membuat perubahan dalam amalan pengajaran. Dalam beberapa hari selepas setiap pentaksiran, guru dapat mengenal pasti kumpulan murid yang berada di ambang gred khususnya mereka yang hampir lulus atau murid lain yang hampir mencapai gred A. Analisis ini selanjutnya disokong melalui analisis item, yang menilai jawapan murid dengan mendalam bagi mengenal pasti jenis, skop, dan tahap kesukaran soalan yang menimbulkan masalah kepada murid. Murid akan diajar dan diberi latihan bagi membantu mereka mengatasi kelemahan dalam topik berkenaan.

5. Mempergiat pelibatan ibu bapa, komuniti dan murid: Sekolah berprestasi baik sering melibatkan ibu bapa, murid dan komuniti sebagai rakan pembelajaran. Pelibatan ini amat penting dalam memberi tumpuan kepada sumbangan yang dapat diberikan oleh setiap pihak bagi meningkatkan hasil pembelajaran. Sebagai contoh, beberapa sekolah menyediakan garis panduan yang jelas kepada ibu bapa tentang perkara yang boleh dilakukan bagi membantu anak mereka: menyemak kerja rumah setiap hari, memastikan anak mengulang kaji sekurang-kurangnya sejam sehari dan sebagainya. Sekolah lain pula melibatkan ibu bapa dan murid dalam perbincangan bagi menetapkan sasaran murid bagi satu-satu tahun, dan mendapatkan aku janji mereka sebagai komitmen untuk mencapai sasaran tersebut.

Amalan Terbaik Johor – Mengenal Pasti Perkara yang Betul dan Melakukannya dengan Baik

Johor merupakan satu daripada negeri yang mempunyai prestasi terbaik bagi sekolah rendah di Malaysia. Pada 2010 Johor menduduki tempat kedua selepas Wilayah Persekutuan Putrajaya dalam peperiksaan UPSR. Walaupun Johor tidak dapat mengekalkan kedudukan ini pada 2011, perbezaan dengan negeri yang mengatasi Johor hanya 0.3 hingga 2.0 mata peratus. Johor terus mempunyai antara varians terendah dalam prestasi murid UPSR merentas PPD. Kejayaan Johor melonjakkan pencapaian dari tempat lima terbawah ke dalam kelompok negeri teratas dalam tempoh hanya lima tahun amat mengagumkan.

Kejayaan Johor boleh dianggap sebagai hasil kekuatan pemimpin di JPN dan PPD, terutama kekuatan ketiga-tiga Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri yang berturut-turut memacu program transformasinya.

1. Visi jelas yang dikongsi: Pada peringkat awal program transformasi pendidikan Johor, pemimpin JPN bersama-sama dengan PPD merancang dan merangka visi “Johor Top 5”. Visi ini mudah difahami dan dijangka dapat dilaksanakan dengan baik (memandangkan Johor berada pada kedudukan lima terbawah dalam peperiksaan awam). Lima tahun kemudian, kejayaan yang dikecapi oleh Johor ini menjadi sebutan dalam kalangan pegawai, pemimpin sekolah, guru dan juga ibu bapa. Tanpa diminta, mereka akan menyatakan dengan jelas apa yang negeri cuba usahakan bagi mencapai matlamat.

2. Memberi keutamaan kepada program yang memfokus kepada keberhasilan akademik: Pada peringkat awal pelaksanaan strategi “Johor Top 5”, terdapat tekanan daripada pihak berkepentingan – dari dalam dan luar JPN – untuk meluaskan tumpuannya. Walau bagaimanapun pemimpin JPN bertegas bahawa sekolah tidak boleh mengejar segala-galanya, dan dengan memberikan tumpuan kepada peningkatan pencapaian akademik, isu lain seperti disiplin juga dapat ditangani secara langsung. Komitmen JPN bagi menjayakan program ini dengan memberi tumpuan kepada keutamaan tertentu sahaja menjadi mercu tanda kejayaan pendidikan negeri Johor.

3. Budaya prestasi tinggi bertunjangkan data: Johor mula menggunakan sistem pelaporan pencapaian secara dalam talian (Kiraan Kepala) pada 2006 yang mengesan data murid. Keputusan peperiksaan murid direkodkan (termasuk soalan bagi setiap mata pelajaran) untuk setiap peperiksaan peringkat negeri dan kebangsaan. Pada peringkat sekolah, pengetua/guru besar akan mengadakan perbincangan bersama-sama guru mengenai pencapaian murid untuk mengenal pasti sebab kejayaan atau kegagalan murid mencapai sasaran yang ditetapkan. Apa yang penting, tumpuannya adalah tentang mengenal pasti tindakan pemulihan yang sesuai sebagai sokongan kepada murid (contohnya: kelas tambahan selepas waktu sekolah). Dialog mengenai prestasi murid ini diadakan juga antara PPD dan pemimpin sekolah, serta Pengarah JPN dan PPD. Kedudukan pencapaian murid disampaikan kepada semua PPD dan sekolah tepat pada masanya.

4. Pembangunan profesional berfasa yang menyasarkan pemimpin daerah dan sekolah: Selaras dengan pelaksanaan sistem Kiraan Kepala, JPN juga melaksanakan program peningkatan profesional yang berterusan untuk pengetua/guru besar, penolong kanan dan pegawai PPD. Program bermula dengan asas kepimpinan instruksional supaya mereka dipersiapkan bagi mencari penyelesaian untuk cabaran yang dikenal pasti melalui data Kiraan Kepala. Pihak JPN terus memberikan tumpuan kepada kepimpinan instruksional dalam program peningkatan profesional, untuk tempoh dua hingga tiga tahun, sehingga semua pemimpin sekolah dan daerah menguasai aspek kepimpinan ini sebelum melaksanakan program baharu untuk perubahan kepimpinan.

5. Menggariskan standard minimum amalan terbaik: Pihak JPN menggariskan beberapa program bagi memastikan keseragaman dalam melaksanakan amalan terbaik ini. Program yang dijalankan termasuklah: i) Pelan J, yang menetapkan bilangan dan tahap kesukaran soalan kerja rumah untuk setiap mata pelajaran, yang dibezakan mengikut tahap kebolehan murid, dan ii) Sukatan pelajaran minimum yang dapat digunakan oleh guru untuk murid yang prestasi akademiknya rendah.

6. Intervensi berbeza berdasarkan pencapaian: Program “Johor Top 5” mengkategorikan murid mengikut aliran dan memberikan latihan tubi mengikut kebolehan. Amalan ini dijalankan bukan sahaja di peringkat sekolah, tetapi juga di peringkat sistem, iaitu sekolah diklusterkan mengikut band dan menerima bantuan daripada PPD dan JPN berdasarkan keperluan sekolah tersebut. Sebagai contoh, sekolah Band 4 dan 5 diberi latihan bagi meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran, manakala sekolah Band 3 diberi latihan untuk meningkatkan pengurusan sekolah. Bagi setiap sekolah, pihak pengurusan diminta untuk mengenal pasti tiga tahap kebolehan murid – baik, sederhana dan lemah, dan masing-masing dinamakan Bintang, Sinar dan Harapan. Setiap kumpulan diberikan program berbeza, termasuk pendekatan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, perhatian khusus yang diberikan kepada murid, atau mengikut banyaknya dan kadar latihan tubi yang diberikan kepada murid. PPD mengambil sekolah angkat dan memberi tumpuan yang lebih kepada sekolah berprestasi rendah.

Pegawai JPN menyatakan bahawa sistem yang diamalkan ini bukanlah sesuatu yang baharu atau sukar untuk dilaksanakan. Perbezaan negeri ini dengan negeri lain adalah tentang cara setiap amalan ini dijalankan dengan rapi dan teratur, diikuti dengan tindakan susulan. Penekanan sistem ini diberikan kepada budaya pencapaian yang berteraskan data dan bukti yang jelas, pemahaman yang kukuh tentang konsep intervensi yang berbeza berteraskan tahap kebolehan murid, dan kerjasama yang erat dalam kalangan daerah, sekolah dan guru bagi membantu pihak yang lemah.


Memantau, menyelesaikan masalah dan mengambil tindakan

Kementerian, JPN, PPD, pemimpin sekolah, dan guru akan mengadakan sesi dialog prestasi secara berkala bagi memastikan sekolah, daerah dan negeri berada pada landasan yang betul untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Dialog ini bercirikan penggunaan data prestasi terperinci bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan, diikuti dengan semakan semula pelan pelaksanaan dengan segera bagi memastikan isu diselesaikan. Dialog prestasi ini dijangka diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun (Ekshibit 4-12).

EKSHIBIT 4-12

Kitaran Dialog Prestasi

Berdasarkan contoh amalan terbaik: Johor



Gelombang 2 (2016 - 2020): Meningkatkan keluwesan operasi untuk JPN, PPD, dan sekolah

Setelah keupayaan pengurusan JPN dan PPD diperkasa dan jumlah sekolah dalam kategori Band 6 dan 7 dikurangkan dengan ketara, Kementerian akan mengkaji cara memberikan lebih kebebasan kepada kepimpinan JPN, PPD, dan sekolah. Di peringkat JPN dan PPD, Kementerian akan mengkaji cara memberikan organisasi ini keluwesan operasi dari segi peruntukan perbelanjaan dan penempatan sumber manusia. Selaras dengan pelaksanaan KSSR dan KSSM, Kementerian akan mengubah peraturan sedia ada bagi memberikan lebih keluwesan kepada pihak sekolah dari segi penjadualan kurikulum, selagi sekolah dapat mencapai standard pembelajaran dan kandungan yang dihasratkan.

Gelombang 3 (2021 - 2025): Meluaskan hak membuat keputusan

Berdasarkan apa yang dipelajari dalam Gelombang 1 dan Gelombang 2, Kementerian akan terus menilai semula hak membuat keputusan yang diberikan kepada JPN, PPD, dan sekolah. Apa yang dihasratkan ialah, pada fasa ini, kebanyakan sekolah, jika tidak semua, bersedia memikul autonomi dan melaksanakan pengurusan berasaskan sekolah yang lebih luas. Selain itu, Kementerian akan memperkenalkan infrastruktur baharu yang dapat membantu pembelajaran sendiri di peringkat sekolah dan murid. Langkah ini termasuklah memperkenalkan kemudahan sidang video bagi memudahkan program berkembar dengan sekolah di negara lain, pemberian komputer tablet bagi mengurangkan kebergantungan murid pada buku teks, dan akses kepada jaringan internet yang lebih pantas. (Untuk maklumat selanjutnya lihat Bab 6 – Transformasi Kementerian).





Kementerian kini berada di titik permulaan perjalanan bagi membangunkan sistem pendidikan yang mampu melahirkan rakyat Malaysia yang berdaya saing dalam dunia globalisasi abad ke-21. Usaha ini memerlukan pertimbangan semula tentang pengertian pembelajaran murid, dan penjelasan semula tentang jenis kemahiran yang perlu diterapkan pada murid. Dalam usaha untuk benar-benar mentransformasi pembelajaran murid, perubahan perlu dilakukan di setiap peringkat – Kementerian, JPN, PPD, sekolah, pemimpin sekolah dan guru.

Pada peringkat awal program transformasi, Kementerian akan memfokuskan usaha mengukuhkan asas sedia ada serta memastikan inisiatif yang dijalankan pada peringkat awal berhasil. Sistem pendidikan di Malaysia perlu berkembang daripada pendekatan “satu untuk semua”, kepada penyelesaian spesifik mengikut konteks dalam usaha mencapai kejayaan. Selaras dengan penambahbaikan sistem pendidikan, Kementerian akan melaksanakan lebih banyak transformasi struktur kurikulum dan pentaksiran, dan memberikan lebih keluwesan operasi kepada JPN, PPD dan sekolah.

BAB 5

GURU DAN
PEMIMPIN
SEKOLAH

5. Guru dan Pemimpin Sekolah

Guru dan pemimpin sekolah adalah penggerak yang paling penting di peringkat sekolah untuk keberhasilan murid. Kajian ulung yang dijalankan di Tennessee, Amerika Syarikat pada pertengahan 1990-an menunjukkan bahawa secara relatif, guru berprestasi tinggi dapat meningkatkan pencapaian murid sehingga 50 poin persentil dalam tempoh tiga tahun berbanding guru berprestasi rendah. Kajian juga mendapati pengetua/guru besar cemerlang yang lebih bertumpukan kepimpinan instruksional berbanding pentadbiran dapat meningkatkan pencapaian murid sehingga 20%. Bab ini meneliti cabaran yang dihadapi oleh profesion keguruan, daripada proses pemilihan hinggalah kepada pembangunan profesional dan pengurusan prestasi yang berterusan. Bab ini juga membincangkan wawasan Kementerian bagi menjadikan profesion keguruan sebagai suatu profesion pilihan yang dinamik dan memberikan ganjaran sewajarnya, dan langkah-langkah yang sedang dirangka untuk menyediakan guru dan pemimpin sekolah dengan suatu penyelesaian bersepadu dari segi beban tugas, pembangunan profesional berterusan, kemajuan kerjaya, dan pengurusan prestasi.

Sepanjang pelaksanaan kajian semula ini, Kementerian telah mendapatkan pandangan dan cadangan daripada lebih 24,000 guru dan pemimpin sekolah serta lebih 26,000 wakil pelbagai pihak berkepentingan melalui kajian tinjauan secara bertulis, temu bual, kumpulan fokus dan juga semasa Dialog Nasional. Dalam kesemua pelibatan ini, satu mesej yang tekal dan kerap kali disuarakan ialah keperluan untuk mempertingkatkan kualiti guru dan pemimpin sekolah dalam sistem pendidikan. Semua responden ini secara

intuitif memberikan pandangan yang selari dengan dapatan kajian antarabangsa: guru dan pemimpin sekolah yang baik menjadi tunjang setiap sistem pendidikan. Langkah seterusnya, Kementerian akan memilih hanya yang terbaik menyertai profesion ini, dan melengkapkan guru dengan kemahiran dan sokongan bagi membolehkan mereka memberikan perkhidmatan terbaik ke arah mencapai keberhasilan berkualiti tinggi bagi setiap murid di setiap sekolah.

GURU

Kementerian akan memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid dan terbeza dilaksanakan secara berkesan di dalam setiap bilik darjah. Kementerian akan memartabatkan profesion keguruan sebagai profesion pilihan. Bagi mencapai matlamat ini, Kementerian akan memperkenalkan Pakej Kerjaya Guru baharu yang secara dasarnya mengubah cara pemilihan, pembangunan profesional keguruan, dan pemberian ganjaran sepanjang tempoh kerjaya seorang guru.


Langkah yang akan diambil termasuk:

- Meningkatkan dan menguatkuasakan syarat kelayakan kemasukan ke program latihan perguruan;
- Merombak IPG untuk memperkukuhkan kualiti kepimpinan dan pensyarah, penyelidikan dan inovasi, kemudahan infrastruktur, IPG sebagai organisasi pembelajaran, dan kurikulum latihan praperkhidmatan;
- Meningkatkan keberkesanan latihan praperkhidmatan dan pembangunan profesional berterusan; dan
- Membangunkan laluan kerjaya baharu yang menarik dan dapat menyokong laluan pantas berdasarkan prestasi dan kompetensi, selaras dengan peluang untuk penempatan semula bagi guru yang tekal berprestasi rendah.

Kualiti guru merupakan penentu di peringkat sekolah yang paling penting bagi keberhasilan murid. Kajian ulung yang dijalankan di Tennessee, Amerika Syarikat pada pertengahan 1990-an menunjukkan bahawa apabila dua murid berumur lapan tahun dengan prestasi sederhana diajar oleh guru yang berbeza prestasi – seorang berprestasi tinggi, dan seorang lagi berprestasi rendah – prestasi pencapaian akademik murid tersebut berbeza sebanyak lebih daripada 50 poin persentil dalam tempoh tiga tahun (Ekshibit 5-1). Dapatan yang sama juga diperoleh dalam kajian yang dijalankan di Dallas dan Boston (Amerika Syarikat) serta di England.

EKSHIBIT 5-1

Impak kualiti pengajaran ke atas pencapaian murid



SUMBER: 'Cumulative and residual effects on future student academic achievement', Sanders and Rivers 1996

Demografi tenaga kerja keguruan

Sepanjang satu dekad yang lepas, Kementerian secara tekal telah meningkatkan saiz tenaga kerja keguruan bagi mengurangkan nisbah keseluruhan murid-guru. Hasilnya, pada masa ini, dengan bilangan 410,000 guru, Malaysia merupakan satu daripada sistem pendidikan yang mempunyai nisbah murid-guru paling kecil di dunia. Nisbah tersebut kini berada pada kadar 13:1, iaitu lebih rendah daripada nisbah sistem berprestasi tinggi seperti Singapura (16:1) dan Korea Selatan (20:1), malahan juga lebih rendah daripada purata OECD (16:1).

“Kualiti sesuatu sistem sekolah tidak boleh melebihi kualiti gurunya”

(Terjemahan: Barber dan Mourshed (2007) How the World's Best Performing Systems Come Out on Top)

Penambahan saiz tenaga kerja kebelakangan ini menyebabkan profesion keguruan mempunyai guru yang agak muda. Hampir dua pertiga daripada jumlah guru berumur di bawah 40 tahun. Implikasinya hampir 60% akan terus mengajar dalam tempoh 20 tahun akan datang, manakala 50% akan terus berkhidmat sehingga 30 tahun akan datang. Dari segi komposisi demografi, profesion keguruan tidak mencerminkan populasi Malaysia, khususnya, bilangan guru lelaki dan komposisi etnik minoriti dalam profesion ini tidak seperti yang dihasratkan.

Kualiti pengajaran

Pada 2011, Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), Kementerian Pengajian Tinggi telah menjalankan kajian kualitatif tentang pengajaran guru. Daripada pemerhatian terhadap 125




pengajaran di 41 sekolah di seluruh Malaysia, didapati hanya 12% daripada pengajaran disampaikan pada standard yang tinggi, iaitu mengaplikasikan banyak amalan terbaik pedagogi, manakala 38% lagi mencapai standard yang memuaskan. Sebaliknya, 50% daripada pengajaran yang dicerap dalam kajian ini tidak disampaikan dengan memuaskan. Pengajaran tidak melibatkan murid sepenuhnya apabila guru lebih bergantung pada kaedah syarahan yang pasif dalam menyampaikan kandungan mata pelajaran. Guru lebih memberikan tumpuan kepada usaha memastikan murid memahami kandungan asas mata pelajaran bagi tujuan pentaksiran sumatif daripada menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi. Sebagai contoh, murid lebih berkemungkinan diuji keupayaan mengingati fakta (70% daripada semua pemerhatian pengajaran) berbanding menganalisis dan mentafsir data (18%), atau mensintesis maklumat (15%).

Terdapat perbezaan tanggapan tentang ciri pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti antara sekolah dengan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK). Sebagai contoh, 63% sekolah menilai diri sebagai mempunyai amalan pengajaran dan pembelajaran yang “Baik” atau “Cemerlang”, berbanding hanya 13% yang diberikan oleh Nazir Sekolah (Ekshibit 5-2). Julat perbezaan data ini mencerminkan bahawa lebih banyak usaha diperlukan bagi meningkatkan kemahiran pedagogi guru sedia ada untuk memastikan mereka dapat menyampaikan pengetahuan dan kemahiran baharu yang dihasratkan.

EKSHIBIT 5-2

Keberkesanan amalan pengajaran dan pembelajaran sebagaimana yang ditaksir oleh sekolah dan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti



¹ N = 3,352 bagi 2009; N = 1,552 bagi 2010; dan N = 5,049 bagi 2011
² N = 9,859 bagi 2009; N = 9,849 bagi 2010; dan N = 7,714 bagi 2011 (tidak termasuk sekolah menengah)


SUMBER: Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti

Pemilihan guru

Sistem pendidikan di Malaysia menerima banyak permohonan untuk menyertai program latihan perguruan. Terdapat dua institusi awam yang menawarkan program latihan perguruan di Malaysia iaitu Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Institut Pendidikan Guru (IPG). Nisbah pemohon kepada guru pelatih adalah tinggi, 38 pemohon berbanding bilangan tempat yang ditawarkan, iaitu 38:1. Nisbah ini mengatasi nisbah sistem pendidikan berprestasi tinggi seperti Singapura, Korea Selatan dan Finland (Ekshibit 5-3). Keadaan ini merupakan petanda positif kerana terdapat minat yang meluas untuk menyertai profesion keguruan.

EKSHIBIT 5-3

Nisbah pemohon kepada guru pelatih untuk program latihan perguruan di Malaysia dan lain-lain sistem pendidikan berprestasi tinggi



¹ KPLI merujuk kepada Kursus Perguruan Lepas Ijazah, program latihan pasca siswazah
² PISMP merujuk kepada Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan, program latihan lepasan SPM

SUMBER: Kementerian Pelajaran Malaysia; Kementerian Pengajian Tinggi; Kementerian Pelajaran, Sains dan Teknologi, Korea Selatan; Kementerian Pelajaran Finland; Kementerian Pelajaran Singapura; Kajian akhbar


Selari dengan amalan terbaik antarabangsa, pemohon dipilih selepas melalui beberapa tapisan berdasarkan pelbagai faktor termasuk sikap, aptitud terhadap pengajaran, dan personaliti. Kementerian juga menetapkan syarat kelayakan akademik minimum untuk kemasukan ke IPG. Sebagai contoh, kelayakan minimum untuk kemasukan ke Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) ialah tiga gred Cemerlang dan tiga gred Kepujian dalam SPM. Kementerian juga telah mula memberi keutamaan kepada pemohon yang mempunyai kelayakan minimum tujuh gred cemerlang dalam SPM. Perubahan keutamaan dalam sistem ambilan ini telah menghasilkan suatu anjakan penting dalam profil guru pelatih.

Pada 2010, 93% pemohon PISMP mempunyai skor bawah kelayakan akademik minimum, manakala hanya 1% pemohon mempunyai sekurang-kurangnya tujuh gred Cemerlang. Berbanding pada tahun 2012, bilangan pemohon yang mempunyai skor bawah kelayakan minimum telah menurun dengan signifikan kepada 38%, manakala bilangan pemohon yang mendapat sekurang-kurangnya tujuh gred Cemerlang meningkat kepada 9%. Oleh itu, usaha mengutamakan kualiti guru pelatih telah meningkatkan penawaran tempat kepada pemohon yang mempunyai gred Cemerlang daripada 3% pada 2010 kepada 65% pada 2012 (Ekshibit 5-4). Begitu juga dengan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) yang menunjukkan sedikit peningkatan dari segi standard kemasukan. Bilangan pemohon berkelayakan tinggi yang telah ditawarkan tempat dalam program ini meningkat daripada 7% pada 2010 kepada 13% pada 2012. Langkah ini merupakan petanda baik ke arah amalan sistem berprestasi tinggi seperti Finland, Singapura dan Korea Selatan yang membenarkan hanya pelajar dalam kelompok 10% hingga 30% teratas menyertai profesion keguruan.

Terdapat dua perkara lagi yang perlu diberi perhatian. Pertama, kadangkala terdapat kekurangan pemohon yang berkelayakan untuk mata pelajaran khusus dan lokasi tertentu. Oleh itu, Kementerian sedang meneliti beberapa cara untuk menarik calon berprestasi tinggi daripada pelbagai latar belakang menyertai profesion keguruan. Kedua, sekurang-kurangnya 50% daripada setiap ambilan guru baharu

EKSIBIT 5-4

Pecahan keputusan akademik bagi pemohon PISMP (2010 dan 2012)



Merombak IPG dan latihan guru

IPG bertanggungjawab melatih bakal guru sekolah rendah. Guru pelatih diambil daripada kalangan lulusan Tingkatan 5, Tingkatan 6 atau graduan universiti tempatan. Sebelum 2008, IPG mempunyai 27 kampus yang diurus secara berasingan dan menawarkan program diploma tiga tahun dan program sijil lepasan ijazah. Pada 2008, kesemua 27 kampus ini diletakkan di bawah satu pengurusan pusat, untuk menyetarakan kualiti. Kurikulum dan program latihan telah dipertingkatkan untuk menawarkan program persediaan dan ijazah pertama selama lima setengah tahun dan program diploma lepasan ijazah. Dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun seterusnya, IPG berhasrat untuk mentransformasi kepada universiti latihan guru bertaraf dunia.

Untuk mencapai matlamat ini, Kementerian akan melakukan rombakan dalam tujuh kategori. Kementerian juga akan menilai semua inisiatif dan inisiatif yang berjaya akan diselaraskan dengan IPT.

Memperkuh saluran pengambilan guru pelatih

Kementerian akan mengambil pendekatan holistik dalam pengambilan guru baharu. Kementerian akan menggalakkan permohonan daripada pelbagai latar belakang akademik dan etnik, tanpa berkompromi syarat-syarat kemasukan yang ketat, termasuk kelayakan akademik, kecenderungan dan aptitud keguruan pemohon. IPG akan menawarkan pelbagai program (diploma, ijazah pertama, ijazah lanjutan) untuk memenuhi pelbagai tahap pengalaman calon (graduan baharu dan yang bertukar kerjaya).

Memantapkan kurikulum IPG

Sistem persekolahan terbaik seperti Finland, United Kingdom dan New Zealand telah meningkatkan kuantiti dan kualiti pengalaman praktikal guru sebelum memasuki sistem. Kementerian akan menambah peratus masa latihan praktikum bagi guru pelatih kepada 40%. Guru berpengalaman, yang berkelayakan sebagai mentor, akan menyelia pelatih di dalam bilik darjah bagi meningkatkan ketekalan dan kualiti praktikum.

Kementerian akan mengkaji semula kurikulum latihan praperkhidmatan perguruan bagi memastikan guru dipersiapkan secukupnya untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi yang dihasratkan untuk murid Malaysia (rujuk Bab 4 untuk maklumat lanjut tentang perubahan yang dihasratkan dalam kurikulum dan pentaksiran). Guru akan dilatih dengan pendekatan pengajaran dan pentaksiran alternatif seperti pembelajaran berasaskan projek dan pentaksiran berasaskan ICT. Guru Sains akan menerima latihan tambahan tentang cara menyampaikan konsep abstrak dengan berkesan dan membina kemahiran berfikir aras tinggi.

Selaras dengan kajian semula Bank Dunia 2011 tentang latihan perguruan, Kementerian akan mengkaji pelbagai kaedah untuk menyediakan guru pelatih dengan kemahiran yang lebih luas supaya ijazah mereka lebih universal dalam meningkatkan kebolehpasaran. Kementerian bercadang untuk menambah kemahiran kepimpinan dan pengurusan dalam kurikulum IPG serta program pembangunan profesional berterusan bagi guru sedia ada.

Kementerian akan memastikan kurikulum berdasarkan keperluan pelbagai jenis sekolah, seperti sekolah luar bandar. Kementerian juga akan memantapkan penyelarasan dengan JPN untuk mengenal pasti sekolah, pelbagai lokasi dan latar belakang sosioekonomi untuk guru pelatih menjalani praktikum masing-masing.

Meningkatkan kualiti kepimpinan IPG

Pemimpin IPG merangkumi Pengarah-pengarah IPG Kampus dan Pengarah-pengarah di IPGM. Ketrampilan sebagai pemimpin instruksional dan pemimpin organisasi akan dipertingkatkan supaya mereka boleh berperanan sebagai pakar rujuk dan peneraju perubahan kepada pensyarah, guru pelatih serta pegawai di IPG.

Meningkatkan kualiti pensyarah

Kementerian akan menambahbaik kriteria pemilihan bagi pensyarah IPG dengan mengutamakan pemegang ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah. Pada 2012, daripada 3,947 pensyarah IPG, seramai 308 pensyarah adalah pemegang ijazah Doktor Falsafah dan 3,057 Sarjana. Kemahiran pensyarah baharu dan sedia ada akan ditingkatkan melalui program latihan induksi. Selaras dengan cadangan kajian semula Bank Dunia 2011 tentang latihan perguruan Malaysia, pensyarah IPG, seperti rakan sejawat di universiti lain, akan digalakkan untuk meningkatkan kepakaran dalam bidang pengkhususan tertentu dan mengagihkan masa mereka untuk pengajaran, penyelidikan, dan penerbitan bahan.

Kementerian akan mengkaji semula dan menambah baik laluan kerjaya pensyarah supaya lebih menarik dengan memperkenalkan peningkatan kerjaya yang lebih pantas untuk mereka yang berprestasi tinggi, seperti menawarkan insentif kewangan serta biasiswa bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Pensyarah IPG juga bertanggungjawab memberi latihan dan bimbingan dalam perkhidmatan untuk guru seperti melalui program SISC+. Sekolah akan memperoleh manfaat daripada peningkatan bimbingan di sekolah sementara pensyarah IPG dapat sentiasa mengikuti perkembangan persekitaran sekolah.

Menaik taraf infrastruktur

Kementerian akan meningkatkan kualiti infrastruktur fizikal semua kampus IPG dengan menaik taraf dewan kuliah, pusat sumber, dan pusat kegiatan guru pelatih dengan kemudahan terkini yang mencukupi. Kementerian juga akan meningkatkan akses kepada sumber pengetahuan dengan menambah koleksi buku, kertas penyelidikan dan sumber dalam talian.

Meningkatkan aktiviti penyelidikan dan inovasi

Kemahiran menjalankan penyelidikan, membenteng kertas kerja, penulisan ilmiah, dan membudayakan kreativiti dan inovasi adalah antara kemahiran pedagogi abad 21 yang mesti dikuasai oleh guru. Oleh itu, aktiviti-aktiviti ini akan dipertingkatkan dalam kalangan pensyarah, guru pelatih, dan pegawai di IPG.

Meningkatkan profil IPG

Kementerian akan memperkenalkan sistem penarafan untuk 27 kampus IPG, berasaskan penilaian menyeluruh dalam beberapa dimensi, termasuk kualiti guru pelatih, pensyarah dan infrastruktur, oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Sistem penarafan ini akan menggunakan mekanisme untuk mengenal pasti kekurangan dalam dimensi yang dihadapi oleh mana-mana kampus IPG dan untuk menyediakan sokongan yang diperlukan.

Kementerian bercadang mendapatkan akreditasi untuk IPG di peringkat antarabangsa menjelang 2020. IPG akan meningkatkan profil antarabangsanya dan mengemas kini serta memajukan ilmu melalui kerjasama dengan universiti dan institusi pendidikan bertaraf dunia.

dilatih di bawah program kendalian IPTA. Namun, data perbandingan mengenai keputusan akademik guru pelatih IPTA sukar diperolehi.

Latihan praperkhidmatan dan pembangunan profesional berterusan

Berdasarkan profil usia tenaga kerja keguruan dan cabaran berterusan untuk menarik minat calon guru berkelayakan yang mencukupi, latihan perguruan merupakan mekanisme penting bagi meningkatkan kualiti guru. Latihan praperkhidmatan menyediakan asas yang kukuh kepada guru untuk memberikan sumbangan berkesan di dalam bilik darjah sejak hari pertama perkhidmatan mereka. Pembangunan profesional berterusan membolehkan guru mengekalkan dan meningkatkan set kemahiran, termasuk mengikuti perkembangan terkini dalam pedagogi.

Latihan praperkhidmatan

Pada 2007, Kementerian meningkatkan kelayakan minimum latihan praperkhidmatan daripada diploma kepada ijazah Sarjana Muda untuk guru sekolah rendah, selaras dengan amalan sedia ada untuk guru sekolah menengah. Kementerian menyediakan peluang dan insentif kepada guru sedia ada untuk melanjutkan pelajaran bagi memastikan aspirasi ini dicapai. Hasil daripada usaha ini amat memberangsangkan. Pada 2010, 31% guru sekolah rendah mempunyai sekurang-kurangnya ijazah Sarjana Muda.

Di sebalik pencapaian ini, Kementerian menyedari masih terdapat ruang untuk penambahbaikan. Jika dibandingkan dengan sistem pendidikan berprestasi tinggi, program praperkhidmatan di Malaysia mempunyai komponen amali yang terhad, yang membataskan guru pelatih mengamalkan kemahiran mereka di sekolah di bawah bimbingan dan seliaan guru berpengalaman. Sebagai contoh, dalam KPLI, kira-kira 20% jam kredit diperuntukkan kepada praktikum. Sebaliknya, program pendidikan guru yang berprestasi tinggi di *National Institute of Education*, Singapura dan di *Melbourne Graduate School of Education*, Australia memperuntukkan kira-kira 40% waktu kursus kepada komponen praktikum.

Pembangunan profesional berterusan

Dapatan Kaji Selidik Antarabangsa Pengajaran dan Pembelajaran (TALIS) menunjukkan bahawa pelibatan guru dalam aktiviti pembangunan profesional adalah sangat baik. Lebih 90% guru melaporkan bahawa mereka mengikuti program pembangunan profesional kira-kira 10 hari setahun, iaitu lebih daripada tujuh hari setahun seperti yang ditetapkan oleh Kementerian. Latihan ini meliputi aktiviti pembelajaran sendiri, bengkel di luar sekolah, hinggalah kepada bimbingan berasaskan sekolah seperti pencerapan di dalam bilik darjah dan perancangan mengajar. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru di Malaysia sangat beriltizam untuk meningkatkan kemajuan diri.

Aspirasi Kementerian adalah untuk meningkatkan peratusan aktiviti pembangunan profesional berasaskan sekolah, seperti pemerhatian rakan setugas dan perancangan mengajar daripada tahap 16% pada masa kini. Hasrat ini berdasarkan dapatan kajian antarabangsa yang menunjukkan bahawa latihan amali di sekolah yang berasaskan aktiviti yang benar-benar berlaku di dalam bilik darjah lebih berkesan daripada program latihan yang dijalankan di luar sekolah. Kumpulan

fokus guru di Malaysia juga melaporkan pencerapan oleh ketua panitia atau pengetua/guru besar semasa mereka mengajar paling bermanfaat kerana kaedah ini membolehkan mereka mendapat pencerapan langsung tentang cara menambah baik amalan di dalam bilik darjah.

Penempatan

Semasa latihan praperkhidmatan, guru pelatih membuat pengkhususan dalam sekurang-kurangnya satu mata pelajaran, iaitu 'opsyen'. Opsyen ini bertujuan memastikan mereka mempunyai pengetahuan kandungan dan pemahaman yang mencukupi untuk mengajar mata pelajaran tersebut dengan berkesan. Matlamat Kementerian adalah untuk menempatkan guru mengikut opsyen setelah mereka tamat menjalani latihan. Namun begitu, matlamat ini tidak dapat dicapai sepenuhnya. Situasi ini mengakibatkan wujudnya sebilangan guru yang terpaksa mengajar mata pelajaran bukan opsyen yang mungkin mereka kurang mahir. Sebagai contoh, pada 2011, hampir 6,000 guru opsyen Bahasa Malaysia sekolah rendah telah ditugaskan mengajar mata pelajaran lain disebabkan terdapat lebihan guru berbanding kekosongan jawatan untuk mata pelajaran tersebut.

Persekitaran kerja

Kementerian telah meneliti beberapa dimensi yang mempengaruhi pengalaman pengajaran secara langsung: ketersediaan ruang kerja yang mencukupi untuk guru, purata saiz kelas dan nisbah murid-guru, jumlah waktu bekerja, dan jenis aktiviti yang diberi sebagai tugas guru. Setiap dimensi di atas dibincangkan dalam bahagian ini kecuali kualiti infrastruktur sekolah yang dibincangkan dalam Bab 6.

Purata saiz kelas dan nisbah murid-guru

Sebanyak 92% sekolah rendah dan 88% sekolah menengah mempunyai saiz kelas kurang daripada 35 murid, selaras dengan garis panduan sedia ada untuk saiz kelas maksimum (lihat Ekshibit 5-5). Keadaan ini menunjukkan bahawa majoriti guru mengajar dengan saiz kelas mengikut sasaran yang ditetapkan, dan mempunyai nisbah murid-guru yang sama atau rendah daripada nisbah OECD, iaitu 16:1. Biasanya, sekolah yang mempunyai saiz kelas melebihi 35 murid merupakan sekolah yang popular dan terletak di bandar.


Waktu bekerja dan agihan tugas

Tugas seseorang guru merangkumi pelbagai aktiviti. Di Malaysia, guru diharapkan dapat memperuntukkan masa bukan sahaja untuk aktiviti pengajaran seperti merancang pengajaran, mengajar di dalam bilik darjah, dan memeriksa kerja rumah, tetapi juga untuk tugas seperti melaksanakan aktiviti kokurikulum, menghadiri atau menyelaras aktiviti pembangunan profesional, serta melibatkan diri dengan ibu bapa dan komuniti. Guru juga diberi tugas pentadbiran berkaitan pengajaran dan pembelajaran seperti mengisi kad laporan murid dan memantau kehadiran murid di dalam bilik darjah.

Guru di Malaysia menzahirkan kebimbangan yang serius tentang waktu bekerja yang panjang serta pelbagai aktiviti yang perlu mereka laksanakan. Pada 2011, kaji selidik yang dijalankan oleh Kementerian terhadap 7,853 guru mendapati mereka bekerja antara 40 hingga 80 jam seminggu, dengan purata 57 jam seminggu. Malah, kaji selidik lain tentang beban kerja guru mendapati purata jam guru bekerja dilaporkan mencecah 77 jam seminggu (kaji selidik Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 2011), yang menggambarkan waktu

EKSHIBIT 5-5

Pecahan purata nisbah murid - guru dan saiz kelas bagi sekolah rendah dan menengah (2011)




bekerja selama 15 jam sehari. Dapatan ini juga mencerminkan keadaan bahawa sebahagian guru mempunyai waktu bekerja lebih panjang berbanding guru yang lain.

Walaupun jumlah waktu bekerja adalah panjang, namun kadar masa yang digunakan untuk mengajar di dalam bilik darjah agak rendah. Berdasarkan pangkalan data Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (EMIS) Kementerian, guru hanya menghabiskan secara purata antara 2.4 hingga 2.9 jam sehari mengajar di dalam bilik darjah (tidak termasuk masa yang digunakan untuk penyediaan pengajaran, pemeriksaan kerja rumah, atau perbincangan satu sama satu dengan murid). Kadar ini adalah kira-kira 40% lebih rendah daripada purata OECD (lihat Ekshibit 5-6).

EKSHIBIT 5-6

Perbandingan waktu pengajaran di Malaysia dengan sistem lain



¹ 2011 data berasaskan kepada purata bilangan waktu pengajaran bagi setiap guru (tidak termasuk guru yang bertugas di jabatan lain seperti Kementerian, JPN, PPD, pengetua, guru besar, dan staf kaunseling sepenuh masa) mengikut pecahan di sekolah rendah dan menengah. Setiap waktu diperuntukkan 30 minit bagi sekolah rendah dan 40 minit bagi sekolah menengah.

SUMBER: Pangkalan data EMIS 2011; OECD 2009

Kajian ini menunjukkan bahawa guru menghabiskan banyak masa pengajaran untuk melaksanakan tugas pentadbiran (antara 15% hingga 30%, berdasarkan kaji selidik). Semasa Dialog Nasional, guru secara tekal membangkitkan kebimbangan terhadap kerja pentadbiran yang mengurangkan keupayaan mereka untuk memberikan tumpuan kepada tugas pengajaran dan pembelajaran. Memandangkan bilangan guru yang ramai dan kadar masa yang digunakan untuk pengajaran di dalam bilik darjah yang agak rendah, wujud ruang bagi mengoptimumkan cara guru menggunakan masa.


Saraan dan pengurusan prestasi

Laporan penilaian perbelanjaan awam oleh Bank Dunia 2011 tentang sistem pendidikan di Malaysia menyatakan, “Banyak yang beranggapan bahawa guru dibayar gaji rendah...sedangkan situasi sebenar tidak seperti yang didakwa.” Seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 5-7, gaji permulaan bagi guru dalam perkhidmatan awam (guru kerajaan) adalah sebanding dengan gaji pekerja di sektor awam yang lain dan sektor swasta di Malaysia, termasuk peguam, akauntan, dan eksekutif IT. Selain itu, gaji guru di Malaysia yang telah berkhidmat selama 15 tahun, apabila diselaraskan sebagai peratusan KDNK per kapita, adalah sebanding dengan gaji guru dalam sistem pendidikan terbaik seperti Finland (Ekshibit 5-8). Peratusan KDNK per kapita digunakan bagi membolehkan perbandingan merentas sistem pendidikan berbeza-beza dibuat. Dalam hal ini, Singapura

dan Korea Selatan terkecuali kerana kedua-dua negara tersebut telah mengecilkan saiz tenaga kerja dengan ketara bagi membolehkan negara itu membayar gaji yang lebih tinggi kepada guru.

EKSHIBIT 5-7

Perbandingan purata gaji permulaan guru dengan profesion awam lain dan swasta di Malaysia




¹ Sektor swasta dimasukkan hanya gaji asas kerana elaun diberikan untuk menebus balik perbelanjaan yang telah dikeluarkan sendiri dan bukan merupakan sebahagian besar daripada pampasan

² Purata wajaran gaji permulaan guru siswazah berasaskan data guru pelatih, andalan purata gaji pokok -RM2,000 (julat RM1,786 hingga RM2,510) dan elaun RM750

SUMBER: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia; Jabatan Perkhidmatan Awam; JobStreet; Kelly Services; OECD; *Closing the Talent Gap*; McKinsey & Company

EKSHIBIT 5-8

Tahap gaji pertengahan bagi guru yang berkhidmat di Malaysia dan sistem lain



¹ Singapura berasaskan data 2007

² Malaysia berdasarkan data 2011 dengan gaji bulanan RM3434 sebagai purata bagi guru gred DG44 dengan perkhidmatan 15 tahun dan elaun perumahan RM400, dan RM100-300 untuk Bantuan Sara Hidup berdasarkan lokasi

SUMBER: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia; Jabatan Perkhidmatan Awam; JobStreet; Kelly Services; OECD; *Closing the Talent Gap*; McKinsey & Company


Kementerian juga telah menambah baik peluang kemajuan kerjaya guru pada 1994 dengan memperkenalkan laluan Guru Cemerlang. Jika guru menunjukkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang kompetensi, seperti penguasaan kandungan mata pelajaran dan pedagogi, laluan ini membolehkan guru dinaikkan gred dengan lebih cepat dan akhirnya akan meningkatkan jumlah keseluruhan pendapatan sepanjang hayat. Sejak diperkenalkan, 13,300 guru telah diberi gelaran Guru Cemerlang (GC). Semua guru juga berpeluang memegang jawatan kepimpinan (sama ada di peringkat sekolah, PPD, JPN atau Kementerian), atau menjawat jawatan pensyarah di IPG atau di Institut Aminuddin Baki (IAB).

Sistem kenaikan pangkat 8:8:6:3 yang baharu merupakan suatu penambahbaikan yang ketara daripada sistem sebelumnya. Sistem ini membolehkan guru dinaikkan gred daripada DG41 (skala gaji permulaan bagi guru siswazah baharu) kepada gred DG54 (skala gaji yang paling tinggi bagi seseorang guru dalam jawatan bukan kepimpinan) dalam tempoh 25 tahun. Walau bagaimanapun, sistem ini masih berasaskan tempoh perkhidmatan yang mungkin mengurangkan dorongan untuk guru memajukan diri mereka secara berterusan. Tambahan pula, jangka waktu kenaikan pangkat selama 25 tahun masih merupakan suatu tempoh yang agak panjang dan tidak akan dapat menangani isu dan cabaran semasa, iaitu masih terdapat kekurangan guru berpengalaman untuk membimbing guru baharu semasa mereka mula menyertai profesion ini. Kini terdapat 58% guru yang masih berada pada gred terendah, iaitu DG41 atau gred DGA29 berbanding 1.2% pada gred DG52 atau gred DGA34 (lihat Ekshibit 5-9).

EKSHIBIT 5-9

Taburan guru mengikut gred perkhidmatan

Peratus guru, 2012



SUMBER: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Satu lagi cabaran kepada kemajuan kerjaya yang berkesan ialah instrumen utama yang digunakan dalam penilaian guru, iaitu Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) yang tidak dikaitkan dengan kompetensi pengajaran khusus seperti pengetahuan mata pelajaran dan penguasaan pelbagai strategi pengajaran. Memandangkan LNPT ialah instrumen yang sama bagi kegunaan semua penjawat awam, dimensi penilaiannya agak umum dan tidak menjadi pengukur prestasi terbeza. Sebagai contoh, daripada hampir 48,000 sampel guru yang diambil pada 2010, lebih 60% responden telah mendapat skor melebihi 90%, manakala 38% mendapat skor antara 70% hingga 90%, dan 2% daripada responden mendapat skor bawah 70%. Ketiadaan perbezaan dimensi prestasi ini menyebabkan Kementerian menghadapi kesukaran menyediakan sokongan profesional bersasaran untuk mereka yang memerlukannya.

Bagi mengatasi kesukaran ini, Kementerian telah menyediakan beberapa instrumen lain seperti Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM): Standard 4 dan instrumen penilaian Guru Cemerlang, untuk membantu proses penilaian. Walau bagaimanapun, instrumen berkenaan secara tidak langsung menimbulkan kekeliruan dalam kalangan guru tentang dimensi atau kriteria sebenar yang diambil kira. Di samping itu, guru juga telah menyuarakan kebimbangan mengenai penilaian yang membazirkan masa dan sumber kerana pertindihan kriteria.



Keseimbangan antara gaji yang lebih tinggi dengan bilangan guru

Korea Selatan dan Singapura telah memilih untuk menghadkan bilangan guru supaya mereka dapat dibayar gaji yang lebih tinggi dan kelayakan masuk ke profesion keguruan diperketatkan. Pilihan negara-negara ini disokong oleh banyak dapatan kajian yang menunjukkan bahawa faktor seperti saiz kelas memberi impak kecil terhadap kualiti keberhasilan murid berbanding kualiti guru. Sebagai contoh, nisbah murid-guru di Korea Selatan adalah 20:1 berbanding purata nisbah OECD iaitu, 16:1, dan nisbah Malaysia 13:1. Nisbah ini membolehkan setiap guru di Korea Selatan dibayar gaji yang lebih tinggi, sambil mengekalkan pembiayaan pendidikan pada tahap yang sama dengan negara OECD yang lain. Singapura juga telah melaksanakan strategi yang sama. Seterusnya, disebabkan Singapura dan Korea Selatan memerlukan bilangan guru yang kecil, negara itu juga mempunyai pilihan membenarkan hanya yang terbaik untuk menyertai profesion keguruan. Strategi ini mewujudkan satu kitaran baik yang memartabatkan status profesion, meningkatkan kualiti pemohon, dan seterusnya menjadikan profesion keguruan lebih menarik.

Malaysia mempunyai keluwesan untuk menyesuaikan nisbah murid-guru mengikut purata OECD tanpa berkompromi dengan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, sekiranya perkara ini dilakukan, Kementerian akan memastikan bilangan murid tidak melebihi 35 orang dan beban tugas pentadbiran guru tidak akan bertambah.

Pelan Tindakan: Mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan

Kementerian terus beriltizam mengekalkan dasar sedia ada, iaitu mengukuhkan profesion keguruan di Malaysia bagi menjadikannya lebih menarik, mendatangkan kepuasan, dan lebih berprestij. Mengambil iktibar daripada kejayaan usaha terdahulu, dan permuafakatan awal dengan guru serta kesatuan guru, Kementerian bercadang melaksanakan Pakej Kerjaya Guru yang baharu dalam beberapa gelombang. Pakej Kerjaya ini akan menangani cabaran semasa yang dihadapi oleh guru pada setiap peringkat kerjaya mereka daripada pengambilan dan latihan keguruan hingga pesaraan. Pakej ini merangkumi usaha meninggikan syarat kelayakan masuk, meningkatkan peluang pembangunan profesional berterusan mengikut keperluan individu, membolehkan guru maju dalam kerjaya berdasarkan prestasi dan kompetensi, serta mewujudkan budaya kecemerlangan profesional berasaskan teladan rakan setugas.

Gelombang 1 (2013 - 2015): Meningkatkan standard dan sistem sokongan

Gelombang 1 akan memberi tumpuan kepada peningkatan standard profesional, dan menambah baik sistem sokongan, serta persekitaran kerja. Lima langkah akan diambil: (i) Meningkatkan profil profesion keguruan; (ii) Menginggikan syarat kelayakan kemasukan untukambilan baharu; (iii) Mengaitkan prestasi dengan kompetensi; (iv) Meningkatkan peruntukan bagi pembangunan profesional berterusan; dan (v) Mengurangkan beban pentadbiran yang dipikul oleh guru. Secara keseluruhan, langkah ini bertujuan menyediakan peluang dan sokongan yang diperlukan oleh guru bagi menggalakkan peningkatan kemahiran dan kecemerlangan mereka dalam pekerjaan.

Meningkatkan profil profesion keguruan

Kementerian akan memperkukuhkan status profesion keguruan supaya menjadi profesion pilihan. Di Korea Selatan, profesion keguruan adalah pilihan kerjaya paling popular kerana mempunyai status sosial yang tinggi, kesukaran untuk memperoleh sijil mengajar, gaji yang tinggi, dan kestabilan kerjaya. Kementerian berhasrat untuk melaksanakan kempen pemasaran dan pengambilan bersasaran, berfokus kepada mereka yang berprestasi tinggi dan segmen yang mengalami kekurangan tenaga pengajar termasuk bidang seperti Bahasa Inggeris, Sains, dan guru lelaki. Kementerian akan mengadakan jerayawara di sekolah, pameran pendidikan dan iklan TV bersasaran untuk meningkatkan jenama perguruan. Kementerian berhasrat untuk memilih guru pelatih daripada lulusan 30% terbaik dan mungkin mengurangkan saizambilan sekiranya kumpulan pemohon pada sesuatu tahun tidak mempunyai kelayakan yang ditetapkan. Kementerian juga akan melaksanakan dasar ini di IPT.

Meninggikan syarat kelayakan kemasukan untukambilan guru baharu

Selaras dengan aspirasi IPG untuk menjadi universiti latihan perguruan bertaraf dunia, Kementerian akan menetapkan standard yang lebih tinggi untuk lulus latihan perguruan dan seterusnya diambil bertugas sebagai guru di bawah Kementerian. Langkah yang serupa akan dilaksanakan di IPT. Pada masa hadapan siswazah akan diambil bekerja hanya setelah mereka dapat menguasai kompetensi minimum yang diharapkan melalui praktikum dan kerja kursus dalam latihan perguruan. Syarat ini adalah untuk memastikan hanya guru

yang terbaik dan paling layak menyertai profesion keguruan. Walau bagaimanapun, guru pelatih sedia ada di IPG dan di IPTA tidak terikat dengan dasar baharu ini.

Sehingga kini, Kementerian telah mengambil hampir 15,000 guru pelatih setiap tahun. Oleh sebab kekurangan guru secara mutlak bukan lagi menjadi isu, Kementerian sedang meneliti penguranganambilan guru pelatih secara berperingkat sehingga 50% dalam tempoh lima tahun akan datang. Dalam masa yang sama, dengan kadar persaraan sedia ada, dijangkakan akan berlaku pengurangan dalam saiz kohort sebanyak 10% menjelang 2025. Kementerian akan memantau perubahan saiz bilangan guru yang berada dalam sistem bagi memastikan apa-apa penguranganambilan guru baharu tidak akan menjejaskan saiz kelas atau keberhasilan murid. Sebaliknya,



Contoh inovasi sektor swasta dalam pendidikan Malaysia: *Teach for Malaysia (TFM)*

Berdasarkan kejayaan Program *Teach for All* seperti *Teach for America* di Amerika Syarikat, *Teach First* di United Kingdom dan *Teach for India* di India, Program *Teach for Malaysia* mensasarkan siswazah berprestasi tinggi untuk menyertai profesion keguruan.

Program ini mensasarkan siswazah yang mempunyai kelayakan akademik yang cemerlang, kemahiran kepimpinan, kemahiran pengurusan dan aptitud bagi perguruan. Di Amerika, program ini menarik pemohon daripada hampir 20 peratus lulusan daripada universiti terbaik seperti Yale dan Harvard, membenarkan pemilihan dibuat secara amat selektif.

TFM diwujudkan pada penghujung 2010 dengan sokongan pelbagai penaja korporat. TFM bekerjasama dengan Kementerian untuk menempatkan felo TFM di sekolah yang sangat memerlukan selama dua tahun. Felo TFM diberikan bimbingan dan sokongan semasa penempatan mereka, pada masa yang sama berusaha ke arah mendapatkan kelayakan profesional dalam pendidikan. Kumpulan perintis terdiri daripada 50 felo, ditempatkan di 17 sekolah di Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan.

pengecilan kohort ini akan dapat dilaksanakan apabila guru menggunakan waktu bekerja dengan optimum dan meningkatkan produktiviti mereka.

Mengukuhkan kaitan antara prestasi dengan kompetensi

Penambahbaikan kualiti guru bermula dengan pentakrifan yang jelas tentang kecemerlangan profesion keguruan. Kementerian akan dapat mengenal pasti bidang yang memerlukan sokongan, dan dengan itu dapat menyediakan bantuan yang tepat kepada guru yang memerlukannya.

Bagi mencapai tujuan ini, Kementerian akan menyediakan satu instrumen yang menyatakan dengan jelas kompetensi yang perlu dimiliki oleh guru dalam tempoh perkhidmatan yang berbeza, merentas empat dimensi: pengajaran dan pembelajaran, nilai-nilai profesional, aktiviti di luar bilik darjah, dan sumbangan profesional. Instrumen ini akan dirintis pada 2013 dan diguna pakai pada 2014. Kementerian berhasrat menggunakan instrumen ini untuk menggantikan semua instrumen lain yang digunakan pada masa ini, termasuk Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT).

Instrumen penilaian guru yang baharu (lihat Ekshibit 5-10), dicadangkan hampir 60% daripada skor penilaian berdasarkan keberkesanan pengajaran guru. Penilaian ini ditentukan melalui pencerapan guru di dalam bilik darjah serta keberhasilan murid dalam kelas yang diajar oleh guru itu. Kementerian juga mencadangkan penggunaan lebih daripada seorang penilai untuk setiap guru, dan mewujudkan proses rayuan untuk guru yang tidak bersetuju dengan penilaian yang dilakukan terhadap mereka. Objektif penilaian ini adalah untuk mewujudkan suatu pendekatan yang memastikan ketekalan dan keobjektifan keseluruhan penilaian, serta memupuk budaya prestasi cemerlang di sekolah.

EKSHIBIT 5-10

Contoh kompetensi yang diharapkan berbanding dimensi yang dicadangkan

Dimensi	Tahap					
	1	2	3	4	5	6
I Pengajaran dan Pembelajaran ▪ Penyediaan pengajaran	▪ Objektif pengajaran adalah jelas. Pemilihan alat pengajaran agak kurang sesuai		▪ Objektif pengajaran adalah jelas dan boleh diukur. Aktiviti dirancang untuk memenuhi objektif pengajaran dengan menggunakan alat pengajaran yang sesuai		▪ Objektif pengajaran adalah jelas, boleh diukur sesuai dengan keupayaan murid. Aktiviti dirancang untuk memenuhi objektif dengan menggunakan alat pengajaran yang menarik minat	
II Nilai Profesional	▪ Tidak dapat memberi sumbangan sepenuhnya kepada tugas yang diarahkan		▪ Kadang kala memberi sumbangan sepenuhnya kepada tugas yang diarahkan		▪ Memberi tumpuan dan komitmen penuh pada tugas yang diarahkan	
III Aktiviti luar bilik darjah	▪ Tidak dapat menyediakan pelan tugas khusus		▪ Dapat menyediakan pelan tugas khusus tetapi tidak menyeluruh atau jelas		▪ Dapat menyediakan pelan tugas khusus yang jelas, tepat dan menyeluruh	
IV Sumbangan Profesional	▪ Tidak menunjukkan peningkatan sendiri		▪ Melakukan peningkatan sendiri untuk pembelajaran kerjaya		▪ Melakukan peningkatan sendiri yang relevan untuk peningkatan kerjaya	

Menekankan pembangunan profesional berterusan

Menyedari bahawa guru mungkin memerlukan bantuan bagi mencapai kompetensi baharu yang diharapkan, Kementerian beriltizam menyediakan sokongan yang diperlukan untuk kejayaan guru. Oleh itu, Kementerian akan membangunkan portfolio program latihan bagi menghadapi setiap aspek keperluan kompetensi dalam instrumen baharu. Sesetengah modul dalam portfolio program latihan ini

merangkumi kompetensi asas yang perlu dikuasai oleh semua guru, seperti pedagogi yang menyokong pembangunan pemikiran aras tinggi murid, dan ianya akan diwajibkan.

Modul lain akan dijadikan sebagai elektif yang boleh dipilih oleh guru, bergantung pada minat dan kekuatan diri, atau bidang untuk dibangunkan yang dikenal pasti melalui instrumen baharu. Dalam membangunkan portfolio ini, Kementerian akan memberikan lebih tumpuan kepada program pembelajaran berasaskan sekolah, iaitu bentuk pembangunan profesional yang paling berkesan berdasarkan dapatan kajian antarabangsa.

Dua inisiatif akan dilancarkan pada Januari 2013 bagi memperkenalkan guru kepada program pembangunan profesional baharu yang akan diwujudkan. Inisiatif pertama ialah pewujudan perpustakaan video e-Guru yang menyediakan koleksi contoh pengajaran terbaik. Video ini akan membolehkan guru mendapat gambaran nyata tentang amalan pengajaran terbaik supaya mereka boleh melaksanakannya di dalam bilik darjah masing-masing. Video ini juga boleh digunakan semasa sesi latihan dan bimbingan tentang kemahiran pedagogi.

Inisiatif kedua ialah peluasan program bimbingan guru, iaitu Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (*School Improvement Specialist Coach – SISC+*) yang pertama kali diperkenalkan di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0. Tiga perubahan khusus akan dibuat. Pertama, SISC+ akan dijadikan jawatan sepenuh masa bagi membolehkan mereka membimbing lebih banyak guru dengan lebih kerap. Kedua, SISC+ bertanggungjawab memberikan bimbingan mengikut ketiga-tiga dimensi yang saling berkait, iaitu kurikulum, pentaksiran, dan pedagogi. Ketiga, SISC+ akan memfokus pada bimbingan berasaskan sekolah untuk guru di sekolah band rendah (Band 5, 6 dan 7). Peranan SISC+ yang baharu akan dilaksanakan sebagai sebahagian daripada Program Transformasi PPD yang lebih luas seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 4.

Kementerian juga beriltizam memastikan 60% guru sekolah rendah dan 90% guru sekolah menengah memperoleh ijazah menjelang 2015. Oleh itu, Kementerian akan terus memberi sokongan untuk guru melanjutkan pelajaran.

Mengurangkan beban tugas guru dan meningkatkan kualiti persekitaran kerja untuk guru

Kementerian sedar bahawa tugas pentadbiran berlebihan mengambil masa urusan teras guru dalam pengajaran dan pembelajaran, serta mengurangkan keberkesanan pengajaran mereka. Oleh itu, Kementerian akan mengambil dua tindakan utama dalam Gelombang 1 bagi mengurangkan beban tugas yang keterlaluan.

Pertama, Kementerian telah mula menyeragamkan sistem pengurusan dan pengumpulan data sedia ada bagi menghapuskan pertindanan permintaan data. Tiga pangkalan data telah disasarkan untuk proses penyeragaman awal: Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) yang digunakan untuk menggabungkan keputusan murid daripada peperiksaan semester berasaskan sekolah; Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) yang digunakan untuk memantau keputusan PBS dan Sistem Maklumat Murid (SMM) yang mengandungi data murid. Perubahan ini seharusnya menghapuskan permohonan berulang bagi data yang sama dan memudahkan proses memasukkan data baharu



Perpustakaan Video e-Guru

Kementerian telah mewujudkan perpustakaan video yang menggambarkan “apa yang dianggap sebagai pengajaran yang baik” bagi setiap dimensi kompetensi pengajaran dan pembelajaran. Perpustakaan video ini akan dimuatkan dalam portal dalam talian menggunakan 1BestariNet untuk membolehkan guru mengakses video ini pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Perpustakaan ini juga akan menjadi alat bantuan mengajar yang penting kepada SISC+ semasa sesi bimbingan bersama guru.

Kementerian juga bercadang membangunkan perpustakaan video pengajaran harian untuk mata pelajaran penting, iaitu Matematik, Sains, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris bermula dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5. Pembangunan perpustakaan ini akan dilakukan dengan mengenal pasti Guru Cemerlang dalam mata pelajaran tersebut, dan membuat rakaman pita video pengajaran mereka sepanjang tahun persekolahan. Sumber ini akan dapat diakses oleh guru yang memerlukan inspirasi bagi memantapkan rancangan pengajaran malah oleh murid sebagai alat ulang kaji.

Perpustakaan video akan dihos sebagai sebahagian *Virtual Learning Environment (VLE)* bagi 1BestariNet untuk membolehkan guru dan murid mengakses video ini pada bila-bila dan di mana-mana.

ke dalam sistem. Kementerian juga akan mengkaji semula keperluan menyediakan pendokumentasian dan laporan terkini (sebagai contoh, keperluan untuk pensijilan ISO) bagi mengenal pasti bidang untuk diseragamkan.

Kedua, Kementerian akan mengenal pasti kaedah bagi mengatasi isu kesesakan di sekolah yang mempunyai purata saiz kelas melebihi 35 murid. Kaedah yang dicadangkan termasuk pembinaan bilik darjah tambahan, penempatan semula guru tambahan, dan/atau mengetatkan penguatkuasaan kuota enrolmen. Walau bagaimanapun, Kementerian tidak akan mengurangkan bilangan murid bagi setiap kelas daripada 35

kerana terdapat bukti kajian antarabangsa yang menunjukkan saiz kelas bukan faktor penyumbang utama kepada pencapaian murid, berbanding kualiti guru. Kementerian sedang membuat penelitian untuk menyediakan setiap sekolah dengan sekurang-kurangnya seorang pembantu tadbir tambahan. Program rintis sedang dilaksanakan di Melaka dan jika didapati berjaya, ia akan diperluaskan ke seluruh negara.

Gelombang 2 (2016 - 2020): Mengukuhkan laluan dan kemajuan kerjaya

Pakej Kerjaya Guru yang baharu dalam Gelombang 2 akan berasaskan peningkatan standard yang telah dijalankan semasa Gelombang 1. Langkah yang akan diambil semasa Gelombang 2 termasuk menambah baik kualiti program latihan praperkhidmatan perguruan, dan memastikan hanya siswazah yang terbaik dipilih menyertai profesion keguruan. Gelombang ini juga akan menyaksikan pelaksanaan laluan kerjaya yang ditingkatkan melalui tawaran pengkhususan berbeza bergantung pada minat guru serta kemajuan kerjaya yang lebih pantas untuk guru berprestasi tinggi, dan pilihan tugas lain untuk guru yang tekal berprestasi rendah. Perlu diambil perhatian bahawa persediaan asas untuk semua perubahan ini perlu bermula semasa pelaksanaan Gelombang 1 bagi membolehkan pelaksanaan segera pada 2016.

Meningkatkan kualiti guru pelatih secara berterusan

Kementerian akan terus berusaha untuk meningkatkan kualiti latihan praperkhidmatan di IPG dan IPT untuk memastikan hanya pelatih yang terbaik daripada setiap kohort lulusan dipilih sebagai guru. Usaha ini termasuk melaksanakan kajian semula dan meningkatkan kurikulum secara berkesan, kualiti pensyarah dan laluan kerjaya, kelayakan masuk dan syarat lulus, dan pengiktirafan antarabangsa bagi IPG. Langkah ini membolehkan guru meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah seawal hari pertama mereka menyertai perkhidmatan perguruan.

Mengukuhkan laluan kerjaya

Kementerian akan meneliti pengesahan pelaksanaan tiga laluan kerjaya yang berbeza: (i) laluan dalam pengajaran untuk guru yang ingin terus memberikan tumpuan kepada pengajaran; (ii) laluan kepimpinan dan pengurusan untuk guru yang ingin memegang jawatan pemimpin sama ada pada peringkat sekolah, PPD, JPN, atau Kementerian, dan; (iii) laluan pakar bidang bagi guru yang ingin menjadi pakar seperti pembimbing dan jurulatih guru, pensyarah di IPG dan IAB, atau pembangun kurikulum dan pentaksiran. Laluan kerjaya ini akan dibangunkan dalam Gelombang 1 selepas berunding dengan kesatuan guru, dan diselaraskan dengan perubahan laluan kerjaya yang serupa bagi pemimpin sekolah (diperincikan dalam bab ini di bahagian “Pemimpin Sekolah”).


Bagi setiap laluan ini, Kementerian menggunakan instrumen yang dibangunkan dalam Gelombang 1 bagi menentukan cara kompetensi guru dijangkakan berkembang dengan setiap kenaikan pangkat. Ini akan menyokong usaha Kementerian ke arah pensijilan kursus latihan dalam perkhidmatan. Kementerian juga akan memastikan peluang kenaikan pangkat dalam setiap laluan adalah setara, dan pergerakan antara laluan dibolehkan.

Merombak kemajuan kerjaya

Kementerian berhasrat mengukuhkan laluan untuk guru berprestasi tinggi sedia ada. Di bawah laluan pantas yang disemak semula, kerangka masa kenaikan gred guru berprestasi tinggi dari DG41 ke DG54 dicadangkan lebih singkat berbanding tempoh 25 tahun pada masa ini (Ekshibit 5-11). Kemajuan kerjaya guru bergantung pada kepantasan seseorang guru menguasai kompetensi bagi setiap tahap. Penghargaan tambahan akan diberikan kepada guru yang berjaya menyempurnakan perkhidmatan antara tiga hingga lima tahun di sekolah luar bandar/pedalaman, dan/atau di sekolah berprestasi rendah. Pergerakan pantas ini bertujuan memberikan ganjaran kepada guru yang berprestasi tinggi, dan menggalakkan guru terbaik bertugas di sekolah berkenaan. Implikasinya, komposisi tenaga kerja guru pada masa ini akan beranjak daripada didominasi oleh guru muda kepada guru berpengalaman dan berkemahiran tinggi. Dianggarkan antara 2% hingga 5% guru pada setiap tahun akan mendapat manfaat daripada laluan ini.

EKSHIBIT 5-11

Cadangan laluan bagi guru berprestasi tinggi




Kementerian akan mencadangkan dasar pemisah atau penempatan semula sekiranya guru menunjukkan prestasi rendah selama 3 tahun berturut-turut walaupun bantuan dan sokongan diberikan. Kementerian sedar bahawa mengekalkan guru sedemikian dengan tugas mengajar akan menyebabkan mereka kehilangan peluang kenaikan pangkat. Masa depan mereka mungkin lebih cerah sekiranya mereka berupaya melaksanakan tugas lain yang lebih sesuai dengan kebolehan mereka.

Kementerian beriltizam menyediakan pilihan ini untuk guru dan memastikan mereka diberi sokongan secukupnya bagi menjayakan dasar ini. Melalui dasar ini, Kementerian akan menempatkan semula guru bagi menjalankan fungsi lain yang bersesuaian seperti pentadbiran, pengurusan disiplin, atau pengurusan aktiviti kokurikulum (Ekshibit 5-12). Langkah seperti ini akan terus mengurangkan beban tugas pentadbiran guru yang kekal memberi tumpuan kepada fungsi pengajaran. Kementerian juga akan meneroka pilihan latihan semula bagi memastikan guru bersedia untuk menjayakan peranan baharu pilihan mereka.

EKSHIBIT 5-12

Cadangan laluan bagi guru yang secara konsisten berprestasi rendah



Gelombang 3 (2020 - 2025): Mewujudkan budaya kecemerlangan profesional melalui teladan rakan setugas

Menjelang 2021, semua elemen Pakej Kerjaya Guru diharap akan dapat dilaksanakan. Profesion keguruan akan berubah apabila guru dapat menikmati laluan kerjaya yang berbeza, mempunyai pelan induk pembangunan profesional individu, dan memperoleh ganjaran berdasarkan prestasi, bukannya tempoh perkhidmatan.

Dalam Gelombang 3, Kementerian akan menumpukan usaha memastikan semua guru memanfaatkan sepenuhnya keluwesan yang diberikan dalam Gelombang sebelum ini tentang isu profesional berkaitan penjadualan, kurikulum dan susunan pengajaran, pendekatan pedagogi, dan pentaksiran berasaskan sekolah. Kementerian berhasrat mewujudkan budaya kecemerlangan profesional teladan rakan setugas, iaitu guru membimbing dan mendorong satu sama lain, berkongsi amalan terbaik, dan memastikan rakan setugas bertanggungjawab menepati standard profesional. Kementerian akan mewujudkan skim pensijilan berdasarkan penguasaan kompetensi keguruan seperti yang ditetapkan dalam Gelombang 1 untuk meningkatkan kualiti latihan dan kebolehpasaran guru. Sama seperti langkah yang lain, Kementerian akan bekerjasama dengan kesatuan guru bagi mencapai matlamat ini.

PEMIMPIN SEKOLAH

Kementerian akan memastikan setiap sekolah, tanpa mengira lokasi dan tahap prestasi, mempunyai pengetua/guru besar dan pasukan kepimpinan sokongan yang berkualiti tinggi untuk menyediakan kepimpinan pendidikan dan memacu prestasi sekolah secara keseluruhan. Kementerian akan mencapai matlamat ini dengan memperkenalkan pakej kerjaya baharu kepimpinan sekolah bagi memperkukuh cara pengetua/guru besar dipilih, dilatih, dan diberi ganjaran.


Langkah yang akan diambil termasuk:

- Memurni dan memperjelas kriteria pemilihan;
- Membentuk kelompok pemimpin sekolah masa depan yang berpotensi;
- Menambah baik persediaan dan pembangunan profesional berterusan; dan
- Memperkenalkan pendekatan pengurusan berdasarkan prestasi dan kompetensi.

Guru yang baik sahaja tidak memadai. Bukti di peringkat antarabangsa jelas menunjukkan bahawa kepimpinan sekolah yang mantap juga diperlukan bagi meningkatkan pencapaian murid secara signifikan. Dalam sistem sekolah berprestasi tinggi, pengetua/guru besar bukan sekadar pemimpin pentadbiran malah mereka juga merupakan pemimpin instruksional yang memberikan tumpuan kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah masing-masing. Impak seseorang pengetua/guru besar yang baik adalah sama signifikannya seperti guru berprestasi tinggi. Kajian menunjukkan, menggantikan pengetua/guru besar sederhana dengan pengetua/guru besar cemerlang dapat meningkatkan keberhasilan sehingga 20 poin persentil (Ekshibit 5-13).

EKSHIBIT 5-13

Hubungan antara prestasi pengetua/guru besar dengan pencapaian murid



¹ Bagi kepimpinan dan pencapaian murid, persentil menunjukkan kedudukan secara relatif dalam taburan
 SUMBER: A 'meta-analysis' of 69 studies of school leadership conducted between 1978 and 2001, involving an estimated 14,000 teachers and 1.4mn students, Marzano, Robert J., Waters, T. and McNulty, B.A. 2005

Kajian juga menunjukkan bahawa sistem sekolah berprestasi tinggi sedang berganjak daripada idea 'pemimpin wira' kepada 'kepimpinan teragih.' Keadaan ini memberi lebih kuasa kepada guru penolong kanan, dan pegawai pengurusan peringkat pertengahan, seperti ketua bidang, untuk membuat keputusan di sekolah. Walau bagaimanapun, disebabkan data berkaitan guru penolong kanan dan ketua bidang adalah terhad, penilaian diagnostik yang dijalankan tertumpu hanya kepada peranan pengetua dan guru besar. Namun begitu, pelan tindakan ini mengambil pendekatan yang lebih luas tentang kepimpinan sekolah supaya merangkumi pengetua/guru besar, guru penolong kanan dan guru lain yang memegang jawatan kepimpinan di sekolah.

Pemilihan pengetua/guru besar

Proses pemilihan pengetua/guru besar yang rapi, jelas, dan telus adalah penting bagi membangun dan mengekalkan sekolah yang berkesan. Seperti halnya dengan urusan kenaikan pangkat guru, kriteria pemilihan pengetua/guru besar baharu di Malaysia lebih berasaskan tempoh perkhidmatan berbanding kompetensi. Pemilihan pengetua/guru besar baharu berasaskan pencapaian minimum yang ditetapkan bagi gred hakiki dan tempoh perkhidmatan. Keadaan ini memberikan peluang yang cerah untuk pengukuhan kriteria profesional yang diperlukan bagi pemilihan pengetua/guru besar.

Satu lagi cabaran ialah jangka masa yang diambil dalam proses pemilihan dan pelantikan pengetua/guru besar pada masa ini. Keseluruhan proses daripada pemilihan calon yang sesuai kepada pelantikan rasmi boleh mengambil masa hingga setahun disebabkan pelibatan pelbagai pihak di peringkat daerah, negeri, dan Kementerian. Keadaan ini menjadi lebih rumit kerana kewujudan dua skim perkhidmatan yang sekian lama: skim untuk guru bukan siswazah di sekolah rendah dan skim untuk guru siswazah di sekolah menengah. Anjakan yang dilakukan oleh Kementerian untuk meningkatkan kelayakan minimum (seperti yang dibincangkan dalam bahagian berkaitan guru) telah menyebabkan lebih banyak guru siswazah berkhidmat di sekolah rendah. Walau bagaimanapun, jawatan guru besar di sekolah rendah masih dikekalkan untuk guru bukan siswazah. Dasar ini menyebabkan guru siswazah berkelayakan di sekolah rendah tidak berpeluang memegang jawatan guru besar.

Demografi kepimpinan sekolah


Pelantikan pengetua/guru besar berdasarkan tempoh perkhidmatan menyebabkan wujudnya kohort pengetua/guru besar yang berada pada penghujung tempoh perkhidmatan, dengan 40% daripada mereka akan bersara dalam tempoh lima tahun (Ekshibit 5-14). Pelantikan yang cenderung kepada tempoh perkhidmatan ini menghasilkan kesan berganda. Pertama, sistem perantikan ini menyekat usaha mendapatkan calon terbaik daripada keseluruhan perkhidmatan perguruan untuk jawatan kepimpinan sekolah. Kedua, tempoh perkhidmatan pengetua/guru besar yang berbakat semakin pendek daripada yang sepatutnya. Sebaliknya, beberapa sistem pendidikan negara lain secara aktif berusaha mengenal pasti dan membangunkan pemimpin sekolah sejak peringkat awal tempoh perkhidmatan mereka (seperti program di Singapura dan program "Pemimpin Masa Depan" di England). Kesannya, pelantikan pengetua/guru besar di Malaysia secara umum berlaku lebih lewat dalam tempoh perkhidmatan mereka berbanding rakan sejawat di negara lain (Ekshibit 5-15).

Walaupun bagaimanapun, amalan dasar ini dikecualikan bagi pelantikan pengetua/guru besar di sekolah luar bandar kerana kesukaran menempatkan pengetua/guru besar di kawasan tersebut. Keadaan ini mengakibatkan lebih banyak guru muda dinaikkan pangkat. Amalan ini ada kelebihan dan kekurangannya. Pada suatu keadaan, amalan ini membolehkan guru muda berpotensi dinaikkan pangkat untuk berkhidmat dalam tempoh yang lama sebelum bersara. Sebaliknya, mereka yang dinaikkan pangkat mungkin belum bersedia memikul tanggungjawab kepimpinan.

Ekshibit 5-14

Taburan pengetua mengikut umur di Malaysia

Peratus (2011)
N = 9,690




SUMBER: Pangkalan data EMIS

Ekshibit 5-15

Purata bilangan tahun perkhidmatan pengetua pada tarikh lantikan bagi Malaysia dan negara serantau

Tahun mengajar sebelum lantikan



SUMBER: Kementerian Pelajaran Malaysia 2011; TALIS Survey 2008; Jabatan Pendidikan, Sains dan Teknologi, Komanwel 2011; Kajian akhbar

Latihan dan pembangunan profesional

Seperti halnya dengan guru, pengetua/guru besar juga memerlukan latihan yang mencukupi sebelum dilantik, dan sepanjang perkhidmatan mereka terutamanya dalam membina kepimpinan instruksional. Latihan tersebut amat diperlukan terutamanya dalam tempoh tiga tahun pertama perkhidmatan mereka. Kajian antarabangsa juga menunjukkan tempoh ini adalah penting dalam pembentukan gaya kepimpinan dan kemahiran pengetua/guru besar.

Latihan persediaan dan induksi

Pada 1987, Kementerian memperkenalkan program induksi, iaitu Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan (KKPP) bertujuan melengkapkan pengetua/guru besar dengan kemahiran yang diperlukan bagi tempoh tiga tahun pertama yang kritikal sebagai pemimpin sekolah. Kementerian juga memperkenalkan program latihan persediaan yang dikenali sebagai Kelayakan Profesional Kebangsaan bagi Kepimpinan Pendidikan (NPQEL) (dahulunya dikenali sebagai Kelayakan Profesional Kebangsaan bagi Kepengetuaan, - NPQH) bagi calon beraspirasi dan berpotensi tinggi untuk menjadi pengetua/guru besar. Setelah dilantik ke jawatan



Program Pemimpin Masa Depan England: Mengenal pasti dan melahirkan pemimpin sekolah dari peringkat awal

Program Pemimpin Masa Depan ialah program pembangunan kepimpinan selama tiga tahun bertujuan menyediakan laluan pantas untuk guru berprestasi tinggi ke jawatan pemimpin sekolah seperti guru kanan, guru penolong kanan dan pengetua/guru besar dalam tempoh empat tahun. Matlamat khusus program ini adalah untuk melahirkan pemimpin sekolah yang beriltizam untuk bertugas di kawasan yang serba kekurangan di seluruh negara ("sekolah mencabar").

Calon dipilih melalui proses penilaian dan temu duga yang rapi bagi menilai kemahiran berfikir, memimpin dan interpersonal mereka. Mereka yang terpilih akan menjalani program selama tiga tahun bermula dengan latihan kepimpinan secara intensif pada musim panas diikuti dengan penempatan selama satu tahun di sekolah mencabar, di bawah bimbingan seorang pengetua mentor. Selepas itu, calon akan disokong untuk jawatan kepimpinan sekolah sepenuh masa. Sekiranya berjaya – sebanyak 95% calon mencapainya – program tersebut akan terus menyediakan bimbingan individu dan latihan di luar sekolah selama dua tahun lagi ketika calon menjalankan peranan sebagai pemimpin sekolah. Latihan dan sokongan yang padu dalam program ini diharap dapat mengubah seorang guru menjadi pengetua dalam tempoh empat tahun.

Program ini dimulakan pada 2006 dengan 20 calon. Dalam tempoh enam tahun sahaja, bilangan calon meningkat melebihi 10 kali ganda. Keseluruhannya, terdapat 350 lepasan Pemimpin Masa Depan bertugas di 200 sekolah di seluruh negara. Sebanyak 95% daripada mereka memegang jawatan kanan kepimpinan sekolah, manakala 24 lepasan memegang jawatan pengetua.


tersebut, lepasan program NPQEL dikecualikan daripada mengikuti KKPP kerana kurikulum kedua-dua program latihan itu hampir sama.

Semakan semula program latihan ini menunjukkan keberkesannya. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh Universiti Malaya (2011) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (2011) menunjukkan pengetua/guru besar yang baru dilantik dan pernah mengikuti latihan NPQEL lebih bersedia melaksanakan tugas, berbanding mereka yang memegang jawatan tanpa latihan ini.

Walau bagaimanapun, tahap kehadiran pengetua/guru besar dalam program ini adalah rendah. Setelah disemak keseluruhannya, didapati hampir 55% daripada mereka yang sedang berkhidmat belum mengikuti program latihan KKPP mahupun NPQEL (Ekshibit 5-16). Sejak 1999, hanya seperempat daripada semua lepasan NPQEL dilantik sebagai pengetua/guru besar (Ekshibit 5-17), mungkin disebabkan penyertaan dalam KKPP dan NPQEL bukan prasyarat untuk kenaikan pangkat, ataupun peluang laluan pantas.

EKSHIBIT 5-16

Kadar penyertaan pengetua dalam penyediaan atau induksi latihan bagi kepengetuaan




¹ Tiada data pada tahun lantikan
² Termasuk 65 orang pengetua yang mengambil kedua-dua kursus NPQEL dan KKPP

Sumber: Institut Aminuddin Baki

EKSHIBIT 5-17

Jawatan graduan yang telah tamat kursus latihan kepengetuaan (NPQH / NPQEL)



¹ Tidak termasuk 66 orang yang telah bersara (NPQEL)
² Termasuk Penolong Kanan Akademik, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Penolong Kanan Kokurikulum, Penyelia Petang dan Penyelia Tingkatan 6
³ Kemungkinan termasuk guru yang memegang jawatan kepimpinan lain seperti ketua panitia dan ketua bidang
 SUMBER: Institut Aminuddin Baki

Pembangunan profesional berterusan

Penyertaan dalam aktiviti pembangunan profesional berterusan adalah jauh lebih tinggi berbanding kursus induksi. Di bawah teraju IAB, pelbagai jenis kursus dan kaedah penyampaian (termasuk bimbingan dan pementoran langsung) telah dibangunkan. Kaji selidik yang dijalankan pada 2011 menunjukkan tahap penyertaan yang tinggi, iaitu 87% daripada 1,662 pengetua/guru besar menamatkan latihan minimum selama tujuh hari yang disyaratkan.

Pada masa ini, pengetua/guru besar menentukan sendiri keperluan latihan dan kursus yang akan dihadiri. Mereka menilai sendiri keperluan pembangunan masing-masing secara dalam talian mengikut model kepimpinan IAB, iaitu Kompetensi Pemimpin Sekolah (KOMPAS), dan menggunakan maklumat tersebut sebagai panduan untuk membuat pilihan kursus. Walau bagaimanapun, hasil keputusan penilaian sendiri pada 2011 menunjukkan pengetua/guru besar cenderung memberi skor hampir sama rata untuk semua dimensi kepimpinan. Cara ini menunjukkan kemungkinan mereka sukar mengenal pasti keperluan pembangunan yang sebenar. Keadaan ini menjadikan keberkesanan latihan ini nyata sekali terbatas. Isu ini menjadi lebih rumit kerana tiada mekanisme yang tepat bagi merekodkan program latihan yang diikuti oleh pengetua/guru besar. Mekanisme yang lebih baik bagi mengesan dan memadamkan program dengan keperluan individu diperlukan supaya impak pembangunan profesional yang sepenuhnya dapat dicapai.

Autonomi kepimpinan sekolah

Pada masa ini, semua pengetua/guru besar di Malaysia mempunyai autonomi untuk membentuk persekitaran pembelajaran di sekolah masing-masing. Walaupun, pihak sekolah perlu mengikut kurikulum kebangsaan, pengetua/guru besar mempunyai kebebasan memilih aktiviti kokurikulum dan mata pelajaran elektif, bergantung pada permintaan murid dan ketersediaan guru terlatih. Mereka juga diberi autonomi penjadualan waktu kelas mengikut keperluan sekolah, tanpa mengubah jumlah jam mengajar bagi setiap mata pelajaran.

Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan Sekolah Kluster akan mendapat lebih autonomi (rujuk Bab 4 untuk maklumat lanjut tentang anugerah khas sekolah) (Ekshibit 5-18). Pengetua/guru besar SBT diberi keluwesan dalam menentukan bilangan waktu mengajar bagi setiap mata pelajaran dan memperkenalkan sistem peperiksaan alternatif, dengan syarat semua murid menduduki SPM. Pengetua SBT juga diupaya untuk memilih sebahagian murid dan guru mereka, selaras dengan garis panduan Kementerian.

EKSHIBIT 5-18

Perbezaan tahap autonomi antara sekolah harian dengan sekolah berprestasi tinggi pada masa ini

		Autonomi yang diperoleh	
		Sekolah Harian	Sekolah Berprestasi Tinggi
Kurikulum	Sukatan pelajaran kebangsaan	✓	✓
	Keluwesan pemilihan elektif	✓	✓
	Sistem peperiksaan tambahan (contoh: IB)	✗	✓
Jadual Waktu	Jam pengajaran yang tetap bagi setiap mata pelajaran	✗	✓
	Penetapan jadual waktu yang luwes	✓	✓
	Keluwesan pilihan daripada senarai CCA	✓	✓
Murid	Sekolah dibenarkan untuk memilih murid	✗	✓
Guru	Sekolah dibenarkan untuk mengambil guru dan jurulatih secara terus	✗	✓

• Murid wajib menduduki SPM
 • 20% murid
 • Dibenarkan untuk memilih beberapa staf, tertakluk kepada garis panduan pengambilan Kementerian

Persekitaran kerja sedia ada

Cara pengetua/guru besar membahagikan masa dan menentukan keutamaan aktiviti banyak memberikan impak terhadap tugas harian mereka. Kajian menunjukkan bahawa aktiviti pengajaran yang meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah secara langsung, seperti cerapan pengajaran dan perancangan kurikulum, memberikan impak lebih tinggi terhadap keberhasilan murid berbanding aktiviti pentadbiran seperti urusan pejabat. Pada masa ini, pengetua/guru besar di Malaysia membahagikan masa mereka secara sama rata untuk aktiviti pengajaran dan pentadbiran. Seterusnya, pengetua/guru besar secara umum memahami pentingnya kepimpinan instruksional. Kaji selidik, berkaitan pemimpin sekolah menunjukkan dua daripada tiga set kemahiran paling penting yang dikenal pasti oleh pengetua/guru besar adalah berhubung kait dengan kepimpinan instruksional seperti membimbing guru dan meningkatkan prestasi kurikulum. Walau bagaimanapun, kemahiran utama lain, seperti keupayaan memahami dan menggunakan data, serta keupayaan menerajui pentaksiran prestasi sekolah diletakkan pada kedudukan yang agak rendah dalam urutan senarai keutamaan responden (Ekshibit 5-19). Kesemua aktiviti ini adalah penting sebagai panduan kepada pengetua/guru besar bagi merangka strategi bermakna dalam usaha memajukan sekolah.

EKSHIBIT 5-19

Persepsi pengetua mengenai kemahiran penting yang diperlukan



SUMBER: Kajian Pengetua, Penilaian Semula Sistem Pendidikan 2012

Kemajuan kerjaya dan pengurusan prestasi

Sejajar dengan laluan kerjaya guru, Kementerian telah mewujudkan laluan Pengetua dan Guru Besar Cemerlang bagi meningkatkan peluang mereka untuk maju dalam kerjaya. Semenjak laluan kerjaya ini dimulakan pada 1994, sebanyak 2,364 pengetua/guru besar telah menerima gelaran ini. Kohort ini telah menjadi penggerak yang penting dalam memajukan komuniti. Majlis Pengetua Cemerlang menjalankan program pementoran untuk pengetua/guru besar yang baharu dilantik di setiap negeri dan seringkali mengadakan rundingan dengan Kementerian tentang isu berkaitan guru dan pengetua/guru besar.

IAB juga telah membangunkan suatu kerangka kompetensi pengetua/guru besar yang tuntas berdasarkan model kepimpinan KOMPAS

dan menghubungkan kait kerangka ini dengan penjadualan program latihannya. Walau bagaimanapun, kerangka ini tidak dikaitkan dengan instrumen penilaian prestasi tahunan, LNPT. Seperti halnya dengan guru, prestasi pengetua tidak dinilai berdasarkan kompetensi yang diharapkan daripada seorang pengetua yang baik prestasinya. Keadaan ini menimbulkan kesukaran untuk membezakan antara pengetua berprestasi baik dengan pengetua berprestasi rendah. Sebagai contoh, pada 2008, 97% sampel daripada 181 orang pengetua dari sebuah negeri berprestasi rendah diberi skor penilaian LNPT melebihi 90%.

Pelan Tindakan: Memastikan pemimpin sekolah berprestasi tinggi di setiap sekolah

Objektif Kementerian adalah untuk memastikan setiap sekolah mempunyai pemimpin sekolah berprestasi tinggi yang berkeupayaan meningkatkan prestasi sekolah tanpa mengira tahap permulaan sekolah berkenaan. Kementerian juga akan meluaskan tumpuan bukan sahaja kepada pengetua/guru besar, tetapi juga merangkumi pengurusan pertengahan sekolah, seperti guru penolong kanan, ketua bidang dan ketua panitia. Kementerian juga akan membangunkan pakej kerjaya baharu bagi pengetua/guru besar yang mengimbangi iltizam yang mendalam untuk membina keupayaan kohort kepimpinan sekolah dengan standard dan kebertanggungjawaban profesional yang lebih tinggi.

Gelombang 1 akan menumpukan kepada peningkatan standard, penambahbaikan sistem sokongan, dan penyediaan asas bagi membentuk kumpulan besar pemimpin berkompentensi tinggi di semua sekolah di Malaysia. Gelombang 2 melaksanakan laluan kerjaya dan skim kemajuan yang baharu, dan menyokong peralihan ke arah pelaksanaan model kepimpinan teragih yang melibatkan guru penolong kanan, ketua bidang dan ketua panitia. Gelombang 3 akan menyaksikan pemerksaan yang lebih kepada semua pemimpin sekolah semasa sistem beralih ke arah model pengurusan berasaskan sekolah.

Gelombang 1 (2013 - 2025): Meningkatkan standard pemilihan dan sistem sokongan

Dalam Gelombang 1, Kementerian akan menyeragamkan dan menambah baik proses pemilihan dan penyediaan pengetua/guru besar baharu kerana menyedari hakikat bahawa 40% daripada pengetua/guru besar sedia ada akan bersara dalam tempoh lima tahun. Kementerian akan melabur dalam pembangunan keupayaan pengetua/guru besar sedia ada melalui Program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) yang lebih baik, dan memperkukuh kaitan antara prestasi dengan kompetensi.



Menggunakan kriteria pemilihan bukan berasaskan tempoh perkhidmatan, dan membangunkan proses pemilihan yang diseragamkan

Kementerian akan meneliti kriteria pemilihan sedia ada untuk meningkatkan tahap kompetensi dan memastikan pengetua/guru besar dapat berkhidmat bagi tempoh yang lebih lama sebelum bersara. Keutamaan asas ialah memastikan semua bakal pengetua/guru besar memiliki tahap kompetensi kepimpinan minimum, contohnya, mempunyai pengalaman sebagai ketua bidang atau guru penolong kanan. Kementerian juga bertekad untuk melantik hanya calon yang telah menyempurnakan tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya tiga tahun sebelum bersara, dan yang telah menamatkan program latihan NPQEL. Kementerian akan memastikan bahawa syarat kelayakan NPQEL hanya dikuatkuasakan selepas bakal pengetua/guru besar diberi tempoh yang mencukupi bagi memohon dan mengikuti program tersebut.

Kementerian menyasarkan proses peralihan silih ganti antara pengetua yang akan bersara dengan pengetua yang akan menggantikannya. Dengan ini, Kementerian perlu memastikan proses pemilihan untuk setiap pengetua/guru besar yang akan bersara atau berpindah bermula lebih awal, dan proses pemilihan dipendekkan sekurang-kurangnya 50%. Bagi tujuan ini, Kementerian akan menambah bilangan calon berpotensi melalui kempen pengambilan yang lebih agresif. Kempen ini akan menambah baik usaha menyebarkan maklumat tentang kekosongan jawatan, mencetuskan minat, dan menggalakkan calon yang beraspirasi tampil memohon jawatan tersebut. Kementerian juga akan mewujudkan pangkalan data pengesanan yang membolehkan kekosongan jawatan dikenal pasti lebih awal, dan mengisinya dengan calon berpotensi tinggi di lokasi berkenaan.

Menyemak semula insentif untuk jawatan yang sukar diisi

Kementerian akan menyemak semula set insentif sedia ada bagi jawatan yang lazimnya sukar diisi seperti yang berlaku di sekolah luar bandar dan sekolah berprestasi rendah. Selain penambahan elaun, Kementerian sedang mempertimbangkan langkah lain, seperti memberi keutamaan kepada anak pengetua/guru besar (sekiranya mereka memenuhi kelayakan yang ditetapkan) bagi kemasukan ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP), dan menyediakan laluan pantas kenaikan pangkat kepada pengetua/guru besar setelah mereka menyempurnakan tempoh perkhidmatan selepas lantikan di luar bandar.

Mewujudkan program residensi pengetua/guru besar dan mengukuhkan program pendedahan sedia ada

Kementerian akan mewujudkan suatu program residensi pengetua/guru besar dan mengukuhkan program pendedahan sedia ada untuk menyokong pengetua/guru besar yang baru dilantik dalam tempoh peralihan bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dengan berkesan sejak awal tempoh perkhidmatan. Program residensi ialah suatu program suai-jawatan yang membolehkan bakal pengetua berada selama satu bulan bersama-sama pengetua/guru besar yang akan bersara atau berpindah dari sekolah berkenaan. Dalam tempoh ini, mereka bukan sahaja dapat menyesuaikan diri dengan sekolah, malahan menerima pementoran secara langsung daripada pengetua/guru besar yang berpengalaman. Program pendedahan pula ialah pemantapan program pementoran pengetua secara sukarela yang


telahpun dilaksanakan oleh Majlis Pengetua Cemerlang di kebanyakan negeri. Dalam program ini, pengetua menerima bimbingan dan pementoran secara langsung selama tujuh hari atau 42 jam daripada pengetua berpengalaman atau Rakan Peningkatan Sekolah (SIPartner+). Maklumat terperinci tentang program bimbingan SIPartner+ boleh didapati dalam Bab 4.

Mengukuhkan kaitan antara prestasi dengan kompetensi

Selaras dengan Pakej Kerjaya Guru yang baharu, Kementerian juga akan memperkenalkan satu instrumen yang mengukur dengan tepat kompetensi yang diharapkan daripada pengetua/guru besar pada setiap peringkat perkhidmatan. Instrumen ini akan dirintis pada 2013, dan dilaksanakan bersekali dengan instrumen kompetensi guru pada 2014. Penilaian dengan instrumen ini didasarkan pada empat dimensi – Kepimpinan, Nilai-nilai Profesional, Sumbangan, dan Jalanan Kerjasama (Ekshibit 5-20).

EKSHIBIT 5-20

Empat domain dalam cadangan kerangka penilaian prestasi



SUMBER: Institut Aminuddin Baki

Dimensi kepimpinan menjadi teras instrumen baharu dan menyumbang sehingga 70% daripada markah keseluruhan. Dimensi ini mengandungi aspek utama kepimpinan sekolah, seperti kepimpinan instruksional, dan kepimpinan insaniah. Dimensi lain merangkumi atribut seperti integriti peribadi, sumbangan individu kepada profesion yang lebih luas melalui aktiviti pementoran, dan keberkesanan pengetua/guru besar mengurus hubungan dengan pihak berkepentingan. Seperti instrumen penilaian guru, bentuk penilaian berteraskan kesemua dimensi ini kekal sepanjang kerjaya pengetua/guru besar. Walau bagaimanapun, kompetensi yang diharapkan akan berubah apabila berlaku peningkatan tahap melalui tiga peringkat: Kompeten, Cemerlang, dan Pakar.

Kementerian mencadangkan penilaian pengetua/guru besar dilakukan berdasarkan kompetensi individu dan impak terhadap sekolah masing-masing. Oleh yang demikian, skor akhir akan mengandungi komposit skor prestasi individu ditambah dengan skor penambahbaikan sekolah. Instrumen baharu ini akan menggantikan komponen LNPT dalam ganjaran Tawaran Baharu.

Memperkuh program pembangunan profesional

Sama seperti program pembangunan profesional guru, Kementerian akan menambah pelaburan dalam memberikan sokongan pembangunan profesional untuk pengetua/guru besar. Oleh itu, IAB akan menambah portfolio latihan sedia ada untuk meningkatkan keberkesanan dan kerelevanan setiap program. Tumpuan semasa Gelombang ini ditujukan kepada pembinaan kemahiran kepimpinan instruksional terutama yang berkaitan dengan kebolehan menyesuaikan struktur, kaedah dan prosedur dalaman dengan keperluan guru dan murid. Pihak IAB juga akan memastikan pengetua/guru besar mengikuti pelbagai program yang bersesuaian dengan tahap prestasi mereka yang berbeza. Sebagai contoh, pengetua berprestasi tinggi berpeluang menjalani program sandaran jangka pendek di bawah pengurus kanan di agensi kerajaan lain atau syarikat swasta. Sebaliknya, pengetua/guru besar berprestasi rendah akan mendapat manfaat daripada bimbingan langsung yang intensif daripada SIPartner+. Semua program ini bertujuan memastikan sokongan pembangunan profesional secara individu diberikan kepada setiap pengetua/guru besar.

Gelombang 2 (2016 - 2020): Memartabatkan profesion keguruan dan menganjak ke arah kepimpinan teragih

Gelombang 2 Pakej Kerjaya Pengetua yang baharu bakal menyediakan menyediakan laluan kerjaya baharu untuk pengetua/ guru besar dalam menambah baik pemilihan dan mengukuhkan proses lantikan mereka. Kementerian juga akan melaksanakan pilihan laluan pantas dan peralihan untuk pengetua/guru besar, meluaskan sokongan bagi membina keupayaan guru penolong kanan dan ketua bidang, serta meningkatkan autonomi membuat keputusan bagi pengetua/guru besar berdasarkan prestasi.

Memperkuh proses pemilihan dan lantikan

Kementerian akan menggabungkan dua skim sedia ada untuk pemimpin di sekolah rendah dan di sekolah menengah menjadi satu skim baharu. Skim baharu ini direka bentuk dalam Gelombang 1 melalui input daripada pengetua/guru besar dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan mewujudkan satu kumpulan calon yang lebih besar bagi jawatan pemimpin, serta gred dan gaji yang setara untuk pengetua/guru besar tanpa mengira sekolah mereka berkhidmat. Dalam melaksanakan skim ini, Kementerian berharap dapat menghapuskan perbezaan yang kurang jelas antara pemimpin sekolah rendah dan sekolah menengah kerana setiap jawatan mempunyai cabaran yang tersendiri.

Memperkuh kemajuan kerjaya

Kementerian akan menambah baik laluan kerjaya Pengetua dan Guru Besar Cemerlang bagi memberi ganjaran kepada mereka yang berprestasi tinggi secara tekal dan cekap dalam menguasai kompetensi yang diharapkan pada tahap prestasi berikutnya. Pilihan ini termasuk “kredit tambahan” untuk pengetua/guru besar yang berjaya memegang jawatan mencabar di sekolah luar bandar dan/atau sekolah berprestasi

rendah yang jawatannya sukar diisi.

Pengetua/guru besar yang tekal berprestasi rendah juga diberi pilihan untuk peralihan peranan. Sama seperti guru, pengetua/guru besar yang menunjukkan prestasi rendah akan diberikan latihan dan sokongan bagi membantu mereka meningkatkan prestasi. Sekiranya prestasi rendah mereka dikaitkan dengan isu khusus tentang konteks dan persekitaran kerja bukannya kebolehan instrinsik, mereka akan diberi peluang untuk ditempatkan semula di sekolah lain. Pengetua/guru besar yang berterusan menunjukkan prestasi rendah berkemungkinan lebih sesuai diberi peranan lain dan ditempatkan semula sebagai guru kanan di sekolah lain.

Meluaskan sokongan pembinaan keupayaan dan keluwesan operasi

Selaras dengan amalan terbaik pada peringkat antarabangsa, Kementerian akan beranjak ke arah model kepimpinan teragih, yang melaluinya amalan kepimpinan sekolah yang berkesan dan berkualiti tinggi tersebar dalam setiap peringkat organisasi di semua sekolah. Oleh itu, Kementerian akan meninggikan standard pemilihan bagi lantikan guru penolong kanan, ketua bidang dan ketua panitia, serta membangunkan proses perancangan penggantian dan program latihan bersasaran untuk jawatan berkenaan.

Kementerian juga akan meneliti keperluan dan kaedah untuk mengupayakan pengetua/guru besar dalam memimpin sekolah dan murid ke arah kejayaan. Pengupayaan ini akan dilakukan dengan memberi kuasa untuk membuat keputusan berkaitan belanjawan dan kurikulum sekiranya mereka tekal menunjukkan prestasi yang baik.

Gelombang 3 (2021 - 2025): Mewujudkan budaya kecemerlangan profesional teladan rakan setugas

Menjelang 2021, semua elemen Pakej Kerjaya Pengetua yang baharu diharap dapat dilaksanakan. Kementerian juga berharap akan dapat mewujudkan kumpulan pengetua/guru besar dan pemimpin pelapis berprestasi tinggi di setiap sekolah dengan kemahiran kepimpinan untuk memacu peningkatan dan inovasi berterusan.

Dalam Gelombang 3, Kementerian akan memberikan tumpuan kepada usaha memastikan semua pemimpin sekolah memanfaatkan sepenuhnya keluwesan yang diberikan kepada mereka dalam kedua-dua Gelombang terdahulu. Perkara ini termasuk hal berkaitan kepimpinan instruksional seperti merancang peningkatan sekolah, merancang aktiviti kurikulum dan kokurikulum, serta perkara berkaitan kepimpinan pentadbiran seperti peruntukan dana sekolah. Seperti halnya dengan guru, aspirasi Kementerian ialah mewujudkan budaya kecemerlangan profesional teladan rakan setugas, iaitu pemimpin sekolah menjadi mentor dan saling membimbing, membangun dan menatarkan amalan terbaik ke sekolah, serta memastikan rakan setugas mempunyai tanggungjawab memenuhi standard profesional.





Sistem pendidikan tidak boleh berjaya tanpa dedikasi dan iltizam guru serta pemimpin sekolah. Perubahan sebenar tidak akan berlaku tanpa mempertimbangkan secara serius keperluan guru dan pemimpin sekolah serta mencari kaedah untuk memupuk dan mengekalkan kecemerlangan. Guru dan pemimpin sekolah sedia ada bukan sahaja perlu dibekalkan dengan sumber yang lebih banyak dalam bentuk sokongan dan pembangunan profesional, serta laluan kerjaya yang lebih baik; malah profesion keguruan juga perlu dijadikan suatu profesion yang dinamik, kekal profesional, dan memberikan kepuasan untuk menarik minat mereka yang terbaik supaya kekal berkhidmat dalam sistem pendidikan Malaysia.

BAB 6

TRANSFORMASI KEMENTERIAN

6. Transformasi Kementerian

Kementerian Pendidikan memainkan peranan utama dalam menyediakan kepimpinan, hala tuju dasar, dan sokongan yang diperlukan dalam usaha meningkatkan sistem pendidikan Malaysia. Memandangkan Kementerian mendukung harapan dan aspirasi rakyat serta berdepan dengan cabaran masa depan, Kementerian perlu mentransformasikan susunan Bahagian-Bahagian serta operasi dan pengurusannya bagi merapatkan jurang antara pembentukan dasar dan keupayaan pelaksanaan serta memastikan pulangan pelaburan (ROI) yang optimum, lebih-lebih lagi bagi dua pelaburan intensif modal yang tertinggi diuruskan oleh Kementerian: infrastruktur sekolah dan ICT.

Aspirasi sistem pendidikan bagi meningkatkan akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan keberkesannya adalah suatu usaha berani dan diperlukan. Bagi mencapai aspirasi ini, Kementerian perlu mentransformasikan cara operasinya. Transformasi ini akan berpusatkan dua bidang utama.

Pertama, Kementerian akan memperkukuh sistem penyampaian bagi memastikan pelaksanaan dasar yang lebih baik. Langkah ini memerlukan penetapan semula peranan dan fungsi JPN dan PPD, dengan memberikan lebih pengupayaan membuat keputusan, keluwesan dan kebertanggungjawaban dalam menjalankan tugas bagi membolehkan penyelesaian yang sesuai dirancang dan disampaikan kepada sekolah. Individu yang berkebolehan dan komited pada semua peringkat organisasi adalah penting bagi menjayakan proses ini. Oleh itu, Kementerian akan terus meningkatkan usaha menarik, membangun dan mengekalkan individu yang berpotensi bagi melaksanakan perubahan ini. Usaha ini merangkumi keseluruhan organisasi, daripada fungsi berkaitan pendidikan seperti pembangunan kurikulum dan pendidikan guru, hinggalah kepada fungsi pengurusan seperti perancangan pembangunan modal insan dan infrastruktur.

Kedua, Kementerian akan meningkatkan produktiviti sumber dengan memberi tumpuan utama kepada kemenjadian murid dan memperuntukkan sumber kepada inisiatif yang mempunyai ROI yang tinggi. Ini bertujuan memacu keberhasilan yang penting disampaikan dengan lebih pantas secara tekal dan andal. Usaha ini bukan sahaja memerlukan kemampuan mengagih semula dengan pantas peruntukan sedia ada kepada keutamaan transformasi, tetapi juga mengubah asas Kementerian dalam kaedah memperuntukkan sumber, serta memantau projek dan perkhidmatannya. Dalam bab ini, semua perubahan di

atas akan dihuraikan dalam dua pelaburan intensif yang tertinggi diuruskan oleh Kementerian: infrastruktur sekolah dan ICT. Di samping memberikan tumpuan kepada peranan utamanya, Kementerian juga akan bekerjasama lebih rapat dengan pihak berkepentingan dalam dan luar seperti kementerian lain dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), dengan memanfaatkan kelebihan daya saing setiap pihak bagi menghasilkan produktiviti yang lebih baik, dalam keadaan keterbatasan sumber.

SISTEM PENYAMPAIAN

Kementerian akan memastikan pihaknya mempunyai kebolehan dan keupayaan menyediakan pelbagai jenis dan peringkat sokongan yang sesuai untuk sekolah dan murid. Usaha ini memerlukan transformasi asas dalam organisasi Kementerian bagi membangunkan JPN dan PPD yang lebih rapat dan lebih sesuai dalam memenuhi keperluan khusus sekolah.

Langkah yang akan diambil termasuk:

- Memfokus semula peranan dan tanggungjawab setiap peringkat Kementerian untuk membolehkan pengkhususan organisasi dan saluran penyampaian yang lebih jelas sehingga ke setiap sekolah;
- Memberi lebih pengupayaan dan kebertanggungjawaban kepada JPN dan PPD dalam menjalankan peranan yang semakin bertambah bagi menyokong sekolah; dan
- Mengukuhkan fungsi teras di peringkat Kementerian.

Kementerian memainkan pelbagai peranan dalam sistem pendidikan: di peringkat pusat, Kementerian membuat dasar dan merancang pelaksanaan peringkat makro; di peringkat perantaraan negeri dan daerah, JPN dan PPD bertanggungjawab menyebarkan dasar dan program pentadbiran, pendidikan dan kewangan daripada pihak pentadbiran pusat (Ibu Pejabat) kepada semua sekolah. Oleh itu, Kementerian menjadi sebuah agensi pelaksana yang amat besar dengan kira-kira 6,800 pegawai dan kakitangan sokongan, hampir 6,400 di peringkat negeri, dan 6,000 lagi di peringkat daerah. Jumlah ini ditambah lagi dengan kira-kira 420,000 pengetua/guru besar dan guru di sekolah, dan lebih 13,100 pegawai dan kakitangan sokongan di IPG, IAB dan kolej matrikulasi.

Penilaian kedudukan semasa

Satu kajian semula telah dijalankan bagi melihat prestasi Kementerian, mengenal pasti bidang yang sedang dilaksanakan dengan baik dan yang perlu ditambah baik. Skop kajian *Malaysia Education Policy Review* (UNESCO, 2012) tersebut merangkumi hasil (dari segi keberkesanan dan kecekapan), dan faktor pengurusan organisasi yang menentukan prestasi.

Jurang antara perancangan dengan penyampaian

Umumnya, kajian semula tersebut membuktikan penggubalan dasar dalam sistem pendidikan Malaysia adalah berkualiti. Sebagai penggubal dasar, Kementerian telah menetapkan wawasan pendidikan yang jelas dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan akses, pencapaian murid, dan ekuiti keberhasilan. Strategi ke arah matlamat ini ditetapkan pada tahap yang agak tinggi. Kajian semula UNESCO (2012) melaporkan bahawa "... dokumen dasar menyatakan dengan jelas program pembangunan pendidikan yang rasional, jelas dan berwawasan."

Melihat kepada keadaan sebelum ini, proses perancangan yang dibuat kurang berkesan dalam menetapkan tindakan yang perlu diambil dan kurang jelas juga dalam menentukan pihak yang bertanggungjawab melaksanakan tindakan tersebut. Selama beberapa dekad yang lalu, Kementerian melancarkan pelbagai program bagi menangani berbagai-bagai isu, termasuklah isu gaji guru sehingga kepada perubahan kurikulum. Dalam temu bual dengan pihak berkepentingan seperti pegawai pelajaran di JPN dan PPD, pengetua/guru besar, guru dan ibu bapa; beberapa program dikenal pasti sebagai amat transformatif, manakala sesetengah program yang lain tidak begitu. Maklum balas yang diterima juga menyatakan bahawa dasar tersebut digubal dengan baik, namun bukan kesemuanya mencapai hasil sebagaimana yang dihasratkan. Pernyataan ini disokong oleh kajian Universiti Malaya (2011) mengenai impak tujuh dasar utama pendidikan dan 72 dasar sampingan yang telah dilaksanakan dari 1957 hingga 2011.

Kajian semula UNESCO turut mengenal pasti kelemahan tertentu dalam proses penggubalan dan pelaksanaan dasar yang perlu ditangani:

- **Terlalu banyak program menyebabkan pihak sekolah kurang tumpuan:** Pihak sekolah melaporkan bahawa mereka dikehendaki untuk melaksanakan terlalu banyak program dalam setahun yang jumlahnya melebihi 100 program di sesetengah daerah, merangkumi bidang akademik dan bukan akademik (Ekshibit 6-1). Sesetengah program ini merupakan "warisan" daripada tahun-tahun sebelumnya, sementara selainnya merupakan



program baharu. Pada 2011 sahaja, Kementerian mengeluarkan 30 surat siaran tentang program tambahan dan yang ditambah baik. Arahan tambahan juga dikeluarkan oleh JPN dan PPD yang berpotensi menambah bilangan program sehingga tiga kali ganda. Sekolah berprestasi tinggi mungkin mampu melaksanakan arahan ini, manakala sekolah lain kurang keupayaan menanggung beban tugas serta hilang tumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran;

- **Penggunaan data yang terhad bagi membuat keputusan bermaklumat:** Kementerian telah banyak melabur dalam pengumpulan data dan sistem pengurusan sejak beberapa dekad yang lalu. Walau bagaimanapun, keputusan berpandukan data tidak dilaksanakan dengan meluas atau berkesan seperti yang diharapkan. Kaji selidik Universiti Putra Malaysia (2011) yang melibatkan lebih 800 pegawai, pengetua/guru besar, dan guru menunjukkan bahawa responden membangkitkan beberapa cadangan merangkumi pangkalan data yang kurang mesra pengguna (contohnya kelajuan capaian yang rendah dan antara muka pengguna yang kompleks) hinggalah kepada permintaan data yang bertindan daripada pelbagai pihak di peringkat Kementerian, JPN dan PPD.
- **Kurang penyelarasan antara Bahagian utama di Kementerian mengakibatkan pertindihan dan lompang dalam pelaksanaan:** Dalam sesetengah keadaan, perancangan dan pelaksanaan terganggu disebabkan oleh amalan *silo*, atau bekerja secara berasingan dalam Kementerian. Pada 2011 umpamanya, BPK melancarkan KSSR dengan standard kandungan dan standard pembelajaran yang baharu. Pada masa yang sama, LP melancarkan sistem pentaksiran berasaskan sekolah yang mempunyai standard prestasinya sendiri berdasarkan standard KSSR. Pada tahun pertama, sesi latihan BPK dan LP tidak dilaksanakan bersama dan ini menyebabkan wujud kekeliruan dalam kalangan guru tentang perkaitan kedua-dua standard tersebut. Walaupun sesi latihan pada tahun seterusnya menunjukkan penyelarasan yang lebih baik antara BPK dan LP, kerjasama awal yang lebih erat masih boleh ditambah baik; dan

Contoh program yang dilaksanakan di sekolah

Program		
Peringkat Kementerian	Peringkat JPN dan PPD	Peringkat Sekolah
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Nilam ▪ Kem Bacaan 1Malaysia ▪ LINUS ▪ PBS ▪ SMART ▪ PLANT ▪ Kem Sembahyang SMART ▪ Kelas TASMIK ▪ MBMMBI ▪ PPSMI ▪ PROTIM ▪ Program Peningkatan Sekolah ▪ 1Murid 1Sukan ▪ Larian 1Malaysia ▪ 1Malaysia Grassroots Camp ▪ Program Kenal Pasti Bakat (TID) ▪ MSSM ▪ Kempen Bahasa Malaysia SJKC ▪ Sukan & Permainan, Kelab & Persatuan, Badan Beruniform ▪ Program Pembangunan Syiar Islam 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Program <i>Excel</i> ▪ Pengukuhan Pedagogi ▪ SAGA ▪ TELT ▪ Program 200m ▪ Program Pecutan Akhir ▪ Program <i>Answer for Success</i> ▪ Kem Motivasi UPSR SJKC ▪ Program Kejayaan UPSR SJKC ▪ Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) ▪ TORA TORA – Pengajaran & Pembelajaran untuk Guru ▪ MSSN ▪ Kem Bakat Hoki ▪ Kampung Bahasa ▪ MSSD ▪ Kem Badan Beruniform Bersepadu 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Program <i>ELITE</i> ▪ Program NILAM ▪ Program Al-Fatah ▪ Program <i>Big Brother/Sister</i> ▪ Program <i>Mentor-Mentee</i> ▪ Anugerah Murid Cemerlang ▪ Program Motivasi (UPSR, PMR, SPM, STPM) ▪ Teknik menjawab soalan / skema pemarkahan ▪ Klinik UPSR ▪ Program Ulangkaji Terancang ▪ Program Guru Permulaan ▪ Klinik SPM / PMR ▪ Program Membuat Enzim ▪ Program Berkebum ▪ Sukan Tahunan Sekolah ▪ Projek “Boom” ▪ 1Guru 1Kokurikulum ▪ Program SERASI ▪ Program LESTARI ▪ Program KEKAS

SUMBER: Hasil perbincangan kumpulan berfokus

- **Pemantauan yang lebih berfokuskan proses berbanding keberhasilan, mengakibatkan kelemahan dalam pengurusan dan tindakan susulan:** Kesemua program yang dirancang di peringkat Kementerian, JPN dan PPD memerlukan pemantauan yang rapi bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan. Walau bagaimanapun, kebanyakan langkah pengesanan yang digunakan dalam pemantauan adalah berdasarkan proses (contohnya, peratusan sekolah yang telah melaksanakan program latihan tertentu) dan bukannya berdasarkan keberhasilan (contohnya, peratusan guru yang kompeten dalam bidang tertentu setelah mengikuti latihan itu). Keberhasilan ini pula biasanya tiada kaitan yang jelas dengan peningkatan prestasi murid. Tumpuan yang lebih terhadap proses menjejaskan pemimpin sekolah dan sistem untuk mengenal pasti sebab dan mencari penyelesaian mengapa sesetengah program tidak memberi impak seperti yang diharapkan, atau bagaimana program harus diubah suai supaya lebih menepati keperluan sekolah.


Kementerian menyedari isu ini dan beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk menanganinya. Usaha ini mula menunjukkan hasil, sepertimana pelaksanaan program LINUS, yang sering kali diambil sebagai contoh pelaksanaan program yang berjaya.

Struktur organisasi amat terpusat

Struktur organisasi Kementerian pada masa kini berbentuk segi empat sama (Ekshibit 6-2) dengan kategori kakitangan yang hampir serupa di peringkat Kementerian, JPN dan PPD. Keadaan ini menunjukkan lebih ramai pegawai ditempatkan di peringkat Kementerian, dan ini bermakna mereka terasing dari tempat pembelajaran berlaku. Struktur organisasi ini juga menggambarkan sekumpulan besar warga kerja terdiri daripada kumpulan kakitangan sokongan (keseluruhannya, di setiap peringkat antara 50-80%). Kajian semula UNESCO (2012) melaporkan bahawa “Malaysia boleh dikatakan antara negara yang mempunyai pentadbiran pendidikan di peringkat pusat terbesar di dunia, berbanding secara relatif dengan bilangan sekolahnya.”

EKSHIBIT 6-2

Struktur organisasi Kementerian



Ibu pejabat Kementerian yang besar, terdiri daripada 36 Bahagian, merupakan warisan sistem pendidikan yang amat terpusat. Pelbagai Bahagian kerap kali terlibat dalam proses harian utama seperti pengambilan dan penempatan guru serta perancangan pembangunan. Walaupun keadaan ini merupakan perkara biasa dalam sesuatu sistem yang kompleks seperti sistem pendidikan, namun ini boleh menjejaskan kecekapan proses penyampaian.

Sebagai contoh, pengambilan dan penempatan guru masa ini melibatkan sekurang-kurangnya enam Bahagian yang berbeza pada sesuatu masa, dan setiap Bahagian bertanggungjawab bagi proses yang berbeza (Ekshibit 6-3). Masalah timbul apabila tidak ada penyelarasan kerana setiap Bahagian memberi tumpuan kepada hasil yang berbeza sedangkan objektifnya adalah sama. Tidak ada satu Bahagian pun yang bertanggungjawab menyelaras usaha bagi mencapai objektif tersebut. Akibatnya, Kementerian menghadapi kesukaran memadan bekalan dengan permintaan guru, sedangkan setiap Bahagian telah dapat menyempurnakan tugas berdasarkan keperluan masing-masing.

EKSHIBIT 6-3

Proses pemilihan dan penempatan guru

	Aktiviti	Mengoptimalkan untuk...
BPPDP	<ul style="list-style-type: none"> Menjurus permintaan guru dengan membandingkan stok guru sedia ada Menganggar bilangan tempat latihan yang diperlukan 	<ul style="list-style-type: none"> ... mengunjurkan keperluan masa depan ... merapatkan jurang antara permintaan dan tawaran guru
BPKP ¹ / BPG	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan maklumat calon Menjalankan tapisan awal dan temuduga calon 	<ul style="list-style-type: none"> ... memilih calon terbaik yang sesuai untuk profesion keguruan (mengikut opsyen yang ditetapkan)
IPTA / IPG	<ul style="list-style-type: none"> Menawarkan tempat kepada guru pelatih Melaksanakan kursus praperkhidmatan untuk menyediakan guru dengan pengetahuan dan kemahiran yang relevan 	<ul style="list-style-type: none"> ... memenuhi jawatan yang disediakan¹ dan memaksimumkan kadar guru berijazah
SPP BPSM	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan senarai nama graduan baharu IPTA dan IPTA kepada SPP untuk ditemu duga (BPSM) Menemuduga graduan baharu daripada program latihan perguruan (SPP) Menyenaraikan nama calon berjaya (daripada SPP) kepada BPSH bagi penempatan (BPSM) Mengeluarkan surat lantikan dan/atau penempatan guru kepada JPN dan PPD (BPSM) 	<ul style="list-style-type: none"> ... memilih graduan yang paling sesuai untuk profesion keguruan ... memilih bilangan guru yang sesuai dengan kuota keperluan
BPSH dan Bahagian lain yang berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> Menyemak keperluan bagi setiap negeri Menempatkan guru mengikut keutamaan Menempatkan guru ke sekolah berdasarkan keperluan yang ditetapkan oleh JPN 	<ul style="list-style-type: none"> ... menempatkan guru secara saksama untuk memenuhi keperluan setiap negeri

¹ BPKP bertanggungjawab memilih calon untuk mengikuti program latihan perguruan di IPTA. BPG di KPM bertanggungjawab memilih calon untuk mengikuti program perguruan di IPG



Kajian kes LINUS sebagai suatu pelaksanaan program yang mantap

Program LINUS yang dilancarkan sebagai sebahagian daripada NKRA Pendidikan, sering dirujuk di peringkat JPN, PPD dan sekolah sebagai contoh dasar yang dirancang dan dilaksanakan dengan baik. Sebagai permulaan, Kementerian telah menjelaskan objektif dan sasaran program tersebut kepada semua JPN dan PPD. Kementerian juga membuat tindakan susulan bagi memastikan semua pihak benar-benar memahami objektif, pelan pelaksanaan dan perincian lain berkaitan dengan program tersebut.

Kedua, sistem sokongan yang mencukupi dibangunkan pada peringkat perancangan lagi. Sebagai contoh, pembimbing literasi dan numerasi (FasiLINUS) sepenuh masa telah dilantik di peringkat PPD. Bilangan pembimbing bagi setiap daerah adalah berdasarkan seorang pembimbing untuk 30 sekolah — satu nisbah yang nyata sekali lebih rendah daripada nisbah biasa jurulatih utama dalam pelaksanaan program baharu (umumnya, dua jurulatih utama untuk setiap daerah, tanpa mengira keluasan daerah tersebut).

Ketiga, prestasi program dikesan secara terperinci dan berterusan sehingga ke peringkat setiap murid. Dialog mengenai prestasi juga sering diadakan dalam kalangan pengetua/guru besar dan guru bersama FasiLINUS yang dilantik; juga antara FasiLINUS dan pemimpin daerah.

Kementerian berperanan menggubal dasar pada peringkat atasan, manakala JPN dan PPD, sebagai cabang pentadbiran ibu pejabat sejak penubuhannya bertanggungjawab melaksanakan dasar. Hal ini menjelaskan saiz JPN dan PPD yang lebih kecil dan pengisian jawatan lebih menjurus kepada kakitangan sokongan. Bagaimanapun, sejajar dengan perubahan keperluan sekolah, skop tugas dan tanggungjawab JPN dan PPD juga perlu berubah. Sebagai entiti Kementerian yang paling hampir dengan sekolah, PPD terutamanya diharapkan dapat melibatkan diri dalam menyediakan sokongan langsung dan membantu mengurus prestasi sekolah.

Cabaran yang dihadapi oleh JPN dan PPD ialah perubahan peranan yang diharapkan ini tidak diimbangi dengan perubahan bekalan sumber. Sebagai contoh, bilangan pembimbing yang dapat membantu pengetua/guru besar dan guru sangat kurang. Di Selangor misalnya,

terdapat hanya dua orang pembimbing pengetua/guru besar yang membantu 900 sekolah. Maka, tidak mustahil jika pembimbing tersebut hanya mampu melawat satu pertiga sekolah sahaja setiap tahun dan setiap lawatan terhad kepada satu hari sahaja.

Pelan Tindakan: Merapatkan jurang pelaksanaan


Walaupun masalah pelaksanaan bukan sahaja berlaku di Malaysia, Kementerian sedang giat berusaha menambah baik proses, bermula dari penggubalan dasar seterusnya sehingga pelaksanaan dasar tersebut dari peringkat Kementerian ke JPN, PPD, dan sekolah. Kementerian juga akan menjajar semula struktur organisasinya seiring dengan proses penambahbaikan tersebut. Berpandukan beberapa matlamat utama, Kementerian membangunkan satu model senario pendidikan masa depan sehingga 2025, antaranya seperti yang berikut:

- **Menetapkan keutamaan dengan jelas.** Kementerian akan menyatakan dengan jelas hala tujunya dan keseluruhan sistem pendidikan. Langkah ini membolehkan inisiatif Kementerian dirancang dengan fokus jangka panjang yang lebih rapi dan memberi lebih keyakinan kepada pihak berkepentingan terhadap sistem pendidikan;
- **Membentuk organisasi yang responsif.** Kementerian seharusnya dapat mengenal pasti, mengesan dan menyelesaikan masalah secara objektif. Perkara ini memerlukan pembentukan dan penyelarasan struktur organisasi serta proses pengurusan Kementerian. Untuk tujuan ini, kemampuan setiap pegawai perlu ditingkatkan bagi menjadikan Kementerian sebuah organisasi pembelajaran yang mampu melakukan penambahbaikan berterusan. Dengan perubahan-perubahan ini, Kementerian akan mampu melaksanakan misi dengan lebih baik dengan keberkesanan kos; dan
- **Meningkatkan kebertanggungjawaban bagi peningkatan prestasi sistem.** Kementerian akan melakukan suatu anjakan peranan daripada berfokuskan pentadbiran semata-mata kepada peningkatan prestasi sistem. Kementerian akan memastikan setiap program jelas berkaitan dengan keberhasilan murid supaya semua aktiviti menyumbang kepada penambahbaikan sistem yang dilaksanakan.

Dalam Gelombang 1, Kementerian akan menyediakan cadangan dan mendapatkan kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tentang cara menjajarkan semula fungsi dan struktur Kementerian, JPN dan PPD. Dalam fasa ini, Kementerian juga akan melaksanakan beberapa langkah interim bagi mengukuhkan keupayaan JPN dan PPD. Dalam Gelombang 2 penstrukturan semula sepenuhnya, termasuk langkah memperkemas dan mengukuhkan fungsi utama di peringkat Kementerian akan mula dilaksanakan dan dijangka selesai pada akhir fasa itu. Gelombang 3 akan memperlihatkan sistem yang lebih terpecar, dengan sekolah diberi lebih hak membuat keputusan dan bertanggungjawab terhadap pencapaian masing-masing. Setelah transformasi ini selesai, struktur Kementerian pada asasnya akan berubah (Ekshibit 6-4).

EKSHIBIT 6-5

Peranan semasa dan akan datang setiap peringkat dalam Kementerian




- **Fungsi sama.** Struktur dan peranan JPN dan PPD mencerminkan peringkat Kementerian
- **Pertindihan fungsi.** Pertindihan fungsi dalam pelbagai peringkat
- **Tanggungjawab umum.** Kurang pengkhususan dalam pelbagai fungsi

- **Negeri sebagai penyelaras dan pentadbir.** JPN akan menggambil alih lebih banyak tugas penyelarasan, perolehan, dan kerja-kerja pentadbiran daripada PPD
- **Daerah sebagai rakan kongsi sokongan dan pemantau.** Tiada campur tangan terus Kementerian dan JPN dalam urusan sekolah. PPD mempunyai hak yang lebih dalam membuat keputusan, dan akan menjadi rakan pembimbing dan sokongan utama kepada pengetua/guru besar, dan guru
- **Lebih pengurusan berasaskan sekolah** untuk sekolah yang mencapai prestasi minimum

EKSHIBIT 6-4

Cadangan transformasi struktur Kementerian



Apa yang akan berbeza?

- Lebih berfokuskan fungsi pada setiap peringkat organisasi
- Saluran penyampaian yang jelas dari peringkat pertengahan ke peringkat sekolah
- Membina keupayaan di barisan hadapan – lebih banyak pegawai akan ditempatkan di peringkat PPD
- Peningkatan secara berperingkat dalam hak membuat keputusan dikaitkan dengan lebih kebertanggungjawaban

Gelombang 1 (2013 - 2015) : Menetapkan semula peranan dan mengukuhkan JPN dan PPD

Transformasi yang kompleks dan menyeluruh ini memerlukan penambahbaikan asas dalam keupayaan dan kebolehan Kementerian melaksanakan dasar dan program. Oleh itu, Gelombang 1 perlu menggabungkan perancangan jangka panjang tentang struktur dan fungsi yang dihasratkan, dengan langkah jangka pendek untuk meningkatkan peranan PPD yang bertanggungjawab mempercepat peningkatan prestasi sekolah melalui inisiatif peringkat daerah yang sistematik.

Membangunkan visi yang jelas

Kerjasama dengan agensi pusat, khususnya JPA akan dilakukan bagi menentukan dengan jelas organisasi Kementerian yang distruktur semula. Kerjasama ini merangkumi bukan sahaja peranan, struktur organisasi serta bilangan pegawai dan saluran pelaporan di Kementerian, JPN dan PPD, tetapi juga perincian pelaksanaan dalam gelombang seterusnya, termasuk pembangunan rancangan untuk memperoleh sumber interim sebelum struktur yang tetap dapat disediakan.

Sebagai sebahagian daripada kajian semula ini, Kementerian akan mengenal pasti peluang bagi mengukuhkan fungsi teras Bahagian-Bahagian iaitu BPPDP, BPK, BPG, LP dan JNJK. Kelima-lima Bahagian ini diberi keutamaan kerana Bahagian berkenaan adalah teras kepada perancangan (BPPDP), pembangunan kurikulum (BPK), pendidikan guru (BPG), proses kawalan kualiti (JNJK) dan pentaksiran (LP) di Kementerian. Satu langkah yang dipertimbangkan untuk meningkatkan keberkesanan fungsi kelima-lima Bahagian ini adalah memberikan lebih kuasa membuat keputusan, dengan mengubah status mereka kepada badan bebas atau pusat kecemerlangan. Kementerian juga akan melihat semula struktur, peranan dan saluran pelaporan Bahagian lain. Sebagai contoh, kajian semula ini termasuklah kemungkinan Bahagian-Bahagian perlu digabung atau berubah saluran pelaporan kepada sektor yang berbeza. Pada penghujung 2013, pelan akhir akan dipersetujui oleh pihak berkaitan. Walaupun sebahagian pelaksanaannya dimulakan pada penghujung 2014, namun pelaksanaan sepenuhnya hanya dijalankan dalam Gelombang 2 apabila transformasi Kementerian bergerak lancar.

Menetapkan semula peranan dan tanggungjawab Kementerian, JPN dan PPD

Fungsi JPN dan PPD pada masa ini merupakan cerminan fungsi Kementerian (Ekshibit 6-5). Keadaan ini menyebabkan pertindihan fungsi yang ketara di pelbagai peringkat dan kadangkala Kementerian atau JPN mengeluarkan arahan terus kepada sekolah tanpa melalui PPD. Pelaksanaan tanggungjawab secara umum ini menampakkan seolah-olah tidak ada pengkhususan dan tumpuan dalam pelbagai fungsi Kementerian dan organisasi di bawahnya. Contohnya, Pegawai Jaminan Kualiti di PPD bukan sahaja bertanggungjawab terhadap kualiti pengajaran guru dan bimbingan pengetua/guru besar tetapi pada masa yang sama bertanggungjawab menguruskan kelayakan Organisasi Standard Antarabangsa (ISO) di sekolah.

Kementerian akan menyemak semula peranan dan tanggungjawab sedia ada bagi menyediakan saluran penyampaian yang lebih jelas dari peringkat pusat ke peringkat sekolah. Peranan dan tanggungjawab yang dicadangkan ini mula dilaksanakan pada 2013 di negeri Kedah dan Sabah, seiring dengan Program Transformasi Daerah serta Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang lebih meluas. Sebaik sahaja diluluskan oleh JPA, Program Transformasi Daerah akan mula dilaksanakan pada 2014. Peranan dan tanggungjawab yang dicadangkan untuk setiap peringkat adalah seperti yang berikut:

- **Kementerian** mengekalkan fungsi penggubalan dasar dan perancangan makro;
- **Jabatan Pendidikan Negeri** memberi tumpuan kepada penyelarasan dan penyampaian rancangan, menjadi penghubung yang penting antara penggubal dasar dengan pelaksana di peringkat bawah. Pihak JPN menyesuaikan pelaksanaan program dan inisiatif berdasarkan keperluan dan pemetaan di dalam negeri tersebut. Pihak JPN juga bertanggungjawab memantau kemajuan setiap PPD dan menggalakkan kerjasama serta perkongsian amalan terbaik di seluruh daerah. Seterusnya, JPN akan menyelaraskan sumber dengan pihak berkepentingan di peringkat Kementerian dan negeri bagi memastikan impak yang lebih besar.
- **Pejabat Pendidikan Daerah** bertindak sebagai rakan pembantu dan pemantau sekolah selari dengan Program Transformasi Daerah. Pihak PPD perlu mempunyai kebolehan untuk menganalisis data

sekolah, mengesan punca masalah dan mereka bentuk bantuan dan sokongan terbeza untuk sekolah. Pihak PPD juga akan membantu sekolah mendapatkan pelibatan ibu bapa dan seluruh masyarakat bagi memaksimumkan impak pelaksanaan. Paling penting, sebagai saluran komunikasi utama kepada sekolah, PPD akan menyepadukan kesemua arahan daripada Kementerian dan JPN. Ini dapat mengurangkan kekeliruan dan kecelaruan birokrasi.

Kementerian akan memperkemas dan menjelaskan hak membuat keputusan antara Kementerian, JPN, PPD dan sekolah berdasarkan peranan dan tanggungjawab yang baharu ini. Hak yang dicadangkan ini termasuklah memberi lebih kuasa membuat keputusan kepada JPN dan PPD dalam bidang tertentu seperti penempatan pengetua/guru besar (Ekshibit 6-6). Contohnya, sebelum ini, semua permohonan pertukaran pengetua/guru besar memerlukan pengesahan terakhir di peringkat Kementerian. Di bawah sistem yang baharu ini, PPD dibenar meluluskan pertukaran pengetua/guru besar dan guru dalam daerah dan JPN pula boleh meluluskan pertukaran antara daerah di dalam negeri masing-masing, manakala Kementerian masih mempunyai kuasa meluluskan pertukaran antara negeri. Kuasa membuat keputusan yang diberi ini akan diimbangi dengan kebertanggungjawaban yang tinggi dalam kalangan JPN dan PPD bagi memastikan prestasi yang disasarkan tercapai.

EKSHIBIT 6-6

Contoh penjajaran semula hak membuat keputusan selepas Gelombang 1

Keputusan Penting	Kuasa Membuat Keputusan		
	Kementerian	JPN	PPD
Penempatan Pengetua / Guru Besar	Merentas Negeri (Semua Gred)	Merentas Daerah (Semua Gred)	Dalam Daerah (Semua Gred)
Penempatan guru	Merentas Negeri (Semua Gred termasuk GC ¹)	Merentas Daerah (Semua Gred termasuk GC)	Dalam Daerah (Semua Gred termasuk GC)
Penempatan SISC+	Merentas Negeri	Merentas Daerah	Dalam Daerah
Penempatan SIPartners+	Merentas Negeri	Merentas Daerah	Dalam Daerah

Meningkatkan pelaksanaan bersama oleh Bahagian di Kementerian

Untuk meningkatkan pelaksanaan bersama dan mengurangkan tindakan secara berasingan, Kementerian akan melaksanakan beberapa langkah untuk meningkatkan kerjasama dan hubungan antara Bahagian, serta antara cabang pengurusan dan profesional di Kementerian. Pertama, Kementerian telah membangunkan 1Agenda KPM iaitu satu agenda yang merangkumi semua inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Bahagian-Bahagian dengan setiap inisiatif menjurus kepada Bahagian peneraju. Bahagian sokongan dan jenis sokongan bagi setiap inisiatif telah dikenal pasti.

Kedua, berdasarkan 1Agenda ini, Kementerian akan menjajarkan insentif melalui perkongsian untuk setiap inisiatif. Sebagai contoh, satu daripada KPI untuk inisiatif bagi meningkatkan standard kemahiran Bahasa Inggeris dalam kalangan murid Tahap 1 ialah

prestasi murid dalam ujian tapisan literasi Bahasa Inggeris (di bawah LINUS). Bahagian Pembangunan Kurikulum iaitu bahagian peneraju, akan berkongsi KPI ini dengan Bahagian sokongan seperti BPSH dan BPG. Kementerian juga akan memastikan KPI selari dan membantu meningkatkan aspirasi murid dan sistem, seperti yang digariskan dalam Bab 2 Pelan ini.

Akhirnya, Kementerian berhasrat menggalakkan lebih banyak kerjasama dalam kalangan Bahagian. Kerjasama di peringkat pengurusan tertinggi Kementerian memang telah lama wujud melalui mesyuarat dan perbincangan mingguan dalam kalangan Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah Pelajaran dan Timbalan masing-masing untuk menyelaras dan mengintegrasikan usaha Kementerian di bawah semua Bahagian. Sekiranya sesuai, Kementerian akan mewujudkan lebih banyak peluang kerjasama, bukan sahaja dalam kalangan Bahagian, tetapi juga dalam seluruh organisasi Kementerian. Sebagai contoh, Kementerian akan mengkaji pelaksanaan latihan merentas Bahagian dan program pinjaman pegawai yang berkebolehan antara Bahagian.

Memperkuhkan kepimpinan JPN dan PPD

Pemimpin yang berwibawa adalah penting bagi memastikan kejayaan sesuatu perubahan dalam organisasi. Usaha mentransformasi, organisasi memerlukan pemimpin yang dihormati yang mampu memacu pelaksanaan proses transformasi dan mendapat kepercayaan serta sokongan daripada pihak berkepentingan. Selari dengan pembangunan pelan transformasi yang lebih meluas ini, Kementerian akan mengorak langkah mengukuhkan kepimpinan JPN dan PPD. Usaha dapat dilaksanakan dengan menilai prestasi pemimpin JPN dan PPD sedia ada berdasarkan kompetensi kepimpinan. Kaedah penilaian yang jelas akan dibangunkan untuk setiap kompetensi kepimpinan bagi membolehkan penilaian secara objektif dibuat. Pemimpin akan dikelaskan dalam kumpulan berprestasi tinggi, sederhana dan rendah. Mereka yang tergolong dalam kumpulan berprestasi sederhana dan rendah akan diberi sokongan yang dirangka bagi membina kebolehan meningkatkan mutu kepimpinan mereka. Menjelang akhir tahun 2013, semua pemimpin JPN dan PPD dinilai dan kemahiran memimpin ditingkatkan. Pemimpin JPN dan PPD yang gagal mempamerkan peningkatan walaupun setelah diberi sokongan, akan dinilai semula dan mungkin dipindahkan untuk mengisi jawatan lain.

Menempatkan SISC+ dan SIPartner+ sepenuh masa

Tindakan lain yang perlu diusahakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan ini ialah pemilihan dan penempatan pembimbing guru (SISC+) dan pembimbing pengetua/guru besar (SIPartner+) sepenuh masa di peringkat PPD. Seperti yang dinyatakan dalam Bab 4 dan 5, SISC+ dan SIPartner+ pada masa ini bertugas secara sambilan, justeru menyebabkan liputan yang tidak konsisten dan tidak mencukupi. Dengan mewujudkan jawatan sepenuh masa di PPD, pembimbing akan dapat memberikan tumpuan penuh kepada tugas sebagai mentor dan membina hubungan yang kukuh dengan guru dan pengetua/guru besar. Jenis sokongan yang diberikan oleh SISC+ dan SIPartner+ akan disesuaikan mengikut tahap prestasi sekolah tersebut. Pada penghujung Gelombang 1, Kementerian akan mengkaji semula keberkesanan program SISC+. Hasil kajian semula ini, Kementerian akan mengkaji keperluan melaksanakan program ini untuk guru dan pengetua/guru besar lain dalam Gelombang 2.

SISC+ dan SIPartner+ akan dilantik daripada pelbagai jawatan sedia ada seperti Guru Cemerlang, Pengetua Cemerlang, pensyarah IAB dan IPG, FasiLINUS serta pegawai JPN dan PPD sedia ada. Pada awal 2013, lebih 350 SISC+ (dengan tumpuan awal kepada Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, dan Matematik), dan SIPartner+ dijangka dapat ditempatkan bagi membantu kajian rintis Program Transformasi Daerah di Kedah dan Sabah. Menjelang 2015, hampir 2,500 SISC+ dan SIPartner+ dijangka akan ditempatkan di semua daerah seluruh negara.



Mewajarkan fungsi di peringkat Kementerian: Penaziran sekolah dan jaminan kualiti

Penaziran sekolah adalah penting bagi jaminan kualiti dan proses kawalan mana-mana sistem pendidikan. Di Malaysia, fungsi ini dilaksanakan oleh pihak Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK).

Pihak JNJK pada masa ini menjalankan 2,500 penaziran setahun. Usaha ini meliputi penaziran penuh dan penaziran bersasaran yang dijalankan berdasarkan aduan yang diterima. Walau bagaimanapun, penaziran seperti ini hanya melibatkan peratusan kecil sekolah di Malaysia setiap tahun, dengan lebih satu pertiga sekolah tidak dilawati dan diperiksa oleh nazir semenjak 2005.

Kementerian akan mengkaji semula proses penaziran yang dijalankan pada masa ini bagi menentukan model penaziran sedia ada dapat diperkemas untuk memastikan setiap sekolah dilawati dan diperiksa oleh nazir sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun. Di samping itu, proses pengambilan sedia ada juga akan dikaji bagi memastikan JNJK mampu memilih sekumpulan guru dan pengetua/guru besar berpengalaman yang mencukupi sebagai nazir. Akhir sekali, Kementerian akan mempertimbangkan kemungkinan menjadikan JNJK sebagai entiti bebas yang diberi lebih keluwesan beroperasi dan kebebasan melapor.

Meningkatkan pengurusan prestasi dan pembinaan keupayaan semua pegawai JPN dan PPD

Bagi membantu pegawai JPN dan PPD menyesuaikan diri dengan penambahan fungsi ini, Kementerian akan memberikan penerangan yang jelas tentang hasrat perubahan aktiviti harian pejabat dan pegawai. Sebagai contoh, anjakan peranan daripada tugas pentadbiran semata-mata kepada tugas perancangan dan penyelarasan, Pengarah JPN di harap akan memperuntukkan 20% masa untuk perancangan aktiviti, seperti menetapkan matlamat yang jelas bagi semua daerah di negeri masing-masing; 30% untuk penyelarasan, 30% untuk pemantauan dan penyelesaian masalah dan hanya 20% untuk tugas pentadbiran. Keutamaan ini akan disebar luas ke seluruh peringkat organisasi. Pihak PPD juga akan menerima bimbingan tentang anjakan tugas kepada sokongan dan perkongsian amalan terbaik dengan pihak sekolah.

Perubahan ini akan disokong dengan proses penilaian prestasi baharu yang dikaitkan dengan pencapaian keberhasilan utama dan kompetensi yang diperlukan. Sistem penilaian ini akan disebar luas kepada semua peringkat JPN dan PPD. Sebagai contoh, prestasi semua pemimpin JPN dan PPD akan dinilai berdasarkan prestasi negeri atau daerah berasaskan sasaran yang telah ditetapkan dan kompetensi kepimpinan yang dipamerkan. Sasaran yang ditetapkan ini akan disesuaikan dengan mengambil kira tahap dan keadaan semasa yang berbeza di setiap negeri dan daerah. Proses yang serupa akan dilaksanakan untuk semua pegawai yang lain.

Kementerian beriltizam menyediakan program pembangunan profesional berterusan (CPD) yang ditambah baik bagi membantu pegawai dan kakitangan sokongan mencapai kompetensi dan sasaran baharu ini. Program ini meliputi tajaan atau pinjaman kewangan kepada pegawai Kementerian untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah pertama, sarjana dan kedoktoran mengikut kesesuaian.

Menyatukan sistem pengumpulan dan pengurusan data untuk membina platform yang kukuh bagi membuat keputusan

Kementerian akan menghubungkan sistem data (merangkumi data operasi dan kewangan) untuk mendapat pandangan yang jelas dan tepat tentang prestasi. Pada masa ini, data operasi dan kewangan tidak dijalin dan tidak bersepadu di pelbagai platform, seperti *Modified Budgeting System* (MBS), Sistem Pengurusan Maklumat Pendidikan (EMIS) dan e-Perolehan. Pembinaan suatu *dashboard* bersepadu akan membolehkan Kementerian mendapat maklumat yang relevan dan tepat pada masanya, bagi menganalisis prestasi dengan pantas hinggalah ke setiap sekolah.

Kementerian akan menggunakan 1BestariNet sebagai platform utama bagi menggabung semua data. Antara usaha bagi menggabung data termasuklah mengenal pasti set data utama (di peringkat murid, sekolah dan sistem) bagi membolehkan keputusan penting dibuat, dan menilai kemampuan pangkalan data sedia ada serta meningkatkannya sekiranya perlu. Kementerian juga akan melatih kakitangan pangkalan data bagi memastikan mereka mampu menyediakan perkhidmatan kemasukan dan sintesis data. Persetujuan dengan pihak berkepentingan utama tentang suatu kaedah seragam bagi menyebarkan maklumat secara berkala akan diusahakan. Matlamatnya adalah untuk memastikan data dapat diakses dengan mudah dan tepat pada masanya bagi membantu proses membuat keputusan di semua peringkat.

Gelombang 2 (2016 - 2020): Melaksanakan penstrukturan semula Kementerian secara menyeluruh

Kementerian akan terus memberi pengupayaan kepada JPN dan PPD supaya menjadi organisasi yang lebih diperkemas selari dengan amalan terbaik di peringkat antarabangsa. Oleh itu, susunan di peringkat Kementerian perlu diperkemas di samping terus memberi lebih kuasa membuat keputusan dan kebertanggungjawaban kepada JPN dan PPD. Tujuannya adalah untuk menghasilkan suatu model yang menggambarkan fungsi dan hala tuju yang sama tetapi dengan peranan yang jelas terbeza di pelbagai peringkat.

Menstruktur semula Kementerian untuk mengukuhkan fungsi teras dan memperkemas peranan

Dalam Gelombang 2, Kementerian akan melaksanakan perancangan organisasi dan menjalankan penstrukturan secara menyeluruh berdasarkan semakan semula. Semakan ini akan mengenal pasti mengukuhkan fungsi teras Kementerian dimulai dengan tumpuan kepada lima Bahagian iaitu BPPDP, BPK, BPG, LP dan JNJK.

Kementerian juga akan terus memberi keutamaan kepada pembangunan fungsi pengurusan dan pentadbiran teras yang sedang dijalankan, seperti kewangan, ICT, pembangunan dan perolehan. Langkah ini termasuklah menentukan sejauh mana fungsi utama bertindih dan mengenal pasti peluang bagi memperkemas atau menstruktur semula. Cara ini boleh menyediakan asas yang kukuh untuk inisiatif yang sedang dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan organisasi dan produktiviti sumber, seperti yang dijelaskan pada bahagian seterusnya dalam bab ini. Lebih penting lagi, Kementerian akan mengambil inisiatif mengubah amalan atau cara bekerja secara berasingan dalam proses perancangan dan pelaksanaan.

Memberi lebih kuasa dan kebertanggungjawaban kepada JPN dan PPD

Organisasi JPN dan PPD akan distruktur semula mengikut kluster tertentu. Penstrukturan semula ini membolehkan pengkhususan yang lebih dan memberi mandat yang jelas kepada pegawai. Kluster tersebut ialah:



- **Kurikulum** akan menyelia kurikulum mata pelajaran, pentaksiran, dan pedagogi. Penyeliaan akan distrukturkan mengikut pengkhususan mata pelajaran. Satu unit yang berbeza akan dibentuk untuk mengawal program akademik, kokurikulum, dan sukan bagi memastikan kemenjadian murid secara holistik;
- **Pengurusan sekolah** akan menyelia pengoperasian sekolah. Kluster ini akan memantau pelaksanaan program dan inisiatif bukan akademik, seperti Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Penstrukturannya akan mengikut pemilihan sekolah sedia ada bagi memastikan maklum balas yang diberikan kepada sekolah adalah bersesuaian; dan
- **Kewangan, Modal Insan, Perolehan dan Pentadbiran** bertanggungjawab bagi urusan kewangan dan perakaunan, penyelenggaraan sekolah, dan perolehan serta fungsi pentadbiran yang lain.

Walaupun JPN dan PPD akan mempunyai kluster yang serupa, peranan dan tanggungjawab dalam kedua-dua organisasi ini berbeza. JPN akan memberi tumpuan yang lebih kepada pentadbiran sekolah, perancangan dan penyelarasan pelaksanaan kurikulum, dan penyediaan pusat perkhidmatan guna sama dengan fungsi pentadbiran berpusat bagi meringankan beban pentadbiran PPD. PPD pula akan menyediakan sokongan pentadbiran yang terhad (lebih bertumpu kepada kemasukan data, dan bantuan perkeranian bagi meringankan beban guru) serta terus memberi tumpuan kepada sokongan tugas guru dan pengetua/guru besar (Ekshibit 6-7).

Memperluas pengurusan berasaskan sekolah dan autonomi

Apabila kualiti sistem pendidikan bertambah baik, Kementerian akan memberi peluang yang lebih kepada pihak sekolah yang mencapai kriteria prestasi tertentu untuk menjalankan pengurusan berasaskan sekolah. Sebagai contoh, sekolah akan diberi lebih keluwesan dalam pengagihan bajet dan penjadualan kurikulum (sila lihat Bab 4 untuk penjelasan lanjut). Kementerian akan menggunakan 1BestariNet untuk memastikan sekolah dilengkapi kemudahan dan amalan terbaik dalam ICT untuk membantu pengurusan berasaskan sekolah.

EKSHIBIT 6-7

Gambaran keseluruhan cadangan model pembahagian peranan JPN dan PPD

	Kurikulum	Pengurusan Sekolah	Kewangan, Sumber Manusia, Perolehan dan Pentadbiran
J P N	Perancang & Penyelarasan <ul style="list-style-type: none"> Memantau pelaksanaan kurikulum (akademik dan ko-kurikulum) dan kualiti pedagogi dalam negeri Menyelaras sumber bimbingan merentas daerah 	Pentadbiran Sekolah <ul style="list-style-type: none"> Menyelaras/menyediakan latihan dan sumber untuk meningkatkan kemahiran pegawai PPD Menyelaras agihan sumber kepada daerah yang amat memerlukan 	Perkongsian Pusat Perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> Fungsi pentadbiran berpusat
	Sokongan kepada guru <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan sokongan bimbingan dan pementoran kepada guru dari segi kandungan dan kemahiran pedagogi 	Sokongan kepada pengetua <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan sokongan penambahbaikan kepada sekolah. Mengenal pasti, mengkod, dan berkongsi amalan terbaik dalam daerah Mewujudkan kerjasama merentas sekolah 	Tugas perkeranian asas <ul style="list-style-type: none"> Fungsi perkeranian asas seperti kemasukan data, dan menggunakan 1BestariNet sebagai platform

Gelombang 3 (2021 - 2025): Memperkukuhkan kekuatan organisasi

Setelah Kementerian distruktur semula, saluran penyampaian bagi memenuhi kehendak dan jangkaan rakyat akan dapat diperkukuh. Kementerian juga harus menyediakan segala sistem dan proses bagi menyokong pencapaian objektif. Seterusnya, Kementerian akan terus memperkukuh kemajuan yang dicapai dengan mengaitkan kompetensi dengan prestasi bagi semua pegawai, dan membolehkan kemajuan berasaskan kompetensi yang lebih pantas. Kementerian juga akan mengiktiraf sekolah yang meningkatkan prestasi secara berterusan dengan memberi lebih peluang untuk melaksanakan pengurusan berasaskan sekolah.

PRODUKTIVITI SUMBER

Kementerian akan memastikan keberhasilan murid dimaksimumkan bagi setiap ringgit yang dibelanjakan. Matlamat usaha ini akan dicapai melalui anjakan cara Kementerian menilai, mengagih sumber, dan memantau program serta inisiatifnya. Tumpuan akan diberikan kepada keberhasilan; iaitu, keutamaan akan diberikan kepada program dan inisiatif yang akan memberi impak besar kepada keberhasilan murid.

Langkah yang akan diambil termasuk:


- Mengaitkan setiap program dengan keberhasilan murid yang jelas dan mewajarkan program berimpak rendah supaya sumber Kementerian dapat diperuntukkan semula kepada program yang berimpak tinggi;
- Membangunkan pengurusan kewangan dan perolehan yang lebih strategik dalam Kementerian, termasuk bajet berasaskan hasil; dan
- Meningkatkan kemahiran kakitangan yang relevan dalam kompetensi yang penting seperti pengurusan nilai.

Seperti yang digariskan dalam Bab 3, Kerajaan sangat komited terhadap bidang pendidikan. Pada 2011, perbelanjaan asas (perbelanjaan pengurusan dan pembangunan) untuk pendidikan bagi Kementerian ialah RM37 bilion. Jumlah ini merupakan item bajet yang terbesar, merangkumi 16% jumlah bajet persekutuan 2011. Jumlah ini tidak termasuk tambahan RM12 bilion yang diperuntukkan kepada kementerian lain yang menyediakan perkhidmatan berkaitan pendidikan.

Komitmen Malaysia terhadap pendidikan setanding dengan negara-negara setara. Malaysia membelanjakan 3.8% daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) untuk pendidikan, iaitu lebih dua kali ganda daripada purata negara ASEAN sebanyak 18%, malah nilai ini lebih tinggi daripada negara ekonomi gergasi Asia seperti Korea Selatan, Hong Kong, Jepun dan Singapura. Tahap perbelanjaan untuk pendidikan sebagai peratusan jumlah perbelanjaan kerajaan adalah tinggi berbanding negara serantau dan negara yang mempunyai KDNK setara seperti Mexico dan Chile.

Namun, bagi tempoh lima tahun lepas, Kementerian membelanjakan lebih daripada bajet yang diperuntukkan untuk pendidikan (Ekshibit 6-8). Kebanyakan perbezaan ini disebabkan perubahan dan peristiwa luar jangka. Menurut laporan Bank Dunia (2011), “Terdapat perubahan dasar atau keutamaan luar jangka yang memerlukan peruntukan semula dana daripada bidang keutamaan rendah kepada bidang keutamaan tinggi, atau dana tambahan untuk inisiatif baharu.” Di samping itu, beberapa aktiviti yang dirancang tidak dapat dilaksanakan akibat kelewatan dalam proses tender atau penghantaran barangan dan pembekalan perkhidmatan.

EKSHIBIT 6-8



¹ Dikira sebagai lebihan atau defisit dibahagi mengikut bajet yang diperuntukkan
SUMBER: Laporan Perbelanjaan Awam Bank Dunia 2011

Terdapat juga perbezaan yang signifikan dalam perbelanjaan antara negeri. Sesetengah perbezaan ini mungkin berpunca daripada perbezaan keadaan kendalian operasi (contohnya, Sabah dan Sarawak mempunyai lebih banyak sekolah luar bandar berbanding negeri seperti Selangor dan Pulau Pinang), namun setiap negeri masih berpeluang mempelajari dan menerima pakai amalan terbaik yang relevan daripada negeri lain.

Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia telah melabur sumber yang banyak bagi membina infrastruktur tambahan, terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak, serta menambah bilangan guru untuk memperluas akses kepada pendidikan. Perbelanjaan ini telah berjaya mencapai akses yang hampir sejagat bagi pendidikan sekolah rendah, dan peningkatan yang signifikan bagi akses pendidikan menengah. Namun masih terdapat ruang penambahbaikan dalam dimensi yang lain seperti kualiti dan ekuiti. Bab 3 menggambarkan bahawa sistem pendidikan yang membuat pelaburan lebih rendah daripada Malaysia seperti Thailand, Chile, dan Armenia, memperlihatkan pencapaian murid yang setanding atau lebih baik. Gambaran ini memperlihatkan kemungkinan sistem pendidikan Malaysia kurang memperuntukkan dana kepada faktor yang memberi impak terbesar terhadap keberhasilan murid, seperti latihan guru. Walau bagaimanapun, sistem berprestasi tinggi seperti Singapura dan Shanghai membelanjakan lebih banyak untuk setiap murid berbanding Malaysia, dan negara tersebut juga sedang memulakan suatu usaha transformasi yang besar. Oleh yang demikian, Malaysia perlu mengekalkan tahap

perbelanjaan, tetapi keberkesanan dan kecekapan cara dana diperuntuk dan dibelanjakan perlu dikaji semula.

Pelan Tindakan: Memaksimumkan keberhasilan murid untuk setiap ringgit yang dibelanjakan

Dalam mengorak langkah ke hadapan, Kementerian akan memastikan keberkesanan perbelanjaan pendidikan, meningkatkan pulangan pelaburan (ROI), dan melaksanakan analisis kos-faedah sosioekonomi yang jelas untuk setiap pelaburan utama. Matlamatnya adalah untuk meminimumkan keperluan dana tambahan sambil memaksimumkan ROI dalam bidang yang penting, seperti keberhasilan murid. Bagi tujuan ini, Kementerian akan berusaha menyusun semula keutamaan dan mewajarkan dasar dan program semasa bagi memastikan dana dimanfaatkan untuk bidang keutamaan yang paling penting. Kementerian juga memberi komitmen bagi melaksanakan syor Ketua Audit Negara seperti pemantauan perbelanjaan yang lebih teliti, pematuhan peraturan kewangan, dan penambahbaikan pembayaran perbelanjaan yang diperuntukkan dalam bajet.

Dalam jangka masa pendek, usaha ini memerlukan tindakan segera dengan mewajarkan program dan menyemak proses perolehan apabila kontrak sedia ada diperbaharui. Di samping itu, Kementerian akan meneruskan usaha semasa bagi merombak sistem pengurusan kewangan dengan memperkenalkan bajet berasaskan keberhasilan (OBB). Apabila perubahan sistem pembiayaan ini selesai dan penyusunan semula Kementerian dilaksanakan dalam Gelombang 2 (seperti diperincikan dalam bahagian “Melaksanakan penstrukturan semula Kementerian secara menyeluruh”), Kementerian akan memberi tumpuan kepada pengurusan kewangan yang lebih strategik, termasuk peruntukan bajet terbeza berdasarkan keperluan murid. Menjelang Gelombang 3, Kementerian menjangkakan penambahbaikan sistem dan proses pengurusan kewangan telah lengkap. Kementerian dengan itu akan memberi tumpuan bagi mengekalkan amalan fiskal terbaik yang telah dibangunkan dalam gelombang-gelombang terdahulu.

Gelombang 1 (2013 - 2015): Mewajarkan kejayaan segera


Dalam jangka masa pendek, Kementerian akan memberi tumpuan kepada usaha mengkaji semula program dan perbelanjaan mengurus dalam usaha meningkatkan keberkesanan berbelanja dan mengagihkan semula sumber kepada penggerak yang mempunyai impak terbesar terhadap keberhasilan murid. Bagi mencapai tujuan tersebut, Kementerian sedang mengkaji semula perbelanjaan mengurus bukan emolumen (berjumlah RM7.7 bilion atau 21% jumlah bajet 2012 Kementerian) dan perbelanjaan pembangunan (jumlah tambahan RM4.6 bilion atau 12% jumlah bajet 2012 Kementerian).

Setakat ini sejumlah RM6.7 bilion telah atau sedang disemak semula untuk pewajaran : RM4.2 bilion daripada perbelanjaan mengurus bukan emolumen, dan RM2.5 bilion lagi daripada perbelanjaan pembangunan (Ekshibit 6-9). Semakan semula perbelanjaan mengurus memberi tumpuan kepada program khusus dan perbelanjaan pengurusan pendidikan manakala semakan semula perbelanjaan pembangunan sedang dilaksanakan.

EKSHIBIT 6-9

Pendekatan dan kaedah penjimatan kos – berdasarkan bajet 2012

RM bilion (%)



SUMBER: Bahagian Pembangunan; Bahagian Kewangan

Kajian semula dasar dan program nasional

Kementerian akan mengkaji semula portfolio dasar dan program sedia ada bagi menumpukan sumber manusia dan kewangan terhadap program yang mempunyai impak terbesar terhadap keberhasilan murid. Dalam kajian semula pada awal Gelombang 1, penyusunan semula keutamaan dan pewajaran program berpandukan tiga prinsip teras:

- **Keberkesanan:** Setiap program perlu mempunyai impak yang signifikan, berpulangan positif, dan boleh diukur berasaskan bidang keutamaan seperti yang ditetapkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia;
- **Kecekapan:** Setiap program perlu dilaksanakan dengan menggunakan sumber secara cekap; dan
- **Kesepaduan:** Setiap program harus disepadukan dengan lancar dan koheren dengan program lain bagi mengelakkan pertindihan usaha dan/atau percanggahan objektif dan impak.

Selaras dengan proses kajian semula ini, Kementerian mengenal pasti beberapa program untuk pewajaran dalam Gelombang 1. Sebagai contoh, di bawah dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI), guru yang mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris diberikan elaun di bawah Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP). Pada 2011, lebih 210,000 guru telah menerima bayaran insentif pengajaran mata pelajaran ini. Memandangkan PPSMI sedang dalam proses pemansuhan, Kementerian akan mengurangkan BISP. Kajian semula 2012 terhadap guru yang benar-benar mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris menunjukkan hanya lebih kurang 40,000 guru sahaja yang memenuhi kriteria untuk mendapat BISP. Pada masa depan, Kementerian akan menghadkan bayaran BISP hanya kepada guru yang benar-benar layak, dan sekali gus Kementerian dapat menjimatkan kos sehingga RM413 juta. Proses pewajaran ini akan bermula menjelang penghujung 2013.

Melalui usaha pewajaran ini, Kementerian dijangka dapat menjimatkan kos tahunan kira-kira RM579 juta hingga RM813 juta

bagi inisiatif yang tidak diberi keutamaan menjelang 2015. Penjimatan ini akan diagihkan semula untuk bidang keutamaan yang lain dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Apa-apa inisiatif baharu yang diperkenalkan akan tertakluk pada penilaian yang ketat. Usaha ini penting bagi memastikan program baharu tidak mengekang modal insan dan sumber kewangan daripada memberikan impak yang lebih besar jika digunakan untuk tujuan lain. Bagi mencapai matlamat ini, Bahagian yang mencadangkan inisiatif perlu mengemukakan justifikasi yang kukuh. Justifikasi yang perlu dikemukakan termasuk : (i) impak positif yang berpotensi kepada murid, guru dan pengetua/guru besar; (ii) tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan program dan mengenal pasti sama ada sumber adalah yang baharu atau agihan semula; dan (iii) keperluan keseimbangan daripada pengagihan semula sumber ini.

Menyemak semula proses perolehan

Apabila kontrak sedia ada tamat dan perlu dibaharui, Kementerian boleh mengambil peluang ini untuk mengetatkan mekanisme dan proses perolehan sedia ada bagi memastikan sistem pendidikan mendapat nilai terbaik untuk wang yang dibelanjakan. Kementerian telah menjalankan kajian semula secara terperinci terhadap setiap perkara dalam operasi ini bagi mengenal pasti peluang penjimatan. Perkara ini termasuklah langkah seperti menurunkan kuasa untuk perolehan barangan dan perkhidmatan tertentu kepada JPN. Tujuannya adalah untuk membolehkan pepadanan yang lebih baik antara permintaan dan penawaran. Satu lagi langkah yang berpotensi ialah menawarkan kontrak perkhidmatan tertentu kepada pihak swasta bagi perkhidmatan yang kurang menguntungkan jika dilaksanakan oleh Kementerian.

Usaha ini dijangka dapat menjana penjimatan tahunan sebanyak RM190 juta berdasarkan perbelanjaan sebenar tahun 2011. Penjimatan ini meliputi pelbagai perkara seperti perbelanjaan pembersihan dan utiliti dalam kategori kos operasi pendidikan (Ekshibit 6-10). Penjimatan melalui inisiatif ini kemudiannya boleh diperuntukkan semula kepada bidang keutamaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Kementerian juga akan memastikan proses kajian semula yang terperinci ini turut dilaksanakan oleh JPN dan PPD. Perbezaan yang signifikan dalam perbelanjaan di peringkat ini disebar luas kepada semua peringkat, menunjukkan bahawa terdapat perkara penting yang boleh dipelajari antara satu sama lain. Pihak JPN dan PPD perlu menanda aras perbelanjaan berdasarkan prestasi rakan setera dan memberi penjelasan sekiranya terdapat perbezaan ketara dalam perbelanjaan mereka.

Menerapkan bajet berasaskan keberhasilan (OBB) dalam pengurusan kewangan

Bajet berasaskan keberhasilan (OBB) memberi tumpuan kepada hasil yang diharapkan dan dicapai daripada perbelanjaan kerajaan. Langkah ini akan membawa kepada komitmen bajet masa depan yang lebih berwibawa dan perbelanjaan mengikut keutamaan yang lebih cekap. Kementerian telahpun mula menerapkan OBB dalam sistem pengurusan kewangannya dan akan terus melaksanakan proses baharu ini dalam Gelombang 1 dengan matlamat untuk menyempurnakan pelaksanaannya dalam Gelombang 2.

Kategori kos yang disasarkan untuk semakan semula pada 2015

Kategori Kos	Pelan Penambahbaikan	2011 Jumlah sebenar)	Anggaran penjimatan kos (setahun) ¹
Elaun perjalanan & Sara hidup Perkhidmatan Profesional, Perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti	<ul style="list-style-type: none"> Mengurangkan mesyuarat yang tidak perlu Meneroka aturan kerja alternatif (contoh: mesyuarat maya) untuk mengurangkan kos perjalanan 	RM 660 juta	RM 10 juta
Perkhidmatan Profesional, Perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti (Keselamatan)	<ul style="list-style-type: none"> Mengurangkan 5% nilai kontrak dengan meningkatkan bilangan sekolah bagi setiap kontrak 	RM 710 juta	RM 47 juta
Pembelian sokongan kecil dan penyelenggaraan	<ul style="list-style-type: none"> Mengurangkan 5% nilai kontrak dengan meningkatkan bilangan sekolah bagi setiap kontrak 	RM 1,051 juta	RM 44 juta
Perbelanjaan Utiliti	<ul style="list-style-type: none"> Penjimatan bil elektrik dengan memperkenalkan lampu LED 	RM 502 juta	RM 73 juta
Bekalan dan bahan lain Bahan mentah Pengangkutan bahan	<ul style="list-style-type: none"> Mengetatkan dasar pengurusan untuk mengawal perbelanjaan merentas Kementerian 	RM 136 juta	RM 16 juta
Jumlah		RM 3,059 juta	RM 190 juta

¹ Anggaran penjimatan kos berdasarkan jumlah bajet 2012 mengikut peratusan penjimatan item operasi individu

Inisiatif ini mengandungi beberapa komponen. Pertama, Kementerian akan memastikan bajet tahunan pengurusan dan pembangunan selaras dengan keutamaan yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia supaya dana yang mencukupi dapat disalurkan mengikut keutamaan. Kementerian juga akan meningkatkan ketelusan dalam proses penyediaan bajet dan perbelanjaan supaya nyata kejelasan hasrat dan proses.

Kedua, selaras dengan langkah ke arah OBB, Kementerian akan menghubungkan secara jelas permohonan pembiayaan dengan sasaran berasaskan keberhasilan. Kemajuan mengikut sasaran akan dipantau pada setiap suku tahun, dan pembiayaan selanjutnya akan diberikan sekiranya ada petunjuk bahawa inisiatif tersebut membuahkan hasil yang diinginkan.

Ketiga, seperti yang dinyatakan pada awal bab ini dalam bahagian “sistem penyampaian”, Kementerian akan menghubungkan dan menyelaras sistem data ke dalam papan pemuka (dashboard) bersepadu. Tindakan ini akan menyediakan maklumat yang relevan

dan tepat pada masanya kepada Kementerian bagi membolehkan analisis keberkesanan perbelanjaan dibuat dengan cepat sehingga peringkat sekolah. Sistem pengurusan kewangan dan pengesanan dalam talian secara bersepadu akan diperluas dan dilaksana di seluruh Kementerian menjelang 2015.

Keempat, keperluan membangunkan kemahiran dan keupayaan yang diperlukan dalam Kementerian merupakan elemen penting untuk mencapai perubahan sistemik. Kementerian akan meningkatkan kemahiran semua kakitangan pentadbiran yang berkaitan menjelang 2015 dalam disiplin yang kritikal seperti pengurusan perakaunan dan pengurusan nilai bagi memastikan mereka berupaya membangunkan bajet yang menyeluruh, berasaskan keperluan, dan berwawasan.

Gelombang 2 (2016 - 2020): Melaksanakan kecekapan seluruh sistem

Dalam Gelombang 2, Kementerian akan mengalihkan tumpuan usaha pewartannya daripada pelaksanaan “kejayaan segera” kepada

pelaksanaan seluruh sistem, termasuk menghapuskan pertindihan bajet antara Bahagian apabila proses penstrukturan semula, seperti yang diterangkan dalam bahagian sebelum ini, berlaku. Di samping itu, Kementerian akan meluaskan kajian semula terhadap kategori kos daripada perbelanjaan pengurusan pendidikan kepada semua kos yang lain. Seperti dalam Gelombang 1, Kementerian akan melaksanakan analisis item secara terperinci bagi mengenal pasti peluang penjimatan kos tambahan.

Kementerian juga akan menggunakan proses OBB yang telah dilaksanakan dalam Gelombang 1 bagi mengukuhkan proses penyediaan bajet dan pengurusan kewangan. Langkah ini termasuklah mengkaji semula hak membuat keputusan pada masa ini untuk proses pembiayaan utama bagi menentukan sama ada pihak JPN, PPD, dan sekolah harus diberi kuasa untuk membuat lebih banyak keputusan. Walau bagaimanapun, sebarang pemberian kuasa akan diiringi dengan langkah memastikan kebertanggungjawaban yang tinggi.

Gelombang 3 (2021 – 2025): Mengekalkan amalan terbaik

Kementerian menjangkakan keseluruhan penstrukturan semula, termasuk pelaksanaan rombakan dalam sistem dan proses pengurusan kewangan akan selesai menjelang 2021. Hasilnya, produktiviti sumber akan selari dengan standard antarabangsa. Sebagai contoh, tahap perbelanjaan awam seharusnya selari dengan sistem pendidikan negara lain yang mempunyai tahap prestasi yang hampir serupa dalam

pentaksiran antarabangsa. Dalam Gelombang 3, Kementerian akan memberi tumpuan untuk mengekalkan amalan terbaik bagi menjamin kecekapan kewangan yang dibangunkan dalam gelombang-gelombang terdahulu.

INFRASTRUKTUR SEKOLAH

Kementerian akan memastikan semua sekolah mempunyai persekitaran pembelajaran yang sesuai untuk murid. Kementerian akan mengguna pakai suatu standard sepunya bagi infrastruktur sekolah, di samping memberi keluwesan yang cukup untuk menyesuaikan kemudahan dan peralatan dengan keperluan setempat.


Langkah yang akan diambil termasuk:

- Memastikan semua sekolah mempunyai tahap infrastruktur minimum yang boleh diterima, disesuaikan dengan keperluan sekolah secara berkesan kos;
- Melakukan penyelenggaraan segera bagi sekolah yang mempunyai keperluan kritikal untuk pembaikan; dan
- Menaik taraf kemudahan dan peralatan di semua sekolah bagi menyokong keperluan pembelajaran murid yang akan berubah mengikut masa.



EKSHIBIT 6-11

Mengenal pasti jurang infrastruktur di sekolah



1 Termasuk perbelanjaan Kementerian, yuran perundingan dan perolehan tanah

2 Disebabkan makmal sains yang rosak dan tidak boleh digunakan lagi

SUMBER: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 - 2010, Kementerian telah mengenal pasti beberapa kemudahan infrastruktur yang perlu dibangunkan dalam tempoh lima tahun seterusnya. Kemudahan ini ialah : (i) bekalan elektrik 24 jam; (ii) air terawat yang selamat diminum; (iii) makmal komputer; (iv) makmal sains, dan (v) bilik darjah dan bangunan yang mencukupi untuk membolehkan pelaksanaan sekolah satu sesi.

Bagi mencapai hasrat ini, Kementerian membelanjakan lebih RM20 bilion untuk membangunkan infrastruktur dari 2006 hingga 2010. Jumlah ini digunakan untuk membina 400 sekolah baharu, memperluas infrastruktur ICT, dan menaik taraf serta menyelenggara kemudahan sedia ada. Dalam tempoh ini, Kementerian telah menyediakan bekalan elektrik 24 jam kepada 473 sekolah lagi, akses kepada air bersih untuk 47 sekolah, dan tambahan 103 makmal komputer. Hasil yang paling signifikan ialah peratusan sekolah yang mendapat bekalan elektrik 24 jam meningkat daripada 92% pada 2005 kepada 97% pada 2011. Usaha menaik taraf kemudahan ini diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10.


Meskipun banyak penambahbaikan dilakukan, Kementerian sedar bahawa jurang yang signifikan masih terdapat dalam pembangunan infrastruktur sekolah. Sebilangan besar sekolah masih kekurangan infrastruktur asas—kira-kira 300 sekolah masih tidak mendapat bekalan elektrik 24 jam, manakala 1,500 sekolah tidak mendapat bekalan air yang selamat untuk diminum. Selanjutnya, banyak sekolah tidak mempunyai kemudahan terkini yang sangat penting untuk pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains secara berkesan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja masa hadapan. Kira-kira 2,700 sekolah tidak mempunyai makmal komputer, manakala makmal sains 2,000 sekolah tidak berfungsi (Ekshibit 6-11).

Dapatan ini disokong oleh kajian yang dijalankan Universiti Pendidikan Sultan Idris (2011). Dalam soal selidik yang menilai persepsi 7,107 guru seluruh Malaysia terhadap kualiti infrastruktur, penyelidik mendapati walaupun terdapat peningkatan tetapi dari segi standard masih jauh daripada mencapai tahap memuaskan keseluruhannya: 77% guru melaporkan di sekolah mereka hanya ada satu makmal sains, meningkat daripada 73% dalam kajian 2005; 74% guru melaporkan mereka bekerja di sekolah yang mempunyai sekurang-kurangnya satu makmal komputer yang berfungsi, meningkat daripada 71% pada 2005.

Penyelenggaraan kemudahan sedia ada juga perlu diberikan tumpuan utama. Laporan Audit Infrastruktur Fizikal (2011) mendapati lebih 30% sekolah di Malaysia perlu dibaiki segera (Ekshibit 6-12). Kementerian telah memperuntukkan RM600 juta pada 2012 untuk memperbaiki infrastruktur sekolah, dan sekiranya perlu, tambahan peruntukan akan diusahakan.

EKSHIBIT 6-12

Keperluan penyelenggaraan sekolah di Malaysia



SUMBER: Pankalan data EMIS: Laporan Audit Infrastruktur Fizikal 2011

Terdapat beberapa isu yang timbul dalam menambah baik infrastruktur. Pertama, perselisihan pendapat yang berterusan tentang takrif infrastruktur yang sangat perlu atau penting bagi sekolah. Percanggahan pendapat bukan setakat tentang keperluan asas tertentu—seperti bekalan air yang selamat untuk diminum dan sekurang-kurangnya bekalan elektrik 12 jam — malah apa yang patut disediakan di sekolah juga menjadi isu yang semakin rumit. Dengan lebih 10,000 sekolah yang memerlukan peruntukan, penyediaan infrastruktur asas perlu seimbang dengan penyediaan infrastruktur yang lebih tinggi dan maju.

Pada masa ini, pemahaman Kementerian tentang keperluan infrastruktur minimum dikaji semula setiap lima tahun melalui brif piawai standard (*standard brief*) untuk bangunan sekolah baharu yang dimasukkan dalam setiap Rancangan Malaysia. Brif piawai ini menetapkan pembekalan utiliti, seperti bekalan elektrik 24 jam dan air bersih, kemudahan makmal sains, bilik guru, kantin, perpustakaan, dan padang sekolah. Pelan Tindakan Sekolah Bestari yang diperkenalkan pada 2005, menambahkan satu lagi lapisan dengan menjanjikan pembekalan satu komputer kepada setiap 20 murid, bersama dengan akses Internet. Situasi ini telah menimbulkan ketakpastian sama ada brif pembinaan standard (*standard construction brief*) tersebut merupakan takrif yang betul tentang infrastruktur minimum yang diperlukan, dan yang lebih signifikan lagi, sama ada setiap sekolah perlu dinaik taraf untuk memenuhi spesifikasi tersebut.

Tambahan pula, pelbagai Bahagian terlibat dalam proses perancangan. Sebagai contoh, Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) bertanggungjawab merancang dan memantau pembekalan makmal komputer dan infrastruktur ICT berasaskan sekolah; BPPDP mengunjurkan bilangan sekolah baharu yang diperlukan berdasarkan permintaan daripada JPN dan Bahagian lain yang bertanggungjawab terhadap sekolah; Bahagian Pembangunan (BP) bertanggungjawab membina sekolah baharu; dan Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (BPPA) bertanggungjawab dalam perolehan serta ubah suai dan penyelenggaraan semua institusi pendidikan di bawah Kementerian. Pembahagian tanggungjawab ini mengakibatkan pembangunan pelbagai pangkalan data perlu diselaraskan bagi memberi gambaran yang bersepadu tentang kemudahan dan peralatan di setiap sekolah, serta keadaan kemudahan ini.

Keperluan pembangunan infrastruktur sekolah

Asas (2013-2015)	Garis asas (2016-2020)	Masa depan (2021-2025)
<p>Semua sekolah mencapai sekurang-kurangnya keperluan asas yang penting untuk persekitaran yang selamat, bersih serta kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran</p>	<p>Untuk menyediakan kemudahan minimum untuk penyampaian kurikulum dan pedagogi</p>	<p>Untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menarik bagi abad ke-21</p>
<p>Keperluan berbeza mengikut jenis sekolah (contoh.: bandar, luar bandar, SKM, sekolah berasrama)</p>		
<p> Struktur fizikal (bumbung, dinding, pendawaian, cat)</p>	<p> 1 kemudahan sukan</p>	<p> Sambungan Internet: Sekurang-kurangnya 10 Mbps bagi semua sekolah</p>
<p> Bilik darjah yang memenuhi nisbah 15-20 kaki persegi / murid</p>	<p> 24-jam kemudahan internet pada kelajuan sekurang-kurangnya 2-10 Mbps</p>	<p> 1 peranti/ murid sekolah menengah</p>
<p> Tandas yang memenuhi nisbah 1 mangkok tandas / 50 murid</p>	<p> Sekurang-kurangnya 10 murid bagi setiap alat peranti ICT di semua sekolah</p>	<p> Sekurang-kurangnya 1 kemudahan persidangan video setiap daerah untuk menyokong pembelajaran jarak jauh</p>
<p> 12 jam elektrik, kecuali bagi sekolah berasrama yang memerlukan 24 jam bekalan</p>	<p> 1 perpustakaan/pusat sumber</p>	<p> 1 kemudahan sukan yang lengkap bagi setiap daerah</p>
<p> Air terawat, yang selamat diminum</p>	<p> Kebolehcapaian untuk orang kurang upaya, seperti lorong landai dan tandas</p>	<p> Perubahan reka bentuk sekolah untuk masa depan mungkin diperlukan berdasarkan keperluan kurikulum baru (contoh.: Bilik pakar berdasarkan gred murid dan prestasi)</p>
<p> 1 meja dan kerusi setiap murid</p>	<p> Tempat dan ruang untuk aktiviti pendidikan Islam</p>	<p>Untuk sekolah menengah (bergantung kepada saiz):</p>
<p> 1 ruang kerja setiap guru</p>	<p> Sains (Biologi, Kimia dan Fizik) + Makmal Sains Am</p>	<p> Bengkel Kemahiran Hidup (contoh: Ekonomi Rumahtangga, Pertanian,)</p>
<p> 1 papan putih atau papan hitam / bilik darjah</p>	<p> Asrama untuk murid sekolah luar bandar bagi perjalanan lebih daripada 1 jam ke sekolah setiap hari</p>	<p></p>
<p> Sekurang-kurangnya 20 murid setiap alat ICT di semua sekolah</p>	<p> Asrama untuk murid sekolah luar bandar bagi perjalanan lebih daripada 1 jam ke sekolah setiap hari</p>	<p></p>
<p> Sambungan Internet dengan kelajuan sekurang-kurangnya 2 Mbps</p>	<p></p>	<p></p>

SUMBER: Garis panduan dan peraturan perancangan pembangunan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Situasi ini diburukkan lagi dengan kekurangan peruntukan untuk menjalankan penyelenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*). Pada masa ini, sekolah kekurangan peruntukan untuk membaik pulih kerosakan kecil, dan penyelenggaraan perkhidmatan. Dalam jangka masa panjang, penyelenggaraan awal boleh mengelak kerosakan serius yang memerlukan perbelanjaan besar untuk dibaiki.

Pelan Tindakan: Mengguna pakai standard seragam untuk infrastruktur sekolah, disesuaikan dengan keperluan setempat

Kementerian telah membangunkan suatu takrif yang mantap bagi menjelaskan keperluan infrastruktur sekolah masa depan dengan lebih baik (Ekshibit 6-13). Takrif ini menentukan standard minimum yang boleh diterima bagi persekitaran pembelajaran yang sesuai untuk murid di semua sekolah serta disesuaikan dari semasa ke semasa bagi menepati sasaran dan perkembangan keperluan murid. Walaupun kebanyakan sekolah memenuhi atau melebihi standard ini, hasratnya adalah untuk meningkatkan taraf kemudahan dan peralatan keseluruhan sistem persekolahan. Hasrat ini termasuk menaik taraf spesifikasi kemudahan dan peralatan untuk meningkatkan kualiti, ketahanan, dan nilai ekonominya. Kementerian juga akan berkerjasama dengan badan kerajaan yang berkaitan seperti pihak berkuasa tempatan bagi memastikan semua agensi kerajaan yang terlibat dalam perancangan dan pembinaan infrastruktur sekolah mematuhi standard ini.

Kementerian sedar bahawa standard seragam tidak boleh diterjemahkan kepada pendekatan satu saiz untuk semua. Keperluan infrastruktur mungkin berbeza mengikut lokasi dan jenis sekolah. Sebagai contoh, sekolah teknik, sekolah vokasional atau sekolah pendidikan khas

memerlukan peralatan yang berbeza daripada sekolah arus perdana. Kementerian akan terus berusaha untuk memberi kelonggaran dalam menentukan keperluan infrastruktur setiap sekolah, disesuaikan dengan keperluan setempat yang akan ditentukan selanjutnya dalam Gelombang 1 dan Gelombang 2.

Dalam Gelombang 1, tumpuan adalah kepada usaha memastikan setiap sekolah mempunyai perkara asas yang penting seperti infrastruktur fizikal dan akses kepada utiliti yang mencukupi. Dalam Gelombang 2, setelah kesemua standard minimum mutlak dipenuhi, Kementerian akan memastikan semua sekolah mempunyai kemudahan dan keperluan peralatan untuk penyampaian kurikulum dan pedagogi yang ditingkatkan seperti yang dijelaskan dalam Bab 4 Pelan ini. Dalam Gelombang 3, Kementerian akan menghalusi lagi takrif keperluan infrastruktur sebelum membuat pelaburan bagi usaha naik taraf seterusnya, sekiranya perlu.

Gelombang 1: (2013 - 2015) : Memastikan infrastruktur asas berada pada standard “Baik” untuk semua sekolah

Kementerian akan memastikan semua sekolah memenuhi standard minimum yang boleh diterima bagi infrastruktur asas seperti yang ditakrifkan, menjelang 2015. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, standard tersebut akan disesuaikan untuk memenuhi keadaan setempat bagi setiap sekolah. Sebagai contoh, kemudahan sekolah kawasan pedalaman akan disesuaikan untuk memenuhi kekurangan akses tetap kepada utiliti biasa seperti pembinaan telaga pam.

Sejajar dengan inisiatif untuk mentransformasi Tingkatan 6 dan mengukuhkan program Matrikulasi (akan dibincangkan dengan terperinci dalam Bab 7), Kementerian akan mengkaji semula keperluan



Sekolah Satu dan Dua Sesi: Menyatakan perkara yang sebenar

Sekolah dua sesi di Malaysia ditubuhkan selepas kemerdekaan bagi menampung pertambahan jumlah murid yang besar secara berkesan kos. Berbeza daripada sekolah satu sesi, sekolah dua sesi membahagikan murid kepada dua kumpulan, dengan waktu persekolahan yang berbeza tetapi berkongsi kemudahan dan pentadbiran. Umumnya, sekolah sesi pagi bermula dari 7.30 pagi hingga 1.00 tengah hari manakala sekolah sesi petang dari 1.15 tengah hari hingga 6.45 petang. Murid dan guru kerap hadir di sekolah pada hari Sabtu untuk aktiviti kokurikulum.

Pada awal 2012, terdapat lebih 1,500 sekolah dua sesi di Malaysia. Sekolah ini mewakili kira-kira 15% sekolah dan 40% enrolmen murid, dalam sistem pendidikan. Lazimnya sekolah dua sesi merupakan sekolah menengah di kawasan bandar yang kebanyakannya terdapat di Selangor, Pulau Pinang, dan Kuala Lumpur.

Terdapat persepsi dalam kalangan ibu bapa dan pihak berkepentingan bahawa sekolah satu sesi menyediakan pendidikan yang lebih berkualiti dalam beberapa dimensi. Bahagian ini akan mengkaji fakta tentang prestasi sekolah satu sesi berbanding sekolah dua sesi.

1. Pencapaian murid

Persepsi: Hasil pembelajaran terjejas di sekolah dua sesi

Realiti: Hasil pembelajaran di sekolah satu sesi dan dua sesi adalah setanding.

Kajian tentang pencapaian murid di sekolah rendah dan menengah bagi tempoh tiga tahun yang lepas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah satu dengan dua sesi. Malah terdapat sekolah menengah dua sesi menunjukkan pencapaian yang lebih baik berbanding sekolah menengah satu sesi (Ekshibit 6-14)

EKSHIBIT 6-14

Hasil pembelajaran di sekolah satu dan dua sesi di Malaysia



Nota: Hanya mengambil kira pilihan persekolahan SK, SMK, SJKC, dan SJKT.
Sekolah dengan data tidak mencukupi dikeluarkan
SUMBER: Pangkalan data EMIS; Lembaga Peperiksaan

2. Aktiviti Ko-kurikulum

Persepsi: Pembangunan kokurikulum di sekolah dua sesi terhad

Realiti: Murid di sekolah dua sesi menggunakan masa yang setanding untuk aktiviti kokurikulum.

Murid di sekolah satu sesi dan dua sesi menggunakan purata dua jam seminggu untuk aktiviti kokurikulum. Umumnya, murid di kedua-dua bentuk sekolah ini menggunakan masa untuk aktiviti yang serupa seperti muzik, sukan dan seni (Ekshibit 6-15).

3. Infrastruktur

Persepsi: Sekolah dua sesi mempunyai infrastruktur yang kurang baik

Realiti: Infrastruktur fizikal di sekolah dua sesi adalah setanding dengan sekolah satu sesi.

Audit infrastruktur fizikal 2011 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara sekolah satu sesi dengan dua sesi. Sekolah satu sesi dan dua sesi di kawasan bandar yang memerlukan naik taraf dan pembaikan lebih kurang sama bilangannya.

4. Disiplin


Persepsi: Disiplin di sekolah dua sesi kurang baik.

Realiti: Tahap disiplin di sekolah dua sesi adalah setanding dengan sekolah satu sesi.

Bilangan mutlak murid yang terlibat dengan isu disiplin di sekolah satu sesi dan dua sesi adalah serupa. Kira-kira 5% sekolah dua sesi dan 3% sekolah satu sesi mempunyai lebih 150 kes disiplin setahun. Sebaliknya, 76% sekolah dua sesi dan 82% sekolah satu sesi merekodkan kurang daripada 50% pelanggaran disiplin setahun.

EKSHIBIT 6-15

Purata masa digunakan untuk aktiviti ko-kurikulum dalam seminggu¹



¹ Hanya mengambil kira murid daripada SK, SMK, SJKC, SJKT
SUMBER: Kaji selidik murid 2011 (N=1,436 untuk sekolah dua sesi, N = 6,153 untuk sekolah satu sesi)



5. Kesesakan

Persepsi: Sekolah dua sesi sesak

Realiti: Kesesakan terdapat di sekolah dua sesi dan satu sesi, meskipun lebih meluas di sekolah dua sesi.

Kira-kira 26% sekolah dua sesi mempunyai purata saiz kelas yang lebih daripada 35 murid berbanding 8% di sekolah satu sesi yang saiz kelasnya adalah setara. Bagaimana pun, tidak dinafikan bahawa sekolah bandar yang popular adalah paling sesak. Pada masa depan, Kementerian akan memastikan kesesakan sekolah ditangani dengan menambah bilangan bilik darjah dan kemudahan lain mengikut kesesuaian.



infrastruktur untuk program lepas menengah. Inisiatif ini akan dilaksanakan kerana pentingnya keperluan lebih khusus untuk murid lepasan menengah berbanding murid di peringkat lebih rendah.

Dalam usaha untuk mencapai sasaran ini, Kementerian akan melaksanakan proses pembaikan dan menaik taraf sekolah secara berperingkat. Kementerian telah menjalankan audit infrastruktur yang terperinci bagi menentukan tahap pembaikan yang diperlukan agar semua sekolah mencapai tanda aras standard bagi infrastruktur asas. Pembaikan dan naik taraf sekolah akan dilakukan secara berperingkat, bermula di Sabah dan Sarawak yang kebanyakan sekolahnya memerlukan pembaikan segera. Menjelang akhir 2013, pembaikan dan naik taraf yang kritikal akan dapat disempurnakan bagi 1,608 sekolah yang sangat memerlukannya.

Sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-10, dan aspirasi untuk meningkatkan produktiviti sumber, Kementerian akan menguatkuasakan analisis pengurusan nilai dan penilaian kos kitar hayat untuk projek besar bernilai lebih RM50 juta. Pendekatan berstruktur dan pelbagai disiplin ini merupakan teknik yang telah terbukti dapat memaksimumkan pulangan nilai daripada projek. Sebagai contoh, pengurusan nilai memerlukan kajian semula spesifikasi secara terperinci bagi menentukan kefungsiian dan mempertimbangkan kos kitar hayat apabila memilih reka bentuk projek yang terbaik.

Kementerian juga telah mengenal pasti langkah yang boleh menjimatkan kos naik taraf projek sehingga 70%. Sebagai contoh, bangunan fizikal masa ini mempunyai saiz yang standard dan dibina daripada konkrit, tanpa mengambil kira lokasi sekolah. Dengan membenarkan pihak sekolah pedalaman memilih saiz sekolah mengikut keperluan mereka dan menggunakan barangan alternatif yang lebih tahan seperti komposit gentian, Kementerian dapat menjimatkan kos pembinaan bangunan fizikal sehingga 88%. Kementerian akan berusaha menggabungkan bahan bangunan yang mesra alam dalam meningkatkan produktiviti sumber dan kecekapan kos bagi kemudahan infrastruktur dalam jangka masa panjang.

Usaha untuk memperbaiki proses pengurusan projek dan memperoleh penjimatan kos memerlukan kesepaduan pangkalan data sedia ada bagi menyediakan keperluan infrastruktur yang bersepadu dan tepat pada masanya. Kebolehpercayaan data tentang bilangan dan keadaan kemudahan akan ditambah baik dengan meminta PPD mengaudit laporan setiap sekolah tentang keadaan kemudahannya.

Kementerian akan memastikan tahap yang bersesuaian bagi penyelenggaraan peralatan sekolah dan kemudahan sedia ada dengan menyediakan peruntukan tahunan sekolah untuk aktiviti penyelenggaraan. Peruntukan ini akan diagih kepada JPN, PPD dan setiap sekolah dengan lebih kuasa dan kebertanggungjawaban untuk melaksanakan kerja penyelenggaraan.

Gelombang 2 (2016 – 2020): Melengkapkan sekolah untuk menyokong peningkatan penyampaian kurikulum dan pedagogi

Menjelang penghujung 2015, semua sekolah akan mendapat sekurang-kurangnya infrastruktur asas yang memenuhi standard seperti yang

dijelaskan dalam Gelombang 1. Tumpuan seterusnya adalah bagi memastikan semua sekolah dilengkapi secukupnya bagi menyokong penyampaian kurikulum dan pedagogi yang dipertingkat seperti yang diperincikan dalam Bab 4. Usaha ini termasuk kemudahan dan peralatan yang berkaitan bagi menyokong pembelajaran murid seperti makmal sains, bengkel Kemahiran Hidup, dan ruang khas untuk pendidikan Islam. Kementerian akan bekerjasama rapat dengan agensi lain bagi memastikan akses meluas kepada kemudahan sukan di setiap daerah. Kementerian juga akan memastikan kemudahan baharu ini mesra alam.

Satu bidang yang diberikan tumpuan di peringkat ini ialah pelaburan dalam kemudahan ICT. Langkah ini adalah penting bukan sahaja untuk memastikan murid celik ICT, tetapi juga menyokong inovasi pedagogi pada masa depan. Perkara ini akan diperincikan seterusnya di bahagian “ICT dalam Pendidikan”.

Kementerian juga akan mengkaji secara terperinci perubahan sekolah dua sesi yang sesak kepada sekolah satu sesi, seperti yang disasarkan. Dalam senario ini, keutamaan selalunya diberikan kepada usaha menghadkan pendaftaran murid dan menambah bilangan bilik darjah di sekolah yang sama. Sekiranya langkah ini tidak mencukupi, Kementerian akan mengkaji keperluan membina sekolah baharu. Dalam Gelombang 2, Kementerian akan meneruskan kajian semula keperluan infrastruktur untuk institusi prauniversiti. Objektifnya ialah untuk menyediakan persekitaran kolej yang sesuai untuk pembelajaran di peringkat lepas menengah.

Gelombang 3 (2021 - 2025): Mentakrif keperluan infrastruktur masa depan

Menjelang penghujung 2020, semua sekolah dijangka mencapai standard dasar minimum untuk infrastruktur, kemudahan, dan peralatan yang ditentukan dalam Gelombang 2. Sebelum pelaburan infrastruktur seterusnya dibuat, Kementerian akan menilai semula takrif keperluan infrastruktur sekolah. Perspektif awal Kementerian tentang keperluan masa depan ini termasuklah akses kepada kemudahan sukan dan ICT terkini yang serba lengkap, tertakluk pada perubahan teknologi dan pedagogi dalam jangka masa 10 tahun akan datang. Kementerian juga mensasarkan penukaran sepenuhnya sekolah dua sesi kepada sekolah satu sesi pada akhir 2025, sekiranya boleh dilaksanakan. Dalam melengkapkan kajian semula ini, Kementerian akan terus melabur untuk menaik taraf kemudahan dan peralatan sekolah yang diperlukan.



ICT DALAM PENDIDIKAN

Kementerian akan memastikan murid tidak hanya belajar menggunakan ICT tetapi juga boleh memanfaatkannya secara berkesan bagi meningkatkan pembelajaran mereka. Maka, Kementerian akan melaksanakannya dengan mengukuhkan asas ICT sekolah sambil memperkenalkan penyelesaian ICT yang terbukti baik dalam sistem pendidikan.

Langkah yang akan diambil termasuk:

- Menyediakan murid dengan kemahiran dan pengetahuan untuk belajar dengan berkesan dan hidup secara produktif dalam dunia yang semakin global dan digital;
- Melengkapkan kesemua 10,000 sekolah seluruh negara dengan akses Internet 4G dan pelantar pembelajaran maya menerusi program 1BestariNet, yang boleh digunakan oleh guru, murid dan ibu bapa;
- Memberi latihan kepada semua guru untuk menerapkan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran bagi menyokong pembelajaran murid;
- Menambah bilangan peralatan ICT supaya nisbah murid kepada peralatan ditingkatkan sehingga 10:1. Nisbah ini mungkin boleh dikurangkan lagi bergantung kepada pentaksiran impak dan ketersediaan dana; dan
- Merintis cara penyampaian pembelajaran yang menggunakan inovasi ICT seperti pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran kadar sendiri sebelum disebar ke seluruh negara.

Malaysia telah lama menyedari potensi transformasi ICT dalam pendidikan. Tinjauan UNESCO menyatakan bahawa Malaysia adalah antara negara pertama di dunia yang merintis pelan strategik ICT untuk sistem pendidikan. Tinjauan ini juga menyatakan pelbagai dasar dan pelan yang hebat telah dibangunkan sejak 1990, termasuk pelan tindakan bagi Sekolah Bestari dan dasar ICT dalam Pendidikan 2010. Matlamatnya adalah untuk memanfaatkan potensi ICT bagi meningkatkan pemikiran yang mendalam serta menambah baik kualiti keseluruhan pendidikan. Hasrat ini bukan sahaja setakat mengajar murid untuk mampu menggunakan fungsi asas ICT seperti pemproses kata, internet dan email. ICT dalam pendidikan seharusnya dapat membantu murid meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi.

Kementerian juga berusaha memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kecekapan cara penyampaian pendidikan berkualiti kepada kelompok sekolah yang kurang diberi perhatian seperti sekolah luar bandar dan sekolah kurang murid. Sehubungan itu, satu daripada pelaburan modal yang paling tinggi pernah dilaksanakan oleh Kementerian dalam dua dekad yang lepas ialah penyediaan infrastruktur ICT untuk sekolah. Dari 1999 hingga 2010, Kementerian melabur kira-kira RM6 bilion untuk inisiatif ICT dalam pendidikan. Sebahagian besar dana tersebut diperuntukkan kepada penyediaan makmal komputer tambahan bagi menyokong PPSMI (RM2.6 bilion) dan membina makmal komputer di setiap sekolah (RM2.5 bilion). Sebaliknya, kajian yang dilaksanakan

oleh Kementerian pada 2010 mendapati penggunaan ICT di sekolah adalah terhad. Kira-kira 80% guru menggunakan ICT kurang satu jam seminggu. Hanya satu pertiga murid menyatakan guru mereka kerap menggunakan ICT. Tinjauan UNESCO (2012) juga menyatakan bahawa “walaupun ICT digunakan semasa pengajaran, dalam kebanyakan kes penggunaannya masih belum melangkaui penggunaan aplikasi persembahan Power Point sebagai alat pengajaran. Tidak terdapat sebarang bukti yang menunjukkan bahawa ICT diguna untuk menggalakkan kreativiti, penyelesaian masalah, dan kemahiran komunikasi dan pemikiran kritis dalam kalangan murid”.

Antara alasan yang diberikan tentang penggunaan ICT yang terbatas ini ialah perkakasan yang disediakan tidak disertakan dengan latihan dan khidmat sokongan yang mencukupi untuk sekolah, seperti juru teknik penyelenggara peralatan. Malah penyediaan latihan dan sokongan lazimnya tidak berterusan dan berkekalan. Oleh itu, guru tidak bersedia untuk memanfaatkan sepenuhnya penggunaan komputer dalam kerja harian mereka. Dapatan ini selari dengan kajian antarabangsa yang menunjukkan bahawa kemudahan mewah seperti makmal komputer, bilik darjah pintar, dan makmal sains hanya berguna apabila guru dan murid tahu bagaimana menggunakan teknologi dan peralatan dengan cara yang bermanfaat dalam proses pembelajaran. Isu lain ialah kekurangan strategi jangka panjang bagi mengekalkan dan menaik taraf elemen pelaksanaan dasar utama seperti infrastruktur ICT dan kompetensi guru. Sebagai contoh, tempoh jaminan pembaharuan komputer tidak dinyatakan dengan jelas, menyebabkan sekolah yang menerima peralatan sekitar tahun-tahun 2000 masih menggunakan peralatan komputer yang sudah usang dan perlu dibaharui. Sejajar dengan dapatan awal tentang produktiviti sumber, pelaburan tersebut tidak dikaitkan secara tekal dengan keberhasilan murid yang dihasratkan, dan tidak juga dipantau dengan rapi bagi menentukan impak.

Pelan Tindakan: Memanfaatkan ICT untuk pembelajaran

Kementerian meneruskan matlamat untuk melayakkan semua secara rasmi mencapai taraf “Sekolah Bestari” (iaitu mencapai standard minimum penggunaan, keupayaan, ketersediaan infrastruktur dan aplikasi ICT) di samping menyepadukan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan penyelidikan semasa terhadap impak dan potensi ICT dalam pendidikan, Kementerian akan menerima guna prinsip berikut sebagai panduan bagi membangunkan strategi ICT:

- **Memastikan keperluan asas disediakan.** Sejajar dengan contoh kejayaan pelaksanaan program ICT dalam pendidikan, Kementerian akan menerima guna pendekatan tersusun untuk ICT. Elemen penting dalam penggunaan ICT seperti peralatan, jaringan dan aplikasi ICT, kompetensi guru dalam ICT, dan kurikulum serta pentaksiran mesti dimantapkan sebelum beralih kepada penggunaan ICT yang lebih mendalam dan inovatif;
- **Membangunkan inisiatif daripada asas sedia ada.** Kementerian akan memastikan inisiatif selanjutnya dibangunkan daripada program terdahulu. Sebagai contoh, Kementerian akan memastikan semua inisiatif ICT masa depan akan memperkukuh dan meningkatkan keberkesanan 1BestariNet. Langkah ini bertujuan memaksimumkan ROI bagi program ini dan memastikan



1BestariNet

Projek 1BestariNet bermatlamat menyediakan akses berkelajuan tinggi (*broadband*) kepada setiap sekolah awam di Malaysia, dan menyokong penyepaduan ICT dalam amalan harian melalui pewujudan satu persekitaran pembelajaran maya (VLE). VLE ialah satu platform untuk guru, ibu bapa dan murid berkomunikasi antara satu sama lain dan berkongsi sumber pembelajaran. Sebagai contoh, guru boleh menggunakan VLE untuk memberi tugas bacaan dan kerja rumah kepada murid, atau berkongsi rancangan pengajaran dengan rakan setugas dari seluruh negara, dan ibu bapa boleh mengakses portfolio anak mereka. VLE ini juga merangkumi sistem pengurusan pembelajaran bagi guru dan pemimpin sekolah untuk menjejak kemajuan tugas, pentaksiran dan peperiksaan setiap murid. Situasi ini membantu guru menyediakan bantuan bersasaran kepada setiap murid dalam bidang yang amat diperlukan oleh mereka.

Bagi memastikan guru merealisasikan potensi sistem ini dengan sepenuhnya, Kementerian akan melatih guru menggunakan sistem ini untuk menyepadukan ICT dalam amalan pengajaran. Kementerian juga akan memastikan sekolah dilengkapi dengan bilangan peranti ICT yang mencukupi.

1BestariNet menjadi pemangkin inovasi ICT dalam pendidikan di Malaysia;

- **Melabur dalam penyelesaian ICT untuk kumpulan berkeperluan khusus.** Di sebalik ketaktentuan seperti yang diutarakan dalam kajian antarabangsa, penyelesaian ICT sedia ada masih boleh dimanfaatkan bagi mewujudkan akses berkesan kos kepada sumber pengajaran dan pembelajaran berkualiti tinggi bagi kumpulan berkeperluan khusus seperti sekolah luar bandar, sekolah kurang murid, dan murid pintar cerdas (rujuk Bab 4); dan
- **Menyandar pada pentaksiran berasaskan keberhasilan.** Pentaksiran berasaskan bukti seharusnya menjadi asas menilai pelaburan penting yang berpotensi dalam ICT. Tindakan ini memerlukan penambahbaikan dalam set pengukuran sedia ada seperti *Smart School Qualification Standard* (SSQS), selaras dengan kewujudan standard antarabangsa.

Asas ICT perlu diperkukuh terlebih dahulu sebelum prinsip ini diterima guna. Setelah asas ini dimantapkan, Kementerian akan mempertimbang peluang untuk menyampaikan lebih banyak penyelesaian berasaskan ICT yang inovatif, disokong dengan bukti impak positif yang jelas.

Gelombang 1 (2013 - 2015): Memperkenalkan asas ICT

Dalam Gelombang 1, Kementerian akan membina keupayaan ICT berdasarkan asas sedia ada. Usaha ini dilakukan bagi memastikan infrastruktur ICT asas dan kompetensi sentiasa tersedia dalam seluruh sistem, dan tidak terikat dengan mana-mana landasan teknologi yang khusus. Keutamaan yang diberi termasuk: (i) memastikan murid dan guru mendapat akses yang cukup kepada peralatan ICT; (ii) menyediakan sistem pendidikan dengan platform pembelajaran dan jaringan jalur lebar yang mencukupi untuk penggunaan perkhidmatan ICT; dan (iii) memastikan semua guru mempunyai kompetensi asas dalam ICT. Keutamaan lain dalam tempoh ini termasuklah menambah baik sistem pemantauan sedia ada bagi menyediakan pentaksiran lebih tepat tentang kemajuan inisiatif ICT, menyebatkan ICT dalam kurikulum, serta menyediakan kandungan yang berkualiti dan berkesan kos.

Menyediakan infrastruktur jaringan dan platform pembelajaran melalui 1BestariNet

Projek 1BestariNet adalah satu inisiatif Kementerian. Di bawah projek ini, 10,000 sekolah rendah dan menengah awam di seluruh negara akan dilengkapi akses internet 4G dan Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE) menjelang hujung 2013. Sambungan Internet berkelajuan tinggi dan akses kepada Penyelesaian Pembelajaran Bersepadu bertaraf dunia akan menjadi pemangkin kepada penerapan ICT dalam operasi harian Kementerian, dan mampu meletakkan Malaysia ke barisan hadapan inovasi ICT dalam pendidikan. Kementerian akan memastikan semua guru terlatih dan cekap dalam menggunakan VLE menjelang 2015.

Pembekalan lebih banyak peralatan ICT

Kementerian akan memberi tumpuan kepada pembekalan lebih banyak peralatan ICT selain komputer (seperti tablet atau telefon pintar) kepada murid dan guru. Kementerian akan membangunkan inovasi ICT melalui beberapa dimensi dalam usaha mengekalkan kecekapan kos. Kementerian akan mengkaji perolehan peralatan yang sesuai untuk tujuan tertentu. Kementerian telahpun memulakan usaha melalui penggunaan komputer pelanggan kecil (terminal komputer rendah dengan fungsi yang terhad dan bergantung pada pelayan untuk memberi kuasa pengkomputeran, dalam usaha untuk mengurangkan kos). Sebagai alternatif kepada kemudahan ICT sedia ada (makmal komputer), Kementerian akan menguji penggunaan kaedah baharu yang kurang menggunakan sumber seperti kaedah perpustakaan atau pusat pinjaman bergerak bagi komputer bimbit dan komputer. Kaedah ini akan menjadi bertambah penting kerana ICT akan bersifat lebih mudah alih dan sekolah menjadi makmal komputer.

Selain daripada pembekalan aset dan infrastruktur fizikal, Kementerian akan mengkaji proses perolehan sedia ada bagi menangani kebimbangan masa penyelenggaraan dan kos kitar hayat peralatan ICT, serta dasar penggantian inventori peralatan ICT sedia ada. Kementerian juga akan mempertimbangkan inovasi baharu dalam proses perolehan seperti



Mentaksir kecelikan ICT guru

Persatuan Antarabangsa Teknologi dalam Pendidikan (ISTE) merupakan persatuan global yang menyokong kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan ICT yang inovatif serta berkesan. Mewakili lebih 100,000 pendidik seluruh dunia, ISTE telah menyediakan set penanda aras yang diiktiraf antarabangsa bagi membantu mengukur kecekapan penyepaduan ICT dalam pendidikan. Penanda aras ini dikenali sebagai Standard Teknologi Pendidikan Kebangsaan (NETS). NETS memerlukan semua guru bilik darjah mencapai standard yang berikut:

- **Memudah dan mencetus inspirasi pembelajaran dan kreativiti murid:** Guru menggunakan pengetahuan tentang isi kandungan mata pelajaran, pengajaran dan pembelajaran, serta teknologi untuk memudah cara dan mencetuskan pengalaman pembelajaran, kreativiti, dan inovasi murid dalam interaksi bersemuka dan persekitaran maya;
- **Mereka bentuk dan membangunkan pengalaman pembelajaran dan pentaksiran era digital:** Guru mereka bentuk, membangun dan menilai pengalaman pembelajaran dan pentaksiran yang autentik. Mereka menggabungkan alat dan sumber kontemporari bagi memaksimumkan pembelajaran isi kandungan menurut konteks dan membangunkan pengetahuan, kemahiran, serta sikap untuk menggunakan ICT;
- **Mempamer cara bekerja dan belajar era digital:** Guru mempamerkan pengetahuan, kemahiran, dan gaya kerja seorang profesional inovatif dalam masyarakat global dan digital, termasuk kemahiran dalam sistem ICT dan peralatan digital bagi menyokong kejayaan dan inovasi murid;
- **Mempromosi dan menjadi model masyarakat digital yang bertanggungjawab:** Guru memahami isu-isu masyarakat setempat dan global serta bertanggungjawab dalam budaya digital yang berkembang dan mempamerkan kelakuan yang baik serta beretika dalam amalan profesionalnya; dan
- **Melibatkan diri dalam pembangunan profesional dan kepimpinan:** Guru menambah baik amalan profesional secara berterusan dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat.

ICT dalam pendidikan: Kajian antarabangsa dan amalan terbaik

Kebimbangan utama penggubal dasar apabila mempertimbangkan pelaburan untuk peralatan dan perisian ICT ialah persoalan sama ada penggunaan ICT oleh murid dapat meningkatkan pembelajaran mata pelajaran tradisional di sekolah. Kajian empirikal sehingga kini mendapati tiada hubungan yang tekal ketersediaan komputer atau penggunaan ICT dengan pembelajaran murid. Laporan UNESCO 2011 bertajuk *Transforming Education: The Power of ICT Policies*, menyatakan, “terdapat beberapa kajian yang menunjukkan perkaitan yang positif antara penggunaan komputer dengan pencapaian sesetengahnya menunjukkan perkaitan yang negatif, dan ada pula yang menunjukkan tiada apa-apa perkaitan”. Kaitan antara ICT dengan pembelajaran murid sebenarnya lebih rumit berbanding perkaitan antara ada-tidaknya ketersediaan komputer dengan penggunaannya - yang lebih penting ialah cara ICT dimanfaatkan dan pencapaian yang diukur.

Kaitan antara penggunaan ICT secara selektif dan pembelajaran murid

Kulik (2003) telah menganalisis dapatan 75 kajian dan laporannya yang bertajuk *The Effects of Using Instructional Technology in Elementary and Secondary Schools: What Controlled Evaluation Studies Say*, mendapati, bahawa “penggunaan ICT secara selektif boleh memberi impak yang positif kepada pembelajaran murid”. Sebagai contoh, murid yang menggunakan tutorial berkomputer bagi Matematik, Sains Tulen dan Sains Sosial mendapat skor ujian lebih tinggi dalam mata pelajaran berkenaan. Murid sekolah rendah yang menggunakan perisian tutorial dalam bacaan juga mendapat skor lebih tinggi dalam ujian membaca.

Impak transformasi ICT dalam pendidikan masih tidak jelas

Di samping keputusan tradisional sekolah, kemunculan ekonomi berasaskan pengetahuan telah mempercepat keperluan kemahiran berfikir aras tinggi, seperti pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah bagi mencari penyelesaian inovatif kepada masalah yang sering berubah. Aplikasi ICT yang kreatif dan inovatif dilihat penting dan berpotensi tinggi mengubah proses pendidikan bagi menyokong perkembangan kemahiran berfikir aras tinggi.

Walaupun bagaimanapun, bukti data masih terhad. UNESCO melaporkan, “tidak banyak kajian yang dijalankan membuat pengukuran keberhasilan pembelajaran murid dalam aspek kreativiti, penyelesaian masalah kompleks, kerjasama, dan kebolehan belajar, terutama dalam konteks negara membangun”.

Begitu juga, pelbagai pendekatan pedagogi telah dicadangkan sebagai cara yang paling berkesan untuk melibatkan murid dalam mengembangkan set kemahiran ini. Pendekatan ini merangkumi pembelajaran berpusatkan murid, pembelajaran aktif, pembelajaran berasaskan projek, dan pembelajaran berasaskan inkuiri. Walaupun

penyepaduan ICT dalam proses pembelajaran berpotensi untuk menyokong objektif ini, Bank Dunia menyatakan, “masih banyak perkara yang tidak diketahui tentang pendekatan ‘yang terbaik’ atau paling berkesan dalam penggunaan ICT bagi mencapai objektif terbaik”.

Kebanyakan kesukaran ini terletak pada kekurangan alat ukur yang jelas untuk mengukur impak ICT terhadap kemahiran berfikir aras tinggi. Sebagai contoh, sukar untuk mengukur peningkatan kreativiti murid dan memastikan ICT sebagai penyebab peningkatan tersebut. Organisasi seperti Kesatuan Eropah (EU) sedang dalam proses membangunkan beberapa alat ukur seperti sistem ICT4E walaupun ia masih belum dapat digunakan secara meluas.

Walaupun bagaimanapun, peranan dan potensi ICT dalam membawa perubahan besar dalam sistem pendidikan tetap tidak dapat dipersoalkan. Pertambahan dalam bilangan, kecanggihan, dan penggunaan peranti ICT dalam masyarakat menyediakan asas yang kukuh untuk menjadikan sekolah lebih produktif dan berkesan, mentransformasi pengajaran dan pembelajaran kepada proses yang aktif dan menyeronokkan.

Pelaksanaan seharusnya berperingkat dan holistik

Di tengah-tengah ketaktentuan objektif dan amalan terbaik, tidak menghairankan apabila kebanyakan negara gagal mencapai objektif pendidikan mereka sepenuhnya. Bank Dunia melaporkan, “antara kesukaran yang dihadapi dalam penggunaan teknologi dalam pendidikan adalah kebanyakan program tidak mengambil pendekatan yang holistik terhadap ICT, iaitu matlamat pendidikan yang berkaitan dengan penggunaan ICT yang meluas tidak dihubungkan dengan perubahan kurikulum, sistem pentaksiran murid, pendekatan pedagogi di dalam bilik darjah, dan pendidikan guru”.

Sebagai contoh, pada 2007, Peru mengagihkan lebih 800,000 komputer riba di bawah inisiatif 1 komputer 1 murid (*One Laptop Per Child* (OLPC) yang membabitkan perbelanjaan USD200 juta dalam usaha memanfaatkan teknologi digital bagi mengatasi kemiskinan. Bagaimana pun, lima tahun selepas itu penilaian menunjukkan bahawa guru belum cukup terlatih dalam penggunaan komputer bagi meningkatkan pengajaran. Kebanyakan guru juga tidak celik ICT, masalah pepijat perisian perlu diatasi dan beberapa sekolah tidak mempunyai bekalan elektrik.

Sebaliknya, pelaksanaan ICT dalam pendidikan di Singapura dan Jordan contohnya, berjaya dicapai melalui pendekatan berperingkat dan beransur-ansur. Usaha yang lebih penting adalah memastikan semua elemen digabungkan dalam proses transformasi perkakasan, perisian, kandungan, latihan guru, pedagogi dan sistem pengurusan prestasi.

pembelian terus daripada pengeluar, perjanjian penyewaan, dan perkongsian swasta yang mengurangkan kos.

Sasarannya adalah untuk mencapai nisbah minimum satu komputer untuk 10 murid. Usaha ini akan menyediakan komputer yang mencukupi untuk murid belajar menggunakan ICT, serta memanfaatkan inovasi bagi menyokong pembelajaran lebih meluas.

Memastikan semua guru dan pegawai Kementerian celik ICT

Kementerian akan mempertingkatkan program latihan sedia ada bagi memastikan semua guru berada pada sekurang-kurangnya tahap minimum kecelikan ICT menjelang akhir 2015. Standard kecelikan ICT yang dikehendaki adalah berdasarkan rubrik kompetensi ICT yang dibangunkan oleh Persatuan Antarabangsa Teknologi dalam Pendidikan (ISTE). Semua guru pelatih dikehendaki mencapai standard kompetensi sebagai sebahagian daripada latihan praperkhidmatan mereka. Guru dalam perkhidmatan pula perlu lulus ujian diagnostik dalam talian menjelang 2014. Mereka yang tidak lulus ujian ini dikehendaki melengkapkan satu siri modul latihan dalam talian dan menduduki semula ujian diagnostik tersebut menjelang akhir 2015. Proses ujian dan latihan ini akan disokong melalui platform pembangunan profesional yang dikendalikan dalam VLE 1BestariNet.

Standard ICT untuk guru dan modul latihan yang berkaitan akan terus dikemas kini seiring dengan perkembangan ICT dari semasa ke semasa.

Seperti yang ditegaskan dalam bahagian awal bab ini, kakitangan Kementerian yang lain juga akan terus dilatih dalam ICT bagi memastikan mereka dilengkapi kemahiran menyelesaikan tugas dengan cekap dan berkesan. Kemahiran ICT yang diperlukan bagi golongan ini meliputi aplikasi seperti pengurusan kewangan dengan lebih khusus dan aplikasi lain bagi menyokong pengurusan sumber.

Peralihan kepada kandungan rekaan pengguna

Melalui sistem 1BestariNet yang dirancang dan diperluas, Kementerian akan memindahkan perkhidmatan ICT sedia ada seperti EduWeb TV kepada VLE sebagai suatu platform tunggal bersepadu yang akan menjadi hos kepada perkhidmatan tersebut. Kementerian juga akan meneroka pembinaan kandungan asli serta mengubah suai kandungan sedia ada bagi menyokong pembelajaran murid. Kementerian juga akan menyokong penghasilan lebih banyak kandungan rekaan pengguna seperti perpustakaan video e-Guru yang dibincangkan dalam Bab 4, dan akan membina proses bagi mengurus kandungan janaan pengguna.

Pengurusan data bersepadu untuk sekolah dan Kementerian

Seperti yang ditegaskan dalam bahagian awal bab ini, Kementerian akan menyepadu dan menyelaraskan pelbagai pangkalan data dan sistem maklumat pengurusan. Pangkalan data ini akan dihoskan di 1BestariNet bagi membolehkan akses kepada semua Bahagian di Kementerian dan sekolah untuk tugas penting seperti kemasukan dan pemprosesan data.

Gelombang 2 (2016 - 2020): Memperkenal inovasi ICT

Kementerian akan mengkaji peluang tambahan untuk mentransformasi penggunaan ICT dalam bilik darjah, umpamanya melalui EduWeb TV selaras dengan pengukuhan asas ICT dalam sistem pendidikan Malaysia. Transformasi ini termasuk usaha meningkatkan amalan terbaik dalam bidang kecemerlangan dan inovasi yang dikenal pasti dalam Gelombang 1. Kementerian juga akan mengemas kini strateginya bagi dapatan baharu daripada kajian antarabangsa tentang cara memanfaatkan ICT dalam membangunkan kemahiran berfikir aras tinggi.

Meneroka penyelesaian ICT untuk kumpulan berkeperluan khusus, mengkaji semula amalan terbaik untuk sistem

Keupayaan membezakan intervensi seluruh sistem iaitu yang akan diterapkan di dalam bilik darjah di setiap sekolah dengan intervensi menjurus untuk kumpulan sasaran khusus. Sepanjang tempoh ini, Kementerian akan memberi tumpuan kepada usaha memperkenalkan dan merintis program terjurus bagi kumpulan berkeperluan khusus, seperti sekolah kurang murid, sekolah luar bandar, serta murid pintar cerdas. Tumpuan ini contohnya merangkumi penyampaian pelajaran secara maya dan alat pembelajaran adaptif dalam talian sebagai aktiviti tambahan kepada pembelajaran di bilik darjah. Kementerian juga akan mengkaji pilihan bagi memanfaatkan penyelesaian ICT bagi meningkatkan pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan.

Umumnya, masyarakat antarabangsa bersetuju tentang bentuk amalan terbaik penggunaan ICT bagi membangunkan kemahiran berfikir aras tinggi. Sehubungan itu, Kementerian akan menjalankan kajian semula yang terperinci bagi menentukan hala tuju ICT dalam dasar pendidikan. Kajian semula tersebut akan dijalankan dengan menggunakan pentaksiran berasaskan keberhasilan tentang kemungkinan pilihan yang ada.

Pencapaian bilangan kritikal (*critical mass*) dalam peranti ICT

Pencapaian bilangan untuk peranti ICT dalam sistem pendidikan sangat penting dengan bertambahnya inovasi berkaitan dengan pengenalan ICT ke dalam sistem. Sebagai kesinambungan inisiatif Gelombang 1, Kementerian akan menurunkan nisbah murid kepada komputer pada kadar maksimum 10 : 1. Tinjauan di negara lain menunjukkan bahawa kebanyakan sistem pendidikan berprestasi tinggi telah mencapai nisbah 10 : 1.

Gelombang 3 (2021 - 2025): Mengekalkan penggunaan inovatif seluruh sistem

Dalam Gelombang 3, ICT perlu diterapkan sepenuhnya sepanjang pelaksanaan pedagogi dan kurikulum dalam sistem pendidikan. Kementerian akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan dan menggiatkan penggunaan ICT dalam kalangan murid dan guru. Peningkatan ini diharap dapat menjadikan nisbah peranti ICT kepada murid setara dengan negara terkemuka seperti Korea Selatan. Kementerian akan terus meningkatkan usaha dalam pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran kadar sendiri serta kurikulum sistem pendidikan.

Dalam memulakan perjalanan transformasi sistem pendidikan yang berambisi tinggi ini, Kementerian juga perlu berubah untuk menyediakan panduan, hala tuju, dan sokongan berterusan seperti yang diperlukan. Transformasi Kementerian akan mengukuhkan dua bidang utama: produktiviti sumber dan keupayaan penyampaian. Perubahan ini akan membolehkan Kementerian memberi lebih tumpuan dan menyampaikan apa-apa yang benar-benar penting: pembelajaran dan keberhasilan murid. Pertama, Kementerian akan mengagihkan semula sumber untuk program dan dasar yang memberi impak terhadap penggerak sokongan yang penting seperti latihan guru, sekali

gus meningkatkan ROI perbelanjaan Kementerian. Kementerian juga akan mengubah pendekatan berbelanja untuk infrastruktur sekolah dan ICT. Kedua, Kementerian akan memberi pengupayaan kepada “lapisan pertengahan”, iaitu JPN dan PPD untuk membantu merapatkan jurang antara dasar dengan amalan. Penurunan lebih kuasa dan kebertanggungjawaban yang diletakkan atas bahu JPN dan PPD akan membolehkan semua keputusan yang dibuat menjadi lebih bermakna kerana lebih hampir dengan tempat pembelajaran berlaku, sekali gus membolehkan sekolah mengenal pasti dan menangani keperluan dan cabaran unik murid mereka dengan lebih baik.



7. Struktur Sistem

Sistem pendidikan di Malaysia terus berusaha memastikan setiap kanak-kanak warganegara mendapat peluang pendidikan yang sesuai pada masa yang tepat iaitu sejak lahir hingga ke alam kerjaya. Usaha tersebut menuntut keperluan melakukan beberapa anjakan dalam struktur sistem pendidikan. Bab ini mengkaji cadangan bagaimana struktur sistem pendidikan di Malaysia dan amalan sistem pendidikan berprestasi tinggi dapat dipadankan supaya hasil yang lebih baik dapat dicapai. Bab ini akan membincangkan peluasan akses kepada prasekolah supaya semua kanak-kanak warganegara mempunyai peluang yang sama dalam pendidikan, berserta anjakan lain dalam peringkat pendidikan. Sistem pendidikan yang luwes akan dibangunkan bagi menyediakan murid dengan laluan pendidikan yang bersesuaian dengan bakat, minat dan gaya pembelajaran masing-masing. Akhirnya, sistem pendidikan Malaysia akan berubah daripada pembelajaran sekolah kepada suatu sistem pembelajaran yang mengupayakan pelibatan ibu bapa dan komuniti supaya setiap murid berpotensi menikmati persekitaran pembelajaran yang paling sesuai dan berkesan.

Kementerian berhasrat membantu semua kanak-kanak warganegara menyedari bakat masing-masing, meneroka kebolehan yang ada dan memastikan mereka berada pada laluan yang betul bagi mencapai potensi sebenar. Hasrat ini perlu didahului dengan usaha bagi memastikan setiap kanak-kanak mendapat peluang dan akses yang sama dalam pendidikan, tanpa mengira latar belakang, dan dapat belajar dalam persekitaran yang paling sesuai. Pendekatan pendidikan ini berupaya membantu murid mengembangkan kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi cabaran abad ke-21. Pendekatan ini dapat melatih generasi muda Malaysia supaya bersikap lebih ingin tahu serta mencari penyelesaian sendiri, mengemukakan pertanyaan dan mencari jawapan, sanggup berfikir dengan pendekatan baharu, mereka bentuk penyelesaian baharu, dan mencipta peluang baharu.



PERINGKAT DAN TEMPOH PENDIDIKAN


Kementerian akan memastikan setiap kanak-kanak mendapat peluang yang sama dalam pendidikan tanpa mengira latar belakang etnik, status sosioekonomi atau kedudukan geografi. Matlamat ini akan dapat dicapai melalui usaha meningkatkan enrolmen bagi memastikan akses sejagat pada peringkat prasekolah, pendidikan rendah, menengah rendah dan menengah atas.

Langkah yang akan diambil termasuk:

- Memastikan peringkat dan tempoh pendidikan selari dengan amalan sistem pendidikan berprestasi tinggi;
- Memperluas akses dan meningkatkan enrolmen pada peringkat prasekolah; dan
- Menerima pakai pendekatan pemberian bantuan yang lebih bersasaran dan berasaskan keperluan serta bantuan lain untuk menangani isu kanak-kanak tidak berdaftar untuk persekolahan dan murid berisiko tercicir daripada sistem pendidikan.

EKSHIBIT 7-1

Laluan Pendidikan di Malaysia



Malaysia telah mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan dalam pendidikan. Seperti yang ditekankan dalam Bab 3, enrolmen pada peringkat sekolah rendah dan menengah rendah hampir mencapai tahap sejagat, dan peningkatan enrolmen pada peringkat prasekolah dan menengah atas adalah membanggakan. Walau bagaimanapun, dalam usaha menyediakan murid bagi menghadapi cabaran abad ke-21, elemen berkaitan struktur dalam sistem pendidikan kebangsaan perlu disusun semula, supaya selari dengan amalan terbaik pada peringkat antarabangsa.

Peringkat pendidikan

Sistem pendidikan kebangsaan terbahagi kepada lima peringkat iaitu prasekolah, pendidikan rendah, menengah rendah, menengah atas serta lepas menengah dan pendidikan tertiar (Ekshibit 7-1).

Murid yang melalui sistem pendidikan kebangsaan akan mengikuti pendidikan formal selama 12 hingga 13 tahun (tidak termasuk pendidikan prasekolah) sebelum mengikuti pendidikan tinggi. Perbezaan satu tahun tempoh pendidikan bergantung pada jenis pendidikan lepas menengah atau program prauniversiti yang dipilih. Murid yang mengikuti program dua tahun STPM (setara dengan A-Level) atau pilihan alternatif aliran agama iaitu Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) memerlukan 13 tahun untuk menamatkan pengajian mereka. Murid yang mengikuti program Matrikulasi pula memerlukan 12 tahun pendidikan. Murid berkeperluan khas juga mempunyai pilihan tambahan tempoh dua tahun untuk menamatkan persekolahan mereka.

Tempoh persekolahan selama 13 tahun sehingga tamat STPM adalah setanding dengan sistem pendidikan lain yang maju, dan banyak sistem pendidikan seperti England dan Scotland, mencapai standard A-Levels dalam tempoh 13 tahun. Di Hong Kong dan Singapura (Ekshibit 7-2), program yang setara dengan A-Levels boleh dijalankan dalam tempoh 12 tahun. Bagi mencapainya, Hong Kong menggugurkan peperiksaan mereka yang setara dengan O-Levels bagi memberikan lebih banyak

masa untuk proses pembelajaran kepada murid. Di Singapura, kira-kira 30% murid yang berada dalam aliran akademik biasa masih mengambil masa 13 tahun dan bukannya 12 tahun untuk mencapai kelayakan yang setara dengan A-Level. Malaysia memperuntukkan jumlah waktu pengajaran yang sama bagi pendidikan peringkat rendah, menengah dan lepas menengah jika dibandingkan dengan sistem pendidikan negara lain (Ekshibit 7-2). Ini menunjukkan sistem pendidikan sedia ada memperuntukkan masa yang mencukupi untuk murid Malaysia belajar dan berkembang secara holistik, setanding dengan amalan sistem pendidikan berprestasi tinggi.

Pendidikan formal di Malaysia bermula dengan kemasukan ke sekolah rendah pada umur 6+ tahun. Umur kemasukan 6+ tahun untuk pendidikan rendah adalah sama dengan amalan kebanyakan sistem pendidikan berprestasi tinggi, seperti Singapura dan Ontario (Kanada). Malah, sistem pendidikan Finland (yang mempunyai antara sistem pendidikan berprestasi terbaik dalam pentaksiran antarabangsa), memulakan pendidikan rendah pada umur 7+ tahun.

Pada masa ini, Malaysia hanya mewajibkan pendidikan peringkat rendah. Selama ini, Malaysia bergantung pada inisiatif lain bagi meningkatkan kadar enrolmen. Inisiatif ini termasuk kempen memberi maklumat kepada ibu bapa, dan bantuan kewangan kepada keluarga. Seperti yang dinyatakan dalam Bab 3, inisiatif ini berjaya meningkatkan akses kepada pendidikan. Enrolmen setiap peringkat pendidikan menunjukkan peningkatan berterusan hampir mencapai tahap sejagat dengan enrolmen di sekolah awam dan sekolah swasta pada peringkat rendah dan menengah rendah, masing-masing 96% dan 91% pada 2011. Enrolmen peringkat menengah atas juga meningkat secara mendadak sejak beberapa tahun yang lalu iaitu daripada 45% sekitar 1980-an kepada kira-kira 82% pada 2011. Walau bagaimanapun, lebih banyak usaha perlu dilakukan bagi mendaftar murid yang berada dalam kelompok 5-10%, populasi yang paling sukar dicapai.



Pendidikan prasekolah


Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak (ECCE) terbahagi kepada pendidikan prasekolah untuk kanak-kanak berumur antara 4+ hingga 5+ tahun, dan pusat jagaan harian untuk kanak-kanak yang lebih muda. ECCE memainkan peranan penting dalam perkembangan psikologi dan intelek kanak-kanak. Kementerian menyasarkan enrolmen sejagat bagi pendidikan prasekolah untuk kanak-kanak berumur 5+ tahun supaya semua kanak-kanak mendapat peluang yang sama menerusi akses kepada prasekolah. Kajian yang dijalankan oleh OECD (2011) mendapati bahawa terdapat kaitan antara pendidikan prasekolah dengan peningkatan pendapatan isi rumah dan keberhasilan lain yang membawa manfaat sepanjang hayat. Kemungkinan kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah tidak mengikuti pendidikan prasekolah adalah lebih tinggi berbanding rakan sebaya yang berasal daripada keluarga berkemampuan. Oleh itu, apabila kanak-kanak ini memasuki sekolah rendah, mereka tidak memiliki kelebihan seperti yang dimiliki oleh rakan mereka yang mengikuti

pendidikan prasekolah. Bagi meningkatkan lagi ekuiti, Kementerian telah banyak menambah pelaburan bagi menggalakkan enrolmen prasekolah sebagai sebahagian daripada inisiatif NKRA Pendidikan.

Seperti yang dinyatakan dalam Bab 3, senario pendidikan prasekolah di Malaysia menyaksikan perkembangan yang memberangsangkan sejak beberapa dekad yang lalu. Sehingga akhir 2011, kira-kira 77% kanak-kanak berumur antara 4+ hingga 5+ tahun telah mendaftar dalam pelbagai bentuk pendidikan prasekolah. Keseluruhannya dianggar sebanyak 733,000 kanak-kanak telah mendaftar dalam hampir 40,000 kelas prasekolah. Kementerian menyasarkan enrolmen di prasekolah berdaftar meningkat sehingga 92% menjelang 2015. Sasaran ini menuntut pertambahan sebanyak 3,500 bilik darjah bagi menampung tambahan hampir 71,000 enrolmen pada 2015. Menjelang 2020, Kerajaan menjangkakan enrolmen menyeluruh di peringkat prasekolah dengan kira-kira 900,000 kanak-kanak berdaftar di prasekolah seluruh negara.

EKSHIBIT 7-2

Perbandingan jumlah jam pengajaran antara sistem pendidikan



SUMBER: Biro Pendidikan Hong Kong; Kementerian Pelajaran Singapura; Jabatan Pendidikan United Kingdom; Kementerian Pendidikan Malaysia; Bahagian Pendidikan & Latihan New South Wales; Biro Pendidikan Shanghai; Kementerian Pelajaran & Kebudayaan Finland; Kementerian Pelajaran Ontario; Kementerian Pelajaran Taiwan; OECD

Pelan Tindakan: Penyelarasan dengan sistem pendidikan berprestasi tinggi

Kementerian tetap beriltizam memastikan struktur sistem pendidikan Malaysia selari dengan amalan sistem pendidikan berprestasi tinggi. Kementerian akan memberi tumpuan pada menyusun semula struktur setiap peringkat pendidikan jika perlu. Pendidikan peringkat prasekolah khususnya akan ditingkatkan mengikut gelombang pelaksanaan untuk memastikan enrolmen menyeluruh di peringkat prasekolah dan peluang permulaan dalam pendidikan yang sama untuk semua kanak-kanak.

Secara perbandingan, peringkat pendidikan yang lain sudah disusun semula selari dengan sistem pendidikan yang serupa di negara lain, dari segi jumlah tahun persekolahan dan jumlah jam persekolahan. Maka, tumpuan akan diberikan kepada usaha meningkatkan lagi enrolmen yang sudah pun berada pada tahap yang tinggi. Objektif ini akan dicapai melalui pendekatan yang lebih terancang bagi membantu kanak-kanak yang tidak berdaftar di sekolah rendah dan murid yang paling berisiko tercicir daripada sistem persekolahan (pada peringkat rendah atau menengah). Selaras dengan aspirasi sistem pendidikan yang dijelaskan dalam Bab 2, enrolmen menyeluruh pada semua peringkat pendidikan prasekolah, rendah, menengah rendah dan menengah atas dijangka akan dicapai menjelang 2020.

Gelombang 1 (2013 - 2015): Memperluas segera prasekolah dan meningkatkan enrolmen pada peringkat pendidikan yang lain

Gelombang 1 akan memberikan tumpuan kepada perluasan segera pendidikan prasekolah. Berdasarkan peningkatan enrolmen prasekolah akhir-akhir ini, sasarannya adalah untuk mencapai akses yang hampir menyeluruh. Kementerian juga akan memberi tumpuan kepada usaha bagi meningkatkan enrolmen pada peringkat pendidikan yang lain.

Meningkatkan enrolmen dan menambah baik kualiti prasekolah

Kementerian akan memberikan tumpuan kepada usaha meningkatkan enrolmen dan menambah baik kualiti prasekolah secara serentak dalam Gelombang 1. Walaupun pendidikan prasekolah tidak akan diwajibkan, Kementerian akan mengurangkan halangan kepada akses bagi menggalakkan enrolmen dan kehadiran. Usaha ini termasuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa tentang manfaat pendidikan prasekolah dan memberi bantuan kewangan kepada keluarga berpendapatan rendah. Pendapatan minimum bagi mendapatkan bantuan yuran juga akan disemak bagi menyokong usaha meningkatkan kehadiran murid. Langkah seperti ini adalah amat berkesan bagi meningkat enrolmen seperti yang dibuktikan oleh sistem pendidikan berprestasi tinggi lain, seperti Singapura dan Finland, yang berjaya mencapai tahap enrolmen yang hampir menyeluruh di peringkat prasekolah (Ekshibit 7-3).

Selari dengan inisiatif prasekolah NKRA sedia ada yang bertujuan untuk meningkatkan enrolmen, Kementerian juga akan bekerjasama dengan sektor swasta termasuk pertubuhan bukan kerajaan dan pertubuhan lain bagi memastikan terdapat tempat yang mencukupi untuk menampung peningkatan permintaan. Sektor swasta diharap dapat membantu dalam pencapaian sasaran enrolmen, dengan 70% daripada prasekolah baharu dijangka akan dikendalikan oleh


pihak swasta. Menjelang 2020, 50% pusat pendidikan prasekolah akan diusahakan oleh sektor swasta. Bagi menyokong pertumbuhan prasekolah swasta, Kementerian akan meningkatkan kadar bantuan yuran, geran pelancaran dan pinjaman keutamaan untuk penubuhan dan peluasan pusat prasekolah. Kementerian akan menyemak semula keperluan pendaftaran bagi membolehkan pusat yang menyediakan kedua-dua perkhidmatan prasekolah dan penjagaan kanak-kanak untuk berdaftar di bawah Kementerian. Selain itu, Kementerian akan meneliti untuk mentransisi program PERMATA daripada Jabatan Perdana Menteri kepada Kementerian Pendidikan.

Kementerian juga menyedari cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan dan meningkatkan kualiti prasekolah sepanjang tempoh peluasan ini. Untuk prasekolah awam, Kementerian akan menyemak geran per kapita bagi membolehkan prasekolah menawarkan pelbagai aktiviti sukan dan kokurikulum untuk pengayaan murid. Garis panduan juga akan dikeluarkan bagi membantu prasekolah awam merancang aktiviti sukan dan kokurikulum yang bersesuaian untuk murid. Kementerian juga akan mengkaji semula geran makanan untuk memastikan murid mendapat makanan berkhasiat sewajarnya bagi membantu perkembangan kognitif semasa tempoh kritikal tumbesaran kanak-kanak. Inisiatif ini dilaksanakan pada pertengahan 2013.

EKSHIBIT 7-3

Dasar pendidikan wajib dan kadar enrolmen mengikut sistem pendidikan

Peratus enrolmen



¹ Massachusetts menyediakan pendidikan wajib hingga Gred 10 dan bukan 12

SUMBER: Kementerian Pelajaran Malaysia; Kementerian Pelajaran Singapura; Kementerian Pelajaran & Kebudayaan Finland; Jabatan Pendidikan United Kingdom; Jabatan Pendidikan Rendah dan Menengah Massachusetts

Bagi memastikan prasekolah swasta memenuhi standard kualiti kebangsaan, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE) pada 2011 yang berperanan sebagai badan yang bertanggungjawab meningkatkan tahap profesional ECCE swasta. Melalui kerjasama dengan Majlis ECCE, Kementerian juga akan melaksanakan mekanisme standard kualiti dan penaziran bagi pusat ECCE untuk menyelaraskan keperluan kelayakan dalam sektor tersebut. Menjelang 2015, 100% prasekolah Kerajaan dan 50% prasekolah swasta akan melalui proses penaziran, masing-masing oleh Kerajaan dan Majlis ECCE.



Kementerian sangat menggalakkan prasekolah swasta mendaftar dengan JPN. Sasaran 92% enrolmen hanya mengambil kira prasekolah yang berdaftar dengan JPN. Semua prasekolah perlu mematuhi Kurikulum Prasekolah Kebangsaan.

Kementerian akan bekerjasama dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan kerajaan yang lain bagi memastikan guru mempunyai akses kepada peluang pendidikan dan latihan yang bersesuaian. Kementerian juga akan menyediakan bantuan subsidi kepada guru sedia ada yang tidak mempunyai Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak untuk meningkatkan kelayakan mereka bagi memenuhi standard. Menjelang 2015, 30% guru prasekolah dijangka mempunyai kelayakan minimum diploma.

Mengekalkan umur permulaan pendidikan formal

Kemasukan ke sekolah rendah pada umur 6+ tahun akan diteruskan bagi menandakan permulaan pendidikan formal di Malaysia. Seperti yang dinyatakan pada awal bab ini, umur permulaan ini adalah selari dengan amalan kebanyakan sistem pendidikan berprestasi tinggi. Pengekalan dasar ini penting bagi memberi kanak-kanak masa yang mencukupi untuk mengembangkan potensi intelek, rohani, emosi, dan jasmani mereka sebelum memasuki sekolah rendah.

Meningkatkan enrolmen pendidikan rendah

Walaupun enrolmen di peringkat sekolah rendah hampir menyeluruh, masih terdapat 5% kelompok kanak-kanak yang tidak berdaftar dan mereka perlu digalakkan untuk berbuat demikian. Murid yang berisiko tercicir daripada pendidikan rendah juga perlu dibantu supaya mereka terus bersekolah. Kementerian akan mengambil langkah khusus bagi dua kumpulan murid ini, terutamanya mereka yang berkeperluan khusus seperti anak Orang Asli, Penan dan komuniti peribumi lain, serta murid yang berkeperluan khas. Menjelang 2015, dijangka 98% daripada populasi yang berkaitan akan berdaftar di sekolah rendah awam.


Mewajibkan pendidikan menengah untuk semua

Kementerian akan mewajibkan pendidikan peringkat menengah rendah dan menengah atas menjelang 2015. Langkah ini akan menjadikan sistem pendidikan Malaysia selari dengan standard tempoh pendidikan wajib antarabangsa (Ekshibit 7-4). Langkah ini juga menandakan kesungguhan hasrat Kementerian untuk meningkatkan enrolmen pada peringkat menengah rendah dan menengah atas.

Sama seperti pendidikan rendah, Kementerian akan mengambil langkah khusus bagi menggalakkan peningkatan enrolmen menjelang 2015. Langkah ini termasuk mensasarkan murid yang tercicir semasa transisi antara peringkat sekolah rendah dengan menengah, dan juga murid sekolah menengah rendah yang berisiko tercicir. Sebagai contoh, 70% tempat di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) akan disediakan untuk murid miskin bagi membolehkan mereka mendapat akses kepada pendidikan yang lebih berkualiti. Menjelang 2015, enrolmen menengah rendah di sekolah awam dijangka mencapai 95% populasi yang berkaitan, manakala enrolmen menengah atas akan mencapai tahap 90%.

EKSHIBIT 7-4

Perbandingan antara negara berkaitan tahun wajib persekolahan



SUMBER: Kementerian Pelajaran Malaysia; Kementerian Pelajaran Singapura; Biro Pendidikan Hong Kong; Kementerian Pelajaran & Kebudayaan Finland; Jabatan Pendidikan United Kingdom Jabatan Pendidikan Rendah dan Menengah Massachusetts; Kementerian Pendidikan Ontario

Mengekalkan tempoh pendidikan formal sedia ada

Kementerian akan mengekalkan tempoh persekolahan antara 12 hingga 13 tahun bagi pendidikan formal. Langkah ini akan memberi masa kepada murid di Malaysia untuk berkembang secara menyeluruh dan memilih jenis program lepas menengah yang ingin diikuti.

Gelombang 2 (2016 - 2020): Menyatukan manfaat

Gelombang 2 akan memberi tumpuan kepada peningkatan kejayaan yang dicapai dalam fasa sebelum ini. Bagi membolehkan kejayaan seterusnya dicapai dalam enrolmen dan akses, Kementerian akan terus menyesuaikan geran dan bentuk bantuan lain untuk menyediakan tahap bantuan yang bersesuaian secara cekap dan berkesan. Contohnya, langkah ini mungkin memerlukan penyesuaian syarat minimum kelayakan mendapat bantuan kewangan.

Bagi ECCE, tumpuan akan diberikan kepada usaha menambah baik standard prasekolah secara berterusan. Langkah ini termasuk melakukan penaziran di semua prasekolah dan memastikan 100% guru prasekolah mempunyai kelayakan minimum diploma. Kementerian juga akan meneroka kemungkinan meningkatkan standard program ECCE yang lain seperti asuhan kanak-kanak.

Seperti yang diperincikan dalam Bab 4, Kementerian akan merintis tiga program bagi murid berprestasi tinggi dalam Gelombang 2 (lazimnya, 15% daripada populasi murid berprestasi teratas) dan murid pintar cerdas (1% daripada populasi murid). Program ini melibatkan penempatan 15% murid berprestasi tinggi dalam kelas pintas bagi membolehkan mereka menamatkan pendidikan menengah rendah dan menengah atas dalam tempoh empat tahun dan bukannya lima tahun, seperti yang diamalkan dalam aliran perdana. Dengan adanya inovasi ini, murid akan mempunyai lebih banyak pilihan untuk menyesuaikan tempoh pendidikan dengan keperluan masing-masing.

Gelombang 3 (2021 - 2025): Memastikan akses sejagat

Menjelang 2021, sistem pendidikan Malaysia dijangka dapat mencapai tahap enrolmen 100% bagi pendidikan peringkat prasekolah, rendah, menengah rendah dan menengah atas di sekolah awam atau swasta.

Bagi ECCE, Kementerian akan meningkatkan kualiti program pendidikan tersebut secara berterusan. Langkah yang mungkin diambil termasuk usaha menambah baik laluan kerjaya untuk guru prasekolah dan memperkenalkan inovasi berteraskan ICT untuk digunakan dalam bilik darjah bagi membantu perkembangan murid.

Seperti yang dibincangkan secara terperinci dalam Bab 4, Kementerian akan melaksanakan beberapa program rintis untuk murid berprestasi tinggi dan murid pintar cerdas dalam Gelombang 2. Dalam Gelombang 3 pula, Kementerian akan memperkemas program rintis ini dan melaksanakannya sebagai program pendidikan nasional melibatkan semua sekolah di seluruh negara.

LALUAN PENDIDIKAN

Kementerian akan memastikan sistem pendidikan mempunyai laluan yang jelas, sesuai dengan minat dan kebolehan murid yang berbeza. Laluan ini mudah dicapai dan menarik serta memberi ruang untuk mengembangkan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan bagi mempersiapkan murid untuk profesion pilihan. Kementerian akan memberi tumpuan, terutamanya kepada mengukuhkan laluan pendidikan sedia ada untuk menjadikannya pilihan yang lebih menarik untuk murid.

Langkah yang akan diambil termasuk:

- Meningkatkan kesedaran murid tentang laluan pendidikan dan pilihan kerjaya yang ada;
- Mempertingkatkan Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional termasuk melalui kerjasama yang lebih banyak dengan sektor awam dan swasta;
- Meningkatkan kualiti dan menambah bilangan tempat di sekolah agama; dan
- Memastikan pilihan laluan lepas menengah kekal menarik.

Kementerian menyedari kepelbagaian minat dan kebolehan murid, dan bercadang membantu membangunkan potensi mereka. Perkara ini memerlukan akses kepada pilihan laluan yang menarik dan berdaya maju untuk kemajuan setiap murid. Sistem pendidikan menengah sedia ada menyediakan peluang kepada murid untuk memilih laluan pada pelbagai peringkat persekolahan menengah. Antara laluan yang ditawarkan adalah bidang akademik, teknikal, vokasional, agama, sukan dan kesenian.

Laluan pendidikan dan pilihan kerjaya

Walaupun wujud banyak pilihan, murid dan ibu bapa telah menyuarakan kebimbangan tentang kesukaran mengakses maklumat terkini berkaitan kepelbagaian laluan pendidikan yang ditawarkan dan peluang kerjaya berkaitan laluan yang dipilih. Dalam banyak hal, mereka juga kurang jelas tentang jenis kemahiran, kompetensi dan latihan yang diperlukan untuk berjaya dalam pelbagai kerjaya. Akibatnya, murid sukar membuat pilihan bermaklumat tentang laluan pendidikan mereka.


Laluan pendidikan vokasional

Pendidikan vokasional mempersiapkan murid untuk kerjaya yang memerlukan kepakaran teknikal yang khusus. Berbeza dengan aliran teknikal yang mempersiapkan murid untuk pendidikan lanjutan, aliran vokasional lebih berorientasikan kerjaya. Beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat kemerosotan bilangan murid yang berdaftar di sekolah menengah vokasional disebabkan kekurangan bilangan murid yang memohon masuk ke sekolah berkenaan.

Walau bagaimanapun, permintaan industri untuk lulusan vokasional adalah tinggi dan akan terus meningkat. Pada 2008, Kementerian Sumber Manusia melaporkan terdapat kekurangan sumber tenaga kerja mahir, iaitu melebihi 700,000 orang dalam industri pembuatan, pertanian dan pembinaan. Permintaan untuk sumber tenaga mahir pada masa depan akan terus meningkat. Menjelang 2020, daripada 3.3 juta peluang pekerjaan yang diwujudkan bawah NKEA, sekurang-kurangnya 46% memerlukan kelayakan sijil vokasional atau diploma, berbanding 22% yang memerlukan kelayakan ijazah pertama (Ekshibit 7-5). Bagi merapatkan jurang permintaan ini, terdapat keperluan untuk menyediakan 50,000 tempat tambahan dalam pendidikan vokasional setiap tahun. Disebabkan majoriti kursus vokasional melibatkan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), pendidikan vokasional juga akan menjadi kritikal bagi memenuhi dasar 60:40 Sains:Sastera dalam memenuhi keperluan tenaga kerja ekonomi Malaysia.

EKSHIBIT 7-5

Pekerjaan baharu bawah Program Transformasi Ekonomi, berdasarkan kelayakan yang diperlukan



SUMBER: Program Transformasi Ekonomi 2010

Selain menangani cabaran permintaan, terdapat juga cabaran yang dikaitkan dengan jaminan kualiti dalam pendidikan vokasional. Kekurangan tenaga pengajar berkelayakan dan kurikulum yang diiktiraf industri, kerjasama yang lemah dengan industri dan latihan di tempat kerja (OJT) yang terhad, menyebabkan lepasan pendidikan vokasional tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk memenuhi keperluan industri. Temu bual bersama-sama ibu bapa dan murid juga mendapati bahawa terdapat kurangnya kesedaran dalam kalangan mereka tentang laluan pendidikan vokasional dan peluang kerjaya seterusnya.

Dalam usaha menangani kebimbangan ini, Kementerian mewujudkan Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional bagi mengukuhkan latihan untuk lulusan berkemahiran. Sebagai sebahagian daripada pelan ini, Kementerian telah memperluas pendidikan vokasional bermula pada peringkat menengah rendah melalui program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) dan mengukuhkan laluan sedia ada pada peringkat menengah atas melalui program Kolej Vokasional (KV). Di bawah Pelan Pendidikan Transformasi Vokasional, Kementerian menjangkakan 10% daripada setiap kohort menengah atas terdiri daripada murid vokasional menjelang 2015. Peratusan ini dijangka akan meningkat kepada 20% menjelang 2020. Pada masa pelan ini dilaksanakan, maklum balas awal yang diterima daripada murid, ibu bapa dan industri berkenaan Pelan Pendidikan Transformasi Vokasional adalah positif.

Laluan pendidikan teknikal

Pendidikan teknikal menyediakan murid untuk meneruskan pengajian dan kerjaya di dalam bidang-bidang kejuruteraan dan profesional. Namun, pendidikan teknikal diiktiraf sebagai sebahagian daripada laluan akademik dan biasanya memerlukan asas akademik yang kukuh bagi membolehkan murid melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Selain mengambil mata pelajaran akademik yang sama seperti murid dalam aliran perdana, murid aliran teknikal boleh memilih daripada set mata pelajaran elektif teknikal yang merangkumi bidang kejuruteraan awam, sains pertanian, prinsip perakaunan dan lain-lain. Kementerian juga bekerjasama dengan rakan kongsi sektor swasta bagi meningkatkan pengiktirafan industri terhadap pendidikan teknikal. Sebagai contoh, murid yang mengikuti bidang perakaunan akan menerima akreditasi separa *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)* untuk kelayakan profesional ACCA. Pada masa ini terdapat lebih 20,000 murid berdaftar di sekolah teknik, iaitu kurang 1% jumlah murid sekolah menengah.

Laluan pendidikan agama

Pelbagai pilihan tersedia untuk pendidikan agama Islam di Malaysia (Ekshibit 7-6). Pada masa ini, terdapat lebih 90,000 murid berdaftar di sekolah agama awam yang merupakan 2% daripada jumlah enrolmen di sekolah rendah dan menengah. Sekolah agama awam terdiri daripada Sekolah Agama Kerajaan yang berada di bawah kawalan Kementerian, Sekolah Agama Negeri (SAN) yang berada di bawah kawalan pihak berkuasa agama negeri dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang dikawal bersama-sama oleh Kementerian dan pihak berkuasa agama negeri atau lembaga pengelola sekolah. Semua Sekolah Agama Kerajaan melaksanakan kurikulum kebangsaan manakala SAN dan SABK melaksanakan kurikulum Dini dan kurikulum kebangsaan.

Di samping itu, terdapat kira-kira 350 sekolah agama swasta (1% daripada jumlah enrolmen di sekolah rendah dan menengah). Sekolah ini boleh memilih sama ada melaksanakan kurikulum kebangsaan atau tidak. Kebanyakan sekolah ini kecil, terletak di luar bandar dan kekurangan sumber (sekolah agama rakyat dan sekolah agama persendirian). Walau bagaimanapun, bilangan sekolah agama swasta di bandar semakin meningkat dan hampir menyerupai sekolah antarabangsa.

EKSHIBIT 7-6

Pilihan Pendidikan Islam di Malaysia

✓ Betul ✓ Dalam peralihan

Pilihan	Pendaftaran			
	Kerajaan Persekutuan	Kerajaan Negeri	Pembiayaan Kerajaan	Kurikulum kebangsaan
Sekolah awam¹ Sekolah Agama bawah Kementerian (SMKA, SMAP, KISAS, SBPI, SMK, SR(KAA))	✓	<input type="checkbox"/>	✓	✓
Sekolah Agama Negeri (SAN)	<input type="checkbox"/>	✓	✓	✓
Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) ²	✓	✓	✓	✓
Sekolah swasta Sekolah Agama Rakyat (SAR)	<input type="checkbox"/>	✓	✓	✓
Sekolah Agama Rakyat Persendirian (SAP) ³	<input type="checkbox"/>	✓	✓	<input type="checkbox"/>
Sekolah Agama Swasta (SAS)	✓	✓	<input type="checkbox"/>	✓

1 Tidak termasuk pilihan untuk pengajaran Islam di sekolah kerajaan (SK, SRK dan SMK)

2 SABK merupakan sekolah yang berdaftar dengan Kementerian dan menerima bantuan kerajaan serta menggunakan kurikulum kebangsaan

3 Sekolah agama persendirian adalah sekolah yang ditubuhkan oleh orang perseorangan dan melaksanakan kurikulum agama sepenuhnya.

SUMBER: Bahagian Pendidikan Islam

Semakin ramai ibu bapa berminat menghantar anak mereka ke sekolah menengah agama awam, terutama sekali SMKA seperti yang terbukti dengan kedudukan SMKA sebagai satu daripada pilihan persekolahan paling digemari dalam sistem pendidikan Malaysia. Namun, 80% permohonan kemasukan ditolak akibat kekurangan tempat.

Bagi menampung permintaan tersebut, Kementerian telah memperkenalkan program pendaftaran SAN dan SAR sebagai SABK serta mewujudkan Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah menengah kebangsaan. Sehingga kini, jumlah SAN dan SAR yang telah berdaftar sebagai SABK ialah 195 sekolah, manakala sekolah yang melaksanakan KAA berjumlah 547 sekolah. Proses pendaftaran SAR dan SAN sebagai SABK serta pewujudan KAA diteruskan bagi menampung permintaan yang semakin meningkat.



Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional

Kementerian telah membangunkan Pelan Transformasi Vokasional (Ekshibit 7-7) bagi mengukuhkan latihan lulusan berkemahiran. Pelan ini mengandungi dua komponen seperti yang berikut:

Pendidikan Asas Vokasional (PAV)


Pada 2012, Kementerian Pendidikan telah merintis laluan alternatif untuk pendidikan vokasional pada peringkat menengah rendah (usia 13-15 tahun) di 15 sekolah. Program ini membolehkan murid mendapat sijil asas vokasional: sehingga tahap 2 Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) pada usia yang lebih muda, iaitu 15 tahun berbanding 17 tahun sebelum ini. Kemasukan pada usia yang lebih muda adalah selari dengan sistem global lain seperti di Austria dan Jerman, yang dianggap mempunyai sistem pendidikan vokasional yang mantap. Kementerian sedang memperkenalkan kurikulum gabungan yang baharu, iaitu 70% latihan kemahiran vokasional dan 30% pendidikan akademik. Pelaksanaan sepenuhnya bermula pada 2013.

Kolej Vokasional (KV)

Kementerian juga sedang menambah baik program pendidikan vokasional menengah atas sedia ada dengan mentransformasikan Sekolah Menengah Vokasional (SMV) menjadi Kolej Vokasional (KV). Kolej ini menawarkan kurikulum yang disusun semula dan pada peringkat sijil dan diploma yang diakreditasi iaitu Diploma Vokasional Malaysia (DVM). Sijil dan diploma ini diiktiraf untuk mendapatkan kredit di bawah standard kebangsaan dan antarabangsa. Kurikulum diploma yang baharu ini mengandungi 70% latihan kemahiran praktikal dan 30% pendidikan akademik umum. Kurikulum ini juga melibatkan komponen latihan industri selama enam bulan. Pelbagai rakan kongsi industri dirujuk bagi memastikan keselarasan dengan standard dan amalan industri.

EKSHIBIT 7-7

Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional



Laluan pendidikan sukan dan seni

Sekolah sukan dan sekolah seni peringkat menengah penting bagi memupuk dan mengembangkan bakat muda negara dan menjamin penajaan atlet pelapis dan penggiat seni. Sekolah ini membantu perkembangan bakat atlet dan penggiat seni di peringkat antarabangsa dengan memastikan kemudahan yang mencukupi, jurulatih pembimbing pakar dan perkhidmatan penting lain. Pada masa ini, di Malaysia terdapat empat buah sekolah sukan Malaysia dan dua buah sekolah seni.

Di samping mengembangkan bakat sukan atau seni masing-masing, murid juga menerima pendidikan asas yang luas dengan mengikuti kurikulum dan menduduki peperiksaan yang sama seperti rakan sebaya mereka di sekolah lain. Tujuannya adalah untuk membangunkan potensi mereka secara menyeluruh.

Pendidikan khas

Seperti yang diperincikan dalam Bab 4, Kementerian menyedari kepentingan menyediakan pendidikan khas untuk kanak-kanak dengan keperluan pembelajaran khusus disebabkan oleh kelainan upaya. Walau bagaimanapun, program sedia ada menghadapi kekangan seperti kekurangan guru dan tenaga pakar khidmat sokongan berkelayakan, keterbatasan kurikulum dan pentaksiran, serta ketakcukupan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan sokongan.

Pendidikan untuk murid pintar cerdas

Seperti yang dibincangkan dalam Bab 4 berkaitan pembelajaran murid, Kerajaan telah melaksanakan beberapa program pendidikan untuk murid pintar cerdas seperti PERMATApintar. Meskipun, sumber awam untuk pendidikan pintar cerdas masih terhad namun terdapat peluang untuk meningkatkannya.

Pilihan pendidikan lepas menengah

Kementerian beriltizam memastikan semua murid dalam pendidikan lepas menengah menerima kelayakan yang memenuhi standard antarabangsa. Pada masa ini, murid yang lulus SPM mempunyai beberapa pilihan lepas menengah seperti tingkatan enam, program pra-universiti, matrikulasi, program persediaan, atau program lain yang disediakan oleh sektor swasta.

Kementerian turut menyediakan pelbagai pilihan, antaranya, STPM dan STAM yang ditawarkan di sekolah terpilih melalui program tingkatan enam yang diiktiraf oleh banyak universiti luar negara. Program matrikulasi, ditawarkan melalui program satu atau dua tahun di kolej matrikulasi yang memberi tumpuan kepada sains, matematik, perakaunan dan pendidikan teknikal. Pada masa ini, program matrikulasi diterima untuk kemasukan ke universiti awam dalam negara dan universiti tertentu di luar negara.

Pilihan pendidikan sektor swasta


Sektor swasta menyediakan pelbagai pilihan untuk ibu bapa. Kadar pertumbuhan enrolmen pendidikan swasta adalah lebih tinggi berbanding sektor awam, walaupun sektor awam adalah 40 kali lebih besar berbanding sektor swasta. (Ekshibit 7-8).

Perkembangan terkini seperti kelonggaran syarat bagi enrolmen di sekolah antarabangsa untuk murid tempatan dijangka akan melonjakkan

pertambahan enrolmen murid tempatan dalam sektor swasta. Antara program yang paling diminati oleh murid adalah Diploma IB, A-Level, *South Australian Matriculation*, *American Degree Programme* dan *Canadian Pre-University*.

EKSHIBIT 7-8

Kadar peningkatan enrolmen di sekolah swasta mengikut jenis
 Peratus (2007 – 2011)



¹ Sekolah menengah dan rendah swasta yang mengikuti kurikulum kebangsaan
 SUMBER: Perangkaan Pendidikan Malaysia

Pelan Tindakan: Mewujudkan laluan pendidikan yang pelbagai

Kementerian akan memastikan sistem pendidikan menyediakan pelbagai laluan pendidikan bagi memenuhi minat dan kebolehan murid. Laluan ini dijangka akan lebih berdaya maju dan menarik, justeru memberi peluang pembelajaran bermakna khusus untuk mengembangkan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang diperlukan.

Di samping itu, setiap laluan pendidikan akan disepadukan dengan keperluan pasaran buruh bagi menyediakan murid dengan laluan yang jelas dan terarah kepada bidang kerjaya pilihan mereka. Laluan ini juga inklusif dan memberi akses kepada semua murid, termasuk murid berkeperluan khas.

Gelombang 1 (2013-2015): Mengukuhkan laluan pendidikan

Usaha membangunkan laluan vokasional menjadi keutamaan. Kementerian menyedari bahawa usaha yang lebih besar perlu diambil bagi merombak laluan vokasional sedia ada. Kementerian memanfaatkan sumber tambahan dalam Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional bagi memastikan pelan ini dapat mencapai aspirasi negara. Kementerian juga akan mula membangunkan dan merintis intervensi untuk laluan pendidikan bagi membantu penambahbaikan dalam bidang seperti pendidikan agama dan pendidikan untuk kumpulan berkeperluan khusus.

Meningkatkan kesedaran awam dan mengupaya murid dan ibu bapa membuat pilihan bermaklumat

Guru kaunseling dan bimbingan boleh membantu murid merancang laluan pendidikan dan seterusnya memilih hala tuju kerjaya. Walau bagaimanapun, peranan ini kurang diberi keutamaan berbanding

Pilihan pendidikan swasta dan pilihan pendidikan lain di Malaysia

Pada 2011, kira-kira 3% atau 145,000 murid berumur antara 7 hingga 17 tahun berdaftar di sekolah swasta dan pilihan pendidikan lain.

Pilihan pendidikan swasta

Sekolah Swasta. Kategori ini merujuk kepada 130 sekolah rendah dan menengah yang melaksanakan kurikulum kebangsaan untuk mengajar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran teras seperti yang diperincikan dalam Akta Pendidikan 1996. Bahagian Pendidikan Swasta, di Kementerian mengawal sekolah swasta untuk memastikan pematuhan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan penyampaian pendidikan selaras dengan aspirasi negara. Sekolah ini juga lebih cenderung untuk menawarkan aktiviti pengayaan seperti drama, muzik, seni dan bahasa asing. Sebanyak 18% murid Malaysia yang belajar di sekolah swasta berdaftar dalam kategori sekolah ini dan menjadikan kategori ini kedua terbesar dalam pasaran pendidikan.

Sekolah Antarabangsa. Sekolah rendah dan menengah antarabangsa menggunakan kurikulum antarabangsa seperti British, Amerika Syarikat, Australia, Kanada atau program International Baccalaureate. Tidak seperti kategori sekolah swasta yang lain, sekolah antarabangsa menggunakan tenaga pengajar yang sebahagian besarnya daripada luar negara. Data berkaitan enrolmen sehingga 30 Jun 2011 menunjukkan bahawa 18% daripada murid Malaysia dalam pendidikan swasta berdaftar dengan sekolah antarabangsa di seluruh negara. Kementerian akan memastikan murid warganegara Malaysia yang berdaftar di sekolah antarabangsa dipupuk dengan identiti nasional, contohnya melalui pengajaran wajib Bahasa Malaysia. Sekolah antarabangsa juga merupakan antara subsektor yang dikenal pasti di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara.

peranan lain yang mungkin dimainkan oleh guru seperti menguatkuasakan disiplin dan mengajar mata pelajaran lain. Oleh yang demikian, guru selalunya kurang bersedia untuk memainkan peranan sebagai pembimbing murid.

Pada masa depan, Kementerian akan meningkatkan keutamaan dalam bidang kaunseling kerjaya di samping peranan lain yang dimainkan oleh guru kaunseling dan bimbingan. Tumpuan akan diberikan terhadap pengukuhan program kaunseling yang bertujuan untuk membimbing murid tentang laluan akademik dan kerjaya. Menjelang penghujung 2013, Kementerian akan memasukkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam jadual waktu sekolah menengah. Kementerian juga akan melatih semua guru kaunseling dan bimbingan bagi memastikan mereka mempunyai ilmu pengetahuan dan kemudahan untuk membimbing murid dengan berkesan termasuk murid berkeperluan khas.

Menjelang 2015, sebanyak 35% murid sekolah menengah rendah akan membangunkan laluan pendidikan dan profil kerjaya masing-masing. Profil ini akan merekodkan minat, sejarah akademik dan pencapaian lain setiap murid bertujuan membantu murid membuat



Sekolah Agama. Sebanyak 14% murid sekolah swasta berdaftar dalam kategori ini, dan terdapat lebih 350 sekolah agama swasta di seluruh negara pada 2011. Sekolah ini boleh memilih untuk melaksanakan kurikulum kebangsaan atau tidak. Terdapat tiga jenis sekolah agama swasta iaitu Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Agama Persendirian dan Sekolah Agama Swasta. Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Persendirian menjadi pilihan ibu bapa berbanding Sekolah Agama Swasta kerana yuran pengajian di kebanyakan sekolah ini lazimnya rendah dan tidak membebankan.

Pilihan pendidikan lain

Sekolah Persendirian Cina. Sekolah Persendirian Cina membentuk kategori terbesar bagi pilihan pendidikan lain di Malaysia, dengan kira-kira 66,700 murid berdaftar di 60 sekolah. Setiap sekolah diuruskan oleh Lembaga Pemegang Amanah yang dilantik secara bebas dan berkerjasama dengan kepimpinan sekolah untuk mengurus sekolah yang dibiayai melalui yuran murid dan sumbangan penderma. Sekolah ini menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama dan melaksanakan kurikulum yang digubal oleh Dong Jiao Zong serta ditanda aras dengan sistem pendidikan seperti yang diamalkan di Taiwan dan England. Sekolah ini mempersiapkan murid untuk menduduki peperiksaan standard dikenali sebagai Sijil Peperiksaan Bersatu (pada Tahun 6 di sekolah menengah). Walau bagaimanapun, pada masa yang sama banyak sekolah juga mempersiapkan murid mereka untuk peperiksaan SPM.

pilihan penting berkenaan pendidikan masing-masing pada peringkat menengah rendah.

Kementerian juga akan mengeluarkan buku panduan yang lengkap tentang laluan akademik dan kerjaya. Buku ini akan digunakan oleh murid, ibu bapa, dan kaunselor sekolah untuk membimbing dan membantu murid membuat keputusan dan pilihan laluan akademik dan kerjaya bermula dari Tahun 6 hingga ke peringkat seterusnya. Buku panduan ini akan diterbit dan diagihkan menjelang akhir 2013.

Meningkatkan akses kepada program vokasional

Kementerian sedang memperluaskan akses kepada program vokasional dalam sistem pendidikan kebangsaan. Pada akhir 2013, Kementerian menjangkakan peluasan PAV yang dirintis selesai dilaksanakan di peringkat menengah rendah, dan kurikulum yang menggabungkan 70% kemahiran vokasional dengan 30% akademik, dapat dilaksanakan. Kementerian juga akan melaksanakan transformasi SMV sedia ada kepada KV yang menawarkan kurikulum baharu dan menganugerahkan DVM. Transformasi ini dijangka selesai pada akhir Gelombang 1.



Selaras dengan NKEA, Kementerian akan terus bekerjasama dengan sektor swasta bagi menyediakan penyelesaian berkesan kos untuk pendidikan vokasional. Kementerian telah mula menjalankan program pembelian tempat pengajian di institusi vokasional swasta. Perkongsian Kementerian dengan institusi swasta akan meningkatkan bilangan penawaran tempat dan kepelbagaian kursus dengan cepat bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat dengan cara yang lebih berkesan kos.

Bagi menjamin kualiti, institusi vokasional swasta perlu memenuhi kriteria yang ketat. Antara kriteria tersebut termasuk pengalaman terdahulu dalam penyediaan kursus sasaran yang tidak ditawarkan dalam sistem pendidikan kebangsaan seperti penyelenggaraan pesawat dan bidang mekatronik. Institusi vokasional swasta juga dikehendaki memberi jaminan untuk menyediakan komponen latihan praktikal. Kementerian akan melantik penyedia swasta, dengan perjanjian permulaan bagi menempatkan sekumpulan murid untuk belajar di institusi swasta. Sasaran akan ditetapkan bagi bilangan perjanjian yang dimeterai setiap tahun.

Mengukuhkan laluan pendidikan agama

Menjadikan latihan vokasional lebih relevan kepada industri

Bagi memenuhi keperluan tenaga kerja dengan lebih baik dan meningkatkan kebolehpasaran lulusan vokasional, Kementerian berhasrat untuk memperluaskan murid dengan kemahiran yang selaras dengan keperluan industri. Pertama, Kementerian telah bekerjasama dengan rakan industri bagi membangunkan kurikulum baharu dan melatih guru vokasional. Kedua, Kementerian akan menaik taraf peralatan dan kelengkapan setara dengan amalan industri terkini. Ketiga, latihan vokasional akan dirombak untuk menekankan pedagogi praktikal di KV.

Memudah cara penerimaan dan pengesahan pendidikan dan latihan vokasional oleh industri

Kementerian dengan kerjasama agensi kerajaan dan industri yang relevan akan menubuhkan Majlis Pembangunan Pendidikan dan Latihan Vokasional Nasional (MPPLVN). Langkah ini akan membolehkan industri memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan pendidikan vokasional dan pengesahan kemahiran. MPPLVN yang akan memanfaatkan bakat-bakat dalam pendidikan vokasional akan ditubuhkan menjelang akhir tahun 2014. Majlis seumpama ini wujud di dalam sistem pendidikan vokasional berprestasi tinggi seperti Majlis Kemahiran Industri di Australia dan Majlis Kemahiran Sektor di United Kingdom.

Objektif utama majlis ini adalah untuk menyetarakan pembangunan kemahiran dan tenaga kerja bagi setiap industri yang relevan. Majlis ini terdiri daripada pihak industri, penyedia pendidikan vokasional awam dan swasta, dan agensi lain yang berkaitan dengan pembangunan kemahiran dan tenaga kerja seperti Kementerian Sumber Manusia dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Walaupun majlis kemahiran industri akan dibiaya sebahagiannya oleh Kerajaan, agenda mereka akan dipacu oleh industri.

Mengukuhkan laluan pendidikan agama

Kementerian beriltizam menyediakan pendidikan agama berkualiti tinggi bagi melengkapkan murid dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk berjaya dalam pasaran kerja berasaskan nilai dan tasawur Islam yang kukuh. Kementerian akan memperkukuhkan pelaksanaan kurikulum kebangsaan di sekolah agama dengan mengangkat kurikulum Dini dan Tahfiz sebagai kurikulum kebangsaan serta menerapkan unsur-unsur agama ke dalam kurikulum kebangsaan. Selain daripada mata pelajaran yang wajib, iaitu Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah dan Bahasa Arab, murid diberikan pilihan untuk mengikuti aliran sains, teknikal atau sastera. Murid juga akan diajar dengan mata pelajaran Kesusasteraan Arab pada masa depan.

Selain itu, Kementerian akan terus meningkatkan pengiktirafan antarabangsa bagi kelayakan pendidikan agama. STAM diiktiraf setara dengan STPM sebagai kelayakan lepas menengah dan diterima sebagai syarat kemasukan ke Universiti Al-Azhar dan universiti tempatan. Bagi meneruskan usaha ini, Kementerian akan memperluas penawaran STAM di sekolah agama lain seperti SMKA dan memasarkan STAM sebagai standard untuk pendidikan agama Islam lanjutan di seluruh Asia Tenggara.

Kementerian juga akan mengekalkan bantuan kepada SABK dan meneliti peluang untuk memberi pembiayaan kepada SABK seperti yang diberikan kepada SMKA. Di samping itu, Kementerian akan meneruskan usaha yang sedang dilaksanakan bagi meningkatkan standard sekolah agama persendirian dengan menawarkan bantuan dalam bentuk pembiayaan, kurikulum, latihan dan kakitangan. Kementerian akan meneruskan usaha untuk menggalakkan pendaftaran SAR dan SAN yang memenuhi kriteria pendaftaran.

Menyediakan bantuan untuk murid berkeperluan khas dan murid pintar cerdas

Seperti yang dinyatakan dengan terperinci dalam Bab 4, Kementerian akan memberikan tumpuan kepada usaha meningkatkan peluang pendidikan yang disesuaikan untuk murid berkeperluan khas serta murid pintar cerdas. Dalam Gelombang 1, tumpuan diberikan kepada usaha mengenal pasti tahap kompetensi murid berkeperluan khas supaya mereka dapat ditempatkan di sekolah pilihan yang bersesuaian, termasuk mengikuti kursus kemahiran vokasional. Kementerian juga akan menambah baik kualiti bantuan dan perkhidmatan sokongan yang disediakan untuk murid berkeperluan khas dengan menaik taraf infrastruktur di sekolah aliran perdana dan sekolah pendidikan khas, memantapkan latihan praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan untuk guru pendidikan khas dan tenaga pakar khidmat sokongan, dan menyesuaikan kurikulum dan pentaksiran dengan kebolehan murid.

Selari dengan Bab 4, Kementerian akan menanda aras program pendidikan pintar cerdas sedia ada dengan program pendidikan pintar cerdas kebangsaan berprestasi tinggi bagi mengenal pasti bidang yang boleh dipertingkatkan dan mengguna pakai amalan terbaik daripada program tersebut. Kementerian juga akan mengembangkan lagi program pendidikan pintar cerdas melalui kerjasama dengan sektor swasta dan institusi penyelidikan terkemuka yang mengkhusus dalam pendidikan pintar cerdas.

Mentransformasi Tingkatan 6

Pada akhir 2013, Kementerian akan mentransformasi Tingkatan 6 bagi menggalakkan lebih ramai murid memilih program tersebut. Transformasi ini bertujuan untuk menganjak persekitaran pembelajaran daripada model lepas menengah kepada model prauniversiti. Usaha ini akan menjadikan kelayakan Tingkatan 6 setanding dengan program prauniversiti yang ditawarkan oleh institusi pendidikan swasta pada masa ini.

Sekolah yang menawarkan Tingkatan 6 akan diberi lebih kuasa membuat keputusan bagi memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mengupayakan murid menjadi lebih bersedia bagi kemasukan ke universiti. Sebagai contoh, antara inisiatif tersebut termasuk melonggarkan syarat pemakaian pakaian seragam sekolah untuk murid Tingkatan 6. Murid juga akan diberi lebih peluang untuk mengembangkan bakat kepimpinan dan kemahiran insaniah melalui pertambahan peranan dan pilihan aktiviti sukan, kokurikulum dan khidmat komuniti.

Gelombang 2 (2016 - 2020): Meningkatkan inisiatif

Dalam Gelombang 2, Kementerian akan meningkatkan usaha melaksanakan program yang menunjukkan kejayaan dalam Gelombang 1 dengan memperluaskan laluan sedia ada, seperti pendidikan vokasional dan pendidikan agama. Tumpuan juga diberikan kepada usaha meluaskan laluan bagi memenuhi keperluan murid pintar cerdas atau murid berkeperluan khas.

Memupuk kesedaran dan mengupaya murid dan ibu bapa membuat pilihan bermaklumat

Kementerian akan meneruskan usaha memastikan semua murid berupaya membuat keputusan bermaklumat berkaitan pendidikan dan kerjaya mereka. Menjelang 2018, semua murid menengah rendah akan disediakan dengan profil individu. Guru kaunseling dan bimbingan akan dilatih untuk memberi nasihat kepada murid yang memilih laluan berkaitan kepakaran, seperti sekolah sukan dan sekolah seni, dan menjadikan pilihan tersebut lebih menarik.

Kementerian juga akan mendapatkan lebih ramai kaunselor sekolah bagi memastikan murid menerima perhatian secukupnya. Menjelang akhir 2020, nisbah kaunselor sekolah berbanding murid sekolah menengah dapat dikurangkan daripada 1:430 kepada 1:350. Kementerian juga akan melancarkan kempen memupuk kesedaran tentang pelbagai laluan pendidikan, dan keluwesan laluan tersebut. Kempen ini akan dilaksanakan menerusi radio, televisyen, akhbar, portal dalam talian, jerayawara, dan saluran lain. Kempen ini akan dilaksanakan dari 2016 hingga akhir 2020.

Menjadikan pendidikan vokasional lebih relevan kepada industri

Kementerian akan meningkat dan menggiatkan kerjasama dengan rakan industri bagi menyediakan bantuan dalam pembangunan kurikulum dan latihan guru. Selain itu, Kementerian akan berkerjasama dengan rakan industri bagi menyediakan lebih banyak peluang praktikum kepada murid.

Dengan jangkaan pertumbuhan enrolmen vokasional, Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional memerlukan lebih 220,000 tempat praktikum menjelang 2020. Kementerian akan meningkatkan kerjasama dengan rakan industri bagi menyediakan latihan sambil bekerja untuk murid, menggalakkan penyertaan rakan berpotensi dengan pemberian insentif, seperti pelepasan cukai dan keutamaan mengambil lulusan bekerja. Kerjasama ini akan menjadi formal melalui persetujuan antara Kementerian Pendidikan dan rakan kongsi industri. Kebanyakan KV akan menandatangani memorandum persefahaman (MOU) bersama industri pembekal utama dalam Gelombang 2.

Menjelang 2020, semua KV perlu menandatangani sekurang-kurangnya satu perjanjian dengan rakan industri. Di samping itu, Kementerian akan terus menambah bilangan persetujuan pelaksanaan dengan institusi latihan swasta bagi menambah bilangan tempat ditawarkan untuk murid dan memperluas spektrum kursus yang ditawarkan secara berkesan kos.

Usaha jangkauan rakan industri akan memberi fokus kepada industri pembekal terbaik bagi murid vokasional (Ekshibit 7-9). Masa pemrosesan bagi pemilihan rakan industri akan dikurangkan.

Memudahcara penerimaan dan pengesahan kemahiran oleh industri.

Majlis Kemahiran Industri yang diwujudkan akan menetapkan kompetensi dan kemahiran penting bagi pekerjaan vokasional utama menjelang akhir 2016. Selari dengan itu, Kementerian akan bekerjasama dengan Majlis untuk bersama-sama membangunkan pentaksiran standard bagi kelayakan pekerjaan yang diakreditasi oleh Majlis, misalnya, ujian standard bagi kelayakan pengurusan nurseri yang diakreditisikan oleh Majlis Kemahiran Pertanian. Kementerian berhasrat untuk menyiapkan pelaksanaan pentaksiran standard bagi pekerjaan vokasional yang utama pada akhir 2018.

Mentransformasi laluan pendidikan teknikal

Kementerian akan menambah baik laluan pendidikan teknikal supaya lebih menarik dan relevan dengan memperkemas penawaran mata pelajaran elektif teknikal kepada tiga bidang penting: (i) kejuruteraan dan sains gunaan; (ii) reka bentuk dan teknologi; dan (iii) perniagaan dan perkhidmatan. Selain kesinambungan kerjasama dengan ACCA, Kementerian akan turut membentuk kerjasama dengan badan profesional bagi meningkatkan pengiktirafan dan akreditasi untuk kelayakan pendidikan teknikal merentasi tiga bidang yang dinyatakan. Langkah ini menuntut keperluan menjadikan kurikulum elektif teknikal (termasuk infrastruktur sekolah), selari dengan keperluan badan profesional berkenaan.

EKSHIBIT 7-9

Sasaran industri yang berpotensi untuk menjalinkan kolaborasi dengan kolej vokasional

<p>Kawasan Koridor Utara Ekonomi (NCER) – Kedah, Perak, Perlis, Pulau Pinang</p> <p>Teknologi Maklumat</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Sistem Teknologi Komputer ▪ Pangkalan Data dan Pengaturcaraan ▪ Rangkaian Perkhidmatan Sokongan ▪ Teknologi Komunikasi <p>Pertanian</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengurusan Tapak Semaian ▪ Bioteknologi Pertanian ▪ Pemprosesan Produk Pertanian ▪ Akuakultur <p>Pelancongan</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelancongan Kesihatan ▪ Pelancongan Pertanian 	<p>Kawasan Koridor Timur Ekonomi (ECER) – Kelantan, Terengganu, Pahang</p> <p>Minyak, Gas dan Tenaga diperbaharui</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Teknologi Tenaga Solar ▪ Teknologi Kuasa dan Tenaga <p>Pertanian</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengurusan Tapak Semaian ▪ Bioteknologi Pertanian ▪ Pemprosesan Produk Pertanian (Halal) ▪ Pemprosesan Produk Ternakan (Halal) <p>Pengangkutan & Logistik</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Penyelenggaraan Pesawat ▪ Teknologi Avionik 	<p>Koridor Pembangunan Sabah (SDC)</p> <p>Minyak, Gas dan Tenaga diperbaharui</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Teknologi Tenaga Solar ▪ Teknologi Kuasa dan Tenaga <p>Jualan & Pemasaran</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemasaran ▪ Pengurusan Runcit <p>Pengeluaran</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Teknologi Elektrik & Peralatan <p>Pelancongan</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelancongan Kesihatan ▪ Pelancongan Pertanian
<p>Greater KL/Lembah Klang</p> <p>Pengangkutan & Logistik</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Logistik Global & Teknologi Rantaian Bekalan ▪ Teknologi Lokomotif <p>Sains Kesihatan</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Teknologi Makmal Perubatan ▪ Kesihatan Persekitaran <p>Kewangan</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Perbankan ▪ Insurans <p>Pelancongan</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelancongan Kesihatan ▪ Pelancongan Sukan (Golf) 	<p>Iskandar Malaysia - Johor</p> <p>Pengangkutan & Logistik</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Teknologi Perkhidmatan Marin ▪ Teknologi Logistik Global & Rantaian Bekalan <p>Teknologi Maklumat</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Sistem Teknologi Komputer ▪ Pangkalan Data dan Pengaturcaraan ▪ Rangkaian Perkhidmatan Sokongan ▪ Permainan/Simulasi/Animasi Audio/Kesan Video <p>Pertanian</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bioteknologi Pertanian ▪ Pemprosesan Produk Pertanian <p>Pelancongan</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelancongan Sukan (Golf) 	<p>Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE)</p> <p>Minyak, Gas dan Tenaga diperbaharui</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Teknologi Tenaga Solar ▪ Teknologi Kuasa dan Tenaga <p>Pengangkutan & Logistik</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Teknologi Logistik Global & Rantaian Bekalan ▪ Teknologi Perkhidmatan Marin <p>Pelancongan</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelancongan Kesihatan ▪ Pelancongan Pertanian <p>Pertanian & Perikanan</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengurusan Tapak Semaian ▪ Bioteknologi Pertanian ▪ Akuakultur ▪ Industri Avian

Memperluas laluan pendidikan agama

Dalam Gelombang 2, Kementerian akan meneroka peluang untuk meningkatkan penawaran tempat untuk murid di sekolah agama dengan menambah bilangan SMKA kepada 77 buah menjelang 2025 dan menggalakkan lebih banyak sekolah agama persendirian berdaftar sebagai SABK. Kementerian juga menyedari keperluan mengekalkan kualiti pendidikan di sekolah agama dengan memperluaskan pelaksanaan Kurikulum Dini dan Tahfiz ke SMKA. Kementerian juga akan mengkaji kemungkinan menyediakan sijil tahfiz kepada graduan aliran tahfiz di Tingkatan 5.

Bagi sekolah agama persendirian yang memilih untuk tidak menggunakan kurikulum kebangsaan atau mendapatkan status

SABK, Kementerian akan mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan memperkukuh dan memperluas peranan Lembaga Penasihat dan Penyelaras Pendidikan Agama Islam (LEPAI), yang bertanggungjawab kepada Majlis Raja-Raja. LEPAI akan bertindak sebagai badan penggerak bagi menyelaras antara Kementerian dan Kerajaan Negeri untuk penyediaan lebih banyak sumber kepada sekolah berkenaan. Kementerian akan mengkaji pewujudan skim akreditasi bagi sekolah agama persendirian dengan kerjasama LEPAI dan pihak berkuasa agama negeri supaya ibu bapa mendapat jaminan tentang kualiti pendidikan yang ditawarkan di sekolah berkenaan.

Menilai sekolah sukan dan sekolah seni

Dalam Gelombang 2, Kementerian akan menilai permintaan tempat

di sekolah sukan dan sekolah seni, dan menentukan keperluan untuk penambahannya. Perkembangan ini berkemungkinan melibatkan usaha peluasan sekolah sedia ada atau pembinaan sekolah baharu. Penilaian yang dijalankan oleh Kementerian juga akan meliputi kualiti infrastruktur, kemudahan, kurikulum, dan perkhidmatan lain (seperti jurulatih/pembimbing/pakar) untuk memastikan sekolah ini dilengkapi dengan kemudahan yang mencukupi bagi menghasilkan atlet terkemuka dan penggiat seni yang berjaya pada masa depan.

Menambah bantuan untuk murid pintar cerdas dan murid berkeperluan khas

Dalam Gelombang 2, Kementerian akan melancarkan dua program rintis untuk murid berprestasi tinggi dan murid pintar cerdas. Program rintis ini disediakan dengan berdasarkan model amalan terbaik program pendidikan pintar cerdas dalam sistem pendidikan berprestasi tinggi lain dan boleh dilaksanakan dengan kerjasama sektor swasta dan kumpulan pakar. Sokongan untuk murid berkeperluan khas dalam Gelombang 2 akan melibatkan peningkatan inisiatif yang dilancarkan dalam Gelombang 1, dan pergerakan ke arah pendidikan murid berkeperluan khas yang lebih inklusif. Sila rujuk Bab 4 untuk keterangan tentang inisiatif ini.

Meningkatkan standard dan pengiktirafan untuk program Matrikulasi

Dalam Gelombang 2, Kementerian akan meningkatkan standard program Matrikulasi bagi meningkatkan tahap pengiktirafannya pada peringkat antarabangsa. Objektifnya adalah untuk memastikan kelayakan Matrikulasi ini diiktiraf oleh institusi awam dan swasta, dalam dan luar negara. Standard akademik dan pentaksiran program matrikulasi akan ditanda aras oleh suatu badan akreditasi antarabangsa untuk mencapai tahap seperti *Advanced Subsidiary Levels (AS-Levels)* atau *Scottish Highers*.

Kementerian akan mengkaji semula kurikulum Matrikulasi bagi mempersiapkan murid untuk lebih bersedia ke universiti. Bidang yang ditekankan termasuk bahasa Inggeris dan kemahiran tertiar seperti analisis kritis, penulisan laporan dan prinsip penyelidikan. Modul tambahan yang berasaskan projek akan diperkenalkan.

Kementerian juga berhasrat untuk menjajarkan pengalaman Tingkatan 6 dengan program Matrikulasi. Kementerian sedang mengkaji untuk membenarkan pelajar Matrikulasi melibatkan diri secara lebih meluas dalam aktiviti pelajar termasuk mewujudkan majlis pelajar yang berhak memberi input tentang aspek kehidupan pelajar yang tertentu dan penambahan pilihan aktiviti sukan dan kokurikulum.

Mewujud standard kualiti dalam sektor swasta

Kementerian akan mewujudkan standard kualiti dan kaedah penaziran sepadan untuk prasekolah. Walaupun standard kualiti telah diwujudkan pada peringkat sekolah rendah dan menengah, Kementerian akan mengkaji pewujudan mekanisme penaziran yang serupa untuk prasekolah. Pada peringkat lepas menengah, Kementerian akan memastikan penyedia perkhidmatan pendidikan swasta berupaya menyediakan murid dengan kualiti pendidikan yang memenuhi standard minimum yang diperlukan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Gelombang 3 (2021 - 2025): Memastikan laluan pendidikan untuk semua

Dalam tempoh ini, Kementerian akan memberikan tumpuan kepada usaha menghalusi laluan pendidikan setiap murid. Usaha ini mungkin termasuk memperluaskan lagi laluan pendidikan (seperti sekolah sukan dan sekolah seni) dan boleh dipermudah cara melalui peranan yang lebih besar oleh sektor swasta. Sebagai contoh, Kementerian melihat peranan kolej vokasional swasta semakin meningkat hasil perkembangan yang berlaku dalam senario pendidikan vokasional. Kewujudan kolej swasta dijangka akan menurunkan kos akibat hasil ekonomi skala. Di samping itu, kolej swasta ini lebih luwes dan dapat memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah.

Menjelang 2025, kolej vokasional swasta dijangka menerajui pendidikan vokasional untuk industri kos rendah, seperti industri hospitaliti. Kementerian akan membantu peluasan pelibatan sektor swasta melalui pemberian geran dan pinjaman mudah. Kolej vokasional awam pula akan terus berperanan aktif, terutamanya untuk industri teknologi tinggi yang mungkin mempunyai syarat kemasukan yang tinggi untuk sektor swasta, seperti kejuruteraan aeroangkasa. Kementerian juga akan memainkan peranan dalam menetapkan dan menguatkuasakan standard dalam sektor ini. Selain itu, Kementerian juga akan mengkaji penyediaan platform dalam talian untuk mewujudkan ketelusan tentang peluang pekerjaan kepada bakal murid vokasional, menyediakan maklumat tentang pusat latihan vokasional dan memadankan murid vokasional dengan pekerjaan serantau.



SOKONGAN UNTUK SEKOLAH YANG BERKAITAN DENGAN ASPIRASI KESELURUHAN

Kementerian akan memastikan semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan diberikan sokongan selaras dengan aspirasi sistem Kementerian secara telus dan saksama. Langkah yang akan diambil termasuk:

- Menyedia dan melaksanakan set prinsip yang telus dan saksama bagi agihan kewangan dan bantuan lain yang diberikan kepada sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan; dan
- Menggalakkan pertukaran secara sukarela sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan.

Kementerian menyediakan sokongan secara saksama kepada sekolah awam berasaskan keperluan. Walau bagaimanapun, apabila Kementerian melaksanakan transformasi menerusi Pelan ini, sistem sokongan bagi sekolah akan ditumpukan kepada lima aspirasi sistem yang digariskan dalam Bab 2.

Pada masa ini, sebahagian besar sokongan yang disediakan untuk sekolah adalah sama merentas semua jenis sekolah. Walau bagaimanapun, beberapa kategori sokongan ditentukan oleh status sekolah sama ada sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan. Sekolah kerajaan ditubuhkan atas tanah awam dan diselenggara sepenuhnya oleh Kementerian. Sekolah bantuan kerajaan merujuk sekolah lain yang ditubuhkan di atas tanah persendirian dan menerima bantuan kewangan daripada Kementerian. Sekolah bantuan kerajaan termasuk beberapa sekolah jenis kebangsaan, sekolah mubaligh, sekolah *conforming* dan sekolah agama yang dibina atas tanah persendirian.

Terdapat tiga kategori utama bantuan kewangan kepada sekolah:

- **Bantuan geran atau sokongan bagi perbelanjaan mengurus.** Elemen terbesar adalah geran per kapita (PCG) yang diagih berasaskan formula yang sama merentas sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Formula ini mengambil kira faktor berasaskan keperluan seperti saiz sekolah, mata pelajaran yang diambil oleh murid, dan bilangan murid pendidikan khas. Bantuan geran yang berbeza antara jenis sekolah adalah hanya untuk utiliti. Kementerian membiayai sepenuhnya perbelanjaan utiliti bagi sekolah kerajaan dan menetapkan siling peruntukan bagi sekolah bantuan kerajaan. Berasaskan analisis peruntukan sekolah di Selangor, Kementerian membiayai purata RM33,820 perbelanjaan utiliti per sekolah kerajaan pada 2011 berbanding RM30,357 per sekolah bantuan kerajaan.
- **Geran pembangunan atau sokongan bagi perbelanjaan pembangunan.** Geran ini termasuk pembinaan sekolah atau bangunan baharu, ubah suai, dan baik pulih. Kementerian menyediakan 100% perbelanjaan pembangunan bagi sekolah kerajaan. Bagi sekolah bantuan kerajaan 80% atau lebih perbelanjaan pembangunan dibiayai kerajaan. Purata geran

penyelenggaraan, ubah suai, dan naik taraf untuk sekolah sedia ada di Selangor bagi 2011 sebanyak RM24,305 bagi setiap sekolah kerajaan berbanding RM23,827 bagi setiap sekolah bantuan kerajaan.

- **Bantuan kewangan lain.** Beberapa bentuk bantuan kewangan lain seperti Kumpulan Wang Amanah untuk Pelajar Miskin (KWAPM), juga disalurkan. Pada masa ini, peruntukan terbesar bagi kategori ini ialah Peruntukan Khas 2012 sebanyak RM100 juta diperuntukkan kepada setiap jenis sekolah: 822 SJKC, 224 SJKT, 468 sekolah mubaligh, dan 167 SABK. Sebanyak RM 500 juta diperuntukkan kepada hampir 1,800 sekolah kerajaan.

Selain bantuan kewangan, sekolah menerima sokongan lain daripada Kementerian. Sokongan terbesar yang diterima oleh sekolah adalah dari segi tenaga manusia. Kementerian menyediakan guru kepada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan berdasarkan satu set kriteria. Gaji guru dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian, yang berjumlah 68.7% perbelanjaan Kementerian pada 2011. Sokongan lain kepada sekolah termasuk penyediaan buku, latihan guru dan bimbingan pemimpin sekolah.

Pelan Tindakan: Menyediakan sokongan yang saksama dan telus kepada semua sekolah

Untuk mencapai keseluruhan aspirasi yang digariskan dalam Pelan ini, Kementerian akan terus meningkatkan sistem penyediaan sokongan sedia ada kepada sekolah. Pertama, Kementerian akan menstruktur semula sistem sokongan dengan dipacu aspirasi yang digariskan dalam Bab 2. Kedua, Kementerian akan memastikan sistem sokongan yang dirombak semula adalah lebih telus kepada kepimpinan sekolah dan rakyat. Akhirnya, Kementerian

“Kerajaan akan menyokong semua sekolah di bawah sistem pendidikan kebangsaan – sama ada sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, sekolah mubaligh atau sekolah pendidikan agama Islam”

YAB Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin



Prinsip sokongan yang saksama akan diselaraskan dengan aspirasi sistem

	Objektif	Cadangan prinsip sokongan yang saksama
 Kualiti	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan keseluruhan kualiti guru di semua sekolah Menggalakkan sekolah melakukan inovasi dan penambahbaikan dengan pantas 	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan peruntukan tambahan untuk peningkatan kemahiran guru di semua sekolah Menyediakan lebih ganjaran dan insentif untuk sekolah yang meningkat dengan pantas. Contoh: peruntukan untuk SBT
 Akses	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan enrolmen dan mengurangkan kadar keciciran di sekolah pedalaman 	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan sokongan tambahan melalui Program Transformasi Daerah untuk sekolah di pedalaman yang mengalami kadar keciciran tinggi dan kehadiran rendah.
 Perpaduan	<ul style="list-style-type: none"> Menerima kepelbagaian dan keterangkuman Memastikan layanan saksama kepada semua sekolah 	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan sistem pembiayaan adalah saksama untuk semua sekolah, dan peruntukan diberi berasaskan peringkat (contoh: rendah, menengah), bilangan dan jenis kumpulan murid, serta mata pelajaran.
 Kecekapan	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan ketelusan dalam pemberian dan agihan pembiayaan 	<ul style="list-style-type: none"> Memaklumkan kepada pihak awam peruntukan, agihan, dan perbelanjaan setiap sekolah
 Ekuiti	<ul style="list-style-type: none"> Merapatkan jurang: <ul style="list-style-type: none"> Sekolah berprestasi rendah Murid berkeperluan khas Antara bandar dengan luar bandar Negeri berprestasi rendah Status sosioekonomi 	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan sokongan bimbingan tambahan kepada sekolah berprestasi rendah. Contoh: <i>SISC+</i>, <i>SIPartner+</i> Memperuntukkan lebih dana untuk guru dan infrastruktur kepada sekolah yang mempunyai murid berkeperluan khas Menyediakan insentif kepada guru dan pemimpin sekolah di sekolah luar bandar Menyediakan lebih pembiayaan dan sokongan kepada negeri dengan pencapaian rendah;. Contoh: menempatkan lebih pembimbing dan menyalurkan dana bagi infrastruktur Meningkatkan bantuan kewangan. Contoh: menambah baik KWAPM yang dikaitkan dengan keberhasilan (contoh: kehadiran murid)

akan menggalakkan sekolah bantuan kerajaan bertukar secara suka rela kepada sekolah kerajaan dengan mengekalkan identiti dan warisannya.

Gelombang 1 (2013 - 2015): Membangunkan sistem sokongan yang dipacu aspirasi

Dalam Gelombang 1, Kementerian akan menumpukan kepada usaha membangunkan satu set prinsip yang saksama bagi penyediaan sokongan kewangan dan lain-lain kepada sekolah. Seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 7-10, prinsip ini akan dipacu dan disokong oleh lima aspirasi sistem yang dikenal pasti dalam Bab 2 Pelan ini. Prinsip ini akan disesuaikan kepada setiap kategori sokongan yang biasanya disesuaikan untuk sekolah. Prinsip sokongan ini akan disiapkan dan diumumkan pada akhir 2015.

Kementerian juga akan menggalakkan lebih banyak sekolah bantuan kerajaan menukarkan status sekolah secara suka rela menjadi sekolah kerajaan. Menjelang 2015, Kementerian akan membangunkan pelan tindakan komprehensif bagi perubahan suka rela sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan. Contohnya, Kementerian akan mengkaji galakan kepada empunya tanah yang diduduki sekolah bantuan kerajaan untuk membenarkan pajakan jangka panjang kepada Kementerian atau mengadakan kontrak eksplisit dengan Kementerian yang membenarkan Kementerian memegang tanah atas amanah bagi empunya tanah tanpa pindah milik tanah. Perubahan suka rela sekolah bantuan kerajaan ini akan dilaksanakan secara berperingkat bagi membolehkan Kementerian melaksanakan pendekatan lebih sesuai bagi perubahan setiap sekolah dan mengelakkan beban berlebihan ke atas sumber Kementerian.

Kementerian mengiktiraf bahawa banyak sekolah bantuan kerajaan, seperti SJK, sekolah mubaligh, dan sekolah agama merupakan bahagian penting dalam warisan identiti dan budaya pelbagai kumpulan yang membentuk Malaysia. Oleh itu, dalam usaha menggalakkan perubahan status sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan, Kementerian akan memberi perhatian khusus untuk mengekalkan struktur tadbir urus, identiti, dan warisan sekolah jenis ini. Kementerian akan melibatkan pihak berkepentingan secara aktif dalam membangunkan pelan tindakan ini. Tiada paksaan akan digunakan. Pada masa ini, banyak sekolah bantuan kerajaan juga digunakan untuk tujuan kebudayaan dan komuniti, selain tujuan akademik. Mengiktiraf hal ini, Kementerian akan terus membenarkan sekolah ini digunakan untuk tujuan tersebut, selagi penggunaan itu tidak menjejaskan pembelajaran murid atau membebankan kewangan sekolah.

Gelombang 2 dan 3 (2016 - 2025): Menerapkan pendekatan yang memacu aspirasi sistem untuk menyokong sekolah

Dalam dua gelombang seterusnya, Kementerian akan membangunkan satu sistem sokongan untuk semua sekolah awam. Pertama, Kementerian akan menterjemah prinsip sokongan yang saksama dengan menyediakan satu garis panduan bagi memperuntuk dan mengagihkan pelbagai bentuk sokongan kepada sekolah. Contohnya, Kementerian akan membangunkan formula peruntukan yang objektif dan telus serta menggunakan garis panduan bagi semua sokongan kewangan yang biasa diberikan kepada sekolah. Kementerian berhasrat untuk menyiapkan garis panduan sokongan ini pada akhir 2017.

Selari dengan itu, fungsi audit sedia ada Kementerian akan memastikan prinsip sokongan saksama ini diamalkan merentas semua sekolah yang disokong Kementerian. Akhirnya, Kementerian akan melaksanakan pelan tindakan bagi pelaksanaan perubahan status secara sukarela sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan.

MEMPERTEGUH PERPADUAN DI SEKOLAH

Kementerian akan memastikan sistem pendidikan menyediakan peluang kepada semua murid untuk berinteraksi dengan individu daripada latar belakang sosioekonomi, agama dan etnik, serta lokasi geografi dan belajar memahami, menerima, dan menghargai kepelbagaian. Melalui interaksi ini, pengalaman dan aspirasi yang dikongsi untuk masa depan Malaysia dapat dibentuk. Seterusnya, nilai serta pengalaman yang dikongsi bersama ini akan menjadi asas yang memupuk satu identiti dan perpaduan negara. Kementerian akan memberikan tumpuan kepada usaha melaksanakan langkah intervensi bagi menyediakan peluang untuk murid berinteraksi di semua jenis sekolah. Langkah ini bertujuan menggalakkan integrasi yang lebih kukuh dengan objektif utamanya menjadikan Sekolah Kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama dan membolehkan interaksi antara murid berlaku secara semula jadi.

Langkah yang akan diambil termasuk:

- Meningkatkan kemahiran bahasa Malaysia di Sekolah Jenis Kebangsaan bagi memudahkan peralihan ke SMK;
- Meningkatkan program RIMUP bagi menggalakkan persahabatan antara kumpulan etnik melalui aktiviti sukan dan kokurikulum;
- Memperkenalkan komponen khidmat komuniti yang wajib di semua sekolah; dan
- Mengkaji semula elemen dalam kurikulum Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Moral bagi menerapkan pemahaman tentang nilai-nilai perpaduan dan hubungan baik sesama insan.



Seperti yang dinyatakan dalam Bab 3 (3-21), dengan adanya pelbagai pilihan sekolah awam dan swasta pada peringkat rendah dan menengah, sistem pendidikan Malaysia menyediakan pilihan yang paling luas untuk ibu bapa dan murid yang terdiri daripada pelbagai kaum. Kepelbagaian ini adalah warisan sejarah negara dan perbezaan besar yang wujud antara kaum. Kementerian beriltizam menyediakan pendidikan berkualiti untuk semua murid di semua jenis sekolah.

Kini, daripada 2.9 juta murid yang berdaftar di sekolah rendah, 98% berada dalam sistem pendidikan kebangsaan. Daripada peratusan tersebut, 74% berdaftar di SK yang menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, 21% berdaftar di SJKC yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar, 3% di SJKT yang menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar, dan kurang 1% berdaftar di SABK dan sekolah pendidikan khas. Manakala baki 2% berdaftar di sekolah swasta termasuk sekolah swasta yang menggunakan kurikulum kebangsaan, sekolah antarabangsa yang menggunakan kurikulum luar negara, sekolah agama dan sekolah pendidikan khas.

Seramai 2.3 juta murid berdaftar pada peringkat menengah rendah dan menengah atas di semua sekolah kerajaan dan swasta. Daripada jumlah ini, hampir 96% murid belajar di sekolah kebangsaan, dan 93% daripadanya berdaftar di SMK. Walau bagaimanapun, dalam kategori SMK secara keseluruhannya terdapat beberapa program persekolahan yang boleh dipilih oleh murid. Khususnya, murid boleh memilih SMK harian (88% daripada jumlah keseluruhan sekolah menengah), SBP (2%), sekolah teknik atau vokasional (2%), dan SMKA (1%). Terdapat juga beberapa pilihan lain yang disediakan, termasuk SABK peringkat menengah dan sekolah pendidikan khas (keseluruhan 3% daripada jumlah enrolmen sekolah menengah).

Sekolah Persendirian Cina mempunyai enrolmen sekolah menengah swasta, iaitu sebanyak 3% daripada jumlah keseluruhan enrolmen murid sekolah menengah. Bagi pilihan sekolah swasta yang lain, seperti sekolah antarabangsa, sekolah agama, sekolah swasta yang menggunakan kurikulum kebangsaan dan sekolah pendidikan khas keseluruhan enrolmennya berjumlah hampir 1% daripada jumlah enrolmen sekolah menengah.

Struktur sistem semasa dikekalkan

Kepelbagaian budaya dan bangsa yang menjadi ciri rakyat Malaysia adalah asas kepada identiti Malaysia dan sumber kelebihan daya saing dalam dunia global masa kini. Mengiktiraf ciri dan kelebihan ini, struktur sistem pendidikan sedia ada akan dikekalkan, khususnya SJK yang menggunakan bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Status dan identiti asas sekolah ini akan dikekalkan.

Memandangkan sekolah jenis ini adalah sebahagian daripada sistem pendidikan negara, maka ia akan terus menikmati sokongan dan bantuan Kementerian.

Kajian UNESCO (2010) dan lain-lain menunjukkan bahawa murid belajar dengan lebih berkesan apabila diajar dalam bahasa ibunda sebagai persediaan untuk pendidikan dwibahasa atau pelbagai

bahasa. Oleh itu, ibu bapa terus mempunyai pilihan sama ada untuk menghantar anak mereka ke SK atau SJK. Selepas tamat sekolah rendah, semua murid daripada pelbagai jenis sekolah awam termasuk daripada sekolah *Cina conforming* dan sekolah mubaligh akan bertumpu ke SMK. Keputusan ini selari dengan pandangan majoriti yang disuarakan semasa Dialog Nasional dan maklum balas yang diperoleh selepas pelancaran laporan awal Pelan ini.

Keseragaman etnik dalam sistem pendidikan

Seperti yang dibincangkan dalam Bab 3, walaupun keseluruhan sistem pendidikan di Malaysia mencerminkan kepelbagaian, terdapat kecenderungan terhadap persekitaran etnik yang seragam. Sebagai contoh, pada peringkat sekolah rendah, 94% enrolmen di SK ialah murid Bumiputera, 88% di SJKC murid Cina, dan hampir 100% di SJKT murid India. Walaupun terdapat pengecualian yang ketara (contohnya, SK di bandar mungkin mempunyai lebih ramai murid daripada pelbagai kaum), keadaan ini menunjukkan corak yang berulang di hampir semua pilihan persekolahan (Ekshibit 3-29). Namun begitu, keadaan ini bertambah baik pada peringkat menengah

apabila murid daripada sekolah rendah yang berbeza digabungkan di SMK.

Kementerian menyedari bahawa persekitaran sekolah yang homogen memberikan lebih cabaran kepada murid untuk mengenali dan berkongsi pengalaman dengan kumpulan etnik dan budaya yang berbeza. Oleh itu, Kementerian telah mengambil langkah untuk menambah baik persekitaran sekolah seperti melaksanakan kurikulum yang digubal khusus, bagi membolehkan murid menghargai kepelbagaian budaya dan kumpulan etnik. Kementerian juga berhasrat meningkatkan usaha untuk mengukuhkan perpaduan di luar persekitaran sekolah dengan mengadakan aktiviti yang menggalakkan interaksi antara murid daripada pelbagai kumpulan etnik dan budaya, seperti dalam aktiviti sukan dan kokurikulum antara sekolah.

Elemen sivik dalam pendidikan

Pendidikan sivik mula diperkenalkan pada 1953 sebagai mata pelajaran khusus di sekolah. Objektifnya adalah untuk menerapkan ke dalam kurikulum ilmu pengetahuan yang relevan, serta nilai seponya dan unik dalam identiti nasional rakyat Malaysia. Melalui mata pelajaran ini diharap murid mula memahami dan menghargai sejarah Malaysia, penduduknya, budayanya, dan nilai-nilai murninya, supaya murid dapat memahami dan menghargai persamaan dan perbezaan yang menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik. Pendidikan sivik juga merupakan wahana bagi memupuk nilai dan kepercayaan teras yang digariskan dalam Rukun Negara, iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, dan Kesopanan dan Kesusilaan. Dalam kurikulum sekarang, pendidikan sivik tidak diajar sebagai mata pelajaran khusus tetapi melalui beberapa mata pelajaran lain seperti Pendidikan Agama Islam, Pendidikan Moral, Sejarah dan Kajian Tempatan.

Penyelidikan tentang keberkesanan pendidikan sivik di Malaysia seperti kajian Tor (2009) yang bertajuk “Measuring youth civic development in Malaysia: Conceptualisation, instrument development using the Rasch Measurement Model, and substantive outcomes”, menunjukkan sistem pendidikan Malaysia menyampaikan pengetahuan sivik dengan berkesan (contohnya, kebanyakan murid memahami dan bersetuju dengan prinsip kebangsaan seperti Rukun Negara). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan murid bersetuju dengan nilai dan sikap terpuji yang termaktub dalam Rukun Negara. Walau bagaimanapun, sistem pendidikan negara boleh meningkatkan keupayaan untuk menggalakkan murid melaksanakan kepercayaan ini dan menggunakannya dalam kehidupan harian. Sebagai contoh, walaupun kebanyakan lepasan sekolah melaporkan bahawa penyertaan dalam khidmat komuniti merupakan aktiviti yang baik untuk individu, namun, sangat sedikit yang melakukannya secara sukarela.

Sekolah Wawasan

Sekolah Wawasan mula diperkenalkan pada 2003 bagi menggalakkan lebih banyak interaksi dan integrasi antara murid dari pelbagai jenis sekolah. Di bawah konsep ini, tiga jenis sekolah, biasanya satu SK, satu SJKC dan satu SJKT berkongsi pekarangan dan kemudahan sekolah yang sama tetapi mengekalkan pentadbiran sekolah yang berasingan. Sekolah Wawasan diwujudkan di tempat yang mempunyai kawasan bagi pembinaan pekarangan yang boleh dikongsi dan jarak yang dekat antara SK dengan SJK. Walau bagaimanapun, keadaan ini menghadkan

“Pemimpin pengasas kita telah memutuskan bahawa integrasi adalah cara terbaik untuk melangkah ke hadapan. Mereka tidak memutuskan asimilasi.”

YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak (2012)

kebolehlaksanaan konsep tersebut dalam keseluruhan sistem pendidikan kebangsaan dan oleh itu, hingga kini hanya terdapat lima kompleks Sekolah Wawasan masih beroperasi.

RIMUP: Integrasi melalui aktiviti sukan dan kokurikulum

Kementerian juga menggalakkan integrasi melalui perkongsian aktiviti sukan dan kokurikulum antara sekolah, di bawah program RIMUP. Seperti yang dinyatakan dalam Bab 4, program RIMUP memberikan tumpuan kepada usaha menggalakkan interaksi antara murid pelbagai kumpulan melalui aktiviti sukan dan kokurikulum. Sekolah yang berlainan, seperti SK dan SJK, dipadankan dan murid daripada sekolah ini digalakkan supaya bersama-sama mengambil bahagian dalam aktiviti sukan dan kokurikulum terpilih. Program ini selaras dengan dapatan kajian antarabangsa yang menunjukkan bahawa aktiviti kumpulan berorientasikan tugas, seperti sukan dan khidmat komuniti adalah suatu cara yang paling berkesan untuk menggalakkan persahabatan antara kumpulan dalam kalangan murid. Walau bagaimanapun, sejak beberapa tahun lalu, bajet untuk program RIMUP telah berkurang. Keadaan ini menghalang potensi keberkesanan RIMUP untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid (Ekshibit 7-11).

EKSHIBIT 7-11

Ciri inisiatif RIMUP

Sekolah dikelompokkan untuk menjalankan aktiviti bersama ¹		Aktiviti dikelompokkan di bawah lima kategori	Peruntukan bajet untuk RIMUP
Ke-lompok	Sekolah		RM juta
A	SK, SJKC, SJKT	1 Aktiviti untuk kecemerlangan akademik	25.4
B	SK, SJKC	2 Sukan dan permainan	
C	SK, SJKT	3 Aktiviti kokurikulum	
D	SJKC, SJKT	4 Khidmat masyarakat	
E	SMK, SMKA, SMJK	5 Aktiviti bagi mengukuhkan semangat patriotik	2.4

¹ Diputuskan pada peringkat negeri
 SUMBER: Bahagian Kokurikulum dan Kesenian

Pelan Tindakan: Meningkatkan interaksi dan mengukuhkan integrasi di semua jenis sekolah

Mencari penyelesaian untuk isu berkaitan keseragaman penting demi memupuk perpaduan. Amat penting bagi murid mempelajari nilai, sikap, dan tingkah laku yang betul ketika masih muda dan masih dalam proses membentuk tingkah laku dan pandangan hidup mereka. Intervensi pada peringkat yang lebih lewat didapati kurang berkesan.

Objektif utama adalah untuk menjadikan SK sebagai sekolah pilihan utama ibu bapa supaya interaksi antara murid daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama, dan etnik berlaku secara semula jadi di sekolah.

Inisiatif ini akan dilaksanakan di semua jenis sekolah, termasuk sekolah yang mempunyai komposisi satu etnik sahaja. Apabila melaksanakan inisiatif ini, Kerajaan akan menghormati misi dan kepercayaan setiap jenis sekolah. Inisiatif ini juga akan menyokong pendidikan holistik murid.

“Malaysia memupuk cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih sempurna dalam kalangan seluruh masyarakatnya.”

Prakata Rukun Negara (1970)

Gelombang 1 (2013-2015): Menyediakan asas perpaduan

Gelombang 1 akan memberikan tumpuan kepada usaha mewujudkan pemahaman yang lebih baik tentang tahap perpaduan pada masa ini. Langkah ini akan membantu Kementerian mengenal pasti elemen dalam sistem yang memerlukan bantuan, supaya intervensi yang bersesuaian dapat dilaksanakan. Tumpuan juga akan diberikan bagi menangani masalah berkaitan integrasi SJKC dan SJKT yang memerlukan perhatian segera dengan tujuan membantu peralihan yang lancar daripada penggunaan bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah kepada penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah menengah.

Mengukur perpaduan nasional dalam sistem pendidikan

Pada 2014, Kementerian akan melaksanakan kajian jangka panjang tahunan tentang perpaduan dalam kalangan sampel murid yang mewakili Tahun 6 dan Tingkatan 5 di seluruh negara. Kajian ini akan terdiri daripada dua elemen, iaitu menguji pengetahuan sivik (seperti pengetahuan am tentang sivik di Malaysia) dan menguji sikap dan tingkah laku berasaskan Indeks Hubungan Masyarakat yang dibangunkan oleh JPNIN.

Kaji selidik ini mempunyai beberapa tujuan. Ia akan menyediakan asas bagi memahami tahap perpaduan pada masa ini dalam kalangan murid semasa peralihan mereka dari peringkat persekolahan yang berturutan hingga ke dunia pekerjaan. Kaji selidik ini dapat membantu Kementerian mengenal pasti elemen khusus dalam sistem pendidikan yang memerlukan intervensi, analisis masalah khusus seperti kurang pendedahan kepada kepelbagaian, dan merancang tindakan yang bersesuaian. Dalam jangka masa panjang, kaji selidik ini juga akan mengesan perubahan perpaduan nasional dalam kalangan murid, seterusnya menyediakan asas bagi mengukur kemajuannya berbanding aspirasi negara.

Memudahkan peralihan daripada sekolah jenis kebangsaan kepada sekolah menengah kebangsaan

Kementerian memahami cabaran yang dihadapi oleh murid apabila bertukar kepada bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di SMK setelah menggunakan bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar di peringkat rendah. Setiap murid dari SJKC dan SJKT perlu menguasai bahasa Malaysia untuk berjaya di SMK. Oleh itu, kemahiran bahasa Malaysia dalam kalangan murid SJKC dan SJKT perlu ditingkatkan.

Seperti yang dinyatakan dalam Bab 4, standard bagi kurikulum dan pentaksiran untuk mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJK akan ditingkatkan supaya setanding dengan standard di SK. Pada masa ini, standard bagi peperiksaan kertas Bahasa Malaysia di SK adalah lebih

tinggi. Penggunaan standard yang sama memastikan semua murid yang lulus peperiksaan UPSR berkebolehan untuk berjaya dalam persekitaran yang menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Kementerian juga akan meningkatkan kualiti pengajaran untuk kelas Bahasa Malaysia di SJK. Jika perlu, kemahiran guru Bahasa Malaysia yang ditambah akan ditingkatkan bagi mengelakkan kekurangan guru.

Kementerian akan memperkenalkan inisiatif peringkat sekolah yang lebih berkesan bagi membantu murid mencapai standard yang ditetapkan. Murid yang mengikuti program ini tidak perlu memasuki kelas Peralihan. Murid Tahun 1 hingga 3 yang lemah pencapaiannya akan meningkatkan kompetensi kemahiran asas literasi melalui program LINUS. Setelah menamatkan program LINUS, murid Tahun 4 hingga 6 yang masih lemah dalam penguasaan Bahasa Malaysia dapat dikenal pasti. Mereka akan mengikuti kelas pemulihan selepas waktu sekolah untuk meningkatkan kemahiran bahasa Malaysia. Murid yang lebih mahir tidak perlu mengikuti kelas tersebut. Inisiatif ini akan dilaksanakan menjelang 2014 untuk murid Tahun 4.

Gelombang 2 (2016-2020): Meningkatkan intervensi bagi memupuk perpaduan

Gelombang 2 akan menambah baik beberapa program sedia ada yang dirancang bagi memupuk perpaduan. Usaha penambahbaikan ini termasuklah meningkatkan program RIMUP sedia ada dan beberapa inovasi kurikulum dan pedagogi. Program ini berdasarkan amalan terbaik yang diperolehi daripada kajian nasional dan antarabangsa berkaitan pemupukan kepaduan sosial dan tingkah laku sivik dalam kalangan murid.

Meningkatkan program RIMUP

Kementerian akan memperluas program RIMUP supaya setiap sekolah dapat mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya dua aktiviti antara sekolah setiap tahun. Sekolah akan dibahagikan mengikut kumpulan bagi membolehkan interaksi antara jenis sekolah yang berbeza, sekolah kerajaan dan sekolah swasta.

Kementerian juga akan mengkaji semula aktiviti yang sedang dijalankan di bawah program RIMUP. Pada masa ini, program yang dilaksanakan merangkumi pelbagai aktiviti, termasuk peningkatan akademik, sukan dan permainan, khidmat komuniti dan aktiviti kokurikulum. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa tidak semestinya semua aktiviti yang dijalankan berkesan bagi memupuk perpaduan. Oleh itu, Kementerian akan mengecilkan skop bagi aktiviti di bawah RIMUP untuk memberikan tumpuan kepada aktiviti seperti sukan, seni dan khidmat komuniti, yang benar-benar terbukti berkesan dalam memupuk persahabatan antara kumpulan murid dan mengukuhkan hubungan dengan komuniti.

Mengukuhkan Pendidikan Agama Islam, Pendidikan Moral dan elemen sivik

Selari dengan amalan sistem pendidikan berprestasi tinggi seperti Kanada dan Singapura, Kementerian akan memperkenalkan komponen khidmat komuniti dalam kurikulum semua sekolah

rendah (Tahun 4 hingga 6) dan menengah dalam Gelombang 2. Seterusnya, penyempurnaan komponen khidmat komuniti akan menjadi prasyarat untuk lulus pada peringkat menengah. Pilihan yang dipertimbangkan pada masa ini ialah aktiviti mingguan selama empat bulan setiap tahun yang menggabungkan murid daripada semua kumpulan etnik. Pelaksanaan aktiviti berkumpulan yang berorientasikan matlamat dan disertai oleh murid pelbagai kaum akan mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan murid. Melalui khidmat komuniti, murid juga boleh mengukuhkan hubungan dengan komuniti setempat tempatan. Ibu bapa dan masyarakat umum akan lebih terlibat secara langsung dengan tugas kerja rumah, pembelajaran di dalam bilik darjah, dan projek khidmat komuniti. Pelibatan komuniti akan mengukuhkan lagi pembelajaran di dalam bilik darjah.

Pedagogi untuk Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Moral juga akan disemak semula bagi melibatkan lebih banyak aktiviti main peranan, simulasi, perbincangan di dalam bilik darjah, dan tugas dalam kumpulan kecil. Kaedah pembelajaran secara penyertaan adalah lebih berkesan dalam memupuk nilai murni dan memperkukuh tingkah laku berbanding cara kuliah dan membuat latihan dalam buku kerja. Kurikulum Pendidikan Agama Islam bagi murid Islam dan kurikulum Pendidikan Moral bagi murid bukan Islam akan disemak untuk memberi lebih tumpuan kepada pemahaman tentang nilai-nilai perpaduan dan hubungan baik sesama insan.

Mengukuhkan penyediaan pendidikan bahasa tambahan

Seperti yang dibincangkan dalam Bab 4 tentang pembelajaran murid, Kementerian juga akan meningkatkan akses murid kepada pembelajaran bahasa tambahan tertakluk kepada ketersediaan sumber. Menjelang 2020, pilihan bahasa tambahan yang paling digemari seperti bahasa Cina, Tamil dan Arab akan ditawarkan di lebih banyak sekolah. Selain itu, pengajaran bahasa tambahan akan disepadukan dalam waktu pengajaran pada peringkat sekolah rendah dan menengah. Sekolah yang lebih besar akan menawarkan lebih banyak bahasa tambahan manakala sekolah yang lebih kecil meneroka usaha memanfaatkan penggunaan teknologi bagi meningkatkan bilangan pilihan bahasa tambahan yang ditawarkan.

Gelombang 3 (2021-2025): Mengkaji semula pilihan sekolah dan struktur sistem

Gelombang 3 akan menyaksikan bagaimana SK dan SMK akan muncul sebagai sekolah pilihan utama semua ibu bapa tanpa mengira kaum atau latar belakang sosioekonomi. Kementerian akan terus memantau tahap interaksi dan integrasi antara kumpulan murid yang berbeza. Bergantung pada kualiti hasil, Kementerian mungkin membuat pertimbangan untuk mengkaji semula pelbagai pilihan persekolahan bagi menentukan sama ada perubahan seterusnya diperlukan untuk meningkatkan perpaduan.

SISTEM PEMBELAJARAN: IBU BAPA, KOMUNITI DAN SEKTOR SWASTA

Kementerian Pendidikan akan memastikan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta terlibat sebagai rakan dalam pendidikan. Tumpuan adalah untuk memanfaatkan kelebihan saing pelbagai pihak bagi menyampaikan pendidikan berkualiti secara bersepadu, berkesan dan cekap.

Langkah yang akan diambil termasuk:

- Meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan komuniti tentang peranan mereka dalam pendidikan anak-anak;
- Menyediakan bimbingan kepada sekolah bagi memacu proses pelibatan ibu bapa dan komuniti;
- Mengaitkan bantuan kewangan untuk murid miskin dengan peningkatan pelibatan ibu bapa;
- Mengupayakan PIBG untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam menyokong pelibatan ibu bapa dan komuniti; dan
- Meningkatkan jaringan Sekolah Amanah dan bidang lain untuk pelibatan sektor swasta.

Seperti yang dibincangkan dalam Bab 3, hanya 27% daripada waktu kanak-kanak antara usia 7–17 dihabiskan di sekolah. Oleh sebab sebahagian besar waktu mereka dihabiskan di rumah dan dalam kalangan anggota komuniti yang lebih besar, kanak-kanak juga belajar di luar lingkungan sekolah. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa guru dan sekolah memainkan peranan penting dalam perkembangan murid, terdapat banyak fakta yang menunjukkan bahawa pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan kanak-kanak boleh menghasilkan perbezaan yang ketara dalam keberhasilan pembelajaran. Bagi memastikan keseluruhan persekitaran murid sesuai untuk pembelajaran, Kementerian akan memberi tumpuan kepada pembangunan sistem pembelajaran yang lebih luas dan tidak hanya tertumpu di sekolah (Ekshibit 7-12).

Tahap semasa pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan

Dapatan kajian antarabangsa PISA 2009+ menunjukkan bahawa selain daripada minat ibu bapa dalam pendidikan anak mereka yang merupakan langkah awal yang penting, faktor utama yang mendorong kepada pencapaian murid adalah cara ibu bapa menghabiskan masa bersama anak-anak di rumah. Berdasarkan data kajian, OECD merumuskan bahawa: “Sebenarnya, ibu bapa tidak memerlukan ijazah kedoktoran atau masa yang berterusan untuk membuat perubahan. Prestasi bacaan yang lebih baik dalam kalangan murid mempunyai perkaitan dengan aktiviti ibu bapa bersama-sama anak-anak mereka. Aktiviti begini tidak memerlukan banyak masa atau pengetahuan yang khusus. Apa yang dituntut ialah minat sejati dan pelibatan aktif.”

EKSHIBIT 7-12

Apakah “sistem pembelajaran”?



Sistem pembelajaran mengiktiraf bahawa pembelajaran berlaku di luar lingkungan sekolah dan boleh berlaku di rumah dan dalam komuniti. Sekolah mesti menyediakan persekitaran yang kondusif untuk jalinan hubungan kerja positif antara sekolah dengan ibu bapa dan komuniti.

Kerjasama sekolah dengan ibu bapa:

- Mempunyai tanggung jawab yang dikongsi bersama antara ibu bapa dan guru bagi memastikan pembelajaran berkualiti untuk murid
- Meningkatkan kesedaran ibu bapa dalam membantu pembelajaran murid
- Memperluas peranan ibu bapa sebagai rakan sekolah dalam meningkatkan keberhasilan anak-anak mereka

Kerjasama sekolah dengan komuniti:

- Mendapat kerjasama secara sukarela daripada pertubuhan dalam komuniti untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan dan memberi manfaat kepada sekolah setempat
- Menggalakkan pelibatan murid dalam pertubuhan dan aktiviti komuniti serta mendapat pengajaran penting melalui proses tersebut

“Banyak aktiviti ibu bapa bersama-sama anak berkaitan dengan prestasi bacaan yang baik dalam kalangan anak-anak tidak memerlukan banyak masa atau pengetahuan khusus.”

PISA OECD (2011)

bapanya melaporkan bahawa mereka “tidak pernah atau hampir tidak pernah” atau hanya “sekali atau dua kali sebulan” membaca buku bersama-sama anak mereka (Ekshibit 7-13). Apa yang penting,


Laporan OECD menunjukkan, sebagai contoh, murid yang ibu bapanya melaporkan bahawa mereka membaca buku bersama-sama anak mereka “setiap hari atau hampir setiap hari” atau “sekali atau dua kali seminggu” ketika tahun pertama di sekolah rendah mendapat skor yang lebih tinggi dalam PISA 2009+ berbanding murid yang ibu

dapatan ini adalah benar sama ada bagi keluarga berpendapatan rendah, sederhana atau tinggi.

Satu tahap yang tinggi telah wujud mengenai garis asas pelibatan ibu bapa di Malaysia. Satu kajian yang dijalankan oleh Pejabat Menteri Pelajaran pada Disember 2011 terhadap 1,800 rakyat Malaysia di seluruh negara mendapati 60% ibu bapa melaporkan bahawa mereka menghabiskan sejumlah waktu setiap hari membantu anak mereka membuat kerja rumah. Daripada kajian ini juga, didapati 50% menyatakan bahawa mereka menghabiskan sejumlah waktu untuk berbincang dengan anak mereka tentang sekolah. Semua ini merupakan faktor yang dikaitkan dengan prestasi membaca yang baik dalam kalangan murid di sekolah. Perkara utama adalah memastikan amalan ini berlaku dalam setiap isi rumah, dan menjadikan keluarga

EKSHIBIT 7-13

Sokongan ibu bapa pada peringkat awal sekolah rendah



SUMBER: OECD, Pangkalan Data PISA 2009+

rakan penting kepada sekolah dalam meningkatkan keberhasilan pembelajaran murid.

Kajian juga mendapati sekolah dan sistem sekolah yang memperluaskan tumpuan daripada ibu bapa sehingga kepada komuniti setempat, menunjukkan lonjakan besar dalam keberhasilan murid. Pelibatan komuniti - perniagaan, entiti tak mencari keuntungan, dan pertubuhan masyarakat - boleh membawa masuk sumber (dalam bentuk pembiayaan dan akses kepada keupayaan) menjangkau kemampuan yang boleh diberikan oleh sektor awam. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh *Centre for Social Organisation of Schools* di Amerika Syarikat mendapati sekolah yang melibatkan kumpulan komuniti, termasuk badan perniagaan, pertubuhan sivik, kolej serta universiti, menikmati manfaat termasuk penurunan kadar ponteng sekolah, kadar menyiapkan kerja sekolah yang lebih tinggi, dan pencapaian gred yang lebih baik dalam kalangan murid.

Pelibatan komuniti, khususnya kutipan derma oleh PIBG, bukanlah amalan baharu bagi sekolah di Malaysia. Walau bagaimanapun, Kementerian memberi penekanan tentang keperluan sekolah untuk menjalin kerjasama dengan tumpuan kepada perkongsian kepakaran. Dalam sesetengah kes, terdapat beberapa buah sekolah dan komuniti yang telah membangunkan pendekatan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan pendidikan kepada murid.

Sektor swasta juga boleh memainkan peranan penting bagi mencapai aspirasi sistem pendidikan negara. Walaupun sektor swasta tidak dapat menggantikan sistem awam, sektor swasta boleh bertindak sebagai penyumbang yang bermakna bagi meningkatkan inisiatif awam dan menggerakkan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, termasuk dalam bidang kebitaraan. Seperti yang diperakui dalam NKRA, perkongsian awam-swasta yang dilaksanakan dengan betul boleh membantu penyampaian perkhidmatan dan dapat menambah pembiayaan sektor pendidikan, serta memperluas kesamarataan akses dan meningkatkan keberhasilan pembelajaran. Perkongsian sebegini boleh dijadikan suatu model yang berkesan, khususnya kepada kumpulan yang tidak memperoleh perkhidmatan yang baik melalui kaedah penyampaian biasa. Sebagai contoh, Kementerian sedang merintis satu model baharu yang memperkenalkan inovasi dalam kurikulum, pengajaran dan pembelajaran serta keseluruhan pengurusan sekolah yang diterajui oleh sektor swasta. Model baharu ini ialah Sekolah Amanah, dengan Yayasan AMIR sebagai rakan swasta.

Pelan Tindakan: Anjakan kepada sistem pembelajaran

Anjakan daripada sistem sekolah kepada sistem pembelajaran yang lebih luas memerlukan peningkatan pelibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta merentasi semua 10,000 sekolah di seluruh negara. Justeru, semua sekolah perlu lebih proaktif dan kreatif berkomunikasi dengan komuniti yang lebih besar supaya dapat menjalin kerjasama yang lebih erat.

Banyak sekolah menghadapi kesukaran bekerjasama dengan ibu bapa daripada komuniti yang kurang bernasib baik. Umumnya, keadaan ini disebabkan ibu bapa tidak berupaya meluangkan masa dari tempat kerja untuk menghadiri bengkel atau perjumpaan. Di samping itu, wujud halangan bahasa atau budaya yang menyekat komunikasi antara guru dengan ibu bapa. Usaha untuk mengatasi halangan-halangan ini

Program Sekolah Amanah

Program Sekolah Amanah diwujudkan sebagai satu komitmen jangka panjang bagi meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti di sekolah kebangsaan dengan kerjasama Yayasan AMIR sebuah yayasan tak mencari keuntungan, sebagai rakan Kementerian.

Pelancaran Sekolah Amanah yang dilakukan pada Disember 2010 dan melibatkan 10 sekolah terpilih, iaitu masing-masing lima di Johor dan lima di Sarawak, adalah kohort pertama program ini. Sekolah ini dipilih sebagai mewakili sekolah yang terdapat di Malaysia merangkumi sekolah rendah dan menengah, sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan, serta sekolah bandar dan luar bandar.

Sekolah Amanah dikendalikan melalui penyediaan pembiayaan dan sumber tetap Kementerian. Sekolah turut diberi lebih kuasa untuk membuat keputusan dalam pengurusan sekolah bagi membolehkan inovasi dan penambahbaikan dalam kualiti pendidikan. Program ini berpandukan empat matlamat strategik: (i) membangunkan kepimpinan berkualiti tinggi; (ii) meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran; (iii) memaksimumkan pencapaian murid; dan (iv) mengukuhkan pelibatan ibu bapa, komuniti dan pihak berkepentingan yang lain.

Transformasi sekolah secara menyeluruh adalah diperlukan bagi mencapai matlamat tersebut. Tumpuan utama Sekolah Amanah adalah peningkatan kemahiran guru kerana guru merupakan pengupaya kepada pencapaian matlamat tersebut. Pada peringkat awal, tumpuan akan diberi kepada pembangunan profesional keguruan yang berstruktur bagi menambah baik kompetensi utama. Kumpulan Pemimpin Sekolah (SLT) juga menghadiri latihan bagi meningkatkan kemahiran sebagai pemimpin instruksional dan pentadbir dalam organisasi sekolah. Proses ini disokong oleh Penasihat Pengajaran dan Pembelajaran (TLA) berdedikasi yang ditugaskan di setiap sekolah untuk menjadi pembimbing kepada guru dan SLT.

Program ini telah masuk tahun kedua daripada lima tahun perjanjian dengan pihak sekolah. Hasil pada peringkat awal adalah memberansangkan kerana perubahan positif telah dapat dikesan. Dari Februari 2012 hingga Jun 2012, pencerapan pengajaran guru menunjukkan peningkatan menyeluruh sebanyak 25%. Yayasan AMIR dan BPSH telah mengenal pasti bidang khusus yang menunjukkan peningkatan termasuk:

- 33% peningkatan dalam penggunaan soalan berbentuk strategik bagi menggalakkan murid berfikir;
- 40% peningkatan dalam penggunaan struktur pembelajaran kolaboratif dan kerjasama yang telah ditentukan; dan
- 18% peningkatan dalam penggunaan strategi pengurusan tingkah laku positif.



Menghubungkan bantuan kewangan dengan keberhasilan: Kajian kes dari Brazil

Bolsa Familia yang dilaksanakan di Brazil ialah satu bentuk bantuan kewangan – program pemberian tunai yang bersyarat – melibatkan hampir 50 juta rakyat Brazil, mewakili satu perempat populasi negara tersebut. Di bawah skim ini, kerajaan memberi saraan bulanan kepada keluarga miskin sebanyak lebih kurang RM39 (13 dolar Amerika) bagi setiap anak terhad kepada tiga orang berusia 15 tahun dan ke bawah yang bersekolah. Hampir semua pemberian ini dibuat terus kepada kaum wanita, kerana mereka berkemungkinan tinggi akan berbelanja untuk keperluan keluarga. Walau bagaimanapun, pemberian ini dibuat dengan syarat murid memenuhi bilangan kehadiran tertentu ke sekolah bagi setiap bulan.

Bank Dunia melaporkan lebih kurang 110 juta penduduk di Amerika Latin pada masa ini mendapat manfaat daripada skim seperti ini. Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa program seperti ini telah meningkatkan enrolmen dan kehadiran ke sekolah, mengurangkan kadar keciciran di samping meningkatkan amalan penjagaan pranatal dan postnatal serta suntikan vaksinasi.

adalah kunci utama dalam merapatkan jurang pencapaian disebabkan latarbelakang sosial ekonomi. Bagi mengatasi halangan tersebut, pihak sekolah perlu lebih kreatif, dan sokongan yang lebih daripada Kementerian juga diperlukan.

Gelombang 1 (2013 - 2015): Menyokong pelibatan ibu bapa dan sektor swasta

Sistem pendidikan memerlukan dua perubahan pandangan: pertama, semua pihak berkepentingan perlu berubah kepada set minda baharu yang memberi tumpuan kepada sistem pembelajaran, bukan hanya persekolahan; kedua, ibu bapa dan komuniti perlu memahami bahawa mereka mempunyai peranan yang penting untuk menyumbang kepada kejayaan anak-anak dalam pendidikan. Dalam Gelombang 1, Kementerian akan memberi tumpuan untuk membantu pihak sekolah mendekati dan menjalin kerjasama erat dengan ibu bapa dan komuniti.

Meningkatkan kesedaran melalui kempen pendidikan kebangsaan

Bagi membantu pencapaian pemahaman yang lebih jelas tentang pelibatan ibu bapa dan komuniti pada peringkat kebangsaan, Kementerian akan menjalankan kaji selidik kebangsaan tentang tahap pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan. Hasil kaji selidik akan dapat menyediakan garis dasar yang lebih jelas tentang tahap pelibatan, dan membolehkan penentuan sasaran bagi meningkatkan pelibatan. Kaji selidik ini akan dijalankan di seluruh negara pada awal 2013.

Bagi menyokong aspirasi ini, Kerajaan akan melancarkan kempen pendidikan kebangsaan pada awal 2013 bertujuan untuk membantu ibu bapa, komuniti yang lebih luas dan sektor swasta melakukan perubahan set minda. Berfokuskan mesej utama tentang kebertanggungjawaban bersama untuk pendidikan anak-anak (Ekshibit 7-14), matlamatnya adalah untuk memacu pelibatan ibu bapa yang lebih meluas dalam pendidikan anak-anak, membangkitkan lebih rasa tanggungjawab dalam komuniti terhadap perkembangan kanak-kanak, dan menggalakkan peningkatan pelibatan sektor swasta dalam pendidikan.

Kempen ini menggunakan pelbagai saluran penyebaran (pada peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan sekolah) dan pelbagai bentuk media (tradisional, dalam talian, dan individu) bagi memastikan kumpulan sasaran didekati secara menyeluruh dan saling mengukuhkan tindakan untuk memacu perubahan cara pemikiran dan tingkah laku.

EKSHIBIT 7-14

Contoh poster untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa



Tunjukkan rumah anda, kawasan kejiranan, dan komuniti kepada anak anda.

Tunjukkan haiwan, pokok, dan manusia.

Bersama, terokai semua keajaiban kehidupan di luar.

Bantu anak anda untuk alami perbezaan pelbagai pemandangan, bunyi, sentuhan, bau dan rasa.

Alami keseronokan bersama dengan melihat trak dan peralatan yang terdapat di balai bomba atau tempat pembinaan.

Ingatkan anak anda tentang keseronokan melakukan aktiviti bersama-sama.

Melancarkan sarana pelibatan untuk sekolah

Kementerian telah membangunkan sarana yang komprehensif dan dilaksanakan pada 2013 untuk menyediakan bimbingan yang lebih mantap dan khusus tentang cara sekolah boleh menjalinkan hubungan kerjasama yang lebih erat dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta. Sarana ini akan membolehkan setiap sekolah membangunkan: (i) prospektus sekolah dan (ii) pelan pelibatan ibu bapa dan komuniti.

Seterusnya, Kementerian akan mewajibkan setiap sekolah menyediakan prospektus bagi memberi maklumat kepada ibu bapa berkaitan aspirasi sekolah, serta peraturan dan perincian lain, supaya ibu bapa sedar tentang tanggungjawab bersama. Sokongan akan diberikan kepada sekolah yang memerlukan bantuan untuk menghasilkan prospektus masing-masing. Prospektus ini akan diedarkan kepada ibu bapa murid Tahun 1 dan Tingkatan 1 pada hari pendaftaran, manakala versi dalam talian akan dimuat naik pada laman sesawang sekolah.

Matlamat pelan pelibatan ibu bapa dan komuniti adalah untuk menggalakkan PIBG dan komuniti meluaskan fokus mereka, daripada mengutip derma kepada membangunkan program pembelajaran yang diterajui oleh ibu bapa dan komuniti. Bagi membantu pihak sekolah membangunkan pelan tersendiri pelibatan ibu bapa dan komuniti, Kementerian akan menyediakan instrumen kaji selidik bagi mentaksir tahap pelibatan yang terkini, di samping langkah yang jelas dan penentuan bidang keutamaan yang perlu diambil tindakan.

Menyusun semula bantuan kewangan bagi mengukuhkan pelibatan ibu bapa

Kementerian bercadang menyusun semula program bantuan kewangan sedia ada untuk keluarga berpendapatan rendah bagi mengurangkan kos persekolahan anak. Bagi tiga tahun akan datang, Kementerian akan memberi tumpuan kepada program KWAPM, dengan mengukuhkan perkaitan antara bantuan kewangan dengan keberhasilan yang dihasratkan. Khususnya, program KWAPM boleh dilaksanakan secara optimum dengan menjadikannya alat untuk merangsang keluarga berpendapatan rendah meningkatkan pelibatan dalam pendidikan anak mereka dengan pembiayaan yang mensyaratkan ibu bapa dan murid mencapai sasaran dan pencapaian yang diharapkan.

Bagi meningkatkan keberkesanan pengagihan KWAPM dengan kehadiran murid serta pelibatan ibu bapa, Kementerian akan menyusun semula proses pengagihan KWAPM. Bantuan KWAPM akan diagihkan setiap enam bulan, dengan menghendaki kehadiran minimum yang diwajibkan bagi murid sebagai syarat untuk pengagihan kedua. Pihak PPD bertanggungjawab memantau pematuhan proses baharu ini dan mengukur keberhasilan sasaran.

Memudahkan pemberian biasiswa daripada sektor swasta

Kementerian menghargai inisiatif dan budi baik sektor swasta di Malaysia kerana menyediakan biasiswa. Biasiswa ini membolehkan murid yang layak dan berprestasi tinggi mendapat akses kepada pendidikan berkualiti serta mencapai potensi mereka sepenuhnya. Dalam Gelombang 1, program ini boleh dimanfaatkan dengan memperluas pelbagai pilihan pendidikan berkualiti kepada murid daripada latar belakang yang kurang bernasib baik. Program ini berupaya menunjukkan impak dalam jangka pendek, sementara kualiti sistem pendidikan masih dalam proses ditingkatkan.

Meningkatkan program pengambilan sekolah angkat

Pada 2006, Kementerian melancarkan program PINTAR (Promoting Intelligence, Nurturing Talent and Advocating Responsibility) bagi menggalakkan syarikat bekerjasama dengan sekolah yang kurang mendapat kemudahan untuk memperkenalkan teknologi baharu, aktiviti lepas sekolah, projek literasi, klinik pendidikan dan ceramah motivasi kepada murid. Sehingga ini, program ini telah mendapat sambutan

yang baik, dengan 292 sekolah dijadikan sekolah angkat oleh 35 rakan korporat (kebanyakannya syarikat milik kerajaan). Kementerian akan terus menggalakkan lebih ramai rakan korporat menyertai program ini supaya lebih banyak sekolah mendapat tajaan.

Memperluas jaringan Sekolah Amanah

Kementerian akan terus mengemas kini perjanjian Operasi dan Pengurusan (OMA) sedia ada dengan Yayasan AMIR untuk menyokong kejayaan program rintis yang telah dilaksanakan. Perubahan ini akan menambah autonomi yang diberikan kepada Sekolah Amanah dan seterusnya meningkatkan keberkesanan sekolah, termasuk keluwesan menggunakan dana yang ada untuk membiayai inisiatif penambahbaikan sekolah, peluang untuk memperkenalkan kurikulum bertaraf dunia berdasarkan program International Baccalaureate (IB) dan *International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE), dan kuasa melantik wakil daripada pihak berkepentingan tempatan menjadi ahli Lembaga Pengelola Sekolah.

Kementerian akan menilai hasil program rintis Sekolah Amanah pada akhir 2013. Jika hasilnya menggalakkan, Kementerian akan memperluas program ini dengan menambah bilangan Sekolah Amanah daripada 10 sekolah perintis sedia ada kepada 20 sekolah menjelang 2015.

Kementerian menyedari bahawa apabila keputusan diambil untuk memperluas jaringan Sekolah Amanah pada 2013, pelbagai penganjur dan jenis sekolah yang dicadangkan akan memerlukan OMA yang berbeza untuk menjayakan program ini. Sebagai contoh, pentadbiran sekolah pendidikan khas mungkin memerlukan lebih banyak guru pakar daripada bilangan sumber tempatan sedia ada. Oleh itu, lebih autonomi diperlukan bagi mengambil guru pakar dari luar. Sebagai sebahagian daripada proses perluasan, Kementerian akan membangunkan satu rangka kerja terbuka dan menyediakan OMA yang standard untuk Sekolah Amanah dengan memberi autonomi dan keluwesan yang secukupnya kepada pelbagai kumpulan penaja dan jenis sekolah.

Bagi membantu bakal penaja membuat pemohonan, Kementerian akan mengeluarkan satu set kriteria kelayakan yang jelas serta mengurangkan potensi sekatan penyertaan (seperti komitmen kewangan minimum) dan pada masa yang sama memastikan tidak ada kompromi terhadap kualiti pendidikan yang disediakan. Proses permohonan akan diperkemas bagi mengurangkan birokrasi (dan bagi mendapatkan hasil berdasarkan anggaran jangka masa setahun dari permulaan). Selain itu, dialog dan proses pelibatan diadakan di sekolah terpilih bagi memastikan keselarasan dalam kalangan pihak berkepentingan utama sebelum bertukar kepada program Sekolah Amanah.

Amalan terbaik inovasi pengajaran dan pembelajaran daripada inisiatif Sekolah Amanah perlu dijadikan amalan dalam Kementerian bagi memastikan keseluruhan sistem pendidikan mendapat manfaat daripada program ini dalam jangka masa pendek dan sederhana. Bagi menyokong proses ini, Kementerian akan menambah baik hubungan antara Sekolah Amanah dengan JPN/PPD untuk memastikan wujud kebertanggungjawaban dan semangat keempunyaan yang lebih tinggi pada peringkat negeri dan daerah.

Gelombang 2 (2016 - 2020): Memantapkan pelibatan

Gelombang 2 akan memberi tumpuan kepada pembinaan asas yang diwujudkan dalam gelombang sebelum ini. Pihak PIBG akan memainkan peranan yang lebih meluas dalam memberi sokongan kepada sekolah dan membantu usaha menggerakkan pelibatan komuniti yang lebih luas pada peringkat sekolah. Usaha memantapkan pelibatan sektor swasta juga akan dijalankan, dengan memperkemas dua program, iaitu Program Sekolah Angkat dan Jaringan Sekolah Amanah.

Memperluas peranan PIBG

Peranan PIBG juga akan diperluaskan bagi menyediakan satu jaringan sokongan dalam kalangan ibu bapa yang dikenali sebagai Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB). Ibu bapa dapat belajar dan berkongsi amalan terbaik dalam bekerjasama dan membantu anak mereka dalam proses pembelajaran dan tumbesaran. Ahli PIBG juga boleh membantu meningkatkan keberkesanan pelaksanaan aktiviti dan program di sekolah dalam bidang seperti tadbir urus, pengumpulan dana (derma), tenaga kerja (pengiring, jurulatih), dan perkongsian kepakaran. PIBG juga akan diberi kuasa untuk memberi input kepada kepimpinan sekolah tentang aspek menjadikan perkaitan kurikulum kebangsaan dengan konteks setempat, dan kualiti pengajaran serta pembelajaran di sekolah.

Pelibatan komuniti lebih luas

Sekolah juga akan mendekati komuniti yang lebih luas untuk bekerjasama bagi meningkatkan pembelajaran murid. Kerjasama ini akan merangkumi aktiviti yang berpusatkan murid (termasuk inisiatif seperti program mentor, lawatan murid, latihan sandaran industri); berpusatkan sekolah (termasuk tajaan peralatan sekolah, bahan bantuan pembelajaran, dan bantuan dalam bilik darjah); dan berpusatkan komuniti (seperti khidmat komuniti, prestasi murid). Inisiatif ini adalah penting bagi semua sekolah, dan lebih penting lagi dalam komuniti yang kurang bernasib baik.

Bagi membantu pihak sekolah membangunkan pelan pelibatan komuniti mereka sendiri, Kementerian juga akan melengkapkan sekolah dengan bahan rujukan amalan terbaik tempatan dan antarabangsa untuk mengukuhkan pelibatan, contohnya kelas literasi dewasa. Kementerian akan memantau pembangunan dan pelaksanaan pelan ini dengan teliti. Sekolah akan memacu proses pelibatan pada peringkat awal inisiatif. Namun demikian, PIBG akan meningkatkan perancangan dan pengurusan pelibatan komuniti yang lebih luas.

Memperkemas Sekolah Amanah

Menjelang 2020, Kementerian menjangkakan sebanyak 90 Sekolah Amanah akan beroperasi di seluruh negara. Penambahan ini akan membolehkan pelibatan lebih banyak kumpulan penaja sekolah, selain Yayasan AMIR, termasuk pihak swasta, pertubuhan komuniti, dan badan alumni serta pelbagai jenis sekolah. Kementerian melihat kemungkinan memperluas liputan jaringan Sekolah Amanah dengan melibatkan sekolah berprestasi rendah (dalam Band 6 atau 7, atau sekolah yang menunjukkan prestasi merosot dalam pencapaian murid), sekolah untuk kumpulan murid berkeperluan khusus, seperti

komuniti Orang Asli, Penan dan masyarakat peribumi lain, murid berkeperluan khas, dan sekolah pedalaman serta sekolah kurang murid. Kementerian akan berterusan membuat penyesuaian OMA untuk menyokong lebih banyak pelibatan pelbagai penaja dan pilihan sekolah dalam program Sekolah Amanah.

Gelombang 3 (2021 - 2025): Menggalakkan lebih banyak inovasi daripada sektor swasta

Dalam Gelombang 3, sistem pembelajaran yang kukuh akan wujud dengan pelibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta sebagai rakan yang komited dalam pendidikan. Dalam tempoh ini, Kementerian akan memberi tumpuan kepada memperkenalkan inovasi tambahan bagi meningkatkan pencapaian sebelum ini.

Menjadikan Sekolah Amanah perintis inovasi

Kementerian menjangkakan sebanyak 500 Sekolah Amanah akan beroperasi menjelang 2025 (mewakili kira-kira 5% keseluruhan sekolah awam). Sistem Sekolah Amanah akan mempertingkatkan inisiatif terdahulu untuk menguji amalan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Inisiatif ini seterusnya boleh dijadikan amalan dan diguna pakai dalam seluruh sistem pendidikan untuk manfaat semua murid.

Menyokong sektor swasta yang memulakan program khas pendidikan

Kementerian mengiktiraf bahawa bukan semua jenis sekolah mendapat perhatian yang sama daripada pihak penaja yang berpotensi. Oleh itu, Kementerian akan mengkaji pembangunan kaedah alternatif untuk mendapatkan khidmat pakar dalam pendidikan. Langkah ini mungkin lebih relevan untuk menambah baik penyediaan pendidikan kepada komuniti seperti Orang Asli dan Penan serta kumpulan minoriti lain, murid berkeperluan khas, dan sekolah pedalaman. Langkah ini boleh diperluas ke sekolah khusus seperti sekolah pintar cerdas, sekolah sukan dan sekolah seni.

Sebagai contoh, Hong Kong telah menubuhkan *Hong Kong Academy for Gifted Education* (HKAGE) untuk memberi khidmat kepada 2% kumpulan teratas murid pintar cerdas di wilayah tersebut. HKAGE menyediakan program pengayaan di luar sekolah untuk murid, di samping memberi nasihat dan bimbingan kepada guru dan ibu bapa. Akademi ini ditubuhkan sebagai syarikat tak mencari keuntungan supaya dapat memberi kebebasan dan keluwesan yang diperlukan untuk memberi khidmat kepada kumpulan khusus ini. Walau bagaimanapun, HKAGE menerima sebahagian besar pembiayaannya daripada kerajaan Hong Kong dan juga sumber swasta.

Menerokai inovasi pelibatan berterusan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta

Kementerian akan terus menerokai bidang lain yang membolehkan rakan swasta memacu usaha ke arah peningkatan keberhasilan murid. Bidang yang berpotensi ini termasuk pelibatan rakan media untuk kempen pendidikan dan inisiatif pengumuman perkhidmatan awam, dan kerjasama dengan syarikat peruncit yang besar untuk kempen literasi.





Malaysia perlu menyesuaikan struktur sistem pendidikan bagi membolehkan semua murid mendapat akses kepada peluang pilihan pendidikan yang sesuai pada masa yang tepat, sejak dalam buaian hinggalah mereka melangkah ke alam pekerjaan. Strategi serampang empat mata diperlukan untuk mencapai matlamat ini. Pertama, elemen struktur asas seperti jumlah tahun persekolahan formal dan pendidikan wajib akan diselaraskan dengan sistem pendidikan berprestasi tinggi seperti Singapura dan Hong Kong. Sistem pendidikan juga akan terus membangunkan laluan yang menarik dan berdaya maju supaya dapat memenuhi kepelbagaian minat dan bakat murid Malaysia. Salah satu bidang yang amat penting bagi pembangunan negara adalah pengukuhan pendidikan vokasional. Kementerian juga sedang menggerakkan sistem pendidikan secara sistematik daripada model pembelajaran berasaskan sekolah kepada sistem pembelajaran yang lebih meluas. Langkah ini akan menuntut pelibatan dan rasa keempunyaan yang tinggi daripada ibu bapa dan komuniti setempat terhadap pendidikan anak-anak mereka. Akhir sekali, sektor swasta akan memainkan peranan penting dalam memacu perubahan dalam pendidikan prasekolah, pendidikan vokasional dan bahagian yang lain.

BAB 8

PELAKSANAAN

PELAN TINDAKAN

8. Pelaksanaan Pelan Tindakan

Sistem pendidikan Malaysia perlu ditransformasikan secara menyeluruh untuk memenuhi hasrat dan aspirasi rakyat Malaysia sebagai persediaan menghadapi cabaran abad ke-21. Transformasi ini merupakan satu proses yang sangat rumit, meluas, dan mendalam cakupannya, yang hanya dapat dicapai melalui kerjasama dan sokongan padu semua pihak berkepentingan. Kementerian perlu merancang dengan teliti dan berhati-hati supaya urutan langkah yang diambil tidak membebankan dan memastikan penambahbaikan yang berterusan dapat dilakukan. Transformasi ini akan dilaksanakan untuk jangka masa 13 tahun dengan fokus awal menangani kelemahan dalam sistem sedia ada, dan menyediakan asas bagi sistem pendidikan baharu yang radikal. Gelombang transformasi seterusnya akan memacu penambahbaikan yang mendorong ke arah inovasi berterusan bagi melahirkan generasi muda yang bersedia mencapai kecemerlangan dalam persekitaran yang kompetitif secara global.



Kementerian sedang memulakan proses transformasi asas sistem pendidikan. Tindakan yang akan diambil ditentukan oleh empat ciri, iaitu:

- Hasrat tinggi:** Perubahan ini hendaklah berupaya menggerakkan sistem pendidikan Malaysia pada kedudukan kohort sistem ketiga teratas di dunia. Sistem ini akan menghasilkan murid yang berilmu, mempunyai kemahiran berfikir, kemahiran berbahasa, keupayaan memimpin, serta beretika dan mempunyai nilai kerohanian yang tinggi dan jati diri kebangsaan yang kukuh. Kesemua sifat ini akan melahirkan murid yang boleh memimpin Malaysia untuk menjadi kuasa besar ekonomi dan politik di rantau ini. Cabaran untuk mencapai kedudukan yang setara dengan negara maju menjadi semakin sukar kerana sistem persekolahan di seluruh dunia sentiasa ditambah baik dan aras kualiti ditingkatkan.

- **Komprensif:** Perubahan perlu meliputi semua jenis sekolah awam termasuk pembelajaran di luar sekolah, seperti di rumah atau dalam komuniti untuk mewujudkan sistem pendidikan yang benar-benar menyeluruh bagi memenuhi keperluan semua murid di Malaysia. Perubahan ini akan memberi kesan kepada jutaan murid, dan ibu bapa serta ribuan guru, pengetua/guru besar, dan kakitangan Kementerian di seluruh negara. Kementerian berharap agar ciri komprehensif ini menjadi fokus yang dikongsi dan dihayati oleh semua pihak berkepentingan;
- **Pantas:** Ibu bapa dan majikan menaruh harapan yang tinggi untuk melihat kejayaan transformasi pendidikan ini, memandangkan negara amat memerlukan generasi muda terpelajar bagi memacu aspirasi pertumbuhan serta mengekalkan keupayaan negara untuk bersaing. Keperluan segera ini berdasarkan hakikat bahawa kira-kira satu pertiga daripada setiap kohort murid meninggalkan sekolah tanpa memenuhi tahap minimum dalam mata pelajaran teras SPM atau meninggalkan sekolah sebelum menamatkan Tingkatan 5. Hasrat untuk melihat hasil segera transformasi ini perlulah mengambil kira hakikat bahawa perubahan memerlukan masa; dan
- **Berkekalan:** Walaupun beberapa kejayaan awal dapat dilihat dalam tahun pertama perubahan, namun penambahbaikan sistem secara keseluruhan melibatkan perubahan struktur yang memerlukan masa untuk memperlihatkan hasil. Apa yang penting adalah untuk memastikan usaha penambahbaikan terus dilakukan seiring dengan peningkatan keupayaan dan kewibawaan sistem penyampaian, supaya kesan terhadap murid berkekalan dan berterusan.

Peluang ke arah melaksanakan transformasi adalah sesuatu yang mengujakan. Namun begitu, perlu diakui bahawa laluan untuk mencapai hasrat tinggi ini sangat mencabar. Kajian menunjukkan hanya segelintir sahaja usaha transformasi sistem pendidikan yang berjaya, kebanyakannya tidak mencapai apa yang dihasratkan (Ekshibit 8-1). Daripada 55 sistem persekolahan yang kerap menyertai pentaksiran antarabangsa, hanya 12 menunjukkan peningkatan yang signifikan, meluas, dan mapan dalam dekad lalu walaupun terdapat peningkatan perbelanjaan yang besar untuk pendidikan pada peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, analisis terhadap beberapa negara OECD menunjukkan prestasi sistem sekolah gagal atau pun merosot dari 1970 hingga 1994, walaupun terdapat peningkatan yang nyata dalam perbelanjaan (Ekshibit 8-2).

Di peringkat antarabangsa, perubahan sistem pendidikan biasanya gagal kerana sebab yang sama; iaitu kekurangan kesungguhan, masa, dan komitmen daripada semua pemimpin politik dan Kementerian; ketakupayaan bertahan kerana cabaran hebat daripada mereka yang menentang perubahan; kebuntuan dalam mencapai kesefahaman antara guru dengan pihak berkepentingan lain; penentangan guru terhadap perubahan; atau kewujudan jurang keupayaan dalam



Kementerian. Oleh itu, Malaysia perlu sedar wujudnya cabaran ini.

Walaupun semua kekangan ini amat membimbangkan, namun, penting bagi Malaysia menghadapinya. Kajian terhadap sistem persekolahan yang menunjukkan peningkatan prestasi tertinggi di dunia mendapati tidak mustahil kekangan diatasi bagi mencapai penambahbaikan asas dalam tempoh sesingkat enam tahun, tanpa mengambil kira titik permulaannya.

MENYUSUN LANGKAH PELAKSANAAN TRANSFORMASI

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang dicadang memang luas dan kompleks. Oleh yang demikian, terdapat banyak inisiatif yang dibangunkan sebagai sebahagian daripada perubahan tersebut. Walaupun setiap inisiatif itu penting dan bermakna, terdapat keperluan untuk memperlengkap dan menyusun inisiatif tersebut

supaya tidak membeban serta menjejaskan pelaksanaan sistem. Namun begitu, memang menjadi kebiasaan transformasi sektor awam dan sektor swasta yang berjaya, keutamaan penambahbaikan hanya diletakkan pada beberapa bidang sehingga kadangkala bidang lain ditekupikan.


Lima keberhasilan sistem telah diperincikan dalam Bab 2, iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan. Peningkatan ketara telah dicapai dalam akses dengan enrolmen sekolah rendah yang hampir pada tahap sejagat. Ketaksaksamaan juga lebih rendah berbanding dengan sistem berprestasi tinggi dunia, seperti Hong Kong dan Korea Selatan. Walau bagaimanapun, dari segi kualiti, jurang perbezaan masih terus wujud. Pencapaian murid Malaysia dalam pentaksiran antarabangsa merosot dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu dan sistem pendidikan kini berada pada kedudukan kohort sepertiga terbawah di seluruh dunia. Selanjutnya, penambahbaikan yang diperlukan bagi akses, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan akan dipacu

EKSHIBIT 8-1

Trend skor pada Skala Sejahtera semenjak 2000¹

Meningkat semenjak 2000 (dalam unit bagi PISA 2000)

■ Sistem yang meningkat²
■ Sistem yang menurun atau tidak berubah³



¹ Trend ialah regresi skor purata pada skala sejahtera

² Terdapat 12 sistem yang meningkat termasuk England, Hong Kong, Korea Selatan, Latvia, Lithuania, Ontario/Kanada, Poland, Saxony, Singapura, Slovenia, Boston, Long Beach/Amerika Syarikat

³ Terdapat 43 sistem yang tidak berubah atau menurun termasuk satu kohort yang stabil terdiri daripada 43 buah sistem yang telah menyertai sekurang-kurangnya 3 kali pentaksiran semenjak 1999, iaitu: Australia, Austria, Belgium, Brazil, Bulgaria, Kanada, Chinese Taipei, Colombia, Cyprus, Republik Czech, Denmark, Finland, Perancis, Jerman, Greece, Hungary, Iceland, Indonesia, Iran, Ireland, Israel, Itali, Jepun, Liechtenstein, Luxembourg, Malaysia, Mexico, Morocco, Netherlands, New Zealand, Norway, Portugal, Romania, Rusia, Scotland, Republik Slovak, Sepanyol, Sweden, Switzerland, Thailand, Tunisia, Turki, Amerika Syarikat

SUMBER: TIMSS, PISA, NAEP, pentaksiran kebangsaan dan daerah

sebahagian besarnya oleh peningkatan kualiti. Sebagai contoh, peningkatan dari segi enrolmen peringkat menengah memerlukan penambahbaikan kualiti pendidikan vokasional. Begitu juga, untuk menjadikan Sekolah Kebangsaan (SK) sebagai sekolah pilihan dalam usaha meningkatkan perpaduan, peningkatan dari segi kualiti pendidikan di sekolah jenis ini perlu diutamakan.


Terdapat tiga gelombang dalam transformasi (Ekshibit 8-3). Kementerian akan memberikan tumpuan dalam Gelombang 1 (2013-2015) untuk meningkatkan prestasi sistem. Objektifnya adalah untuk menambah baik kualiti pendidikan Malaysia supaya setanding dengan pencapaian purata antarabangsa menjelang 2015 agar dapat menyediakan sistem pendidikan ke arah kejayaan masa depan. Kementerian telah menentukan tiga bidang tumpuan dalam gelombang ini:

1. **Menambah baik pengajaran di dalam bilik darjah** bagi memastikan murid dapat membangunkan kemahiran berfikir aras tinggi;
2. **Meningkatkan kepimpinan Kementerian dan sekolah** bagi memastikan setiap pengetua/guru besar memberikan tumpuan kepada peningkatan prestasi sekolah, dan pemimpin terbaik ditempatkan di 150-200 jawatan penting dalam Kementerian; dan
3. **Meningkatkan kecekapan guru Bahasa Inggeris** bagi memastikan mereka memenuhi tahap penguasaan kemahiran minimum untuk mengajar mata pelajaran ini.

Hal ini tidak bermakna bahawa inisiatif transformasi akan menumpukan perhatian kepada tiga bidang di atas sahaja, malah, terdapat inisiatif yang memberikan tumpuan kepada isu lain seperti penambahbaikan kurikulum dan peningkatan infrastruktur. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga bidang tersebut dipilih kerana ketiga-

EKSHIBIT 8-2

Perubahan dalam perbelanjaan dan pencapaian murid dalam tempoh 24 tahun



1 Perbelanjaan sebenar terlaras menggunakan indek harga barangan dan perkhidmatan kerajaan
 2 Sains dan Matematik

SUMBER: UNESCO, EFA Global Monitoring Report 2005, Pritchett 2004, Woessmann 2002

Transformasi pendidikan akan dilaksanakan dalam tempoh 13 tahun

Gelombang 1 (2013-2015)

Mengubah sistem dengan menyokong guru dan memberikan tumpuan kepada kemahiran utama

- Meningkatkan standard pengajaran melalui bimbingan guru secara khusus terutamanya dalam mata pelajaran teras (Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains)
- Mereka bentuk semula soalan peperiksaan supaya lebih menjurus kepada soalan kemahiran berfikir aras tinggi
- Mengukuhkan kualiti pendidikan STEM melalui pengukuhan kurikulum, pengujian dan latihan guru, dan penggunaan model pembelajaran pelbagai mod (*blended learning*)
- Melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Bahasa Malaysia SJK yang direka bentuk untuk murid yang bahasa ibundanya bukan bahasa Malaysia
- Mengukuhkan penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris melalui pengujian dan latihan semula guru, memperluas LINUS, dan menyediakan sokongan pemulihan serta model pembelajaran pelbagai mod (*blended learning*)
- Melaksanakan 1BestariNet ke semua sekolah untuk mengintegrasikan ICT dalam pembelajaran harian
- Melaksanakan Program Transformasi Daerah dengan tumpuan kepada sekolah berprestasi rendah termasuk murid berkeperluan khusus untuk memacu prestasi sekolah
- Merombak IPG dan latihan praperkhidmatan dan meningkatkan standard memasuki bagi guru baharu
- Mewujudkan pembimbing pengetua/guru besar yang berdedikasi untuk sekolah Band 5, 6 & 7 dan mengukuhkan kriteria pemilihan untuk pemimpin sekolah bagi meningkatkan kualiti kepimpinan sekolah
- Mentransformasi Kementerian dengan meletakkan pemimpin terbaik untuk menerajui jawatan penting di JPN dan PPD bagi meningkatkan prestasi sistem penyampaian
- Meningkatkan enrolmen prasekolah dan sekolah menengah melalui kempen galakan enrolmen, lebih melibatkan ibu bapa, dan program vokasional yang lebih baik
- Mengukuhkan praktikum dalam program vokasional melalui peningkatan kerjasama dengan sektor swasta

Gelombang 2 (2016-2020)

Memacu peningkatan sistem

- Melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) semakan semula bagi meningkatkan standard kandungan dan pembelajaran setanding dengan standard antarabangsa
- Menarik minat dan kesedaran masyarakat dalam STEM melalui kempen dan kerjasama
- Merintis pilihan program untuk meningkatkan pendedahan kepada bahasa Inggeris, dan mengukuhkan penyediaan bahasa tambahan dalam usaha menambah baik penguasaan kemahiran bahasa secara menyeluruh
- Mengukuhkan program untuk kumpulan berkeperluan khusus seperti kumpulan peribumi dan kumpulan minoriti lain, pintar cerdas, dan berkeperluan khas
- Memacu inovasi ICT khususnya untuk pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran terarah sendiri
- Meningkatkan bimbingan dan sokongan kepada guru bagi penambahbaikan penyampaian pengetahuan, kemahiran, dan nilai merentasi semua aspek kurikulum dan kokurikulum
- Meningkatkan kompetensi dan kemajuan berdasarkan prestasi serta memantapkan laluan kerjaya guru untuk mencergaskan semula profesion keguruan
- Mengukuhkan bahagian utama Kementerian, menyusun semula peranan Kementerian, JPN dan PPD untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan pelaksanaan
- Memperoleh akreditasi antarabangsa dan memantapkan kurikulum program matrikulasi sebagai persediaan murid ke universiti
- Memperluas pilihan pendidikan vokasional melalui perjanjian pelaksanaan dengan pembekal pendidikan vokasional swasta

Gelombang 3 (2021-2025)

Menganjak ke arah kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan operasi

- Meningkatkan inovasi dan pilihan bagi meningkatkan penguasaan kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris secara berterusan dan menyediakan lebih banyak pilihan untuk mempelajari bahasa tambahan
- Melaksanakan program dan inovasi ICT bagi kumpulan berkeperluan khusus di seluruh negara untuk meningkatkan standard pembelajaran secara berterusan
- Memupuk budaya kecemerlangan profesional keteladanan rakan setugas, iaitu guru dan pemimpin sekolah saling membimbing, berkongsi amalan terbaik, dan memastikan rakan setugas mempunyai kebertanggungjawaban memenuhi standard profesional
- Mempertingkatkan pengurusan berasaskan sekolah dan autonomi dari segi pelaksanaan kurikulum dan pengurusan kewangan bagi kebanyakan sekolah yang layak, sekiranya tidak kepada semua sekolah
- Memperkasa Kementerian dan menginstutiskan transformasi melalui pengukuhan kemajuan kerjaya pegawai Kementerian
- Mengkaji semula penstrukturan sekolah untuk menentukan sekiranya wujud keperluan untuk mengoptimalkan laluan dan pilihan persekolahan

Keberhasilan utama

- 100% murid celik BM dan menguasai kemahiran numerasi selepas 3 tahun persekolahan; sasaran untuk celik BI akan ditentukan selepas garis asas diperoleh
- Enrolmen untuk prasekolah pada 92%, rendah pada 98% dan menengah pada 95%
- Pengurangan 25% jurang bandar dan luar bandar
- Prestasi Malaysia berada pada purata antarabangsa dalam kitaran TIMSS dan PISA seterusnya
- Enrolmen prasekolah hingga menengah pada 100%
- Pengurangan 50% jurang bandar / luar bandar; pengurangan 25% dalam jurang sosio ekonomi, dan gender
- Pencapaian Malaysia pada kedudukan sepertiga teratas dalam TIMSS dan PISA
- Mengekalkan atau meningkatkan enrolmen
- Mengekalkan atau mengurangkan jurang bandar dan luar bandar; pengurangan 50% jurang sosio ekonomi, dan gender

tiganya merupakan pemacu utama bagi menambah baik kualiti (guru dan pengetua/guru besar) atau kerana keperluan bagi penyempurnaan aspirasi ekonomi negara (bahasa Inggeris).

Dalam Gelombang 2 (2016-2020), Kementerian akan melaksanakan perubahan dari segi struktur untuk mempercepat langkah perubahan. Namun demikian, perancangan bagi semua inisiatif akan bermula dalam Gelombang 1. Perancangan ini termasuk menawarkan pakej kerjaya baharu kepada kesemua 410,000 guru dan 10,000 pengetua/guru besar dan menstruktur semula serta menjajar Kementerian, JPN, dan PPD kepada fungsi baharu. Langkah ini bertujuan memperkasakan mereka dalam membantu sekolah, serta memperkenalkan kurikulum standard sekolah menengah, dan kurikulum sekolah rendah yang disemak semula, bagi menangani isu mengenai pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang diperlukan untuk berkembang maju dalam ekonomi global pada masa ini.

Pada awal Gelombang 3 (2021-2025), semua sekolah, guru, dan pengetua/guru besar seharusnya menunjukkan prestasi yang lebih tinggi daripada standard minimum. Oleh itu, Kementerian akan menumpukan perhatian kepada peningkatan keluwesan operasi untuk menyemai budaya teladan rakan setugas ke arah kecemerlangan profesional. Kementerian juga akan menggerakkan kebanyakan sekolah, ke arah model pengurusan berasaskan sekolah, dan memperluas model inovasi pengajaran yang berjaya. Matlamatnya adalah untuk membentuk suatu sistem suaikekal yang mampu membuat pembaharuan dan membawa pencapaian ke tahap yang lebih tinggi.

Lampiran VI mengandungi senarai inisiatif yang lebih lengkap yang akan dilaksanakan dalam setiap tiga gelombang.

Gelombang 1 (2013 - 2015): Meningkatkan sistem dengan menyokong guru dan memberikan tumpuan kepada kemahiran teras

Dalam fasa ini, Kementerian akan memberikan tumpuan kepada pelaksanaan program peningkatan sistem pendidikan dan menyekat kemerosotan lebih teruk dalam pencapaian pendidikan. Fasa awal program tersebut akan mengambilkira kekangan kebolehan dan keupayaan sedia ada serta memberikan lebih tumpuan kepada inisiatif preskriptif. Tumpuan akan diberikan kepada penambahbaikan pengajaran di dalam bilik darjah, pemerksaan kepimpinan Kementerian dan sekolah, dan peningkatan tahap kemahiran bahasa. Bagi mencapai tujuan ini, Kementerian akan melaksanakan inisiatif dalam bidang khusus, seperti berikut:

- **Meningkatkan standard pengajaran dengan membimbing guru di sekolah secara khusus, terutamanya bagi mata pelajaran teras Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris Matematik dan Sains:** Usaha membimbing guru mengikut kesesuaian akan dimulakan dengan guru yang amat memerlukan bantuan, terutama dari sekolah Band 5, 6 dan 7, dengan memperkenalkan Pembimbing Rakan Peningkatan Sekolah (SISC+)

sepenuh masa untuk mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Matematik. Sekiranya terdapat sumber tenaga yang mencukupi, Kementerian juga akan melaksanakan SISC+ bagi mata pelajaran Sains. Pensyarah IPG akan membantu program SISC+. Kumpulan pembimbing guru ini bertanggungjawab melaksanakan kurikulum dan format pentaksiran baharu serta melatih guru dalam kemahiran pedagogi. Di samping itu, satu instrumen seragam pentaksiran guru berasaskan kompetensi akan diperkenal bagi membolehkan pengetua/guru besar menilai guru secara objektif dan mengenal pasti kekuatan dan keperluan kemajuan. Kementerian juga akan mewujudkan perpustakaan video e-Guru bagi membolehkan guru mendapatkan akses kepada contoh amalan terbaik dalam pengajaran.

- **Mereka bentuk semula soalan peperiksaan supaya lebih banyak soalan menjurus kepada kemahiran berfikir aras tinggi:** Menjelang 2016, soalan yang mengukur pemikiran aras tinggi akan membentuk 50% soalan UPSR, 80% penilaian berpusat bagi Tingkatan 3, 75% soalan mata pelajaran teras SPM, dan 50% soalan mata pelajaran elektif SPM. Tindakan ini akan mengalihkan tumpuan guru kepada pembentukan kemahiran berfikir aras tinggi. Perubahan serupa akan dilakukan terhadap soalan pentaksiran berasaskan sekolah.
- **Meningkatkan kualiti pendidikan STEM melalui pengukuhan kurikulum, pengujian dan latihan guru, dan penggunaan model pembelajaran pelbagai mod;** Kurikulum akan dimantapkan dengan tumpuan kepada kemahiran berfikir aras tinggi dan pengaplikasian kepada fenomena harian. Model kurikulum tambahan akan disediakan berdasarkan kandungan terbanyak dan jurang kemahiran yang dikenal pasti dalam pentaksiran TIMSS dan PISA. Inovasi ICT dan model pembelajaran pelbagai mod akan diperkenalkan untuk memantapkan pembelajaran murid. Murid sekolah rendah bersama-sama ibu bapa akan disasarkan melalui program *outreach* secara tidak formal untuk meningkatkan minat terhadap Sains dan Matematik.
- **Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Bahasa Malaysia Sekolah Jenis Kebangsaan direka bentuk untuk murid yang bahasa ibundanya bukan bahasa Malaysia.** Kementerian telah melaksanakan KSSR Bahasa Malaysia yang direka bentuk khusus untuk mengajar murid yang bahasa ibundanya bukan bahasa Malaysia dan tidak mendapat pendedahan “immersion” seperti di sekolah kebangsaan. Kurikulum ini menetapkan standard yang sama tetapi mengurangkan bilangan keperluan pembelajaran pada awal tahun pendidikan rendah. Keperluan pembelajaran akan disamakan secara beransur-ansur hingga Tahun 6. Di samping itu, kemahiran guru akan ditingkatkan dalam menyampaikan kurikulum baharu kepada murid yang bahasa ibundanya bukan bahasa Malaysia. Kementerian juga akan menyediakan kelas pemulihan di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) bagi murid Tahun 4 hingga Tahun 6 untuk meningkatkan standard bahasa Malaysia mereka ke tahap penguasaan kemahiran yang ditentukan.



- **Memperkukuh penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris melalui pengujian dan latihan semula guru, memperluaskan LINUS dan menyediakan sokongan pemulihan serta model pembelajaran pelbagai mod:** Kementerian memastikan kesemua 61,000 guru Bahasa Inggeris menduduki CPT dan mereka yang gagal mencapai tahap kemahiran minimum perlu menjalani latihan. Kejayaan program LINUS akan diperluas melangkaui literasi asas bahasa Malaysia dengan memasukkan literasi asas bahasa Inggeris untuk mengenal pasti murid yang berisiko tercicir pada peringkat awal pembelajaran dalam Tahun 1 hingga Tahun 3. Kementerian juga akan melaksanakan inisiatif lain seperti Program OPS English untuk meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur, “Sistem Set” dalam pengajaran dan pembelajaran yang mengelompokkan murid sekolah menengah mengikut tahap penguasaan kemahiran berbahasa mereka, dan sokongan pemulihan kepada murid yang tidak mencapai tahap penguasaan kemahiran bahasa Inggeris. Kementerian juga akan memperkenalkan model pembelajaran pelbagai mod (blended learning) yang menggunakan teknologi bagi memperkukuhkan pembelajaran murid.
- **Melaksanakan 1BestariNet ke semua sekolah untuk mengintegrasikan ICT dalam pembelajaran harian:** 1BestariNet ialah projek yang dicetuskan oleh Kementerian. Di bawah projek ini, 10,000 sekolah rendah dan menengah kerajaan di Malaysia akan dilengkapi dengan akses Internet dan Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE). Projek ini akan menyediakan rangkaian hubungan internet dan akses kepada Penyelesaian Pembelajaran Bersepadu bertaraf dunia. Kementerian akan memastikan semua guru kompeten dalam penggunaan VLE menjelang 2015. Peranti yang lengkap dan sesuai akan dibekalkan ke semua sekolah supaya dapat digunakan oleh guru dan murid secara maksimum.
- **Melaksanakan secara rintis Program Transformasi Daerah dengan tumpuan kepada sekolah berprestasi rendah, termasuk sekolah dengan murid berkeperluan khusus, untuk memacu prestasi sekolah:** Peranan JPN dan PPD akan ditentukan semula bagi memberikan lebih banyak hak kepada mereka membuat keputusan dan berinteraksi secara langsung dengan sekolah. Peningkatan keluwesan operasi ini membolehkan JPN dan PPD menyesuaikan dasar dan program yang lebih menepati keperluan khusus sekolah mereka. Keutamaan awal adalah untuk sekolah yang berprestasi rendah termasuk sekolah untuk murid berkeperluan khusus seperti peribumi dan kumpulan minoriti lain. Sebahagian tugas pentadbiran PPD kini akan dijalankan pada peringkat Kementerian untuk memastikan pegawai PPD dapat memperuntukkan lebih masa bekerjasama dengan sekolah. Satu set KPI yang standard akan disebar ke semua JPN, PPD dan sekolah untuk memastikan tumpuan yang sama serta keutamaan diberikan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.
- **Meninggikan syarat kelayakan kemasukan guru baharu:** Meningkatkan syarat kelayakan guru pelatih dari segi akademik dan bukan akademik ke IPG dan IPTA. Kementerian akan meletakkan syarat yang lebih ketat untuk lulus sebelum dilantik ke jawatan guru.
- **Merombak IPG dan Latihan Praperkhidmatan:** Pemilihan guru pelatih akan diperkukuh dengan melaksanakan pendekatan yang lebih holistik untuk menarik calon daripada pelbagai latar belakang dan tahap pengalaman. Kurikulum latihan guru akan dimantapkan dengan menambah waktu praktikum, menyesuaikan kemahiran dalam pelbagai situasi bilik darjah, dan menerapkan kemahiran kepimpinan serta pengurusan. Kualiti pensyarah akan ditingkatkan dan laluan kerjaya mereka ditambah baik selari dengan peranan pensyarah di institusi pengajian tinggi. Infrastruktur fizikal akan dinaik taraf dan akses kepada sumber pengetahuan ditambah baik. Profil IPG akan ditingkatkan dengan memastikan ketelusan berkaitan dengan kualiti semua kampus dan menjalin kerjasama antarabangsa.
- **Menyediakan pembimbing pengetua/guru besar yang berdedikasi untuk sekolah Band 5, 6 dan 7 dan mengukuhkan kriteria pemilihan pemimpin sekolah bagi meningkatkan kualiti kepimpinan sekolah:** Penguatan peranan pengetua/guru besar memerlukan penambahbaikan dari segi proses pengisian jawatan dan kriteria pemilihan bagi memenuhi keperluan minimum kecekapan kepimpinan. Kementerian juga akan memperkenalkan pelan penggantian yang ditambah baik untuk pengetua/guru besar. Guru yang mempunyai potensi kepimpinan yang tinggi akan dikenal pasti dan dimasukkan ke laluan pantas bagi mengisi jawatan pengetua/guru besar. Bagi memastikan semua pengetua/guru besar mendapat sokongan sewajarnya, pengetua/guru besar di sekolah Band 5, 6 dan 7 akan mendapat bimbingan daripada Rakan Peningkatan Sekolah (SIPartner+) untuk membantu mereka meningkatkan prestasi sekolah masing-masing.

- **Mentransformasi Kementerian dengan meletakkan pemimpin terbaik menerajui jawatan penting di JPN dan PPD bagi meningkatkan prestasi sistem penyampaian:** Kementerian akan mengolah semula peranan JPN dan PPD. Mereka akan diberikan kuasa dan keupayaan bagi memberikan sokongan secara langsung (dan disesuaikan) kepada sekolah. Tugas pengurusan bukan lagi tugas utama. Berdasarkan penetapan semula peranan ini, Kementerian akan menempatkan pegawai yang berkebolehan ke jawatan penting sebagai ketua di JPN dan PPD.
- **Meningkatkan enrolmen prasekolah dan sekolah menengah melalui galakan enrolmen, lebih pelibatan ibu bapa, dan program vokasional yang lebih baik:** Tempoh persekolahan wajib dilanjutkan daripada enam tahun kepada 11 tahun, iaitu sehingga tamat Tingkatan 5. Usaha bersepadu akan dilaksanakan untuk menggalakkan enrolmen prasekolah yang menyeluruh dan meningkatkan standard kualiti prasekolah kerajaan dan swasta. Kempen enrolmen yang menyasarkan murid prasekolah hingga sekolah menengah akan dilancarkan, dan pelibatan ibu bapa digalakkan dan disokong melalui pelancaran sarana yang menyediakan mereka dengan kaedah untuk menyokong pembelajaran anak-anak. Kempen akan dilancarkan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap STEM dan pekerjaan berkaitan STEM. Pengenalan dua reformasi pendidikan vokasional – PAV di peringkat menengah rendah dan KV di peringkat menengah atas – akan menambah bilangan tempat dalam program

vokasional, dan pilihan yang terdapat dalam sistem pendidikan. Pilihan lepasan menengah akan ditambah baik. Program Tingkatan 6 akan mengalami transformasi untuk menarik minat dan meningkatkan enrolmen murid. Murid juga akan diberi peranan yang lebih untuk menjalankan aktiviti dan peluang tambahan untuk membangunkan kemahiran kepimpinan dan insaniah.

- **Mengukuhkan praktikum dalam program vokasional melalui peningkatan kerjasama dengan sektor swasta:** Kementerian sedang bekerjasama dengan pihak industri untuk melaksanakan kurikulum yang diiktiraf industri di KV. Komponen utama kurikulum ini ialah penempatan praktikum untuk menyediakan murid dengan pengalaman kerja sebenar. Kementerian akan menubuhkan Majlis Kemahiran Industri untuk kumpulan industri utama bagi menarik bakat dalam bidang pendidikan vokasional.

Gelombang 2 (2016 - 2020): Melonjakkan peningkatan sistem

Fasa ini akan memberi tumpuan kepada langkah mempercepatkan peningkatan sistem dengan menggabungkan kesemua hasil kejayaan dalam Gelombang 1, dan menangani isu setiap penggerak utama bagi mengukuhkan keupayaan pelaksanaan Kementerian. Bagi tujuan ini, dalam tempoh Gelombang 2, penambahbaikan akan dibuat dalam bidang berikut:



- **Melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) semakan semula:** Kementerian akan melaksanakan KSSM dan KSSR semakan semula pada 2017. Kurikulum ini masih berpusatkan murid dan pengajaran terbeza tetapi memberi lebih penekanan kepada tugas berbentuk penyelesaian masalah dan tugas berasaskan projek, set mata pelajaran atau tema yang dikemas kini, dan pentaksiran formatif. Kurikulum ini juga akan menyediakan sokongan kepada laluan pembelajaran pintas kepada murid berprestasi tinggi untuk menduduki SPM dalam tempoh empat tahun berbanding lima tahun, dan UPSR dalam lima tahun berbanding enam tahun. Di samping itu, standard pembelajaran yang lebih jelas akan digariskan supaya murid dan ibu bapa memahami kemajuan yang perlu dicapai bagi setiap tahun persekolahan.
- **Menarik minat dan meningkatkan kesedaran masyarakat dalam STEM melalui kempen dan kerjasama;** Kementerian akan melancarkan kempen kesedaran masyarakat bersama-sama agensi kerajaan. Kementerian juga akan membentuk hubungan kerjasama dengan pusat dan institusi latihan tidak formal untuk memperluas persekitaran pembelajaran STEM di luar sekolah.
- **Merintis pelbagai program untuk meningkatkan pendedahan kepada bahasa Inggeris, dan mengukuhkan penyediaan bahasa tambahan dalam usaha menambah baik penguasaan kemahiran bahasa secara menyeluruh:** Kementerian akan meneroka kaedah memperkenalkan pilihan untuk menggalakkan lebih pendedahan kepada bahasa Inggeris, seperti mewajibkan komponen Kesusasteraan dalam Bahasa Inggeris di sekolah menengah. Ibu bapa mempunyai pilihan untuk menghantar anak yang menghadapi masalah dalam penguasaan bahasa Malaysia ke kelas pemulihan atau peralihan. Setelah berjaya mengukuhkan standard bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, Kementerian akan melihat cara untuk menggalakkan pembelajaran bahasa tambahan. Sebagai contoh, Kementerian akan melatih dan menempatkan lebih banyak guru bahasa Mandarin, bahasa Tamil dan bahasa Arab di sekolah rendah dan menengah.
- **Mengukuhkan program untuk kumpulan berkeperluan khusus seperti kumpulan peribumi dan minoriti lain, pintar cerdas, dan keperluan khas:** Kumpulan murid, seperti peribumi dan kumpulan minoriti, murid pintar cerdas dan berbakat serta murid berkeperluan khas biasanya mempunyai keperluan berbeza yang tidak dapat disediakan sepenuhnya dalam sistem aliran perdana. Dalam Gelombang 2, Kementerian akan menyediakan pilihan laluan pembelajaran pintas bagi murid berprestasi tinggi, serta program pintar cerdas dan berbakat bagi setiap kohort murid yang berada dalam kelompok 1% teratas. Kementerian juga akan mengukuhkan program sedia ada bagi murid peribumi dan kumpulan minoriti dan murid berkeperluan khusus, dengan melabur dalam sumber fizikal tambahan dan sumber pengajaran untuk menambah tempat dan membolehkan sokongan yang lebih sesuai disediakan bagi memenuhi keperluan khusus kumpulan murid ini. Kementerian akan meneroka jalinan kerjasama dengan penyedia perkhidmatan kesihatan dan pusat komuniti untuk menyediakan sokongan yang lebih holistik kepada murid berkeperluan khas.
- **Memacu inovasi ICT khususnya untuk pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran terarah sendiri:** Setelah menyediakan keperluan asas ICT di sekolah, Kementerian akan mula meneroka cara inovasi, khususnya tentang pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran terarah sendiri, dapat digunakan bagi memperluas akses kepada pengajaran berkualiti tinggi tanpa mengambil kira tahap kemahiran atau lokasi murid.
- **Meningkatkan bimbingan dan sokongan kepada guru bagi penambahbaikan penyampaian pengetahuan, kemahiran, dan nilai merentasi semua aspek akademik dan bukan akademik dalam kurikulum:** Kementerian akan terus mengukuhkan program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) yang ditawarkan, mewujudkan pelan CPD individu yang lebih khusus, dan menambah baik penyampaian kurikulum bagi komponen akademik dan bukan akademik.
- **Meningkatkan kemajuan berdasarkan kompetensi dan prestasi, mengukuhkan laluan kerjaya serta memantapkan laluan kerjaya profesion keguruan:** Kementerian akan melancarkan kurikulum latihan praperkhidmatan guru yang telah disemak semula di IPG dan IPT yang mencerminkan kompetensi baharu yang perlu dikuasai guru. Kementerian juga akan melaksanakan laluan kemajuan yang diasaskan sepenuhnya pada merit dan kompetensi, berbanding tempoh perkhidmatan serta sistem pembangunan profesional bersepadu yang dikaitkan dengan pengurusan prestasi. Laluan kerjaya yang lebih luas akan dibangunkan bagi membolehkan guru meningkatkan kerjaya mereka berdasarkan kemahiran dan minat. Guru yang tekal berprestasi rendah, walaupun telah diberi sokongan, akan ditempatkan semula untuk menjalankan fungsi berasaskan sekolah yang lain, seperti pengurusan data atau disiplin.
- **Mengukuhkan Bahagian utama Kementerian, menyusun semula peranan Kementerian JPN dan PPD dan menstruktur semula Kementerian untuk meningkatkan kebolehan dan keupayaan pelaksanaan:** Berdasarkan kejayaan inisiatif dalam Gelombang 1 dan penjajaran semula peranan PPD dan JPN, Bahagian utama Kementerian, iaitu BPPDP, BPK, BPG, JNJK dan LP akan diperkukuh. Organisasi Kementerian secara keseluruhannya juga perlu distrukturkan semula untuk menghapuskan pelaksanaan tugas secara sendiri dan memindahkan lebih ramai kakitangan ke pejabat JPN dan PPD yang menyediakan sokongan barisan hadapan kepada sekolah.
- **Memperoleh akreditasi antarabangsa dan memantapkan kurikulum untuk program Matrikulasi sebagai persediaan murid ke universiti:** Program Matrikulasi akan diakreditasi ke tahap *Advanced Subsidiary* (AS) atau *Scottish Highers* bagi memastikan program Matrikulasi dikenali di dalam dan luar Malaysia. Program ini akan dijenamakan semula agar menyamai model prauniversiti dengan pelajar mempunyai lebih hak bersuara dalam melaksanakan aktiviti.
- **Memperluas pilihan pendidikan vokasional melalui perjanjian pelaksanaan dengan penyedia pendidikan vokasional swasta:** Rakan industri digalakkan untuk menyediakan latihan di tempat kerja kepada murid; serta diberi

pelbagai insentif seperti pengecualian cukai dan keutamaan akses kepada lulusan untuk diambil bekerja. Bilangan perjanjian pelaksanaan ditingkatkan dengan kolej vokasional swasta untuk menambah tempat dan meluaskan spektrum kursus yang ditawarkan.

Gelombang 3 (2021 - 2025): Menganjak ke arah kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan operasi

Fasa ketiga memberikan tumpuan kepada memacu trajektori peningkatan prestasi sistem pendidikan di Malaysia, iaitu menganjakkannya ke kedudukan sepertiga teratas di dunia, dan memulakan perjalanan menuju kecemerlangan. Fasa ini akan menumpukan perhatian kepada peningkatan pengurusan berasaskan sekolah dan penyemaian budaya kecemerlangan profesional teladan rakan setugas. Kepimpinan sedemikian dijangka lebih berupaya melakukan inovasi dan melonjakkan pencapaian ke tahap yang lebih tinggi dengan memastikan perkara yang berikut dilaksanakan:

- **Memperluas inovasi dan pilihan** bagi meningkatkan penguasaan kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris secara berterusan, dan menyediakan lebih banyak pilihan untuk mempelajari bahasa tambahan;
- **Melaksanakan program dan inovasi ICT** bagi kumpulan keperluan khusus di seluruh negara untuk meningkatkan standard pembelajaran secara berterusan;
- **Memupuk kecemerlangan profesional melalui budaya keteladanan rakan setugas.** Guru dan pengetua/guru besar akan membimbing dan mendorong antara satu dengan yang lain, berkongsi amalan terbaik dan memastikan rakan mereka bertanggungjawab memenuhi standard profesional. Kementerian juga akan mempertimbangkan pembentukan skim pensijilan berkaitan dengan penguasaan kemahiran guru yang digariskan dalam Gelombang 1;
- **Mempertingkatkan pengurusan berasaskan sekolah dengan memberikan lebih autonomi dari segi pelaksanaan kurikulum dan peruntukan belanjawan untuk sekolah yang layak.** Guru dan semua pemimpin sekolah harus menggunakan sepenuhnya peluang yang diberikan. Bagi guru, peluang ini meliputi keluwesan isu profesional yang berkaitan dengan penjadualan waktu kurikulum dan penyusunan pengajaran, serta pendekatan pedagogi dan pentaksiran berasaskan sekolah. Untuk pemimpin sekolah, peluang ini merangkumi keluwesan hal kepimpinan pendidikan seperti penambahbaikan sekolah, perancangan kurikulum dan kokurikulum, serta hal kepimpinan pentadbiran, seperti peruntukan dana sekolah;
- **Memperkasa Kementerian dan menginstitusikan transformasi** melalui pengukuhan kemajuan kerjaya pegawai Kementerian berdasarkan prestasi dan kompetensi; dan
- **Mengkaji semula struktur persekolahan** bagi menentukan keperluan bagi mengoptimumkan laluan dan pilihan persekolahan.

PENYAMPAIAN DENGAN KAEDAH BERBEZA

Penyediaan satu pelan yang dirangka dengan teliti merupakan permulaan proses transformasi yang berkesan. Setelah menyatakan hasrat sistem pendidikan dan tempoh pencapaian, perkara penting seterusnya adalah menjelaskan cara Kementerian melaksanakannya.

Kementerian menggunakan tiga sumber maklumat dan pengalaman dalam usaha mengenal pasti elemen penyampaian yang membolehkannya mengatasi cabaran yang mendatang dengan jayanya: (i) kajian mengenai sistem persekolahan yang paling meningkat di dunia; (ii) contoh kejayaan transformasi di peringkat negeri di Malaysia; dan (iii) analisis mendalam terhadap cabaran khusus yang dihadapi oleh Malaysia dalam usaha menambah baik sistem pendidikan. Elemen penting bagi memula dan mencetus transformasi pendidikan adalah seperti berikut:

Mengukuhkan iltizam dan keupayaan kepimpinan dalam Kementerian

Sistem yang meningkat maju dengan pantas meletakkan pemimpin transformasi (“transformational leaders”) yang berwibawa dalam jawatan utama pada setiap peringkat, sama ada pada peringkat Kementerian, negeri, daerah atau institusi pendidikan. Pemimpin ini memperjuangkan perubahan dan memastikan momentum perubahan yang berterusan. Sebahagian besar daripada mereka diambil daripada dalam sistem, manakala sesetengahnya pula daripada luar sistem sekolah atau Kementerian Pendidikan. Sistem-sistem ini juga mengenal pasti menyemai dan membangunkan keupayaan pemimpin sistem pendidikan generasi akan datang bagi memastikan kesinambungan dan ketekalan usaha transformasi.

Peranan beberapa jawatan dalam Kementerian akan segera diperkukuh bagi membolehkan pemimpin yang menyandang jawatan ini menyokong kejayaan usaha transformasi. Jawatan ini termasuk 16 Pengarah JPN dan 138 Ketua PPD serta 20 hingga 40 lagi jawatan pada peringkat Kementerian. Semua 150 hingga 200 penjawat ini mempunyai hubungan langsung dengan 27,000 kakitangan Kementerian dan 420,000 pengetua/guru besar dan guru. Kementerian telah mula menilai semula profil kompetensi dan membangunkan pelan penggantian bagi memastikan bahawa jawatan ini disandang oleh mereka yang berkemahiran tinggi untuk mentransformasi jabatan dan sekolah di bawah bidang kuasa masing-masing. Bagi guru dan pengetua/guru besar, tujuannya adalah untuk menaikkan pangkat pegawai ke jawatan penting ini berdasarkan pencapaian dan kecekapan mereka dan tidak berdasarkan tempoh perkhidmatan. Kementerian juga akan memastikan pemimpin ini menerima latihan pembangunan profesional yang diperlukan untuk cemerlang dalam peranan mereka. Kepimpinan peringkat tertinggi Kerajaan dan Kementerian, termasuk Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan, beriltizam akan sentiasa menyemak perkembangan, memberi bimbingan dan menyelesaikan isu yang berkaitan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Mewujudkan satu unit kecil yang berdaya tinggi untuk memacu pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

Pengalaman pada peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa bagi menjayakan transformasi dengan rapi dan berdisiplin, satu pejabat pengurusan program yang kecil tetapi berdaya tinggi perlu ditubuhkan bagi menyokong kepimpinan Kementerian. Pejabat ini memantau kemajuan, menyelesaikan masalah, melaksana, dan mengurus komunikasi yang berkaitan dengan transformasi. Kementerian akan menubuhkan Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan atau *Education Performance and Delivery Unit* (PADU) untuk memacu pelaksanaan semua inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia di Kementerian dan di sekolah.

PADU akan memacu pelaksanaan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan berinteraksi dengan pihak awam bagi menyediakan maklumat berkaitan kemajuan Pelan ini dan mengumpul maklum balas secara berterusan. PADU akan menggabungkan fungsi sedia ada Pejabat Pelaksanaan Pendidikan (DMO) dan Pejabat Pengurusan Projek (PMO). Tugas utama PADU adalah memacu pelaksanaan dan menjejak kemajuan semua inisiatif. Selain itu, PADU membantu menyelesaikan masalah dan bertindak sebagai badan yang menyokong dan memaklumkan isu dan masalah pelaksanaan kepada pihak Kementerian secara tetap untuk tindakan selanjutnya. Perlu diberi perhatian bahawa, PADU hanya memainkan peranan sokongan manakala kebertanggungjawaban untuk melaksanakan inisiatif merupakan tanggungjawab pegawai kanan di Kementerian.

Komposisi pegawai yang menerajui PADU adalah penting bagi mencapai kejayaannya. PADU dianggotai oleh seorang ketua yang mempunyai rekod perkhidmatan cemerlang dalam mencapai hasil besar dan pantas, mempunyai kemahiran mempengaruhi dan secara idealnya telah biasa dengan Kementerian atau sekurang-kurangnya dengan perkhidmatan awam. PADU akan dianggotai oleh pegawai yang mempunyai kemahiran dan kepakaran tinggi daripada sektor awam dan swasta. Mereka akan dipilih daripada kalangan yang berbakat tinggi di Malaysia dan memiliki rekod prestasi yang cemerlang dalam penyelesaian masalah, pelaksanaan, dan jalinan kerjasama.

Memperkukuhkan pengurusan prestasi dalaman dan luaran

Kejayaan sesuatu transformasi melampaui reka bentuk program kepada meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Kementerian dengan ketara. Dalam pembaharuan ini, penting diwujudkan sistem pengurusan prestasi yang menetapkan harapan tinggi terhadap setiap individu, memberikan ganjaran atas prestasi cemerlang, menangani masalah prestasi rendah, dan menyediakan sokongan yang diperlukan untuk mencapai sasaran mereka.

Menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang tekal

Lima aspirasi sistem dan inisiatif akan digunakan sebagai asas, dalam menetapkan KPI untuk setiap individu dalam sistem. Pada peringkat permulaan, KPI akan ditetapkan untuk kepimpinan kanan Kementerian iaitu Menteri Pelajaran, Ketua Setiausaha (KSU) dan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM). Prestasi Menteri akan diukur melalui

prestasi pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia secara keseluruhan. Prestasi KSU dan KPPM akan diukur berasaskan kemajuan inisiatif di bawah bidang kuasa masing-masing. Apabila kesemua ini telah disempurnakan, KPI akan ditetapkan untuk baki 150 - 200 jawatan yang dikenal pasti penting dalam pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, termasuk jawatan utama peringkat Kementerian, Pengarah JPN, dan Pegawai Pelajaran Daerah. Akhir sekali, KPI akan diperturunkan kepada individu lain dalam organisasi.

Memantau KPI dengan ketat, menjalankan perbincangan maklum balas secara tetap dan berkesan berasaskan prestasi yang dibezakan, serta menyediakan ganjaran dan tindakan susulan yang bermakna

Penetapan KPI hanya bermakna jika individu diberikan sokongan dan cabaran bagi mencapai sasaran mereka. Maklum balas kemajuan terperinci secara tetap yang digabungkan dengan matlamat, dan ganjaran yang bermakna, serta pengurusan tindakan susulan mesti



digunakan. Setiap enam bulan, Menteri, KSU dan KPPM akan mengadakan sesi perbincangan selama 30 minit bersama-sama individu yang menyandang jawatan utama di Kementerian untuk menjalankan pentaksiran prestasi secara terperinci dan mendapatkan maklum balas. Sesi seperti ini harus dijadikan amalan sehingga ke peringkat bawahan dalam organisasi supaya semua pemimpin dapat memantau dengan ketat pelaksanaan melalui perbincangan prestasi dengan pegawai bawahan mereka. Susulan daripada perbincangan ini, pegawai akan diberikan sokongan pembangunan profesional yang diperlukan untuk meningkatkan prestasi. Jika prestasi mereka berterusan lemah untuk suatu tempoh yang berpanjangan walaupun diberi sokongan pembangunan profesional, pegawai tersebut boleh ditukar dan diberi peranan lain yang lebih sesuai dengan mereka. Dalam jangka panjang, keadaan ini akan menjadi suatu kitaran, iaitu ganjaran dan pengurusan tindakan susulan akan memberikan insentif pada mereka ke arah pencapaian KPI; dan melalui maklum balas kemajuan, sokongan yang diperlukan dapat dikenal pasti untuk mereka mencapai sasaran KPI yang ditetapkan.



Menyiarkan sasaran dan melaporkan prestasi secara berkala

Kementerian memberi komitmen secara telus untuk mencapai sasaran pendidikan, dan KPI Menteri Pelajaran bagi 2015, 2020 dan 2025. Hasil prestasi akan diterbitkan setiap tahun supaya pihak awam boleh mengikuti kemajuan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Mendapatkan sokongan pegawai Kementerian dan pihak berkepentingan lain

Sistem yang berjaya sedar bahawa kejayaan atau kegagalan sesuatu gerakan pembaharuan bergantung pada sokongan daripada ahli terbesar dalam sistem tersebut: ibu bapa, murid, guru, pengetua/guru besar, serta pegawai Kementerian dan pemimpin. Bagi mendapatkan sokongan mereka, kejayaan transformasi bergantung pada pengkalan hubungan berterusan dengan sistem dan pihak awam melalui perundingan, permuafakatan dan dialog yang meluas.

Mendapatkan sokongan pegawai kementerian

Rundingan bersama pegawai Kementerian telah dijalankan secara meluas semasa penyediaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Sesi perbincangan meja bulat secara tertutup telah diadakan dengan pegawai Kementerian dan perbincangan awam dijalankan di setiap negeri bagi mendapatkan pandangan guru dan pengetua/guru besar. Usaha ini adalah permulaan sesi dialog yang akan diadakan secara tetap dan berterusan di semua peringkat Kementerian tentang Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Dalam pelaksanaan inisiatif di bawah Pelan ini, Kementerian akan terus mendapatkan maklum balas daripada semua pegawai Kementerian dan akan memaklumkan secara berterusan tentang kemajuan setiap inisiatif bagi memastikan keseluruhan sistem pendidikan terlibat dalam proses transformasi ini.

Sentiasa berkomunikasi dengan pihak berkepentingan yang lain

Kementerian akan berkomunikasi secara tekal dengan pihak awam tentang rasional perubahan, visi, keutamaan, halangan yang dihadapi, kemajuan, dan keberhasilan yang berkaitan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Kebanyakan komunikasi ini dilakukan melalui pelbagai saluran media, seperti akhbar dan internet. Walau bagaimanapun, Kementerian juga akan mewujudkan saluran komunikasi dua hala bagi membolehkan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia disesuaikan secara berterusan berdasarkan maklum balas pihak awam.

Pertama, Kementerian akan terus mengadakan perbincangan meja bulat secara tertutup dengan kumpulan berkepentingan, seperti kesatuan guru dan kumpulan berkepentingan lain bagi memastikan semua peringkat masyarakat mempunyai suara dan kepentingan dalam transformasi pendidikan ini. Kedua, Kementerian akan berusaha bersungguh-sungguh untuk melibatkan pihak awam dalam pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Usaha ini termasuk meningkatkan pelibatan ibu bapa melalui sarana ibu bapa, melibatkan wakil perniagaan dan bekas murid untuk Sekolah Amanah, dan permuafakatan dengan masyarakat dalam membuat keputusan tentang sekolah kurang murid.

PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN

Pada September 2012, Kementerian telah melancarkan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan memberi peluang kepada rakyat untuk memberikan maklum balas terhadap dokumen tersebut. Dalam tiga bulan berikutnya, Kementerian telah mengadakan sembilan Hari Terbuka, sesi perbincangan tertutup melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, mendapatkan maklum balas daripada Panel Penilai Bebas Malaysia dan sembah maklum kepada Majlis Raja-Raja. Kementerian juga menerima maklum balas daripada lebih 3000 artikel, penulisan blog dan memorandum yang menjadi input kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Laporan akhir Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia telah diluluskan di dalam Mesyuarat Khas Kabinet pada Januari 2013, diikuti dengan pelaksanaan inisiatif di bawah PPPM.

Sistem pendidikan di Malaysia sedang mengalami perubahan yang intensif. Walau bagaimanapun, antara perubahan yang paling signifikan, peningkatan seperti pencapaian dalam pentaksiran antarabangsa hanya dapat dilihat dalam masa beberapa tahun. Pada masa yang sama, Kementerian menyedari keperluan untuk menunjukkan keberhasilan dengan segera dan konsisten untuk membina dan mengekalkan momentum transformasi. Dalam tahun pertama pelaksanaan, Kementerian beriltizam untuk melaksanakan perubahan dan keberhasilan seperti yang ditunjukkan di dalam Ekshibit 8-4.

EKSHIBIT 8-4

Hasil awal dalam tempoh tahun pertama pelaksanaan



Perubahan yang dirancang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia bercita-cita tinggi dan dibentuk ke arah penyampaian transformasi sistem pendidikan yang komprehensif, berterusan, dan pantas. Perubahan ini disusun mengikut tiga gelombang seiring dengan penambahbaikan keupayaan dan kebolehan sistem. Gelombang pertama transformasi akan memberikan tumpuan kepada pengukuhan asas sistem dengan fokus ke atas usaha peningkatan kualiti guru dan penambahbaikan kualiti kepimpinan sekolah. Gelombang kedua akan memperkenalkan lebih perubahan struktur, terdiri daripada pakej kerjaya guru dan pengetua/guru besar yang baharu, dan kurikulum standard sekolah menengah serta kurikulum standard sekolah rendah semakan semula. Gelombang akhir bertujuan mewujudkan budaya kecemerlangan profesional teladan rakan setugas. Hal ini bermaksud keluwesan operasi yang lebih tinggi pada peringkat sekolah – memberikan daerah dan sekolah peluang membuat keputusan yang membawa manfaat kepada komuniti dan murid setempat.

Demi masa hadapan, penggabungan semangat inovasi dan kreativiti dalam sistem pendidikan Malaysia amat perlu untuk memastikannya sentiasa relevan dalam dunia yang berkembang hebat. Anjakan paradigma ini mestilah berlaku pada setiap peringkat, iaitu pusat, negeri, daerah, sekolah, dan guru. Hanya melalui usaha dan transformasi bersepadu setiap pihak berkepentingan, sistem pendidikan Malaysia mampu menangani cabaran abad ke-21 yang sentiasa berubah.



GLOSARI

1BestariNet	Projek melengkapkan sekolah dengan capaian internet 4G dan VLE.
3M	Membaca, Menulis dan Mengira.
4G	Teknologi tanpa wayar generasi keempat, yang boleh digunakan dengan telefon sel, komputer tanpa wayar dan peranti mudah alih. Pengguna akan berupaya mendapat capaian internet yang lebih pantas berbanding rangkaian generasi ketiga (3G) dan juga akses video kejelasan tinggi (<i>high definition</i>), audio kualiti tinggi, dan saluran tanpa wayar kadar data tinggi melalui peranti mudah alih.
AKEPT	Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi.
Band	Kategori sekolah yang diukur berdasarkan pencapaian atas skala 1-7 mengikut skor komposit.
BP	Bahagian Pembangunan.
BISP	Bayaran Insentif Subjek Pendidikan.
BPG	Bahagian Pendidikan Guru.
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum.
BPKhas	Bahagian Pendidikan Khas.
BPPA	Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset.
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
BPSBPSK	Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan.
BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian.
BPSM	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.
BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan.
BPTV	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional.
Cambridge 1119	Kertas peperiksaan Bahasa Inggeris '1119' setaraf dengan GCE O-level.
CEFR	<i>Common European Framework for References.</i>
CPD	<i>Continuous Professional Development</i> atau Pembangunan Profesional Berterusan.
CPT	<i>Cambridge Placement Test.</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru.

DE	<i>Development Expenditure</i> atau perbelanjaan pembangunan untuk hartanah dan kilang, bangunan, infrastruktur dan aset lain.
DG[#]	Kategori perjawatan perkhidmatan awam untuk pendidikan.
Dialog Nasional Pendidikan Negara (DNPN)	Proses pelibatan dan perundingan bersama pelbagai pihak berkepentingan dan melibatkan hampir 12,000 orang awam berkaitan sistem pendidikan Malaysia, yang dilaksanakan dari April hingga Julai 2012.
DKM	Diploma Kemahiran Malaysia.
DVM	Diploma Vokasional Malaysia iaitu sijil kelayakan lepas menengah bagi pendidikan vokasional.
ECCE	<i>Early Childhood Care Education</i> atau Pendidikan Awal dan Asuhan Kanak-kanak.
ELTC	<i>English Language Training Centre</i> iaitu Pusat Latihan Bahasa Inggeris.
EMIS	<i>Education Management Information System</i> iaitu Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan.
EU	<i>European Union</i> .
FELDA	<i>Federal Land and Development Authority</i> atau Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.
GDP	<i>Gross Domestic Product</i> iaitu Keluaran Dalam Negara Kasar.
GPS	Gred Purata Sekolah, iaitu purata wajaran markah terkumpul murid untuk semua pentaksiran nasional yang diduduki oleh murid di sekolah. Ia dijadikan penilaian pencapaian akademik sekolah.
GTP	<i>Government Transformation Programme</i> atau Program Transformasi Kerajaan. Satu inisiatif Kerajaan Malaysia untuk menangani bidang keutamaan yang menjadi tumpuan rakyat dan pada masa yang sama menyokong transformasi Malaysia menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi selaras dengan Wawasan 2020.
HPS	<i>High Performing School</i> atau Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT).
IAB	Institut Aminuddin Baki iaitu institut latihan untuk pengurusan dan kepimpinan pendidikan.
IB	<i>International Baccalaureate</i> .
ICT	<i>Information, Communication and Technology</i> atau Teknologi Maklumat dan Komunikasi.
IEA	<i>International Association for the Evaluation of Educational Achievement</i> .
IGCSE	<i>International General Certificate of Secondary Education</i> .
IOM	<i>Indigenous and other minority groups</i> , iaitu Peribumi dan Kumpulan Minoriti lain. Rujuk Perlembagaan Persekutuan 1965.

IPG	Institut Pendidikan Guru.
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam.
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta.
ITBM	Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
ISO	<i>International Organisation for Standardisation</i> , iaitu Pertubuhan Pemiawaian Antarabangsa.
ISTE	<i>International Society for Technology in Education</i> , iaitu Persatuan Antarabangsa Teknologi dalam Pendidikan.
ITU	<i>International Telecommunications Union</i> , iaitu Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa.
JNJK	Jemaah Nazir Dan Jaminan Kualiti.
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam.
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri.
K9 Sekolah Modal Komprehensif	Sekolah yang menyediakan kemudahan asrama untuk murid IOM sekolah rendah Tahun 1 hingga sekolah menengah Tingkatan 3. Objektif utama adalah untuk mengurangkan kadar keciciran murid antara Tahun 6 dan Tingkatan 1.
KAP	Kurikulum Asli dan Penan.
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Kurikulum ini akan digantikan dengan KSSM.
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah. Kurikulum ini dalam proses digantikan dengan KSSR.
KEDAP	Kelas Dewasa Orang Asli dan Pribumi.
Kelas Peralihan	Kelas Peralihan iaitu program peralihan selama satu tahun untuk meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia dalam kalangan murid SJKC atau SJKT ke SMK.
KKPP	Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan.
KOMPAS	Kompetensi Pemimpin Sekolah.
KPI	<i>Key Performance Indicators</i> atau Petunjuk Prestasi Utama.
KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah.
KPPM	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah. Kurikulum berasaskan standard untuk sekolah menengah dan akan mula dilaksanakan untuk murid Tingkatan 1 pada 2017.

KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Kurikulum berasaskan standard untuk sekolah rendah telah dilaksanakan pada 2011.
KSU	Ketua Setiausaha.
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KV	Kolej Vokasional.
KWAPM	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin. Satu program Kementerian Pendidikan bertujuan memberi bantuan kewangan untuk murid miskin
Laluan Pintas	Program untuk murid berprestasi cemerlang yang mampu mempercepatkan tempoh belajar di sekolah rendah selama lima tahun dan sekolah menengah dalam tempoh empat tahun.
LEPAI	Lembaga Penasihat dan Penyelarasan Pendidikan Agama Islam.
LINUS	<i>Literacy and Numeracy Screening Programme</i> iaitu Program Penyaringan Literasi dan Numerasi. Program pemulihan direka untuk memastikan murid menguasai kemahiran literasi dan numerasi pada akhir tahun ke tiga pendidikan sekolah rendah.
LNPT	Laporan Nilai Prestasi Tahunan.
LP	Lembaga Peperiksaan.
MBMMBI	Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuhkan Bahasa Inggeris.
MBS	<i>Modified Budgeting System</i> iaitu Sistem Belanjawan Diubah Suai.
MOSTI	<i>Ministry of Science, Technology and Innovation</i> iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.
MOU	<i>Memorandum of Understanding</i> iaitu Memorandum Persefahaman
MPM	Majlis Peperiksaan Malaysia bertanggungjawab menguruskan peperiksaan STPM
MQA	<i>Malaysian Qualifications Agency</i> iaitu Agensi Kelayakan Malaysia.
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA.
MYP	<i>Middle Years Programme</i> , iaitu sebahagian daripada program IB.
NETS	<i>National Education Technology Standards</i> atau Standard Teknologi Pendidikan Kebangsaan.
NKEA	<i>National Key Economic Area</i> atau Bidang Ekonomi Utama Negara. Sektor ekonomi akan memacu pertumbuhan ekonomi di bawah Program Transformasi Ekonomi. Pendidikan merupakan salah satu usaha NKEA.
NKRA	<i>National Key Result Area</i> iaitu bidang Keberhasilan Utama Negara. Bidang yang akan diutamakan oleh kerajaan Malaysia adalah untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan kerajaan. Pendidikan merupakan salah satu inisiatif NKRA.

NPQEL	<i>National Professional Qualification for Educational Leaders</i> atau Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan.
NPQH	<i>National Professional Qualification for Headship</i> iaitu Program Kelayakan Profesional Kebangsaan bagi Pemimpin Sekolah.
OBB	<i>Outcome Based Budgeting</i> iaitu Bajet Berasaskan <i>Outcome</i> .
OE	<i>Operating Expenditure</i> atau perbelanjaan operasi termasuk emolumen, perbekalan dan perkhidmatan, penyelenggaraan aset, penganugerahan dan bayaran insentif.
OECD	<i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i> iaitu Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi.
OMA	<i>Operating and Management Agreement</i> atau Perjanjian Operasi dan Pengurusan.
OPS English	<i>Oral Proficiency in English language for Secondary School programme</i> atau Program Kecekapan Lisan Bahasa Inggeris untuk Sekolah Menengah.
OJT	<i>on-the-job training</i> atau latihan semasa bekerja.
PADU	<i>Education Performance and Delivery Unit</i> atau Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan. Unit baharu yang akan diwujudkan di Kementerian Pendidikan untuk memantau pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.
PAV	Pendidikan Asas Vokasional.
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
PCG	<i>Per Capita Grant</i> iaitu Geran Per Kapita.
PEMANDU	<i>Performance Management and Delivery Unit</i> atau Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan iaitu sebahagian daripada Pejabat Perdana Menteri untuk memantau pelaksanaan, menilai kemajuan, membimbing serta menyokong penyampaian dan kemajuan GTP dan Program Transformasi Ekonomi.
Percentage of GPS	Peratusan GPS. Dikira dari GPS sekolah bagi membolehkan perbandingan di antara penilaian peringkat kebangsaan berdasarkan satu formula standard yang merupakan penilaian pencapaian akademik sekolah.
PERMATApintar	Program pendidikan murid pintar cerdas nasional
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan.
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru.
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010.

PISA	<i>Programme For International Student Assessment</i> , program penilaian murid antarabangsa, yang diiktiraf dengan meluas dan dikoordinasikan oleh OECD. Dilaksanakan setiap 3 tahun, PISA mensasarkan untuk menilai kecekapan dalam Bacaan, Matematik dan Sains murid berusia 15. tahun.
PMR	Penilaian Menengah Rendah yang diambil oleh murid di Tingkatan 3.
POL	<i>Pupil's Own Language</i> .
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah.
PPP	<i>Public-private partnership</i> atau perkongsian sektor awam dan swasta.
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.
Program Transformasi Daerah	Program untuk setiap negeri dan daerah meningkatkan pencapaian sekolah
ROI	<i>Return on Investment</i> atau pulangan atas pelaburan.
RIMUP	Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan. Program yang memupuk interaksi antara sekolah berlainan jenis melalui aktiviti kokurikulum.
RMT	Rancangan Makanan Tambahan.
Rukun Negara	Prinsip Negara Bangsa atau falsafah negara yang diterima buat pertama kalinya pada tahun 1970 melalui perisytiharan di Raja.
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.
SAPS	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah.
SBP	Sekolah Berasrama Penuh.
SBT	Sekolah Berprestasi Tinggi.
SEAMEO-SEN	<i>Southeast Asian Ministers of Education Organisation Regional Centre for Special Education</i> iaitu Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara - Pusat Serantau Pendidikan Khas.
Sistem Set	Murid diletakkan dalam kumpulan yang mempunyai tahap penguasaan bahasa Inggeris yang sama. Setiap set lebih kecil berbanding bilangan murid satu kelas (20 hingga 30 murid). Ini membolehkan guru mereka bentuk pedagogi berdasarkan tahap kemahiran dan keperluan pembelajaran bahasa Inggeris.
SEIP	<i>Special Education Integrated Programme</i> iaitu Program Integrasi Pendidikan Khas. Sekolah aliran perdana menyediakan kelas pendidikan khas melibatkan murid berkeperluan khas.
SISC+	<i>School Improvement Specialist Coach</i> iaitu Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah.

SIPartner+	<i>School Improvement Partner</i> iaitu Rakan Peningkatan Sekolah. Terma untuk pembimbing pengetua/guru besar.
SIP	<i>School Improvement Programme</i> iaitu Program Peningkatan Sekolah.
SIS	<i>Student Information System</i> atau Sistem Maklumat Murid.
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.
SK	Sekolah Kebangsaan.
SK (Asli)	Sekolah Kebangsaan (Orang Asli). Sekolah Kebangsaan yang menyediakan kurikulum khas untuk kumpulan murid Orang Asli melalui kurikulum KAP.
SKM (1)	Sekolah Kurang Murid.
SKM (2)	Sijil Kemahiran Malaysia.
SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia iaitu standard yang ditentukan oleh JNJK mengenai kualiti pendidikan di sekolah. Standard ini digunakan untuk penilaian sendiri yang dijalankan oleh sekolah.
Skor Komposit	Satu bentuk penilaian pencapaian sekolah yang dibangunkan untuk program NKRA. Penetapan skor mengambil kira pengiraan purata peratusan GPS (70%) sekolah dan SKPM (30%).
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan.
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama.
SMM	Sistem Maklumat Murid.
SMV	Sekolah Menengah Vokasional.
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia yang diambil oleh murid di Tingkatan 5.
SPP	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.
SPPBS	Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
SSQS	<i>Smart School Qualification Standards</i> iaitu Standard Kelayakan Sekolah Bestari.
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia. Kelayakan lepas menengah yang diiktiraf setara dengan STPM.
STEM	<i>Science, Technology, Engineering and Mathematics</i> iaitu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik.

STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang diambil oleh murid di Tingkatan 6.
TALIS	<i>Teaching and Learning International Survey.</i>
Tahfiz	Pendidikan agama pada peringkat rendah dan menengah bertumpukan kepada pengajian Islam dan mata pelajaran akademik. Tumpuan adalah ke atas hafalan dan kefahaman ayat dan kandungan Al-Quran.
TFM	<i>Teach for Malaysia.</i>
TIMSS	<i>Trends in International Mathematics and Science Study</i> , penilaian antarabangsa pencapaian murid untuk mata pelajaran Matematik dan Sains yang dilaksanakan setiap empat tahun untuk murid Gred 4 dan 8 (bersamaan Tahun 4 dan Tingkatan 2).
Sekolah Amanah	Sekolah kerajaan yang ditadbir secara perkongsian antara rakan swasta dan pemimpin sekolah. Sekolah Amanah menerima autonomi membuat keputusan yang lebih tinggi serta lebih bertanggungjawab untuk membolehkan inovasi dan meningkatkan keberhasilan murid.
UNDP	<i>United Nations Development Programme</i> iaitu Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation</i> iaitu Pertubuhan Pelajaran, Sains, dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu.
Skala Sejagat	Skala yang menyelaraskan keputusan pentaksiran antarabangsa seperti TIMSS, PISA, NAEP dan pentaksiran yang lain supaya perbandingan keputusan antara negara dapat dilakukan.
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah yang diambil oleh murid di Tahun 6.
VLE	<i>Virtual Learning Environment</i> atau persekitaran pembelajaran maya.

LAMPIRAN

Lampiran I: Sejarah Ringkas Pendidikan di Malaysia

Sejak kemerdekaan, pendidikan di Malaysia telah melalui pelbagai perubahan besar dan pembangunan yang ketara. Daripada satu sistem yang bercapah dan berpecah berdasarkan keperluan kaum, pendidikan di Malaysia telah berubah kepada satu sistem yang berusaha untuk mencapai perpaduan negara berdasarkan acuan sendiri. Malaysia berhasrat untuk membangunkan masyarakat berdaya saing, bersatu dan berdaya tahan dalam berdepan dengan cabaran dan kesukaran.

Petikan daripada “Pendidikan di Malaysia: Ke Arah Kecemerlangan” 2008, Kementerian Pelajaran Malaysia

SEBELUM MERDEKA: PENDIDIKAN SEMASA PEMERINTAHAN BRITISH (1824-1957)

Sebelum mencapai kemerdekaan daripada kerajaan British pada 1957, didapati tidak ada satu sistem pendidikan yang bersepadu. Setiap kaum menubuhkan sekolah masing-masing. Sekolah Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil mempunyai bahasa pengantar, kurikulum, buku dan guru yang dilantik sendiri. Kanak-kanak berbilang kaum hanya dapat belajar bersama-sama di sekolah Inggeris. Guru sekolah Cina dan Tamil dibawa masuk dari China dan India, manakala orang Melayu dilatih untuk menjadi guru sekolah Melayu. Pada masa itu, pendidikan berfokus kepada mengekalkan kesetiaan terhadap negara asal mereka, menyebabkan berlakunya pengasingan antara kaum.

SELEPAS MERDEKA: PENDIDIKAN SELEPAS KEMERDEKAAN (1957-1970)

Sebelum kemerdekaan, terdapat kesedaran dalam kalangan pemimpin dan rakyat tempatan untuk menggantikan sistem pendidikan yang ditinggalkan oleh penjajah dengan satu sistem pendidikan untuk semua. Kesedaran ini membawa kepada terhasilnya Penyata Razak 1956. Laporan Jawatankuasa Pendidikan 1956 telah mengesyorkan penubuhan satu sistem pendidikan yang mempunyai ciri nasional dan menjamin peluang pendidikan tanpa mengira kaum atau pegangan agama. Dasar pendidikan yang digariskan dalam Penyata Razak merupakan asas kepada pembentukan sistem pendidikan kebangsaan berteraskan perpaduan.

Pada 1960, satu Jawatankuasa Penilai telah ditubuhkan untuk melihat pelaksanaan syor yang dikemukakan oleh Penyata Razak. Dapatan daripada Jawatankuasa ini yang lebih dikenali sebagai Penyata Rahman Talib mengesahkan dasar pendidikan yang disyorkan dalam Penyata Razak dan penerimaan rakyat terhadap Penyata ini. Cadangan daripada kedua-dua Penyata ini menjadi komponen penting dalam Akta Pendidikan 1961. Akta ini juga telah dikuatkuasakan pada 1976 di Sabah dan di Sarawak (Rujuk Ekshibit I-1 untuk senarai laporan pendidikan yang utama).

EKSHIBIT I-1

Senarai Laporan Jawatankuasa Pendidikan Utama

- 1 Laporan Barnes 1951
- 2 Laporan Fenn-Wu 1951
- 3 Laporan Razak 1956
- 4 Laporan Rahman Talib 1960
- 5 Laporan Jawatankuasa Pengajian Tinggi 1967
- 6 Laporan Keciciran 1973
- 7 Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979
- 8 Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai Latihan 1991

Cabaran utama dihadapi oleh negara baharu ini selepas Merdeka ialah perpaduan dan pendemokrasian pendidikan. Pada waktu itu, usaha penggabungan jenis sekolah yang pelbagai ini kepada sistem pendidikan yang kohesif, menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar telah dimulakan. Pada 1957, semua sekolah rendah telah diklasifikasi sebagai sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah jenis kebangsaan (SJK). Sekolah yang bahasa pengantarnya bahasa kebangsaan dikenali sebagai SK, manakala sekolah Inggeris, sekolah Cina dan sekolah Tamil menjadi SJK menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar. Bahasa kebangsaan dijadikan mata pelajaran wajib di semua SJK.

SJK Inggeris diubah status menjadi SK secara berperingkat bermula 1968, dengan pelaksanaan lima mata pelajaran diajar dalam bahasa Malaysia untuk murid Tahun 1 hingga Tahun 3.

Sekolah menengah jenis kebangsaan Inggeris dan Cina diubah status menjadi sekolah menengah jenis kebangsaan (SMJK) dengan diberi bantuan penuh atau separa, manakala sekolah persendirian Cina yang memilih untuk akur kepada dasar pendidikan kebangsaan telah diklasifikasikan sebagai Sekolah Bantuan Kerajaan (Conforming Schools). Tahun 1958 menyaksikan permulaan bahasa kebangsaan digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah menengah.

Kelas menengah dengan bahasa pengantarnya bahasa Malaysia ditumpangkan pada mulanya di sekolah menengah aliran Inggeris. Lama kelamaan, kelas ini berkembang menjadi SMK.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Institut Bahasa (LI) merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk membangunkan bahasa Melayu. Fungsi utama LI adalah untuk melatih guru Bahasa Melayu, manakala DBP dipertanggungjawab untuk meneguhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan menerbitkan buku dalam bahasa kebangsaan.

Pada 1962, yuran sekolah dimansuhkan di semua sekolah rendah bantuan kerajaan. Pendidikan rendah percuma diberikan kepada semua murid tanpa mengira kumpulan etnik. *Malaysian Secondary School Examination* dan ujian kemasukan ke sekolah menengah yang dijalankan pada tahun sebelumnya, dimansuhkan di Semenanjung pada 1964, di Sarawak pada 1974 dan di Sabah pada 1977. Pendidikan asas dilanjutkan daripada enam tahun kepada sembilan tahun di Semenanjung Malaysia.

Agenda nasional untuk menyatupadukan pelbagai kumpulan etnik di Tanah Melayu bermula dengan perubahan kurikulum. Perubahan kurikulum ditumpukan kepada menyemak semula sukatan pelajaran yang ada dan mereka bentuk kandungan kurikulum yang seragam bercirikan Malaysia. Kajian semula secara menyeluruh ke atas skop dan kandungan apa yang diajar di sekolah kali pertama diadakan pada 1956. Jawatankuasa Kajian Semula Sukatan Pelajaran telah dibentuk pada 1964 untuk menilai semula, meminda, dan dalam kes tertentu merangka sukatan pelajaran yang baharu. Sistem pendidikan yang komprehensif untuk sekolah menengah rendah diperkenalkan pada 1965. Pendidikan teknik dan vokasional telah diberi penekanan dengan pembentukan Bahagian Teknik dan Vokasional di Kementerian Pelajaran pada 1964.

PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DALAM ERA DASAR EKONOMI BARU (1971-1990)

Isu sosial dan ekonomi merupakan dua aspek penting dalam merangka pembangunan pendidikan negara dari 1971 hingga 1990. Keharmonian kaum dan usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi dalam kalangan masyarakat adalah penting untuk mengekalkan pembangunan, kestabilan dan kemajuan negara. Era Dasar Ekonomi

Baru (DEB) ini merupakan satu era yang penting untuk mencapai perpaduan dan pembangunan secara menyeluruh, dengan memberi tumpuan kepada pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat Malaysia, serta mengelakkan pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi dan lokasi geografi. Usaha yang sangat penting pada waktu ini termasuk meningkatkan pendapatan golongan miskin terutama di kawasan luar bandar serta merapatkan jurang antara kaum dan lokasi. Kerajaan juga berusaha meningkatkan pengeluaran dan mewujudkan lebih banyak peluang dalam sektor perdagangan, industri, dan profesional.

DEB telah membawa kepada perubahan signifikan dalam sistem pendidikan nasional dengan semua murid mengikuti kurikulum dan menduduki peperiksaan yang sama. Pendidikan Sivik diperkenalkan sebagai satu mata pelajaran untuk memupuk semangat berdikari dalam kalangan murid. Mata pelajaran Sains dan Teknikal ditawarkan di peringkat menengah untuk melahirkan lebih ramai tenaga mahir dalam bidang sains dan teknologi.

Matlamat untuk mencapai perpaduan nasional melalui penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di semua sekolah rendah menengah bermula sejak 1970, dengan pelaksanaan secara berperingkat. Di Semenanjung dan di Sabah, bahasa Inggeris dimansuhkan sebagai bahasa pengantar peringkat rendah bermula 1975, peringkat menengah pada 1982, dan peringkat lepas menengah pada 1983. Di Sarawak, perubahan dalam bahasa pengantar dilaksanakan pada 1977, bermula dengan murid Tahun 1.

Kini bahasa kebangsaan menjadi bahasa pengantar di semua SK dan mata pelajaran wajib di SJKC dan SJKT. Bahasa Inggeris diajar sebagai bahasa kedua di semua sekolah. Pada 1980, peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dijalankan dalam bahasa Malaysia. Pada 1970, bahasa Inggeris tidak lagi menjadi bahasa pengantar untuk latihan guru sekolah rendah.

Penyediaan peluang pendidikan yang pada peringkat awalnya lebih tertumpu di kawasan bandar telah diperluas ke kawasan luar bandar. Lebih banyak sekolah dibina di kawasan luar bandar untuk memberi akses kepada murid luar bandar, terutama dalam kalangan mereka yang kurang mampu. Kerajaan juga telah memperkenalkan program sokongan seperti sekolah berasrama penuh (SBP), sekolah sains, asrama sekolah luar bandar, skim bantuan buku teks, dan program TV Pendidikan. Kerajaan juga meluaskan peruntukan biasiswa, program makanan tambahan, dan program kesihatan.

Pada 1974, satu Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan untuk mengkaji pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan. Fokus Jawatankuasa ini adalah untuk memastikan sistem pendidikan negara dapat melahirkan warganegara yang bersatu padu, progresif, berdisiplin, dan berpotensi dalam pelbagai bidang seperti yang diperlukan bagi mencapai misi negara. Hasil Laporan Jawatankuasa Kabinet ini, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) telah dibentuk pada 1983 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada 1989. Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah dirangka pada 1988 untuk menjadi panduan dan mengukuhkan sistem pendidikan negara.

PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DALAM ERA DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (1991-2000)

Perubahan drastik dalam pendidikan berlaku dalam dekad terakhir abad ke-20. Pembangunan pesat dalam ICT telah mempercepatkan era globalisasi. Sejajar dengan cabaran globalisasi dan era teknologi maklumat, Wawasan 2020 telah dilancarkan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 1991 untuk memacu aspirasi rakyat Malaysia mencapai status negara maju pada 2020. Sejajar dengan hasrat tersebut, Kementerian merangka satu sistem pendidikan untuk mencapai wawasan ini. Langkah awal telah diambil dengan meminda peruntukan undang-undang bagi pendidikan supaya lebih relevan dengan keperluan semasa, justeru Akta Pendidikan 1961 diganti dengan Akta Pendidikan 1996.

Satu daripada pindaan utama yang dilakukan ialah dengan memasukkan pendidikan prasekolah ke dalam sistem pendidikan kebangsaan. Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 juga dipinda bagi membolehkan penubuhan lebih banyak institusi pendidikan tinggi swasta. Kementerian telah menggubal akta baharu dan melakukan pindaan terhadap akta yang ada untuk menggalakkan pembangunan pendidikan tinggi yang lebih sistematik. Akta tersebut ialah:

- **Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996:** Membenarkan penubuhan Majlis yang akan menentukan dasar dan mengurus pembangunan pendidikan tinggi.
- **Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996:** Memberi jaminan kualiti, terutama untuk program pendidikan tinggi swasta.
- **Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1996:** Memberikan lebih autonomi dari segi kewangan dan pengurusan kepada IPTA
- **Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997:** Menyediakan pinjaman dan dana bagi meningkatkan akses kepada pengajian tinggi.

Satu langkah utama pada masa ini adalah untuk meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi dengan menubuhkan lebih banyak universiti awam, kolej universiti, kolej matrikulasi, kolej komuniti, kolej swasta dan universiti, termasuk kampus cawangan universiti luar negara. Maktab Perguruan Sultan Idris dinaik taraf kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 1997. Program Diploma Pendidikan juga diperkenalkan untuk menggantikan program Sijil Perguruan bagi guru praperkhidmatan di maktab perguruan.


Pelbagai langkah juga diambil untuk meningkatkan kualiti kepimpinan dalam kalangan pemimpin sekolah. Institut Aminuddin Baki (IAB) telah diberi kepercayaan untuk memberikan latihan kepimpinan dan pengurusan kepada pemimpin dan pengurus sekolah. Satu lagi perubahan signifikan yang berlaku pengenalan kepada konsep terbuka untuk peperiksaan SPM dan STPM pada 2000.

PEMBANGUNAN PENDIDIKAN SEMASA ERA DASAR WAWASAN NASIONAL (2001-2010)

Globalisasi, liberalisasi dan pembangunan pesat ICT terus mempengaruhi pembangunan sistem pendidikan kebangsaan. Cabaran untuk negara pada ketika itu ialah untuk melahirkan modal insan yang berpengetahuan, cekap, dan berdaya saing pada peringkat global.

Dasar Pendidikan Kebangsaan telah dirangka berdasarkan Ordinan Pelajaran 1957, yang kemudiannya dipinda melalui Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960 dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979. Dasar Pendidikan diperkukuh lagi melalui perundangan dan pindaan akta yang berikut (rujuk Ekshibit I-2)

EKSHIBIT I-2



Pelbagai langkah telah diambil untuk menyediakan infrastruktur berkualiti dan meningkatkan kemudahan pendidikan di semua institusi pendidikan bagi menampung pertambahan enrolmen murid. Pembangunan kompetensi dan kecekapan pemimpin, guru dan pegawai pendidikan juga menjadi agenda utama dalam era ini. Konsep penurunan kuasa (empowerment) dan organisasi pembelajaran (learning organisation) dipupuk dan digalakkan dengan meluas. Peruntukan kewangan disediakan untuk menggalakkan pembangunan sumber manusia secara berterusan. Program seperti latihan dalam perkhidmatan untuk pembangunan pengurusan, kepimpinan, dan kemahiran membuat kajian dijalankan di semua peringkat Kementerian. Usaha ini adalah untuk melaksanakan sistem pengurusan pendidikan yang kompeten dan cekap, yang mampu memberikan pendidikan berkualiti dan relevan kepada negara.

Pelan Pembangunan Pendidikan 2001-2010

Pelan Pembangunan Pendidikan mengambil kira matlamat dan aspirasi Dasar Wawasan Negara untuk membina negara yang berdaya tahan, menggalakkan kewujudan masyarakat yang adil, mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang lestari, membangunkan masyarakat berdaya saing di peringkat global, membina ekonomi berdasarkan pengetahuan (K-ekonomi), mengukuhkan pembangunan sumber manusia dan mengekalkan pembangunan alam sekitar yang lestari.

Matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan ini adalah untuk memastikan semua warganegara mempunyai peluang, dari segi akses, ekuiti dan kualiti, untuk mengikuti pendidikan formal selama 12 tahun. Kementerian juga telah menggariskan matlamat dan strategi untuk membangunkan lagi potensi individu secara holistik dan bersepadu bagi melahirkan individu yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pelan ini termasuk strategi untuk memupuk kreativiti dan inovasi dalam kalangan murid, memperkaya budaya pembelajaran, membangunkan budaya sains dan teknologi, menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, serta menyediakan sistem pendidikan berkualiti, cekap, dan berkesan.

Pelan Pembangunan Pendidikan ini memberi tumpuan kepada pembangunan prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan pendidikan tinggi, yang diperkukuh melalui pembangunan program sokongan, dana, pengurusan dan integrasi ICT. Pelan Pembangunan Pendidikan digunakan sebagai kerangka bagi menyediakan pelan tindakan untuk pembangunan pendidikan, yang merangkumi peluasan dan pengukuhan program sedia ada serta menggantikan program yang tidak relevan dengan program yang lebih realistik dengan keperluan pendidikan semasa dan masa depan. Pelan Pembangunan Pendidikan dirangka berdasarkan empat teras: (i) meningkatkan akses kepada pendidikan, (ii) meningkatkan ekuiti dalam pendidikan, (iii) meningkatkan kualiti pendidikan dan (iv) meningkatkan tahap kompetensi dan kecekapan pengurusan pendidikan.

Bagi melaksanakan program dalam Pelan Pembangunan Pendidikan ini, Kerajaan Persekutuan sentiasa menambah peruntukan dana untuk Kementerian. Kementerian juga sentiasa menggalakkan badan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta serta individu untuk memberi sokongan kewangan, dan menawarkan yuran yang kompetitif kepada pelajar antarabangsa yang belajar di sekolah atau institusi pendidikan di Malaysia. Pelibatan sektor swasta dalam pendidikan tinggi amat menggalakkan. Kerjasama pintar, insentif, program berkembar, dan perkongsian kos dalam latihan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) membantu kerajaan mencapai matlamat pendidikan.

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010)

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dilancarkan pada bulan Januari 2007 bagi memperinci agenda pendidikan dalam Rancangan Malaysia Ke-9. PIPP menggariskan enam teras yang mencerminkan objektif misi nasional, iaitu membina negara bangsa, membangunkan modal insan, memperkasakan sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan, memartabatkan profesion keguruan, dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan.

Kementerian mewujudkan PIPP 2006 - 2010 sebagai satu dokumen perancangan pendidikan yang menyeluruh berdasarkan tiga aspek utama, iaitu infrastruktur, kandungan, dan sumber manusia. Matlamat utama PIPP adalah untuk menyediakan pendidikan berkualiti untuk semua. Dua pendekatan utama dikenal pasti dalam Rancangan Malaysia Ke-9 bagi memastikan matlamat ini dicapai, iaitu:

- Menyempurnakan tugas yang dinyatakan di bawah pelan lima tahun sebelum ini, memastikan akses kepada pendidikan untuk semua, dan memberikan peluang yang sama untuk semua murid.
- Meningkatkan lagi potensi sekolah dalam kluster institusi pendidikan, membolehkan guru dan murid meningkatkan prestasi sekolah dan sistem pendidikan negara pada tahap antarabangsa.

PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MELALUI BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA (NKRA) 2010-2012

Pada 2010, Kerajaan melancarkan NKRA di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP). Kerajaan memberi fokus kepada empat inisiatif di bawah program ini bagi meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti:

- **Meningkatkan enrolmen prasekolah:** Kajian menunjukkan lima tahun pertama merupakan masa yang paling kritikal dalam tempoh perkembangan kanak-kanak. Oleh itu, NKRA menasaskan peningkatan enrolmen murid prasekolah, terutamanya di kawasan luar bandar, daripada 67% kepada 87% menjelang 2012;
- **Memastikan literasi bahasa Malaysia and numerasi (LINUS):** LINUS dirangka untuk memastikan setiap murid dapat menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi selepas tiga tahun menjalani pendidikan rendah arus perdana menjelang akhir 2012, bermula dengan pencapaian asas pada kadar 80% pada 2009;
- **Membangunkan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT):** Kementerian bercadang untuk membangunkan 100 SBT menjelang 2012 yang setanding dengan standard antarabangsa. Status sebagai SBT akan memberikan sekolah keluwesan dari segi operasi dalam usaha mereka meningkatkan keberhasilan murid. Sehingga kini 91 sekolah sudah dikenal pasti sebagai SBT; dan
- **Memperkenalkan Tawaran Baharu (Bai'ah) untuk pengetua/guru besar:** Satu program insentif prestasi dikenali sebagai Tawaran Baharu untuk pengetua/guru besar yang memberi ganjaran kepada sekolah yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam masa yang singkat, dan sekolah yang mengekalkan prestasi tinggi, diperkenalkan bagi menggalakkan pengetua/guru besar meningkatkan prestasi secara signifikan.

Dalam tempoh dua tahun pelaksanaan, program pendidikan di bawah NKRA ini telah mencapai keputusan yang memberangsangkan dalam meningkatkan kualiti sistem pendidikan, contohnya melalui peningkatan literasi dan numerasi asas. Sasaran yang ditetapkan di bawah NKRA menunjukkan peningkatan yang amat menggalakkan bagi meneruskan peningkatan dalam pendidikan.

Lampiran II. Metodologi

Penyediaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 adalah suatu usaha teguh dan menyeluruh serta melibatkan kerjasama dengan pelbagai lapisan rakyat Malaysia. Penyediaan laporan ini dilaksanakan dalam tiga fasa. Fasa pertama, kajian semula secara diagnostik dan menyeluruh mengenai sistem pendidikan. Fasa ini bertujuan menilai tahap prestasi semasa serta mengenal pasti bidang keutamaan bagi penambahbaikan sistem. Fasa ini melibatkan analisis data kebangsaan dan antarabangsa termasuk lawatan ke negeri dan sekolah. Beberapa organisasi antarabangsa dan tempatan seperti UNESCO, Bank Dunia dan enam universiti tempatan, telah memberikan sumbangan ke atas penilaian sistem pendidikan negara. Fasa kedua, melibatkan penerokaan lanjut isu pelaksanaan, dan perincian mengenai program transformasi secara keseluruhan yang akan dilaksanakan dalam tempoh 2013-2025. Tumpuan khusus diberikan kepada pelaksanaan transformasi dalam Gelombang 1 (2013-2015). Bagi tujuan ini, satu siri Dialog Nasional Pendidikan Negara telah diadakan untuk mengenal pasti isu pendidikan yang dekat di hati rakyat serta mengumpul idea transformasi pendidikan daripada mereka. Pandangan yang pelbagai dan luas cakupannya, telah dikumpul daripada hampir 12,000 peserta dan beberapa pihak berkepentingan utama. Pandangan ini telah dijadikan asas pembentukan Pelan Pembangunan ini. Satu siri makmal pendidikan juga telah diadakan untuk mereka bentuk dan membangunkan inisiatif di bawah Gelombang 1 (2013-2015). Kerjasama dengan beberapa kumpulan berkepentingan yang relevan juga telah diadakan dalam makmal ini. Panel Penilai Bebas Malaysia dan Panel Penilai Bebas Antarabangsa juga telah memberikan input dan cadangan bebas dalam kedua-dua fasa ini. Kemuncak fasa kedua adalah pelancaran Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Fasa ketiga melibatkan pengumpulan maklum balas terhadap Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, analisis lanjutan, dan perincian bagi inisiatif yang terkandung dalam Pelan ini. Kementerian telah mengadakan sembilan Hari Terbuka di seluruh negara dan mengadakan perbincangan dengan pihak berkepentingan untuk mendapatkan maklum balas. Kementerian juga telah menganalisis maklum balas yang dikemukakan oleh rakyat dan masyarakat sivil melalui penganjuran hampir 20 seminar secara bersendirian serta 3,000 artikel dan paparan blog.

STRUKTUR TADBIR URUS

Pada Oktober 2011, struktur tadbir urus untuk penyediaan Pelan ini telah ditetapkan dan diwujudkan. Struktur tadbir urus telah diletakkan bawah Pejabat Pengurusan Projek (PMO) Pencapaian dan Hala Tuju Pendidikan dan Pasukan Petugas Projek yang bertanggungjawab melaksanakan kajian semula pendidikan secara menyeluruh, menyediakan laporan Pelan Pembangunan ini, dan mengadakan permuafakatan dengan pelbagai pihak berkepentingan sepanjang proses pembangunan pelan ini.


Pejabat Pengurusan Projek Pencapaian dan Hala Tuju Pendidikan

Bagi melaksanakan kajian semula sistem pendidikan Malaysia dan menyediakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Kementerian telah mewujudkan PMO pada Ogos 2011 yang melapor secara terus kepada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Pihak PMO bertanggungjawab menjalankan analisis diagnostik, menyepadukan dapatan daripada kajian yang dijalankan oleh entiti lain (contoh: UNESCO, Bank Dunia, OECD dan universiti di Malaysia), menganalisis dan menggabungkan maklum balas daripada Dialog Nasional, membangunkan satu program transformasi terperinci, serta

menambah baik inisiatif yang dibangunkan dalam makmal pendidikan. Pihak PMO juga bertindak sebagai urusetia keseluruhan usaha kajian semula dan pembangunan, serta mengurus segala pelibatan dan interaksi dengan semua pihak berkepentingan dari dalam dan luar Kementerian serta menyelaras sumber input utama kepada Pelan ini (Ekshibit II-1). PMO juga bertanggungjawab merangka dan merancang pelaksanaan inisiatif di bawah program 1Agenda Kementerian.

EKSHIBIT II-1

Struktur Tadbir Urus Kajian Semula Sistem Pendidikan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025



Pasukan Petugas Projek

PMO melaporkan secara mingguan kepada Pasukan Petugas Projek yang kemudiannya menyediakan maklum balas secara tetap kepada Menteri Pelajaran, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin.

Ahli Pasukan Petugas adalah seperti yang berikut:

- **Tan Sri Abd Ghafar Mahmud**, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dan Pengerusi Pasukan Petugas
- **Dato' Dr. Rosli Mohamed**, Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
- **Dato' Wan Khazanah Ismail**, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
- **Dato' Nazirruddin Abd Rahman**, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
- **Datuk Dr. Amin Senin**, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan) dan Ketua PMO bermula pada April 2012
- **Dato' Hj. Sufa'at Tumin**, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan)
- **Datuk Dr. Khair Mohamad Yusof**, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan)
- **Datuk Dr. Haili Dolhan**, Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)
- **Dr. Faridah Abu Hassan**, Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

- **Dr. Raslan Haniff Abdul Rashid**, Pegawai Khas kepada Menteri Pelajaran
- **Dr. Noorliza Hj. Zakuan**, Ketua Unit, Pejabat Pengurusan Pelaksanaan (DMO)
- **Tengku Azian Tengku Shahrizan**, Pengarah, NKRA (Pendidikan) dan NKEA (Pendidikan)

Ahli PMO adalah seperti yang berikut:

- **Dato' Satinah Syed Saleh**, Ketua PMO (Januari-Mac 2012)
- **Dr. Habibah Abdul Rahim**
- **Dr. Rosli Yacob**
- **Dr. Mohamed Yusoff Mohd. Nor**
- **Dr. Isham Ishak**
- **Norlia Abdul Aziz**
- **Dr. Hayati Ismail**
- **Dr. Rusmini Ku Ahmad**
- **Hj. Mustaffar Abdul Majid**
- **Fatin (Lim Siew Geck) Abdullah**
- **Noor Azman Mohd. Johan**

Pasukan Penyunting Laporan

Semasa fasa akhir penyediaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, satu pasukan yang lebih besar telah ditubuhkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia untuk membantu pasukan petugas projek dalam menyediakan input bagi tujuan suntingan dokumen. Ahli tambahan ini adalah seperti berikut:

- **Khalid Abu Bakar**, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi
- **Tn Hj. Yusof Awang Lah**, Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia
- **Dr. Na'imah Ishak**, Pengarah, Lembaga Peperiksaan
- **Ee Hong**, Pengarah, Bahagian Sukan
- **Dr. Hj. Mohd Subri Mat Isa**, Pengarah Pendidikan Swasta
- **Dr. Zainal Aalam Hassan**, Timbalan Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- **Shazali Ahmad**, Timbalan Pengarah, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
- **Datin Hjh. Nawal Hj Salleh**, Timbalan Pengarah, Lembaga Peperiksaan
- **Rusnani Mohd. Sirin**, Timbalan Pengarah, Bahagian Pendidikan Khas
- **Zainuren Mohd. Nor**, Timbalan Pengarah, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
- **Dr. Aliah Hj. Ahmad Shah**, Ketua Unit, Unit Bidang Ekonomi Utama Negara
- **Nor Zamani Abdol Hamid**, Pegawai Khas KPPM
- **Abrar Idris**, Bahagian Pendidikan Islam
- Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM)

Laporan Akhir

- **Dato' Hj. Khairil Awang**, Pengarah, Institut Aminuddin Baki
- **Dr. Masnah Ali Muda**, Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum
- **Hj. Zainudin Abas**, Pengarah, Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
- **Dr. Azian T.S. Abdullah**, Timbalan Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum
- **Datuk Dr. Marzuki Mohamad**, Pegawai Khas kepada Menteri Pendidikan
- **Dr. Noorliza Hj. Zakuan**, Ketua Unit, Pejabat Pengurusan Pelaksanaan (DMO)
- **Rohayati Abdul Hamed**, Penolong Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- **Nor Zamani Abdol Hamid**, Pegawai Khas KPPM

ANALISIS YANG DIJALANKAN OLEH PMO

Pejabat Pengurusan Projek telah menjalankan analisis dan menyediakan data asas utama untuk Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia daripada pelbagai sumber dalam dan luar Kementerian.

Sumber maklumat utama

- **Laporan Kerajaan:** Pelan ini merujuk laporan berkaitan daripada kementerian-kementerian lain untuk memastikan penjajaran hala tuju negara secara keseluruhan. Laporan tersebut termasuk:
 - » Rancangan Malaysia Ke-10
 - » Bidang Keberhasilan Utama Negara
 - » Program Transformasi Kerajaan
 - » Kajian Kesedaran Awam oleh Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia
- **Laporan Kementerian:** Pelan ini telah mengambil kira lebih daripada 100 laporan yang telah diterbitkan oleh Kementerian dan Bahagian dalam Kementerian sejak lebih 10 tahun yang lalu. Antaranya termasuk:
 - » Laporan Kementerian untuk orang awam seperti Perangkaan Pendidikan Malaysia, *Quick Facts*, Laporan Tahunan Kementerian Pendidikan Malaysia, Pelan Transformasi Vokasional, dan Laporan Strategi Mencapai Dasar 60:40 Aliran Sains/Teknikal: Sastera
 - » Laporan dan penerbitan dalaman seperti Keputusan Peperiksaan UPSR, PMR dan SPM yang terperinci, Laporan Terperinci Perbelanjaan Mengurus, Laporan Perbelanjaan Pembangunan, Laporan Naziran Sekolah dan Laporan Tahunan Audit; dan
 - » Kertas dasar mengenai topik tertentu seperti KSSR, PBS, MBMMBI, PPSMI, 1Murid 1Sukan dan Pembestarian.
- **Dokumen kajian semula dan dasar utama:** Semenjak Merdeka, beberapa perubahan besar dan kajian semula telah

dilaksanakan berkaitan pendidikan. Pelan ini merujuk laporan terdahulu untuk mendapatkan perspektif sejarah merentas beberapa bidang. Bagi tujuan ini, dokumen perubahan dan strategi serta bukti sokongan telah diteliti seperti Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960, Akta Pelajaran 1961, Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979, Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1988, Pelan Pembangunan Pendidikan 2001-2010, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 dan Pelan Strategik: Transformasi Pendidikan Vokasional 2011.

- **Pangkalan data Kementerian:** Analisis data yang merupakan teras kepada Pelan ini, daripada pencapaian murid kepada pemacu prestasi diperolehi daripada data yang disediakan oleh Bahagian-Bahagian dalam Kementerian. Antara data tersebut termasuk:
 - » Keputusan peperiksaan termasuk maklumat terperinci mengenai demografi, geografi dan latar belakang calon daripada Lembaga Peperiksaan;
 - » EMIS daripada BPPDP, yang merangkumi maklumat murid, guru dan sekolah seperti demografi murid dan guru, gred jawatan guru dan infrastruktur di sekolah;
 - » Operasi Sekolah Menengah (OPMEN) daripada Unit Operasi Sekolah Harian merangkumi data terperinci mengenai guru serta penempatan guru dalam sistem pendidikan; dan
 - » Pangkalan data EMIS IAB daripada Institut Aminuddin Baki (IAB) yang merangkumi data pelibatan pengetua/guru besar dalam latihan persediaan, latihan induksi dan latihan dalam perkhidmatan.
- **Kajian literatur dan penyelidikan antarabangsa:** Untuk menanda aras beberapa aspek sistem pendidikan di Malaysia dengan negara lain di dunia, kajian literatur dijalankan ke atas penerbitan akademik, jurnal pendidikan, penerbitan organisasi bukan kerajaan dan media perdana. Antara penulisan yang dikaji adalah seperti berikut:
 - » *Changing Education Paradigms* oleh Sir Ken Robinson, terbitan 2010;
 - » *Cumulative and Residual Effects on Future Student Academic Achievement* oleh Sanders and Rivers, terbitan 1996;
 - » *Deliverology 101: A Field Guide For Educational Leaders*, oleh Michael Barber, terbitan 2010;
 - » *Education Today: Mother Tongue Dilemma* oleh UNESCO, terbitan 2002;
 - » *Education For All Global Monitoring Report* oleh UNESCO, terbitan 2005
 - » *How the World's Most Improved Systems Keep Getting Better* oleh McKinsey & Company, terbitan 2010;
 - » *Impossible and Necessary by Sir Michael Barber*, dibentangkan dalam Persidangan Tahunan ASCL 2009;
 - » *Measuring youth civic development in Malaysia: Conceptualisation, instrument development using the Rasch measurement model, and substantive outcomes* oleh Tor Geok Hwa, terbitan 2009;

- » *Reviews of Vocational Education and Training—Learning for Jobs* oleh OECD, terbitan 2010;
- » *Teachers Matter: Attracting, Retaining and Developing Teachers* oleh OECD, terbitan 2005;
- » *Teaching and Learning International Survey (TALIS)* oleh OECD, terbitan 2010; dan
- » *Transforming Education: The Power of ICT Policies* oleh UNESCO, terbitan 2011;
- **Data antarabangsa:** Beberapa sumber data antarabangsa telah dianalisis selanjutnya bagi melakukan tanda aras secara kuantitatif pencapaian dan pemacu sistem pendidikan di Malaysia. Antara sumber data antarabangsa yang dianalisis termasuk:
 - » *Education at a Glance* oleh OECD merangkumi indikator tahunan tentang pendidikan global;
 - » *PISA Results* oleh *The Australian Council for Education Research (ACER)* merangkumi maklumat dan analisis pencapaian murid dalam PISA;
 - » *TIMSS Results* oleh *The International Association for the Evaluation of Educational Achievement* dan PISA merangkumi analisis dan maklumat pencapaian murid dalam pentaksiran antarabangsa TIMSS dan PISA;
 - » *UNESCO Institute for Statistics* yang merangkumi statistik berkaitan sistem pendidikan seperti enrolmen dan penyertaan murid, guru, serta perbelanjaan pendidikan; dan
 - » *World Bank Database* yang merangkumi indikator kewangan sistem pendidikan global termasuk perbelanjaan sebagai peratusan daripada keseluruhan belanjawan kerajaan.
 - » *Economic Intelligence Unit (EIU)* merangkumi data ekonomi, populasi dan perbelanjaan negara-negara lain; dan
 - » *Universal scale database* merangkumi data kedudukan sistem pendidikan global dan sekolah-sekolah di Malaysia.
- **Kaji selidik kebangsaan:** Kementerian menyedari pentingnya mendapatkan maklumat secara langsung daripada sebahagian besar populasi negara untuk mendapatkan gambaran kukuh dan menyeluruh mengenai sistem sedia ada. Oleh yang demikian, Kementerian telah menjalankan beberapa kaji selidik secara dalam talian. Kaji selidik ini telah direka bentuk dengan teliti bagi memastikan sampel kajian mewakili populasi merentas negeri dan lokasi bandar/luar bandar.

Kaji selidik yang telah dijalankan merangkumi:

- » **Kaji selidik murid peringkat kebangsaan:** dijalankan untuk memahami persepsi murid mengenai pembelajaran, pengalaman bilik darjah serta kecekapan berbahasa yang dimiliki. Hampir 22,000 murid telah mengambil bahagian dalam kaji selidik ini;
- » **Kaji selidik guru peringkat kebangsaan:** dijalankan untuk memahami persepsi guru berkaitan dengan persekitaran kerja, amalan pengajaran, beban tugas, sokongan yang diterima, dan isu yang dihadapi. Hampir 15,000 guru telah memberikan maklumat dalam kaji selidik ini; dan
- » **Kaji selidik pengetua/guru besar peringkat kebangsaan:** dijalankan untuk mendapatkan kefahaman mengenai persepsi pengetua/guru besar tentang kemahiran yang diperlukan, latihan yang diterima dan peruntukan masa. Sebanyak 570 pengetua/guru besar telah memberikan maklumat dalam kaji selidik ini
- » **Kumpulan fokus dan temu bual pada peringkat Kementerian:** Pegawai Kementerian telah ditemu bual untuk mendapatkan kefahaman secara langsung dan mendalam mengenai elemen penting yang berkaitan dengan sistem pendidikan. Aktiviti ini menjadi kunci utama kepada penyediaan dokumen ini. Antara pihak yang telah ditemu bual termasuklah:
 - » **Sektor Penyelidikan dan Penilaian, BPPDP:** bagi memahami pencapaian dan prestasi murid dalam pentaksiran antarabangsa termasuk PISA dan TIMSS;
 - » **Unit Sekolah Harian, BPSH:** bagi memahami isu berkaitan dengan penempatan guru ke sekolah kebangsaan pada peringkat rendah dan menengah;
 - » **Unit Bantuan Kewangan, Bahagian Kewangan:** bagi memahami mekanisme pelaksanaan 22 program bantuan kewangan yang disediakan kepada sekolah dan murid, mekanisme saluran peruntukan dan cabaran yang dihadapi, serta mendapatkan perspektif mengenai keberkesanan saluran bantuan kewangan, terutamanya kepada murid;
 - » **Unit Guru, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia:** bagi memahami skim pampasan guru dan purata gaji permulaan guru berijazah; dan
 - » **Unit Penyelenggaraan, Bahagian Pembangunan:** bagi memahami keadaan infrastruktur di sekolah dan cabaran dalam pelaksanaan penyelenggaraan serta baik pulih di sekolah.

Lawatan ke negeri

Kementerian telah menjalankan kajian lapangan di sekolah dan daerah melalui lawatan ke lima negeri, iaitu Johor, Kedah, Sabah, Selangor, dan Terengganu.

- **Kriteria pemilihan:** Negeri sasaran dikenal pasti melalui kaedah pemilihan yang ketat, dan dilakukan bagi memastikan negeri yang terpilih merupakan sampel yang mewakili sistem pendidikan merentas semua dimensi (Ekshibit II-2) seperti berikut:
 - » Perbezaan prestasi;
 - » Campuran persekitaran bandar dan luar bandar;
 - » Keluasan negeri mengikut bilangan sekolah dan populasi murid; dan
 - » Zon geografi di Malaysia.

EKSHIBIT II-2

Penilaian negeri untuk memilih negeri yang dilawati

Kriteria Pemilihan	Faktor utama penentuan keputusan				
	Johor	Terengganu	Sabah	Selangor	Kedah
1 Perbezaan dalam prestasi Prestasi terbaik pada peringkat rendah dan antara terbaik bagi menengah Prestasi sekolah – Band 5-7 – Band 3-4 – Band 1-2	Negeri dengan prestasi terbaik pada peringkat rendah dan antara terbaik bagi menengah Menengah • 1% • 56% • 58% • 34% • 40% • 10%	Prestasi terbaik pada peringkat menengah dan baik pada peringkat rendah Menengah • 1% • 61% • 71% • 24% • 27% • 14%	Prestasi rendah pada peringkat rendah dan menengah Menengah • 36% • 78% • 60% • 21% • 4% • 1%	Antara prestasi sederhana bagi peringkat rendah dan antara terbaik bagi menengah Menengah • 5% • 47% • 71% • 44% • 24% • 9%	Prestasi sederhana pada peringkat rendah dan lemah pada peringkat menengah Menengah • 3% • 74% • 82% • 16% • 15% • 10%
2 Campuran bandar & luar bandar % pop. bandar	Kebanyakannya kawasan bandar dengan campuran luar bandar yang sekata 66.2%	Kebanyakannya populasi luar bandar dengan taburan populasi yang hampir sama 51.2%	Kebanyakannya populasi luar bandar dengan taburan populasi yang hampir sama 49.3%	Kebanyakannya bandar dengan sedikit kawasan luar bandar 88.4%	Hampir keseluruhan populasi luar bandar 40.8%
3 Keluasan negeri Bilangan murid ('000) Bilangan sekolah [x] menunjukkan kedudukan merentas 14 negeri	Antara negeri terbesar • 657 [2] • 1,130 [3]	Saiz negeri adalah sederhana • 261 [10] • 484 [9]	Juga antara negeri terbesar • 497 [4] • 1,277 [2]	Negeri dengan jumlah murid terbesar • 930 [1] • 903 [5]	Saiz negeri adalah sederhana • 415 [6] • 712 [7]
4 Liputan zon yang menyeluruh	• Selatan	• Pantai Timur	• Sabah	• Tengah	• Utara

SUMBER: Statistik Pendidikan 2011; Unit Perancang Ekonomi

- Jenis sekolah:** Malaysia mempunyai lebih daripada 20 kategori sekolah. Di lima buah negeri yang dilawati, sekolah yang dipilih mewakili pelbagai kategori di Malaysia. Kategori sekolah yang dilawati adalah seperti berikut:
 - » Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan;
 - » Sekolah Berasrama Penuh;
 - » Sekolah Vokasional;
 - » Sekolah persendirian termasuk Sekolah Menengah Persendirian Cina dan Sekolah Agama Persendirian;
 - » Sekolah Orang Asli, terutamanya di Selangor;
 - » Sekolah Pondok di Kedah; dan
 - » Sekolah Etnik Minoriti di Sabah.
- Aktiviti penyelidikan utama:** Kementerian telah menjalankan perbincangan kumpulan fokus dan temu bual di lima buah negeri yang dilawati. Pihak berkepentingan yang ditemu bual dan objektif temu bual adalah seperti berikut:
 - » Perbincangan kumpulan fokus dan temu bual bersama guru dan pengetua/guru besar:** bagi memahami amalan di sekolah dari segi pengalaman serta cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan dasar utama pendidikan. Sesi ini telah dihadiri oleh hampir 330 guru dan pengetua/guru besar;
 - » Perbincangan kumpulan fokus ibu bapa:** bagi memahami sejauh mana pelibatan ibu bapa dalam pendidikan anak mereka dan perkara yang menjadi perhatian mereka dalam pendidikan. Sesi ini telah dihadiri oleh lebih 100 ibu bapa;
 - » Perbincangan kumpulan fokus Kementerian JPN dan PPD:** bagi memahami peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan lapisan pertengahan yang menjadi penghubung antara pihak penggubal dasar dengan sekolah. Maklumat diperoleh mengenai pengalaman dan cabaran yang dihadapi dalam memastikan dasar dan inisiatif seperti LINUS dan KSSR dilaksanakan di sekolah. Sesi ini telah dihadiri oleh 165 pegawai; dan

» **Lawatan sekolah:** bagi melakukan pemerhatian terhadap amalan terbaik dan cabaran utama yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran. Bagi tujuan ini, 15 sekolah yang berjaya meningkatkan prestasi dengan cepat telah dilawati.

ANALISIS UNIVERSITI AWAM

Kementerian telah mendapatkan khidmat kepakaran daripada enam universiti awam untuk menjalankan kajian akademik dalam lapan bidang utama berkaitan dengan pendidikan sebagai input kepada Pelan ini. Setiap universiti telah menjalankan kajian bagi merungkai persoalan kajian yang disediakan oleh Kementerian. Setiap universiti telah menentukan kaedah penyelidikan yang relevan untuk memenuhi keperluan bidang yang dikaji. Bidang kajian dan metodologi kajian yang digunakan adalah seperti berikut:

Universiti Putra Malaysia

Fokus kajian: Keberkesanan pengurusan dan pentadbiran dari Kementerian ke sekolah. Fokus utama kajian ialah persepsi pegawai Kementerian dan PIBG terhadap pengurusan dan pentadbiran di sekolah.

Sumber dan metodologi: Kaji selidik bagi mendapatkan pandangan atau persepsi yang dijalankan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan merangkumi 105 pegawai Kementerian, 60 pegawai daripada enam negeri, setiap negeri diwakili oleh bilangan yang sama merentas kawasan bandar dan luar bandar. Sebanyak 660 pemimpin sekolah dan guru juga menjadi responden kaji selidik merentas jenis sekolah yang berbeza serta 60 Yang Dipertua PIBG.

Secara keseluruhan, sebanyak 945 soal selidik telah diedarkan dengan kadar pulangan maklum balas sebanyak 86.5% (817 maklum balas).

Universiti Kebangsaan Malaysia

Fokus kajian: Keupayaan **kurikulum** memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan daripada aspek objektif, kandungan, pengajaran, dan peperiksaan.

Sumber dan metodologi: Analisis penulisan, temu bual dan kaji selidik yang melibatkan pihak berkepentingan telah dijalankan. Hampir 470 responden termasuk guru, pensyarah, pegawai, pihak industri, ibu bapa dan siswazah yang merentas enam zon geografi terlibat dalam kaji selidik.

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Fokus kajian: Universiti Pendidikan Sultan Idris telah ditugaskan untuk melakukan penilaian pendidikan dalam dua bidang:

- Infrastruktur** yang disediakan oleh Kementerian di sekolah, IPG dan pusat akses dapat memenuhi keperluan murid dan guru; dan
- Kualiti sumber manusia** secara keseluruhan dari aspek pengambilan, pengurusan prestasi, pembangunan profesionalisme, pampasan, dan kesesuaian agihan beban tugas.

Sumber dan metodologi:

- Komponen infrastruktur:** kaji selidik dijalankan bagi mendapat maklum balas daripada pihak berkaitan. Hampir 1,200 guru dan pengetua/guru besar, 160 ketua jabatan dan pensyarah IPG, serta kakitangan pusat akses telah memberikan maklum balas. Perbincangan kumpulan fokus juga telah diadakan merentas zon

geografi: Utara, Selatan, Tengah, Timur serta Sabah dan Sarawak; dan

Komponen sumber manusia: kaji selidik dijalankan bagi mendapat maklum balas daripada peringkat prasekolah sehingga Kementerian. Sebanyak 10,200 soal selidik telah diedarkan dan maklum balas telah diterima daripada 7,000 responden.

Universiti Sains Malaysia

Fokus kajian: **Struktur dan jenis sekolah** dalam sistem pendidikan Malaysia sejak Merdeka dan kerelevanannya hari ini.

Sumber dan metodologi: Kajian penulisan yang luas dijalankan dan ditambah dengan temu bual pakar pendidikan, pegawai Kementerian, pemimpin sekolah dan pihak berkepentingan lain seperti kumpulan atau pertubuhan pendidikan.

Universiti Malaya

Fokus kajian: Impak tujuh **dasar pendidikan** utama dan 72 subdasar yang dilaksanakan dari 1957 hingga 2011.

Sumber dan metodologi: Kaji selidik dijalankan terhadap guru, pemimpin sekolah, pegawai pendidikan daerah dan negeri, pegawai Kementerian dan pensyarah universiti merentas lapan negeri. Hampir 5,500 maklum balas diterima daripada 7,200 soal selidik yang diedarkan.

Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), KPM

Fokus kajian: **Kualiti proses pengajaran dan pembelajaran** di dalam bilik darjah, terutamanya berkaitan dengan pembangunan kemahiran berfikir aras tinggi, seperti kreativiti dan penyelesaian masalah.

Sumber dan metodologi: Pemerhatian telah dijalankan terhadap 125 sesi pengajaran di 41 institusi pendidikan di enam negeri.

Kajian bersama: Universiti Malaya dan UPSI

Fokus kajian: **Kualiti guru dan kepimpinan sekolah** dalam sistem termasuk kualiti latihan (praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan), serta memahami keperluan bagi meningkatkan kualiti guru, dan kepimpinan sekolah.

Sumber dan metodologi: Sebanyak 133 responden telah ditemu bual merangkumi 17 guru besar, 41 guru sekolah rendah, 10 pengetua, 32 guru sekolah menengah, 10 pensyarah, 7 tokoh pendidikan, dan 16 tokoh masyarakat. Selain itu, lebih kurang 300 siswazah IPG dan IPTA diminta untuk menjadi responden soal selidik berkaitan dengan kualiti latihan perguruan.

ANALISIS UNESCO

Pada Disember 2011, UNESCO telah diamanahkan untuk menyemak semula sistem pendidikan Malaysia, termasuk Rancangan dan Pengurusan yang mencakupi lima domain dasar.

- Pembangunan kurikulum
- Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan
- Pendidikan guru

- Latihan dan pendidikan teknik dan vokasional
- Peperiksaan dan pentaksiran murid

Secara ringkas, metodologi UNESCO merangkumi empat komponen: semakan semula Laporan Latar Belakang Nasional yang dikumpul dan disusun oleh Kementerian; kajian literatur; temu bual di lapangan dengan pihak berkepentingan; dan gabungan analisis. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini menggunakan dapatan laporan akhir yang diterbitkan pada April 2012.

ANALISIS BANK DUNIA

Bank Dunia telah diamanahkan untuk menjalankan semakan secara menyeluruh ke atas perbelanjaan awam (*the Public Expenditure Review*) di Malaysia pada suku pertama 2010. Dalam skop kajian Bank Dunia, perbelanjaan dan organisasi Kementerian telah dikaji. Pasukan petugas Kementerian menggunakan dapatan kajian Bank Dunia sebagai asas diagnostik sistem kewangan dan proses serta struktur organisasi Kementerian. Perbandingan dapatan antara kajian Bank Dunia dengan pasukan petugas Kementerian telah dilakukan bagi mengenal pasti percanggahan atau ketaktekalan dapatan.

DIALOG NASIONAL PENDIDIKAN NEGARA

Dialog Nasional Pendidikan Negara dilancarkan pada April 2012 untuk mendapatkan input dan maklum balas daripada rakyat mengenai sistem pendidikan. Input diperoleh melalui pelbagai kaedah termasuk mesyuarat dewan terbuka, memorandum, persidangan meja bulat secara tertutup dan forum dalam talian bagi memastikan maklum balas yang diterima adalah kukuh dan menyeluruh. Cadangan yang dikemukakan telah diteliti dan dimasukkan ke dalam inisiatif yang dibangunkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (rujuk Lampiran III untuk perincian).

Mesyuarat dewan terbuka (*townhalls*)

Mesyuarat dewan terbuka merupakan kaedah utama bagi mendapatkan maklum balas pada skala yang lebih besar dan luas. Mesyuarat ini dibuat di kesemua 14 buah negeri bagi memastikan orang ramai dari seluruh Malaysia mempunyai peluang untuk mengemukakan pandangan. Panel dialog dan perbincangan meja bulat terdiri daripada dua belas pakar dalam bidang pendidikan dan bidang yang berkaitan. Ahli panel dan sekretariat adalah seperti berikut:

- **Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin**, Pengerusi Panel Dialog Nasional Pendidikan Negara, Pengerusi Universiti Teknologi Mara, Mantan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Pengerusi Universiti Teknologi MARA
- **Prof. Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin**, Pengarah, Institut Kajian Etnik (KITA), UKM
- **Tan Sri Alimuddin Mohd. Dom**, Pengerusi, Yayasan Guru Malaysia Berhad, Mantan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
- **Tan Sri Dato' Sulaiman Mahbob**, Mantan Pengerusi Malaysian Investment Development Authority (MIDA)
- **Datuk Kamal D.E. Quadra**, Pengerusi, Kolej Yayasan Sabah

- **Dato' Dr. Asariah Mior Shaharudin**, Mantan Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Pembangunan Profesionalisme Keguruan)
- **Prof. Dato' Dr. Sidek Baba**, Profesor Pendidikan, UIAM
- **Prof. Madya Dr. Sivamurugan Pandian**, Timbalan Dekan, Penyelidikan dan Pasca Siswazah, USM
- **Prof. Datuk Teo Kok Seong**, Timbalan Pengarah, Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM
- **Dr. Zahri Aziz**, Mantan Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan)
- **Dr. Zulwali Kifli Merawi**, Timbalan Pengarah, Biro Perkhidmatan Pendidikan, Majlis Agama Islam Sarawak
- **Agnes Maria Sam**, Pengurus Besar, Inisiatif Dasar, Talent Corporation Malaysia Bhd.
- **Dzulhijah Sukarno** (Setiausaha)
- **Dr. A' Azmi Saahri** (Urusetia Perbincangan Meja Bulat)

Maklum balas telah diterima melalui perbincangan bersemuka, dan juga secara bertulis melalui borang soal selidik. Sejumlah 16 mesyuarat dewan terbuka telah diadakan dan dihadiri oleh hampir 12,000 orang. Siri mesyuarat ini telah dihadiri oleh peserta pelbagai etnik, iaitu 79% Bumiputera, 15% Cina, dan 6% India. Kira-kira 66% adalah guru, 18% ahli PIBG manakala 16% lagi orang awam.

Tarikh	Tempat	Kehadiran
29 April 2012	Putrajaya	1,868
6 Mei 2012	Taiping, Perak	558
12 Mei 2012	Alor Setar, Kedah	725
19 Mei 2012	Kota Kinabalu, Sabah	625
19 Mei 2012	Tawau, Sabah	765
20 Mei 2012	Labuan	879
26 Mei 2012	Kuching, Sarawak	524
27 Mei 2012	Miri, Sarawak	812
3 Jun 2012	Melaka	527
3 Jun 2012	Seremban, Negeri Sembilan	426
9 Jun 2012	Shah Alam, Selangor	709
17 Jun 2012	Pulau Pinang	526

23 Jun 2012	Kuantan, Pahang	530
23 Jun 2012	Kota Bharu, Kelantan	912
30 Jun 2012	Kuala Terengganu, Terengganu	425
14 Julai 2012	Johor Bahru, Johor	999

Sesi perbincangan meja bulat

Sesi persidangan meja bulat dijalankan secara tertutup bagi mendapatkan perspektif yang lebih mendalam melalui perbincangan secara terperinci bersama pihak berkepentingan. Sebanyak 20 perbincangan meja bulat diadakan dengan pelibatan 325 individu. Kementerian berjaya memperoleh input secara berfokus dan mendalam daripada pemimpin dan pakar yang mewakili badan bukan kerajaan, parti politik, perkhidmatan awam, pertubuhan belia, kumpulan wanita, etnik minoriti, serta berkeperluan khas.

Tarikh	Kumpulan
23 April 2012	Kesatuan/Persatuan guru
15 Mei 2012	Media
19 Mei 2012	Pemimpin masyarakat Sabah
22 Mei 2012	Pertubuhan wanita
26 Mei 2012	Pemimpin masyarakat Sarawak
30 Mei 2012	Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)
31 Mei 2012	Pertubuhan belia
2 Jun 2012	Pemimpin masyarakat Melaka
4 Jun 2012	Guru Cemerlang bersara
11 Jun 2012	Wakil parti yang memerintah
12 Jun 2012	Pihak industri
16 Jun 2012	Pemimpin masyarakat Pulau Pinang
18 Jun 2012	Wakil daripada parti pembangkang dari Kelantan dan Pulau Pinang.
19 Jun 2012	Wakil pendidikan tinggi
20 Jun 2012	Mantan Menteri Pelajaran dan Ketua Setiausaha Negara
23 Jun 2012	Pemimpin masyarakat Kelantan

25 Jun 2012	Pertubuhan kumpulan berkeperluan khas
25 Jun 2012	Komuniti sukan
25 Jun 2012	Wakil Barisan Nasional
13 Julai 2012	Pemimpin masyarakat Johor

Lawatan ke sekolah

Kementerian mendapatkan pandangan daripada murid mengenai sistem pendidikan yang baik. Bagi menyelami kehendak murid mengenai pendidikan yang diinginkan, pasukan PMO telah melakukan lawatan ke sekolah rendah dan menengah. Pandangan murid terhadap sekolah dan guru, serta idea mengenai perubahan yang mereka inginkan telah diperoleh melalui lawatan ini.

Memorandum

Kementerian telah menerima lebih daripada 200 memorandum terperinci daripada rakyat dan pelbagai pihak berkepentingan termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kumpulan berkepentingan khas, dan juga pegawai di Kementerian.

Media dalam talian

Kementerian telah menerima hampir 100 maklum balas melalui tiga medium media sosial dalam talian iaitu forum secara dalam talian, Facebook dan Twitter.

MAKMAL PENDIDIKAN

Bagi membangunkan inisiatif terperinci sebagai sebahagian daripada Gelombang 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, satu siri makmal pendidikan telah diadakan selama enam minggu dari bulan April hingga Jun 2012. Makmal ini dilaksanakan dengan sokongan PEMANDU, sebagai sebahagian daripada usaha GTP2.0. Makmal pendidikan ini membincangkan tujuh bidang keutamaan yang telah dikenal pasti bagi tujuan penambahbaikan (contohnya, kurikulum dan pentaksiran, guru dan pengetua/guru besar, dan transformasi Kementerian). Pasukan makmal terdiri daripada ketua makmal, fasilitator dan ahli pasukan dengan bidang kepakaran yang relevan bagi menyelesaikan masalah. Lebih 90 ahli melibatkan pegawai daripada peringkat Kementerian, negeri dan daerah, Kementerian lain yang berkaitan seperti Kementerian Kewangan dan Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta sektor swasta telah terlibat secara sepenuh masa selama enam minggu.

Ahli makmal merancang inisiatif bagi transformasi, membangunkan pelan pelaksanaan secara terperinci untuk dilaksanakan dalam Gelombang 1, (2013- 2015) dan menetapkan sasaran yang kukuh. Idea yang dibangunkan telah dibincangkan secara mendalam dengan guru, pengetua/guru besar, pegawai pelajaran daerah dan negeri serta pihak berkepentingan seperti kesatuan guru, Majlis Pengetua serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Beberapa inisiatif penting yang boleh dilaksanakan dengan pantas telah dirintis dalam tempoh makmal berlangsung (contoh: menguji tahap kemahiran berbahasa Inggeris hampir 8,000 guru).

Pemimpin yang mengetuai pasukan makmal juga memacu pelaksanaan inisiatif yang dibangunkan dalam makmal. Ketua-ketua makmal tersebut ialah:

- **Dr. Ranjit Singh Gill**, Pengarah, *English Language Teaching Centre (ELTC)*
- **Dr. Azian T.S. Abdullah**, Timbalan Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum
- **Dr. Soon Seng Thah**, Timbalan Pengarah, Bahagian Teknologi Pendidikan
- **Dr. Mehander Singh Nahar Singh**, Timbalan Pengarah, Institut Pendidikan Guru, Kampus Raja Melewar
- **Hj. Aminuddin Adam**, Timbalan Pengarah, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
- **Hj. Zainudin Abas**, Pengarah, Bahagian Kokurikulum dan Seni
- **Hjh. Fatimah Othman**, Timbalan Pengarah, Bahagian Pendidikan Guru
- **Asiah Hamzah**, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
- **Dr. Hj. Ahmad Rafee Che Kassim**, Ketua Pusat Pengurusan Teknologi, Institut Aminuddin Baki

PANEL PENILAI BEBAS

Bagi mendapatkan pandangan bebas mengenai sistem secara keseluruhan dan kajian semula pendidikan, panel penilai yang terdiri daripada ahli dari Malaysia dan antarabangsa telah dibentuk.

Panel Penilai Bebas Malaysia

Panel Penilai Bebas Malaysia terdiri daripada 12 ahli dipilih untuk mendapatkan pandangan daripada sektor akademik dan swasta. Ahli panel yang dilantik ialah:

- **Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak**, Pengerusi Panel, Naib Canselor, Universiti Antarabangsa Albukhary
- **Tan Sri Anthony Francis Fernandes**, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Air Asia Berhad
- **Tan Sri Dato' Azman Hj Mokhtar**, Pengarah Urusan, Khazanah Nasional Berhad
- **Tan Sri Dato' Seri Dr. Jeffrey Cheah**, Pengasas dan Pengerusi Kumpulan Sunway
- **Prof. Tan Sri Dato' Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin**, Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia
- **Tan Sri Zarinah Anwar**, Mantan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- **Prof. Dato' Dr. Ab Rahim Selamat, Tokoh Guru**, Mantan Dekan Fakulti Pendidikan, Universiti Selangor; Mantan Pengarah, Institut Aminuddin Baki

Lima ahli panel tambahan telah dilantik dalam fasa kedua penyediaan Pelan Pembangunan ini. Ahli panel tersebut ialah:

- **Prof. Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan**, Profesor Ulung, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- **Datu Dr. Haji Adi Badiozaman Tuah**, Pengarah, Biro Perkhidmatan Pendidikan, Majlis Agama Islam Sarawak
- **Ir. Prof. Dato' Dr. Chuah Hean Teik**, Presiden, Universiti Tunku Abdul Rahman
- **Prof. Dr. Rajendran A/L Nagappan**, Penyelaras, Pelan Tindakan Masa Hadapan Sekolah Tamil, Jabatan Perdana Menteri
- **Datuk Dr. Hj. Abdul Kadir Hj. Rosline**, Rektor, Universiti Teknologi MARA Sabah


Sejak penubuhan Panel Penilai Bebas Malaysia pada 2011, ahli panel ini telah bersidang sebanyak lapan kali sepanjang penyediaan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Panel telah menyemak semula dapatan diagnostik utama secara jelas, memberi idea tentang tema keutamaan untuk tindakan, dan memberi nasihat berkaitan menjayakan pelaksanaan untuk pembangunan masa depan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Mesyuarat susulan bersama panel diadakan bagi penyediaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Panel Penilai Bebas Antarabangsa

Empat ahli panel antarabangsa yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang pendidikan telah dilantik untuk memberikan khidmat kepakaran dan pandangan mengenai Pelan ini. Panel antarabangsa yang dilantik ialah:

- **Dr. Andreas Schleicher**, Ketua, Analisis dan Indikator, OECD: menyediakan kepakaran global dan pandangan tentang kajian semula sistem pendidikan, dan amalan terbaik daripada usaha transformasi sistem pendidikan negara lain;
- **Dr. Byong-man Ahn**, Mantan Menteri Pendidikan Korea Selatan: memberikan pandangan daripada pengalaman menerajui sistem pendidikan dan transformasi sistem pendidikan Korea Selatan;
- **Profesor Michael Fullan**, Penasihat Khas kepada Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan Ontario, Kanada: memberikan pandangan mengenai usaha melaksanakan transformasi pendidikan peringkat global dan daripada pengalaman yang mendalam menerajui transformasi sistem pendidikan di Ontario; dan
- **Profesor Sing Kong Lee**, Pengarah, Institut Pendidikan Kebangsaan (NIE), Singapura: memberikan pandangan daripada pengalaman melaksanakan reformasi pendidikan di Singapura, dan kepakaran mengenai pembangunan profesional guru dan pemimpin sekolah;

Panduan dan idea yang diberikan oleh mereka dijadikan input yang objektif daripada pihak luar kepada Kementerian dalam meningkatkan kemantapan proses kajian semula pendidikan dan penyediaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia secara menyeluruh.



Lampiran III: Maklum Balas Dialog Nasional Pendidikan Negara

Maklum balas daripada rakyat melalui Dialog Nasional Pendidikan Negara merupakan input yang penting dalam penyediaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Kementerian telah meneliti kesemua cadangan dan isu yang menjadi kebimbangan rakyat yang diterima daripada pelbagai sumber. Lampiran ini menyenaraikan beberapa topik yang kerap dibangkitkan oleh rakyat dan menjelaskan komitmen Kementerian dalam menanganinya.


Kementerian telah menerima banyak maklum balas daripada segenap lapisan masyarakat melalui Dialog Nasional Pendidikan Negara (DNPN). Secara keseluruhan, Kementerian menerima lebih 7,000 maklum balas melalui saluran yang berbeza daripada pelbagai pihak berkepentingan yang relevan, termasuk murid, guru, pemimpin sekolah, ibu bapa serta kumpulan berkepentingan khas, ahli politik dan sektor swasta. Rakyat amat yakin bahawa terdapat keperluan yang mendesak untuk kajian semula pendidikan ini dijalankan. Lebih 3,000 responden terlibat dalam kaji selidik semasa sesi dialog diadakan. Sebanyak 42% daripada responden ini percaya bahawa sekarang adalah masa yang sesuai untuk menjalankan kajian semula terhadap sistem pendidikan, manakala 56% percaya bahawa kajian semula ini sepatutnya telah dijalankan lebih awal lagi.

SUMBER MAKLUM BALAS RAKYAT

Sebanyak 16 sesi dialog dan tiga medium media sosial dalam talian menjadi kaedah utama bagi Kementerian mendapatkan maklum balas daripada segenap lapisan masyarakat dari seluruh pelosok negara. Hampir 87% maklum balas diperoleh daripada sesi dialog. Guru dan pemimpin sekolah menyumbang sebanyak 51% daripada maklum balas, orang awam 28%, PIBG 13%, NGO 7%, manakala murid dan ahli politik menyumbang 2% (Ekshibit III-1). Maklum balas ini diperoleh daripada pelbagai kaum yang lain, dengan kaum Melayu dan Bumiputera menyumbang 73%, kaum Cina 14%, kaum India 12% manakala kaum lain menyumbang sebanyak 1% (Ekshibit III-1). Profil responden bagi maklum balas ini adalah sama seperti profil mereka yang menghadiri sesi dialog nasional (Rujuk Lampiran II untuk perincian profil kehadiran).

EKSHIBIT III-1

Profil maklum balas mesyuarat dewan terbuka



¹ Lain-lain profil pekerjaan merujuk kepada pelajar (1% daripada jumlah responden) dan ahli politik (1% daripada jumlah responden)

SUMBER: Pejabat Pengurusan Projek, Kementerian Pelajaran Malaysia

Sebanyak 20 **sesi perbincangan meja bulat** diadakan bersama-sama kumpulan berkepentingan khas bagi mendapatkan pandangan dengan lebih terperinci dan mendalam. Sesi ini memberikan banyak perspektif dalaman tentang pelbagai isu pendidikan. Maklum balas daripada **murid sekolah** pula telah diperoleh daripada lawatan ke sekolah di Johor; manakala memorandum yang diserahkan oleh pelbagai individu, pihak berkepentingan, dan pakar bidang utama memberikan perspektif serta cadangan yang mantap dan terperinci untuk dianalisis oleh Kementerian. Maklum balas ini merupakan input yang sangat bermaklumat dan penting dalam penyediaan Pelan ini.

MAKLUM BALAS DIALOG NASIONAL PENDIDIKAN NEGARA DAN KOMITMEN KEMENTERIAN

Dialog Nasional Pendidikan Negara (DNPN) memberikan peluang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat, memberikan kritikan yang membina dan mencadangkan penyelesaian terhadap isu pendidikan di Malaysia. Maklum balas tersebut boleh dikelompokkan dalam empat kategori:

- **Aspirasi:** Kebanyakan aspirasi yang disuarakan oleh rakyat selari dengan dasar sedia ada. Apabila isu ini dibangkitkan dalam DNPN, ia menunjukkan bahawa masih banyak yang perlu ditambah baik dalam proses pelaksanaan dasar tersebut. Antara maklum balas yang sering diperoleh adalah supaya Kementerian memberikan tumpuan kepada usaha meningkatkan kualiti, equiti, dan perpaduan dalam masa terdekat. Walau bagaimanapun, hampir 73% daripada 3,000 responden kaji selidik optimis bahawa sistem pendidikan di Malaysia boleh mencapai standard antarabangsa pada masa akan datang.
- **Guru:** Peserta DNPN daripada segenap lapisan masyarakat kerap membincangkan tentang keperluan meningkatkan kualiti guru terutamanya, dari segi sokongan guru dan pengurusan prestasi. Walaupun isu ini biasanya ditimbulkan oleh guru sendiri, hal ini turut disuarakan oleh pemimpin sekolah, murid dan ibu bapa.
- **Kualiti sekolah:** Terdapat juga maklum balas yang banyak tentang cara meningkatkan kualiti sekolah. Kebanyakan peserta meminta Kementerian memastikan supaya sekolah dapat menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran; dan
- **Pembelajaran murid:** Responden menyatakan hasrat untuk kurikulum yang lebih relevan, kecekapan berbahasa serta kemahiran komunikasi yang lebih baik supaya dapat menyediakan asas untuk kejayaan murid pada abad ke-21.

Kementerian beriltizam untuk bertindak berdasarkan maklum balas yang diterima. Jadual di bawah menunjukkan komen dan cadangan khusus yang diberikan, serta penerangan ringkas tentang cara Kementerian menangani isu tersebut. Pemahaman yang lebih mendalam tentang konteks dan perincian inisiatif boleh didapati dengan merujuk kepada bab yang disenaraikan dalam Pelan ini.

Aspirasi

Subtopik	Contoh topik yang dibangkitkan dalam Dialog Nasional	Maklum balas/Tindakan Kementerian	Rujukan
Kualiti	Sistem pendidikan perlu melahirkan murid yang berketrampilan dan mampu bersaing pada peringkat antarabangsa.	Kementerian berkongsi aspirasi ini dan mensasarkan untuk menganjak kedudukan negara dari kelompok sepertiga terbawah kepada kelompok sepertiga teratas. Banyak inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia menumpu pada sasaran menjadikan aspirasi ini realiti, daripada meningkatkan kemahiran pedagogi guru hingga menambah baik kurikulum dan pentaksiran sedia ada setaraf dengan standard antarabangsa.	Bab 2 untuk Aspirasi, Bab 5 untuk Inisiatif guru, Bab 4 untuk Inisiatif kurikulum dan pentaksiran
	Sistem pendidikan perlu membangunkan murid secara holistik (selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan).	Semua dasar Kementerian akan kekal berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia akan beranjak melangkaui fokus tradisional yang berasaskan pengetahuan kandungan dan kemahiran kognitif bagi merangkumi elemen, kemahiran abad ke-21, iaitu kepimpinan, etika dan kerohanian dengan identiti nasional yang teguh. Sebagai contoh, Kementerian akan mewajibkan komponen khidmat komuniti bagi memupuk perpaduan dalam kalangan murid. Kementerian juga akan terus memastikan pelibatan murid dalam 1 sukan, 1 kelab dan 1 badan beruniform.	Bab 2 untuk Aspirasi, Bab 4 meliputi elemen holistik dalam pembelajaran murid.
	Sistem pendidikan mesti memupuk moral yang tinggi dalam kalangan murid.	Kementerian akan meneruskan Pendidikan Agama Islam untuk murid Islam dan Pendidikan Moral untuk murid bukan Islam. Di samping itu, pedagogi akan ditambah baik untuk menggalakkan kefahaman dan kepercayaan terhadap nilai yang diajar di dalam bilik darjah.	Bab 4 dan 7
	Sistem pendidikan perlu lebih mempersiapkan murid untuk pasaran kerja.	Kementerian akan mengkaji semula kurikulum dan pentaksiran sedia ada untuk memasukkan kemahiran abad ke-21 yang diperlukan untuk pasaran kerja pada masa ini. Kementerian juga akan meningkatkan kualiti laluan pendidikan khusus (contohnya, Pendidikan Teknik dan Vokasional, Pendidikan Agama Islam) untuk memastikannya relevan dan diiktiraf oleh industri.	Bab 7
	Kementerian harus memperkasakan pendidikan vokasional dan menambah bilangan sekolah vokasional bagi mempelbagaikan pilihan laluan murid.	Kementerian telah melancarkan Pelan Transformasi Vokasional bagi meningkatkan kualiti pendidikan vokasional dan menambah bilangan tempat yang ditawarkan, termasuk pada peringkat menengah rendah.	Bab 7
	Kementerian perlu memberi perhatian yang lebih kepada sekolah agama	Matlamat Kementerian adalah untuk menyediakan Pendidikan Agama Islam dan akademik yang berkualiti di semua sekolah agama kebangsaan seperti SMKA, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kurikulum Pendidikan Agama Islam kebangsaan sentiasa ditambah baik untuk memberikan pengajaran berkualiti di semua sekolah kerajaan. Bagi memastikan standard Pendidikan Agama Islam yang tinggi di semua sekolah agama, Kementerian akan menyalurkan bantuan kewangan kepada semua sekolah agama bantuan kerajaan dan akan terus menghulurkan bantuan yang serupa kepada sekolah agama persendirian (tertakluk pada pertukaran status kepada sekolah agama bantuan kerajaan). Kementerian akan mengkaji peluang untuk menambah tempat di sekolah agama berdasarkan permintaan yang semakin meningkat, sebagai langkah jangka sederhana.	Bab 7

Subtopik	Contoh topik yang dibangkitkan dalam Dialog Nasional	Maklum balas/Tindakan Kementerian	Rujukan
Ekuiti	Kementerian perlu memastikan murid daripada keluarga berpendapatan rendah mencapai standard literasi asas di sekolah rendah.	Kementerian akan memperluaskan program LINUS untuk memastikan semua murid, tanpa mengira latar belakang sosioekonomi, mencapai asas literasi (dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris) dan numerasi asas setelah tiga tahun bersekolah. Kementerian juga akan menambah akses kepada pendidikan prasekolah untuk murid daripada keluarga berpendapatan rendah termasuk melalui peruntukan bantuan kewangan bersasaran.	Bab 4 untuk tambahan bagi LINUS, Bab 7 untuk pendidikan prasekolah
	Kementerian perlu mempunyai hala tuju dasar yang jelas dan beriltizam terhadap penyediaan program inklusif untuk Pendidikan Khas bagi memastikan murid berkeperluan khas tidak ketinggalan.	Kementerian beriltizam meningkatkan kualiti semua program Pendidikan Khas dan menambah kadar murid dalam program pendidikan inklusif di sekolah arus perdana (berbanding murid yang belajar di dalam bilik darjah atau sekolah yang berasingan).	Bab 4
	Kementerian perlu mempunyai dasar yang khusus untuk murid Orang Asli dan murid kumpulan minoriti lain yang menyesuaikan pengalaman pendidikan dengan norma dan amalan budaya mereka, serta menangani isu pencapaian akademik yang lemah dan kadar kecaciran yang tinggi.	Kementerian telah melancarkan pelan tindakan khusus untuk murid Orang Asli dan kumpulan minoriti yang lain. Pelan ini termasuk pengenalan program intervensi literasi intensif untuk murid Tahun 1 bagi mengenal pasti lebih awal murid yang “berisiko”, dan penubuhan pusat penyelidikan pembangunan kurikulum dan pedagogi khusus untuk murid orang Asli dan kumpulan minoriti lain, serta pelaksanaan kursus pembangunan profesional bagi mempersiapkan guru untuk mengajar di sekolah Orang Asli.	Bab 4
Perpaduan	Sistem pendidikan perlu memenuhi keperluan semua rakyat Malaysia dan perlu wujud perpaduan dalam kepelbagaian.	Kementerian akan terus menggalakkan semua murid untuk menghargai kepelbagaian Malaysia. Kementerian akan meneruskan Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) di semua sekolah. RIMUP memadankan dua jenis sekolah yang berbeza (contohnya, SK dengan SJKC) untuk menjalankan aktiviti kokurikulum bersama-sama, seperti sukan, muzik dan khidmat masyarakat. Usaha ini selaras dengan dapatan kajian antarabangsa bahawa pelaksanaan aktiviti berkumpulan berorientasikan tugas merupakan satu daripada cara yang paling berkesan untuk menggalakkan murid membentuk persahabatan dalam kalangan kumpulan.	Bab 7
	Sistem pendidikan harus menggabungkan kelas Pendidikan Moral untuk murid Islam dan murid bukan Islam.	Kementerian akan menerapkan penggabungan elemen khidmat komuniti kepada semua murid (Islam dan bukan Islam) untuk lebih menggalakkan persahabatan antara kumpulan dan menghargai komuniti umum.	Bab 7

Guru

Subtopik	Contoh topik yang dibangkitkan dalam Dialog Nasional	Maklum balas/Tindakan Kementerian	Rujukan
Kualiti	Kementerian perlu menambahbaik profil profesion keguruan agar menjadi profesion pilihan dan memastikan standard kualiti yang tinggi.	Kementerian akan memugar profesion keguruan dengan cara (i) meninggikan syarat kelayakan kemasukan; (ii) menambah pelaburan dalam pembangunan profesional dan sokongan guru yang berterusan; (iii) membolehkan kemajuan pantas berdasarkan kompetensi dan prestasi, dan bukannya tempoh perkhidmatan; (iv) menguatkuasakan penugasan lain kepada peranan bukan mengajar bagi guru yang tekal berprestasi rendah; dan (v) menyediakan laluan kerjaya yang berbeza berdasarkan kemahiran dan minat guru.	Bab 5
Fokus	Kementerian harus memastikan guru menumpukan lebih masa kepada aktiviti pengajaran dan melantik kakitangan sokongan untuk melakukan kerja pentadbiran.	Kementerian akan mengurangkan beban kerja pentadbiran guru dengan memperkemas sistem pengumpulan data sedia ada dan mengintegrasikan sistem pengurusan maklumat untuk menghapuskan pertindihan permintaan data yang sama dan memudahkan proses pengisian data. Kementerian juga akan beransur-ansur menempatkan semula sesetengah guru untuk tugas sokongan khusus, dan peranan dalam pengurusan dan penganalisan data.	Bab 5
Latihan	Kementerian perlu menyediakan kursus pembangunan profesional berterusan dan memupuk budaya pembelajaran dan peningkatan berterusan dalam kalangan guru untuk mencapai standard pengajaran bertaraf dunia.	Kementerian akan meningkatkan pembangunan profesional berterusan dengan membangunkan portfolio program latihan bersandarkan keperluan kompetensi. Kementerian juga akan memberikan tumpuan kepada latihan berasaskan sekolah seperti menempatkan Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC+) bagi guru di sekolah Band 5, 6, dan 7.	Bab 5
Pengurusan prestasi	Kementerian perlu menambah baik sistem penilaian dan mengaitkannya dengan prestasi untuk meningkatkan kualiti guru.	Kementerian sedang membangunkan satu instrumen yang jelas memperincikan kompetensi yang diperlukan oleh guru, seperti pengajaran dan pembelajaran. Instrumen ini akan digunakan dalam penilaian tahunan bagi menggantikan instrumen sedia ada. Kementerian juga beriltizam beranjak kepada sistem laluan kerjaya yang berteraskan kecekapan dan prestasi, bukan berasaskan tempoh perkhidmatan.	Bab 5
	Kementerian perlu mengiktiraf guru yang berusaha meningkatkan kelayakan akademik ke peringkat ijazah Sarjana/Doktor Falsafah	Kementerian sedang memperkemas laluan kerjaya dan sistem kenaikan pangkat sedia ada untuk guru, dan akan mengambil kira kompetensi yang ditingkatkan melalui kelayakan akademik yang lebih tinggi.	Bab 5
	Kementerian perlu memberi elaun kepada guru berdasarkan peranan dan tanggungjawab	Kementerian akan mengkaji semula secara berterusan skim gaji dan elaun guru bagi memastikan pampasan yang adil diberikan selaras dengan beban tugas, tahap kompetensi, dan pencapaian keberhasilan murid.	Bab 5
	Kementerian perlu meningkatkan kemudahan tempat tinggal guru di kawasan luar bandar.	Kebajikan guru merupakan bidang penting yang diberi tumpuan oleh Kementerian. Pada peringkat awal, Kementerian akan menambah baik kemudahan infrastruktur asas untuk semua sekolah, seperti air bersih dan bekalan elektrik, dan memastikan keselamatan struktur bangunan. Apabila perkara ini sudah dicapai, Kementerian akan memberikan tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur asas termasuk kemudahan tempat tinggal untuk guru.	Bab 6

Kualiti Sekolah

Subtopik	Contoh topik yang dibangkitkan dalam Dialog Nasional	Maklum balas/Tindakan Kementerian	Rujukan
Saiz kelas	Kementerian perlu melaksanakan saiz kelas yang lebih kecil untuk meningkatkan keberhasilan murid.	Kajian menunjukkan bahawa faktor seperti saiz kelas kurang memberi impak terhadap kualiti keberhasilan murid berbanding faktor seperti kualiti guru. Oleh itu, Kementerian akan mengekalkan dasar sedia ada, iaitu maksimum 35 murid dalam satu kelas. Tumpuan akan diberikan kepada langkah menambah baik keadaan 11% sekolah yang mempunyai saiz kelas lebih daripada 35 murid.	Bab 6
Disiplin murid	Kementerian perlu memberikan lebih perhatian kepada disiplin murid.	Pelaksanaan <i>dashboard</i> bagi sekolah, daerah dan negeri, pada 2013 telah memasukkan matriks prestasi disiplin yang akan menjadi bidang tumpuan pengurusan prestasi sekolah.	Bab 4
ICT	Kementerian perlu meningkatkan kemudahan ICT semua sekolah.	Kementerian sedang dan akan melaksanakan 1BestariNet, rangkaian 4G, dan persekitaran pembelajaran maya di semua 10,000 sekolah menjelang pertengahan 2013. Kementerian juga akan menambah bilangan komputer di sekolah, serta memberikan latihan yang secukupnya kepada guru dan pihak sekolah untuk memastikan ICT diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran harian.	Bab 6
Infrastruktur	Kementerian perlu menukarkan semua sekolah dua sesi kepada sekolah satu sesi untuk meningkatkan keberhasilan murid.	Kementerian menganalisis pencapaian murid sekolah satu sesi dan dua sesi, dan mendapati bahawa keberhasilan murid setara dalam pelbagai dimensi: akademik, kokurikulum, dan disiplin murid. Pada masa ini, terdapat banyak sekolah dua sesi, dan langkah menukar semua sekolah ini kepada satu sesi mempunyai implikasi kos yang signifikan. Sehubungan itu, Kementerian akan mengkaji keperluan sekolah mengikut keadaan masing-masing bagi memastikan sama ada cara yang terbaik untuk menangani masalah terlalu ramai murid adalah melalui pertukaran kepada sekolah satu sesi, atau langkah lain seperti penambahan bilangan bilik darjah.	Bab 6
	Kementerian perlu memastikan sekolah mempunyai peruntukan mencukupi untuk penyelenggaraan infrastruktur.	Kementerian akan terus menerus menyemak dan menyediakan peruntukan penyelenggaraan tahunan infrastruktur sekolah untuk masa depan.	Bab 6

Kualiti Sekolah

Subtopik	Contoh topik yang dibangkitkan dalam Dialog Nasional	Maklum balas/Tindakan Kementerian	Rujukan
Pengurusan prestasi	Kementerian perlu mengkaji semula KPI sedia ada untuk menilai pencapaian murid. KPI sedia ada terlalu menumpu kepada pencapaian akademik dan peperiksaan berbanding dengan kualiti pendidikan yang semakin merosot.	Kementerian telah membangunkan satu set KPI yang komprehensif dan lebih tertumpu kepada input penting yang memberi kesan terhadap keberhasilan murid, seperti jumlah jam pengajaran dan pembelajaran, dan pelibatan dalam aktiviti kokurikulum. Kementerian juga akan terus menanda aras prestasi seluruh sistem dengan standard antarabangsa, seperti TIMSS dan PISA, bagi memastikan kebolehbandingan dengan sistem sekolah lain.	Bab 6 Mengkaji semula KPI Kementerian, Bab 4 mengkaji semula kurikulum dan peperiksaan
	Kementerian perlu menubuhkan Suruhanjaya Penaziran Bebas untuk menilai empat bidang utama kualiti keseluruhan pendidikan di sekolah: (i) pencapaian murid; (ii) kualiti pengajaran (iii) kualiti kepimpinan dan pengurusan sekolah; dan (iv) tingkah laku dan keselamatan am murid.	Di Kementerian, JNJK bertanggungjawab untuk menilai kualiti sekolah berdasarkan satu set dimensi yang komprehensif (kepimpinan, pengurusan organisasi, pengurusan kurikulum, aktiviti kokurikulum, sukan dan hal ehwal murid, pembelajaran dan pengajaran serta pembangunan murid secara holistik). Kementerian juga akan memperkasakan JNJK dengan mengemas kini skop tanggungjawab, dan meningkatkan kebolehan dan keupayaan, serta memberi lebih kebebasan.	Bab 6
Pembiayaan	Kementerian perlu menyediakan tahap pembiayaan yang berbeza untuk sekolah berdasarkan keperluan.	Kementerian mengupayakan JPN dan PPD untuk menyediakan dana yang sewajarnya (seperti penyelenggaraan) kepada sekolah mengikut keperluan. Kementerian juga membuat pelaburan dengan menyalurkan bantuan tambahan kepada sekolah berprestasi rendah (contohnya, pembimbing sepenuh masa untuk guru dan pengetua/guru besar; elaun perjalanan untuk murid sekolah luar bandar).	Bab 4
Autonomi sekolah	Kementerian perlu memberikan lebih autonomi kepada sekolah untuk merintis perubahan dalam dasar sekolah, melantik pemimpin sekolah dan guru, serta menyesuaikan mata pelajaran bagi memenuhi keperluan murid.	Selaras dengan amalan sistem berprestasi tinggi, seperti Singapura, Kementerian percaya bahawa tahap autonomi yang diberikan kepada sekolah perlu berdasarkan prestasi semasa dan peningkatan kemajuan. Dalam Gelombang 1 transformasi pendidikan, hanya sekolah berprestasi tinggi dijangka layak untuk diberi autonomi dari segi belanjawan dan kurikulum. Kebanyakan sekolah masih memerlukan banyak sokongan dan pemantauan yang rapi untuk mencapai standard kebangsaan. Walau bagaimanapun, dalam jangka masa sederhana dan panjang, Kementerian menjangka lebih banyak sekolah akan diberi autonomi.	Bab 4

Pembelajaran Murid

Subtopik	Contoh topik yang dibangkitkan dalam Dialog Nasional	Maklum balas/Tindakan Kementerian	Rujukan
Kurikulum	Sistem pendidikan perlu memupuk kemahiran menyelesaikan masalah dan kurikulum sekolah perlu relevan dengan pengalaman sebenar.	Kementerian mengambil langkah konkrit untuk menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam kurikulum dan memastikan kurikulum disampaikan seperti yang dihasratkan. Antara langkah yang diambil termasuk menambah jumlah soalan yang berfokuskan kemahiran berfikir aras tinggi dalam peperiksaan, mengurangkan kandungan kurikulum bagi memperuntukkan lebih masa menjalankan aktiviti berkumpulan dan yang berasaskan projek, dan meningkatkan kemahiran pedagogi guru.	Bab 4
Bahasa Inggeris	Sistem pendidikan perlu memantapkan pembelajaran dan meningkatkan literasi bahasa Inggeris murid.	Kementerian akan meluaskan program LINUS bagi memastikan murid mencapai literasi asas bahasa Inggeris menjelang akhir tiga tahun persekolahan peringkat rendah. Kementerian juga sedang meningkatkan kemahiran 61,000 guru Bahasa Inggeris secara intensif bagi memastikan mereka mencapai standard penguasaan kemahiran antarabangsa. Selain itu, Kementerian akan mengukuhkan inisiatif di bawah MBMMBI, termasuk OPS English (untuk meningkatkan perbualan bahasa Inggeris) dan Sistem Set (untuk mengajar bahasa Inggeris mengikut tahap penguasaan kemahiran bahasa murid).	Bab 4
	Sistem pendidikan perlu meningkatkan kemahiran komunikasi murid bagi meningkatkan kebolehpasaran.	Kementerian memperkenalkan OPS English, program yang dirangka untuk memfokuskan semula pengajaran di dalam bilik darjah kepada kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Kementerian juga mengkaji semula langkah melaksanakan semula ujian lisan Bahasa Inggeris dalam peperiksaan SPM dan UPSR.	Bab 4
	Kementerian perlu mengekalkan PPSMI.	Program MBMMBI akan diperkukuh untuk meningkatkan penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris murid, serta menangani isu kelemahan pelaksanaan program terdahulu, seperti PPSMI. Satu prasyarat penting ialah peningkatan tahap kemahiran bahasa Inggeris dalam kalangan guru Bahasa Inggeris secara pantas. Kementerian akan segera memberikan tumpuan utama dalam perkara ini.	Bab 4
	Kementerian perlu meningkatkan pengajaran Bahasa Inggeris untuk murid yang menunjukkan bakat dalam bahasa itu bagi membolehkan mereka menggunakan bahasa pada peringkat tinggi.	Kementerian memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kualiti pengajaran bahasa Inggeris, termasuk mengelompokkan murid mengikut tahap kemahiran dengan membentuk 'set' dan menyesuaikan pengajaran untuk mereka.	Bab 4
	Kementerian perlu memperkenalkan semula bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah	Bahasa Malaysia akan kekal sebagai bahasa pengantar utama di semua SK. Aspirasi sistem pendidikan adalah supaya semua murid Malaysia mahir dan fasih berbahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan, dan berbahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa, perdagangan dan diplomasi. Walau bagaimanapun, Kementerian mengakui bahawa pencapaian kemahiran berbahasa yang lebih tinggi memerlukan usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan penyampaian di dalam kelas Bahasa Inggeris. Dalam jangka masa sederhana, Kementerian akan menimbang langkah memperkenalkan perubahan struktur untuk menambah masa pengajaran Bahasa Inggeris.	Bab 4

Pembelajaran Murid

Subtopik	Contoh topik yang dibangkitkan dalam Dialog Nasional	Maklum balas/Tindakan Kementerian	Rujukan
Kecekapan pelbagai bahasa	Sistem pendidikan perlu meningkatkan penguasaan kemahiran pelbagai bahasa dalam kalangan murid; dan bahasa tambahan, seperti bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil, perlu diajar di sekolah.	Selaras dengan dasar Bahasa Ibunda Murid (<i>Pupil's Own Language</i>), Kementerian beriltizam menawarkan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di semua SK jika terdapat permintaan daripada sekurang-kurangnya 15 murid. Dalam KSSR, murid boleh memilih untuk belajar bahasa tambahan, seperti bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa Arab, sekiranya terdapat guru untuk mengajar mata pelajaran berkenaan. Dalam jangka masa lebih panjang, apabila kemahiran berbahasa Malaysia dan berbahasa Inggeris murid meningkat, Kementerian akan mengkaji kemungkinan untuk meluaskan pilihan bagi bahasa tambahan yang lain, termasuk bahasa utama di Asia serta bahasa antarabangsa, seperti bahasa Jepun dan bahasa Sepanyol.	Bab 4

SENARAI ORGANISASI YANG MENYERAHKAN MEMORANDUM KEPADA KEMENTERIAN

Berikut adalah senarai agensi dan organisasi yang menyerahkan memorandum rasmi secara langsung kepada Kementerian semasa proses penulisan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Senarai ini tidak termasuk individu yang memberikan input secara langsung kepada Kementerian atau individu atau organisasi yang memberikan input melalui saluran lain seperti memorandum terbuka, surat melalui wakil yang dilantik atau melalui maklum balas secara lisan semasa Dialog Nasional.

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)	Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM)
<i>Association of Parents Groups for Reforming Education (ASPIRE)</i>	Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA)
<i>Centre for Public Policy Studies (CPPS)</i>	<i>Sarawak Development Institute</i>
<i>Asian Strategy and Leadership Institute (ASLI)</i>	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
<i>Association for the Promotion of Human Rights (PROHAM)</i>	<i>Tamil Foundation Malaysia</i>
<i>Institute of Ethnic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia (KITA-UKM)</i>	<i>The Spiritual Assembly of the Baha'is of Malaysia</i>
<i>Parent Action Group for Education (PAGE)</i>	Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
<i>United Chinese Schools Committees Association of Malaysia (Dong Zong)</i>	Persatuan Sasterawan Nusantara Melayu Raya (NUMERA) Malaysia
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM)
Gabungan Bertindak Malaysia	Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)
Gabungan Persatuan Penulis Malaysia (GAPENA)	Yayasan Kepimpinan & Strategi Malaysia (YKSM)
<i>Federation of Chinese Associations Malaysia (Hua Zong)</i>	Dewan Amal Islami (DAMAI)
Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)	Kesatuan Guru-Guru Agama Malaysia Barat (KGAMB)
Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA)	Lembaga Bahasa Melayu Melaka (LBM)
<i>Institute of Strategic Analysis and Policy Research (INSAP)</i>	Majlis Profesor Negara
Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia	Majlis Dekan Pendidikan Institut Pengajian Tinggi Awam
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Besar Malaysia
The United Chinese School Teachers Association of Malaysia (Jiao Zong)	<i>The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry Malaysia (ACCIM)</i>
The Federation of Seven Clans Association	<i>Eight Major Chinese Youth Organisations (EMCO)</i>

<i>Unit Bahasa Cina, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)</i>	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR)	Pusat Pembangunan Kebudayaan Lim Lean Geok
Dewan Perhimpunan Cina Negeri Sembilan	<i>Malayan Christian Schools Council</i>
<i>Sarawak United People's Party (SUPP)</i>	Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM)
<i>Liberal Democratic Party (LDP)</i>	<i>Sarawak Progressive Democratic Party (SPDP)</i>
<i>Malaysian Chinese Cultural Society (MCCS)</i>	<i>The Federation of Alumni Associations of Taiwan Universities Malaysia</i>
Persekutuan Persatuan-persatuan Alumni Sekolah China Malaysia	<i>The Association of Graduates from Universities and Colleges of China , Malaysia</i>
<i>The Coalition of Plan of Action for Malaysia</i>	Persatuan Kebajikan Guru Bahasa Cina Sekolah Menengah Malaysia
Pensyarah Bahasa Cina Institut Pendidikan Guru Malaysia	Majlis Pengetua Sekolah Menengah Conforming Malaysia
Majlis Pembakuan Bahasa Cina Malaysia	CFBT Education Trust
Pakatan Kebajikan Islam Kg Tunku	PIBG SMSSI Mersing, Johor
Angkatan Belia Islam Malaysia Selangor	<i>Kirkby International College, Cyberjaya</i>
<i>Centre for Public Policy Studies, Asian Strategy and Leadership Institute (ASLI-CPPS),</i>	<i>Association for the Promotion of Human Rights (PROHAM)</i>
<i>LLG Cultural Development Centre Berhad</i>	Pro Pendidikan Kuala Lumpur
Gabungan Bertindak Malaysia	Majlis Tertinggi Pendidikan Al-Hikmah
Ikatan Graduan Melayu Sarawak	Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA)
Jabatan Pelajaran Negeri Sabah	Jawatankuasa Penaja Persatuan Bekas Pegawai Kanan Pendidikan Perkhidmatan Pendidikan
Jawatankuasa Pengurusan Fakulti Pendidikan UTM	Komuniti Ibu Bapa (Parent Support Group), Autisme Malaysia
Kumpulan Pengetua Daerah Pitas, Sabah	Lembaga Jemaah Pengurus Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chukai, Kemaman
Majlis Kebangsaan Intervensi Awal Kanak-Kanak	Majlis Lembaga-Lembaga Pengurus Sekolah Cina Negeri Sembilan
Majlis Pengetua Cawangan Johor	Majlis Permuafakatan PIBG Daerah Kota Tinggi, Johor
Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi	Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM)

Persatuan Kebangsaan Geografi Malaysia	Permuafakatan Badan Ilmiah Malaysia (PEMBINA)
Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia cawangan Negeri Terengganu	Persatuan Bekas Polis Diraja Malaysia
Persatuan Ibubapa SJK(T) Jalan Tajul Kota Tinggi Johor	Persatuan Jemaah Pengelola dan Guru-Guru Sekolah Cina Kelantan
Persatuan Kanak-Kanak Spastik Johor	PPD Penampang, Sabah
PPD Pitas, Sabah	<i>INTEL Corporation, Malaysia</i>
<i>'Morally Upright' -A Group of Concerned Citizens</i>	<i>Sarawak Development Institute</i>
Lembaga Bahasa Melayu Melaka	Dewan Persuratan Melayu Pahang
Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung	Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris
Persatuan Sasterawan Numera Malaysia	Himpunan Keilmuan Muslim dan Klasika Media
Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia	PIBG & Lembaga Pengelola SRJK(C) Taman Connaught
Yayasan Kepimpinan & Strategi Malaysia (YKSM)	Kesatuan Guru-Guru Agama Malaysia Barat
Persekutuan Tiong Hua Johor Baru	Malaysia Hindu Sangam
Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia	Kementerian Pengajian Tinggi
Yayasan 1 Malaysia	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Malaysia	<i>Lim Kok Wing University</i>
<i>Education Welfare & Research Foundation (EWRf)</i>	Majlis Pembangunan Sekolah Menengah Jenis (Conforming) Malaysia (MPSMJJK)
Selangor And Kuala Lumpur Hokkien Association	Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia
Persatuan Pustakawan Malaysia	<i>Malaysian International Chamber of Commerce and Industry</i>
<i>Global Organisation of People Indian Origin</i>	<i>Young Buddhist Association of Malaysia</i>
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP)	

Lampiran IV: Maklum balas mengenai Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

Maklum balas daripada rakyat dan pertubuhan awam Malaysia adalah penting dalam penyediaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Kementerian telah mempertimbangkan dengan teliti semua isu dan cadangan yang diterima daripada pelbagai sumber.

Pelancaran Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia pada 11 September 2012 telah mendapat perhatian dan sokongan meluas daripada pihak awam. Pelan tersebut juga telah mencetuskan maklum balas dan cadangan daripada rakyat dan pertubuhan awam Malaysia tentang cara menambah baik aspirasi dan inisiatif yang dinyatakan dalam Pelan ini. Walaupun Kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk mendapatkan maklum balas tentang Pelan ini daripada pihak awam, rakyat dan pertubuhan awam juga telah menggerakkan usaha untuk mendapatkan kebanyakan maklum balas. Keadaan ini menunjukkan bahawa tahap keprihatinan pihak awam terhadap kajian semula sistem pendidikan adalah tinggi. Pihak Kementerian telah melakukan analisis dan mengambil kira semua maklum balas dalam proses menderaf Laporan Akhir Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

SUMBER MAKLUM BALAS

Rakyat di seluruh negara telah didekati dan ditemui melalui sembilan Hari Terbuka dan tiga saluran dalam talian. Hampir 5,000 orang awam menghadiri Hari Terbuka yang diadakan dan mereka juga telah menyerahkan maklum balas kepada Kementerian melalui saluran dalam talian atau memorandum. Sebahagian besar daripada memorandum yang diserahkan kepada Kementerian datangnya daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak berkepentingan lain. Maklum balas melalui kaji selidik juga telah diterima daripada 2,100 orang awam yang menghadiri Hari Terbuka. Sebanyak 73% merasakan bahawa kebanyakan atau semua maklum balas mereka telah didengari dan diambil kira sewajarnya oleh Kementerian. Selain daripada maklum balas yang diterima secara terus atau diminta oleh Kementerian, Kementerian juga telah menganalisis maklum balas dan ulasan daripada akhbar bercetak dan akhbar dalam talian, laman blog dan media sosial, merangkumi lebih 3,000 artikel dan tulisan blog sejak pelancaran Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

SENARAI ORGANISASI YANG MENYERAHKAN MEMORANDUM KEPADA KEMENTERIAN

Berikut adalah senarai agensi dan organisasi yang menyerahkan memorandum rasmi terus kepada Kementerian tentang Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Senarai ini tidak termasuk individu yang memberikan input terus kepada Kementerian, atau individu atau organisasi yang memberikan input melalui saluran lain seperti memorandum terbuka, surat melalui wakil yang dilantik atau melalui maklum balas lisan semasa Hari Terbuka.

<i>Parent Action Group for Education (PAGE)</i>	Kesatuan Guru-Guru Kerajaan Sabah (KGKS)
<i>The Federation of Councils of Christian Mission Schools Malaysia</i>	Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Ugama Malaysia Barat (KKGUMB)
<i>The Federation Of Hokkien Association Of Malaysia</i>	<i>Malaysian Chinese Association (MCA)</i>
Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan	Persatuan Orang Pekak Malaysia
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)	Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM)
Persatuan Jawatankuasa Pengurusan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sabah	Jabatan Kemajuan Orang Asli, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia	Persatuan Belia Buddhist Malaysia
Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia	<i>Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia</i>
<i>Malaysian Seven Major Clans Association</i>	Kesatuan Guru Agama
Persekutuan Persatuan-Persatuan Alumni Sekolah Cina Malaysia	Pemuda UMNO, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)
Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan Malaysia	Majlis Guru Cemerlang
<i>Nanyang University Alumni Association of Malaya</i>	Persatuan Pengguna Pulau Pinang
<i>The Chinese Chamber of Commerce & Industry of Kuala Lumpur and Selangor</i>	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia	Persatuan Peace, Conscience and Reason (PCORE)
Malaysian Chinese Language Council	Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	<i>Asian Strategy and Leadership Institute (ASLI)</i>

<i>Centre for Public Policy Studies (CPPS)</i>	Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Besar Malaysia
The United Chinese School Teachers Association of Malaysia (Jiao Zong)	<i>The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry Malaysia (ACCIM)</i>
The Federation of Seven Clans Association	<i>Eight Major Chinese Youth Organisations (EMCO)</i>
<i>Unit Bahasa Cina, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)</i>	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR)	Pusat Pembangunan Kebudayaan Lim Lean Geok
<i>Institute of Strategic Analysis and Policy Research (INSAP)</i>	<i>Malayan Christian Schools Council</i>
<i>Sarawak United People's Party (SUPP)</i>	Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM)
<i>Liberal Democratic Party (LDP)</i>	<i>Sarawak Progressive Democratic Party (SPDP)</i>
<i>Malaysian Chinese Cultural Society (MCCS)</i>	<i>The Federation of Alumni Associations of Taiwan Universities Malaysia</i>
Persekutuan Persatuan-persatuan Alumni Sekolah China Malaysia	<i>The Association of Graduates from Universities and Colleges of China , Malaysia</i>
<i>The Coalition of Plan of Action for Malaysia</i>	Persatuan Kebajikan Guru Bahasa Cina Sekolah Menengah Malaysia
Pensyarah Bahasa Cina Institut Pendidikan Guru Malaysia	Majlis Pengetua Sekolah Menengah Conforming Malaysia
Majlis Pembakuan Bahasa Cina Malaysia	CFBT Education Trust
Pakatan Kebajikan Islam Kg Tunku	

Lampiran V: Skala Sejagat

Kajian semula sistem pendidikan negara telah menggunakan Skala Sejagat untuk mengelaskan prestasi sistem pendidikan sebagai lemah, sederhana, baik, amat baik atau cemerlang. Sistem pendidikan yang berbeza telah menyertai pelbagai pentaksiran berkaitan prestasi murid (TIMSS, PISA, PIRLS, dan NAEP) bagi menguji mereka dalam Matematik, Sains dan Bacaan merentas gred/peringkat persekolahan rendah dan menengah rendah sejak 1980 sehingga kini. Secara keseluruhan, terdapat 25 pentaksiran khusus, setiap satu menggunakan skala tersendiri. Metodologi Skala Sejagat cuba menyatukan dan membandingkan prestasi pelbagai sistem pendidikan dengan menggunakan skala yang sama.

Sistem pendidikan yang menyertai pentaksiran antarabangsa dan kebangsaan

Sebagai sebahagian daripada kajian semula ini, Skala Sejagat telah digunakan untuk mengelaskan prestasi sistem pendidikan sebagai lemah, sederhana, baik, amat baik atau cemerlang. Skala Sejagat ini digunakan dalam laporan 2010, iaitu *“How the world’s most improved school systems keep getting better”* oleh McKinsey and Co., iaitu berdasarkan metodologi yang dibangunkan oleh Eric Hanushek and Ludger Woessmann (*The High Cost of Low Educational Performance, OECD 2010*). Metodologi ini digunakan untuk menyelaras pelbagai skala pentaksiran sistem pendidikan yang menyertai pentaksiran antarabangsa atau kebangsaan seperti the *U.S. National Assessment of Educational Progress* (NAEP) menjadikan satu Skala Sejagat. Unit Skala Sejagat adalah bersamaan dengan unit yang digunakan oleh pentaksiran PISA 2000; dalam skala ini kira-kira 38 mata bersamaan dengan satu tahun persekolahan. Sebagai contoh, murid pada gred lapan dengan skor Skala Sejagat sebanyak 505 mata akan secara purata berada dua tahun ke hadapan berbanding murid gred yang sama dalam sistem lain dengan skor Skala Sejagat sebanyak 425 mata.

Bagi menghasilkan Skala Sejagat, metodologi Eric Hanushek dan Ludger Woessmann memerlukan penentuan varians dalam pentaksiran (contohnya, PISA 2000) dan bagi kombinasi setiap mata pelajaran dengan kumpulan umur dalam sistem pendidikan sejak 1980. Wujud pelbagai cabaran dalam menentukur varians. Setiap satu jenis pentaksiran menguji sistem pendidikan yang berbeza, mencerminkan kepelbagaian geografi, tahap sosioekonomi, dan demografi. PISA, contohnya, lebih banyak dianggotai oleh negara OECD dan serantau, manakala TIMSS disertai lebih banyak negara termasuk negara membangun. Oleh itu, satu varians X dalam TIMSS tidak setara dengan satu varians X dalam PISA. Dalam setiap pentaksiran, kohort negara peserta berubah dari tahun ke tahun. Untuk membandingkan varians antara dua pentaksiran, suatu subset sistem yang matang dan stabil (iaitu negara yang secara tekal mempunyai enrolmen tinggi) digunakan sebagai kumpulan kawalan dan varians antara pentaksiran sistem kemudiannya dibandingkan

dengan semua pentaksiran. Selepas menentukan varians, metodologi Eric Hanushek dan Ludger Woessmann ini menentukan min bagi setiap pentaksiran menggunakan U.S. NAEP sebagai rujukan. Pentaksiran U.S. NAEP dipilih, pertama, kerana ia menyediakan skor pentaksiran yang boleh dibuat perbandingan sejak 1971 dan kedua, Amerika Syarikat mempunyai data perbandingan kerana telah menyertai semua pentaksiran antarabangsa.

Apabila skala pelbagai pentaksiran menjadi sebanding, purata skor setiap sistem pendidikan untuk suatu tahun pentaksiran tertentu dikira dengan mengambil purata skor bagi ujian, mata pelajaran dan tahap gred bagi tahun tersebut. Pengiraan ini menghasilkan skor komposit pada Skala Sejagat bagi setiap tahun yang boleh dijadikan perbandingan.

Akhirnya, skor Skala Sejagat bagi setiap negara dapat dikelaskan sama ada sebagai “Lemah”, “Sederhana”, “Baik”, “Amat Baik” atau “Cemerlang” berdasarkan taburan pelbagai kategori prestasi seperti yang berikut:

- **Cemerlang:** lebih daripada dua sisihan piawai di atas min – >560 mata
- **Amat Baik:** lebih daripada satu sisihan piawai di atas min – mata antara 520-560
- **Baik:** kurang daripada satu sisihan piawai di atas min - mata antara 480-520
- **Sederhana:** kurang daripada satu sisihan piawai di bawah min - mata antara 440-480
- **Lemah:** lebih daripada satu sisihan piawai di bawah min - <440 mata

Berdasarkan agihan skor pada Skala Sejagat, jurang penambahbaikan, iaitu penambahbaikan yang diperlukan bagi sebuah sistem untuk meningkat dari satu peringkat pencapaian ke peringkat seterusnya ialah bersamaan dengan satu tahun persekolahan atau lebih kurang kira-kira 38 mata Skala Sejagat (Ekshibit V-1).

Skala Sejagat


Pelbagai pentaksiran...

- PISA**
- TIMSS**
- NAEP**
- Lain-lain pentaksiran tempatan**

...diseragamkan...

- 25 pentaksiran unik
 - Ujian
 - Mata pelajaran
 - Tahun
 - Tahap
- Diseragamkan kepada satu skala¹
- Unit baharu bersamaan dengan 2000 PISA
- Dibahagikan kepada prestasi Lemah, Sederhana, Baik, Amat Baik dan Cemerlang

...kepada Skala Sejagat



1 Melalui kaedah Erik Hanushek & Ludger Woessmann

2 Sisihan Piawai

3 Bersamaan Tahun Persekolahan (bersamaan dengan 38 mata pada skala PISA 2000)

SUMBER: TIMSS; PISA; PIRLS; Hanushek dan Woessmann, "The High Cost of Low Educational Performance" 2010, McKinsey & Co.

Lampiran VI: Pelan Tindakan Pendidikan

Bab 8 menyatakan dengan jelas kepentingan menyusun inisiatif agar tidak membebankan sistem pendidikan dan memberi penekanan kepada inisiatif utama yang akan diberi tumpuan oleh Kementerian. Inisiatif dalam program transformasi disusun untuk memberi kejelasan mengenai pelaksanaannya. Lampiran ini menunjukkan susunan program transformasi secara terperinci termasuk semua inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang akan dilaksanakan sepenuhnya dalam tiga gelombang, bermula dari 2013 sehingga 2025. Untuk lebih jelas, inisiatif dikategorikan mengikut gelombang pelaksanaannya dan bukan pada masa perancangan atau penyediaan inisiatif bermula. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk bab yang berkaitan.



Transformasi pendidikan akan dilaksanakan dalam tempoh 13 tahun

BIDANG		GELOMBANG 1 (2013-2015): Perubahan Sistem
PEMBELAJARAN MURID	KURIKULUM & PENTAKSIRAN	<p>Meningkatkan pelaksanaan kurikulum yang ditanda aras pada peringkat antarabangsa ke dalam pengajaran di bilik darjah</p> <ul style="list-style-type: none"> Menambah kadar kandungan kurikulum dan soalan dalam pentaksiran berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi Menjajarkan kurikulum kepada standard antarabangsa Meneruskan pelaksanaan KSSR dan pentaksiran berasaskan sekolah <p>Program IB diperkenalkan di 10 sekolah</p>
	BAHASA	<p>Meningkatkan penguasaan kemahiran berbahasa Malaysia dan bahasa Inggeris melalui MBMMBI</p> <ul style="list-style-type: none"> Kurikulum bahasa Malaysia baharu untuk murid yang bahasa ibundanya bukan Bahasa Malaysia untuk dilaksanakan di SJK Kelas pemulihan bahasa Malaysia diperkenalkan di SJK Guru Bahasa Malaysia di SJK diuji dan dilatih untuk mencapai tahap minimum penguasaan berbahasa Menambah penerbitan bahan Bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu Guru pelatih Bahasa Inggeris diuji untuk menilai tahap penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris Guru Bahasa Inggeris mencapai tahap minimum penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris LINUS 2.0 diperluas untuk literasi bahasa Inggeris Program OPS English dilaksanakan di sekolah menengah Pelaksanaan sistem set untuk Bahasa Inggeris dilaksanakan di sekolah menengah Majlis Standard dan Kualiti Bahasa Inggeris diwujudkan untuk menetapkan standard penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris ELTC diperkukuhkan sebagai Pusat Latihan Bahasa Inggeris yang ulung
	PECUTAN PENINGKATAN SEKOLAH	<p>Meningkatkan proses penambahbaikan sekolah bermula dengan sekolah berprestasi rendah</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyusun semula peranan JPN dan PPD dengan memberikan lebih keluwesan operasi dari segi bajet dan pembangunan sumber manusia Intervensi yang dirangka khusus berdasarkan isu yang dikenal pasti dilaksanakan Matlamat sistem yang sama diperturunkan daripada peringkat pusat ke JPN, PPD dan sekolah SISC+ untuk guru BM, BI, Matematik dan Sains SIPartners+ diperkenalkan kepada sekolah Band 5, 6 dan 7
	KUMPULAN DENGAN KEPERLUAN KHUSUS	<p>Program penambahbaikan sekolah yang mempunyai elemen khusus untuk Sekolah Kurang Murid (SKM)</p> <ul style="list-style-type: none"> Inovasi ICT berkaitan pembelajaran jarak jauh dilancar di SKM <p>Intervensi bersasaran untuk kumpulan peribumi dan minoriti lain</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengumpulan data yang menyeluruh untuk murid kumpulan Orang Asli, peribumi dan minoriti lain Sekolah model K9 ditambah sebanyak tiga kali ganda KEDAP dan KAP dikemas kini <p>Meningkatkan akses dan enrolmen untuk murid berkeperluan khas (MBK)</p> <ul style="list-style-type: none"> Menambah tempat dalam program inklusif dan vokasional untuk MBK Infrastruktur dinaik taraf dan ditingkatkan supaya lebih 'mesra' untuk MBK Meningkatkan sumber fizikal dan pengajaran untuk MBK Latihan perguruan yang dibezakan untuk pendidikan khas dimasukkan dalam latihan perguruan Melaksana kurikulum dan pentaksiran berdasarkan tahap kompetensi MBK Melancar Program Komunikasi Bersepadu untuk meningkatkan kesedaran tentang MBK
GURU DAN PEMIMPIN SEKOLAH	GURU	<p>Pengetahuan kandungan dan kemahiran pedagogi ditingkatkan untuk menambah baik pengajaran berpusatkan murid</p> <ul style="list-style-type: none"> Satu instrumen penilaian yang menunjukkan tahap kecekapan yang jelas untuk pengajaran dan pembelajaran ditentukan dan diperkenalkan Portal e-Guru beroperasi Guru diberi lebih sokongan untuk melanjutkan pelajaran Melibatkan sektor swasta dalam latihan guru <p>Menetapkan syarat kemasukan yang lebih tinggi untuk guru</p> <ul style="list-style-type: none"> Guru siswazah baharu perlu melalui kursus induksi Melancar kempen pemasaran berprofil tinggi untuk menjadikan profesion keguruan sebagai profesion pilihan Menyemak semula dan mengukuhkan proses pengambilan guru, penempatan dan unjuran
	PEMIMPIN SEKOLAH	<p>Kepemimpinan sekolah dipertingkatkan</p> <ul style="list-style-type: none"> Memulakan proses penggantian pemimpin sekolah Mewajibkan program latihan NPQEL untuk bakal pengetua Memperkenalkan program residensi dan pendedahan bagi pemimpin sekolah <p>Kriteria dan proses pemilihan pemimpin sekolah ditingkatkan dan dilaksanakan</p> <p>Pemimpin sekolah berprestasi tinggi diberi insentif untuk berkhidmat di sekolah berprestasi rendah</p>
TRANSFORMASI KEMENTERIAN	PRODUKTIVITI SUMBER	<p>Meningkatkan kecekapan Kementerian</p> <ul style="list-style-type: none"> Penjajaran semula bajet untuk bidang berimpak tinggi Perasionalan tahunan program di peringkat daerah, negeri dan Kementerian <p>1BestariNet dan perkakasan untuk sekolah dibekalkan dan guru diberi latihan untuk menggunakan ICT</p> <ul style="list-style-type: none"> Semua sekolah dilengkapi dengan infrastruktur asas dan menyediakan bajet untuk penyelenggaraan
	KEUPAYAAN PENYAMPAIAN	<p>Peranan dan kepimpinan JPN dan PPD diperkukuhkan</p> <ul style="list-style-type: none"> 150 pemimpin terbaik dilantik sebagai ketua di JPN/PPD Hampir 2,500 kakitangan ditempatkan daripada Kementerian dan JPN ke PPD untuk memberi sokongan kepada sekolah <p>Data pendidikan disepadukan dan diselaras</p> <ul style="list-style-type: none"> Satu pangkalan data bersepadu diwujudkan Dashboard JPN, PPD dan sekolah dikemas kini tepat pada masanya Beban tugas yang lebih ringan untuk pengumpulan data dan pelaporan <p>Struktur Kementerian diperkukuh dan pelaksanaan secara berperingkat dilaksanakan</p>
STRUKTUR SISTEM	FASA PENDIDIKAN	<p>Pertambahan enrolmen prasekolah dan sekolah menengah</p> <ul style="list-style-type: none"> Kempen enrolmen yang lebih agresif dilancarkan Pendidikan wajib selama 11 tahun diperkenalkan <p>Sekolah antarabangsa ditambah</p>
	LALUAN PENDIDIKAN	<p>Memperkasakan Pendidikan Vokasional</p> <ul style="list-style-type: none"> Bimbingan kerjaya yang lebih baik untuk murid Peningkatan kualiti latihan praktikal melalui peningkatan kerjasama dengan pihak swasta Kadar enrolmen ditingkatkan melalui kerjasama dengan institusi latihan vokasional awam dan swasta <p>Peningkatan standard di sekolah agama (bantuan kerajaan atau persendirian)</p> <ul style="list-style-type: none"> Promosi STAM Menggubal satu kurikulum kebangsaan pendidikan agama Mengiktiraf sijil Tahfiz untuk lulusan sekolah agama <p>Transformasi Tingkatan 6 dan Program Matrikulasi diakreditasi pada peringkat antarabangsa</p>
	PENGUKUHAN PERPADUAN	<p>Sekolah Jenis Kebangsaan dikekalkan dan diperkukuhkan melalui inisiatif bersasaran meningkatkan kualiti</p> <p>Melaksana kurikulum Sejarah semakan semula</p> <p>Membangunkan instrumen dan menjalankan kaji selidik untuk mengukur garis asas perpaduan</p>
	IBU BAPA, KOMUNITI DAN SEKTOR SWASTA	<p>Peningkatan pelibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta</p> <ul style="list-style-type: none"> Sarana ibu bapa dan komuniti dan kempen pendidikan kebangsaan dilaksanakan Pemberian bantuan pendidikan berasaskan keperluan Biasiswa dibiayai sektor swasta untuk kanak-kanak luar bandar dan miskin

GELOMBANG 2: (2016-2020) Pemecutan Penambahbaikan Sistem

GELOMBANG 3 (2021-2025): Gerakan ke arah Kecemerlangan

Standard Pembelajaran dipertingkatkan

- KSSM dan KSSR semakan semula dilancarkan dengan penerapan kemahiran abad ke-21 berdasarkan penanda aras antarabangsa
- Peperiksaan awam mengandungi 50% soalan berbentuk pemikiran aras tinggi

Program IB diperluaskan

Memperkenalkan perubahan struktur bagi meningkatkan masa pendedahan untuk Bahasa Inggeris

- Mengkaji peningkatan pendedahan masa kepada bahasa Inggeris; contoh melalui modul sastera dalam Bahasa Inggeris
- Memperkenalkan kelas pemulihan Bahasa Inggeris di peringkat rendah (Tahap 2)

Kelas Pemulihan atau Kelas Peralihan sebagai pilihan untuk murid dan ibu bapa

Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Arab ditawarkan sebagai bahasa tambahan di semua sekolah rendah kebangsaan

Melaksanakan program baharu untuk kumpulan murid berkeperluan khas.

Keluwesannya untuk jadual waktu kurikulum dan pengagihan belanjawan ditingkatkan untuk sekolah terpilih jika menepati kriteria yang digariskan

Program baharu untuk kumpulan murid berkeperluan khusus dilaksanakan

Keluwesannya terhadap penjadualan kurikulum dan peruntukan bajet untuk sekolah terpilih sekiranya sekolah memenuhi kriteria prestasi yang dijelas dan ditetapkan.

Kumpulan peribumi dan minoriti lain, pintar cerdas, Orang Asli dan program keperluan khas ditingkatkan dan dilaksanakan

- Kurikulum yang direka khas diperkenalkan
- Infrastruktur ditingkatkan
- Latihan perguruan yang dibezakan telah sedia untuk dilaksanakan
- Perkongsian dengan sektor swasta dipeluaskan
- Laluan pantas untuk murid berprestasi tinggi diperkenalkan

SKM dipindahkan ke lokasi baharu atau digabungkan sekiranya dipersetujui oleh komuniti tempatan

Pakej kerjaya guru baharu dilaksanakan

- Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) yang komprehensif dihubungkan dengan kecekapan dilaksanakan
- Laluan pantas dan penugasan semula berdasarkan prestasi dilaksanakan

Transformasi latihan perguruan Praperkhidmatan (IPG, IPTA dan IPTS)

Laluan kerjaya baharu dan mekanisme kemajuan untuk pengetua dilaksanakan

- Laluan pantas atau penugasan semula berdasarkan prestasi dilaksanakan
- Pembangunan Profesional berterusan (CPD) yang komprehensif dihubungkan dengan kecekapan dilaksanakan
- Pengukuhan lapisan pemimpin pertengahan di sekolah

Semua sekolah mempunyai infrastruktur garis asas yang diperlukan untuk menyampaikan kurikulum baharu

Sistem belanjawan berasaskan *outcome* bagi pengurusan kewangan sedia dilaksanakan, dan semua pegawai dilatih dalam penyediaan dan pengurusan kewangan

Inovasi ICT dirintis

Bahagian utama Kementerian diperkukuhkan

- Kebebasan JNJK ditingkatkan
- BPK diperkukuhkan menjadi pusat kecemerlangan
- LP, BPPDP dan BPG diperkukuhkan

Struktur organisasi diselaraskan sejajar dengan fungsi utama yang baharu

Matrikulasi ditingkatkan ke standard antarabangsa

Peningkatan penerimaan dan enrolmen in pendidikan vokasional:

- Bilangan kaunselor pembimbing ditambah
- Perjanjian pelaksanaan (*off-take*) dengan pihak kolej vokasional swasta dipertingkatkan.

Perpaduan diperkukuhkan antara sekolah

- Khidmat komuniti wajib diperkenalkan
- RIMUP diperluaskan
- Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral yang disemak semula dan dilaksanakan

Sekolah Agama swasta bertukar secara sukarela atau berdaftar menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan

Maklum balas dikumpulkan daripada setiap PIBG mengenai menyesuaikan kurikulum dengan konteks setempat dan kualiti guru

Kurikulum dan pentaksiran dikaji semula dan disemak

- KSSM semakan semula dilaksanakan pada 2022
- KSSR semakan semula dilaksanakan pada 2023

Pilihan untuk pendedahan bahasa Inggeris yang berjaya diperluaskan

- Pilihan untuk pendedahan bahasa Inggeris yang berjaya diperluaskan berdasarkan kehendak ibu bapa
- Kelas Pemulihan Bahasa Inggeris dilaksanakan ke seluruh sekolah menengah

Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Arab dan Bahasa Tambahan seperti bahasa Sepanyol, bahasa Perancis dan bahasa Itali ditawarkan di semua sekolah kerajaan dan sekolah menengah

Autonomi ke atas kurikulum dan pertambahan belanjawan untuk kebanyakan sekolah.

Program pendidikan murid pintar cerdas dilaksanakan di peringkat kebangsaan

Pengetua/guru besar dan guru diupayakan kuasa dan peranan mereka lebih profesional

- Mempunyai keluwesan operasi yang lebih mengenai isu profesional
- Pensijilan guru yang dihubungkan dengan kompetensi guru dipertimbangkan

Meningkatkan pengurusan berasaskan sekolah untuk semua sekolah yang menepati kriteria

Model inovasi ICT yang berjaya diperluaskan

Sekolah rendah yang padat dengan keperluan pemulihan selepas waktu sekolah ditukar menjadi sekolah satu sesi.

Laluan kerjaya baharu untuk pegawai kementerian dilaksanakan

Meningkatkan pelibatan sektor swasta dalam pendidikan vokasional

Struktur sistem disemak dan dikemaskini

Perkongsian sektor swasta yang lebih besar (contoh: Sekolah Amanah, program sekolah angkat)

Lampiran VII: Inisiatif Pendidikan GTP 2.0

Pendidikan telah dikenal pasti sebagai satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) pada 2009. Lima bidang yang diberikan tumpuan ialah prasekolah, literasi dan numerasi, sekolah berprestasi tinggi, Tawaran Baharu (Bai'ah) kepada pengetua/guru besar, dan Program Peningkatan Sekolah. Perancangan bagi fasa GTP2.0 disesuaikan dengan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia bagi memastikan keutamaan dan tindakan diwajibkan dan pertindihan dielakkan. Bagi tujuan ini, inisiatif GTP2.0 yang akan dilaksanakan dari 2013 hingga 2015 menjadi sebahagian daripada Gelombang 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Secara keseluruhan, Pelan ini akan meliputi jangka masa dari 2013 hingga 2025. Semua inisiatif ini akan dilaksanakan bersama-sama dengan PEMANDU.

BIDANG TUMPUAN GTP2.0

GTP2.0 akan meneruskan tumpuan dalam lima bidang fokus daripada GTP1.0 dengan penambahbaikan dalam tempoh tiga tahun akan datang. Tiga bidang fokus akan ditambah, iaitu Pakej Kerjaya Pengetua/Guru Besar, Pakej Kerjaya Guru, dan peningkatan kemahiran guru Bahasa Inggeris.

Bidang fokus	Penambahbaikan dan Inisiatif
Prasekolah	<p>GTP1.0 menekankan pentingnya usaha meningkatkan enrolmen prasekolah, manakala GTP2.0 bermatlamat mempertingkatkan program prasekolah dengan memperkenalkan standard minimum prasekolah dan memperluas program supaya melibatkan aspek penjagaan awal kanak-kanak. Inisiatif termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Meningkatkan bilangan kelas prasekolah yang ditawarkan oleh prasekolah kerajaan dan pihak swasta; ■ Mengkaji dan menilai semula keperluan kelayakan (dan mengaitkannya dengan keperluan) dan mekanisme pengagihan bantuan yuran dan geran prasekolah; ■ Menyeragamkan kelayakan guru prasekolah dan pembantu guru prasekolah; ■ Memperluas bantuan yuran dan memulakan pemberian geran untuk prasekolah dan penjagaan kanak-kanak; dan ■ Menetapkan standard ECCE kebangsaan dan standard profesional guru prasekolah.
Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS)	<p>Program LINUS dalam GTP1.0 berjaya menambah baik secara signifikan literasi dan numerasi bahasa Malaysia. Dari kejayaan ini, GTP2.0 akan memperluas program ini untuk literasi bahasa Inggeris. Struktur program ini juga akan ditingkatkan untuk memastikan taksiran yang lebih menyeluruh dan tekal untuk murid Tahun 1 hingga Tahun 3. Selaras dengan ini, kohort fasilitator LINUS, iaitu FASILinus akan diperluas.</p>
Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)	<p>Tumpuan untuk tiga tahun akan datang adalah untuk mengekalkan standard kualiti yang tinggi semua SBT. Semua sekolah ini hendaklah menggunakan sepenuhnya kelebihan hak membuat keputusan supaya boleh terus melakukan inovasi dan meningkatkan standard sekolah. Dalam GTP 2.0, matlamat untuk mencapai 100 SBT masih dikekalkan.</p>

Bidang fokus	Penambahbaikan dan inisiatif
<p>Program Peningkatan Sekolah (SIP) dan Program Transformasi Daerah</p>	<p>Kejayaan Program Peningkatan Sekolah dalam GTP 1.0 mengesahkan kepentingan menyasarkan sekolah berprestasi rendah dan menyediakan bantuan sokongan yang terancang untuk meningkat. Usaha ini diteruskan dalam GTP2.0 melalui Program Transformasi Daerah dengan memberi tumpuan kepada lebih pengupayaan dan kebertanggungjawaban kepada JPN dan PPD. Kedua-dua organisasi ini berada di barisan hadapan dan paling hampir dengan sekolah. Maka, mereka berada dalam kedudukan yang paling baik untuk membantu sekolah. Inisiatif yang dirancang termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Menyemak semula peranan JPN dan PPD melalui pengupayaan kuasa dan menjadikan mereka bertanggungjawab menyediakan bantuan kepada pihak sekolah; ■ Membangunkan KPI yang standard di peringkat sekolah, PPD, JPN, dan kebangsaan melalui papan pemuka (<i>dashboard</i>) baharu dan senarai kedudukan; dan ■ Menyasarkan intervensi kepada sekolah yang paling memerlukannya. Sebagai contoh, meletakkan lebih ramai pembimbing guru sepenuh masa di PPD bagi membantu guru; mengadakan dialog peningkatan prestasi yang kerap di peringkat negeri, daerah dan sekolah untuk menerapkan disiplin; memantau, menyelesaikan masalah, dan melakukan tindakan susul terhadap inisiatif yang dijalankan. <p>PPD akan disokong melalui penambahan latihan dan sumber bagi memenuhi keperluan peranan baharu dan platform disediakan untuk PPD berkongsi amalan terbaik masing-masing.</p>
<p>Pakej Kerjaya Pengetua/Guru Besar</p>	<p>Inisiatif Tawaran Baharu (<i>Bai'ah</i>) dalam GTP1.0 yang memberikan ganjaran kepada pengetua dan guru besar sekolah berprestasi tinggi terbukti sebagai mekanisme yang berkesan memotivasi dan memberi insentif kepada kepimpinan sekolah, akan diteruskan dalam GTP2.0. Inisiatif tambahan berkaitan perancangan penggantian bagi pengetua/guru besar dan laluan pantas pengetua akan dilaksanakan, terutamanya:</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Proses pemilihan pengetua/guru besar akan dioptimumkan dan dipendekkan bagi mengenalpasti pengganti pengetua/guru besar yang akan bersara, sebaik-baiknya enam bulan sebelum tarikh persaraan; ■ Pewujudan sistem berpusat untuk pengambilan calon daripada satu kumpulan yang telah dinilai tahap kesediaan mereka; ■ Penilaian semula insentif bagi menarik minat calon berkualiti ke sekolah luar bandar; ■ Penyediaan sokongan bagi membantu transisi pengetua/guru besar baharu; dan ■ Penyediaan kriteria berasaskan kompetensi yang jelas sebagai asas untuk pemilihan, penilaian, kenaikan pangkat, dan pembangunan profesional berterusan pengetua/guru besar.
<p>Pakej Kerjaya Guru</p>	<p>Melengkap dan memberi ganjaran yang lebih baik kepada guru ke arah mencapai keberhasilan murid yang lebih tinggi kekal sebagai objektif utama. Inisiatif tambahan diperkenalkan dalam GTP2.0, termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Laluan baharu berasaskan kompetensi bagi menyediakan peluang kerjaya yang menarik untuk guru, termasuk laluan pantas kepada mereka yang berprestasi tinggi; ■ Pembangunan satu instrumen pentaksiran bersepadu yang memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran, menggabungkan elemen terbaik daripada lima instrumen pentaksiran sedia ada serta melibatkan keberhasilan murid; ■ Pelan induk pembangunan profesional berterusan bagi menyediakan sokongan yang disesuaikan untuk setiap guru; ■ Standard baharu untuk pembangunan profesional berterusan (CPD) standard kemasukan baharu dan mekanisme pemantauan bagi tujuan pengambilan guru baharu, serta bantuan sepanjang kerjaya dan penilaian guru.
<p>Peningkatan kemahiran guru Bahasa Inggeris</p>	<p>Objektif bidang tumpuan ini adalah menambah baik standard kemahiran berbahasa Inggeris dalam kalangan murid Malaysia dengan mempertingkatkan kaedah pengajaran bahasa tersebut di sekolah dan meningkatkan kemahiran guru Bahasa Inggeris. Seterusnya, tahap kemahiran berbahasa Inggeris semua guru Bahasa Inggeris akan dinilai. Program pemulihan disediakan bagi melatih semula guru Bahasa Inggeris yang tidak mencapai standard kemahiran berbahasa di peringkat antarabangsa.</p>

Lampiran VIII: Projek Permulaan NKEA Pendidikan

Pendidikan telah dikenal pasti sebagai satu Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) pada 2010. Program ini memberi tumpuan kepada 14 Projek Permulaan (EPP), terbahagi kepada empat segmen utama berdasarkan pasaran sedia ada dan potensi pertumbuhan masa depan: pengasuhan dan pendidikan awal kanak - kanak (ECCE), pendidikan asas (rendah dan menengah), pendidikan dan latihan teknik dan vokasional (TVET) dan pendidikan tertiar. Projek permulaan ini akan dijalankan sehingga 2020 dan dilaksanakan bersama-sama dengan PEMANDU.

SEGMENT UTAMA ETP UNTUK KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Segmen utama	Projek Permulaan (EPP)
Pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE)	<p>Pasaran bagi perkhidmatan pengasuhan awal kanak-kanak (sejak lahir hingga empat tahun) belum diterokai dengan meluas pada kadar enrolmen sebanyak empat peratus. Walaupun penyertaan sektor swasta dalam pendidikan prasekolah (5 hingga 6 tahun) telah menjadi semakin penting, terdapat peningkatan permintaan untuk kualiti pendidikan prasekolah yang lebih baik.</p> <p>EPP 1: Menambah pusat ECCE dengan memberi tumpuan kepada peningkatan penyertaan daripada pihak swasta dalam peluasan ECCE termasuk segmen prasekolah dan pengasuhan awal kanak-kanak . Inisiatif yang dirancang termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Menubuhkan sebuah pusat sehati bagi mengumpul semua penyerahan dan permohonan berkaitan dengan pelesenan; ■ Memendekkan proses kelulusan pelesenan dari 14 hari kepada 7 hari; dan ■ Menyeragamkan yuran pemprosesan dan pelesenan untuk penukaran status pusat ECCE daripada kediaman kepada status perniagaan <p>EPP 2: Menambahbaik latihan ECCE dengan memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti jurulatih ECCE melalui galakan kepada pihak swasta untuk membangunkan program ECCE yang berkualiti tinggi dan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Perancangan sedang dibuat untuk mengumumkan kelayakan minimum bagi semua guru prasekolah. Sebahagian besar daripada latihan akan dikendalikan oleh pusat latihan ECCE swasta.</p>

Segment utama	Projek Permulaan (EPPs)
Pendidikan Asas (rendah dan menengah)	<p>Pihak swasta memainkan peranan penting bagi menambah baik pendidikan asas dari segi penyediaan pendidikan antarabangsa, dan juga dalam latihan dan peningkatan kemahiran guru. Pelibatan sektor swasta memberi beberapa kebaikan. Pertama, ia menyediakan lebih banyak pilihan kepada keluarga menerusi portfolio model sekolah yang lebih luas. Kedua, persaingan yang wujud akan meningkatkan standard keseluruhan merentas sekolah awam dan swasta. Ketiga, ia membolehkan peningkatan permintaan dalam latihan guru dipenuhi walaupun menghadapi kekangan kapasiti di institusi awam.</p> <p>EPP 3: Memperluas Sekolah Antarabangsa dengan memberi tumpuan kepada usaha menggalakkan pertumbuhan sekolah antarabangsa melalui penyediaan Elaun Cukai Pelaburan, pemansuhan kuota murid Malaysia, mengawal selia yuran dan mempromosi Malaysia sebagai destinasi pendidikan pilihan.</p> <p>EPP 4: Memperluas Latihan Guru Swasta dengan memberi tumpuan kepada liberalisasi pasaran latihan guru dengan mengambil kira pihak swasta bagi meningkatkan persaingan latihan guru praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan.</p> <p>EPP 13: Memperkenalkan Perkongsian Awam-Swasta dalam Pendidikan Asas dengan memberi tumpuan kepada usaha merintis pelaksanaan model perkongsian awam dan swasta (PPP); dan dalam PPP ini, peranan pembiaya dan pengawal selia dipisahkan daripada peranan penyedia pendidikan di sekolah vokasional dan sekolah harian.</p>
Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET)	<p>TVET telah dikenal pasti sebagai penyumbang penting untuk kejayaan ETP, dengan hampir satu juta pekerjaan memerlukan sijil vokasional atau diploma menjelang 2020. Beberapa inisiatif telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti TVET dan untuk memastikan programnya selaras dengan kehendak dan keperluan industri.</p> <p>EPP 5: Meningkatkan Latihan Kemahiran Swasta bertujuan untuk mengurangkan peratusan pekerja kurang mahir dan separa mahir dengan menyediakan lepasan SPM atau murid tercicir dengan peluang yang lebih besar untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran. Usaha ini dilaksanakan melalui permintaan pembiayaan sampingan dengan merangsang pelibatan sektor swasta menerusi Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran sebagai saluran utama pembayaran.</p> <p>EPP 12: Melonjakkan Jenama Pendidikan Antarabangsa Malaysia berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pilihan serantau dalam rangkaian pendidikan global. Langkah ini termasuk pemasaran latihan vokasional kepada pelajar antarabangsa.</p> <p>Inisiatif lain adalah untuk menggalakkan penyediaan latihan kemahiran oleh pihak swasta termasuk kerjasama dengan IPT dalam perkongsian awam dan swasta (EPP13), dengan kursus vokasional di sekolah menengah (Tingkatan 4 dan 5) akan menjalankan komponen praktikal di institut latihan kemahiran swasta.</p>

INDEKS

60:40	4-7; 7-7	Bantuan kewangan	E-13, 21, 28; 3-20, 28; 3-4; 7-3, 5, 6, 16, 17, 22, 25, 26; G-4, A-8, 17, 18
1BestariNet	E-18, 22, 27, 29; 4-15; 5-12, 6-9, 10, 21-25; 8-5, 8-5, 7, 13; G-1; A-18, 31	Biasiswa	E-16; 4-10; 5-5; 7-26; A-2, 33
4G	E-22; 6-21, 23; G-1	<i>Blended learning</i> (rujuk pelbagai mod)	E-27; 4-9; 8-5, 7
Akauntabiliti	E-21; 8-7	<i>Continuous Professional Development (CPD)</i>	E-16, 17, 19, 20; 5-18; 6-9; 8-9; G-1; A-34
Akreditasi	E-27; 5-5; 7-8, 9, 13-15; 8-5, 9; A-3, 31	Dalam talian (rujuk juga ICT dan e-Guru)	E-18, 22, 24; 4-9, 15, 28; 5-11, 12, 16; 6-13, 25; 7-13, 15, 25, 26; A-8, 11, 13, 25
Akses	E-3, 4, 9-13, 17, 18, 21-26, 28; 1-2, 4, 7; 2-1, 2-4, 8; 3-1, 2-4, 20, 27, 28; 4-11, 15-17, 19-24, 26, 29, 30; 5-12; 6-1, 2, 9, 11, 16, 18, 21-23, 25; 7-1, 3-7, 10, 11, 17, 21, 24, 26, 28; 8-3, 4, 6, 7, 9, 10; G-1, A-2, 3, 49, 16, 31	Dasar pendidikan kebangsaan dan laporan	
Aktiviti kokurikulum	E-4, 9, 15; 2-7; 3-13, 16, 21, 24; 4-3, 0; 5-6, 13, 16; 6-10; 7-5, 13, 15, 18-20; G-6; A-16, 19	Laporan Barnes	A-1
Alumni	E-18, 24; 7-27; A-23, 26, 27	Laporan Fenn-Wu	A-1
Amalan terbaik		Laporan Jawatankuasa Pengajian Tinggi	A-1
ICT	E-18, 22; 6-10, 24, 25	Laporan Jawatankuasa Kabinet	1-1, 2; 2-1; A-1, 2, 7
Kecemerlangan profesional	4-1, 25; 5-3, 13; 8-5, 10	Laporan Keciciran	A-1
Kepimpinan/pengurusan	E-20, 26; 4-28; 5-19; A-9	Penyata Rahman Talib	A-1
Latihan	E-16; 4-17; 5-3	Penyata Razak	1-1, 2, 4; 2-1; 3-1; 7-19; A-1, 3, 7
Pembelajaran	4-4, 6; 7-3, 13, 15	Dialog Nasional	E-3, 10, 28, 32; 1-3, 4-7; 2-1, 4, 5, 7, 8; 3-16; 4-16; 5-1,8; 7-19; G-2; A-5, 6, 10, 15, 17, 24
Pengajaran	E-22; 4-6, 9; 5-2; 7-21	Dasar perolehan	6-6, 9-12, 15, 16, 23; G-1
Pentadbiran	4-1, 16; 6-7, 9, 11; 7-26, 27; A-34	Disiplin	E-11, 19; 2-7, 3-15, 16; 4-6, 18, 25, 28; 5-13; 6-13, 19, 20; 7-11; -9, 11; A-2, 18, 34
Amali (sains)	E-13; 4-7, 8, 9; 5-6	Dwibahasa	E-11, 12; 2-6, 7, 8; 4-15; 7-19
Anjakan	E-12, 14, 20-24, 28, 32; 5-3, 14; 6-5, 9, 10; 7-1, 24; 8-14; A-2	e-Guru	5-11,12; 6-25; 8-6; A-33
Aspirasi		e-perolehan (rujuk dasar perolehan)	6-9
Murid	E-1, 2, 10, 12, 28, 29; 1-1, 4, 6; 2-1, 2-8; 4-2; 6-1, 7, 16, 18; 7-16, 17-21; 8-1, 2, 4; A-22, 23	Ekuiti	E-3, 8-12, 21, 23; 1-2, 4; 2-2, 4, 5, 8; 3-1, 17, 21, 28; 4-26; 6-1, 2, 11; 7-4, 17; 8-3, 4; A-4, 16, 18
Sistem	E-18, 1, 27; 4-29; 5-16, 19; 6-10; 7-26; 8-5	Enrolmen	E8, 11, 27; 2-1, 3-1, 2, 21, 28; 4-8, 18; 5-12; 7-5, 6, 7, 17, 25; A-3, 8, 30
Autonomi	E-18, 21, 27; 4-29; 5-16, 19; 6-10; 7-26; 8-5, 10; G-8; A-3, 21, 34	Jenis sekolah (rujuk Jenis Sekolah)	3-21, 23, 24; 7-19
Bahasa	4-10, 11-16	Lepas menengah	3-2, 20
Arab	E-15, 2-7; 3-6; 4-3, 11, 12, 13, 16; 7-12, 21; 8-9; A-23, 34	Menengah atas	E-13, 14, 27; 1-2; 2-5; 3-1, 3,15, 23; 7-3, 6; 8-3, 4; 8-5, 8; A-33
Bahasa Inggeris	E-11, 14, 15, 17, 18, 22, 27-29; 2-3, 5, 7; 3-6, 8, 9, 14, 15; 4-1, 3-5, 7, 9-16, 24; 5-10, 12; 6-7, 8, 12; 7-15; 8-4, 5-7, 9, 10, 13; G-1, 2, 4-6; A-1, 2, 12, 18, 22, 23, 33-36,	Menengah rendah	E-13, 14, 27; 1-2; 3-1, 3, 15, 23; 7-3, 6; 8-4, 5, 8; A-33
Bahasa Malaysia	E-11, 14, 15, 18, 22, , 28; 2-3, 5, 7; 3-6, 8, 14, 15, 23; 4-1, 3, 7, 9, 10, 11-15, 21; 5-12; 6-3, 8; 7-10-18, 20, 21; 8-5, 7, 9, 10; G-3, 4; A-1, 2, 4, 15, 20, 21, 31, 33	Mengikut bidang	4-8
Cina	E-15; 2-7; 3-6, 13, 23; 4-1, 3, 11, 12-14, 16; 7-11, 18, 21; 8-9; A-23, 25, 29, 34	Mengikut kumpulan etnik	7-19
Iban	2-7; 4-3, 22	Prasekolah	E-27, 1-2, 2-3, 3-1, 7-1, 3-6; 8-5, 8; A-4, 33, 35, 37
Kadazan Dusun	2-7; 4-3, 22	Rendah	E-13,14, 27; 1-2, 3-1, 3, 15, 23; 4-19, 7-3, 6;
Tamil	E-15, 2-7; 3-6; 4-1, 3, 11-14, 16; 7-18 - 21; 8-9, A-23,34	Sejagat	E-11, 17; 7-1, 3, 4; 8-3
Bahasa ibunda	E-8, 15, 27; 3-21; 4-10, 11, 13, 14, 21; 7-19; 8-5, 6; A-23, 33	Sekolah agama	7-8,
Bahasa tambahan	E-11, 14, 15, 17, 27; 2-7; 4-10, 11, 13, 16; 7-21; 8-5, 9, 10; A-23, 34	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)	7-19,
Bajet	E-3, 9, 10, 18, 21, 23, 24, 26; 2-4, 5; 3-2, 24-26; 6-10, 11-14; 7-20; G-5; A-33, 34	Sekolah antarabangsa	7-10, 11,
Band prestasi	E-10, 28; 3-11	Sekolah Persendirian Cina	7-19
Bank Dunia	E-1, 3-6; 1-1, 3, 5; 3-17, 25, 26; 5-5, 8; 6-11, 24 25; 7-25; A-5, 6, 10	Sekolah satu dan dua sesi	6-19,
		Sekolah kluster	4-24,
		Sekolah kurang murid	4-19, 20, 26
		Sekolah Orang Asli	4-22
		Sekolah pendidikan khas/inklusif	4-18, 7-19, A-33
		Sekolah swasta	E-3, 14; 3-1, 2, 21; 7-3, 7, 10, 19
		Sekolah vokasional	7-13; 8-3, 8; A-34
		Etika	E-11, 15; 2-7, 8; 6-23, 8-1, A-17
		Etnik	E-8, 2-1, 3 -7; 3-21, 23, 24, 28; 4-11; 7-1,18, 20; A-15
		Bumiputera	3-21, 28; 4-12, 7-19, A-11,15

Cina	3-21, 4-12, 7-19, A-15	Sekolah Orang Asli	4-22, A-34
India	3-21, 4-12, 7-19, A-15	Standard seragam	6-18, A-34
Minoriti	E-13, 24,-27; 1-6, 7; 2-4, 4-11, 16, 21, 22, 23; 5-2, 7-27, 8-5,7, 9; G-2, A-9, 11, 18, 33	Inovasi	E-13, 22, 27, 29; 2-15; 3-13; 4-3, 4, 8-10, 20, 23, 24, 26; 5-10, 18, 19; 6-21-25; 7-6, 7, 17, 21, 24-27; 8-1, 5, 6, 9, 10; 4, ; A-4, 24, 33, 34
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	E-4, 11, 12; 1-2, 3, 5, 8; 3-21, 28; 4-1, 2, 3, 11; A-4, 7, 9, 17	Institusi Latihan Kemahiran	7-2
FasiLINUS	6-5, 8; A-35	Institut Pengajian Tinggi Awam	E-7, 16, 29; 3-20, 4-14, 18; 5-3, 5, 6, 10,12; 7-1; 8-7, 9,13; G-3; A-3, 10, 34;
Geran per kapita	E-21, 4-9, 7-5, 16; G-5	Institut Aminuddin Baki	E-20, 22; 4-18, 5-8, 12, 16, 17, 18, 196-2,8, G-2, A-3, 7, 12;
Guru		IPG Institut Pendidikan Guru (rujuk guru)	
Beban tugas	E-13, 24, 25; 3-4, 16; 4-27, 5-1, 6, 9, 10, 11; 6-10, 13, 19; 8-5, 6, 10,14;	Guru pelatih	E-16, 5-3, 5, 6, 8, 10, 12; 6-25, 8-7
Budaya keteladanan rakan setugas	E-16, 17, 19, 20, 27, 29; 5-10, 13, 19; 8-5, 6, 10,14;	Pensyarah	E-16, 4-9, 5-5, 8, 12; 6-8, 8-6, 7; A-9, 10, 25, 29;
Demografi	5-2, A-7	<i>International Baccalaureate</i>	4-6, 7-11, 26; G-2
Institut Pendidikan Guru (rujuk IPG)		Jabatan Pendidikan Negeri (JPN - rujuk negeri)	E-19, 20, 22, 23, 24, 27, 29; 1-3, 5, 6K; 2-5; 3-26; 4-1, 23-29; 5-5, 8, 12; 6-1, 2, 3, 5-12, 16, 20, 26; 7-4, 20, 26; 8-5, 6, 8-11; G-3, A-9, 21, 33, 36
Kualiti	E-12, 16, 17, 18, 19, 22, 24, 28; 1-4, 7; 3-16, 4-8, 26; 5-1, 2, 3, 5, 6, 9, 11, 12, 13, 14; 6-7, 7-21, 27; 8-6, 14; A-10, 16, 17, 19, 34	Dialog prestasi	4-29
Laluan kerjaya	E-16, 19, 25, 27; 5-2, 12, 13, 17, 20; 7-7; 8-5, 7, 9; A-19, 34	Johor (rujuk negeri)	
Pakej kerjaya guru	E-25, 5-2, 10, 12, 13, 18; 8-14; A-34, 35, 36	Kaji selidik	1-5, 6; 6-2, 12; A-9
Pembangunan profesional berterusan	E-16, 5-1, 2, 5, 6,10, 11,14,16;6-9; 8-9; G-1, A-19. A-36	Kajian semula tahunan	E-24
Pemilihan	E-17, 5-1, 2, 3, 5, 10, 19; 6-8, 8-7	Kakitangan/personel	E-22, 6-3, 8, 9;
Penempatan	E-16, 21, 23; 4-14, 16, 29; 5-2, 6, 10, 12; 6-4, 8; A-7, 8, 33	Kepimpinan	E-19, 23, 27, 28; 4-29, 5-8, 8-5, 8; A-33
Pengurusan prestasi	3-16, 5-1, 5-17, 6-24, 8-9, A-16, A-19,	Kos operasi	3-26
Persekitaran kerja	E-8, 11, 25; 5-6, 10, 11,17,19;	Laluan kerjaya	5-12
Profesion keguruan	E-16, E-27, 5-1, 2, 3; 9-13, 19, 20; 8-5, 9;	Meningkat pencapaian sekolah	4-24, A-33
Saraan	3-16, 5-8,	Pemantauan	6-3, 7-6
Hari terbuka	E-5, 6, 8; 8-13, A-5, 27, 28	Pembangunan professional	E-23
Identiti nasional	E-2, 12, 15; 1-1, 4,5,6; 2-7, 8; 4-1, 11; 7-19, A-17	Penempatan	E-23,
ICT (rujuk juga Teknologi Maklumat)	E-18, 21, 22, 24, 27; 1-2, 4-7, 8, 9, 15, 20, 23, 26; 5-5, 18; 6-1, 9, 10, 16, 21, 22, 23, 24, 25, 26; 8-3, 5, 6, 7, 9, 10; A-2, 3, 4, 8, 20, 33, 34;	Pengupayaan pengurusan	E-18, 20, 23; 4-1, 25, 29; 6-1, 7, 9, 14, 16; 8-5; A-21
Infrastruktur		Penyeragaman KPI	E-23, 4-26, 8-11, A-36
Asas	E-18, 21; 1-5, 6, 16; 4-26, 6-16, 18, 20; A-19, 33	Pola perbelanjaan	E-24, 4-29, 6-12, 20;
Audit	6-20	Program intervensi	4-23, 24, 27; 6-2, 5, 7
ICT	6-16, 21-23	Tanggungjawab/peranan	E-22-27; 4-25, 26; 5-5; 6-1, 2, 5, 6, 7, 10, 26; 7-26, 8-6, 7; A-33, 36
IPG	5-5, 8-7, A-9	Jantina	E-27, 2-4, 3-17, 8-5
Kaji selidik	A-9	Jawatan penting	E-23, 27; 8-4, 5, 8, 10
Kualiti	5-5, 6-16, 7-15, A-3	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK)	3-9, 15, 16, 24; 4-9, 5-3, 6-7, 8, 9; G-3, 7; A-2, 34
Pembangunan sekolah	E-26, 27; 4-6, 8, 9, 17, 18, 20; 6-1, 14, 16,18-21, 26; 8-6, A-3, 4, 7, 8, 20	Jenis sekolah	E9, 16, 17, 21, 24; 1-5; 2-4; 3-4, 17, 19, 21, 23, 24; 4-3, 20, 24; 5-5; 6-18; 7-11, 16, 18, 19, 20, 21, 26, 27; 8-2; A-1, 9, 10, 18
Pembelajaran sendiri	4-29,	Awam	E-14, 16; 3-3, 14, 27, 21; 4-3, 19, 20, 21; 6-22; 7-3, 6, 7, 8
Pendidikan khas	4-16, 19; 7-10, 12, 17; A-33	Bantuan Kerajaan	7-16, 17, 18; A-2, 17
Pendidikan teknikal	7-13,14	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)	3-22, 23; 7-8, G-6, A-17, 34;
Penyelenggaraan	6-16	Sekolah Agama Negeri	7-8
Peruntukan dan perbelanjaan	6-16, 20; 7-17, G-2, A-20	Sekolah Amanah	E-18, 21, 24; 7-22, 24, 26, 27; 8-12; G-8, A-32, 34
Prauniversiti	6-21	Sekolah <i>Conforming</i> Cina	7-16, 19; A-2
Sekolah kurang murid	4-20	SJK	E-27; 3-6; 4-1, 3, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 18, 20, 21; 8-5, 6; A-1, 2, 33
Sekolah luar bandar	4-26, 6-11	SJK Cina (SJKC)	E-1, 8; 3-6, 19, 21, 22, 23, 24; 4-3, 14, 16, 18, 19, 20; 7-19; G-3, 7; A-1, 2, 18, 26, 28

SJK Tamil (SJKT)	E-8; 1-2; 3-6, 19, 21, 22, 23, 24; 4-3, 14, 16, 18, 19, 20; G-3, 7; A-1, 2, 13, 26	Keperluan	
SK	E-8; 2-7; 3-2, 19, 21, 24; 4-11, 13, 21; 7-2, 6, 10, 16, 19, 24; 8-4, 6; G-7; A-1, 4, 8, 9	Guru	3-16, 4-4, 6; 5-1, 10, 19, 20; 6-8, A-9, 10, 16
Sekolah kurang murid	4-16, 19; 6-21, 22, 25; 7-27, 8-12, G-7, A-20, 21, 26, 31-34	Kelulusan/kelayakan	E-16, 7-5, A-35
Sekolah luar bandar	E-8, 24, 26; 3-13, 17, 19; 4-9, 26; 5-5, 13, 14, 18, 19; 6-11, 21, 22, 25; 7-17; A-2, 21, 36	Kepimpinan sekolah	5-9, 20; 6-8, 8-6, 7
Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)	1-2, 13; 3-9, 21, 22, 23; 4-6; 7-2, 8, 18, 19, 20, 21; G-3, 7; A-2, 9, 9	Kewangan	E-28, 4-26, 6-11, 12; A-21
Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)	3-21, 22, 23; 4-6; 7-8, 12, 14, 19, 20; 6-7, A-17	Murid	E-1, 9, 13-17, 21, 24, 27, 32; 3-4, 16; 4-1, 2, 4, 7, 3-19, 22-24, 27; 5-19, 6-11, 14, 16, 18, 20, 22-26; 7-1, 3, 6, 12, 15, 17, 27; 8-2, 5, 7, 10; G-5; A-9, 11, 18, 21, 33, 34
Sekolah Mubaligh	1-2, 7-16, 18, 19	Negara	E-1, 2-1, 4-7, 7-15, 8-6
Sekolah Pedalaman	4-20, 6-20, 7-17, 27	Pembangunan profesional	E-16, 5-11, 16; 6-13, A-19
Sekolah Seni	E-13, 7-2, 10, 13, 14, 15, 27	Rakyat/komuniti	E-10, 24; 1-2, 2-1, 4-20, 23; 7-7, 8, 10, 12, 25; A1, 18
Sekolah Sukan	E-13, 7-2, 10, 13, 14, 15, 27	Sekolah	E-18, 20, 21, 22; 3-16, 24; 4-17, 18, 20, 24, 26, 28; 5-2, 16; 6-1, 3, 5, 6-14, 16-18, 20-22; 7-14, 14, 16; 8-7, 9; A-10, 20, 34
Sekolah Wawasan	3-21, 4-19; 7-19, 20, 28	Sistem pendidikan	E-12, 28; 1-7, 3-16, 4-8, 13, 14, 23; 5-12, 6-4, 7; 7-1, 5, 7, 13, 14; 8-3, 6, 10, 13; G-6; A-3, 4, 9, 15, 36, 38
Jurang pencapaian	E-3, 5, 8, 11, 13; 1-4, 2-2, 4; 3-17, 19, 20, 21; 4-25, 26; 7-25	Kerohanian	E-11, 12; 2-6, 7, 8; 4-3, 8-1, A-17
Keberhasilan murid	E-7, 8, 10, 11, 13, 14, 16-20, 22, 23, 24, 25, 28, 30, 32; 1-2, 4, 7; 2-2, 4, 5; 3-15, 17, 19, 20, 21, 27, 28; 4-8, 21, 29; 5-1, 2, 9, 10, 11, 17; 6-5, 10, 11, 12, 22, 26; 7-24, 27; G-8; A-4, 19, 20, 21, 36.	Key Performance Indicators (KPI)	E-21, 23, 28, 30; 4-10, 24; 6-7, 8; 8-7, 11, 12; G-3; A-21, 24, 36
Kecekapan	E-3, 5, 10-12, 18-24, 29, 30; 1-4, 6; 2-1, 2, 5, 8; 3-1, 16, 24; 4-10-14, 26; 6-4, 11-14, 20, 21, 23; 7-17; 8-3, 4, 7, 10, 11, 13; G-4-6; A-3, 4, 8, 16, 19, 23, 33, 34	Khidmat komuniti/masyarakat	E-16, 7-13, 18-21, 27; A-18, 34
Kedah (rujuk negeri)	E-21, 29; 1-6; 3-17; 4-26; 6-7, 8; 7-9; 8-13; A-5, 8, 9, 11	Komuniti	E-7, 11, 16, 18, 20, 23-25, 28, 32; 1-2, 4, 7; 2-5; 3-19; 4-10, 11, 17-23, 27; 5-6, 17; 6-25; 7-6, 18, 21, 22, 24-27; 8-2, 9, 14
Kejayaan segera	6-11, 13	Kualiti	E-3, 5, 9, 10, 12, 17, 21, 23; 1-2, 4, 2-2, 3; 3-1, 5, 15; 4-26; 6-1, 11, 19, 21; 7-17, 22, 26; 8-1, 3, 4, 6; A-3, 4, 16, 17, 21
Kelas pemuliharaan	E-15, 4-13, 15, 27; 7-21, 8-6, 9; A-33, 34	Bahasa	4-11, 13, 15, 16; A-22, 33
Kelas peralihan	E-15, 4-13, 15, 21; 9-3	Guru	E-12, 16, 17, 19, 24, 26, 32; 1-4, 7; 3-16; 4-26; 5-1, 2, 3, 5, 6, 11, 12; 6-7; 8-7; A-9, 16, 19, 34
Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)	E-3, 1-2, 3-5, 8, 24-27; 5-8, 6-10	ICT	E-18, 21, 22; 6-22, 23; 7-15; 8-9
Kemahiran berfikir (rujuk HOTS)	E-11, 12; 2-5, 7, 8; 4-1, 2, 9; 5-15; 8-1	JNJK (rujuk Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti)	
Kemahiran berfikir aras tinggi	E-5, 12, 13, 16, 25, 27, 29; 2-3, 5; 3-5, 11, 15; 4-1, 3, 4, 6-8; 5-3, 5; 6-21, 24, 25; 8-4-6, 13; A-10, 22, 33	Kepimpinan	E-19, 20, 27; 4-26; 5-19; 6-7; 8-5, 7, 14; A-3, 36
Kemahiran memimpin	E-4, 11, 15; 2-5, 7, 8; 6-8	Kurikulum dan pentaksiran	4-5, 16-18
Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	3-2, 26; 6-10, G-4; 25, 26	Murid	E-4, 11, 16; 4-1, 16, 17, 23; 7-12, 14, 18
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)	4-7, 10; G-4, A-24	Pembangunan dan infrastruktur	1-5, 3-27, 6-16, 18; 8-7, A-3
Kepelbagaian		Pengajaran dan pembelajaran	E-17, 18, 28; 4-6, 5-2, 14, 17; 7-21, 27; A-22, 33
Budaya dan warisan	E-8, 14; 2-7, 3-21, 4-11, 7-19	Sekolah	E-13, 3-16, 4-19, 20, 21; 6-10, 7-5, 7, 15, 21, 24; 8-8, A-16, 35, 37
Guru	3-24	SKPM (rujuk Standard Kualiti Pendidikan Malaysia)	
Kaji selidik	7-20, A-30	STEM	E-13, 27; 4-8-10; 8-5, 6
Kumpulan etnik	E-8, 2-7, 3-21, 24; 4-3, 7-18	Teknik dan Vokasional	E-13, 4-17, 7-8, 11, 12; 8-4, A-33, 38
Kursus pendidikan vokasional	7-12	Kumpulan fokus	1-3, 4, 5; 5-1, 6; A-8, 9
Laluan pendidikan	7-7	Kumpulan minoriti	E-13, 27; 4-16, 7-27, 8-5, 7, 9; G-12, A-18
Murid	2-4, 3-21, 28; 4-17; 7-7, 18, 28	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)	E-8, 3-4, 20; 6-10, 7-17, 26; G-4
Peluang kerjaya	4-10, 7-7	Kurikulum	E-4, 5, 13, 18-27; 1-5, 3-15, 20, 21, 23, 28; 4-4, 5, 7, 9, 9, 15, 20, 29; 5-15, 16-19; 6-2, 7, 18, 20, 21, 24; 7-11, 18-21; 8-6, 9; A-10, 16, 21, 22, 34
Pengalaman dan nilai	E-11, 2-2	Agama	E-16, 3-21, 7-8, 12, 14, 18, 21; A-17, 33
Perpaduan/identiti nasional	E-8, 12; 2-1, 4; 4-3, 7-18	Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK)	4-5, 6; 6-2, 7, 9, 10; G-1, A-34
Prestasi	3-11	Bahasa	E-15, 17; 4-10, 11, 22
Sekolah	3-1, 23; 7-19	Bertulis	4-2, 3, 4, 5, 24
		Diajar	4-2, 3, 4, 5,
		Ditaksir	4-2, 4, 5,
		IPG/Matrikulasi	E-16, 5-5, 12, 13; 6-1, 7-15, 8-5, 7, 9

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)	1-2, 3-21, 4-2	Matrikulasi	E-13, 22, 27; 1-2; 4-10; 6-2, 4, 7, 18; 7-2, 3, 10, 15; 8-5, 9; A-3, 31, 33
Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR)	1-2, 3-21, 4-2	Metodologi	E-9, 32; 1-7; 3-7, 9, 12; A-5, 6, 8, 9, 10, 12, 28, 29
Kurikulum dan pentaksiran	E-19, 32; 1-4-7; 4-1, 2, 4, 5, 8, 25; 5-11, 12; 6-22, 8-6, 9; A-12, 17, 33, 34;	Negeri	
Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)	E-13, 17, 27, 29; 4-2, 7, 8, 10; 8-5, 6, 9	Johor	E-7, 1-6, 3-13, 17; 4-25, 28; 7-9, 24; A-8, 11, 15, 25, 26
Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)	E-13, 17, 27, 29; 4-2, 7, 8, 10, 22; 8-5, 6, 9	Kedah	3-13, 17, 18; 4-26; 6-7, 8; 7-14; 8-13; A-5, 8, 9, 11
Orang Asli	4-22, 23; A-18	Kelantan	1-6, 3-13, 17, 18; 4-25, 7-9, A-11, 26
Pendidikan khas	4-16, 17, 18; 7-10	Melaka	1-6, 3-18, 5-12, A-11, 24, 26
Pintas	4-23, 7-12	Negeri Sembilan	1-6, 3-8, 5-10, A-8, 25, 36
Prasekolah	7-6	Pahang	1-6, 3-17, 18; 7-14; A-11, 26
Sekolah amanah	7-25, 26	Perak	E-7, 1-2, 3, 6; 3-17, 18; 4-16; 7-14; A-11
Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)	E-15, 17; 4-13, 14, 15; 7-20, 8-6	Perlis	3-17, 18; 7-14
STEM	E-13, 27; 1-4, 3-7, 9; 4-8, 10; 8-5, 6	Pulau Pinang	1-2, 6; 3-17; 4-25; 6-11, 14; 7-14, A-11, 28
Teknik dan vokasional (TVET)	4-3, 17, 18, 22; 7-8, 9, 11, 12, 13; 8-8	Sabah	1-6, 3-17, 18; 3-19, 20, 24, 27; 4-21, 22, 23, 26, 27; 6-7, 8, 11, 20; 7-14; 8-13; A-1, 2, 3, 8, 9, 10, 11, 25, 29
Laluan		Sarawak	E-7, 8, 18, 21; 1-6; 3-13, 17, 18, 19, 27; 4-19, 21, 22, 25, 26; 6-11, 20; 7-14, 24; A-1, 2, 9, 11, 24
Alternatif	2-4, 4-14, 7-9	Selangor	1-5, 6; 3-17, 18; 4-25; 5-10; 6-5, 11, 19; 7-16, A-8, 9, 11, 12, 25, 26, 28, 11
Kerjaya guru (laluan pantas)	E-16, 17, 19, 25; 5-2, 5, 8, 12, 13, 15-17, 20; 8-5, 7, 9; A-19, 34, 37	Terengganu	1-5, 6; 3-17, 18; 4-25, 27; 7-24; A-8, 11, 26
Kerjaya kepimpinan	E-17, 19, 5-17-19; A-36	WP Kuala Lumpur	1-2, 3-17, 18, 19; 5-10; 6-19, A-25, 26, 28
Kerjaya murid	4-17, 7-7	WP Labuan	1-6, 3-17, 18; A-11
Pembelajaran murid/pintas	E-13, 4-17, 7-13, 28; 8-9, G-4, 4-34	WP Putrajaya	1-6, 3-17, 18; 4-24, 25, 28; A-11
Pendidikan akademik	E-13, 17, 27, 32; 1-7, 2-3, 20; 7-1, 2, 7, 8, 10-15; 8-10; A-17, 33	Nisbah murid-guru	3-2; 5-2, 6, 7, 9,
Laporan tahunan	E-18, 28; A-7	<i>Non-Governmental Organisation</i> (NGO)	E-18, 23; 4-10, 16, 18; A-4, 18, 15, 27
Latihan berasaskan sekolah	E-19, A-19	Numerasi	E-11, 13, 24, 27, 28; 1-2; 2-5; 3-5; 4-1, 7, 15, 21, 22, 23; 6-5; 8-5, G-4, A-4, 18, 35,
LINUS	E-15, 17, 27, 29; 4-1, 7, 10, 13, 15, 20; 6-3, 5, 8; 7-21, 8-5, 7, 13; G-4, A-4, 9, 18, 22, 33, 35	Orang Asli	E-13, 1-5, 3-4, 4-16, 21, 22, 23; 7-6, 27; G-3, 7; A-9, 18, 28, 33, 34
Literasi	E-4, 11, 13-15, 17, 24, 28, 29; 1-2, 7; 2-5; 3-3, 5; 4-1, 3, 7, 10, 13, 15, 21-30; 6-5, 8; 7-21, 26, 27; 8-7, 13; G-4; A-4, 18, 22, 33, 35	OECD	E-1, 3, 5, 6, 23, 32; 1-2, 3, 4; 2-4, 5; 3-5, 8-11, 21, 24-26; 4-6, 8; 5-2, 6, 8, 9; 7-4, 22, 23; 8-2; G-5, 6; A-5, 7, 8, 13, 30
Maklum balas	E-12, 18, 24, 25, 26, 30; 1-4, 6, 7; 2-1, 4, 5, 16; 4-4, 6, 7, 10, 14, 16, 27; 6-2, 10; 7-8, 19; 8-11, 12, 13; 8-5, 6, 8; A-9, 10-16, 24, 27, 28, 34	Panel Penilai Bebas	1-5, 6, 7; 8-13; A-5, 6, 12, 13
Makmal pendidikan	1-5, 6; A-5, 6, 12	Pegawai Kementerian	E-3, 12, 26, 27, 30; 1-1, 4-6; 6-9, 25; 8-5, 10, 12; A-8, 9, 10, 34
<i>Malaysia Qualifications Agency</i>	5-5, 6; 7-6, G-4	PPD	E-18, 19, 20-24, 26-29; 1-2, 5, 6; 3-25, 26; 4-1, 5-6, 20, 23-30; 5-8, 11, 12; 6-1, 2, 3, 5-10, 14, 20, 26; 7-26; 8-5-10; G-1, 6; A-7, 9, 21, 26, 33, 34, 36,
Mata pelajaran		Pelaksanaan	E-3, 12, 15-18, 22-30; 1-7; 2-4, 5-8; 2-1, 2-5; 3-28; 4-2, 3-7, 1-, 13-16, 26, 27, 29; 5-1, 12, 17; 6-1, 2-16, 22, 24, 25; 7-5, 11-14, 18, 21, 24; 8-1, 2-14; A-1, 2-8, 12, 14, 16, 28, 20, 30-33, 36
Bahasa Inggeris	E-14, 15, 17, 18, 22, 27, 28, 29; 2-3, 5, 7; 3-6; 8, 9, 14, 15; 4-1, 3-5, 7, 9-16; 5-10, 12; 6-7, 8, 12; 7-15; 8-4, 5-7, 9, 10, 13; G-1, 2, 4; A-1, 2, 12, 18, 22, 23, 33, 34, 35, 36	Pelan penggantian	E-23, 8-7, 10
Bahasa Malaysia	E-11, 14, 15, 18, 22, 7, 28; 2-3, 4, 5, 7; 3-6, 8, 9, 14, 15, 23; 4-1, 3, 7, 9-16, 21, 24; 5-12; 6-8; 7-11, 18, 20, 21; 8-5, 6, 7, 9, 10; G-3, 4; A-1, 2, 4, 18, 22, 23, 33, 35	Pelan tindakan	E-30, 1-4; 4-4, 8, 10, 13, 17, 19, 22-25, 29; 5-10, 14; 5-17, 6-5, 11, 16, 18, 21, 21, 22; 7-5, 10, 16-18, 20, 24; 8-1, 2; A-4, 13, 18
Matematik	E-4, 5, 6, 10, 11, 13, 17, 18, 22, 27; 1-2, 5, 7; 2-3, 4, 5-11, 13-15; 4-3, 5, 7-10, 14, 23, 24; 5-12; 6-8, 12, 16, 24; 7-7, 10; 8-4, 5, 6; G-6, 7, 8, 30, 33	Pelbagai bahasa	7-19, A-23
Sains	E-4, 5, 6, 10, 11, 13, 17, 18, 22, 27; 1-2, 5, 7; 2-3, 4, 5-11, 13-15; 4-3, 5, 7-10, 14, 23; 5-3, 5, 10, 12, 15; 6-12, 16, 21, 22, 24; 7-7, 8, 10, 12, 13, 14; 8-5, 6; G-4, 6-8; A-2, 4, 7, 10, 24, 30, 33		

Pelibatan		Guru	E-13, 18, 24, 28; 5-10, 13, 17; 7-24; A-35, 36, 38
Ibu bapa	7,11,13,18, E-1,2, 3, 8, 11-15, 18, 22-27, 29-32; 1-1, 4-7; 2-1; 2-4, 5; 3-16, 20, 21; 4-7, 8, 10, 13, 15-16, 19, 20, 23, 27-29; 5-6, 17; 6-1, 2, 7, 19, 21-22, 25; 7-1, 3, 5, 7-11, 13, 14, 18 -28; 8-2, 6, 9, 12, 13; G-5; A-9, 12, 15, 16, 25, 33, 34	Staf	5-17
Industri	E-13; 2-1; 3-15; 4-7; 7-2, 7-9, 12-15, 27; 8-8, 9; A-2, 9, 11, 17, 38	Pensijilan	E-17, 19; 5-12, 13; 8-10; A-35
Komuniti	E-7, 11, 16, 18, 20, 21, 23-25, 28, 32; 1-2, 4, 7; 4-19; 7-11, 18, 21, 24, 27	Pentaksiran antarabangsa	
Pihak berkepentingan	E-11, 12, 24, 26, 28, 30; 1-1, 4, 6; 2-1; 3-16; 4-8, 16, 19, 20, 28; 5-1, 18; 6-1, 2, 5, 7-9, 19; 7-18, 24-26; 8-1, 2, 12-14; G-2; A-5, 6, 9-12, 15, 27	<i>Trends in International Mathematics and Science Study</i> (TIMSS)	E-5, 9-13, 27; 1-5, 7; 2-2, 3, 4, 5; 3-5, 7-9, 11, 12, 14; 4-7; 8-10; 8-3, 5, 6; G-8; A-21, 30, 31
Sektor swasta	E-13, 16, 18, 23-24, 27, 32; 1-7; 3-15; 4-10,18, 23; 5-8, 10; 7-5, 7-10, 12-15, 22, 24-28; 8-3, 5, 8; A-4, 12, 15, 33, 34, 37, 38	<i>Programme for International Student Assessment</i> (PISA)	E-5, 6, 9-13, 20, 23, 27, 30; 1-2, 3-5, 7; 2-2, 3-5; 3-5, 7-12, 16, 21, 27; 4-8; 7-22, 23; 8-3, 5, 6; G-6, 8; A-8, 21
PEMANDU	E-3, 1-6; G-5; A-12, 35, 37	Pentaksiran berasaskan sekolah (PBS)	E-13,17, 19, 24, 26; 3-6; 4-1, 2, 3, 4, 6, 9; 5-11, 13; 6-2; 7-2; 8-6, 10; G-5, A-7, 33
Pembangunan menyeluruh	E-3; 1-6; 6-5; A-12, 33, 35	Penyampaian	E-16, 21, 22, 27; 1-2, 7; 3-24; 4-4, 5, 6, 8, 11, 3-15, 20, 5-16; 6-1, 2, 4, 7, 10, 13, 18
Pembelajaran berasaskan sekolah	E-23; 5-11; 7-28	Keupayaan	E-18, 22, 32; 1-7; 4-19, 25
Pembiayaan	4-16,19; 5-9; 6-11, 13, 14; 7-8, 12, 17, 24, 26, 27; A-21, 38	Kapasiti	E-22; 1-4
Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+)		Peperiksaan awam	
(Lihat juga Program Transformasi Daerah)	4-1, 9, 25, 27; 6-7, 8; 7-17; 8-5-7; G-6; A-36	Penilaian Menengah Rendah (PMR)	E-14; 3-5, 6, 11, 14, 15, 20; 4-2, 3, 4, 7, 11, 12; 7-2, 9; G-6; A-7
Pemimpin sekolah	E-1, 3, 12, 20, 22, 26, 27, 32; 1-1, 7; 2-5; 4-18, 20, 21, 23, 26-30, 5-1, 2, 4, 6, 8, 10, 12-20; 6-3, 22; 7-16, 17, 24; 8-5, 10; G-3, 8; A-3, 9, 10, 13, 15, 16, 21, 33	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	E-8, 13-15, 17; 3-5, 6, 13-15, 17-21; 4-2, 3, 4, 6, 10-15, 23, 25; 5-3, 4, 16; 7-2, 9, 10, 11; 8-2, 4, 6, 9; G-7; A-2, 3, 7, 22, 38
Penaziran sekolah	3-16; 6-8	Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)	3-6; 7-2, 3, 10, 12; G-7; A-33
Pencapaian antarabangsa	E-7; 1-3	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)	3-6; 4-10; 7-2, 3,10, 12; G-7; A-33
Pendidikan formal	E-3, 2, 3; 7-3, 6	Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)	E-7, 8, 13,14; 3-5, 6, 13, 15, 17-20; 4-2-4, 11, 12, 19, 21, 23, 25, 28; 7-2, 9, 21; 8-6, 9; G-8; A-7, 22
Pendidikan Islam	3-6, 14, 15; 4-3; 6-21; 7-8; A-6, 34	Perbelanjaan	
Pendidikan Moral	E-4, 16, 17; 2-3; 3-6, 14, 15; 4-3; 7-18, 19, 21; A-17, 18, 34	Perbelanjaan pembangunan	E-3, 28; 3-2, 24-26; 6-11; 7-16; G-2; A-7
Pendidikan prasekolah	E-4, 9, 13, 32; 1-7; 3-12, 26; 4-21; 7-3-5, 28; A-3, 18, 37	PADU	E-30; 8-11; G-5
Pendidikan teknikal	7-8, 10, 13	PERMATAPintar	4-23; 7-10; G-5
Pendidikan vokasional	E-13, 17, 27; 2-4; 7-7-10, 12-15, 28; 8-4, 5, 8, 9; G-2; A-7, 17, 33, 34	Permuafakatan	5-10, 17; 8-12; A-5, 6, 25, 26
Pendidikan wajib	E-14, 17; 7-5, 6, 28; A-33	Pilihan pendidikan swasta	
Penempatan semula	4-14, 19-21; 5-2, 12, 13	Sekolah swasta	E-3, 16; 3-1, 2, 9, 14, 15, 17, 21, 23; 4-11; 7-3, 5, 8, 10, 11, 18, 19, 21
Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI)	6-12, 21; A-7, 22; G-6	Sekolah antarabangsa	3-15, 23;; 7-8, 10, 11, 18, 19; A-33, 38
Pengetahuan	E-2, 4, 5, 11-13, 27, 29; 1-1; 2-1, 3; 2-4-8; 3-8-11, 28; 4-1-4, 6, 8-10,17, 19; 5-3, 5-9, 18; 6-21, 23-24, 7-7, 10-12, 19, 20, 22, 23; 8-5-9; A-3, 4, 17, 33	Sekolah agama	E-8, 13; 1-2, 5, 6; 3-9, 23; 4-12; 7-2, 7, 8, 11, 12, 14, 16, 18, 19; G-6; A-9, 17, 33, 34
Pariti kuasa beli	E-9, 3-5, 11, 12, 25, 27	Sekolah agama persendirian	7-8, 11, 12, 14; A-9, 17
Penghayatan nilai	1-1	Pintar cerdas	E-13, 27; 1-7; 2-4; 4-7; 16, 23, 24; 6-22, 25; 7-6, 7, 10, 12, 13, 15, 27; 8-5, 9; G-5; A-34
Pengurusan berasaskan sekolah	E-18, 21, 24, 26, 27, 29; 3-16; 4-29; 5-17; 6-10; 8-5, 6, 10; A-34	Prestasi terbaik	2-4; 3-6, 8; 4-28; 7-3; A-8
Pengurusan data	E-19; 4-23; 6-9, 25; 8-9	Produktiviti sumber	E-32; 1-7; 6-1, 9, 10, 14, 20, 22, 26; A-33
Pengetua (lihat juga Pemimpin Sekolah)		Program Integrasi Pendidikan Khas	1-5, G-6
Guru Besar (lihat juga Pemimpin Sekolah)		Program peningkatan sekolah	4-24; G-7
Staf	5-8, 16, 17	Program Transformasi Daerah	E-27; 4-25; 6-7, 8; 7-17; 8-5, 7; G-6; A-36
Penilaian Menengah Rendah (PMR) (rujuk Peperiksaan Awam)		SIPartner+	E-20, 29; 4-25, 26; 5-18, 19; 6-8; 7-17; 8-7, 13; G-7, 35
Peningkatan kemahiran			

SISC+	E-29; 4-1, 5, 6, 9, 25, 26; 5-5, 11, 12; 6-8; 7-17; 8-6, 13; G-6; A-19, 33	Semakan	
Program Transformasi Kerajaan (GTP)	E-3, 4, 21, 28, 32; 1-2, 6; 3-3; 5-11; G-2; A-4, 7, 12, 35, 36	Infrastruktur	4-9, 6-9,
<i>Public-Private Partnership</i>	G-6; A-38	Kewangan	E-18, 6-11, 13; A-10
Pulangan atas pelaburan	E-24, 27; 6-1, 11, 22, 26; G-6	Kurikulum	E-2, 29; 4-4, 7, 8, 9, 10, 16; 8-5, 9, 14; A-33, 34
Rancangan Makanan Tambahan (RMT)	3-4; G-6	Latihan	5-15
Rakyat	E-2, 3, 4, 10, 11, 15, 17, 28, 30, 32; 1-1, 2, 4, 6; 2-1, 3, 7; 3-3, 15, 16, 21; 4-11, 14, 3; 6-1, 10; 7-8, 11, 17, 19, 23, 25; 8-1; G-2, 2, 5, 10, 11, 13, 16, 23, 25, 26, 27	Pencapaian	E-28, 4-29, A-3, 10
RIMUP	E-9, 16, 17; 3-21; 4-3, 7-18, 20, 21; G-6; A-18, 34	Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)	7-2, 9; G-7
Rukun Negara	E-12; 2-7; 7-19, 20; G-6	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (rujuk Peperiksaan Awam)	
Sabah (rujuk Negeri)	E-8, 18, 21, 29; 1-6; 3-17, 18-20, 27; 4-21, 22, 25; 4-26, 27; 6-7, 8, 11, 20; 3-14; 8-13; A-1, 2, 5, 8-11, 25, 26, 28	Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (rujuk Peperiksaan Awam)	
Sasaran	E-4, 13, 18, 23, 24-28, 30; -6; 4-7, 8, 11, 12, 15, 16, 19, 25, 27-29; 5-6; 6-5, 9, 13, 18, 20, 25; 7-4, 5, 6, 14, 25, 26; 8-5, 11, 12; A-4, 12, 17	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) (rujuk Peperiksaan Awam)	
Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)	E-13, 27, 32; 2-1; 4-7, 8-11; 7-7; 8-5, 6, 8, 9; G-7	SiPartner+ (lihat juga Program Transformasi Daerah)	
Saiz kelas	3-2; 4-27; 5-6, 7, 9, 10, 12; 6-20; A-20	SISC + (lihat juga Program Transformasi Daerah)	
Sarana		Sistem pembelajaran	E-24; 6-16; 7-1, 22, 24, 25, 27, 28
Ibu bapa	E-18, 24, 29; 4-20, 23; 8-8, 12, 13; A-33	Sistem sekolah	3-8, 14, 15, 23; 4-25; 5-2, 14; 7-24, 27; 8-2, 3, 10; A-21,
Sekolah	4-20, 26; 7-14	Sivik	E-15; 2-7; 3-21; 4-3; 7-19, 20, 21, 24; A-2
Sekolah		Skala sejagat	E-9, 23; 3-7, 11, 12; 8-3; G-8; A-30, 31
Sekolah anugerah khas	4-24	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM)	3-15, 5-9, G-7
Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)	E-7, 29; 3-11, 13, 20; 4-19, 24, 25; 5-14, 16, 17; 6-2; 8-13; G-2, 6; A-4, 21, 33, 35, 36	Status sosioekonomi	E-2, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 23, 27; 1-1; 2-2, 4, 7; 3-17, 20, 21, 28; 4-9; 5-5; 6-11; 7-1, 17, 18, 20, 21, 23; A-18, 30
Sekolah kluster	E-21; 3-11; 4-24; 5-16; 6-10	<i>Teach for Malaysia</i>	5-10; G-8
Sistem Pengurusan PBS	5-11, G-7	Telus	E-18, 21, 25, 26, 28; 5-14; 6-13; 7-15, 16-18; 8-7, 12
Sekolah berprestasi rendah	E-20, 21, 26, 27; 4-21, 25, 27, 28; 5-18, 19; 7-17; 27; 8-5, 7; A-21, 33, 36	Temu bual	E-3; 1-4, 5; 3-15, 20; 4-21; 5-1; 6-2; 7-8; 8-2; A-8, 9, 10
Sekolah bestari	E-21; 6-16, 21, 22; G-7	Tingkatan 6	E-13; 3-6; 4-10; 5-5, 16; 6-18; 7-13, 15; 8-8; G-8; A-33
Sekolah dua sesi	6-19, 20, 21; A-20	Transformasi	
Sekolah kebangsaan (lihat juga jenis sekolah)		GTP (rujuk Program Transformasi Kerajaan)	E-3, 28; 1-2; 5-1; G-2; A-4, 7, 35
Sekolah kerajaan (lihat juga jenis sekolah)		Guru/IPG	E-16, 17; 5-5, 10; A-34
Sekolah kluster (rujuk Sekolah Anugerah Khas)		ICT	6-21, 22, 24, 25
Sekolah kurang murid (SKM) (lihat juga jenis sekolah)		JPN/PPD	E-23, 27; 4-25, 28; 5-11; 6-1, 7, 8; 8-5, 7, 8, 10; G-8, A-36
Sekolah luar bandar (lihat juga jenis sekolah)		Kementerian	E-18, 22, 23, 27, 30; 1-7; 4-29, 30; 6-1, 2, 5, 6, 7; 8-5, 10, 12; A-12, 33
Sekolah menengah kebangsaan (SMK) (lihat juga jenis sekolah)		Keperluan khusus	4-22, 23, 26
Sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) (lihat juga jenis sekolah)		Kewangan	E-24, 28, 32; 6-1
Sekolah Menengah Persendirian Cina	1-5; 3-21, 23; 7-11, 19; A-2	Kurikulum	4-4, 15
Sekolah mubaligh (lihat juga jenis sekolah)		Sistem pendidikan	E-2, 3, 10, 12, 17, 25, 27, 28, 30; 1-1, 4, 6, 7, 8; 2-1; 6-11, 26; 7-16, 17, 24; 8-1, 2, 3, 4, 5, 10, 11, 14; A-5, 21, 32
Sekolah pendidikan khas	1-7; 3-23; 4-14, 17, 18; 6-18; 7-2, 12, 18, 19, 26	Tingkatan 6 (rujuk Tingkatan 6)	6-18; 7-13; 8-8; A-33
Sekolah satu sesi	6-16, 19-21; A-18, 32	Vokasional	7-7, 8, 9, 10, 11, 13; A-7, 17
Sekolah seni (lihat juga jenis sekolah)	6-15, 17, 20, 21; A-18, 32	<i>Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)</i> (lihat juga pentaksiran antarabangsa)	
Sekolah sukan (lihat juga jenis sekolah)		<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO)</i>	E-1, 3, 9, 21, 32; 1-4, 5, 6; 3-3, 12; 4-2, 4; 6-2, 3, 21, 22, 24; 7-19; 8-2, 4; G-8; R-1, 2, 4; A-5, 6, 7, 8, 10
Sekolah wawasan (lihat juga jenis sekolah)		Universiti	E-3, 8, 16, 27, 32; 1-2, 4, 6, 7; 3-2, 6, 7, 20; 4-2, 6, 14; 5-5, 6, 10, 15; 6-2, 16, 21; 7-3, 10, 12, 13, 15, 24; 8-5, 9; R-3, 4; A-3, 5, 6, 9, 10, 12, 22-27
Sektor swasta	E-11, 18, 23, 24, 27, 32; 1-7; 3-15; 4-10, 18, 23; 5-8, 10; 7-5, 7-13, 15, 22, 24 -28; 8-3, 5, 8; A-4, 12, 15, 33, 34, 37, 38	Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) (rujuk Peperiksaan Awam)	
		VLE (rujuk 1BestariNet)	5-12; 6-22, 23, 25; 8-7; G-1, 8

RUJUKAN

SENARAI LAPORAN, JURNAL, DAN LAMAN SESAWANG

Abdul Rashid Mohamed et al (2011), Penilaian Terhadap Struktur Persekolahan Dan Jenis Sekolah di Malaysia

Barber B. (2010), *Deliverology 101: A Field Guide For Educational Leaders*

Barber M. (2009), *Impossible and Necessary*

Barro R.J. and Lee J.W. (2010), *World Bank EdStats*

Center for International Education Benchmarking (2012), laman sesawang

Department for Education (United Kingdom), laman sesawang

Department of Education & Training (New South Wales), laman sesawang

Department of Statistics (2010), *Population Distribution and Demographic Characteristics 2010*

DuFour R., Eaker R. and Many T. (2008), *Learning by doing - a handbook for building professional learning communities*

Education Bureau (Hong Kong), laman sesawang

Education Bureau (Shanghai), laman sesawang

Fullan M. (2010), *Leading professional development*

Kulik J. (2003), *Effects of using instructional technology in elementary and secondary schools: What controlled evaluation studies say*

Malaysian Science and Technology Information Centre (MASTIC) (2008), *Public Awareness study 2008*

International Association for the Evaluation of Educational Achievement (IEA) (2000), *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)*

International Association for the Evaluation of Educational Achievement (IEA) (2004), *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)*

International Association for the Evaluation of Educational Achievement (IEA) (2008), *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)*

International Association for the Evaluation of Educational Achievement (IEA) (20012), *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)*

Marzano, Robert J., Timothy W. and McNulty B.A. (2005), *A "meta-analysis" of 69 studies of school leadership conducted between 1978 and 2001, involving an estimated 14,000 teachers and 1.4mn students*

Massachusetts Department for Elementary and Secondary Education, laman sesawang

McKinsey & Company (2010), *How the World's Most Improved School Systems Keep Getting Better*

Md Nor et al. (2011), *Dropout Prevention Initiatives for Malaysian Indigenous Orang Asli Children*

Ministry of Education (2012), Vocational Education Transformation Plan

Ministry of Education & Culture (Finland), laman sesawang

Ministry of Education (1960), Rahman Talib Report

Ministry of Education (1994), Framework for Action on Special Needs Education

Ministry of Education (2006), Education Development Master Plan (PIPP) 2006-2010

Ministry of Education (2010), Malaysia Educational Statistics

Ministry of Education (2010), Quick Facts

Ministry of Education (2011), Annual Report,

Ministry of Education (2011), Malaysia Educational Statistics

Ministry of Education (2011), Quick Facts

Ministry of Education (2012), Annual Report,

Ministry of Education (2012), Education System Review Principal Survey 2012

Ministry of Education (2012), Malaysia Educational Statistics

Ministry of Education (2012), Quick Facts

Ministry of Education (2012), Societal Relations Index

Ministry of Education (Ontario), laman sesawang

Ministry of Education (Singapore), laman sesawang

Ministry of Education (Taiwan), laman sesawang

Ministry of Education(1979), Report of the Cabinet Committee Reviewing the Implementation of the Educational Policy

Ministry of Education(2010), Annual Report

Ministry of Educatoin (1988), National Education Philosophy

Ministry of Finance (Indonesia), laman sesawang

Ministry of Finance (Thailand), laman sesawang

Ministry of Higher Education (2007), National Higher Education Strategic Plan (NHESP) 2007-2020

- Ministry of Higher Education (2009), Implementation plan for development of innovative human capital at tertiary level*
- Ministry of Higher Education (2011), Higher Education Statistics 2011*
- Minsitry of Education (1956), Razak Report*
- Mohd. Majid K., et al. (2012), Penilaian Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Sistem Pendidikan Negara, Kumpulan Penyelidik Institusi Pengajian Tinggi Awam*
- Noor Shah S. et al. (2011), Penilaian Kemudahan dan Prasarana Institusi Pendidikan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris*
- Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) (2008), Improving school leadership*
- Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) (2008), Teaching and Learning International Survey (TALIS)*
- Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) (2009), Learning for Jobs, Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) reviews of vocational education and training*
- Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) (2010), Improving Health and Social Cohesion through Education*
- Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) (2010), Reviews of Vocational Education and Training—Learning for Jobs*
- Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) (2010), Teachers Matter: Attracting, Retaining and Developing Teachers*
- Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) (2010, 2011, 2012), Education at a glance*
- Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) (2009), Programme for International Student Assessment (PISA)*
- Prime Minister Office (2010), Government Transformation Programme*
- Prime Minister's Office - Economic Planning Unit (2010), Model baru ekonomi untuk Malaysia*
- Prime Minister's Office - Economic Planning Unit (2010), Tenth Malaysia Plan 2011-2015*
- Prime Minister's Office - Economic planning unit, Guidelines and Rules on Development Planning by the Committee of Standards and Cos*
- Prime Minister's Office (2010), Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)*
- Prime Minister's Office (2011), Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)*
- Prime Minister's Office (2012), Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)*
- Pritchett L. (2004), Towards a New Consensus for Addressing the Global Challenge of the Lack of Education*
- Robinson K. (2010), Changing Education Paradigms*
- Robinson V., Hohepa, M. and Lloyd C. (2009), School leadership and student outcomes: identifying what works and why*

Sanders W. (2000), Value-Added Assessment from Student Achievement Data: Opportunities and Hurdles

Sanders W. and Rivers J. (1996), Cumulative and Residual Effects on Future Student Academic Achievement

Siti Esah M et al. (2011), Penilaian Kualiti Guru dan Pemimpin Sekolah, Universiti Malaya dan Universiti Sultan Idris

Statistics Singapore, laman sesawang

Subahan M.M. et al. (2011), Penilaian Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Sufean H. et al. (2011), Pencapaian Pelaksanaan Dasar-Dasar Pendidikan Malaysia, 1957 – 2011, Universiti Malaya

Teach for All, laman sesawang

The Center for Public Education (United States) (2005), Teacher quality and student achievement: Research review

Tor G.H. (2009), Measuring youth civic development in Malaysia: Conceptualisation, instrument development using the Rasch measurement model, and substantive outcomes

United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) (2005), EFA Global Monitoring Report

United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) (2009), Education For All Global Monitoring Report

United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) (2010), Education Today: Mother Tongue Dilemma

United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) (2011), Transforming Education: The Power of ICT Policies

United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) (2012), The Malaysia Education Policy Review

Woessmann L. (2002), Schooling and the Quality of Human Capital

World Bank (2011), Public Expenditure Review

Zaidatol A.L.P. et al. (2011), Penilaian Sistem Pendidikan Negara, Pengurusan dan Pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Universiti Putra Malaysia

Zakaria K. et al. (2011), Penilaian Sistem Pendidikan Negara: Sumber Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris

SENARAI PANGKALAN DATA ANTARABANGSA

Economic Intelligence Unit Database

United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO), Institute for Statistics

World Bank, World Bank Database

McKinsey & Company, Universal scale database

Dokumen Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah) diterbitkan dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Sekiranya wujud sebarang percanggahan atau kandungan yang tidak konsisten antara versi bahasa Malaysia dengan versi bahasa Inggeris, kandungan versi bahasa Malaysia tersebut mengatasi versi bahasa Inggeris dan adalah diterima pakai.

